PENYATA RASMI

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15 ,
05, 08, 09, 10, 11 & 12 DISEMBER 2025

UNIT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI PERTAMA
5 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 5 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT: MESYUARAT KE-2 PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI PAHANG KE-15	1
4.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	2 - 26
5.	RANG UNDANG-UNDANG: - RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 - BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2026	27 - 46
6.	USUL: USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026	47 - 48
7.	PENEMPOHAN	48

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 5 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama (Jumaat)	:	5 Disember 2025 (Jumaat) Bersamaan 14 Jamadilakhir 1447 Hijrah
Masa	:	9.10 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Marilah kita sama-sama memulakan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri kita dengan membaca surah Al-Fatihah dan saya mohon supaya kita sedekahkan juga al-Fatihah ini kepada yang... Allahyarham Yang Berhormat Datuk Bung Mokhtar Radin dan juga ibu kepada YB Zakhwan yang kedua-duanya telah menghembuskan nafas terakhir pada pagi ini.

Al-Fatihah [bacaan al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah, dibuka Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah Keadilan yang menanggung kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyat sekaliannya.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohon menyuluh memandukan ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 14 Ogos 2025 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi salam sejahtera, salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 14 Ogos 2025 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato Sri Speaker, saya mohon izin menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Soalannya ialah satu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 14 Ogos 2025 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila katakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

SETIAUSAHA DEWAN

Peringatan Mesyuarat disahkan dengan tiada pindaan dan dibawa untuk pengesahan Yang Berhormat Speaker.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT dengan izin-Nya, kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 di Dewan Negeri Pahang yang Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang dapat hadir pada hari ini. Walaupun masing-masing sarat dengan tanggungjawab dan tugas penting, kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian membuktikan komitmen kita dalam menjunjung amanah rakyat serta memperkukuhkan institusi demokrasi negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Umum mengetahui bahawa Dewan Negeri Pahang bersidang sebanyak tiga kali setahun sebagaimana yang telah menjadi tradisi sejak tahun 1959. Justeru,

persidangan sehari penuh ataupun lebih daripada itu ataupun hanya sehari bukanlah suatu yang luar biasa bagi Dewan Yang Mulia ini. Apa yang lebih penting ialah fungsi serta keberkesanan perjalanan persidangan bukan tempoh masanya.

Di peringkat Parlimen, terdapat pelbagai kementerian yang perlu dibahaskan. Maka sudah tentulah masa yang panjang diperlukan untuk memberi ruang kepada setiap kementerian. Namun di peringkat Dewan Negeri, ianya ibarat sebuah kementerian sahaja. Oleh itu, saya ingin menegaskan bahawa nilai persidangan kita tidak diukur pada panjang masa atau berada di dalam Dewan ini, tetapi kekuatan berhujah ketetapan dasar dan keberanian membuat keputusan demi kepentingan rakyat. Sejarah lebih enam dekad Dewan Negeri Pahang telah membuktikan bahawa meski pun persidangan berlangsung dalam waktu yang singkat, keputusan yang dicapai tetap membawa kesan signifikan kepada pembangunan negeri.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan khususnya YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, atas pembentangan Bajet 2026 yang memperuntukkan sebanyak RM470 bilion, iaitu jumlah terbesar dalam sejarah negara. Belanjawan ini bukan sahaja menjadi rekod dari segi angka, tetapi juga disusun secara holistik di bawah kerangka Ekonomi MADANI dengan tujuan untuk menarik lebih banyak pelabur, dengan tujuan untuk menarik dan menawarkan pekerjaan berkemahiran, memacu peluang perniagaan perusahaan kecil, sederhana dan besar. Melaksanakan projek-projek pembangunan yang meningkatkan kesejahteraan rakyat, serta mempastikan rakyat tidak terbeban dengan kos sara hidup. Belanjawan ini merupakan bukti iltizam kerajaan untuk mempastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif, berdaya tahan dan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

Pada masa yang sama, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar Pahang, Dato‘ Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang berjaya mencapai kutipan hasil negeri sejumlah lebih RM1 bilion pada tahun 2025. Ini merupakan tahun keempat berturut-turut pencapaian tersebut dapat dikekalkan. Kejayaan ini adalah gambaran jelas bahawa pentadbiran negeri yang berlandaskan kepada prinsip tadbir urus yang baik, tulus, berdisiplin serta mempunyai wawasan yang jelas telah membuahkan hasil yang amat membanggakan. Ia memberi keyakinan kepada... bahawa Pahang akan terus melangkah sebagai sebuah negara maju, negeri maju, makmur dan berdaya saing serta mempastikan manfaatnya dapat dirasai oleh seluruh rakyat Pahang.

Ahli-ahli yang berhormat sekalian,

Kita juga baharu sahaja menyaksikan Pilihan Raya Negeri Sabah Ke-17 yang berlangsung pada Sabtu lalu. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakyat Sabah atas komitmen tinggi mereka dalam proses demokrasi dengan mencatatkan kadar keluar mengundi melebihi 64% bersamaan 1,148,476 pengundi.

Pola politik Sabah sememangnya unik dan berbeza daripada negeri-negeri lain. Sejarah panjang politik Sabah memperlihatkan kepelbagaian parti dan gabungan serta kecenderungan rakyat untuk memberi peluang kepada pelbagai suara. PRN Sabah Ke-17 kali ini sekali lagi menegaskan bahawa Sabah mempunyai corak politik tersendiri yang sukar dijangka tetapi kaya dengan dinamik… demokrasi. Keputusan rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya bagi 73 kerusi dipertandingkan menyaksikan Gabungan Rakyat… Gabungan Rakyat Sabah memenangi 29 kerusi daripada 55 kerusi yang dipertandingkan, diikuti dengan Parti Warisan 25 kerusi daripada 73 kerusi dipertandingkan, Barisan Nasional memenangi 6 kerusi daripada 45 kerusi

dipertandingkan, Bebas berjaya di 5 kawasan UPKO dengan 3 kerusi daripada 25 kerusi dipertandingkan, STAR memenangi 2 kerusi daripada 46 kerusi dipertandingkan, masing-masing memenangi 1 kerusi yang dimenangi ialah parti KDM er… daripada 40 kerusi dipertandingkan, Pakatan Perikatan Nasional er… 1 kerusi daripada 42 kerusi yang dipertandingkan dan Pakatan Harapan dua… 1 kerusi daripada 22 kerusi yang dipertandingkan. Tahniah kita ucapkan kepada Pengerusi GRS, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor atas pelantikan sebagai Ketua Menteri pada penggal yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini juga kita berada di ambang detik yang paling penting bagi negeri Pahang apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membentangkan Belanjawan Pahang 2026. Belanjawan ini bukan sekadar komit… dokumen perangkaan kewangan tetapi ia mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam merencana pembangunan memacu ekonomi, memperkukuhkan daya saing serta mempastikan kebajikan rakyat terus menjadi keutamaan. Seluruh rakyat negeri Pahang meletakkan harapan tinggi agar Belanjawan yang akan dibentangkan nanti membawa manfaat yang jelas kepada mereka sama ada dalam soal pembangunan luar bandar, pendidikan, kesihatan mahupun penyediaan peluang pekerjaan kepada generasi muda.

Justeru itu, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk memberikan perhatian, pandangan yang konstruktif serta sokongan bagi dan mempastikan Belanjawan yang diluluskan benar-benar menjadi wadah kesejahteraan rakyat. Saya juga ingin memaklumkan bahawa persidangan Dewan Negeri pada kali ini disiarkan secara langsung melalui Pahang Media iaitu er… di atas talian Facebook Dewan Negeri Pahang, TikTok Dewan Negeri Pahang dan juga… bagi mempastikan rakyat bukan sahaja dapat mengikuti perjalanan persidangan secara telus tetapi juga dapat menilai kesungguhan kita dalam mempastikan tanggungjawab.

Oleh itu, saya ingin mengingatkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar sentiasa menjaga adab dan tatasusila sepanjang persidangan. Mengawal bahasa tuturan agar kekal sopan, berhemah serta mengutamakan perbahasan yang berfokus kepada kepentingan rakyat dan negeri. Ingatlah bahawa setiap… dan tindakan kita diperhatikan oleh rakyat secara langsung. Marilah kita sama-sama bersidang pada hari ini dengan penuh disiplin dan tanggungjawab... kejujuran dan integriti, dan mempastikan Dewan Negeri Pahang terus menjadi platform tertinggi dalam membuat keputusan yang membawa manfaat besar kepada rakyat dan negeri ini seluruhnya. Moga-moga Allah Taala akan memberikan kekuatan dan bimbingan.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan meneruskan aturan dan saya ingin memaklumkan bahawa saya akan menghadkan kepada er… soalan tambahan sebanyak dua atau tiga sahaja. Ianya member… memberikan… ianya mestilah ringkas dan padat supaya kita dapat bersidang dalam masa yang telah ditetapkan dan memberi ruang untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2026 sebentar lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin maklumkan bahawa Kertas-kertas Mesyuarat Negeri yang telah diedarkan di dalam fail persidangan adalah bersifat embargo sehingga 12 Disember 2025. Oleh yang demikian, kertas-kertas tersebut tidak dibenarkan untuk diulas dan dibahaskan sebelum tarikh tersebut. Satu lagi saya nak bagi sedikit teguran bahawa di negeri Pahang ini ada dua warna yang menjadi warna diraja iaitu warna kuning dan warna putih. Kalau warna putih ni selalunya kalau kita berkabung ya, kalau Kebawah Duli Tuanku er… tahlil ataupun ada kemangkatan,

itu kita… semua keluarga diraja akan pakai warna putih. Ini untuk maklumanlah. Jadi, saya harap rakan-rakan kita ni tak berkabunglah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Padang Tengku untuk mengemukakan pertanyaan.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Assalamualaikum WBT. Soalan saya ialah soalan nombor 1.

[Kerajaan Negeri Pahang telah menggagaskan Aspirasi Pahang 1st sebagai hala tuju pentadbiran negeri.

i) Sejauh mana gagasan itu mampu untuk melahirkan warga negeri ini sebagai insan yang terbaik dan mempunyai jati diri yang kukuh.

ii) Apakah aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan bagi merealisasikan matlamat Aspirasi Pahang 1st.]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada kesempatan ini, izinkan saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pahang dan Ahli-ahli Dewan Negeri Pahang untuk menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Berhormat ADUN Tahan atas pemergian Allahyarhamah bonda beliau, Puan Safinah binti Lebai Mahmud, pagi tadi. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin, Ahli Parlimen Kinabatangan, DUN Lamag yang baru menang yang telah meninggalkan kita pada awal pagi tadi. Semoga Allah merahmati roh kedua-dua Allahyarham.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Padang Tengku yang telah bertanyakan soalan Aspirasi Pahang 1st. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Aspirasi Pahang 1st ini bukanlah satu slogan tetapi ia adalah merupakan satu gagasan, satu gagasan besar yang telus, teliti, holistik melalui tujuh tonggak utama. Antaranya ialah memelihara agama Islam, Institusi Raja, warisan budaya kemudian er… lonjakan ekonomi, pendidikan dan TVET, pembangunan lestari, tadbir urus yang dinamik dan kita memastikan lahirnya kepimpinan masa depan yang penuh integriti.

Dan kita bukan cakap setakat itu sahaja, untuk merealisasikan perkara ini, kita telah menubuhkan Akademi Pahang 1st yang telah pun kita lancarkan, yang bertujuan untuk memastikan, melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti, berilmu dan ada semangat patriotik. Dan mereka juga bijak dalam men… meneliti, menganalisa dan melihat perkembangan-perkembangan negeri kita. Dan er… mereka ini akan kita latih, akan kita didik ialah daripada penjawat awam daripada *State GLC*, golongan belia siswa siswi supaya mereka dapat menilai fakta-fakta yang dibuat oleh kerajaan negeri ataupun keputusan-keputusan oleh kerajaan negeri supaya mereka ini tidak

diputarbelitkan oleh auta. Sebabnya kadang-kadang fakta ini dipusingkan dengan auta. Jadi kalau mereka ada semangat, ada pendidikan yang tinggi, kita melatih mereka dengan benar untuk menilai. Jadi, mereka tidak akan terpesong dan terpengaruh dengan auta kerana fakta itu lebih tepat daripada sepatutnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selaras dengan Aspirasi Pahang 1st ini, kerajaan negeri telah pun merangka dan melaksanakan pelbagai strategi, gerak kerja terancang melalui Akademi Pahang 1st sejak penubuhannya pada Julai tahun ini. Antara program utama yang kita laksanakan melalui Aspirasi Pahang 1st ialah untuk melahirkan pemimpin masa depan kerana kita tahu Akademi ini boleh memainkan peranan penting dalam membina barisan pemimpin muda yang berilmu, bersemangat patriotik. Itu yang penting tu, patriotik dan bersedia menyumbang kepada pembangunan negeri secara menyeluruh dan kita juga akan melaksanakan pendidikan kenegaraan yang sistematik iaitu di mana kita akan memberikan latihan dan pendidikan kenegaraan secara terancang kepada semua lapisan masyarakat termasuklah daripada yang saya katakan tadi penjawat awam, pemimpin masyarakat *State GLC*, NGO sehinggalah kepada golongan belia dan mahasiswa. Jadi kita hendak golongan belia dan mahasiswa ini kita didikkan mereka dengan cara yang betul dengan fakta dan sebagainya supaya mereka tidak terpesong daripada er… perkara-perkara yang tidak benar.

Yang ketiga, kita juga akan mengadakan pengukuhan melalui penye… penyelidikan di mana kita akan menubuhkan unit penyelidikan dan penerbitan di bawah Akademi yang berfungsi sebagai *think tank* untuk mengkaji isu kenegaraan dan patriotisme. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua juga dan juga seluruh Ahli-ahli Dewan, momentum pelaksanaan Aspirasi Pahang 1st ini, kita telah juga merangka satu pelan program yang komprehensif bagi tahun hadapan di mana perancangan ini dilaksanakan melalui tiga unit utama masing-masing dengan fokus dan sasaran capaian yang jelas iaitu antaranya ialah unit Pahang Patriot di mana kita akan adakan 36 siri kursus kemudian kita akan adakan 20 sesi Seminar Kesedaran dan 60 siri Program Komuniti Ngeteh Demi Negeriku dan satu Seminar Perdana sebagai acara kemuncak perhimpunan masyarakat ini. Yang kedua ialah Unit Pahang Lead di mana kita akan mengadakan dua perjumpaan alumni Akademi Pahang 1st. Satu Sesi Libat Urus bersama Pemimpin negeri Pahang. Penerusan penganjuran Seminar Tingkatan Enam, 2 siri Kursus Kepimpinan Lanjutan serta penubuhan rasmi Persatuan Alumni Pahang 1st sebagai platform jaringan kepimpinan negeri. Yang ketiga ialah Unit Penyelidikan dan Penerbitan. 2 kajian Tematik Strategik, 6 penerbitan berkala dan pembangunan sebuah Pangkalan Data Digital Akademi Pahang 1st bagi pengumpulan maklumat rujukan dan penjejakan kesan program.

Untuk makluman semua, sehingga hari ini, kita telah pun memberi latihan. Ramai juga lah ya, angka tepat saya tidak dapat, tapi lebih kurang 5,000, 6,000 lah yang kita akan beri latihan kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua. Pertama sekali saya nak ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang yang telah menggagahkan satu... satu macam fenomena barulah. Kalau kita pergi mana-mana pun orang sebut Pahang 1st, Pahang 1st merata-rata. Ini satu permulaan yang cukup baik. Cumanya saya nak tanya berkaitan salah satu teras iaitu pendidikan dan TVET yang menjadi keutamaan juga

kepada program ini. Tapi apa yang saya lihat TVET ini sebenarnya masih belum dapat sambutan yang begitu baik daripada pemuda-pemuda ataupun generasi muda kita.

Tinjauan saya di Lipis umpamanya di GIATMARA hanya ada 7 orang pelatih sahaja semasa. Di Pertanian, Institut Pertanian ada 40 orang je. Kolej Komuniti, sekarang ni tiada kegiatan ataupun dihentikan kursus er... sepenuh masa. Jadi, persoalan yang saya nak wujudkan di sini ialah apakah langkah dan inisiatif kerajaan bagi menggalakkan anak-anak muda ini menceburi bidang TVET sebagai satu usaha kerjaya di masa akan datang. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, kita juga punyai agensi-agensi pendidikan di negeri Pahang ni seperti UCYP, Pahang Skills dan juga Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. Yang saya pasti merupakan agensi yang perlu kita gembleng untuk menjayakan aktiviti pendidikan dan TVET ini.

Soalan saya ialah apakah kursus-kursus dan juga program-program latihan yang diwujudkan di institusi-institusi ini bagi melahirkan tenaga kerja yang boleh yang mempunyai pasaran yang tinggi dan berdaya saing. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Padang Tengku. Saya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Pahang 1st ini kita lancarkan secara rasmi pada bulan Julai baharu jugalah. Julai, Ogos, September, Oktober, November, baharu 5 bulan. Dan dalam masa tempoh 5 bulan tersebut, kita telah pun menubuhkan Majlis TVET Pahang iaitu sebuah badan khusus untuk menyelaras ekosistem TVET negeri. Maknanya kita cuba nak mewujudkan satu ekosistem berkenaan dengan pendidikan dan TVET ini kerana ia merupakan gagasan atau teras nombor 2 gagasan Pahang 1st. Jadi itu yang kita buat penubuhan Majlis TVET Pahang.

Yang kedua juga, kita akan beri tumpuan kepada generasi FELDA di negeri Pahang ini. Yang ini kita akan beri keutamaan kepada generasi kedua dan generasi ketiga FELDA supaya mereka tidak hanya bergantung kepada hasil komoditi seperti getah dan sawit. Kita nak...nak kembangkan lagi. Itu tujuan kita nak bagi perhatian kepada generasi kedua dan ketiga FELDA. Dan juga supaya mereka boleh membina kemahiran ataupun keupayaan sendiri. Yang ketiga, kita juga melaksanakan Program Jaminan Kerjaya. Sebagai contohnya, penubuhan Akademi Rel Pahang. Kita sangat menyedari bahawa ECRL ini memerlukan lebih kurang 50,000 orang tenaga kerja apabila siap sepenuhnya nanti dan apabila beroperasi pada awal tahun 2027. Insya-Allah.

Jadi, kita telah menubuhkan Akademi Rel Pahang ini dan setakat pada hari ini untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga ADUN Padang Tengku, kita telah berjaya melatih sebanyak 6,000 lebih belia-belia [Ahli Dewan menepuk meja] di bawah Program Jaminan Kerjaya dan Tahfiz Mahir ini yang telah kita buat. Dan di samping itu juga untuk daripada segi pendidikan, kita ada Pahang Skills Development Centre ataupun Pahang Skills, kita ada KYP Advance Skills, kita ada Kolej Yayasan Pahang, Politeknik, Kolej Komuniti, Universiti Malaysia Pahang dan Akademi Rel yang saya sebutkan tadi. Maknanya usaha-usaha ke arah itu telah dibuat. Jadi, saya sangat yakin dan optimis dalam masa setahun, dua tahun ni kita akan nampak hasil dia. Sekarang pun kita dah nampak hasil dia walaupun tidak mencapai tahap yang kita kehendaki. Jadi bagilah ruang ya, Yang Berhormat Padang Tengku pada kerajaan supaya kita dapat meneruskan TVET ini dan dalam masa yang sama juga kita cuba

ubah sikap lepasan SPM supaya mereka tidak menganggap bahawa memasuki pendidikan kemahiran ini sebagai laluan kedua dan kita telah lihat baharu-baharu ni saya ada hadir bersama dengan Exco Kanan Pendidikan di mana yang ada kemahiran ini ada yang mendapat gaji sehingga lebih dari RM15,000.00.

Jadi, kita nak pastikan supaya jangan mereka menganggap bahawa kemahiran ini adalah laluan kedua. Kerana untuk makluman tuan-tuan dan... untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di mana kita dapati mereka yang ada kemahiran ini peluang mereka untuk *survive* sangat tinggi sebab mereka ada kemahiran. Contohnya tukang gunting rambut, dia tak kisah sebab dia boleh buat sendiri. Tetapi kalau kita ada... katalah kita sebagai akauntan contohnya atau sebagai Pegawai Tadbir, kalau takdirnya syarikat yang kita bekerja tersebut mengalami masalah kewangan dan sebagainya kita dibuang kerja sangat sukar untuk kita membentuk untuk mendapatkan kerja yang baharu sebab kita tidak ada kemahiran berbanding yang sebagai *barber* ataupun yang boleh *repair* motor kereta dan sebagainya. Jadi kita cuba indah er... cuba pindahkan pemikiran generasi ini bahawa latihan kemahiran dan teknikal itu sangat penting. Insya-Allah, kita akan kembangkan lagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Soalan saya kepada kerajaan negeri, Akademi Pahang 1st ini er... Pahang 1st ini *strength* atau kekuatan dia tu berapa ramai? kemudian pemusatan ataupun di bawah SUK ataupun *direct* di bawah pejabat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kita sendiri dan seterusnya Anugerah Pahang 1st apa perkaitan dengan Aspirasi Pahang 1st tersebut? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Tioman. Sebelum itu, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah di atas pencapaian beliau baharu sahaja mendapat PhD baharu ini yang bawa gelaran doktor. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Doktor... Dato' Sri Doktor Johari.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. Tapi dalam Dewan ni kena panggil Yang Berhormat Tioman la [Ahli Dewan ketawa]. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, cadangan yang dikemukakan oleh ADUN Tioman tadi memang sangat baik dan ianya memang dalam kerangka kerajaan sekarang ni. Sebab dalam bajet saya, Insya-Allah kita akan peruntukan untuk Akademi Pahang 1st ini dan kita akan pastikan ia menjadi satu ekosistem untuk kita menjayakan Pahang 1st ini melalui tujuh teras utama yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Wakil daripada Ketari dulu.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Pertamanya, saya menyokong penuh Aspirasi Pahang 1st yang mana salah satu tonggak sepertimana dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat adalah Pemerkasaan TVET. Dalam pembentangan Belanjawan 2026 yang baharu diluluskan, kerajaan persekutuan telah meluluskan 2... RM650 juta untuk pemerkasaan program TVET ini. Soalan saya, adakah, bagaimana kita boleh mengambil kesempatan ini di mana kerajaan negeri dapat mengambil peluang daripada peruntukan ini untuk memberi manfaat kepada rakyat Pahang terutamanya golongan B40 untuk mereka boleh mengikuti kursus-kursus TVET yang memang potensinya sangat-sangat tinggi. Apakah langkah-langkah kita boleh ambil?

(ADUN JELAI - N02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Ketari yang menyokong usaha TVET ini. Malahan saya nak bagitahu kepada Yang Berhormat ADUN Ketari sebelum kerajaan persekutuan luluskan bajet lagi, kita telah pun mendapat peruntukan daripada kerajaan persekutuan dan juga daripada syarikat yang membuat keretapi laju ni ECRL. Sebab itulah kita boleh menghantar pelajar-pelajar kita untuk buat kursus teknikal sebelum kereta api laju ni siap. Ini saya mendapat pengajaran ya, pengajaran daripada kereta api kita di KLIA lah ya, yang kita semua sedia maklum bahawa tidak dapat digunakan sepenuhnya kerosakan dan sebagainya atas sebab-sebab yang saya sendiri pun tak tahu. Jadi atas dasar ini, saya telah berbincang dengan Datuk Seri Darwis, CEO MRL yang saya katakan kita kena bagi latihan kepada *technician-technician* sekiranya berlaku kerosakan sepanjang trek tersebut, kita boleh perbaiki dengan segera.

Dan atas dasar itulah kita menubuhkan Akademi Pahang Rel yang mana kita telah pun melatih 6,000 orang dan mereka ni diberi jaminan kerjaya. Apabila mereka tamat kursus nanti, mereka akan terus diambil kerja untuk memastikan supaya kereta api laju kita nanti kalau sekiranya didapati ada mengalami kerosakan untuk buat servis, *maintenance* dan sebagainya akan dapat diselenggarakan dengan segera Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Maknanya langkah-langkah proaktif telah diambil dan sudah tentulah 650 bajet ni di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, kita telah pun berbincang dan mengadakan sesi untuk mendapatkan peruntukan yang sewajarnya untuk negeri Pahang dan saya telah pun berbincang secara lisan dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan insya-Allah ada peruntukan untuk negeri Pahang untuk kita kembangkan lebih lanjut dan memberi peluang kepada B40 untuk mendapat latihan dan kemahiran.

Terima kasih Dato’ Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan 2. Saya juga nak maklumkan bahawa ADUN Ketari dia pakai cermin mata hitam itu, dia mendapat kebenaran daripada saya.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Baik, salam sejahtera, selamat pagi, Salam Pahang 1st. Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor dua.

> [Banyak sekolah yang menghadapi isu kerosakan dan perlu dibaik pulih demi keselamatan para pelajar. Sering kedengaran luahan daripada pihak sekolah yang telah membuat aduan, tetapi tidak mendapat dana untuk kerja-kerja baik pulih yang dipohon.
>
> Apakah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang tidak menerima peruntukan yang secukupnya untuk mengatasi isu-isu kerosakan sekolah berkenaan?]

(ADUN SABAI - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada ADUN Yang Berhormat ADUN Sabai yang menanyakan soalan berkaitan dengan sektor Pendidikan dan sebagai bekas pendidik, tentunya beliau amat prihatin mengenai sektor pendidikan ini. Terima kasih.

Bagi menjawab soalan ADUN Sabai, berkaitan dengan dana ataupun peruntukan yang disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sekolah dan sama ada dana ini mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli Dewan yang mulia, kita di Pahang ini kita keseluruhan jumlah sekolah yang kita ada ialah 739 buah. Satu jumlah yang besar dan ianya terdiri daripada sekolah-sekolah yang bukan sahaja sekolah kebangsaan, dia sekolah jenis kebangsaan sama ada Cina atau Tamil, sekolah mubaligh, sekolah agama dan sekolah-sekolah ini usianya berbeza-beza. Malahan ada yang sekolah ini usianya melebihi 40 tahun dan bangunan dan binaannya sudah tentu merupakan binaan-binaan yang memerlukan penyelenggaraan yang berskala dari masa ke semasa.

Susulan daripada itulah maknanya jawapannya kalau sekiranya ditanyakan oleh ADUN Sabai sama ada peruntukan atau dana yang disalurkan oleh pihak kerajaan khususnya kerajaan pusat kepada sekolah-sekolah ini mencukupi, sudah tentu ianya tidak mencukupi. Kalau dilihat dari segi permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sendiri.

Namun, sepertimana yang kita sedia maklum, keprihatinan pihak jabatan pendidikan dari aspek bukan sahaja keselesaan dan kebajikan warga pendidik tetapi aspek keselamatan itu hendaklah diambil kira dan persekitaran yang baik dan selamat dan kondusif untuk menjamin kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran PdP yang berkualiti.

Secara prinsipnya, kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih bangunan sekolah dilaksanakan berasaskan dasar penyelenggaraan aset kerajaan yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui sektor infrastruktur dan perolehan. Kementerian memperuntukkan dana tahunan di bawah peruntukan penyelenggaraan

institusi Pendidikan, PIP dan disalurkan melalui JPNP ataupun melalui jabatan pendidikan negeri dan juga pejabat pendidikan daerah.

Bagi tahun 2025, sebagai contohnya JPNP Pahang telah menerima jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM86,194,400.84 bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf institusi pendidikan di seluruh negeri ini dan peruntukan ini meliputi kategori, dia ada kategori dia dan kategori tersebut, antara lainnya penyelenggaraan sekolah... penyelenggaraan sekolah sebanyak RM26.2 juta, penyelenggaraan sekolah (lawatan turun padang). Ini maknanya bila ada pegawai pelawat dan lihat ada keperluan ialah RM400,000.00.

Yang ketiganya, penyelenggaraan sekolah akibat bencana sebanyak RM2.7 juta penyelenggaraan sekolah bagi kerja kecemasan. Ini kerja-kerja kecemasan ini termasuklah keperluan yang mendesak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kebakaran dan sebagainya.

(ADUN SABAI - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kebakaran di bawah bencana tapi er… makna yang mana *emergency*. Tak, tak Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker, termasuk juga kecemasan dengan bencana kadang berkait ya, iaitu sebanyak RM5.5 juta.

Penyelenggaraan lif dan penyaman udara, sebab kita di Pahang ni ada sebuah sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih. Dia ada enam tingkat. Jadi, ada penyelenggaraan lif yang diperuntukkan iaitu sebanyak satu bulan RM1 juta.

Penyelenggaraan kuarters guru RM39 juta dan ubah suai dan naik taraf kantin serta musolla sekolah sebanyak RM6.1 juta. Sekolah ini sebab berkantin, kita dapati ada setengah-setengah sekolah tu pelajar dia terlalu ramai. Kantin tak muat walaupun sekolah, pihak sekolah menyediakan sesi rehatnya sampai dua kali, tiga kali, tiga peringkat kadang-kadang tapi ada keperluan juga pihak sekolah untuk membina musolla. Maknanya wakaf-wakaf supaya anak-anak pelajar ni dapat mengikuti menikmati makanan masa waktu rehat di musolla ini. Ini pun diberikan peruntukan untuk binaan bagi membantu keselesaan murid khususnya dan....

Dan kategori tambahan perniagaan sekolah bantuan kerajaan termasuk sepertimana yang saya nyatakan tadi, SJKC, SJKT dan sekolah-sekolah mubaligh dan sebagainya dan di samping itu juga pihak kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar ada menyalurkan melalui dana khas sebenarnya yang disalurkan melalui Wakil-wakil Rakyat melalui permohonan daripada PIBG dan ini adalah juga dapat membantulah pihak sekolah dalam menyelenggara kemudahan dan aset-aset yang ada di sekolah-sekolah di negeri Pahang, insya-Allah.

Dan lazimnya peruntukan ini disalurkan oleh KPM melalui tiga peringkat. Biasanya bulan Mac, kemudian bulan Julai dan juga bulan September. Namun, bila ada berbaki, bila ada berbaki pihak Kementerian akan menyalurkan juga kepada jabatan pendidikan negeri untuk dilaksanakan dalam tahun semasa. Sebab tu kadang hujung-hujung tahun misal contoh kita dapati ada dalam bulan hujung bulan November, awal bulan Disember, ada peruntukan ini berbaki ini kira bonuslah, sebab itu pihak sekolah diminta untuk bersedia untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan seumpama

ini demi untuk menambah baik setiap kemudahan yang ada dan… dan ini sudah tentunya membantulah.

Di samping itu juga, PI dipanggil, ada satu ini istilah yang kita namakan sebagai penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta yakni PIBKS. Ini juga dapat membantu, maknanya kalau dulu kita ada PIBG, tapi sekarang ini ada penglibatan ibu bapa dan komuniti serta pihak swasta juga turut menyumbang dalam menambah baik kemudahan dan aset-aset yang ada di sekolah demi untuk kesejahteraan dan juga keselesaan warga sekolah itu sendiri, insya-Allah.

Dan dalam kes yang melibatkan bencana alam, kebakaran, kerosakan dan sebagainya. Pihak Jabatan Kerja Raya membantu membuat penilaian dan menyediakan laporan segera agar dapat dipohon permohonan ini kepada pihak Kementerian, yang kita tidak jangka di luar, banjir, kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya. Dan insya-Allah er… sepertimana yang saya zahirkan di sini iaitu yang pentingnya ialah kita mengambil langkah kalau bolehnya dalam aspek penyelenggaraan ini melalui pelaksanaan amalan penyelenggaraan pencegahan *preventive,* dengan izin, *preventive maintenance*. Ini yang terbaik sekali yang paling ideal sebelum kejadian apa-apa yang tidak diingini, kita baiki dulu. Tapi lazimnya oleh kerana kekangan dari segi peruntukan, sebahagian besar daripada pelaksanaan ini dibuat secara reaktif iaitu setelah berlaku ataupun keperluan yang mendesak terpaksa kita buat secara reaktif untuk menambah baik dan alhamdulillah ada juga pendekatan yang dibuat oleh pihak sekolah itu sendiri dengan mengadakan gotong-royong.

Ini yang saya sebutkan PIBKS tadi ya. Penglibatan komuniti, penglibatan ibu bapa dan pihak… penglibatan daripada pihak swasta. Dan insya-Allah dengan kerjasama daripada semua pihak, saya yakin bahawasanya walaupun ada terdapat kekangan dan juga kekurangan dari segi dana yang diperlukan oleh sekolah-sekolah ini, tapi pendekatan-pendekatan yang telah kita ambil dengan kerjasama daripada kerajaan negeri sendiri ya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhomat Dato' Sri Diraja menyalurkan peruntukan er… negeri dalam mempastikan ekosistem pendidikan di sekolah-sekolah ini dapat ditambah baik, insya-Allah ianya akan dapat terus… sekolah-sekolah akan dapat terus berfungsi dengan baik demi untuk kepentingan anak-anak pelajar serta warga sekolah dalam mem… pembangunan modal insan demi negeri dan negara, insya-Allah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

[Ayat a-Quran]. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada arwah Bung Moktar dan ibu kepada saudara Zakhwan untuk rekod Dewan bagi pihak pembangkang.

Soalan saya ialah ada berapa buah sekolah ini dia terpaksa pelajar menggunakan bot untuk ke sekolah setiap pagi. Sebagai contoh, sekolah daripada Kampung Kuala Kenong ke Sekolah Kebangsaan Kuala Kenong dan ini menyebabkan para pelajar pada musim tengkujuh khususnya musim hujan ini sangat berisiko untuk pergi ke sekolah.

Soalan saya, apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk membina asrama sebagaimana di Ulu Tembeling, ada beberapa buah sekolah kebangsaan yang disediakan asrama bagi kemudahan pelajar supaya mereka tidak terpaksa berulang-alik pada waktu pagi subuh dalam keadaan cuaca dan air yang sangat-sangat mengan… membahayalah bagi… bagi mereka? Terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Sebenarnya, pihak kementerian dan juga pihak Jabatan Pendidikan di peringkat negeri amat maklum mengenai perkara ini. Dari segi logistik infrastruktur yang ada, kita tahu misal contohnya, ada sesetengah tempat di kawasan pedalaman yang tidak dapat di er… akses dengan melalui jalan darat. Misal contohnya memerlukan perhubungan pengangkutan melalui jalan-jalan air lah, laut, ni sungai mahupun laut. Malahan di Tioman itu sendiri pun ada kedapatan misal contohnya, keperluan untuk para pelajar ini mobilitinya menggunakan kemudahan pengangkutan selain daripada darat. Dan dalam konteks seumpama ini, pihak JPNP ataupun pihak Jabatan Pendidikan sentiasa mengambil maklum dan membuat perancangan dari semasa ke semasa.

Pertama sekali mencadangkan sudah tentu yang paling ideal sekali ialah untuk menyediakan kemudahan seperti asrama berpusat supaya dapat ditempatkan pelajar-pelajar itu di asrama dan ini akan dapat mengurangkan pergerakan pelajar daripada tempat kediaman ke sekolah. Ini memang paling ideal dan telah sebenarnya diambil kira dan diberi pertimbangan oleh pihak Jabatan Pendidikan khususnya dalam mengemukakan cadangan kepada pihak kementerian, insya-Allah.

Yang keduanya ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan mobiliti tersebut iaitu penyediaan bot. Pernah maknanya kita zahirkan, Pahang menzahirkan kepada pihak kementerian supaya menyediakan bot-bot bukan saja untuk pelajar malahan juga untuk pendidik itu sendiri. Ada setengah-setengah tu guru-guru terpaksa berulang alik daripada satu kawasan ke satu kawasan lain oleh kerana kekangan dari segi tempat kediaman jauh itu, dia terpaksa menaiki bot menyusuri sungai dan ada terpaksa menggunakan bot melintasi lautan misal contohnya di… Tioman itu sendiri.

Jadi ini beberapa langkah-langkah yang diambil untuk mempastikan tidak ada anak-anak pelajar yang tidak ke sekolah kerana kekangan dari segi mobiliti iaitu kemudahan untuk bergerak daripada tempat kediaman ke sekolah-sekolah dan perkara ini sebenarnya memang dalam perhatian pihak kementerian dan pihak ini Jabatan Pendidikan itu sendiri. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan nombor 3.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. Saya mewakili sahabat saya Yang Berhormat ADUN Tahan mengemukakan soalan nombor 3.

[Apakah nisbah antara perkahwinan dan perceraian di seluruh negeri Pahang dari tahun 2020 - 2025? Apakah faktor utama kepada perkara ini dan julat umur kepada kes perceraian ini?]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Persoalan yang dikemukakan oleh rakan daripada Tanjung Lumpur mewakili ADUN Tahan yang juga kita doakan ibundanya semoga dicucuri dengan keampunan dan juga kerahmatan oleh Allah, amin.

Beliau mengemukakan tentang er… berkaitan dengan perkahwinan dan pece… penceraian. Apakah angkanya bermula daripada 2020 sehingga 2025 iaitu selama lima tahun dan apa namanya jika ada berlaku perceraian, kenapakah ataupun apakah punca boleh berlaku perceraian itu dan apakah julat ataupun tempoh umur kebanyakan yang berlakunya perceraian ini?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2020, jumlah rakyat Pahang yang telah memohon untuk berkahwin dan telah didaftarkan perkahwinan mereka seramai 11,585 orang dan manakala yang memohon perceraian ialah 2,947 orang. Pada tahun 2021, mereka yang telah memohon untuk berkahwin dan juga telah didaftarkan perkahwinan mereka di Jabatan Agama Islam Pahang seramai 12,163 orang. Manakala yang memohon untuk bercerai adalah seramai 2,185 orang.

Pada tahun 2022, mereka yang memohon untuk berkahwin dan didaftarkan perkahwinan mereka seramai 13,811 orang, manakala yang memohon untuk bercerai seramai 3,513 orang. Pada tahun 2023, yang memohon untuk berkahwin dan telah didaftarkan perkahwinan mereka adalah 11,672 orang dan yang memohon untuk bercerai adalah seramai 3,135 orang.

Pada tahun 2024, yang memohon untuk berkahwin adalah seramai 10,329 orang, manakala yang memohon untuk bercerai adalah 3,484 orang Dato' Sri Yang di-Pertua. Dan pada tahun 2025, kita masih lagi berada di dalamnya. Maknanya angka setakat ini yang telah memohon untuk berkahwin adalah 8,611 orang dan yang memohon untuk bercerai adalah 2,630 orang.

Apakah julat ataupun tempoh umur yang biasanya memohon untuk bercerai? Sekitar 30 ke 40 tahun yang kita tengok angkanya bukanlah tak ada orang yang berumur tetapi agak minimal. Tapi yang biasanya 30 ke 40 tahun. Dan apakah puncanya? Punca banyak, tak sama. Si fulan bercerai kerana tak sesuai, satu si fulan pula bercerai kerana masalah ekonomi, berbeza di antara satu sama lain, dan kita berdoalah dan juga berusaha untuk mereka ini sentiasa dididik, ditarbiahkan supaya menjaga hubungan kekeluargaan kerana apa namanya er… tidak sewajarlah setelah mereka membina rumah tangga yang tadinya mereka sendiri mohon, tetapi disudahi dengan perceraian. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. ADUN lantikan.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya ada dua soalan tambahan er… kepada Yang Berhormat Exco.

Pertamanya, er… baru-baru ini dalam Dewan Negara ada Menteri Agama kita menjawab soalan dan antara lain dalam soalan tersebut berhubung dengan isu suami yang tidak membayar nafkah kepada isteri dan antara er… di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri itu pertamanya dia kata suami ini boleh dipenjarakan mengikut undang-undang yang telah ada di negeri-negeri dan yang keduanya, Majlis Agama Islam negeri-negeri er… boleh dipohon mana-mana apa nama ini… isteri yang menghadapi masalah tidak dibayar nafkah ini boleh memohon kepada majlis agama islam negeri-negeri untuk didahulukan pembayaran nafkah sekiranya perlu.

Jadi, soalan saya adakah Majlis Agama Islam di Pahang ini mempunyai tabung ataupun peruntukan untuk membiayai pendahuluan nafkah kepada isteri-isteri yang tidak dibayar… apa nama ini nafkah oleh… oleh suami. Itu yang pertama, Dato' Sri Speaker.

Yang keduanya adalah berhubung dengan bila kita sebut tentang isu perkahwinan ini er… selaku seorang peguam syarie di Mahkamah Syariah di Pahang ini saya dapati er… isu poligami juga mempunyai masalah yang signifikan di… di Pahang ini kerana antara lain di Pahang ini antara negeri yang agak sukar untuk permohonan poligami ini dibuat memandangkan kita kena mensapina ataupun menamakan isteri pertama itu sebagai pihak dalam kes di mahkamah menyebabkan kita dah sediakala penakut jadi dua kali takutlah nak bawa ke mahkamah itu er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, kalau takut jangan kahwin satu lagi. [ketawa]

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Cuma soalan saya er… adakah kerajaan negeri ataupun melalui Mahkamah Syariah di Pahang ini bersedia untuk membuat kajian semula kepada proses kebenaran poligami ini memandangkan kalau kita lihat pada hari ini kesan daripada kesukaran untuk berpoligami ini menyebabkan ramai yang terpaksa ke luar negara dan yang paling malang lagi mereka memilih untuk kahwin secara sindiket yang tidak sah mengikut undang-undang pentadbiran Islam dan juga undang-undang syarak. Itulah soalan saya, terima kasih Dato' Sri.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan ADUN Lantikan yang bertanya soalan yang agak apa er… menarik kepada Dewan kita pagi ini Dato' Sri er… Yang di-Pertua, terutama mengenai er… apa nama ini…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang er… Yang Berhormat Exco ini ada pengalaman? Tak ada ya? [ketawa]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Er… itu masalah susah sedikit nak menjawabnya. [Ahli Dewan ketawa]

Dato' Sri Speaker,

Walau bagaimanapun, merujuk kepada persoalan tentang er… bantuan kepada mereka yang tidak mendapat tanggungan daripada suaminya yang tidak bertanggungjawab. Sebenarnya memang isteri ini dan keluarga adalah tanggungjawab sepenuhnya duduk di atas bahu suami kepada isterinya, kepada rumah tangga dan anak pinaknya sebab itulah sebelum mereka kahwin kita di Jabatan Agama Islam Pahang mengadakan kursus-kursus kepada bakal-bakal suami dan isteri ini supaya mereka memahami tanggungjawab mereka kepada rumah tangga mereka… suami apa patut dia buat. Kalau kita kembali kepada didikan agama Rasulullah itu sampai basuh pinggan mangkuk sendiri untuk menjaga rumah tangga dia dan bertanggungjawab kepada keluarga dan anak pinak Baginda.

Benda ini kita sampaikan cuma maklumlah bukan senang untuk kita memberikan keyakinan kepada bakal-bakal pengantin ini kerana waktu dia mohon kahwin itu dan mereka mengikuti kursus hanya er… sebahagian daripada kecil mereka itu untuk mendapat kebenaran dan dia tak fokus kepada tarbiyah yang disampaikan, itulah kesannya. Walaupun begitu, kita melalui Majlis Agama Islam Pahang ada bantuan-bantuan, juga melalui JKM ada bantuan-bantuan yang kita beri seandainya mereka perlukan dan mereka memohon dan seandainya mereka layak, tak pernah dari mana-mana sumber yang ada oleh kerajaan negeri, kita terlewat membantu orang yang susah ini, tidak kiralah iaitu apa namanya kerana bercerai ke, kerana suami tak bertanggungjawab, kita akan usaha sedaya mungkin untuk membantu mereka ini.

Adapun tentang soal berpoligami, ini bukan soal undang-undang. Soal individu yang nak kahwin, nak tambah itu sendiri sebenarnya dia sahaja tak cekap. Kalau dia cekap, tak ada langsung masalah undang-undangnya sebenarnya, silakan… [bacaan dalam Bahasa Arab]. Jangan bercerai-berai, agama ajar kalau awak didiklah isteri awak yang pertama itu tadi supaya memahami soal benda-benda yang macam ini. Jangan kita salahkan kepada peraturan disebabkan kita penakut, tak boleh… tak boleh Dato' er… Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab itu macam kita ini satu sahaja. [ketawa]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Er… silakan [bacaan dalam Bahasa Arab] Jalan… layarkan kehidupan kamu di atas muka bumi. Itu kalau bagi yang teringin, kalau tak teringin kenapa nak buat kan. Jadi kita tak boleh salahkan kepada peraturan disebabkan kerana kelemahan kita. Akhirnya bila kita nak selesai berhidup asyik nak bercara sahaja. Jadi benda-benda macam ini saya rasa walaupun begitu tak ada salahnya kita membuat percambahan ilmu pengetahuan, kita adakan perbincangan, kita adakan seminar, bengkel itu tidak ada masalah kerana perbincangan nilai-nilai untuk menambah pengetahuan itu sangatlah baik.

Kita boleh bincangkan bagaimana untuk kita er… apa memberikan kefahaman kepada masyarakat bagaimana untuk kita berpoligami tapi sebelum kita nak memahamkan orang kepada wanita keperluan berpoligami, kita juga sebagai lelaki kena juga faham bagaimana untuk berpoligami. Adakah semata-mata untuk berseronok, untuk bersuka-ria, untuk menunjuk yang kita ini pandai kahwin apa dua ataupun tiga ataupun ada nilai-nilai tarbiyah daripada pengkhususan yang telah diharuskan oleh syarak sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT [bacaan dalam Bahasa Arab]. Bagaimana kita nak mengambil proses pemahaman daripada firman Allah SWT di dalam ayat Quran ini, di dalam sahsiah ini kita sendiri yang gagal sebenarnya bukan undang-undang yang gagal. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya er… ada?

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Ada Dato' Sri er… Dato' Sri Speaker,

Saya tertarik dengan angka, dengan data yang telah dibentangkan berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian. Soalan saya, dalam penjelasan tadi disebut yang melibatkan rakyat negeri Pahang. Apakah yang dimaksudkan itu termasuk yang bukan Islam kalau ada dapat berikan data ataupun angka berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian yang melibatkan bukan Islam. Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita ini hari Jumaat saya bukan nak melengah-lengahkan tetapi bagi menjawab persoalan daripada ADUN Sabai, angka itu kita boleh dapatkan daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Saya sampaikan tadi angka yang di bawah Jabatan Agama Islam Pahang khusus kepada er… apa umat Islam. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Ahli-ahli Berhormat sekalian, kalau sekiranya kita tidak sempat er… tidak sempat untuk habis apa namanya maknanya kita tinggal satu jam lagi atau 45 minit lagi, nanti saya akan tempohkan dan Bajet kita terpaksa buat petang, itu saya nak bagi tahu. Kalau sekiranya kita dapat er… apa nama selesaikan sebelum pukul 10.30 pagi, kita akan pembentangan bajet akan dibuat pada waktu pagi tapi kalau sekiranya tak dapat er… saya akan kita terpaksa tangguhkan dan kita akan terpaksa Bajet… pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar terpaksa dibuat pada waktu petang. Terima kasih, sila soalan seterusnya.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor ke-4.

[Kuarters Penjawat Awam di negeri Pahang:

i) Apakah bilangan kuarters penjawat awam di negeri Pahang?

ii) Di antaranya, beberapa bilangan yang boleh dihuni dan tidak boleh dihuni?

iii) Adakah kerajaan negeri mempertimbangkan untuk membantu penaiktarafan kuarters penjawat awam terutamanya bagi Polis Diraja Malaysia?]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

[Ayat al-Quran] Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada rakan saya daripada Semambu mengemukakan soalan nombor empat. Untuk makluman sidang Dewan, bilangan kuarters untuk penjawat awam yang disediakan oleh kerajaan persekutuan adalah sebanyak 13,782 unit manakala kuarters yang disediakan oleh kerajaan negeri adalah sebanyak 1,685 unit. Jadi jumlahnya adalah 15,467 unit kuarters yang ada dalam negeri Pahang er… kuarters penjawat awam di negeri Pahang.

Menjawab soalan yang kedua, bagi kuarters yang diselenggara kerajaan negeri, 1,700 er… 1,071 unit boleh dihuni… diduduki manakala 614 unit masih dalam proses pembaikan, manakala bagi kuarters kerajaan persekutuan sebanyak 9,935 unit kuarters ini boleh diduduki, manakala 3,404 er… 3,840 unit masih dalam proses pembaikan. Berkaitan dengan soalan yang ke-3, berkaitan isu kuarters PDRM, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang atau JKR untuk tujuan penyelenggaraan kuarters PDRM yang memerlukan pembaikan dan berdasarkan statistik terkini terdapat 564 unit kuarters PDRM yang dalam proses pembaikan dan ini akan dilaksanakan apabila mendapat peruntukan daripada KDN setiap tahun. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya.

(ADUN DAMAK - N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dato' Sri Speaker, saya kemukakan pertanyaan nombor 5.

[Projek jalan alternatif dari Kampung Som ke Kampung Berau telah bermula;

1. Apakah status situasi terkini dan bilakah anggaran dijangka siap?

2. Berapakah jumlah penduduk kampung yang terkesan dengan projek ini dan apakah bentuk pampasan yang mereka terima?

3. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menyambung projek ini bagi menjadikannya sebagai jalan alternatif daripada Jerantut ke Lebuhraya Pantai Timur?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan daripada Damak yang kemukakan berkaitan dengan jalan alternatif daripada Kampung Som ke Kampung Berau. Ada 3 sub-sub soalan. Sub soalan pertama berkenaan dengan status situasi terkini dan bila anggaran dijangka siap.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek jalan alternatif dari Kampung Som ke Kampung Berau ini, kemajuan fizikal sehingga 30 November 2025, kemajuan kerja sebenar di tapak 28.23% berbanding kemajuan jadual 29.96% iaitu varian 1.73% ataupun bersamaan dengan lewat 39 hari dan tarikh siap asal projek ini pada 10 Mac 2027. Berkenaan dengan sub soalan ke-2, berapakah jumlah penduduk yang terkesan dengan projek ini dan apakah bentuk pampasan yang mereka terima.

Yang di-Pertua,

Urusan pengambilan balik tanah telah selesai dibayar bagi 45 lot yang terlibat pada tahun 2024 dengan jumlah pampasan sebanyak RM3,914,269.45. Manakala terdapat 6 lagi lot tambahan. Ini lot-lot baharu ini yang masih dalam tindakan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah atau KKDW dan status terkini lot-lot terlibat telah selesai di lawatan... buat lawatan tapak dan juga proses penandaan pada 13 November 2025 dan ketika ini masih menunggu tarikh bicara oleh pihak jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Manakala sub soalan ketiganya berkenaan dengan apakah pihak kerajaan bercadang untuk menyambung projek ini bagi menjadikannya sebagai jalan alternatif daripada Jerantut ke Lebuhraya Pantai Timur.

Yang di-Pertua,

Jalan ini sebenarnya dibina oleh di bawah program jalan luar bandar oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap kemajuan luar bandar. Dan objektif pembinaan Jalan Kampung Som ke Kampung Berau, Jerantut ini adalah sebagai jalan perhubungan baharu dan juga untuk pengeluar hasil pertanian di samping penduduk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk setempat itu.

Walau bagaimanapun, tiada lagi rancangan penyambungan jalan Kampung Som-Berau ke LPT atau Lebuhraya Pantai Timur ni memandangkan akses jalan raya sedia ada boleh diakses terus ke Lebuhraya LPT ini melalui jalan FT.04. 04 ini ialah daripada Benta, Jengka, Jerantut, Jengka, Maran ya dan daripada situ kita ada jalan-jalan yang menyambungkan LPT ke LPT lah, sebagai contohnya Jerantut ke Temerloh tu, FT.98, kemudian daripada Jengka ke Kampung Awah tu FT.83, itu antara jalan-jalan yang kita boleh akses ke LPT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan nombor 6.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 6.

[Insentif pengecualian cukai kepada pelabur;

a) Berapakah nilai keseluruhan insentif cukai/tanah yang telah diberikan kepada pelabur asing sejak 2023,

b) Adakah wujud "sunset clause" untuk mengelakkan kebergantungan jangka panjang kepada subsidi negeri?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada rakan ADUN daripada Beserah yang bertanyakan 2 soalan. Pertamanya, berapakah nilai keseluruhan insentif cukai tanah yang diberikan kepada pelabur asing sejak 2023? Untuk jawapan ini secara keseluruhannya, jumlah pemberian insentif cukai tanah oleh kerajaan negeri bagi tanah industri melibatkan 9,116 hak milik adalah sebanyak lebih kurang, saya bundarkan jawapan dia RM307 juta setahun. Kalau untuk 3 tahun, lebih kurang RM920 juta bersamaan dengan 83% daripada amaun cukai sebenar.

Walau bagaimanapun, jumlah yang disebut di sini, apa yang dibekalkan oleh Pejabat Tanah dan Galian juga termasuk pelabur domestik ataupun *domestik direct investment* dengan izin. Oleh itu, jumlah sebenar untuk pelabur asing adalah rendah sebenarnya dan pecahannya akan diperincikan dalam sistem soal jawab ADUN selepas ini, saya akan minta PTG untuk sediakan.

Kedua (b), adakah wujud *sunset clause* untuk mengelakkan kebergantungan jangka panjang kepada subsidi negeri? Dasar cukai tanah buat segmen industri akan disemak dari masa ke semasa. Kerajaan perlu imbangi keperluan untuk menarik pelaburan industri ke negeri Pahang dan pada masa yang sama memastikan kadar kutipan cukai tanah industri dapat dipungut sebanyak mungkin secara optimal agar dapat diagihkan semula kepada rakyat. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya adalah apakah syarat spesifik atau syarat khusus untuk nak mendapatkan pengecualian cukai tanah ini sama ada kepada daripada FDI ataupun DDI, kedua-duanya. Apakah syarat spesifik khusus selain daripada berada di kawasan industri yang telah diwartakan?

Soalan yang ke-2 adalah, adakah industri hiliran yang berada di luar daripada kawasan yang ditetapkan itu juga boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian dan insentif ini kerana pelabur domestik ataupun industri hiliran daripada penubuhan industri ini juga memberikan impak yang besar dan mereka juga memerlukan insentif-

insentif seperti ini untuk menambahkan lagi daya saing mereka di dalam pelaburan dan juga industri. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN. Sebenarnya dia tidak ada syarat spesifik. Kadar yang diumumkan oleh kerajaan mengambil kira keperluan industri secara total sebab industri secara kolektif apabila mereka mengadakan sesi libat urus dengan pihak kerajaan, menyatakan rayuan yang mereka perlukan secara kolektif dan kerajaan negeri tentukan jumlah yang sewajarnya untuk diberikan remisyen, dan remisyen yang kita berikan ini mengambil kira satu antaranya kita sedia maklum, syarikat-syarikat pelaburan ini sedang dipulihkan selepas zaman COVID, di mana kita sedia maklum begitu banyak syarikat yang yang telah tutup ataupun rugi dengan begitu mengalami kerugian yang begitu besar.

Keduanya ialah untuk memastikan negeri Pahang ini adalah kompetitif. Sekiranya kadar cukai kita terlalu tinggi, maka mereka ada pilihan untuk pergi ke negeri lain ataupun waima negara lain sekalipun seperti Vietnam dan Indonesia, dan itulah asas penentuan kadar cukai yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, nombor 7.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN HAJI MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

> [Apakah usaha kerajaan negeri membantu golongan OKU khususnya dalam beberapa bidang strategik seperti ekonomi, kecerdasan buatan (AI), sastera dan budaya serta lain-lain?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan juga salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga sahabat yang bertanya di mana soalannya adalah berbunyi,

> [Apakah usaha kerajaan negeri, membantu golongan OKU khususnya dalam beberapa bidang strategik seperti ekonomi, kecerdasan buatan (AI), sastera dan budaya serta lain-lain?]

Kerajaan Negeri Pahang komited ya untuk memperkasakan ekonomi golongan orang-orang kurang upaya ini melalui pelbagai inisiatif bantuan kewangan dan sokongan pemulihan. Pada tahun 2025, beberapa langkah penting telah diambil bagi meringankan beban golongan OKU dan memastikan mereka mendapat peluang untuk terus aktif dalam komuniti serta memperoleh manfaat daripada bantuan kerajaan.

Pelbagai bantuan telah diberikan bagi membantu golongan OKU ini di antaranya adalah, bantuan am kepada penerima OKU, pemberian *one-off* kepada OKU untuk pemulihan, pemberian *one-off* kepada penyelia dan petugas Pertubuhan Pemulihan

dalam Komuniti serta pelaksanaan Program Melalui Khidmat Bantu di Rumah serta pemberian kad kesihatan kepada warga emas dan juga orang kurang upaya menerusi Program Kasih Makmur.

Di samping itu juga, melalui Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang er... di mana, Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang ini juga memainkan peranan yang penting bagi membantu golongan OKU ini melalui beberapa kluster, yang pentingnya adalah tiga kluster iaitu Kluster Keusahawanan, Kluster Seni Budaya dan Warisan serta Kluster Teknologi. Di mana melalui Kluster Teknologi, program seperti *Techno Queen,* Suri-Tekno dan Modul Keusahawanan AI memberi pendedahan kepada teknologi digital, automasi dan kecerdasan buatan bagi membolehkan peserta menjana pendapatan melalui platform digital… digital, e-Dagang, pemasaran media sosial serta menggunakan alat AI bagi memudahkan kerja harian. Modul mesra OKU dan sokongan fasilitator disediakan bagi memastikan OKU dapat menyertai latihan ini dengan lebih berkesan. Dan bagi Kluster Keusahawanan, menyediakan latihan kemahiran, bimbingan, geran permulaan dan bantuan pemasaran untuk membantu er... golongan OKU memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Seterusnya melalui Kluster Seni Budaya dan juga Warisan, menawarkan platform untuk peserta OKU menonjolkan bakat melalui bengkel seni dan persembahan budaya yang juga berpotensi menjana pendapatan serta meningkatkan keyakinan diri. Di samping itu juga, melalui JKM telah mengadakan program bagi mencungkil bakat golongan OKU dalam semua bidang khasnya sukan, bagi persediaan untuk sukan Para SUKMA bagi tahun 2026. Dan secara keseluruhannya dasar kerajaan negeri berteraskan prinsip *inclusivity* dan pemerkasaan, memastikan golongan OKU menerima latihan yang relevan, peluang yang adil dan sokongan yang berterusan. Fokus kepada penjanaan ekonomi, program berasaskan AI, sastera dan budaya keusahawanan digital serta pembangunan bakat seni akan terus diperkukuh supaya lebih ramai OKU dapat menikmati manfaat per… pembangunan negeri kita. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya... nak pergi ke. Sila-sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... saya ingin dapat mendapat penjelasan tentang sasaran. Kalau kita tengok sasaran di peringkat kebangsaan, OKU dalam perkhidmatan awam sebanyak 1% tapi sebahagian besar negeri-negeri ini gagal mencapai penempatan OKU di dalam sektor awam, termasuklah beberapa negeri lain. Cuma saya ingin dapat penjelasan sama ada kalau tak boleh lisan pun mungkin bertulis, berapakah jumlah OKU yang berkhidmat dalam sektor awam di negeri Pahang?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih dengan... soalan tambahan, insya-Allah saya akan dapatkan jawapan bertulis untuk YB. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, soalan nombor 8.

(AHLI YANG DILANTIK 2)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mengemukakan soalan nombor 8.

> [Dalam tempoh masa tiga tahun terakhir (2022 - 2024), berapa ramai rakyat Pahang yang telah memfailkan aduan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna? Apakah jenis perkhidmatan atau barangan yang paling banyak menarik aduan pengguna tempatan?]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih, er... salam sejahtera semua. Er... terima kasih sahabat saya yang menanyakan soalan er... tentang Tribunal Tuntutan. Untuk Tahun 2022, sejumlah 230… 231 kes difailkan dan 69 kes telah diselesaikan dan er… tarik atau batal, tarik balik ya, maknanya mereka dengan budi bicara adalah 162 kes. Untuk 2023, jumlah tuntutan tribunal dituntut adalah 178 dan er… telah diselesaikan adalah 55, dan tarik balik adalah 123. Untuk 2024, kes dituntut adalah 232, telah diselesaikan adalah 71, dan tarik balik adalah 161. *So* jumlah untuk tiga tahun ni jumlah sekali adalah 641 kes, telah diselesaikan adalah 195 kes dan tarik balik adalah 446 kes.

Untuk kes yang paling banyak dituntut adalah er... untuk tahun 2002, adalah kes pertama adalah umrah er... sebanyak 43 kes, untuk 2023, 31 kes, untuk 2024 adalah 57 kes. Jumlah sekali untuk tiga tahun adalah 131 kes. Untuk paling kedua tinggi adalah pengusaha er... pengusaha bahagian rumah maknanya *renovation,* 2022 adalah 29 kes, 2023 adalah 25 kes dan 2024 adalah 24 kes. Jumlah sekali 78 kes.

Untuk kes ketiga tinggi adalah bengkel kereta. 2022 adalah 20 kes, untuk 2023 adalah 26 kes, untuk 2024 adalah 14 kes. Jumlah sekali 60 kes untuk tiga tahun. Untuk keempat paling tinggi adalah er... *online, online complaint.* Maknanya 2022 adalah 24, 2023 hanya 5, 2024, 22 kes. *So* jumlah sekali untuk tiga tahun 51 kes. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan nombor 9.

Yang Berhormat lupa soalan… Yang Berhormat tanya soalan. Mengelamun.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Assalamualaikum dan salam sejahtera, saya… Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 9.

> [Apakah bentuk kerjasama yang boleh dibentuk bagi mengangkat industri pelancongan negeri menerusi agensi dan pemegang taruh berkaitan komunikasi dan multimedia?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Panching. Kerajaan mengiktiraf peranan sektor komunikasi dan multimedia dalam industri pelancongan. Dengan ini, kerjasama yang dibentuk dan inisiatif kerajaan adalah satu, kerjasama promosi dan publisiti dengan media arus perdana serta platform digital termasuk pempengaruh, penulis blog pelancongan, pencipta kandungan. Kedua, kerjasama dengan MCMC dan syarikat telekomunikasi bagi memperkukuh liputan internet di kawasan pelancongan. Tiga, penghasilan kandungan kreatif bersama industri media dan pempengaruh. Empat, program latihan dan kesedaran bersama industri pengajian tinggi. Lima, penganjuran bengkel digital… digital… digitalisasi pelancongan kepada pemain industri, termasuk hotel-hotel, agensi pelancongan dan produk operator.

Dan negeri Pahang juga antara negeri pertama yang memperkenalkan AI dalam sektor pelancongan melalui aplikasi Pahang Destina, ini adalah kerjasama antara kerajaan negeri melalui Tourism Pahang dengan Telekom Malaysia untuk mempertingkatkan pengalaman pelancong yang datang ke negeri Pahang. Terima kasih.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Soalan tambahan sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay satu soalan saya bagi.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Okay er... terima kasih er… jawapan er… Exco. Saya cuma ingin bertanya. Yang pertama, adakah kerjasama pelancongan ni dia juga mengambil kira manfaat kepada pemain industri tempatan contohnya pengusaha *homestay*, pemandu pelancong dan juga usahawan kecil? Yang pertama.

Yang keduanya, adakah yang Yang Berhormat sebut tadi Pahang des… Destina, adakah merupakan satu portal dipanggil *One Stop Tourism Portal* maknanya yang pelancong boleh dapat melihat er… tempat-tempat menarik dalam negeri Pahang ataupun kita boleh sebut sebagai peta digital dan juga boleh diadakan tempahan juga di portal tersebut? Dan yang terakhirnya, adakah kerjasama multimedia ini juga mengambil kira kawasan-kawasan pelancong di luar bandar. Kalau kita lihat lebih kepada kawasan pelancongan yang popular seperti di Cameron Highlands dan Kuantan. Bagaimana di Jerantut, di Rompin, di Bera dan sebagainya. Terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih. Pertama, ya kita melibatkan pemain industri tempatan dalam segala usaha kita termasuk bengkel-bengkel seperti yang dinyatakan tadi.

Kedua untuk Pahang Destina, ini adalah kerjasama antara Tourism Pahang dengan Telekom (TM) Telekom Malaysia. Jadi, setakat ini video itu ditempatkan di *website*

Tourism Pahang di mana ia juga merupakan satu *One Stop Centre* untuk pelancong mendapatkan maklumat. Sebagai contoh, tempat tarikan, makanan err… apa, perkenalan err… makanan-makanan dan apakah perbezaan Pahang Destina dengan *through* AI yang lain adalah, ini juga mengambil kira *event-event* pelancongan di mana kalau kita berbanding dengan err…err… dengan err… dengan *through* AI ataupun online err… platform lain yang di mana *event-event* pelancongan ini tidak terdapat di sana, tetapi buat setakat ini kita belum ada perkhidmatan untuk buat tempahan. Mungkin ini kita boleh mengkaji untuk masa akan datang.

Yang soalan ketiga untuk promosi di luar bandar. Memang selama ini kita memasukkan semua tarikan dalam negeri Pahang sebagai contoh Rompin, Jerantut, Bera. Ini dimasukkan dalam segala usaha promosi untuk B2B, untuk penganjuran, untuk penyertaan dalam err… eksposisi pelancongan di luar negara apabila kita bertemu dengan pempengaruh media di luar negara, memang kita masukkan produk-produk kita. Bukan sahaja kita… bukan sahaja kita memfokuskan Kuantan, Cameron Highlands, Bukit Fraser, Cherating, Tioman, Taman Negara, Bera, Rompin. Kita sama-sama masukkan dan kita juga berharapkan bahawa kita ada *signature event* di setiap daerah dalam kalendar pelancongan kita masih. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan terakhir, nombor 10.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Dato' Sri YB Speaker. Saya kemukakan soalan nombor 10.

> [Apakah implikasi jangka panjang perjanjian pajakan tanah FELDA terhadap hak waris, agihan hasil, dan kelangsungan ekonomi generasi baharu peneroka?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada sahabat saya, ADUN Jengka. Soalan implikasi jangka panjang perjanjian pajakan tanah FELDA terhadap hak waris, agihan hasil dan juga kelangsungan ekonomi generasi baharu peneroka.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Ahli Majlis Sidang Dewan, ingin menjelaskan bahawa tanah yang dimajukan oleh FGV menerusi Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan FELDA adalah tidak membabitkan tanah yang diuruskan oleh tanah peneroka, itu asasnya. Dan kedua LLA ini yang ditandatangani pada 1 November 2011 telah menetapkan bahawa aset-aset yang terbabit adalah ladang-ladang yang tidak termasuk tanah yang diusahakan oleh peneroka FELDA sedia ada dan juga tidak termasuk kilang-kilang kelapa sawit milik FGV.

Pada masa ini, keluasan tanah FELDA berjumlah lebih kurang 850,000 hektar di mana tanah yang dimiliki oleh peneroka FELDA berjumlah lebih kurang 450,632 hektar dan tanah milik FELDA yang dipajakkan kepada FGV pula berjumlah lebih kurang 350,733 hektar dan ini negeri Pahang lebih kurang 138,866 hektar. Ini asas perkaranya, mengenai Perjanjian Pajakan FELDA.

Dan juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat mewakili peneroka FELDA Negeri Pahang di atas keprihatinan Yang Berhormat Dato' Sri Diraja iaitu sehingga kini sebanyak 41,830 peneroka FELDA Pahang telah menerima geran hak milik dan berbaki lebih kurang 1,296 peneroka. Lebih kurang 3% sahaja iaitu daripada jumlah keseluruhan FELDA Pahang yang berjumlah 43,126 peneroka. Insya-Allah sekiranya tiada apa-apa halangan, dipermudahkan urusan baki ini dapat selesai. Ada beberapa isu teknikal-teknikal diantaranya ialah masalah pewarisan yang berlaku di dalam FELDA ini, insya-Allah.

Berbalik pada persoalan Yang Berhormat ADUN Jengka iaitu Kerajaan Negeri turut mendapatkan penjelasan iaitu berkaitan hala tuju seterusnya. Antaranya selepas penyenaraian daripada Bursa Malaysia iaitu Ogos lalu supaya kepentingan dan kebajikan juga peneroka sentiasa terjaga dan terjamin. Daripada penjelasan ini akan pihak FGV akan menstrukturkan semula… semula operasi dan juga organisasi syarikat agar lebih cekap, berdaya saing serta mampan dalam jangka masa yang panjang iaitu antara beberapa fokus strategik yang telah digariskan antaranya adalah pemulangan pendapatan konsisten kepada FELDA sebagai pemegang saham terbesar. FELDA akan memastikan FGV komited dalam menjana aliran tunai yang mampan dan juga pulangan yang konsisten. Keuntungan ini akan disalurkan semula untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan FELDA serta menjamin kebajikan warga peneroka di seluruh Malaysia.

Skala ekonomi pula dengan penyatuan operasi FGV ini dengan FELDA membolehkan pelaksanaan ekonomi berskala dan khususnya dalam perolehan input ladang seperti baja, racun dan juga peralatan, sekaligus memberi penjimatan kos yang besar yang akhirnya mengurangkan beban kos ladang FELDA dan juga lot kepada peneroka.

Pemerkasaan Aktiviti Huluan dengan tumpuan utama ialah meningkatkan produktiviti ladang melalui program penanaman semula kepelbagaian sawit berproduktiviti tinggi. Penerapan teknologi moden, mekanisasi serta digitalisasi ladang. Langkah ini dijangka mengoptimumkan hasil per hektar dan juga mengurangkan kos operasi ladang kepada peneroka dan juga FGV.

Sinergi dengan kumpulan FELDA melalui Strategi Integrasi FGV bersama kumpulan FELDA akan mewujudkan sinergi merentasi rantaian nilai sawit. Sinergi ini bukan sahaja mengurangkan ketirisan kos, malah ia memperkukuhkan daya saing global sektor perladangan FELDA dan juga antara perniagaan hiliran dengan FGV memberikan tumpuan untuk memperluaskan perniagaan hiliran bernilai tambah seperti produk-produk makanan berasaskan sawit, biodiesel serta tenaga boleh diperbaharui. Langkah ini akan memacu pertumbuhan ekonomi baharu dan meningkatkan nilai tambah kepada ekonomi negara.

Insya-Allah, dengan adanya penyusunan semula dan juga perancangan jangka panjang FELDA dan juga FGV ini akan mengukuhkan lagi nama FELDA di pasaran negara dan juga antarabangsa. Dengan tidak secara langsung dapat terus meningkatkan ekonomi dan juga kepentingan warga peneroka. Seterusnya di antara beberapa jangka panjang yang telah diberikan oleh komitmen FELDA kepada peneroka dan juga yang berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang buat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan kepada Menteri Besar. Sekarang kita beralih ke peraturan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat : Rang Undang-Undang.
Rang Undang undang Perbekalan 2026 - DN 28/2025.
Belanjawan Negeri Pahang 2026 - DN 29/2025.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker. Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Penyokong.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Speaker, saya mohon izin untuk menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud tertentu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2026 dibaca bagi kali yang kedua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini sukacita saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyampaikan ucapan Belanjawan Negeri Pahang 2026.

[Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon mencadangkan suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya serta izin-Nya kita sekali lagi diberi kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk saya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026. Mudah-mudahan Allah SWT terus memelihara negeri Pahang Darul Makmur dan mengurniakan kesejahteraan yang berpanjangan kepada seluruh rakyatnya. Marilah kita sama-sama perbanyakkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SWT agar kita berada dalam kalangan umat yang dikasihi baginda.

Di kesempatan ini, patik merafak sembah dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta Kebawah Duli Paduka Baginda Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas segala nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang patik melaksanakan amanah mentadbir negeri Pahang Darul Makmur.

Saya juga turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut hadir dan mengambil bahagian mendengar pembentangan belanjawan yang amat penting untuk masa depan negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Negeri Pahang kini berada pada landasan kukuh sebagai sebuah negeri makmur, progresif dan berdaya saing serta didorong pertumbuhan ekonomi yang stabil, peningkatan hasil serta pelaksanaan projek berimpak tinggi. Kejayaan ini meletakkan negeri Pahang dalam laluan untuk mencapai status berpendapatan tinggi hasil daripada kestabilan politik dan perpaduan rakyat yang menjadi asas utama kepada perancangan pembangunan yang berkesan. Dalam melaksanakan amanah mengurus tadbir negeri, kerajaan negeri sentiasa membudayakan prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai panduan utama dalam setiap keputusan demi kesejahteraan rakyat.

Alhamdulillah, saya amat bersyukur apabila kutipan hasil kerajaan negeri berada pada tahap membanggakan dengan terus melepasi angka satu bilion ringgit untuk empat tahun berturut-turut sejak tahun 2022 disebabkan tadbir urus dinamik, pengukuhan kutipan hasil keberkesanan usaha mengawal ketirisan serta lonjakan ekonomi. [Ahli Dewan menepuk meja]. Kejayaan ini turut selari dengan rekod Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK Pahang yang meningkat 23% dalam tempoh 2019 hingga 2024. Hasil daripada dasar pembangunan negeri yang strategik dan mampan.

Pada tahun lalu, negeri Pahang mencatatkan pertumbuhan KDNK 5.7% melepasi paras nasional 5.1% dengan nilai 68.7 bilion ringgit yang dipacu oleh sektor perkhidmatan, pembuatan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian. Dalam pada itu, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri turut memainkan peranan penting dengan menyumbang 3.16 bilion ringgit atau 4.6% kepada KDNK Pahang tahun lalu melalui sembilan syarikat induk dan badan berkanun negeri serta 49 anak syarikat yang berperanan sebagai pemacu ekonomi strategik negeri termasuk sebahagian yang ditubuhkan sejak tahun 2018. Kenaikan KDNK ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kemasukan pelabur yang konsisten serta peningkatan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Dalam aspek pelaburan negeri Pahang terus menjadi destinasi pilihan di mana sehingga November tahun ini, jumlah pelaburan komited yang masuk adalah sebanyak 18.04 bilion ringgit melebihi sasaran 14.09 bilion ringgit membuktikan keyakinan pelabur terhadap keupayaan negeri, mengurus kestabilan politik dan iklim perniagaan yang kondusif. [Ahli Dewan menepuk meja]. Dalam aspek tenaga buruh, jumlah guna tenaga di Pahang meningkat kepada 788,800 orang pada suku ketiga tahun ini berbanding 768,600 orang pada tahun 2024. Kadar pengangguran pula menurun daripada 16,700 orang atau 2.2% pada tahun 2024 kepada 13,800 orang atau 1.7% pada suku ketiga tahun 2025. Hasil limpahan peluang pekerjaan melalui pelaburan yang rancak serta pembangunan ekonomi yang berterusan.

Selain itu, kerajaan negeri sekali lagi menerima pengiktirafan melalui penganugerahan Sijil Ketua Audit Negara bagi pendapat tanpa teguran untuk Penyata Kewangan tahun 2004 yang merupakan bukti jelas bahawa kerajaan negeri mengamalkan tadbir urus kewangan yang cekap, telus dan berintegriti. [Ahli Dewan menepuk meja]. Segala pencapaian ini bukanlah usaha kerajaan negeri semata-mata tetapi digarap melalui pendekatan kerjasama seluruh jentera pentadbiran. Sokongan padu rakyat, komitmen sektor swasta, kekuatan institusi negeri serta kestabilan politik yang kita pertahankan bersama.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker,

Seterusnya saya akan membentangkan anggaran hasil perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan negeri Pahang untuk tahun 2026. Bagi tahun 2026 kerajaan negeri menyasarkan kutipan hasil mencecah 1.279 bilion ringgit. Unjuran kutipan hasil ini meningkat lebih kurang 7% berbanding belanjawan tahun 2025. Daripada jumlah ini, 1.274 bilion ringgit diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain dan aset dengan peningkatan sebanyak 91.83 juta ringgit atau 7.76% berbanding tahun 2025 dengan lebihan atau surplus sebanyak 5 juta ringgit .

Bagi menampung perbelanjaan pembangunan negeri dan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek, peruntukan sebanyak 446.26 juta ringgit disediakan iaitu kenaikan sebanyak 11.67% daripada peruntukan pembangunan tahun 2025. Di kesempatan ini saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan persekutuan atas kelulusan 15 buah projek dan inisiatif untuk negeri Pahang menerusi Belanjawan 2026 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2025.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Selaras dengan aspirasi Pahang 1st belanjawan ini adalah kesinambungan kepada visi besar negeri iaitu sebuah pelan tindakan yang dirancang bersifat menyeluruh serta bersandarkan kepada tujuh teras utama yang menjadi nadi pembangunan negeri. Melalui pendekatan yang ikhlas dan berteraskan tadbir urus yang baik kerajaan negeri beriltizam membawa Pahang ke mercu kemajuan yang mampan dengan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan. Bersandarkan kepada perspektif ini, maka tema Pahang 1st, Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan telah dipilih menjadi inti pati keseluruhan Belanjawan Negeri Pahang untuk tahun 2026.

Tujuh teras utama Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 ialah, yang pertama, memartabatkan agama Islam, memelihara institusi raja dan mengangkat warisan budaya. Kedua, melonjak ekonomi negeri. Ketiga, meningkatkan taraf pendidikan dan TVET, keempat membentuk rakyat berjati diri dan melahirkan pemimpin masa depan. Kelima, memastikan tadbir urus dinamik berprestasi tinggi dan berintegriti. Keenam, menjamin kelestarian alam. Ketujuh, menyah...menyejahterakan kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras pertama iaitu memartabatkan agama Islam memelihara institusi raja dan mengangkat warisan budaya merupakan jiwa dan semangat Pahang. Nadi keperibadian rakyatnya serta akar yang membentuk jati diri negeri ini sejak turun temurun. Agama hidup dalam jiwa rakyat membimbing cara berfikir, memandu, keutamaan dasar serta memastikan pembangunan yang dijalankan sentiasa di berkati. Di sisi agama berdirinya Institusi Diraja Pahang dan daulah Islam yang tetap utuh sejak 555 tahun lalu. Institusi Diraja ini bukan sekadar simbol tetapi payung yang menaungi perpaduan, menjamin kestabilan, mengangkat maruah negeri serta menjadi lambang keluruhan tamadun negeri Pahang. Warisan budaya pula adalah akar yang menyuburkan tamadun dan membina jati diri kita. Adat resam, bahasa, seni dan sejarah perjuangan nenek moyang kita menjadi tali pengikat masyarakat agar tidak hanyut oleh arus perubahan tanpa berpaut pada nilai yang memberi pedoman. Atas kesedaran ini, kerajaan negeri memilih teras ini sebagai teras pertama Belanjawan Negeri Pahang tahun 2026 kerana asas sesebuah negeri bukan terletak pada kemajuan fizikal semata-mata tetapi kepada kekuatan akidah, keluhuran institusi Diraja dan kesuburan budaya. Inilah tiang seri yang memastikan negeri Pahang terus megah, berdaulat, utuh untuk menghadapi masa depan. Bagi memperkukuhkan kedudukan Islam sebagai paksi kehidupan dalam pentadbiran negeri, kerajaan negeri menyediakan peruntukan berjumlah RM235.95 juta untuk tahun 2026 iaitu peningkatan sebanyak RM39.89 juta atau 20.35% berbanding tahun 2025.

Peningkatan ini adalah bukti jelas bahawa kerajaan negeri bukan sahaja mengekalkan komitmen memperteguhkan syiar Islam tetapi meningkatkannya dengan lebih agresif dan berstrategi, sekali gus menepis dakwaan yang menuduh Kerajaan Negeri Pahang kononnya tidak Islamik dan sekular. Kerajaan negeri tetap memilih jalan istiqomah dengan melangkah tenang dan tertib dalam memastikan syiar Islam terus ditegakkan di bumi bertuah ini tanpa goyah oleh celaan yang tidak membawa apa-apa makna. Selain dari itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM116.58 juta bagi operasi semua sekolah agama di seluruh negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]

Sebanyak RM17.4 juta lagi disediakan bagi pembinaan dan penyelenggaraan sekolah- sekolah agama demi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berkualiti tinggi. Dalam memastikan keselesaan ibadah umat Islam, kerajaan

negeri memperuntukkan RM7.28 juta untuk projek sambungan pembinaan Masjid Al-Fattah Batu 3 dan Masjid Indera Sempurna, Kuantan termasuk kerja-kerja penyelenggaraan yang lain. Dalam pada itu, sebanyak RM5.65 juta di sediakan bagi pembinaan baru Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan di Indera Mahkota serta penyelenggaraan bangunan Jabatan Agama Islam Pahang bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agama di negeri Pahang.

Sebagai tanda keprihatinan terhadap perkembangan pendidikan Islam, bayaran elaun tambahan dinaikkan sebanyak RM100.00 kepada setiap guru al-Quran dan fardhu ain asrama menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM1,000.00 setiap seorang untuk 350 orang guru. Dalam pada itu, bayaran tambahan elaun sebanyak RM100.00 juga diberikan kepada setiap guru KAFA seluruh negeri Pahang melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM3.66 juta.

Kerajaan negeri juga telah meluluskan penubuhan Sekolah Rendah Agama Islam Negeri Pahang di Cameron Highlands melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM3.23 juta bagi pembayaran emolumen, pegawai dan kakitangan serta pengubahsuaian bangunan.

Dalam pada itu, kerajaan negeri bersetuju mengurangkan yuran persekolahan agama daripada RM490.00 kepada RM370.00 iaitu penurunan sebanyak RM120.00 atau 24.5% serta pengurangan yuran asrama bagi sekolah menengah agama daripada RM670.00 kepada RM560.00 iaitu pengurangan sebanyak RM110.00 atau 16.4%.

Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan aspirasi menjadikan negeri Pahang sebagai pusat kecemerlangan ilmu Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah ataupun UniPSAS yang merupakan institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri akan diberi wajah serta visi baharu sebagai Universiti Al-Quran bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi berakar kepada wahyu sebagai panduan utama kehidupan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM20 juta sebagai geran mengurus dan pembangunan bagi memastikan agenda transformasi Universiti al-Quran ini dapat direalisasikan dengan lebih tersusun dan berkesan. Peruntukan tahun ini melibatkan kenaikan sebanyak 66.7% peratus berbanding peruntukan pada tahun 2025 iaitu sebanyak RM12 juta.

Dalam usaha menyuburkan kefahaman fiqh, jati diri kenegaraan dan semangat hubbul watan, kerajaan negeri memperuntukkan satu pelan RM5 juta bagi menjayakan Program Pemerkasaan Fiqh Al-Watan. Program ini menjadi wadah pendidikan rakyat agar selari dengan kedudukan negeri Pahang sebagai sebuah daulah Islam yang berdaulat dan negeri yang berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Waljamaah berdasarkan aliran al-Asyairah dan al-Maturidiyah. Sehubungan dengan itu, saya menyeru seluruh umat Islam di negeri Pahang agar berpegang teguh kepada ajaran yang sohih ataupun sahih menolak sebarang kefahaman songsang, ajaran menyesatkan atau gerakan ekstrem yang boleh menggugat akidah, memecah belahkan ummah serta merosakkan keharmonian masyarakat. Pegangan Ahli Sunnah Waljamaah mesti terus dipertahankan sebagai benteng akidah, asas perpaduan dan teras kekuatan negeri ini.

Memasuki tahun 2026, kerajaan negeri akan terus memperkasakan sektor pelancongan dengan pendekatan lebih strategik, inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan Visit Malaysia 2026. Sehingga suku ketiga tahun 2025, jumlah kehadiran pelancong ke negeri Pahang meningkat kepada 11. 47 juta pelawat berbanding 10.02

juta pelawat dalam tempoh yang sama pada tahun 2024. Hasil pelaksanaan kempen promosi pelancongan yang agresif serta peningkatan kualiti produk dan destinasi pelancongan yang menarik. Untuk itu, pelbagai perancangan perlu dilaksanakan melibatkan kerjasama pelbagai pihak bagi mewujudkan ekosistem pelancongan lebih mesra dan menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Bagi tujuan itu, sebanyak RM34.65 juta diperuntukkan untuk program pembangunan dan geran mengurus agensi pelancongan negeri. Satu jumlah yang menggambarkan tekad kerajaan negeri menjadikan pelancongan sebagai pemangkin ekonomi negeri.

Perbadanan Muzium Negeri Pahang akan menerima RM18.52 juta bagi memastikan warisan budaya negeri terus dipelihara, dimodenkan dan dipamerkan dengan cara yang lebih menarik kepada rakyat dan pelancong. Tourism Pahang pula diberi peruntukan sebanyak RM8.39 juta termasuk RM1 juta khusus bagi latihan dan pensijilan penggiat industri pelancongan.

Langkah ini akan meningkatkan profesionalism menarik pelaburan dan mengukuh kapasiti tenaga kerja dan sektor pelancongan. Perbadanan Taman Negeri Pahang akan menerima RM27 juta termasuk RM700 ribu untuk pembangunan Lipis Geopark yang berpotensi... Ada apa Yang Berhormat Dato' Sri Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tertekan...

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada apa YB Dato' Sri Speaker? Tertekan. Tak apa tidak sengaja. [Ahli Dewan ketawa]

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Perbadanan Taman Negeri Pahang akan menerima 2.. saya ulang sebab tertekan tadi mungkin ada, ada yang tak dapat apa yang saya nyatakan. Perbadanan Taman Negeri Pahang akan menerima RM2.7 juta termasuk RM700 ribu untuk Pembangunan Lipis Geopark yang yang berpotensi menjadi destinasi geo pelancongan bertaraf antarabangsa. Majlis Biodiversiti Pahang turut diberi peruntukan RM2 juta bagi melaksanakan Program Konservasi Pendidikan dan aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi. Di Pulau Tioman, sebanyak RM5.12 juta diperuntukkan sebagai Geran Mengurus dan Pembangunan kepada Lembaga Pembangunan Tioman, termasuk RM580 ribu diperuntukkan bagi program promosi penganjuran acara dan infrastruktur pelancongan di pulau tersebut. Langkah ini memastikan Pulau Tioman terus menjadi permata pelancongan negeri Pahang yang dikenali dunia.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras kedua iaitu melonjak ekonomi negeri memberi fokus kepada pemacuan ekonomi negeri Pahang secara agresif, tersusun dan mampan dengan mewujudkan ekosistem ekonomi yang lebih kompetitif melalui peruntukan melalui pengukuhan industri dan pelaburan.

Pemodenan sektor tradisional serta pembangunan infrastruktur sebagai pemangkin peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup. Keusahawanan kekal sebagai pemacu penting pembangunan ekonomi rakyat. Untuk itu, program Usahawan

Makmur diteruskan pada tahun 2026 dengan peruntukan RM5 juta bagi membantu usahawan menembusi pasaran baru, meningkatkan jualan serta memperkukuhkan daya saing produk tempatan. Bagi membantu penjaja dan peniaga kecil berlesen di seluruh negeri, kerajaan negeri melalui Inisiatif Makmur Pahang memperuntukkan RM3 juta ringgit bagi pemberian lesen percuma kepada penjaja B40 yang sedia ada di seluruh negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja].

Seterusnya, kerajaan negeri memperuntukkan RM300,000.00 bagi memastikan memahami, bagi memastikan rakyat memahami hala tuju ekonomi negeri melalui Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang atau PET30. Bagi memastikan agenda keterjaminan makanan negeri terus diperkukuhkan secara strategik dan bersepadu, kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pemerkasaan tiga sektor utama iaitu penternakan, pertanian dan perikanan melalui pembangunan teknologi moden serta penglibatan aktif rakyat dalam ekosistem agro negeri dengan peruntukan sebanyak RM68.63 juta untuk tahun 2026 [Ahli Dewan menepuk meja].

Bagi merancakkan sektor penternakan, kerajaan negeri memperuntukkan RM24.7 juta merangkumi yang pertama, RM23.55 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan. Kedua, RM650,000.00 bagi Projek Peningkatan Genetik Ternakan dan peluasan Projek Wagyu Pahang. Ketiga, RM500,000.00 melalui Skim Makmur Ternak untuk membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan kapasiti pengeluaran.

Bagi sektor pertanian pula, kerajaan negeri memperuntukkan RM42.63 juta merangkumi yang pertama RM40.63 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan. Kedua, RM2 juta untuk menganjurkan program MAHA Pahang sebagai platform pemerkasaan agroekonomi dan agropelancongan.

Saya ucapkan tahniah kepada Exco Kanan, ADUN Benta kerana telah berjaya mengadakan program MAHA baru-baru ini di Temerloh dan kita akan teruskan. Kehadiran yang… yang begitu menggalakkan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Tahun depan kita buat lagi. Mungkin kita buat di Cheka ke, di Lipis ataupun di Beserah ke, ataupun di Tanjung Lumpur ke. Saya harap Yang Berhormat mengalu-alukan kehadiran, apa kita buat MAHA ya, ya. Kita… kita, kita tak Hogoh Cheka. Kita panggil, kita panggil Kasih Cheka. Sebab kita tengok Hogoh Jelai, daripada 30,000 cuma 1,300 je yang hadir. Jadi kalau kita buat kasih tu mungkin ramai lagi yang hadir.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

[ketawa] bagi sektor perikanan pula, kerajaan negeri memperuntukkan RM1.3 juta. Yang pertamanya, RM600,000.00 bagi Program Pembangunan Kualiti Perikanan Darat, Konservasi Baka Ikan Asli dan Pengembangan Akuakultur di bawah Rancangan Perikanan Negeri Pahang. Kedua, RM250,000.00 bagi Kempen Penghapusan Ikan Asing termasuk mengekang ancaman ikan baung ekor merah dan bukannya untuk dikomersialkan. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat ADUN Cheka kerana kerajaan negeri memikirkan cadangan untuk komersialkan ikan baung, ikan merah ini adalah tidak boleh menyelesaikan masalahnya. Jadi yang pentingnya ialah kita kena hapuskan ikan asing ini, ikan asing ikan baung ekor merah ini. Jadi kita peruntukkan RM250,000.00 Dato' Sri Speaker.

Ketiga, RM250,000.00 bagi Program Pelepasan Benih Ikan Asli ke Perairan Umum Seluruh Negeri. Keempat, RM200,000.00 bagi menganjurkan Karnival Nelayan Darat 2026 untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap konservasi dan industri perikanan air tawar.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras ketiga iaitu meningkatkan taraf pendidikan dan TVET atau pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional, merupakan tunjang kemajuan dalam mana-mana masyarakat yang ingin melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Sesebuah negeri boleh membina bangunan yang megah, jalan raya yang luas dan projek yang gah. Namun, tanpa rakyat yang berpengetahuan, celik teknologi, berkemahiran dan berdaya saing, pembangunan itu tidak akan mampu dipertahankan dalam jangka masa yang panjang.

Modal insan yang berkualiti bukan sekadar lambang kebijaksanaan sesebuah kejayaan, tetapi merupakan jaminan utama untuk masa depan negeri Pahang. Pendidikan yang kukuh adalah permulaan kepada setiap kejayaan. Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang memperuntukkan RM75 juta secara menyeluruh bagi ekosistem pendidikan negeri merangkumi sekolah, institusi pengajian tinggi, tahfiz dan pembangunan masyarakat.

Daripada jumlah itu, RM24 juta disediakan sebagai biasiswa kepada 50,000 pelajar sekolah rendah dan menengah sebagai usaha memberi ruang yang lebih luas kepada anak-anak Pahang untuk mencapai kecemerlangan. Kerajaan negeri melalui Yayasan Pahang memperuntukkan RM8 juta kepada pembangunan komuniti belia dan graduan. Ini mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri untuk memperkukuh jaringan sosial dan modal insan kepada semua peringkat. Langkah ini menunjukkan negeri Pahang tidak berkompromi apabila menyentuh soal pendidikan anak bangsa.

Setiap wang yang dibelanjakan adalah pelaburan untuk menjadikan generasi akan datang lebih berdaya saing, lebih kreatif dan lebih bersedia mengemudikan masa depan negeri. Industri masa depan menuntut kemahiran teknikal yang tinggi khususnya dalam bidang TVET pada hari ini, bukan lagi dianggap sebagai pilihan kelas kedua, sebaliknya menjadi keutamaan pihak industri yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan lebih relevan, selari dengan permintaan pasaran kerja moden.

Bagi memastikan anak Pahang memiliki kemahiran TVET, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM3.5 juta kepada Pahang Skills untuk menyediakan infrastruktur, penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan Latihan [Ahli Dewan menepuk meja]. Sebanyak RM1 juta lagi diperuntukkan kepada Pahang Skills bagi Program Padanan Industri melalui TVET Pahang Talent Development bertujuan memastikan graduan dan pekerja yang tiada sijil kemahiran dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka, sekali gus mengisi peluang pekerjaan berkualiti.

Selaras dengan perkembangan sektor pengangkutan rel di Malaysia, kerajaan negeri menyediakan RM1 juta Geran Padanan kepada Yayasan Pahang untuk Akademi Rel Pahang UCYP University, dengan kos keseluruhannya sebanyak RM2 juta [Ahli Dewan menepuk meja]. Inisiatif ini memberi anak-anak Pahang peluang memasuki industri rel dengan latihan *soft skill* terutamanya dalam menyediakan pasaran kerja apabila Laluan Rel Pantai Timur yang dijangka akan beroperasi pada Januari 2027.

Kerajaan negeri memandang pendidikan Islam sebagai asas pembinaan akhlak dan jati diri. Bagi memperkukuh pendidikan tahfiz serta memastikan anak-anak daripada keluarga B40 tidak tercicir, kerajaan negeri memperuntukkan RM1.8 juta sebagai subsidi tadika tahfiz di negeri Pahang di semua 42 DUN Ahli Dewan menepuk meja]. Melalui inisiatif ini, kanak-kanak seawal usia empat tahun akan mendapat pendedahan kepada asas al-Quran, nilai murni dan akhlak Islam seterusnya melahirkan generasi huffaz dan masyarakat berakhlak mulia.

Kerajaan negeri juga bersetuju memberi Geran Padanan sebanyak RM7.5 juta kepada Yayasan Pahang bagi membina Maahad Tahfiz Negeri Pahang ketiga di negeri ini yang akan dibina di daerah Maran dengan kos kelulusan sebanyak RM15 juta pada tahun 2026. Jadi bila pecah tanah ini, tanah nanti kita jemput YB Maran hadir sama lah, ya.

Bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti, kerajaan negeri memperuntukkan RM500,000.00 bagi Pahang STEM Competition yang membuka peluang kepada murid sekolah dan pelajar IPT menunjukkan idea, inovasi serta ciptaan mereka di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras keempat iaitu Membentuk Rakyat Berjati Diri dan Melahirkan Pemimpin Masa Hadapan. Menegaskan komitmen Kerajaan Negeri Pahang untuk membina generasi Pahang yang kuat jati dirinya, celik ilmu, teguh semangat kebangsaan serta bersedia memimpin negeri ini ke arah masa depan yang lebih makmur. Kita mahu rakyat Pahang bukan sekadar menjadi pemerhati pembangunan, tetapi menjadi penggerak pelaksana dan pemimpin kepada masa depan negeri.

Akademi Pahang 1st ditubuhkan sebagai platform strategik dalam membentuk kefahaman rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan negeri memperkukuhkan pendidikan kenegaraan, membina sahsiah dan jati diri serta sebagai pusat pembinaan minda rakyat Pahang. Selaras dengan fungsi tersebut, kerajaan negeri memperuntukkan RM4 juta bagi penganjuran program ilmiah dan strategik. Antaranya Wacana Intelektual Pahang, Konvensyen Pemikiran dan Dasar serta Inisiatif Penyelidikan Dasar Strategik Pahang.

Menyedari pentingnya mencari pelapis kepimpinan negeri, Program Pahang Lead diteruskan dengan peruntukan RM2 juta. Program ini melatih pelajar sekolah dengan asas kepimpinan, pemikiran strategik dan nilai integriti. Anugerah Kecemerlangan Sekolah Pahang 1st pula diperuntukkan RM220,000.00 untuk menghargai sekolah terbaik setiap daerah yang menunjukkan pencapaian luar biasa dalam pengurusan dan pembangunan pelajar.

Belia adalah tenaga penggerak serta pewaris masa depan negeri ini. Justeru, bagi tahun 2026, kerajaan negeri melaksanakan pelbagai program strategik dengan peruntukan khusus bagi memastikan belia Pahang terus berdaya saing, berwibawa dan mampu memimpin negeri ke hadapan.

Program-program tersebut adalah yang pertama sebanyak RM700,000.00 melalui Majlis Tindakan Sosial Pahang bagi program anak-anak muda seperti Moh Santai Orang Muda, Fun Run & Ride, Kelab Motor Tok Wan Pahang 1st dan Karnival Sukan MTSP Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Kedua, sebanyak RM150,000.00 untuk Retreat Pemimpin Muda Pahang 2026 bagi membina kepimpinan belia yang responsif dan inovatif. Ketiga, sebanyak RM330,000.00 bagi Youth Volunteer@Community Pahang untuk menggalakkan pelaksanaan projek komuniti dan kemudahan asas oleh belia. Keempat, sebanyak RM1 juta kepada Majlis Belia Negeri Pahang sebagai geran pengurusan untuk kelangsungan operasi dan program tahunan. Kelima, sebanyak RM475,000.00 bagi Youth Empowerment Society sebagai persiapan kepimpinan belia dari daerah hingga negeri.

Keenam, sebanyak RM300,000.00 untuk Program Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 bagi melahirkan pelapis belia profesional dan bertauliah. Ketujuh, sebanyak RM1.04 juta melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang bagi program Festival Belia Pahang, Anugerah Perdana Belia Negara, Hari Sukan Negara dan Program Sukarelawan Anak Muda In Action.

Di bawah Majlis Sukan Pahang, Kerajaan negeri memperuntukkan RM21.04 juta untuk pembangunan sukan termasuk pembangunan atlet negeri dalam pelbagai acara. Bagi memberi pengiktirafan kepada atlet muda yang membawa nama negeri Pahang ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Kerajaan negeri menyediakan RM450,000.00 melalui inisiatif Atlet Makmur Pahang.

Bagi menggalakkan penciptaan karya kreatif digital serta penglibatan anak muda dalam industri media sosial dan kreatif, kerajaan negeri meneruskan program Karya Anak Pahang dan Dana Media Kreatif dengan peruntukan RM300,000.00.

Bagi memperkukuh kesejahteraan warga FELDA, kerajaan negeri melalui Sekretariat Muafakat FELDA Pahang memperuntukkan RM5 juta untuk pelaksanaan program seperti Jelajah Klinik Tok Wan, Kembara Muafakat FELDA Pahang, Sumbangan Makmur serta Program Pembangunan Pendidikan FELDA. Program-program ini berperanan sebagai jambatan antara warga FELDA dan Kerajaan Negeri bagi memastikan kemakmuran komuniti FELDA terus berkekalan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras kelima iaitu Memastikan Tadbir Urus Dinamik, Berprestasi Tinggi dan Berintegriti dirangka untuk memastikan jentera pentadbiran negeri kekal tangkas dan responsif bagi memastikan segala dasar dan inisiatif pembangunan ini memberi impak maksimum kepada rakyat.

Meneliti keperluan perancangan yang tepat dan berasaskan data, kerajaan negeri memperuntukkan RM9.89 juta bagi melaksanakan pelbagai kajian oleh jabatan dan agensi. Antara kajian adalah Rancangan Struktur Negeri Pahang 2040, Kajian dan Pembangunan Artifak, Kajian Biodiversiti dan Alam Sekitar.

Dalam usaha memperluas transformasi digital kerajaan, sebanyak RM6.12 juta diperuntukkan bagi program transformasi teknologi maklumat dan komunikasi penjawat awam serta penyediaan komputer riba kepada para pelajar termasuk pelajar Orang Asli.

Bagi menjamin keterhubungan digital seluruh negeri, kerajaan negeri memperuntukkan RM3 juta kepada Pahang Go bagi melaksanakan PRISMA 5.0 untuk menyediakan capaian internet yang lebih meluas khususnya kepada komuniti luar bandar dan pedalaman.

Anugerah Pahang 1st merupakan platform pengiktirafan rasmi kerajaan negeri untuk memupuk budaya kerja berprestasi tinggi dalam perkhidmatan awam. Untuk itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM750,000.00 untuk melaksanakan inisiatif ini termasuk mendorong inovasi, pengurusan berasaskan prestasi dan peningkatan nilai perkhidmatan. Di samping itu, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM300,000.00 bagi melaksanakan Sesi Libat Urus e-Rakyat, sebuah pangkalan data komprehensif untuk memastikan maklumat bantuan rakyat secara lebih tersusun, telus dan berkesan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Segala kejayaan negeri ini tidak akan tercapai tanpa peranan penting penjawat awam yang menjadi tulang belakang pentadbiran. Komitmen dan kesetiaan mereka adalah nadi yang menggerakkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Sehubungan dengan itu, sebagai penghargaan di atas segala pengorbanan, kesetiaan, keikhlasan serta khidmat bakti sepanjang tahun, kerajaan negeri dengan sukacitanya mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak dua bulan gaji kepada penjawat awam [Ahli Dewan menepuk meja] di bawah pentadbiran kerajaan negeri melibatkan peruntukan keseluruhan RM48 juta yang akan dikreditkan sebanyak dua kali pada tahun 2026.

Senyum je yang di atas tu. Sebagai tanda terima kasih atas komitmen dalam memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam, kerajaan negeri memperuntukkan RM3.75 juta kepada Insentif Khas Pahang 1st sebanyak RM200.00 [Ahli Dewan menepuk meja] kepada 18,743 kakitangan awam persekutuan yang berpendapatan bawah RM3,000.00 pada 31 Disember nanti. Ini pertama kali Yang Berhormat Dato' Speaker, kita bagi kepada penjawat awam…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat, bagi pihak mereka.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi Speaker tak dapat ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak ada. Setakat ni belum lagi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Oleh itu, saya amat berharap seluruh penjawat awam negeri dan persekutuan terus berdiri teguh bersama kerajaan negeri untuk memperkasakan iltizam memantapkan integriti dan memelihara semangat berpasukan agar segala agenda pembangunan yang direncanakan dapat direalisasikan demi kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dalam masa yang sama, saya menyeru agar penjawat awam kekal menjadi benteng pelindung yang mempertahankan kerajaan negeri apabila wujud suara-suara yang cuba memesongkan fakta, mengeruhkan persepsi dan menggugat keyakinan rakyat terhadap usaha yang telah dilaksanakan selama ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras keenam iaitu Menjamin Kelestarian Alam memberi penekanan kepada komitmen kerajaan negeri untuk memastikan pembangunan negeri bergerak seiring dengan pemuliharaan alam sekitar. Kelestarian bukan lagi pilihan tetapi tuntutan masa hadapan bagi menjamin ekosistem yang sihat, sumber yang berkekalan dan kualiti hidup yang lebih baik untuk seluruh rakyat Pahang.

Pahang merupakan negeri yang kaya dengan khazanah alam semula jadi dengan 2.06 juta hektar atau 57.07 peratus merupakan kawasan berhutan daripada 3.59 juta hektar keseluruhan keluasan negeri Pahang.

Justeru, kerajaan negeri sentiasa berpendirian bahawa hutan bukan sekadar aset ekonomi tetapi nadi ekologi dan warisan generasi masa depan. Bagi memperkukuhkan agenda pemeliharaan hutan dan biodiversiti, kerajaan negeri memperuntukkan RM102.83 juta kepada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Majlis Biodiversiti Pahang, Perbadanan Taman Negeri Pahang serta Unit Penguatkuasa Negeri Pahang. Daripada jumlah itu, sebanyak RM65.08 juta disediakan khusus bagi pengurusan, pembangunan program dan projek pemuliharaan sumber ekologi melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang termasuk pengurusan kawasan sensitif, aktiviti restorasi serta inisiatif meningkatkan daya tahan ekosistem negeri.

Seterusnya, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM780,000.00 di bawah peruntukan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek pengurusan sumber hutan serta program perlindungan hutan. Langkah ini adalah manifestasi kesungguhan berterusan kerajaan negeri dalam mempertahankan kelestarian biodiversiti Pahang. Sumber mineral merupakan antara penyumbang penting kepada hasil negeri, namun pengurusannya mesti selaras dengan prinsip kelestarian. Atas dasar itu, kerajaan negeri mensasarkan kutipan hasil sebanyak RM150 juta pada tahun 2026 melalui pengurusan mineral secara teratur dan telus.

Bagi menyokong pembangunan industri mineral, kerajaan negeri melalui Pahang Mining Corporation memperuntukkan RM4.5 juta untuk rancangan pembangunan industri mineral.

Seiring dengan itu, sebanyak RM1.65 juta diperuntukkan kepada Projek Pengembangan Industri Mineral meliputi projek pengurusan sisa lombong, kajian pra-kebolehlaksanaan kaedah pengangkutan mineral baharu dan kajian potensi serta deposit mineral negeri Pahang. Usaha ini penting bagi memastikan sektor mineral terus berkembang tanpa menjejaskan alam sekitar.

Akses kepada air bersih adalah hak asas rakyat. Kerajaan negeri memperuntukkan siling peruntukan keseluruhan di bawah Rancangan Negeri Pahang 2026-2030 berjumlah RM716.05 juta bagi projek-projek bekalan air termasuk pembinaan infrastruktur dan juga menaik taraf sistem sedia ada bekalan air di seluruh negeri.

Pada tahun 2026, kerajaan negeri memperuntukkan RM64.54 juta melalui Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mengurangkan kehilangan air tidak terhasil serta memastikan bekalan lebih stabil dan berkualiti. Dalam pada itu, kerajaan negeri melalui PAIP telah menyediakan Program Air Percuma Pahang 1st bagi setiap 20 kubik meter pertama bagi membantu golongan B40 menikmati air terawat percuma serta mengurangkan bil isi rumah bulanan. Pada tahun 2025 sebanyak RM4.6 juta telah disediakan. Manakala bagi tahun 2026 pula sebanyak RM7.3 juta atau kenaikan 58.7% akan disediakan yang memberi manfaat kepada 38,000 pengguna. Di samping itu, RM1.44 juta turut diagihkan kepada Badan Kawal Selia Air untuk kerja-kerja pembinaan struktur *log boom* iaitu benteng memerangkap halangan di Empangan Chereh, Sungai Lembing. Pemasangan sistem pemantauan kualiti air atas talian serta penyelenggaraan kemudahan sedia ada.

Kerajaan negeri terus memberi keutamaan kepada usaha mengurangkan risiko bencana banjir melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerja-kerja mitigasi,

pemuliharaan serta pembangunan infrastruktur saliran. Bagi tujuan tersebut, sebanyak RM52.23 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang bagi melaksanakan projek-projek berkaitan pengurangan risiko banjir, hakisan pantai dan pemulihan muara sungai.

Usaha kerajaan negeri ini turut diperkukuh dengan sokongan kerajaan persekutuan melalui peruntukan RM188 juta yang disalurkan untuk projek tebatan banjir berskala besar, rancangan pemuliharaan koridor sungai, kerja-kerja menstabilkan hakisan pantai, naik taraf infrastruktur pengairan serta kajian dan pembangunan sistem saliran mesra alam.

Kerajaan negeri pula memperuntukkan sebanyak RM11.16 juta untuk pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Daerah dan Projek Pengurusan Lembangan Sungai sebagai langkah meningkatkan keselamatan, ketahanan dan kesejahteraan komuniti. Kerajaan negeri juga menyediakan RM5.3 juta bagi projek pembangunan saliran bandar, memastikan infrastruktur saliran lebih tersusun, moden dan mampu menyokong pembangunan bandar yang lestari serta mesra alam.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Teras ketujuh iaitu Menyejahterakan Rakyat menegaskan pendirian kerajaan negeri bahawa pembangunan yang pesat tidak akan membawa makna sekiranya tidak diterjemahkan dalam bentuk kesejahteraan kepada rakyat. Oleh itu, pendekatan kerajaan negeri adalah memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat secara langsung daripada hasil negeri seterusnya menikmati kehidupan yang lebih makmur.

Bagi memperkukuh kesejahteraan rakyat, kerajaan negeri komited meneruskan Program Sentuhan Rakyat Makmur pada tahun 2026. Untuk itu, Kerajaan negeri memperuntukkan RM2 juta bagi menjayakan program turun padang yang membolehkan rakyat menyuarakan isu, cadangan dan keperluan mereka secara langsung kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri juga memperuntukkan RM860 ribu kepada Sekretariat Perantau Anak Pahang bagi penganjuran pelbagai program bersama anak-anak Pahang di perantauan bertujuan mempererat hubungan dengan mereka. Antara program yang akan diteruskan termasuk Jamuan Mega Raya, Karnival Sukan Perantau Anak Pahang, Program Larian Tok Gajah serta Baucar Petrol Moh Balik Beraya Pahang.

Selain itu, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM5 juta bagi meneruskan Karnival Aspirasi Pahang 1st yang menjadi platform interaksi rakyat dan kerajaan termasuk penganjuran Karnival Tanah Pahang dan Karnival Usahawan Makmur. Kerajaan negeri juga akan meneruskan Jelajah Aspirasi Pahang 1st dengan peruntukan RM3 juta bagi menangani isu-isu asas rakyat seperti air, elektrik, infrastruktur kecil serta kerosakan kemudahan awam di peringkat komuniti.

Kerajaan negeri merakamkan penghargaan kepada kerajaan persekutuan atas peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan di seluruh negeri. Pada tahun 2026, kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri, jalan perbandaran, jalan pertanian dan jalan kampung akan dilaksanakan dengan nilai keseluruhan RM455 juta. Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti infrastruktur negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang diperuntukkan sebanyak RM134.34 juta untuk Bajet mengurus dan pembangunan. Daripada jumlah ini, RM54.95 juta disediakan khusus bagi menaik taraf jalan serta membaik pulih dan

menaik taraf kompleks pejabat kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Kerajaan negeri juga meneruskan subsidi Kad Pengangkutan Feri Tioman bagi memudahkan mobiliti penduduk Pulau Tioman. Bagi pelaksanaan program ini, sebanyak RM500,000 diperuntukkan kepada Lembaga Pembangunan Tioman.

Untuk menyediakan kediaman selesa, berkualiti dan mampu milik kepada rakyat terutama golongan muda sentiasa menjadi keutamaan kerajaan negeri. Melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP) pelbagai inisiatif telah digerakkan bagi memastikan setiap keluarga menikmati tempat tinggal yang selamat dan sejahtera. Komitmen ini dilaksanakan melalui projek-projek perumahan seperti Rumah PR1MA Pahang, Rumah Makmur Pahang, Rumah Rakyat Pahang dan Pangsapuri Pahangku yang bukan sahaja menangani keperluan semasa tetapi turut membawa impak jangka panjang kepada kualiti hidup rakyat Pahang.

Sejak mula dilancarkan pada tahun 2020 sehingga November 2025, sebanyak 1,110 unit Rumah Rakyat Pahang telah siap dibina [Ahli Dewan menepuk meja] dan diserahkan kepada penerima dengan nilaian sebanyak RM83.25 juta. Bagi tahun 2026, kerajaan negeri memberikan peruntukan mengurus dan pembangunan sebanyak RM8.55 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP). Bagi meneruskan pelaksanaan pembinaan Rumah Rakyat Pahang Fasa 6, sebanyak RM28.7 juta diperuntukkan dengan subsidi daripada kerajaan negeri sebanyak RM9.45 juta dan RM19.25 juta daripada LPHP, bertujuan membantu golongan miskin dan miskin tegar memiliki rumah yang selesa secara percuma dengan nilai RM80 ribu seunit berserta kelengkapan rumah.

Kerajaan negeri akan meneruskan pelaksanaan program Rumah Rakyat Pahang kuota Orang Asli fasa tujuh pada tahun 2026 bagi memastikan masyarakat Orang Asli mendapat akses kepada kediaman yang selesa, selamat dan berdaya huni. Projek ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif yang telah bermula sejak tahun 2023 dan pada tahun 2026 sebanyak RM10.29 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Projek Skim Tanah Warisan Fasa 3 diteruskan di DUN Cheka, Lipis selepas dilaksanakan di DUN Jelai, Lipis dan DUN Bebar, Pekan dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Seterusnya, patik merafak sembah dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas keprihatinan serta kecaknaan dalam membantu rakyat jelata memiliki rumah secara percuma dengan mengilhamkan Program Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah ataupun RU'RASA. Sebanyak RM26.86 juta telah diperuntukkan oleh LPHP bagi pembinaan RU'RASA fasa tiga. Sehingga November 2025, sebanyak 384 unit rumah telah siap dibina dalam fasa satu dan fasa dua dengan nilai RM32.45 juta.

Dalam memastikan kelompok rentan sentiasa mendapat perlindungan, sokongan serta kebajikan yang berkesan, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus memainkan peranan penting sebagai agensi pelaksana dasar sosial negara. Bagi memperkukuh usaha tersebut, Kerajaan negeri memperuntukkan RM19.14 juta kepada JKM, selain RM10 juta lagi melalui Tabung Bencana Negeri Pahang.

Menyedari kepentingan kebajikan warga emas dan orang kurang upaya (OKU), kerajaan negeri meneruskan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dengan peruntukan RM1 juta. Kerajaan negeri turut menyalurkan pemberian *one-off* sebanyak

RM300 kepada pelatih pemulihan dalam komuniti sebagai galakan untuk terus mengikuti program di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK). Inisiatif ini melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM468,000.00. Pada masa yang sama, kerajaan negeri meneruskan sumbangan *one-off* sebanyak RM500,000.00 kepada setiap penyelia dan petugas PPDK melibatkan peruntukan RM150,000.00.

Bagi memperkukuh usaha pencegahan penyalahgunaan dadah, kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan RM75,000.00 kepada PEMADAM, RM75,000.00 lagi kepada PENGASIH dan RM150,000.00 pula kepada Drugs Intervention Community (DIC) untuk menggerakkan aktiviti kesedaran serta pendidikan antidadah di seluruh negeri. Sebagai komitmen berterusan untuk membangunkan kemudahan sosial yang lebih inklusif, kerajaan negeri juga bersetuju untuk membina sebuah Kompleks Komuniti di daerah Lipis dengan peruntukan RM10 juta bagi manfaat masyarakat setempat.

Kerajaan negeri terus menghargai sumbangan wanita dalam pembangunan keluarga dan negeri dengan meneruskan program khusus di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Selain dari itu, sebanyak RM1 juta juga diperuntukkan di bawah program Anggun Suri untuk membantu pasangan muda terutama golongan kurang berkemampuan termasuk B40 untuk melangsungkan perkahwinan. Program Anggun Maju diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM1 juta yang memberikan manfaat kepada 1,000 usahawan wanita di negeri Pahang.

Kesejahteraan komuniti Orang Asli sentiasa menjadi agenda penting dalam belanjawan negeri dengan setiap penekanan difokuskan kepada peluang pendidikan, ekonomi dan infrastruktur untuk mereka dalam memastikan suara dan kepentingan masyarakat Orang Asli terus diberi perhatian dalam arus pembangunan negeri.

Untuk itu, pelbagai program dan inisiatif akan terus dilaksanakan pada tahun 2026. Pertama, Projek Baik Pulih Rumah dengan peruntukan RM1.5 juta. Kedua, Projek Pembekalan Air ke Kampung Orang Asli dengan peruntukan RM500 ribu. Ketiga, Program Penyerahan Bakul Makanan untuk masyarakat Orang Asli dengan peruntukan RM2.63 juta. Keempat, Program Sambutan Hari Orang Asli Sedunia Peringkat Negeri Pahang dengan peruntukan RM400,000.00.

Kelima, pelaksanaan program seperti e-DOA (Education Demi Orang Asli) dan Program Insentif Kecemerlangan Pelajar Orang Asli dengan peruntukan RM300 ribu. Kerajaan negeri komited untuk meneruskan inisiatif Juadah Makmur pada tahun 2026 dengan peruntukan RM8.5 juta. Walaupun terdapat suara-suara yang mengkritik dan mempersoalkan pelaksanaan ini. Inisiatif ini menjadi wadah mempererat silaturahim serta memupuk budaya berkongsi rezeki yang telah mendapat sambutan sangat baik dalam kalangan masyarakat. Sebagai tanda keprihatinan, kerajaan negeri meluluskan inisiatif ini kepada pelajar... bukan meluluskan, meluaskan. Kerajaan meluaskan inisiatif ini kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan peruntukan RM1.2 juta.

Bagi mengekang kenaikan harga barang serta memastikan bekalan makanan asas mudah diperoleh rakyat, kerajaan negeri meneruskan program Jualan Makmur untuk membantu orang ramai mendapatkan barangan asas pada harga berpatutan dengan peruntukan RM7.56 juta.

Sebagai tanda komitmen berterusan kerajaan negeri untuk memastikan kebajikan rakyat terus diperkasa. Inisiatif Makmur Pahang diteruskan bagi tahun 2026 dengan

jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM84.59 juta kenaikan sebanyak 67.37 peratus berbanding tahun 2025. Peruntukan kepada empat kluster penerima ini membuktikan iltizam kerajaan negeri bahawa pembangunan negeri Pahang mesti bergerak seiring dengan jaminan kebajikan rakyat supaya manfaat pembangunan dirasai secara inklusif oleh semua lapisan masyarakat.

Bagi kluster pelajar, kerajaan negeri menyediakan tujuh inisiatif. Pertama, pemberian peralatan persekolahan kepada semua pelajar tahun 1 dan pelajar miskin tegar tahun 2 hingga tingkatan 5 bernilai RM100.00, serta pemberian baucar Jom Sekolah bernilai RM100.00 bagi pakaian dan kelengkapan sekolah melalui Program Tunas Makmur dengan peruntukan RM14.8 juta. Meneruskan pemberian kad diskaun 30% kepada semua ibu bapa yang mempunyai anak dari tadika sehingga tingkatan 6, mahasiswa IPT anak Pahang dan bukan anak Pahang yang sedang belajar di negeri Pahang, semua guru termasuk guru tadika dan semua pensyarah di IPT dalam negeri Pahang.

Kedua, pemberian bantuan buku rujukan dan latihan kepada pelajar SPM, STPM dan STAM dengan peruntukan RM3.64 juta.

Ketiga, Inisiatif Pemberian Bantuan Makanan kepada pelajar sekolah menengah miskin tegar dengan peruntukan RM4 juta.

Keempat, Pemberian bantuan RM100.00 kepada pelajar tahfiz dengan peruntukan RM800,000.00.

Kelima, pemberian Insentif Kecemerlangan Pendidikan Negeri Pahang bagi pelajar SPM, STPM dan STAM berjumlah RM1.5 juta sebagai penghargaan kepada pelajar cemerlang anak Pahang yang mengharumkan nama negeri.

Keenam, pemberian sumbangan RM400.00 kepada pelajar Pahang di IPTA seluruh negara dan pelajar Pahang di IPTS yang berdaftar dengan kerajaan negeri melibatkan peruntukan keseluruhan RM9 juta.

Ketujuh, pemberian sumbangan RM1,000.00 kepada setiap pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara dengan peruntukan RM300,000.00.

Oleh itu, Yang Berhormat sekalian janganlah pertikaikan bila anak-anak murid kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri ini. Ini ada yang pertikaikan pula Yang Berhormat Dato’ Sri. Kenapa ucap terima kasih?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada macam tu ye?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada... ada. Dan diviralkan Yang Berhormat. Tapi Alhamdulillah nak balas balik. Takkanlah nak ucap terima kasih tak boleh orang yang beri kan? Seterusnya, mohon izin untuk meneruskan Speaker, kita hari ini hari Jumaat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bagi kluster agama pula, kerajaan negeri menyediakan sembilan inisiatif iaitu pertama, pemberian sumbangan RM10,000.00 kepada masjid dan RM4,000.00 kepada surau kebenaran solat Jumaat dengan peruntukan RM7.95 juta.

Kedua, pemberian sumbangan khairat kematian RM200.00 kepada waris dengan peruntukan RM3 juta.

Ketiga, pemberian wang saku RM750.00 dan bekalan makanan retort di bawah Juadah Makmur kepada jemaah haji Pahang dengan peruntukan RM2.5 juta menerusi Program Barakah Haji Pahang. Yang ni Pahang je buat Dato' Speaker. Kalau Dato' Speaker pergi haji tahun depan bolehlah dapat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB. DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat kawan-kawan daripada belah sana, pergi haji pun dapat juga.

Keempat, pemberian insentif RM200.00 kepada setiap mualaf dengan peruntukan RM1 juta.

Kelima, pemerkasaan koperasi masjid dengan peruntukan RM600,000.00.

Keenam, pemberian bantuan RM2,000.00 kepada setiap Maahad Tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) dengan peruntukan RM500,000.00.

Ketujuh, pemberian insentif RM300.00 kepada pengantin baharu yang berkahwin kali pertama dengan peruntukan RM1.4 juta.

Kelapan, Pemberian Bantuan Khas Aidilfitri kepada Imam, Bilal, Siak, Wali Hakim, Guru Takmir, Guru KAFA dan Pengurus Jenazah dengan peruntukan RM1.28 juta.

Kesembilan, Program Berkhatan Anak Pahang diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta yang memberi manfaat kepada kanak-kanak, golongan mualaf dan Orang Asli.

Bagi Kluster B40, kerajaan negeri menyediakan tiga inisiatif termasuk pemberian lesen percuma kepada penjaja B40 sedia ada seluruh Pahang yang telah disebut di awal tadi. Dua lagi inisiatif ialah pertama, pemberian bantuan RM200.00 kepada setiap golongan petani dengan peruntukan RM1.07 juta. Kedua, pemberian bantuan RM200.00 kepada setiap golongan nelayan dengan peruntukan RM650,000.00.

Bagi Kluster Umum pula, kerajaan negeri menyediakan lima inisiatif iaitu pertama, pemberian kad kesihatan untuk warga emas dan OKU, diperluas kepada pesara ATM dan PDRM dengan peruntukan RM16 juta menerusi Program Kasih Makmur.

Kedua, pemberian sumbangan kepada setiap kelahiran baharu di Pahang dengan peruntukan RM6.5 juta menerusi Program Permata Makmur.

Ketiga, pemberian insentif *one-off* kepada Pengerusi JPKK, JPKKOA, Tok Batin, Timbalan Pengerusi JKKR, Setiausaha JPKKOA, Pengerusi GPW FELDA dan Setiausaha JPKK dengan peruntukan RM1.2 juta.

Keempat, pemberian subsidi pembedahan katarak mata dengan peruntukan RM1.5 juta.

Kelima, pemberian 10,000 topi keledar percuma kepada B40, belia, pelajar dan penduduk luar bandar dengan peruntukan RM1.1 juta.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di sebalik kejayaan yang tercipta daripada ekonomi yang terus berkembang, hasil negeri yang kukuh, tadbir urus yang berintegriti dan perpaduan rakyat yang tidak pernah luntur, tersimpan denyut nadi sokongan rakyat Pahang yang menjadi sumber kekuatan kerajaan negeri. Segala pencapaian ini bukan hanya hasil usaha pentadbiran semata-mata tetapi terbit daripada kepercayaan serta dukungan rakyat yang sentiasa berdiri bersama.

Atas semangat kebersamaan inilah, kerajaan negeri bersetuju menambah inisiatif sedia ada dengan memperkenalkan satu program khas iaitu Program Apresiasi Pahang 1st sebagai satu wadah tanda terima kasih, satu jambangan penghargaan yang mengalir kembali kepada rakyat dalam bentuk manfaat yang boleh dirasa, disentuh dan dinikmati semua lapisan masyarakat.

Bagi menjayakan Program Apresiasi Pahang 1st ini, kerajaan negeri memperuntukkan RM100 juta melalui pelbagai jabatan negeri seperti Majlis Sukan Pahang (MSP), Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Jabatan Perikanan Negeri Pahang serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) utama negeri seperti Sekretariat Apresiasi Pahang 1st, Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSP), Majlis Pembangunan Wanita Pahang (MPWP), Majlis Mahasiswa Anak Pahang (MAMPAN), Majlis Kebudayaan Negeri Pahang (MKNP), Kumpulan Penggerak Ibu Bapa Komuniti dan Swasta (KPBIKS), Sekretariat Perantau Anak Pahang dan Sekretariat Muafakat FELDA Pahang.

Pelaksanaan program-program ini merangkumi manfaat menyeluruh kepada setiap segmen masyarakat melalui lapan komponen utama iaitu pertama, Program Pembangunan Sukan, NGO Dan Belia seluruh negeri Pahang sebanyak RM18.98 juta. Antaranya seperti Program Soccer Kids dan Liga Bola Sepak sebanyak RM4 juta.

Kedua, Program Muhibah Dan Perpaduan seluruh negeri Pahang sebanyak RM32.9 juta. Antaranya adalah Baucar Hari Perayaan sebanyak RM7.4 juta.

Ketiga, Program Bantuan Kebajikan kepada ibu tunggal, warga emas, anak yatim, pesakit kronik dan OKU sebanyak RM11 juta. Antaranya programnya ialah Program Ibu Tunggal Pahang 1st sebanyak RM6 juta.

Keempat, Program Pemantapan Sektor Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan sebanyak RM7 juta. Salah satu program adalah Pahang Apprentice Nelayan bersama Yayasan Pahang sebanyak RM1 juta bagi melahirkan nelayan moden dan berdaya saing.

Kelima, Program Pemerkasaan Pendidikan Dan Syiar Islam sebanyak RM16.63 juta. Antaranya Jejak Aspirasi Pahang 1st Mahasiswa Luar Negara sebanyak RM2 juta dan RM2 juta juga diperuntukkan kepada Yayasan Pelajaran MARA (YPM) bagi pelaksanaan program-program kepimpinan dan kenegaraan dalam kalangan pelajar tingkatan 5.

Keenam, Program Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan sebanyak RM5.49 juta. Salah satu program adalah Ikon Aspirasi Pahang 1st sebanyak RM1 juta.

Ketujuh, Program Pahang 1st Job Fair di setiap zon dalam negeri Pahang sebanyak RM1 juta untuk mengurangkan kadar pengangguran serta menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Pahang.

Kelapan, peruntukan bantuan pengurangan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau… ataupun PTPTN, ijazah pertama anak Pahang yang baru bekerja bermula pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM7 juta.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Naskhah Belanjawan 2026 dianyam sebegini rupa untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Denyut nadi rakyat dizahirkan agar didengar kisahnya dan dilunakkan keluhnya untuk meringankan bebanan mereka yang memerlukan. Kita seharusnya bersyukur dengan kemakmuran negeri yang telah kita kecapi. Bersyukur itu manis bunyinya. Kata yang keluar ibarat benih, kalau baik tumbuhnya harum, kalau kasar tumbuhnya duri. Hindarilah diri dengan maki-makian, mencela dan mengeji untuk menidakkan gema kebenaran serta kebaikan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan.

Jangan terlalu ghairah mengejar bulan kerana tanah yang dipijak belum… kerana tanah yang dipijak pun menyimpan rahsia rezeki. Saya ulang Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, jangan… jangan terlalu ghairah mengejar bulan, kerana tanah yang dipijak pun menyimpan rahsia rezeki. Banyak manusia silau pada cahaya bulan, hingga lupa tanah yang menumbuhkan kehidupan yang melata. Masih ada pihak yang ghairah mengusik dacing kestabilan dengan hanya kerana kompas politik yang berbeza. Menunggang agama demi agenda politik, mengasah tajam belati perkauman hingga mencarikkan ancaman anyaman, kemakmuran negeri yang tenang lagi damai seluas segala yang telah kita usahakan sekian lama.

Negeri ini kita wariskanlah kepada generasi yang akan datang. Yang kukuh jati diri rakyatnya, terpasak di setiap lubuk hati, visi dan Aspirasi Pahang 1st. Melalui Belanjawan yang dibentangkan ini, rakyat akan dapat melihat kesungguhan Kerajaan Negeri merealisasikan Aspirasi Pahang 1st, dasar negeri yang menjadi tunjang kepada hala tuju pembangunan dan pentadbiran negeri bergerak ke hadapan hanya dengan menemukan titik persamaan dalam perbezaan segala yang kita impikan melalui Belanjawan ini dapat direalisasikan.

Air sama air menjadi satu, sampah akan ke tepi jua. Timbanglah kata dengan akal bukan dengan emosi yang dibayangi persepsi. Jangan hanya pandai bergendang di pentas tetapi tidak mampu menabuh di gelanggang. Hanya bijak berkata-kata tapi hakikatnya tidak mampu melaksanakannya.

Padi menguning tunduk berisi,
Ladang tegak tiada berbudi,
Yang tiada usaha kuat berbunyi,
Kerja tak nampak bising setiap hari.

Diakhirnya, marilah setiap daripada kita memainkan peranan masing-masing. Yang bisu menyimpan rahsia, yang pekak menembak meriam, yang buta meniup lesung, yang kurus menjaga lauk, yang gemuk mengimbang perahu… untuk membuka lembaran perjuangan masa depan negeri ini, dengan penuh iltizam, menjulang martabat agama, bangsa dan negeri demi negeriku Darul Makmur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Demikianlah perancangan pembangunan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Pahang untuk tahun 2026. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam memberikan yang terbaik kepada negeri Pahang. Penjawat awam, kerajaan negeri dan persekutuan, sektor swasta, gerakan belia dan orang muda, para profesional, ahli agama, penggiat seni dan aktivis alam sekitar, pengamal media, pakar ekonomi dan warga pendidik, golongan wanita dan pelajar, mereka yang di bada… yang di bandar, di desa serta seluruh rakyat negeri Pahang.

Kemuncaknya, sudah pastinya persembahan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, kerana telah memberi kepercayaan kepada patik untuk menggalas tugas mengurus tadbir negeri Pahang Darul Makmur ini.

Bunga tanjung mekar berseri,
Harum semerbak sepanjang masa,
Rakyat sejahtera negeri diberkati,
Aspirasi Pahang 1st tekad bersama.

Bumi Pahang negeri bertuah,
Belanjawan dibentang penguat watan,
Negeri dipacu teguh dan megah,
Rakyat diutama makmur berkekalan.

[Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker**,**

Saya dengan ini mohon mencadangkan Belanjawan Negeri Pahang bagi Tahun 2026 dan saya mohon mendapat sokongan semua. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Ahli Dewan menepuk]

(ADUN KEMAYAN - N39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Dato Sri' Speaker, saya mohon izin menyokong cadangan itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Rang Undang-undang ini telah dicadang dan disokong untuk dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum perkara ini dibuka bagi perbahasan, sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada Peraturan 66 (2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Negeri Pahang bahawa perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini mestilah ditangguhkan sekurang-kurangnya satu jam.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari esok ialah hari Sabtu, 6 Disember 2025 dan hari Ahad, 7 Disember 2025 merupakan hari cuti rehat mingguan. Oleh itu, perbahasan Rang Undang-undang ini akan dimulakan pada hari Isnin, 8 Disember 2025 dan akan dibahaskan bersekali dengan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026 yang akan dibentangkan sebentar lagi. Sekarang mesyuarat beralih kepada aturan urusan mesyuarat selanjutnya.

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelima:

Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan Seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Perbelanjaan bagi tahun 2026 daripada Kumpulan Wang tersebut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Perbelanjaan Bahagian I, II dan III tahun 2026 yang dibentangkan dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan DN 29/2025."

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya berharap agar Usul yang saya bentangkan ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya akan menempohkan perbahasan Usul ini untuk dibahaskan bersama-sama Rang Undang-undang Perbekalan 2026, pada hari Isnin, 8 Disember 2025. Oleh itu, penempohan yang diberikan ini akan dapat memberi ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti kandungan ucapan Pembentangan Bajet 2026.

Untuk makluman, saya telah mengatur jadual susunan perbahasan 8, 9 dan 10 Disember 2025 melibatkan 35 Ahli seperti mana jadual yang diedarkan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi jadual yang disediakan.

Baiklah, saya akan menempohkan persidangan pada hari ini dan kita akan bersambung semula pada hari Isnin, 8 Disember 2025 pada pukul 9.30 pagi. Sebelum itu, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati daripada Pertubuhan Perkumpulan Wanita Pekan [Ahli Dewan menepuk meja], pemerhati dari Majlis Belia Negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja], pemerhati Wakil dari DUN Chini [Ahli Dewan menepuk meja] dan juga jemputan-jemputan daripada Pejabat Speaker Dewan Negeri.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Persidangan ditempohkan.

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEDUA
8 DISEMBER 2025 (ISNIN)

KANDUNGAN

HARI KEDUA: 8 DISEMBER 2025 (ISNIN)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 40
4.	PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026	41 - 121
5.	PENEMPOHAN	121

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 8 DISEMBER 2025 (ISNIN)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari	:	Isnin, 8 Disember 2025 bersamaan 17 Jamadilakhir 1447H
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ayat al-Quran]. Kita mulakan mesyuarat kita dengan membaca Ummul Kitab Al-Fatihah [Bacaan ayat al-Quran]. Alhamdulillah [bacaan dalam Bahasa Arab] Segala puji bagi Allah SWT, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, diampunkan, dipohon menyuluh memandukan ketika kami berunding menimbang, bertukar fikiran kepada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin, Ya Rabbal ‘Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan Kepada Menteri Besar

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalammualaikum WBT. Salam sejahtera, selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, dengan... marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT dengan izin-Nya kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang pada Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini. Saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat setelah mendapat dua hari cuti minggu… hujung minggu semuanya ceria-ceria belaka. Kita mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat daripada Tahan yang baru saja kehilangan ibu yang tercinta. Jadi saya ingat eloklah juga kita sedekahkan Al-Fatihah sekali lagi. [Bacaan dalam Bahasa Arab]

Kita semua tahu pada hari Jumaat yang lalu adalah merupakan pembentangan Belanjawan 2026 Negeri Pahang yang telah pun disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya pada hari Sabtu tersebut, saya pun bangun pagi-pagi macam biasa saya akan tengok buka akhbar dan kemudian saya pun akan melihat *WhatsApp* ataupun mesej-mesej daripada kawan-kawan. Saya pun terkejut satu liputan luar biasa yang diberikan oleh akhbar-akhbar tempatan kepada belanjawan kita. [Ahli Dewan menepuk meja] Jadi hari ini saya nak kongsi er… berkongsi sedikitlah er… selain pada agaknya nak mempromosi sedikit surat khabar tersebutlah. Ini semua tajuk-tajuk yang dikeluarkan di muka hadapan akhbar-akhbar er… akhbar-akhbar rasmi iaitu akhbar-akhbar ini er… ini media cetak di Malaysia ini akhbar-akhbar utama. Straits Time ya disebut *Pahang Tables First Class Budget.* [Ahli Dewan menepuk meja]

Gambar MB senyum sahaja. [ketawa] Kemudian dia ada Sinar Harian, saya tak jumpa cari surat khabar yang er… yang original itu tapi saya print sahajalah Sinar Harian 'Pahang 1st Belanjawan Pahang 2026 Hasil Meningkat Semakin Ramai Terima Manfaat.' [Ahli Dewan menepuk meja] Eh… tak pernah berlaku tahu selama saya menjadi Wakil Rakyat sejak tahun 1999 sama dengan Yang Berhormat daripada Benta dan juga Yang Berhormat daripada Cheka. Tak pernah berlaku mana-mana negeri yang mendapat liputan seperti ini, bukanlah sebab tak ada bonus daripada kami tak ada bukan sebab itu Yang Amat Berhormat. [ketawa] Maknanya Speaker dan Wakil-wakil Rakyat tak ada bonus kan… yang ada er… ini penjawat awam. Itu bukan sebab itu, sebab kita tak ada bonus itu agak-agak dipertimbangkan bonus bukan tetapi ini realitinya. Ini Utusan er… Sinar Harian, kemudian Berita Harian 'Pahang 1st Belanjawan Pahang 2026, Pahang Juara Kebajikan Rakyat RM84.59 juta Peruntukan Keseluruhan Insentif er… Inisiatif Makmur Pahang.' Wah, MB er… gambar MB.

Ini er… kemudiannya dia ada lagi China Press er… Pahang 1st [Bacaan dalam Bahasa Cina] betul? Yang Berhormat er… Yang Berhormat Timbalan Speaker betul? [Bacaan dalam Bahasa Cina] Tapi saya dah belajar dengan dia dah. [ketawa] Pagi tadi *training* tiga kali, dia cakap idgham itu kena okay sedikit dia bagitahu kembalikan kepada rakyat er… ini daripada China Press betul? Wakil daripada Mentakab. [Ahli Dewan menepuk meja] Ini Utusan Malaysia er… ini 'Pahang 1st, Pahang Fokus Dahulukan Rakyat Pertahankan Kemakmuran' yang ini yang paling baik sekali pasal apa tahu, pasal ada gambar Speaker. [Ahli Dewan ketawa] Yang tadi ada gambar MB sahaja [Ahli Dewan ketawa] er… tapi er… tapi semua gambar kita ada tak sama ada Wakil Rakyat daripada Kerajaan dan juga Wakil Rakyat daripada pembangkang yang paling banyak senyum sekali saya tengok ADUN daripada Beserah. [ketawa]

Jadi ini adalah merupakan satu penghormatan kepada negeri Pahang dan apabila saya *check* balik saya tengok bahawa empat tahun berturut-turut ya, empat tahun berturut-turut bajet kita, pendapatan kita meningkat daripada RM800 juta kepada RM1.036 bilion kepada RM1.083 bilion kemudian RM1.134 bilion tahun 2024 dan tahun 2025 insya-Allah RM1.194 bilion mana meningkat tiap-tiap tahun dan keseluruhannya pendapatan negeri Pahang daripada tahun 2021 hingga 2025 sebanyak RM5.2354 bilion. [Ahli Dewan menepuk meja]

Ini satu angka itu yang buat paip, *repair* paip, *repair* macam-macam, *repair* jalan sebagai inisiatif RM84.7 bilion er… juta dan sebagainya. Jadi itulah komentar saya pada pagi ini dan insya-Allah ya kita semua-semua pada hari ini adalah merupakan hari perbahasan dan insya-Allah kita gunakanlah medan ini kerana saya yakin dan percaya bahawa setiap apa yang Yang Berhormat semua keluarkan, luahkan sebenarnya mendapat perhatian daripada kerajaan terutama sekali Yang Amat

Berhormat Menteri Besar supaya dia dapat mengolah kembali komen-komen ataupun kritikan-kritikan ataupun cadangan-cadangan yang bernas. Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat yang seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat sekalian dari kawasan Ketari mengemukakan pertanyaan.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

> [Kerajaan Negeri Pahang telah mensasarkan pengurangan *"Non-Revenue Water"* (NRW) dari pada 47.5% kepada 39.5% menjelang tahun 2028. Sila nyatakan secara terperinci strategi dan/atau pelan reduksi NRW komprehensif untuk mencapai sasaran 39.5% NRW tersebut, iaitu dalam tempoh 3 tahun akan datang.]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Pahang 1ST. Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Speaker. Terima Kasih ADUN Ketari yang bertanyakan soalan mengenai bagaimana Kerajaan Negeri Pahang untuk mensasarkan pengurangan dan *Revenue Water* dengan izin, NRW yang sekarang ini berada pada paras 47.5%. Memanglah kawasan bandar dan luar bandar ada perbezaannya sedikit tetapi kita ambil secara purata kepada 39.5 %. Untuk makluman, Yang Berhormat daripada Ketari dan juga rakan-rakan Ahli Dewan, Kerajaan Negeri Pahang sangat komited dalam urusan air di negeri Pahang. Oleh sebab itulah melalui Pengurusan Air Pahang Berhad ataupun PAIP, kita sentiasa menitikberatkan usaha dan fokus bagi tujuan meningkatkan mutu perkhidmatan air di negeri Pahang ini. Fokus semasa sekarang ini yang dilaksanakan oleh PAIP ialah untuk menambah baik kualiti perkhidmatan di kawasan-kawasan kritikal yang kita kenali sebagai *blackspot* dan kita dapati usaha-usaha ini telah pun menampakkan hasil... telah pun membuahkan hasilnya dan rata-rata rakyat mula menerima bekalan air yang lebih stabil dan bertekanan tinggi dan ini juga adalah komitmen kerajaan negeri iaitu 90% masalah air di negeri Pahang ini kita akan cuba selesaikan dan Alhamdulillah setakat ini untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan, melebihi 90% masalah air di Bentong telah pun kita dapat selesaikan. Di daerah Bentong, daerah yang pertama. Daerah yang akan menyusul ialah daerah Raub kerana setakat ini 85% masalah bekalan air telah kita selesaikan dan akan diikuti oleh daerah-daerah lain cuma yang agak tertinggal sedikit ialah di daerah Lipis, kawasan sahabat saya ADUN Benta baharu lebih kurang 70% dan insya-Allah sebelum akhir tahun depan kita akan dapat mengurangkan lagi masalah bekalan air di daerah Lipis.

Berbalik kepada soalan yang dikemukakan oleh ADUN Ketari tadi, usaha-usaha untuk menurunkan kadar NRW ini memerlukan peruntukan yang sangat besar. Jadi PAIP telah pun merancang dan melaksanakan ia secara berperingkat dengan menggunakan peruntukan daripada kerajaan persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan juga peruntukan dalaman PAIP. Selain daripada itu dan juga strategi-strategi lain ialah kita akan meneruskan penukaran paip-paip usang iaitu dengan membina dengan izin, D*istrict Metering Area* ataupun (DMA) dan Pressure Management Area (PMA) di mana DMA dan PMA ini turut boleh membantu mengesan kebocoran air dengan lebih efisien. Maknanya ada 1 paip lebih kurang dalam 200 meter ke 300 meter er... paip ini dipasang dan akan dapat mengesan sepanjang 200

meter tersebut dimana paip sekiranya ada berlaku kebocoran dan tindakan pembaikan akan dapat diambil dengan serta merta.

Selain daripada apa yang saya nyatakan tadi, PAIP juga telah berusaha menukar paip-paip usang yang telah dirancang sepanjang 574 km dengan jumlah kos, dianggarkan sebanyak RM450 juta dan ianya akan dilaksanakan secara berfasa sehingga tahun 2030. Jadual panjang paip mengikut daerah, Kuantan 95 km, Pekan 34 km, Rompin 46 km, Bera 23 km, Temerloh 30 km, Maran 42 km, Jerantut 73 km, Bentong 31 km, Lipis 131 km, Raub 65.7 km manakala Cameron Highlands 0.7 km dan ianya insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, akan selesai menjelang tahun 2030. Selain daripada itu, bagi tujuan pemasangan *District Metering Area* (DMA) ataupun dan *Pressure Management Area* (PMA) iaitu di Kuantan memerlukan kos sebanyak RM22 juta naik taraf manakala Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bera, Bentong dan Raub, ianya adalah paip baharu. Lipis naik taraf dan Cameron Highlands paip baharu dan ini semua adalah usaha-usaha yang akan kita buat daripada semasa ke semasa cuma ianya tidak dapat dibuatkan secara serentak tetapi usaha-usaha ke arah itu telah dilaksanakan sepertimana kita menyelesaikan masalah air di Pahang bermula daripada tahun 2018 komitmen kita dan sekarang ini telah pun menampakkan hasilnya dan fasa berikutnya ialah untuk kita mengurangkan NRW *water.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil daripada Ketari. Soalan tambahan.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang atas usaha dan pendekatan untuk cuba menyelesaikan masalah NRW yang amat tinggi ini. Jadi, susulan daripada usaha dan pendekatan yang telah diambil oleh PAIP dalam menurunkan kadar NRW, apakah bentuk pembiayaan bagi melaksanakan perancangan tersebut? Dan soalan yang kedua saya ada, saya nak mohon nyatakan jumlah peruntukan yang telah diterima daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air iaitu PETRA bagi program NRW Kebangsaan. Terima Kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Ketari yang begitu bersungguh-sungguh mengambil berat tentang masalah air di negeri kita ini. Selain daripada pembiayaan dalaman yang saya nyatakan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, dia ambil berat tu pasal tempat dia dah selesai, yang lain belum lagi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Dah selesai ke belum?

(ADUN KETARI - N.34)
YB TAN SU KEONG SIONG

Dah nak siap.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Masih dalam proses, akan selesailah. Jadi, selain daripada masalah pembiayaan dalaman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, PAIP juga melalui program NRW Kebangsaan juga turut membuat pembiayaan secara sewa pajakan daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) serta pembiayaan secara geran daripada PETRA ataupun Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dan saya yakin program ini akan dilaksanakan secara berperingkat yang melibatkan seluruh daerah di Pahang. Manakala peruntukan untuk tujuan tersebut yang telah kita terima daripada PETRA ialah sebanyak RM313 juta dalam bentuk geran. Terima kasih Yang di-Pertua, yang telah pun diluluskan, telah pun diluluskan tapi duit tak sampai lagilah. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Cheka, bekas menteri.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Sasaran 3 tahun untuk capai 8% ini sangat besar sebenarnya sebab dia purata kalau kebangsaan 1% untuk... ialah kosnya RM1 billion di peringkat nasional. Kita letak Pahang ini 8% dalam tempoh 3 tahun. Saya rasa ini sangat besar sebab kita ada 3 pendekatan. Geran kerajaan dapat RM313 juta. Pendekatan 2 dan 3, Pahang tak termasuk sebab masih tak dapat sebab untuk capai sasaran tersebut sangat sukar. Persoalan saya ialah apakah faktor utama berlakunya peningkatan ataupun berlakunya NRW ini sama ada kebocoran ataupun kecurian dan sebagainya yang sebahagian tu projek-projek yang dibuat sambungan yang tidak teratur sebagainya. Mungkin saya dapat ingin maklumat apakah punca utama berlakunya NRW di negeri Pahang dan mekanisma untuk mencapai pendekatan 2 dan 3 dalam pengurangan dalam NRW Kebangsaan. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, angka yang kita buat ini macam angka bajet yang Dato' Sri di-Pertua bagitahu tadilah ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang saya baca tadi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Yang dapat liputan yang meluas. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka, bajet itu 5 bulan. Penjawat awam ni, kita adakan bengkel dan bajet tersebut adalah yang dikemukakan kepada mereka kepada kerajaan dan kita bincang kita tapis, baharu jadi bajet. Maknanya, tidaklah bermakna kemungkinan tahun depan ini pilihan

raya ini, jadi kita buat bajet pilihan raya. Dia tidak begitu. Kerajaan yang ada pada hari ini yang dipilih oleh rakyat pada hari ini adalah kerajaan yang berorientasikan rakyat dan kita kembalikan apa yang kita dapat kepada rakyat. Tak ada kena mengena dengan pilihan raya. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Bacaan dalam bahasa Cina].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Yes, dengan izin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kembalikan kepada rakyat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat daripada Cheka tadi, peruntukan kita dapat daripada geran PETRA yang telah pun diluluskan dan penyebab kepada berlakunya kehilangan air ini ialah yang pertama sekali paip kita usang. Paip yang ada di negeri Pahang ini usang, lama jadi kita kena bantu tukar paip tersebut dengan cara mendapatkan peruntukan dan untuk kita buat sekaligus tak mampu, sebab panjang sangat. Saya dah sebut tadi, lebih daripada 10,000 km dan memerlukan kos yang sangat tinggi dan itu pun untuk tukar paip-paip usang ini yang akan kita buat yang akan selesai pada tahun 2030 melibatkan 574 kilometer. Kita akan buat secara berperingkat-peringkat dan selain daripada itu, kecurian air pun berlaku juga. Sebab itulah kita tubuhkan Pahang Water Resources. Contohnya, ada air-air yang dicuri, yang tak dibayar apa semua ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat daripada Benta dan Alhamdulillah banyak yang telah kita dapat selesaikan. Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua, kita untuk mengesan air hilang ni, susah juga. Sebab kilometer kita panjang. Kadang-kadang bocor entah dalam hutan mana tengah jalan mana, kita tak tahu. Jadi sebab itulah kita mengambil tindakan proaktif, kita nak pasang (DMA) *District Metering Area* dan juga *Pressure Management Area*. Di mana saya katakan tadi contohnya Yang Berhormat Cheka, ini lebih kurang Yang Berhormat ADUN Cheka ni saya nak bagi tahu ni. Contohnya sepanjang jalan tu 200... 200 kilometer, kita akan pasang (DMA) di sini. Jadi kalau sekiranya berlaku kebocoran antara 200 kilometer 300 kilometer, kita dapat *detect* awal. Bila kita dapat *detect* awal, kita boleh ambil tindakan awal. Itu antara yang kita nak buatlah. Tu *pressure* tekanan air, kita pun nak... nak pastikan juga supaya tekanan air, kalau tekanan air tinggi sangat, dia boleh bocor juga Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua bukan je yang lain.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Macam darah tinggilah. Kalau tinggi sangat *pressure*

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Darah tinggi, dia boleh *burst.* Jadi kita ada meter. Kira macam ada alat pengesan apa ni, untuk memastikan apa ni, *pressure* air tu seimbang tidak berlaku kebocoran. Itu adalah usaha-usaha yang kita buat dan saya sangat yakin sangat optimis dan PAIP yang telah pun terbukti berjaya menyelesaikan beberapa masalah air di negeri kita ini, akan pastinya berjaya juga dapat mengurangkan masalah NRW *water* di negeri Pahang ini. Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Cuma bagi masa sikit la dengan apa Yang Berhormat ADUN Cheka tahun depan selesai, tak bolehlah ye saya dah bagi tahu tadi ianya akan dibuat secara peringkat-peringkat dan akan selesai pada tahun 2030, seperti juga seperti mana masalah air di negeri Pahang, yang kita jangka akan selesaikan 90% masalah air di Pahang ni menjelang akhir tahun 2026. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay soalan terakhir. Untuk soalan, soalan pertama.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat, di atas penjelasan diberikan. Memang perkara air ini menjadi isu yang besar. Cuma soalan saya adalah er... ada tak sebab 2030 daripada sekarang ni lebih kurang 4 tahun 5, 4 tahun lagi. Jangka masa dia panjang. Di, di masa yang sama banyak projek-projek pembangunan naik. Contoh contohnya di kawasan saya, maka ni akan memburukkan lagi kesan perbekalan air kepada penduduk. Ada tak langkah jangka masa pertengahan atau jangka masa pendek ni. Contohnya memasang PMA tu tadi, di kawasan-kawasan yang... yang giat pembangunan ini, kerana bila kita *tapping* paip lama ni, kepada projek pembangunan baharu, dia akan mengurangkan lagi tekanan kepada penduduk yang sedia ada. Dia akan memburukkan lagi keadaan nak tunggu 4 tahun ni, eh... payah kita kalau tunggu 4 tahun ni orang menjerit YB-YB ni. Ada tak langkah jangka masa pendek ataupun sementara, supaya masalah ini dapat dikurang diminimakan selain daripada kebocoran-kebocoran yang kerap berlaku.Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada ADUN Beserah. Yang itu sebenarnya andaian je. Sebabnya setiap permohonan pembangunan kita ada kebenaran merancang. Ada permohonan, dan di situ ada PAIP yang akan bagitahu. Sebagai contohnya sekarang ini di Gebeng, kita dah ada air daripada Terengganu. Cuma sebab Terengganu sekarang ni dalam proses perbincangan harga, mengenakan harga yang agak tidak berpatutan, jadi kita... kita *hold* dulu. Tetapi pembangunan diteruskan dan kebenaran merancang ni akan bagi cadangan kepada kita, kepada kerajaan negeri. Dan insya-Allah kita akan lihat perkara tersebut dan setakat hari ini yang saya dapat tahulah dah dengan takdir Allah hampir lapan tahun saya jadi MB ni, keadaan bekalan air semakin baik. Tak menjadi semakin teruk. Jadi jangan... jangan bimbang sangat. Jadi, andaian saya harap Yang Berhormat dari Beserah... nanti dulu nanti dulu.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya rasa saya kena betulkan ini bukan andaian, Yang Amat Berhormat, ini *real case*.

(ADUN JELAI N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dak. macam mana realiti benda tak jadi lagi.

(ADUN BESERAH N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Projek ni sedang berlaku Yang Berhormat.

(ADUN JELAI N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat cuma menjangkakan bahawa empat tahun akan datang ni keadaan menjadi lebih teruk, itu andaian. Empat tahun akan datang, belum terjadi lagi. Cuma kebimbangan Yang Berhormat tu. Kebimbangan, dan juga andaian. Jadi dalam masa yang sama, saya nak bagitahu setiap projek pembangunan ni kita bukan boleh buat sewenang-wenangnya. Ada proses-proses tertentu. Ada *part-part* tertentu yang bagi cadangan. Terutamanya daripada PlanMalaysia, Pejabat Daerah, Majlis Daerah, semua itu akan beri cadangan. Malahan ada projek perumahan yang kita tidak lulus pun, oleh sebab tidak... tidak mungkin mendapat bekalan air. Kita tangguhkan projek tersebut.

Jadi, Yang Berhormat... Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya minta ADUN Beserah er... kena tentang andaian tersebut. Sebabnya negara kita negeri kita ni ada proses-proses tertentu. Jangan-jangan bimbang sangat. Jangan ada bila buat... bila macam ni, bila buat bangunan timbul masalah tu. Tak boleh. Dia... dia semuanya ada tata... tatakelola yang tertentu yang boleh kita membuatkan projek pembangunan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya nak... nak... nak mencelah sedikit Yang Amat Berhormat. Ini bukan andaian, andaian saya empat tahun akan datang projek akan makin bertambah. Tapi semasa ini pun, projek sedang naik, keadaan berlaku, *real case.* Bukan andaian. Jadi kalau Yang Amat Berhormat kata ini andaian seolah-olah cuba mengelak daripada nak melihat *real case* yang sedang berlaku ramai di kalangan rakyat hari ini, mengadu kurang tekanan air dan dalam masa yang sama kerana projek-projek baharu naik sedang naik ni sekarang. Ni *real case,* dan empat tahun akan datang bayangkan kalau kita ambil nak selesaikan empat tahun akan datang, apa lagi kalau sekiranya yang bakal dihadapi oleh rakyat keseluruhannya kalau kita tidak ada langkah sementara. Ini soalan saya, langkah yang boleh mem membantu minimakan kesan itu. Er... bukan andaian, saya bukan nak bersangka buruk Yang Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita ada satu badan yang, diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Yang turun ke padang tanpa Wakil Rakyat. Dah banyak tempat pergi dah. Apabila Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan pergi dengan ketua-ketua jabatan. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri akan lapor pada saya. Tidak ada tempat pun

yang mengatakan masalah air makin teruk. Tak ada. Ini saya bercakap di Dewan yang mulia ni. Saksi hidup ada ni. Belakang saya ni. Tak ada tempat pun yang mengatakan bahawa, contohnya di Lipis ke di Kuantan ke yang SS pergi yang mengatakan masalah air semakin teruk. Tak ada. Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Maknanya masalah air semakin baik negeri Pahang ni. [Ahli Dewan Tepuk Meja].

Saya sengaja meminta Yang Amat Setiausaha Kerajaan Negeri pergi, ke mana-mana tempat bersama dengan *team*nya, tanya rakyat, tanpa Wakil Rakyat. Kita nak dapat *feedback,* tak ada. Malahan Yang Amat Setiausaha Kerajaan Negeri kena *provoke*. Kena kena tanya orang. Macam mana masalah air di sini. Semuanya mengatakan bertambah baik. Jadi yang... yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat ADUN Berserah tu, saya fikir tidak akan, tidak akan menjadi masalah besar kepada kerajaan negerilah. Sebab usaha-usaha *by, by* 2026, 90% masalah air akan kita selesaikan. Termasuk semua tempat. Mana keadaan akan menjadi bertambah baik. Dan sekiranya ada berlaku masalah tekanan air dan sebagainya, pihak PAIP akan mengambil tindakan pantas. Mereka ini bekerja 24 jam. Tinggal lagi, kadang-kadang mereka *viral* dan tak *viral* sahaja kerja-kerja paip ni. Kita boleh tengok. Jadi kita bagi satu tepukan kepada CEO PAIP yang ada pada hari ini. [Ahli Dewan Tepuk Meja].

Jadi, ADUN Beserah sahabat saya, jangan bimbang, kalau sekiranya berlaku juga kita akan ambil tindakan pantas. Tetapi saya bagi jaminanlah keadaan akan bertambah baik daripada semasa ke semasa. Kalau keadaan air bertambah buruk daripada 2018, sekarang ni masalah air, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri pergi jumpa rakyat tanpa Wakil Rakyat, semua mengatakan bahawa masalah air di negeri Pahang ni makin teruk, saya terima, *statement* daripada Yang Berhormat daripada ADUN Beserah. Tetapi kalau mengatakan bahawa menjangkakan keadaan menjadi lebih teruk dan sebagainya, saya nafikan Dewan yang mulia ini kerana kerajaan negeri sangat prihatin dan sangat mesra pelabur dan memastikan bekalan air yang sewajarnya dapat diterima rakyat negeri Pahang. [Ahli Dewan Tepuk Meja]. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang... jap... jap, ha ni, saya baharu dapat er... jawapan tambahan. Loji Rawatan Air, LRA berkapasiti 400 juta liter di daerah Kuantan. Ia bernilai kos sili... kos siling 6, RM662 juta, ianya telah diluluskan dan ianya dalam proses reka bentuk Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. RM662 juta telah pun diluluskan. Jadi ini boleh ya bukit, di Bukit Puling. Jadi, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan-rakan Yang Berhormat, maknanya kita mendapat kelulusan duit RM662 juta untuk menambahkan lagi bekalan air dengan pembinaan loji rawatan air. [Ahli Dewan Tepuk Meja]. Jadi, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Beserah tadi, selesai. Dah dan ada peruntukan dah pun. Betul tak YB daripada, daripada mana? Kuala Sentul. Kuala Sentul beria mengangguk dengan saya ni. Macam nak pergi belah sini je. [Ahli Dewan Ketawa]. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia, dia tengah milih mana satu yang nak dipilihnya. Kita jemput soalan nombor 2 Wakil daripada Tanah Rata.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 2.

[a) Jelaskan usaha kerajaan dalam meningkatkan penyertaan dan memartabatkan pendidikan TVET di negeri Pahang.

b) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Kolej Vokasional di Daerah Cameron Highlands dan menawarkan kursus tentang pertanian, memandangkan kawasan Cameron Highlands merupakan pusat pertanian tanah tinggi?].

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan er... daripada sahabat saya daripada Tanah Rata berkaitan dengan TVET diajukan dan untuk makluman ramai juga sahabat-sahabat daripada err… dalam Dewan yang mulia ini yang mengutarakan soalan yang berkaitan dengan TVET. Sahabat saya daripada Tioman, sahabat saya daripada Padang Tengku dan ramai lagi yang bertanyakan tentang TVET. Saya kira insya-Allah mudah-mudahan dapat juga sedikit sebanyak menjawab soalan-soalan yang tidak dapat dijawab secara lisan, tapi ada kaitannya dengan jawapan yang akan saya beritahu pada hari ni.

Soalan daripada Tanah Rata menyatakan err… usaha kerajaan. Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan penyertaan dan memartabatkan pendidikan TVET di negeri Pahang.

Yang hormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memperkukuh dan memartabatkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional ataupun dalam bahasa ringkas sinonimnya TVET di negeri Pahang sebagai salah satu agenda utama Pembangunan Modal Insan Negara. Kerajaan Negeri Pahang sentiasa menunjukkan kepemimpinan yang konsisten dan berpandangan jauh dalam memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional TVET sebagai tunjang utama Pembangunan Modal Insan Negeri. Di bawah dasar negeri yang memberi penekanan kepada kemahiran, produktiviti dan kebolehpasaran, Kerajaan Negeri Pahang telah mengambil pelbagai langkah strategik untuk mempastikan menjadi laluan perdana *mainstream pathway*, dengan izin untuk generasi muda pahang selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang TVET termasuk memperluaskan akses memperkukuhkan kerjasama strategik dengan industri serta mempertingkatkan kualiti penyampaian program latihan yang relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa. Usaha ini

bukan sekadar selaras dengan dasar nasional tetapi digerakkan secara lebih agresif di peringkat negeri melalui pendekatan w*hole of government* dengan izin, yang melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Institusi TVET, pihak industri dan komuniti setempat.

Pendekatan ini mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri untuk menghasil, memastikan Pahang menjadi antara negeri peneraju TVET di Malaysia. Pendedahan awal TVET di sekolah menengah. Sekolah-sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran atau program TVET di sekolah seperti mata pelajaran vokasional, MPV dan Program Vokasional Menengah Atasan PVMA dimohon untuk melaksanakan program TVET *Outreach School* dengan izin, bertujuan memupuk minat serta memberi peluang pelajar mengenal pasti minat dan bakat mereka melalui pameran demonstrasi, sesi Perkongsian *Success Story* iaitu cerita kejayaan ya dengan izin, serta sesi bimbingan kerjaya oleh guru-guru penyelaras alumni dan juga rakan industri.

Sekolah dimohon untuk turut melibatkan sekolah-sekolah rendah di sekitar yang menjadi *feeder* kepada sekolah menengah berkenaan khususnya murid tahun enam yang bakal menjejakkan kaki ke alam sekolah menengah. Sekolah juga digalakkan untuk mengadakan *Wall of Fame* dengan izin bagi memaparkan kejayaan pelatih-pelatih lepasan program TVET di sekolah yang memaparkan maklumat seperti tahap pencapaian kemahiran, pekerjaan dan pendapatan terkini.

Keduanya, Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) turut dilatih untuk membantu pelajar mengenali kekuatan diri mereka melalui ujian kecenderungan dan minat kerjaya. Peranan GBKSM turut digembeling bagi membendung keciciran dan lambakan pengangguran berlaku di kalangan lepasan SPM melalui pendedahan kepada Sistem UP_TVET untuk tujuan berkenaan. Unit TVET, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran JPK Wilayah Timur untuk menyebarkan maklumat berkaitan Sistem UP_TVET iaitu satu sistem permohonan kursus TVET berpusat secara online yang dibangunkan bagi memudahkan proses permohonan untuk memilih program TVET yang ditawarkan oleh penyedia latihan TVET di Malaysia.

Sistem ini bolehlah dibandingkan dengan sistem UPU yang lebih dikenali tetapi berbeza dari segi fokusnya yang menyediakan pilihan bagi murid menyambung pengajian dalam bidang kemahiran sahaja. Satu lagi perbezaan dengan sistem UPU ialah murid boleh mengakses sistem UP_TVET, di mana sahaja mereka berada tanpa perlu membeli nombor pin. Oleh itu, bagi menjayakan matlamat, mempromosi dan menyebar luas maklumat berkaitan sistem baru ini, maka telah diadakan program Ziarah Jerayawara UP_TVET. Sesi bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling sepenuh masa Kementerian Pendidikan Malaysia Negeri Pahang dan program ini diadakan bukan sahaja dalam tahun 2024 tetapi juga diadakan dalam tahun 2025 bersama-sama dengan kerjasama Pahang Skill ataupun PSDC, Pahang Skills Development Centre dan melibatkan daerah Maran, Pekan, Kuantan, Temerloh dan juga penglibatan daripada 50 Guru Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah-Sekolah Menengah di daerah Kuantan.

Kerjasama erat… yang ketiga kerjasama erat, ini pendekatan bagaimana kita nak promosikan TVET ini sendiri, Program TVET. Ketiga, kerjasama erat dengan industri tempatan. Unit TVET aktif menjalin hubungan dengan sektor pengurusan negeri iaitu termasuk katering dan penyajian automotif dan dan pertanian moden. Ini bagi membolehkan pelajar menjalani latihan industri dan seterusnya diserap ke dalam pasaran kerja. Jalinan kerjasama strategik antara institusi pendidikan vokasional dengan pihak swasta amat penting untuk mempastikan program latihan yang

ditawarkan sentiasa selari dengan kehendak industri dan mengikuti perkembangan semasa melalui khidmat nasihat dan perkongsian kepakaran yang ditawarkan serta latihan industri di premis rakan-rakan strategik. Ianya boleh melahirkan pelatih yang berkemahiran berdaya saing dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

Oleh yang demikian, di atas kesedaran ini juga, maka Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dengan kerjasama Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPT) telah mewajibkan kepada semua 8 buah Kolej Vokasional serta 19 buah Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) di negeri Pahang untuk menubuhkan *Technical Advisory Committee* ataupun (TAC) yang dianggotai oleh pihak industri yang berkaitan dan kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di institusi masing-masing.

Ini juga pendekatan yang ketiga dan rakan saya daripada Tanah Rata juga bertanyakan sama ada, ada perancangan untuk membina Kolej Vokasional di daerah Cameron Highlands. Setakat ini sebenarnya belum ada, tapi dalam masa…. jangka masa sebenarnya dari segi perancangan, memang…memang kita mengambil maklum bahawa Cameron Highlands merupakan satu Pusat Pertanian Tanah Tinggi yang di antara… yang terulung di negara kita dan Kolej Vokasional sebenarnya dalam seluruh negara ada 5 Kolej Vokasional dan di Pahang ada 1 Kolej Vokasional yang berasaskan pertanian iaitu di Chenor.

Di Cameron Highlands ni perancangannya ada iaitu pihak JPNP atau Jabatan Pendidikan Negeri Pahang sedang mengenal pasti tapak yang bersesuaian dan mengemukakan permohonan dalam RMK13 untuk perolehan bagi tapak tersebut dan merancang untuk memohon mewujudkan Kolej Vokasional berteraskan pertanian moden di Cameron Highlands tetapi setakat ini Pahang ada, di Kolej Vokasional di Chenor yang menyediakan ini kursus yang meliputi Agroindustri Tanaman, Agroindustri Ternakan *Poultry,* Agroindustri Ternakan Ruminan, Aquaculture Biotechnology, Horticulture, Pemprosesan Hasil Pertanian, Seni Bina Landskap dan Teknologi Mekanisasi Agro di…di…di Chenor dan manakala di Cameron Highlands.

Yang Berhormat Datuk Sri Yang di-Pertua,

Ada Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Rata telah melaksanakan program Vokasional Menengah Atas (PVMA) iaitu berkaitan dengan Operasi Pengeluaran Tanaman yang memberi peluang kepada pelajar tempatan memperolehi kemahiran asas pertanian secara berstruktur di peringkat sekolah menengah ya ini kita…kita sediakan dan untuk itu juga kita ada program ataupun tidak jauh daripada Cameron Highlands di Lipis. Ada institut pertanian di bawah kendalian Jabatan Pertanian yang menawarkan kursus-kursus yang berbentuk er… Sijil Kemahiran SKM peringkat III kepada pelajar-pelajar atau mereka-mereka yang berminat untuk mengikuti program kemahiran di Institut Pertanian Lipis. Jadi, peluang untuk anak-anak pelajar khususnya di Cameron Highlands yang berminat untuk mengikuti program pertanian ini boleh juga membuat pilihan untuk mengikuti program di Institut Pertanian Lipis. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat.

(ADUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan atas usaha meningkatkan penyertaan dan juga meningkatkan mutu dan tahap pendidikan TVET. Soalan tambahan saya, berkenaan dengan institut TVET khususnya di negeri Pahang yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pahang seperti Pahang Skills Development Centre, Kolej Yayasan Pahang dan sebagainya. Adakah sistem kemasukan untuk institut ini telah dimasukkan dalam UP_TVET ataupun sekurang-kurangnya boleh dipaparkan dalam satu laman web yang bersepadu. Contohnya di portal rasmi Kerajaan Negeri Pahang supaya kita memudahkan pelajar dan ibu bapa untuk memohon. Terima kasih.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada sahabat saya. Ini satu soalan yang baik. Sebenarnya kita ada institusi TVET seperti PSDC, kita ada YP Pahang Skills. Malahan dengan kerjasama dengan UCYP, kita mewujudkan juga Akademi Rel Pahang yang berkolaborasi dengan Universiti Liuzhou di China yang memberi penekanan pada aspek er… ini kejuruteraan rel dan soalannya ialah menjawab soalan tadi, memang ada kita kaitkan. Malahan alhamdulillah PSDC Pahang Skills atau Pahang Skills Development Centre ini merupakan satu institusi TVET yang menjadi pilihan ramai yang apa nama yang mengikuti program Diploma Kemahiran Malaysia yang mendapat penganjuran dari pihak SEDA iaitu Sustainable er… Sustainable Energy Development Authority (SEDA) dalam bidang ini solar ya… kita ada kursus yang melibatkan program-program *installation* program-program *design solar designing*.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pemasangan *installation*, pemasangan… belum lagi.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Belum lagi. Yang Berhormat Dato' Sri, minta maaf, makna ada tiga program. Pertama sekali *design* reka bentuk, kemudian keduanya *installation* iaitu pemasangan, dengan izin. Yang ketiganya ialah *maintenance. So*, tiga program ni kita mendapat penajaan bukan sahaja daripada pihak SEDA tetapi juga daripada institusi-institusi lain yang menghantar pelajar ke PSDC dan ianya merupakan satu program yang cukup popular kerana kebolehpasaran, kebolehpasaran graduan-graduan ini sendiri. Jadi, alhamdulillah kita juga ada YP Advanced Skill, YP Advanced Skill menganjurkan program TVET juga dan membuat kolaborasi dengan industri.

Malahan baru-baru ni kita lihat apabila ada program apresiasi yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang iaitu hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang untuk meletakkan TVET ini sebagai satu pilihan utama, bukan lagi pilihan yang terakhir dan utama kepada anak-anak pelajar. Bila kita minta YP Advanced Skills mengadakan kolaborasi dengan industri dan industri-industri ini bukan industri di peringkat, di peringkat tempatan sahaja tetapi peringkat antarabangsa dan mereka memperolehi pendapatan antara lima hingga kadang RM20,000.00, RM30,000.00 satu bulan hasil daripada program yang kita

anjurkan dan alhamdulillah, saya lihat pilihan ataupun institusi latihan TVET yang ada kaitan dengan kerajaan negeri ini menjadi pilihan yang utama.

Sekarang ini kita telah menghantar 30 orang pelajar UCYP ke China, ke China untuk mendalami bidang rel di sana. Begitu juga dengan PSDC, graduan dari PSDC juga lebih kurang hampir sama telah dihantar ke China untuk dilatih dalam pelbagai disiplin, pelbagai kursus disiplin dan ini insya-Allah membuktikan bahawasanya TVET bukanlah suatu pilihan yang terakhir dan juga menyangkal dakwaan mengatakan bahawa TVET ini adalah satu program yang tidak mempunyai masa depan yang cerah kerana graduan-graduan kononnya graduan-graduan TVET ini tidak mendapat apa-apa, ini tidak mendapat tempat dalam industri, industri yang ada di negara kita tetapi sebenarnya sebaliknya ia menjadi pilihan yang utama dan insya-Allah hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang untuk menjadikan pendidikan sebagai teras pengukuhan dan kualiti penghasilan modal insan kita ini yang akan dijayakan di antaranya melalui program TVET. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebelum saya meneruskan soalan ketiga, saya juga nak mengalu-alukan kehadiran pelajar- pelajar STPM bersama guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan. Seramai 12 orang ini pelajar-pelajar ini mungkin ada soalan spot untuk STPM. Apakah. apakah keistimewaan ini pembelajaran TVET. Mungkin soalan itu akan keluar nanti. Wakil daripada DUN Semambu tujuh orang, wakil daripada DUN Teruntum dua orang dan wakil daripada DUN Pelangai dua orang. Kita ucapkan selamat datang kepada mereka. Soalan seterusnya ADUN Chini.

YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya kemukakan pertanyaan yang ke-3.

> [Apakah status semasa berkaitan pewartaan perkampungan masyarakat Orang Asli (OA) khususnya di DUN Chini?]

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan saya juga menghargai sahabat saya daripada Chini yang mengemukakan persoalan yang berkaitan dengan status permohonan perizaban kampung- kampung Orang Asli di kawasan Chini, DUN Chini. Perkara ini sering kita dengar di dalam Dewan ini dan dibincangkan secara apa, setiap kali kita bersidang tentang status permohonan atau perizaban kampung-kampung Orang Asli.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya di antara agenda utama kerajaan negeri kalau kita dengar pembentangan bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar betapa masyarakat Orang Asli ini menjadi perhatian utama dan juga antara perkara yang menjadi kepentingan untuk dilaksanakan tentang kebajikan masyarakat Orang Asli itu sendiri tetapi bila kita berbincang tentang soal tanah, bukan permohonan tanah, soal perizaban tanah. Ia ini adalah berkaitan, berkait juga dengan kuasa kerajaan persekutuan; sebab yang bertanggungjawab untuk memohon tanah-tanah bagi dirizabkan kepada masyarakat Orang Asli adalah pihak JAKOA, Persekutuan itu sendiri *federal* dan mereka akan

meminta JAKOA negeri mengemukakan permohonan-permohonan di kawasan-kawasan yang mereka perlu untuk rizabkan tanah itu sendiri.

Kerajaan negeri memang menyediakan enakmen-enakmen ataupun perundangan bagi memberi ruang supaya mereka boleh memohon dan merizabkan tanah di kampung-kampung mereka dan kita memang mengalu-alukan supaya ada perizaban tanah-tanah bagi masyarakat Orang Asli ini bertujuan untuk memudahkan dan mengetahui di mana kampung dia yang sebenarnya, tidak jadi huru-hara sekali di sana, sekali di sini tetapi kita tak boleh memohon, yang boleh memohon JAKOA. Kita boleh meluluskan atau menolak permohonan mereka itu melalui pihak berkuasa tanah negeri.

Jadi, merujuk kepada persoalan yang dikemukakan mengenai kawasan Chini. Memanglah di Chini ada 10 buah kampung Orang Asli dan juga daripada 10 buah kampung ini, 9 buah kampung telah membuat permohonan kepada pihak berkuasa tanah negeri dan 9 buah kampung ini, Dato' Sri Yang di-Pertua er… ada telah dibuat apa permohon dan telah dibuat err...ukur oleh pihak apa yang dikenal pasti oleh JAKOA. JAKOA akan memilih juruukur berlesen dan dia akan kemukakan ukuran itu kepada pihak Pejabat Tanah Daerah. Pihak Pejabat Tanah Daerah telah mengenal pasti permohonan itu melalui bidang kuasa yang ada pada pihak pejabat tanah daerah. Contohnya, Kampung err...Dusun, Kampung Dusun ini telah mendapat apa perakuan oleh pihak berkuasa tanah daerah dan telah sampai kepada pihak PTG dan insya-Allah telah apa er... setelah dibawa kepada pihak berkuasa tanah negeri. Syor yang dibuat oleh pihak berkuasa tanah negeri akan kita pertimbangkan melalui mesyuarat MMK.

Ada beberapa kampung yang lain lagi er...contohnya, Tasik Mentiga juga akan...akan dikemukan kepada pihak kuasa tanah negeri kerana permohonan mereka telah selesai er...telah sempurna mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Ada pun Kampung Batu Gong, Batu Gong sedang di dalam semakan pihak JAKOA untuk dibuatkan permohonan juga untuk er..sebagaimana saya sebutkan di awal tadi. Mengikut peraturan-peraturan yang di telah ditetapkan. Kalau kita tengok di Tanah Merah, Tanah Merah ni masih dalam proses kerana ada berlaku pertindihan dengan rizab-rizab yang telah kita ke tetapkan sebelum ini. Kalau kita pergi ke Kampung Agung, Kampung Agung juga masih didalam proses pihak tanah...tanah daerah dan juga Kampung er...apa Air Hitam serta Gumuk terlalu apa berlaku pertindihan.

Maka pihak berkuasa tanah daerah terpaksa apa membuat keputusan supaya permohonan ini diperhati semula dan tak dapat untuk dipertimbangkan er... di peringkat awal. Begitu juga di kampung apa er…Tanjung Keruing dan Bendaling. Tanjung Kruing ini belum dimohon oleh pihak JAKOA. Adapun Bendaling JAKOA masih lagi didalam semakan untuk membuat permohonan. Itulah 10 buah kampung yang berada di DUN Chini. Mudah-mudahan dengan penjelasan ini dapat membantu sahabat saya yang sentiasa turun padang Dato' Sri Yang di-Pertua mengambil berat tentang Orang Asli dan memerhati tentang kebajikan mereka serta menyampaikan suara mereka bukan sahaja melalui pejabat JAKOA ataupun ORACO ataupun pejabat daerah. Bahkan kadang-kadang beliau datang sendiri berjumpa dengan saya, bahkan ada masa saya nampak dia bertemu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya daripada Chini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dengan saya pun boleh datang juga kadang-kadang. Seterusnya soalan, seterusnya soalan nombor 4 Wakil dari Chenor.

(ADUN CHENOR - N.26)
YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Assalamualaikum WBT. Terima kasih tuan Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 4.

[1. Apakah status terkini projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Chenor yang telah terbengkalai sejak sekian lama, dan sejauh manakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan projek tersebut dapat disiapkan sepenuhnya?

2. Bilakah dijangka rumah-rumah PAKR Chenor tersebut dapat diduduki oleh penduduk yang layak?

3. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuka semula permohonan baharu bagi penduduk setempat yang masih belum memiliki rumah, memandangkan tempoh terbengkalai yang begitu lama?]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Chenor yang mengemukakan soalan nombor 4. Pertamanya, apakah status terkini Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Chenor yang telah terbengkalai sejak sekian lama dan sejauh manakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan projek tersebut telah... tersebut dapat disiapkan sepenuhnya.

Dan bilakah dijangka rumah Pr... PKR... PAKR Chenor tersebut dapat diduduki oleh penduduk yang layak. Untuk makluman er... YB Chenor, Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Chenor ini telah lama siap. Dan telah diduduki daripada tahun 1984 dan di mana 118 unit rumah telah diduduki dan satu rumah yang masih kosong. Dan ataupun mungkin er...YB Chenor ini dia maksud rumah PAKR yang lain. Silakan.

(ADUN CHENOR - N.26)
YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Er... saya maksudkan ialah Perumahan Awam Kos Rendah. Saya dah bangkitkan sebelum daripada ini. Er... di mana dia telah terlalu lama terbengkalai mungkin sejak 18 tahun adalah lebih kurang dan sebelum daripada ini kita dah bangkitkan masalah ini dan pihak kerajaan ada usaha untuk memajukan. Kemudian dia menjadi *slow* dan kemudian sekarang ini saya nampak tidak berapa berjalanlah di Chenor PAKR itu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak YB. Kadang-kadang soalan dia mengelirukan. Jadi mungkin yang YB Chenor maksudkan ini adalah Skim Perumahan Kos Rendah di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor dan daerah Maran yang melibatkan sebanyak 186 unit berkembar ya dan saya tak tahulah YB dapat maklumat daripada mana rumah projek tak jalan ini. Tapi yang sebenarnya kerajaan er...yang kerajaan negeri telah er...mengambil alih dan diselaraskan bersama oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang bersama-sama dengan pihak PKNP ini kita selaras semula.

Dan kita telah ambil alih dan telah melalui proses-proses yang telah ditetapkan oleh Akta Perancangan Bandar dan Desalah ya melalui kelulusan merancang, kelulusan infrastruktur, kelulusan pelan bangunan, semua telah siap. Dan projek ini dulu dilaksanakan oleh pemaju swasta. Tapi akhirnya dia telah tak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu. Akhirnya tidak dapat diteruskan. Sejak daripada 2012, 2012. Dan akhirnya kita kerajaan negeri di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang bersama PKNP telah mengambil alih projek... projek ini berjalan dengan baik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini projek Yang Amat, Yang Berhormat, ini projek sakitlah ya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Projek sakit dan kita bukan di Maran sahaja. Semua tempat ya di Pahang ini sebab kita nak memastikan semua projek-projek dapat disiapkan untuk demi kesejahteraan rakyatlah. Sebagaimana yang telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita. Dan projek ini telah mencapai 60% dan dijangka akan siap pada 2026. Saya nak maklum pada YBlah ya. Jadi dia tak ada dalam istilah tadi tak jalanlah, apalah? Tapi baharu ini pun kita pergi ke Maran juga. Kita lihat dan tinjau projek-projek yang dilaksanakan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, lain kali kalau pergi ke Maran itu telefonkanlah Wakil Rakyat setempat itu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak kita baharu ini kita pun pergi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagi maklum pada dia.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kita... kita

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lepas melawatlah jangan sebelum melawat.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dah, kita pun rasmi, kita buat perasmian contohnya rumah Projek Residensi Rakyat di Luit di Sungai Kemak. Pejabat Daerah, saya tanya Pejabat Daerah mana YB-YB yang belah Luit, Maran? Dia jemput tapi tak datang. Jadi, macam itu kalau kita datang, senang kita beri penjelasan. Jadi, kita kalau dah ada program boleh datang bersama.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil Chenor.

(ADUN CHENOR - N.26)
YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Terima kasih atas jawapan, jawapan daripada pihak kerajaan. Cuma saya soalan saya apakah jaminan kerajaan untuk menyiapkan sebab saya melihat kawasan saya? Saya juga biasa juga lalu situ tengok banyak lagi asas-asas yang perlu mungkin saya mengharapkan dapatlah jaminan yang dapat diberikan, satu. Yang kedua, er... adakah kerajaan dapat memberi jaminan bahawa harga jualan unit tersebut dapat memenuhi *standard* B40lah? Insya-Allah. Jadi, itu sahaja soalan saya. Terima kasih

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih YB daripada Chenor ini. Memang kita sentiasa memantau setiap projek-projek yang dilaksanakan di seluruh negeri Pahang ini dan kerajaan negeri tak pernah main-mainlah. Maknanya tak nak menyiapkan projek itu, kita cuba sedaya upaya untuk memastikan setiap daripada projek-projek ini dapat kita laksanakan dengan baik. Tapi biasalah YB, Ya Allah merancang, kita merancang Allah juga merancang. Tapi sebaik-baik merancang Allah jugalah tetapi yang maksud saya sekarang ini YB dan rumah-rumah yang kita bina ini semua rumah yang rumah mampu milik dan rumah yang seperti Rumah Rakyat Pahang yang kita bina dikawasan di Maran pun kita dah bina rumah sebanyak 142 unit Rumah Rakyat Pahang untuk orang Maran.

Jadi, semuanya diberikan secara percuma dan err...untuk makluman YB Chenor juga. Dan kita sentiasa memantau, LPHP sentiasa turun memantau bersama dengan pihak PKNP dan... dan... dan sebagaimana saya nyatakan tadi, 60% telah ya apa telah disiapkan dan dijangkakan pada tahun 2026 nanti ya akan dapat disiapkan. Dan ya maklumat untuk tanya YBlah daripada soalan nombor tiga ini untuk membuka semula permohonan baharu. Untuk makluman YB sehingga kini, jumlah permohonan yang kita terima adalah sebanyak 7,500 jumlah rumah yang diperlukan oleh orang-orang daripada Maran ini nak saya nyatakan sini. Contohnya Rumah PR1MA yang nakkan Rumah PR1MA Pahang ini 1900 yang mendaftarkan diri, Rumah Makmur 600, Rumah Pahang 514, Rumah Penjawat Awam Pahang 18. Program Residensi, Projek Residensi Rakyat, Program Residensi Rakyat 550. Rumah Rakyat Pahang tak ada yang mohon. Kosong dalam e-Perumahan dan kita boleh tengok untuk mendaftarkan keperluan rumah ini kita boleh daftar dalam e-perumahan@pahang.gov.my, boleh daftarkan minta dia orang daftar dalam tu dan kita boleh tahu lah rumah rakyat Sultan Abdullah kita dah tak ada juga mohon dan yang kita dah siap di... dan jumlah semua 7,504 manakala bilangan unit rumah yang dah siap dan dah lulus kelulusan merancang 3,100 yang akan dibinakan di Maran ni. Sekian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila... terakhir...

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih YB Speaker Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan la, bukan soalan kita pagi ni, soalan tambahan terakhir.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okay. Saya nak betulkan sikit la, YB Exco datang ke Maran tak pernah jemput pun kami pembangkang. Saya nak betulkan sikit yang PAKR ni, dulu projek lama dah ditukarkan nama kepada Projek Perumahan Kos Rendah Sederhana yang, yang dah terbengkalai hampir 20 tahun. Jadi tahun, tahun ni saya rasa YB Exco pergi ke Maran kan melawat projek ni di Chenor sebab saya dapat tahu dari Facebook dan TikTok. Dalam TikTok tu ada penyelaras di sana er... mengatakan projek ini akan siap dalam bulan Oktober 2026 spesifik. Boleh ke YB Exco Perumahan *confirm*kan. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Sebagaimana itulah saya kata Dato' Sri Speaker, baru-baru ni saya dah er... kita datang ke Maran, kita lancar penyerahan kunci, tawaran kunci kepada rumah Projek Residensi Rakyat. Sebanyak 54 penerima yang diserahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dan bila kita tanya Pegawai Daerah jemput ke kita YB-YB kawasan ni? Jemput dia kata, tapi tak datang sorang pun tapi bila dalam Dewan dia nak tanya pula kita tak datang? Lepas tu dia tanya soalan saya lagi boleh ke siap bulan 8? Ttu saya kata, kita merancang sebaik-baiknya ikut tetapan tapi kalau ada gempa bumi, dah ada banjir dan ada segala macam mana kita nak siapkan. Tetapi kerajaan ni dia merancang bukan main-main dan kita bila kita cakap dalam Dewan ni, maknanya kalau boleh kita akan siapkan dalam bulan 8, bulan 10 tahun 2026. Itu sebagaimana yang tu.

Ada lagi soalan? Sekali dia tengok saya memang dia macam tak puas hati.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Takpe nanti kita bagi...

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tapi soalan dan terakhir dah ni.
(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tapi memang tak puas hati YB Dato' Sri Speaker, sebab memang kita tak dijemput.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa nanti kita minta Dato' DO bagikan salinan jemputan tu.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sekarang ni mesyuarat JKTD pun tak dijemput dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak kita...

(ADUN KUALA BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya pun pelik ni pasal jemputan ni yang pembangkang buat tak pernah jemput kita pun. Tak payah bangkit di sini, ada pernah jemput kita? Tak pernah. Jadi kita ni sekarang ni masalahnya sentiasa nampak kita bila kita buat tak jemput. Jadi sekarang yang buat misal contoh Jengka ke jemputlah kita. Hah, jadi maknanya barulah *steady* sikit tengok macam mana.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Kita tak kisah tak ada jemput tapi jangan cakap kita dijemput. Itu je.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya setuju sahabat saya daripada Benta ni. Betul saya tak pernah lagi YB jemput saya datang ke Maran, tak ada. Saya pula datang ke Maran jemput YB datang tempat saya, saya tak jemput tapi kita serahkan kepada atur cara. Bila kalau benda rasmi ni kita jemput secara rasmi bukan main-main. Kalau bukan YB nak jumpa saya nak masuk belah sini boleh la. Tapi kalau setakat...

(ADUN KUALA BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Hari tu saya tengok sahabat saya daripada Beserah. Dia... saya ingat ada serah ni rumah kan? Ada kan? Jemputlah Exco Perumahan dia tak... ada maknanya saya... saya tahu maknanya macam ni apa nama YB-YB pembangkang dia ada juga kadang-kadang tu dia ada buat program perumahan kemudian serah kepada penerima kan? Saya tengok saya tak ada baca teliti sangat tapi saya tengok situ ada YB daripada Beserah menyerahkan apa nama rumah. Apa salahnya kalau sekiranya macam tu ajak Exco Perumahan, jadi kita boleh berucap juga bagi tahu. Jadi harmoni... mengapa kita je kena menjemput? Yang sahabat-sahabat daripada seberang sana tak pernah jemput pun kita, kita tak ada dalam bising? Ada bangkit-bangkit dalam ni? Kita tak bangkit pun. *This is the game. Play the game by its rules*.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sikit. Insya-Allah kita program kita ada Program Hogoh, Hogoh Benta nanti kita akan jemput. Insya-Allah. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Dato' Sri YB Benta tadi memberikan er... pencerahan. Saya nak beritahu sikit tadilah rakan saya daripada Kuala Sentul ni. Dia baik dengan saya juga

sebenarnya tapi dalam Dewan ni dia pandang tu semacam, dia macam geram betul kat perumahan ni, sebab dia pakar perumahan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita ni bila kita buat projek, kita macam Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kata tadi, kita perlu masuk pelan merancang. Semua agensi-agensi teknikal ni dia berikan ulasan dan ulasan tu bila lulus, PAIP bagi ulasan, JPS bagi ulasan dan bila lulus baru kita laksanakan. Dan bila dah lulus bila nak jual, kita kena masuk daftar dengan KPKT... Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab kalau tak dilaksanakan nanti kita macam PKNP ni, bila kita buat ni kalau dia tak siapkan projek tu, dia akan jadi masalah tu boleh *blacklist* sebab tu kerajaan sendiri ambil alih. Lembaga Perumahan dan PKNP ambil alih projek ni nak siapkan kerana kita berani taruk tengkuk kita. Kalau projek swasta tadi mungkin dah *blacklist* tak boleh buatlah projek tu sebab dia dah *blacklist* oleh Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana lesen dan permit dah dikeluarkan, jadi dia kena siapkan dalam masa jangka masa tertentu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya pergi soalan seterusnya, soalan nombor 5, Wakil daripada Padang Tengku.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Assalamualaikum WBT Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 5.

> [Status perkembangan mutakhir projek naik taraf stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan Depoh KTM di negeri Pahang. Mohon penjelasan status terkini projek naik taraf beberapa stesen KTMB di beberapa lokasi di negeri Pahang khususnya pembinaan Stesen Penumpang dan Depoh DMU Class 61 di Padang Tengku yang sepatutnya telah siap pada September 2019 seperti tercatat di papan iklan projek tersebut.]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya yang bertanyakan berkenaan dengan status terkini menaik taraf stesen dan depoh Keretapi Tanah Melayu di negeri Pahang.
Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pihak Kementerian Pengangkutan melalui agensi pelaksananya iaitu Perbadanan Aset Keretapi sedang melaksanakan beberapa projek membina baharu dan menaik taraf kemudahan stesen kereta api dan hentian kereta api di negeri Pahang.

Bagi penyiapan bagi kerja untuk Stesen Keretapi Padang Tengku dan Depoh Penyelenggaraan Keretapi Padang Tengku, pihak Perbadanan Aset Keretapi sedang meneliti baki skop kerja yang masih belum disempurnakan dan akan melaksanakan proses tatacara perolehan selanjutnya setelah reka bentuk selesai dimuktamadkan. Dijangkakan kedua-dua projek ini akan dimulakan pada suku kedua 2026 sebagai pemilik dan pengurus aset kereta api, Perbadanan Aset Keretapi telah merancang pelaksanaan menaik taraf stesen dan depoh kereta api secara berperingkat di semua stesen yang masih belum dilengkapi kemudahan tersebut.

Selain daripada itu, terdapat dua stesen kereta api yang dalam proses menaik taraf iaitu pertama Stesen Keretapi Kemayan. Status pembinaannya er... daripada Mac bermula Mac 2025 hingga dijangka siap pada April 2026 dan yang keduanya, Stesen Keretapi Lipis statusnya dalam pembinaan dan dijangka siap pada April 2026.

Bagi stesen Keretapi Chegar Perah, projek ini telah selesai dilaksanakan namun begitu, proses pengalihan sistem semboyan er... dari stesen lama ke stesen baru masih belum dilaksanakan dan berada dalam peringkat akhir. Setakat ini, stesen kereta api er... stesen baru sentiasa dipantau oleh kakitangan Keretapi Tanah Melayu bagi mengelak kes-kes kecurian dan vandalisme. Stesen Keretapi Mentakab dan Triang juga telah siap pada tahun 2024 dan selain daripada itu, bagi projek yang melibatkan pembinaan baru, kemudahan platform untuk tren-tren Diesel Multiple Unit ataupun DMU sebanyak 4 hentian dan 1 stesen kereta api. Satu projek tersebut ialah satu di hentian Sungai Temau telah siap pada tahun 2023. Kemudian hentian, er... Bukit Betong pun telah siap pada November 2024. Hentian Mentara Baru juga telah siap pada Julai 2025 dan Stesen Keretapi Merapoh pun telah siap pada Oktober 2025. Hentian Teluk Gunung, yang ini masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada Julai 2026.

Penyiapan pembinaan platform Diesel Multiple Unit ini akan memberi kemudahan kepada pengguna kereta api dan juga penduduk setempat untuk menaiki tren tersebut dengan lebih selamat dan lebih juga lebih selesa. Jadi, Perbadanan Aset Keretapi akan terus melaksanakan inisiatif secara berterusan bagi memastikan hasrat Kementerian Pengangkutan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam khususnya kereta api dapat direalisasikan. Sekian terima kasih.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Dato' Sri Speaker, sebelum tu, saya nak tanya pada Exco. Tahun bila Padang Tengku itu akan dimulakan ya? Bulan bila sebut tadi? Akan bermula... Tak apalah, kalau lambat carilah dahulu, saya buang masa sikit. Er... sebenarnya saya pelik juga dengan perkataan akan bermula tu. Sebenarnya, Stesen Keretapi Padang Tengku dan Depoh di Padang Tengku sudah pun bermula dan dijangka siap asalnya pada 2019. Apa yang kita nak persoalkan projek ni macam projek terbengkalai dan sekarang ni memang menjadi tempat yang er... agak menyedihkanlah. Jadi, saya mungkin bahas perkara ini lebih lanjut lagi.
Soalan saya ialah pada hari ini. Kita ada beberapa stesen lah. Stesen Lipis umpamanya, Stesen Lipis dah digunakan tapi CCC tak dapat sampai sekarang. Kemudian Stesen Chegar Perah tadi pun dah sebutlah kan. Dah 2022 siap tapi tak dapat digunakan jugak, pakai stesen lama lagi. Padang Tengku pula, berhenti-berhenti betul berhenti, platform ada, tapi dia berhenti jauh ke depan menyebabkan orang-orang gagah perkasa je yang boleh naik kereta api itu. Orang-orang OKU, orang-orang cacat, orang-orang kanak-kanak memang tak berupaya naik di situ. Jadi, soalan pertama saya nak tanya apa masalah sebenarnya? Kenapa 2019 sepatutnya siap, patutnya selesai tetapi tak dapat diselesaikan sampai sekarang? Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya saya sebenarnya ada pengalaman sikit naik kereta api ini. Daripada Lipis ke Johor Baharu. Daripada pukul 3.00 pagi sampai pukul 1.00 petang. Jadi saya ingat perjalanan tu begitu lama dan ini berkaitan dengan landasan yang saya kira tak sesuai lagi dengan keadaan sekarang dan saya baca Kementerian Pengangkutan seolah-olah tidak berminat untuk membesarkan ataupun memperbaikinya dan atau mencadangkan untuk *line* berkembar.

Jadi saya nak cadangkan supaya kerajaan negeri kalau boleh *fight* sikit supaya, sebabnya laluan utama sebenarnya, kita ada, sekarang ini ada kereta api mewah tiap-tiap bulan. Hari Sabtu memang lalu pergi ke Merapoh dan pelancong-pelancong ini mengeluh. Orang kampung pun mengeluh kerana terlalu jauh, terlalu lama perjalanan itu. Kalau boleh kita buat laluan berkembar untuk membolehkan kita menggunakan sistem perkhidmatan tren elektrik ataupun apa nama ETS sebagaimana yang berlaku di jalan-jalan di Pantai Barat juga daripada Gemas ke, ke Singapura. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sebenarnya projek ini bermula pada tahun 2016 lagi ya tetapi dan sepatutnya siap pada tahun 2022 tapi oleh kerana kegagalan pihak kontraktor menyebabkan er... kontrak tersebut ditamatkan oleh Kementerian Pengangkutan pada tahun 2023. Dan er... untuk itu, er... kerja-kerja er... tersebut telah dibuat pelantikan baru dan ada pekerja-pekerja yang dalam proses er... pembinaan dan er... ada cadangan daripada Yang Berhormat daripada Padang Tengku berkenaan dengan masa perjalanan yang mengambil masa yang panjang dari tempat ke tempat. Yang ini pihak kerajaan negeri ambil perhatian dan akan mengemukakan cadangan yang baik daripada Padang Tengku kepada pihak kementerian. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita pergi kepada soalan nombor 6. Wakil daripada Batu Talam, sila.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pertanyaan saya, pertanyaan nombor 6.

> [Berapakah kadar peratusan eksport negeri Pahang ke US daripada jumlah eksport keseluruhan negara ke US? Nyatakan jumlah peratusan eksport keseluruhan negeri Pahang ke luar negara?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih YB Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada sahabat saya dari kawasan Batu Talam yang bertanyakan soalan seperti berikut. Soalan pertama berapakah kadar peratusan eksport negeri Pahang ke Amerika Syarikat daripada jumlah eksport keseluruhan negara ke Amerika Syarikat? Kedua, nyatakan jumlah peratusan eksport keseluruhan negeri Pahang ke luar negara.

Untuk soalan pertama pada tahun 2024, jumlah eksport Malaysia ke US bernilai RM198.9 bilion. Dari jumlah ini, nilai eksport Pahang ke US adalah sebanyak RM690.9 juta ataupun bersamaan dengan 0.3% daripada jumlah peratusan eksport ke US. Untuk tempoh Januari hingga September 2025, Malaysia mencatat jumlah eksport yang bernilai RM166.3 bilion. Dalam tempoh 9 bulan yang sama, jumlah eksport Pahang ke US adalah sebanyak RM775 juta ataupun 0.5% daripada jumlah eksport negara ke US.

Untuk soalan kedua, pada tahun 2024, jumlah eksport perdagangan Malaysia adalah bernilai RM1.5 trilion, manakala eksport antarabangsa Pahang berjumlah RM29.9 bilion iaitu sebanyak 2% daripada jumlah negara. Untuk tempoh 9 bulan dari Januari hingga September 2025, nilai eksport antarabangsa Pahang ialah sebanyak RM17.8 bilion atau 1.5% daripada jumlah eksport Malaysia yang berjumlah RM1.17 trilion untuk tempoh tersebut. Terima kasih.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasihlah atas jawapan pihak kerajaan mengenai eksport ke Amerika Syarikat ini. Dalam pembentangan Bajet baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat yang lalu, sebanyak RM18 bilion pelabur yang melabur di negeri Pahang. Jadi oleh kerana tadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, media cetak pun macam-macam dah jadi, orang kampung pun nak menanya, RM18 bilion ini, apakah jenis ataupun aktiviti pelaburan dan di mana melabur ini? di apa Cameron Highlands ke, di Pekan ke, di Raub ke, ini orang kampung menanya. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya daripada Batu Talam yang bertanyakan soalan mengenai komposisi pelaburan yang berkaitan dengan jumlah pelaburan komited yang berjaya diraih oleh kerajaan negeri untuk tahun ini. Er... untuk makluman er... rakan-rakan ADUN semua, er... dia punya senarai pelbagai ada 100 *line item.* Jadi saya akan petik contoh-contoh pelaburan dari daerah tertentu atau daerah pelbagai.

Sebagai contoh, ada *company* yang akan membuat mini hidro sebanyak 5 megawatt. Projek ini bernilai lebih kurang RM402 juta dan akan bertempat di Bentong dan syarikat multinasional elektrisola juga di Bentong akan membuat *line* pemasangan baru ataupun dengan izin *assembly line* baru untuk membuat *litz wire* dan jumlah pelaburannya RM195 juta juga di Bentong. Syarikat Berkaitan Kerajaan YP Hevea Sdn. Bhd., ada perancangan untuk membangunkan Agro Park di Jerantut dan jumlah pelaburan adalah sebanyak RM91 juta. Manakala di, di Gebeng, Kuantan ada *company* antarabangsa Sinolion Group er... *company* tak... dia ni tak sabar-sabar nak mula untuk kejar kami di pejabat. Dia bercadang untuk membuat apa ni, *sport* apa ni *rim* kereta EV kenderaan elektronik dan jumlah pelaburan dijangka sebanyak RM800 juta dan satu lagi contoh saya boleh berikan adalah *company* Gentle Ivory yang akan membuat tanaman jaboticaba tanaman daripada Brazil. Saya pun nak sebut payah dan nilai pelaburannya adalah sebanyak RM175 juta dan bertempat di Rompin, insya-Allah, terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

YB Dato' Sri Speaker, saya nak menambah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagi Yang Amat Berhormat tambah sikit.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Amat Berhormat daripada Batu Talam ada mengatakan orang kampung bertanya pelaburan ini. Saya ingin mencadangkan untuk mudah Yang Berhormat daripada Batu Talam bagi tahu kepada orang kampung apabila pelaburan masuk ke negeri kita, KDNK kita meningkat. Sebagai contohnya pada tahun 2024, khabar begini je KDNK ini Keluaran Dalam Negara Kasar kita 5.7% lebih daripada nasional. Nasional 5.1%. Jadi bila KDNK kita meningkat apa benda yang kita dapat, pelaburan 17 bilion, bila pelaburan datang Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kita mampu mengurangkan pengangguran, bagi tahu kepada orang kampung.

Anak-anak kita di Pahang ni, sebagai contohnya pada tahun 2024, 2.2% pengangguran di negeri Pahang ini. Pada tahun ini sehingga bulan 9 daripada 2.2% lebih kurang 16,800 orang, pada tahun ini turun kepada 1.7%. Maknanya daripada 16,700 turun kepada 14,000. Makna kadar pengangguran itu berkurang. Jadi bila kita bagi tahu kepada orang kampung, dia mudah faham. Kalau yang Dato' Nizar cakap tadi tu *detail*, jadi kabo begitu lah, ini lah… orang kampung payah nak ingat. Jadi, Dato' Aziz khabar begitu je. Bila pelaburan masuk banyak, kadar pengangguran kurang, peluang pekerjaan bertambah. Inilah cadangan saya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya pun bagi tahu orang kampung cakap begitu je sebab orang kampung ada tanya Tok Wan benda KDNK tu? saya *explain*kan dengan yang lebih mudah la ekonomi duit masuk, pengangguran kurang dan sebagainya. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ataupun dia cakap KDNK *komer* dah nak ke Kemaman.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh juga.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil Beserah. Soalan tambahan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima Kasih, Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada wakil kerajaan di atas perkongsian angka-angka yang diunjurkan ditunjukkan di sini. Soalan tambahan saya adalah dengan wujudnya Agreement of Reciprocal Trade ini. Perjanjian Timbal Balas Perdagangan Timbal Balas dengan Amerika ni sebab kita tengok daripada angka yang

diberikan tadi hampir 20% hingga 30% berbanding 2024, 2025 eksport kita ke Amerika. Sebab 775 juta daripada 17.8 bilion pada tahun 2025 kita eksport ke Amerika. Jadi dengan adanya perjanjian itu, adakah ia akan memberi impak atau kesan kepada masa depan kita berdagang dengan Amerika ini atau apakah langkah yang kita ambil untuk nak menilai semula perdagangan kita dengan pihak Amerika. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya daripada Beserah yang bertanyakan soalan tersebut. Pada hemat saya, jumlah eksport kita ke Amerika Syarikat tidak begitu tinggi, kalau nak banding dengan negeri seperti Pulau Pinang. Saya ambil contoh Pulau Pinang. Pada Januari - September 2025 eksportnya 91 bilion. Jadi pendedahannya tidak terlalu besarlah untuk eksport ke Amerika Syarikat sedangkan jumlah eksport kita pada tempoh yang tersebut 17.8 bilion ataupun 1.5% daripada nilai eksport total. Walau bagaimanapun, apa yang kita lihat di media massa, kerajaan persekutuan telah mengambil langkah awal untuk berunding dengan Amerika Syarikat dan seperti kita maklum, bukan mudahlah untuk berunding dengan kuasa besar.

Kalau kita silap langkah, maka pekerjaan di industri semikonduktor akan terjejas dan apa yang kami tahu di media massa, *reciprocal tariff* telah diturunkan ke kadar 19% daripada kadar yang lebih tinggi sebelumnya dan lebih kurang 1,700 *item* eksport daripada Malaysia akan dikenakan *reciprocal tariff* sebanyak 90% ataupun yang rendah. Dan apa yang kita dimaklumkan ini adalah apa ini perjanjian yang terbaik yang mereka dapat berunding dengan Amerika Syarikat ketika ini tapi saya tidak fikir secara peribadi mereka akan menggadaikan apa ni kedaulatan negara begitu sahaja sebab tanggungjawabnya mereka tahu akibatnya sekiranya mereka cuai ataupun gagal berunding dengan baik.

Walau bagaimanapun, perkara ini harus dipantau dari semasa ke semasa untuk memastikan kita ada orang kata ni, apa ni kita dapat perjanjian yang sebaik mungkin daripada kuasa-kuasa besar. Malaysia dari dulu mengamalkan dasar neutral ataupun tidak berpihak ke mana-mana kuasa besar, kami berdagang dengan semua orang. Untuk jangka masa yang panjang, mungkin kita boleh perhebatkan perdagangan dengan negara-negara lain seperti contoh dalam rantau ASEAN.

Perdagangan antara negara-negara ASEAN hanya di peringkat 23% dan boleh dipertingkatkan. Ini disebabkan negara ASEAN lebih cenderung berniaga dengan negara-negara dan di luar rantau. Untuk jangka masa yang panjang, kita perlu memperluaskan rakan dagangan kita supaya kita tidak bergantung harap kepada mana-mana kuasa besar. Insya-Allah, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Er... pertama saya ucap tahniah apa yang telah disampaikan. Kita Malaysia khususnya Lynas ialah antara pengurusan RE yang terbesar selain daripada China, di luar China ialah di Malaysia dan kebetulan di Kuantan di Gebeng. Soalan saya ialah sebagai negara pengeluar juga Pahang di*reserve* RE agak baik, bagaimana

perjanjian ini mendatangkan kesan secara langsung kepada kepada Lynas khususnya, sebab Lynas ni bukan milik China dan ada perjanjian kita kena bekalkan kepada US RE kita. Sejauh mana perjanjian ini ada kesan secara langsung kepada syarikat Lynas dan pengeluar RE di Pahang. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya daripada Cheka. Kita sedia maklum, bahawasanya nadir bumi ini merupakan satu topik hangatlah ya. Nadir bumi ini permintaannya sangat tinggi terutamanya untuk digunakan untuk *super magnet* di industri hijau seperti tebing angin dan kenderaan elektronik waima Fighter jet F-35 sekalipun. Berkenaan dengan perjanjian tersebut, kami berpendapat ia tidak akan menjejaskan hubungan kita dengan mana-mana kuasa besar tapi ia perlu dirunding dengan baik.

Sudah tentu negara-negara besar inginkan hasil nadir bumi kita. Walau bagaimanapun, di peringkat kerajaan persekutuan, mereka berpendapat kita perlu letakkan syarat. Kita tidak boleh eksport secara mentah ataupun *raw* kerana ini tidak akan memberi tambah nilai yang begitu banyak untuk Malaysia. Oleh itu, negara perlu eksport produk hiliran ataupun *downstream*. Barang-barang yang telah diproses seperti di Lynas tiada dengan izin, *cracking* dengan *leaching plant* yang memisahkan nadir bumi daripada bahan mineral yang mentah dan cabaran di Malaysia juga kebanyakan nadir bumi yang rizab yang kita ada, sebagai contoh di Pahang, rizab kita 1.4 bilion tan.

Ia berada di kawasan hutan simpanan dan perkara ini perlu diuruskan dengan baik. Sekiranya kita tidak lombong dengan kaedah yang mesra alam sekitar, maka kebimbangannya nadir bumi, apa ni kaedah melombong itu akan menjejaskan hutan simpanan dan juga simpanan apa ni pembekalan air di bawah tersebut. Tapi secara dasarnya ia tidak terlalu mengikat, malah kita perlu mempelbagaikan sumber teknologi nadir bumi ini supaya kita tidak bergantung harap pada satu negara. Ia sebagai contoh, negara China dia menguasai 90% daripada teknologi pemprosesan nadir bumi.

Kita ada kelebihan di Pahang ini ya, dengan apa ni kilang Lynas, maka kita perlu pertahankan kilang tersebut sebab ia memberikan pemindahan teknologi dan kemahiran kepada pekerja-pekerja Lynas. Malah pekerja-pekerja Lynas orang-orang Bumiputera Melayu kita dieksport ke US untuk mengajar tenaga pekerja di sana. Bagaimana untuk memproses bahan nadir bumi? Begitu juga dengan Australia, begitu hebatnya tenaga kerja kita di tempatan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya. Soalan nombor 7 ADUN Kemayan.

(ADUN KEMANYAN – N.39)
YB TUAN KHAIRULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita dah pukul 11 dah ni. Kita nak berehat untuk minum pagi. Sila.

(ADUN KEMANYAN – N.39)
YB TUAN KHAIRULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan saya soalan nombor 7.

> [Kenapa penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang pindah menetap di Daerah atau Negeri lain akan diberhentikan bantuan dan perlu memohon semula di Daerah mereka menetap?]

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan sahabat yang bertanya yang mana soalannya adalah kenapa penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang pindah menetap di daerah atau negeri lain akan diberhentikan bantuan dan perlu memohon semula di daerah mereka menetap? Garis panduan ya Pengurusan Bantuan Kewangan untuk bulanan 2025 dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai penamatan skim bantuan bagi penerima yang berpindah tempat tinggal ke daerah ataupun negeri lain. Bertujuan untuk memastikan proses pemantauan dan semakan bantuan berjalan dengan lebih lancar dan juga efektif. Selain itu, sistem pemantuan... pemantauan dan semakan adalah penting bagi memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Apabila penerima bantuan berpindah ke kawasan luar pentadbiran daerah, ia menjadi cabaran untuk JKM melaksana... melakukan semakan dan menilai semula status kelayakan mereka dan dengan cara ini, JKM dapat mengurangkan risiko penyalahgunaan bantuan dan memastikan bahawa penerima yang layak menerima bantuan yang berterusan. Dan walau bagaimanapun, permohonan baharu dari penerima yang telah berpindah ke daerah atau negeri lain akan dipertimbangkan sebaik mungkin dan kebarangkalian untuk lulus adalah tinggi. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi ke...

(ADUN KUALA SEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Soalan tambahan boleh tak Dato' Sri Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila... sila.

(ADUN KUALA SEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih Dato' Sri Speakar. Berkaitan dengan bantuan kepada OKU ini, saya ingin menanyakan berkaitan dengan elaun murid berkeperluan Pendidikan Khas yang dibayar kepada pelajar-pelajar di Sekolah Harian Kerajaan, tetapi apabila mereka memasuki Sekolah Menengah Agama Negeri, elaun tersebut dihentikan. Apakah kerajaan negeri mempunyai hasrat untuk membayar elaun tersebut kepada pelajar-pelajar OKU di Sekolah Menengah Agama Negeri? Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih.

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih di atas pertanyaan tambahan dan insya-Allah bila kita mendengar pembentangan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja semalam di mana err... pada Jumaat baharu ini di mana rakyat di dahulukan. Insya-Allah mungkin akan ada pertimbangan untuk segi bantuan itu. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita terus pergi ke soalan seterusnya. Wakil daripada Tioman.

(ADUN TIOMAN – N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-pertua, Speaker, saya ingin mengajukan soalan nombor 8. Terima kasih.

[Baik pulih gelanggang futsal Kampung Desa Selesa Perpat, Rompin telah diluluskan. Bilakah cadangan bagi pelaksanaan baik pulih gelanggang futsal tersebut?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Doktor.

(ADUN DONG – N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih Wakil daripada Tioman atas soalan berkenaan dengan baik pulih Gelanggang Futsal Kampung Desa Perpat, Rompin.
Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berdasarkan maklumat daripada Pejabat Pembangunan Negeri Pahang, pelaksanaan baik pulih Gelanggang Futsal Kampung Desa Selesa Perpat Rompin ini diluluskan di bawah peruntukan Projek Mesra Rakyat Tahun 2024 dan agensi pelaksananya adalah Pejabat Pembangunan Negeri Pahang dan projek ini sedang dilaksanakan oleh KMRL LC Enterprise sebagai kontraktor pelaksana dan skop-skop kerja yang terlibat adalah baik pulih gelanggang futsal dan baik pulih pagar gelanggang dengan kos keseluruhan sebanyak RM70,000.00 dan kerja-kerja pembaikan ini telah dimulakan pada 6 Oktober lalu dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 29 Disember ini. Dan kerja-kerja yang masih berbaki adalah berkait kerja pemasangan getah dan sehingga kini status semasa projek adalah 80%. Insya-Allah Kerajaan Negeri Pahang akan sentiasa memberi kerjasama dan memantau setiap kerja berkait dengan infrastruktur sukan di negeri ini yang dilaksanakan oleh agensi-agensi melibatkan kemudahan sukan di peringkat komuniti di kawasan setempat insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

(ADUN TIOMAN – N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ada soalan tambahan sikit. Yang pertama saya ucap tahniah dululah. Terima kasih kepada wakil kerajaan kerana telah berusaha untuk satu jumlah lebih kurang RM70,000.00 untuk penambahbaikan pada gelanggang tersebut dan terima kasih juga kepada Wakil Kerajaan kerana di Tekek, Kampung Tekek, Pulau Tioman juga RM500,000.00 dan Selendang RM180,000.00 telah dibuat penyerahan baharu-bahari ini.

Soalan saya, gelanggang yang lebih besar sedikit iaitu Stadium Minii. Apakah status pada masa ini di bandar Kuala Rompin? Adakah akan dilaksanakan pada tahun ini juga atau bagaimana? Dan yang keduanya status litar lumba ini gelanggang lebih besar sikit yang mana pernah diluluskan pada suatu ketika dahulu RM40 juta. Adakah hasrat rancangan ini akan diteruskan dan Rompin ataupun daerah Rompin bersedia untuk menyediakan lokasi tapak litar permotoran tersebut? Terima kasih.

(ADUN DONG – N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih. Wakil dari Tioman. Yang Berhormat Speaker, berkenaan dengan Kompleks Sukan Mini di Rompin, saya difahamkan bahawa pihak JKR ibu pejabat sedang dalam proses penyediaan *drawing* dan juga BQ dan insya-Allah kalau daripada maklumat yang diterima, akan ditender projek ini pada Mac atau April pada tahun hadapan.

Berkenaan dengan cadangan untuk penyediaan litar permotoran. Sememangnya ini dinanti-nantikan sangat oleh anak muda di seluruh negeri Pahang ini kerana sehingga kini kita masih belum memiliki litar permotoran ini. Dan sekarang insya-Allah, alhamdulillah dah masuk tahun kedua penganjuran RXZ Fighter. Saya ingat yang baharu-baharu ini pun menghimpunkan lebih 70,000 orang di Teluk Chempedak yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan kita memang dapat maklum balas yang banyak daripada anak muda untuk penyediaan litar lumba permotoran ini dan untuk makluman Yang Berhormat, ada dua cadangan untuk litar lumba ini er... litar permotoran minta maaf yang pertamanya litar *drag*.

Litar *drag* ini sekarang kita cadangkan di Pekan sebab infrastrukturnya dah ada dan saya sendiri telah melawat litar tersebut buat lawatan rasmi bersama dengan MAM, Motorsport Association of Malaysia bersama dengan Timbalan Presidennya, Dato' Rhiza dan kita telah bersetuju dan pihak kerajaan negeri telah mengemukakan peruntukan permohonan peruntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk kita bina balik litar drag di Pekan dan yang litar permotoran yang Berhormat Tioman kata tadi saya rasa cadangannya di Temerloh kalau tak silap saya iaitu ketika Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohamad Najib Tun Razak.

Walau bagaimanapun pada 2018, saya difahamkan cadangan itu dibatalkan oleh kerajaan yang baharu mengambil alih pada ketika itu, litar lebih kurang RM40 juta. Jadi sejak dibatalkan, tiada cadangan baharu daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan dan litar kedua yang kita cadang selepas litar *drag* di Pekan adalah litar untuk *motorsport* yang kita cadang untuk dibina di sebelah daerah-daerah di Pahang Barat. Insya-Allah kita tengah sikit lagi kita perincikan dan kita akan maklum kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan dan dah memang ada *understanding* atau persetujuan bersama dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan ini untuk Pahang kemukakan

satu cadangan litar *motorsport* ini dan insya-Allah melibatkan satu kawasan di daerah Pahang Barat, Yang Berhormat. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan nombor 9, ADUN Lantikan.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

> [Jualan Rahmah di semua DUN di seluruh negara memberi banyak kebaikan kepada rakyat walaupun harga barangan tidaklah seteruk sekitar akhir tahun 2020 dan 2021. Di samping Jualan Rahmah yang sedia ada, adakah kerajaan negeri bersedia untuk menambah jumlah Jualan Rahmah supaya ianya lebih kerap atau tidak hanya bersifat *mobile* sebaliknya secara tetap di sesebuah pasar raya setempat?]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Sri Tuan Speaker, untuk menjawab soalan nombor 9. Program Jualan Rahmah merupakan program jualan barangan keperluan harian yang terdiri daripada barangan makanan. Program ini dilaksanakan dengan penglibatan peruncit *hypermarket*, pasar raya besar, pasar raya, pasar raya mini dan kedai runcit serta operator program Jualan Rahmah yang bergerak yang terpilih.

Premis dan operator ini juga merupakan rakan-rakan strategik kepada program Jualan Rahmah yang digalakkan untuk memberi pengurangan harga barangan semasa program jualan berlangsung antara 10 hingga ke 30% berbanding harga pasaran semasa. Berdasarkan lokasi pelaksanaan program Jualan Rahmah untuk dinikmati oleh rakyat Pahang dengan tujuan utama mengurangkan kos sara hidup.

Terdapat tiga kaedah pelaksanaan Jualan Rahmah di negeri Pahang tersebut. Jenis pelaksanaan di dalam premis pasar raya, jenis pelaksanaan di luar di kawasan terbuka luar atau berdasar keperluan ditentukan khas, jenis pelaksanaan secara bergerak di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan premis peruncitan terutamanya di luar kawasan bandar. Program ini disasarkan untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan di setiap 42 DUN di negeri Pahang, dengan kerjasama premis-premis peniaga serta operator yang terpilih berdasarkan garis panduan pelaksanaan Program Jualan Rahmah ini telah yang ditetapkan sehingga 30 hari bulan November 2025.

Program Jualan Rahmah yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 1,345 kali berbanding 1,008 yang disasarkan setahun. Pelaksanaan yang lebih kerap ini telah memberi peluang kepada seluruh rakyat Pahang untuk menikmati harga yang jauh lebih murah dari harga pasaran. Program Jualan Rahmah ini juga turut dilaksanakan secara berhemah, berhemah bagi mengurangkan kos sara hidup pada tempoh tertentu.

Sebagai contoh, mulai 18 Disember 2025 hingga 11 Januari 2026, Program Jualan Rahmah yang tema Kembali ke Sekolah dengan izin, 'Back to School' akan dilaksanakan di premis-premis terpilih di seluruh negeri Pahang bagi memastikan ibu

bapa dapat membeli kelengkapan sekolah anak-anak dengan harga yang jauh lebih murah. Di samping itu, dalam minggu yang sama iaitu 18 hingga 27 Disember 2025, Program Jualan Rahmah yang bertemakan Hari Krismas juga akan dilangsungkan di beberapa premis terpilih bagi memberikan peluang rakyat Pahang membuat persediaan membeli barang keperluan untuk menyambut Hari Krismas.

Selain dari Jualan Rahmah, Kerajaan Negeri Pahang turut melaksanakan Program Jualan Makmur Kluster Perayaan sebagai satu-satu strategi penting dalam membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat menjelang musim perayaan utama.

Program Jualan Makmur juga dijalankan secara jualan, jualan dalam premis yang juga secara bergerak bergantung kepada kesesuaian lokasi dan keperluan masyarakat setempat. Usaha ini bertujuan memastikan lebih ramai rakyat dapat menikmati harga barangan yang lebih rendah serta akses yang lebih mudah kepada keperluan harian. Melihatkan sambutan yang amat menggalakkan, kerajaan negeri akan meneruskan kesinambungan program ini bagi memastikan rakyat Pahang terus menikmati penjimatan yang besar melalui usaha mengurangkan kos dan penyelesaian harga mampu milik yang berkesan.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Dato' Sri Speaker, soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Exco di atas jawapan dan juga saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada kerajaan negeri yang telah meneruskan kesinambungan untuk mengadakan Jualan-Jualan Rahmah yang saya kira sangat memberikan faedah kepada rakyat di negeri Pahang dan di dalam negara kita pada hari ini.

Soalan saya, soalan tambahan saya, kalau kita lihat er… saya ada kebetulan yang terbaca dalam media ini pada tahun 2022, 2021 ya… harga telur mencapai sehingga RM18.00 sepapan pada waktu itu dan harga minyak masak pada tahun 2021, 2022 dalam Sinar Harian 1 hari bulan Jun 2022 sampai 5 kilo minyak tu sampai RM43.00 sekilo er… satu, satu botol 5 kilo.

Cuma pada hari ini kalau kita lihat, telur sehingga harganya boleh mencapai sehingga RM8.00 ke RM10.00 saja sepapan dan harga minyak masak tu kalau kita, kita tengok di pasar raya- pasar raya atau di kedai seperti Speedmart, nilai bagi sebotol minyak tu hanyalah RM30.00 ataupun mungkin RM29.00, RM27.00 sahaja. Jadi, soalan saya berdasarkan kepada trend penurunan harga keperluan rakyat ini seolah-olah semakin menurun. Kalau kita tengok beras tempatan pun telah ada di pasaran.

Jadi, soalan saya masih adakah lagi rakyat yang memberikan sokongan kepada Jualan Rahmah ni di saat barang-barang keperluan mereka telah pun mengalami penurunan harga di pasaran biasa pada hari ini. Itu sahaja, Exco.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih kepada ADUN Lantikan, terima kasih bangkit isu telur. Telur ni masa saya ambil alih semasa saya sebagai Exco, kiri, kiri kanan kita kena cari telur, tak tahu mana itu telur pergi. Saya kena cari telurlah Tuan Speaker. Itu sebablah lepas kita tu kita cuba import, pernah import.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

YB, telur tu pergi mana?

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Tak tahulah mungkin ayam tak nak bertelur ke? Kita terpaksa import dari India dan masa itu kita cuba kawal dan masa itu harga bawah kawalan tetapi sekarang kita telur tiada kawalan tapi telur tiba-tiba muncul pula. Tak tau mana penuh sesak sekarang. Dulu nak cari sepapan pun susah. Juga antara minyak, dulu memang betul. Bukan 40 lebih, sampai 50 lebih pun ada tapi sekarang dengan kawalan yang ada yang kita kawal dengan pemerintahan kerajaan yang betul-betul menjaga rakyat. Harga diturunkan kepada 30 lebih. Kalau ada tambah lagi Jualan Rahmah atau Jualan Makmur itu lagi murah, mungkin dalam RM30.00 saja. *So*, pandai-pandailah pilih kerajaan. Haa tulah, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, soalan nombor 10.

(ADUN LUIT N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tunggu sampai berpeluh, soalan saya nombor 10.

> [Apakah dasar dan pelan strategik kerajaan negeri dalam menjadikan tapak warisan UNESCO seperti Tasik Chini dan kawasan Orang Asli di Rompin sebagai pelancongan lestari berpaksikan komuniti *(community-based tourism)*.]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Luit. Bagi menjadikan Tasik Chini Tapak Rizab Biosfera UNESCO sebagai destinasi lestari berpaksikan komuniti atau dengan izin, *community-based tourism*, kerajaan negeri merangka dasar dan pelan strategik berdasarkan tiga teras utama iaitu pemuliharaan alam sekitar, pemberdayaan komuniti dan pembangunan pelancongan berimpak rendah.

Pertama, dari segi pemeliharaan aktiviti perlombongan di Tasik Chini telah dihentikan dan tiada lesen baru dikeluarkan sejak tahun 2019. Kawasan ini kekal sebagai Hutan Simpanan Kekal dan Zon Sensitif Ekologi di bawah status UNESCO. Selain itu, kerajaan negeri juga memperuntukkan 2.7 juta melalui PTNP, Perbadanan Taman Negeri Pahang untuk memperkasakan warisan budaya dan semula jadi untuk pelancongan. Kedua, melalui PTNP, kerajaan negeri melaksanakan Pelan Pengurusan Tasik Chini Bersepadu ini melibatkan 18 agensi dan 4 perkampungan Orang Asli. Ketiga, pemuliharaan ekosistem, program restorasi hutan dan tasik dilaksanakan bersama Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Malaysian Nature Society (MNS), program CSR korporat dan usaha ini telah menunjukkan hasil positif bagi pemulihan habitat akuatik. Kita dapat menyaksikan bahawa spesies-spesies ikan telah muncul semula yang sebelum ini tidak… kita susah nak kesan. Tapi sekarang mereka sudah muncul semula iaitu ikan lampam, ikan kelah,

ikan toman bunga dan petunjuk ini sangat penting untuk menunjukkan bahawa kualiti ekosistem Tasik Chini semakin baik.

Keempat, dari sudut pelancongan lestari berpaksikan komuniti, komuniti Jakun terlibat secara langsung dalam aktiviti interpretasi budaya, jelajah hutan, demonstrasi amalan tradisi dan program konservasi.

Kelima melalui model perkongsian pengurusan dengan izin *co- management,* komuniti Jakun bersama dengan PTNP juga menyertai dalam penyelidikan pengurusan kawasan secara serta pembangunan produk pelancongan dan Jawatankuasa Pengurusan Bersama sedang dimuktamadkan untuk memastikan suara komuniti tempatan menjadi sebahagian daripada keputusan rasmi kerajaan. Dan untuk kawasan Rompin, pendekatan Corp CBT turut diperkukuh di kawasan Kampung Sungai Mok, Air terjun Jaang dan Padang Batu. Komuniti dilatih sebagai pemandu arah, penggiat budaya, penghasil kraf dan pengendali pengalaman tradisional untuk membangunkan produk eko-pelancongan yang autentik dan berasaskan komuniti. Terima kasih.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhomat Speaker. Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Bukan soalan… ucap terima kasih je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil… wakil… Terima kasih je?

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ingat nak tanya soalan. Kita bagilah yang bertanya soalan dulu. Okay, sila wakil daripada Chini.

(ADUN CHINI – N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri. Er… Soalan saya, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk membuka semula kawasan resort di Tasik Chini tersebut?

(**ADUN TRIANG – N.38)**
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Chini. Memang ini satu soalan yang dijangka… sangat *hot* di sidang Dewan. Jadi untuk setakat ini, resort Tasik Chini masih dalam tindakan PSK untuk mendapatkan pelabur untuk buka semula. Walau bagaimanapun, pelancongan di Tasik Chini tidak terjejas walaupun resort belum dibuka lagi. Sebab kita masih ada kemudahan Pusat Penyelidikan Tasik Chini.

Untuk maklumat Yang Berhormat-Yang Berhormat er... Pusat Penyelidikan Tasik Chini, dia menawarkan fasiliti tempat penginapan, tapak perkhemahan… perkhemahan ada bot, ada kayak, ada denai, ada surau, ada bilik mesyuarat dan dia memang mendapat sambutan yang baik. Saya difahamkan bahawa hampir setiap hujung minggu tempahan untuk pusat penyelidikan di Tasik Chini memang penuh dan mereka juga menawarkan pakej-pakej eksplorasi. Ada pakej eksplorasi Orang Asli, ada pakej eksplorasi Tasik Chini, ada pakej eksplorasi hutan juga dan ini menunjukkan bahawa pelancongan di Tasik Chini masih relevan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya soalan terakhir, soalan nombor 11 wakil daripada Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Pilihan raya tahun depan nampak jelas. Soalan saya No. 11. Terima kasih.

> [Berapa banyak program STRFP yang terlibat khusus di DUN Kuala Sentul dan Adakah permohonan semakan pelan dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Maran?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang pasti di Melaka.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, terima kasih pada sahabat saya, Kuala Sentul. Pilihan raya bukan kita punya rancangan, orang lain punya rancangan, insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya ingin menyatakan soalan pertanyaan yang telah pun diberikan iaitu soalan 11. Dua soalan yang telahpun diutarakan iaitu berapa banyak program STRFP yang terlibat khusus di DUN Kuala Sentul dan adakah permohonan semakan pelan dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan juga Tanah Maran.

Pertama kali Yang… Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya ingin merakamkan menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato'

Sri Diraja Menteri Besar Negeri Pahang yang prihatin dan peneroka ini kena wajib beritahu sebab apa… atas daya usaha dan idea yang juga untuk melaksanakan pelbagai program-program inisiatif kepada peneroka. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita terdapat 63 buah rancangan Felda di negeri Pahang yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Tanah Rancangan FELDA Pahang ataupun STRFP.

Mengikut wilayah seperti berikut, dalam Pahang ni kita ada tiga wilayah iaitu pertamanya FELDA Wilayah Mempaga sebanyak 26 bilangan rancangan, keduanya Wilayah Jengka kita punya 20 dan juga Wilayah Kuantan punya 17 menjadikan 63. 63 pelaksanaan bilangan rancangan yang sedang dijalankan. Bagi tujuan semakan pelan dan juga pengesahan teknikal, Sesi Libat Urus bersama Pejabat Daerah dan juga Tanah telah pun dilaksanakan seperti berikut.

Antaranya sesi *roadshow* berada di Lipis pada 26 Jun 2025 yang lalu dan juga PDT Bera pada 8 Julai yang lalu dan juga Bentong dan juga Raub dilaksanakan pada 9 Julai yang lalu dan juga Muadzam Shah dan Rompin dilaksanakan pada 17 September yang lalu dan juga Kuantan yang insya-Allah akan dilaksanakan selewat-lewatnya penghujung Disember ini, insya-Allah. Kesemua sesi tersebut ini dilaksanakan bagi tujuan semakan dan juga pengesahan pelan oleh pihak pejabat daerah dan juga tanah ataupun PDT sebelum tindakan selanjutnya, pelaksanaan STRF di… diteruskan di peringkat yang seterusnya.

Selain daripada itu, sesi bersama Pengurus Rancangan FELDA Wilayah Kuantan bawah daerah Rompin dan juga Muadzam Shah juga telah dilaksanakan pada 1 Oktober yang lalu sebagai sebahagian proses pelaksanaan dan juga pengakhiran akhir. Ini antara satu perkara yang telah diselesaikan dan juga Yang Berhormat Kuala Sentul bertanyakan soalan yang kedua iaitu apakah persoalan yang diberikan kepada pihak kami iaitu adakah permohonan semakan dikemukakan kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah Maran iaitu sebanyak enam rancangan FELDA di bawah DUN Kuala Sentul terlibat dalam pelaksanaan Skim Tanah Rancangan FELDA iaitu semuanya terletak dalam daerah Maran di bawah Zon Sentul seperti berikut, iaitu pertamanya Jengka 1 dan atau kita jangkakan Jengka 1, Jengka 3, Jengka 5, Jengka 6 Jengka 7 dan termasuk Bukit Tajau sebanyak 1,793 lot dianggarkan yang telah pun kita rangkakan mengikut kesesuaian.

Menjawab persoalan semakan pelan di peringkat daerah dan juga Pejabat Tanah Maran. Untuk makluman pihak Dewan, pihak PDT Maran telah menerima sebanyak 17 permohonan semakan pelan STRF daripada pihak FELDA. Daripada jumlah tersebut, 16 permohonan melibatkan kawasan di bawah penyeliaan FELDA Wilayah Jengka manakala 1 permohonan lagi berada di bawah penyeliaan FELDA Wilayah Kuantan. Daripada 16 permohonan di bawah FELDA Wilayah Jengka tersebut, sebanyak 3 kawasan terletak di dalam kawasan Kuala Sentul iaitu Jengka 1, Jengka 3 dan juga Jengka 5.

Kesemua permohonan ini telah melalui proses semakan pentadbiran dan juga teknikal oleh pihak PDT Maran dan beberapa ulasan serta syor penambahbaikan telah dikemukakan termasuk pengeluaran kawasan berisiko iaitu penambaikan jajaran jalan serta penyelarasan keluasan lot selaras dengan dasar semasa kerajaan negeri. Pihak PDT Maran telah mengemukakan beberapa ulasan dan juga syor pentadbiran serta teknikal untuk penambahbaikan pelan. Antaranya mengeluarkan bangunan kediaman, kedai, kuarters guru dan juga bangunan awam seperti balai raya dan juga pelan STRF. Keduanya mengeluarkan kawasan berbukit tinggi, rendah, lembah dan juga kawasan-kawasan yang berisiko banjir.

Seterusnya menyemak jajaran jalan agar tidak bersimpang empat bagi mengurangkan… mengurangkan risiko-risiko kemalangan dan juga menyemak semula lot supaya lebih sesuai iaitu setiap 3,000 kaki persegi yang telah pun kita lancarkan bahawa sebelum ini. Pihak FELDA sedang menambah baik pelan berdasarkan komen dan juga syor daripada pihak PDT Maran sebelum pelan muktamad dikemukakan semula untuk pengesahan rasmi.

Sebagai kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kerajaan negeri melalui kerjasama erat bersama pihak FELDA, Pejabat Daerah dan juga Tanah serta agensi teknikal berkaitan untuk memastikan pelaksanaan Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang ini dilaksanakan secara berfasa, berhemah dan juga berteraskan pematuhan sepenuhnya kepada keperluan teknikal, keselamatan dan juga perundangan. Itu antaranya yang telah diberikan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita… ada juga soalan tambahan. Kita… tak apalah. Alang- alang kita dah lambat, biar lambatlah terus. Siapa nak dulu?

(ADUN CHINI – N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN)

Chini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita bagi yang bertanya dulu. Bagi… lepas tu kita bagi Chini. Lepas tu saya buka lagi kalau ada.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab melancarkan STRF ini bagus untuk generasi kedua peneroka FELDA. Cuma ada satu isu yang saya ada di kawasan saya ini, FELDA Jengka 2 er… seperti Yang… Yang Berhormat Exco maklum tadi tak termasuk dalam STRF… Projek STRF yang disebutkan tadi. FELDA Jengka 2 ni tanah-tanah lot itu dah dipecahkan... er… dan geran pun dah diberi jadi itu masalah yang sebenar yang saya akan bangkitkan. Sepatutnya bila ada perancangan contoh tadi perancangan perumahanlah YB Bebar bagitahu mesti ada *planning*, mesti ada kelulusan daripada agensi-agensi sekurang-kurangnya 17 agensi atau 20 untuk pembangunan kawasan. Jadi di Jengka 2 ini kita ada lebih kurang 63 lot tanah dan dah dibagi geran er… dah diberi geran oleh er… Pejabat Daerah tapi tak ada perancangan infrastruktur er… infrastruktur, tiada perancangan apa ini perparitan dan rumah-rumah ini, tanah lot ini diberi lebih kurang 3,000 kaki persegi hingga 4,000 kaki persegi. Jadi macam mana anak-anak peneroka ini nak buat rumah kalau infranya tak ada, er… eletriknya tak ada, apinya tak ada macam mana nak buat rumah. Jadi saya bimbang YB Dato' Sri Speaker kawasan er… kawasan tersebut akan menjadi kawasan setinggan dalam FELDA. Jadi saya harap pihak terutama sekali YB Exco FELDA ambil berat perkara ini dan juga YB Bebar lah yang er… *sorry* ya [ketawa] yang juga merupakan Exco PBT yang meluluskan er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, boleh cepat sedikit tak bercakap?

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

… yang meluluskan er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab semuanya dah lapar belaka dah ini. [ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sebab isu ini panjang sebab bila er… bila…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa, saya bagi lima minit lagi. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okay, sebab saya tengok isu ini dia jadi satu projek yang tak termasuk dalam program kerajaan yang dilakukan oleh segelintir kumpulan penduduk di situ. Jadi itu er… isu… isu sebenar sebab bila saya *check* er… dengan…

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Mencelah sedikit boleh? Tadi nak tanya ini kawasan FELDA ke kawasan er… kawasan kerajaan negeri?

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Kawasan FELDA.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tak er… tak… nak bagitahu sedikit tadi pasal… boleh mencelah? Terus jawab sahajalah nanti karang lupa boleh? Bolehlah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagi er… bagi dia habis tanya soalan dahulu lepas itu jangan bangun dah… kita bagi pula yang itu er… lepas itu kita nak keluar minum kalau ada lah wakil daripada Chini. Haa… tak apa boleh tiga soalan lagi, sila. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dah lupa dah soalan tadi er… ini PBT. PBT, macam mana PBT boleh meluluskan perancangan ini er… terhadap projek ini dan tanpa geran sedangkan tak termasuk dalam STRF. Projek ini kalau mengikut jawapan Yang Berhormat er… Pelangai cuma satu sahaja STRF yang telah… telah siap iaitu di Keratong 5 yang menghadapi masalah sekiranya projek di Jengka 2 ini diteruskan. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat er… Kuala Sentul dengan soalannya. Saya yakin dan percaya ramai lagi di belakang sini sahabat-sahabat saya ini anak peneroka FELDA termasuk saya jugalah er… termasuk ramai dalam ini memang ini antara salah satu perjuangan Kerajaan Negeri termasuklah Barisan Nasional ini. Memang kita utamakan anak-anak peneroka ini ya untuk mendapatkan satu perumahan. Apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Sentul itu pihak kami kerajaan negeri telah pun sedang menyelaraskan er… bersama dengan LPHP untuk menyelaraskan semula jika berlaku… jika berlaku… jika berlaku *problem* yang ataupun masalah dengan izin, yang berlaku di dalam kawasan Yang Berhormat.

Sebab itu antara yang kita telah letakkan di sini dan di Jengka 1 hingga begitu jauh 1,700 itu kita pantau dan itu selain daripada pergi rumah itu, beri tanah kita ada satu program-program khusus untuk anak-anak peneroka ini untuk mendapatkan peluang perumahan. Sebab itu di antara yang kita kerjasama kali ini kita melihat infrastruktur ini paling penting sebab itu apabila memberikan tanah tanpa satu program yang khusus, dia akan mengakibatkan tanah setinggan tadi berlaku. Sebab itu pihak kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja kita memikirkan kaedah yang lebih sesuai untuk menjadikan semua kawasan-kawasan ini dapat didapat er… dapat diduduki dengan lebih sempurna kepada terutama sekali untuk rakyat Pahang dan juga warga generasi peneroka FELDA. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Terima kasih banyak Dato' Sri.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak sentuh sedikit sebab dia mesti nak itu kat saya juga. [Ahli Dewan ketawa] Tak tahu kenapa ada benda tak puas hati ini berkenaan dengan pentadbiran FELDA ini Yang di-Pertua, dengan PBT ini dia perkara yang berbeza dan sampai sekarang pun masih peringkat perbincangan lagi antara pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga KPKT kerana kita melihat bahawa sekarang kita apa yang kita nak supaya pada masa akan datang ada sebahagiannya pentadbiran di bawah PBT itu boleh di er… kita uruskan untuk FELDA tapi masih tak boleh berjalan dengan baik kerana kadang-kadang perancangan di FELDA ini berlaku kita memerlukan juga kebenaran merancang sepatutnya tak boleh kita pakai buat sahaja.

Tapi masih boleh tak boleh dilaksanakan jadi kita harap pihak kerajaan esok, akan datang dapat merealisasikan supaya seluruh pembangunan kawasan dalam negeri Pahang ini contohnya termasuklah kawasan FELDA ini bila nak buat bangunan-bangunan, perumahan-perumahan mesti mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada pihak kerajaan negeri ini supaya dapat teratur, parit itu teratur, airnya teratur.

Kalau tak ada kebenaran tak boleh buat macam tadi rakan saya daripada Beserah pertikaikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar beritahu kebenaran merancang ada macam lembaga perumahan kita ada tak luluskan projek, kebenaran merancang tak diluluskan kerana tak ada bekalan air itu tak boleh buat dan kebenaran merancang itu tak boleh diberikan makna projek itu tak boleh jalan sekiranya tak ada kebenaran merancang jadi kalau boleh la er… FELDA, PBT ini esok boleh bersama, kita boleh menguatkuasakan akta perancangan ini dalam kawasan FELDA masih tak boleh dilaksanakan lagi. Terima kasih.

(ADUN CHINI – N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang *handsome* lagi baik hati. Er… saya pertama saya nak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga FELDA yang berjaya membangun dan juga menyediakan 16,000 lot Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang. Apa yang saya lihat satu perkara yang akan berlaku akan datang adalah apabila kita memberi peluang kepada anak-anak peneroka di kawasan FELDA ini mereka bekerja sendiri dan juga er… sukar untuk membayar premium. Apakah kerajaan negeri yang prihatin ini dapat membantu mengurangkan kadar premium lot tapak rumah tersebut. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Chini di atas persoalan sebagai salah satu anak er… salah seorang anak peneroka yang perjuangkan peneroka dulu, kini dan selamanya insya-Allah dan apa yang persoalkan tadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker bahawasanya premium tanah ini di atas pihak kerajaan negeri insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Negeri Pahang sangat prihatin kepada peneroka termasuk anak-anak peneroka. Insya-Allah Yang Berhormat Chini, kita akan syorkan kepada pihak kerajaan negeri agar premium dapat dikurangkan sebaik yang mungkin. Insya-Allah ini kita akan perjuangkan habis-habisan. Insya-Allah. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Chini, soalan macam itu masa minum boleh tanya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 11 pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pada pukul 12.05 tengah hari. Persidangan ditempoh.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 12.05 tengah hari]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah suatu Enakmen untuk bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu dan satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan ini mengikut peraturan mengikut peruntukan Seksyen 9 Akta Wang, Akta Kumpulan Wang Pembangunan dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan perbelanjaan bagi tahun 2026.

Daripada kumpulan wang tersebut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Undang-undang, Rang Perbelanjaan Bahagian I, II dan III Tahun 2026 yang dibentangkan dalam persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan DN 29/2025. Rang Undang-undang dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat, 5 Disember 2025 dan telah pun mendapat sokongan. Rang Undang-undang dan Usul ini akan dibuka untuk dibahas. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa ruang perbahasan yang diberikan perlulah digunakan dengan sebaiknya. Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah berbahas dengan berhemah menyampaikan hujah-hujah dengan bernas dan tidak terlalu panjang. Setiap Ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja bagi perbahasan. Seperti yang dimaklumkan, saya telah mengatur jadual perbahasan yang melibatkan 15 orang Ahli Yang Berhormat berbahas pada hari ini.

Saya juga memaklumkan bahawa kertas-kertas Mesyuarat Dewan Negeri yang telah diedarkan di dalam fail persidangan adalah bersifat EMBARGO dan tidak dibenarkan untuk diulas dan dibahas sebelum tarikh pembentangan. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Negeri Pahang, Perkara 19 (4). Semua kertas mesyuarat, Rang Undang-undang atau risalah mesyuarat yang akan diembargo hingga suatu tarikh yang dinyatakan hendaklah dilekatkan slip pada maksud itu dan mana-mana orang yang mengeluarkan kertas-kertas mesyuarat, rang undang-undang atau risalah mesyuarat tersebut atau sebahagian daripadanya sebelum tarikh yang dinyatakan hendaklah disifatkan telah melakukan satu perbuatan menghina Majlis. Baiklah, Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin menjemput Ahli Dewan Negeri dari kawasan Padang Tengku untuk berucap. Silakan.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang untuk saya membahaskan Belanjawan Negeri Pahang 2026 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar pada 5 Disember hari Jumaat yang lalu. Saya nak mulakan dengan pantun,

Bunga tanjung mekar berseri,
Harum semerbak di hujung dahan,
Belanjawan Pahang sarat berisi,
Semua peringkat mendapat sentuhan.

Pahang 1st gagasan rakyat,
Rakyat didahulukan, kemakmuran dipertahankan,
Pahang juara kebajikan rakyat,
Semoga diberkati rahmat berpanjangan.

Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Tok Wan yang telah berjaya membawa Kerajaan Negeri Pahang ke tahap yang begitu cemerlang. Sehingga hari ini kita semua gembira. Hari ini kita semua dah tak malu-malu lagi untuk mengaku kita sebagai anak Pahang dan bersedia untuk di mana-mana sahaja mengaku kita adalah anak Pahang. Kejayaan ini...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat makan gula-gula ke tu? Kalau makan gula-gula tu, dia bunyi tu dia... kita *recording* susah sikit. Jadi elok dibuang gula-gula tu dan kita macam biasa, cakap macam biasa, sebab dia bunyi cak... cak... cak.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Kejayaan ini dapat kita tandai, ditandai oleh pencapaian kutipan hasil yang melebihi RM1 bilion sejak tiga tahun, empat tahun berturut-turut, peningkatan KDNK dan juga pertumbuhan yang melebihi kadar pencapaian paras nasional juga kemasukan pelaburan yang melebihi sasaran. Peningkatan jumlah pekerjaan, pengurangan kadar pengangguran dan juga kerajaan Pahang telah menerima Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran bagi Penyata 2024. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pahang telah ditadbir dengan baik, bersih, jujur, berintegriti dan cekap melalui komitmen dan iltizam raja pemerintah, para pemimpinnya, pentadbir dan penjawat awam serta kestabilan politik yang sedia wujud di negeri ini.

Maka justeru itu, kemakmuran dan kebahagiaan yang sedang dinikmati ini perlulah dipertahankan dan diteruskan tanpa perlu digoyang dan dihogah-hogah lagi, takut-takut nanti “yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran”, “mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan”, “burung terbang dipipiskan lada”, “seperti anjing mengejar bayang bayang”. Jangan jadi seperti cerita klasik lebai Pak Malang. Lebai Malang dan juga Pak Kaduk yang ayamnya menang tetapi kampungnya tergadai.

Dato' Sri Yang... Dato' Sri Speaker, saya ingin menyentuh dalam perbahasan ini ialah berkaitan dengan teras yang pertama iaitu mempertabatkan Islam dan memelihara institusi raja-raja dan mengangkat warisan budaya.

Teras ini merupakan satu teras yang amat penting dan ia sebenarnya menjadi asas kepada kewujudan negara Malaysia yang termaktub seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara. Islam sebagai agama rasmi. Raja sebagai ketua negeri masing-masing, raja juga sebagai ketua agama Islam dan di dalam negeri Pahang ini di bawah Fasal Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang Perkara 24 (1) menegaskan bahawa raja sultan adalah ketua bagi agama Islam dan juga takrifan bagi menentukan Melayu dengan menentukan Islam dengan bukan Islam juga ada

dimaktubkan dalam Perlembagaan iaitu Perkara 160 (2) iaitu Melayu ialah beragama Islam, berbahasa er... Islam itu ialah beragama Islam. Melayu itu beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu.

Dan inilah di antara apa yang cuba digarapkan oleh Pahang 1st melalui sasaran ataupun teras iaitu memartabatkan agama Islam dan memelihara er... institusi raja-raja dan mengangkat martabat warisan budaya. Dan ini terbukti dengan kesungguhan kerajaan, kita melaksanakan atau membina mewujudkan Akademi Pahang 1st sebagai usaha untuk meningkatkan jati diri dan juga kefahaman tentang kenegaraan.

Dalam hal ini, saya amat berbesar hati menerima atau gembira dengan peranan yang diberikan kepada Perbadanan Muzium Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM18.52 juta iaitu bagi manfaatkan usaha-usaha untuk memartabatkan hal-hal berkaitan dengan warisan budaya. Di sini saya ingin bertanya sedikit tentang kewujudan rancangan mewujudkan Galeri Diraja yang dicadangkan dibina atau diwujudkan di bangunan Pahang Club di Kuala Lipis yang hari ini usang dan uzur. Dan saya ingin mendapat kepastian apakah status dan berapakah peruntukan yang diperuntukkan bagi menyedia dan memperbaiki bangunan dan bilakah ianya akan dimulakan?

Dato' Sri Speaker, kerajaan juga di antara lain telah mengiktiraf atau mengangkat beberapa masjid sebagai masjid warisan. Ini merupakan satu langkah yang terpuji. Merujuk kepada Masjid Lama Lipis, yang juga dikenali sebagai Masjid 188 yang merupakan satu ikon sejarah yang... yang utama di daerah Lipis. Saya mengucapkan terima kasih di atas pengiktirafan itu. Dan saya juga dimaklumkan oleh Jabatan Agama Islam atau Pejabat Agama Islam Daerah Lipis bahawa, masjid itu pun telah diberikan kebenaran untuk mengerjakan solat Jumaat, tetapi malangnya ia tidak dilapat dapat dilaksanakan berikutan dengan isu er... keselamatan yang berkaitan dengan struktur bangunan yang di... dilihat tidak begitu selamat.

Namun begitu, er... masjid itu masih menjalankan kegiatan-kegiatan biasa, cuma dia tak laksanakan solat Jumaat sahaja. Dia jalankan aktiviti-aktiviti solat waktu seperti biasa. Dia melaksanakan aktiviti keagamaan seperti sembahyang terawih dan lain-lain aktiviti. Maknanya di sini, saya nampak macam ada satu kompromi yang berkaitan dengan isu keselamatan itu. Jadi saya nak minta daripada kerajaan negeri melihat perkara ini supaya, er... ada peruntukan... diperuntukkan untuk membaiki masjid warisan Lipis itu, masjid lama Lipis itu, untuk ia dapat digunakan. Sedangkan er... untuk makluman er... Dato' Sri Speaker, Imam, Bilal semua telah pun dilantik dan mereka masih ditugaskan di sana.

Selain daripada itu, saya juga telah mengenal pasti er... bahawa, di... di daerah Lipis ini, banyak masjid-masjid lama yang mempunyai nilai-nilai sejarah, khususnya berkaitan dengan kedatangan Islam di negeri ini dan juga tempat di mana ulama-ulama islam mengajar dan membuat pengajian.

Tetapi kebanyakan masjid-masjid ini, telah pun er... terbiar begitu sahaja. Jadi saya telah kenal pasti beberapa buah masjid diantaranya ialah Masjid Kampung Pagar di Mukim Penjom, yang berumur lebih daripada 200 tahun dan ada kehendak ataupun perancangan dibuat oleh masyarakat di situ untuk mengangkat semula masjid ini. Walaupun saya faham masjid ini mungkin berada di kawasan dulunya banjir, tetapi apa kata dan eloknya kita baiki masjid itu dan dibawa satu tempat yang lebih... lebih selamat sebagaimana dibuat kepada Masjid Kampung Laut di... di... di Kelantan yang dipindahkan ke Nilam Puri dan masjid itu besar maknanya kepada penduduk Lipis kerana di situlah tempat lahirnya tempat wujudnya kadi besar er... yang ke-2 bagi

negeri Pahang iaitu Tuan Guru er... Haji Ibrahim er... Haji Ibrahim, Tuan Guru Haji Ibrahim Abu Hurairah. Ini nama cukup besar yang dibanggakan di daerah Lipis khususnya. Dan juga masjid-masjid di kampung... di Kampung Masjid Lama, Kampung Sungai Damak, Masjid Lama, Kampung Tanjung Besar, masjid Lama Kampung Jerangsang. Semuanya ini, merupakan masjid-masjid yang mempunyai nilai sejarah yang begitu elok dan baik untuk kita angkat dia sebagai masjid-masjid yang mempunyai kaitan sejarah dan khazanah negeri Pahang.

(**ADUN LUIT N.24)**
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Boleh mencelah. Saya nak tanya Padang Tengku setuju tak kalau kita dapatkan masjid lama tu, tapi dalam tu ada mimbar dan saya pasti mimbar pun mimbar yang lama. Jadi kita, mimbar ni saya kira dan boleh jadi barang artifak lah. Dia ada nilai *piece of art* boleh kumpul balik sama dengan masjid tadi. Terima kasih.

(ADUN PADANG TENGKU N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Saya amat setuju, sebab memang di mimbar-mimbar tu dia mempunyai nilai-nilai kesenian yang amat tinggi menunjukkan kebesaran er... apa ni kerja tangan oleh apa nama er... masyarakat-masyarakat atau generasi-generasi yang lalu.

Yang seterusnya, saya nak sebut juga dengan pembinaan masjid baru di di Masjid Daerah bagi Lipis. Hari ini, masjid kita ialah Masjid Sultan Mahmud, yang telah er... berusia lebih daripada 55 tahun di daerah-daerah lain saya difahamkan semua dah ada masjid baru. Tapi kami di Lipis masih lagi menggunakan masjid lama yang mungkin perlu dan merupakan satu kehendak dan cita-cita bagi penduduk di Lipis ini supaya masjid ini dapat di laksanakan dan soalannya bilakah Masjid Lipis ini akan mendapat er... menjadi kenyataan dan bagi kita... kita apa nama memanfaatkan tapak yang telah pun sedia ada.

Dalam sidang yang lalu, saya telah mengemukakan beberapa permintaan berkaitan dengan pembinaan masjid yang telah usang dan lebih daripada 50 tahun di DUN Padang Tengku. Masjid yang berkenaan er... ialah Masjid Kampung Chegar Perah, Masjid Kampung Merchang, Masjid er... FELDA, FELCRA Sungai Temau, Masjid Kampung Relong. Saya merayu sekali lagi. Masjid, Masjid berkenaan dengan Masjid FELCRA Sungai Temau ni, Sebenarnya saya dah menja... mendapat jawapan daripada, apa namanya ICU tapi jawapannya amat mendukacitakan. Dia jawab dia kata tidak dapat dipertimbangkan. Maknanya seolah-olahnya, er... tolak ringkas. Ini satu benda yang amat malang tanpa menyebut dan tanpa menyarankan apakah keperluan yang harus disediakan oleh pihak masjid berkenaan.

Berkaitan dengan Masjid Kampung Relong, yang hari ini er... telah pun dapat mengadakan er... sejumlah wang iaitu RM300,000.00 sebagaimana syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu pembinaan masjid baharu 5% adalah hasil dana daripada kariah masjid berkenaan. Jadi Masjid Kampung Relong, telah pun menyediakan duit berkenaan, tetapi masalahnya sekarang dah dah hantar surat ke Pejabat Kadi, kita dah hantar surat ke Pejabat Pembangunan Negeri, tak ada jawapan pun ke mana duitnya nak dihalakan. Jadi, saya minta supaya perkara ini juga apa nama dapat ditangani dengan, dengan kadar segera, supaya hasrat dan apa nama cita-cita penduduk Kampung Relong yang inginkan masjid yang berlumba-lumba menginfakkan sumbangan untuk pembinaan masjid ini menjadi kenyataan.

Dato' Sri Speaker,

Berkaitan dengan mengangkat warisan budaya. Pahang sepatut... sebenarnya sepatutnya menjadi sebuah negeri yang punyai identiti mempunyai budayanya tersendiri, negeri yang berwatak. Kalau kita sebut, Kelantan, terus orang sebut Dikir Barat. Terengganu, ada Rodat, ada apa nama ni Ulek Mayang. Melaka, Dondang Sayang. Johor, Zapin Ghazal. Pulau Pinang, Boria. Tapi sebut Pahang? Jadi kita masih lagi tak dapat menjawab satu jawapan yang pasti. Mungkin Gendang Pahang, Tarian Piring, Tarian Pelanduk, Tarian Labi-labi, Gamelan mungkin juga sewang. Oleh itu, saya nak menanyakan kepada pihak yang berkaitan.

Apakah yang kita mahu mashyurkan negeri kita ini sebagai wataknya sama ada er... tarian-tarian yang... yang telah saya sebutkan tadi ataupun kita, saya suka mencadangkan mungkin er... seni budaya yang berkaitan dengan gendang merupakan satu yang perlu dipertonjolkan. Saya tertarik dengan er... apa yang telah dilakukan oleh yang Yang Dihormati Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Haji Wan Wahid sebagai Pengerusi Persatuan Sejarah Negeri Pahang. Beliau telah mengutarakan iaitu berkenaan dengan Dikir Rebana Pahang yang muka yang hari ini dihapuskan. Jadi saya nak mencadangkan supaya kita, mencari jabatan-jabatan tertentu membuat kajian tentang apakah cadangan ikon bagi budaya negeri kita yang berkaitan gendang, mungkin kita boleh kait boleh-boleh apa angkat Gendang Pahang, gendang Rebana, Tabuh, Tarian Piring atau Silat-silat Seni yang berkaitan dengan Silat Bunga, Silat Pulut dan sebagainya sebagai satu ikon dan termasuk jugak lagu-lagu rakyat Pahang untuk er... wajar kita pertengahkan.

Per... peruntukan yang diberikan sebanyak RM5.49 juta untuk program-program kesenian, kebudayaan dan warisan, wajarlah di manafaatkan untuk kita melahirkan mercu tanda seni budaya warisan. Persatuan-persatuan yang berkaitan dengan persatuan er... membina budaya bangsa dan mencungkil apa nama, khazanah-khazanah warisan ini perlu kita perkasakan. Persatuan Sejarah er... Badan Persuratan Melayu Pahang dan NGO-NGO yang berasaskan budaya perlu disuburkan. Kita jugak perlu meningkatkan atau memperbanyakkan lagi kelahiran tokoh-tokoh budayawan seperti er... Dato' Aripin Said, Roslan Madun, Man Kaian dan sebagainya dan mungkin penglibatan serius daripada pihak-pihak sekolah dan jugak belia-belia dan mungkin juga PBT boleh menggerakkan ke arah pelaksanaan untuk melahirkan satu ikon kesenian budaya yang boleh menonjolkan identiti dan watak di negeri Pahang.

Dato' er... Sri Speaker,

Berkaitan dengan er.. taraf pendidikan menaik taraf pendidikan TVET benar banyak dah tentang perkara ini, dan saya juga di dalam soalan er... baru-baru ni pun saya ada kemukakan ye di mana kita nak menonjolkan TVET sebagai satu er... apa nama ni... satu pilihan utama bukan sekadar pilihan kedua sebagainya. Dalam usaha kita untuk meningkatkan keperluan utama pada pasaran-pasaran di pasaran kerja di masa akan dating. Sebagaimana yang telah saya sebutkan sebelum ini, kita melihat bahawa penyertaan dan minat pelajar-pelajar kita anak-anak muda kita terhadap TVET ini masih berkurangan. Di GiatMARA Lipis, umpamanya daripada apa yang saya dapat hanya ada 7 orang pelatih pada masa ini yang sepatutnya ada 25 orang boleh diisi. Begitu juga dengan apa nama ni err… Kolej Komuniti, Kolej Komuniti hari ini dah tak ada lagi kursus jangka panjang, jangka… ataupun kursus sepenuh masa. Sebaliknya, dia sekadar menjadi dan melaksanakan kursus-kursus hari, 2 hari dan sebagainya. Dan berkaitan dengan ini, mungkin salah…

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHONG SIANG

Minta celah.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

… satu sebabnya kursus yang ditawarkan tidak begitu menarik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHONG SIANG

Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Padang Tengku. Kalau nak budak belajar dekat TVET, tolong menggalakkan mereka. Kadang-kadang mereka tak nak pergi kita tak boleh buat apa pun. Terima kasih.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Hah, itulah yang kita cadangkan supaya kita nak galakkan mereka. Mungkin dengan… bukan setakat kita memberikan insentif-insentif tetapi kursus yang ditawarkan di situ juga mesti menarik. Mesti ada nilai pasaran. Saya nak sebut, tadi ada rakan saya daripada apa nama Tanah Rata sebut berkaitan dengan TVET Pertanian. Di Lipis ini kita ada Institut Pertanian, Exco Pertanian tadi dah jawab, kononnya boleh menawarkan di situ tapi saya nak maklumkan apa yang ada di Institut Pertanian Lipis. Institut Pertanian Lipis sebenarnya… hanya… hari ini hanya ada 52 orang pelatih sahaja sedangkan ia boleh menempatkan sebanyak 100 orang pelatih dan kerana satu kursus sahaja yang ditawarkan iaitu Sijil Kemahiran berkaitan dengan Pengeluaran Makanan. Itu aje.

Sedangkan kawasannya begitu luas. Kawasannya kalau err… yang maklumat… yang ada pada saya 6 hektar untuk kampus dan ada 329 hektar bagi kawasan ladang, tetapi hanya sekitar 30% sahaja digunakan untuk latihan, untuk ladang-ladang yang sedia ada, sekarang ni. Buah-buahan apa nama durian, cempedak dan sebagainya ditanamkan. 70% lagi masih hutan belantara.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulunglah.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Gulung, gulung.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Nak gulung dah? [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Banyak dah sampai. Gulung.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Takpe saya. Saya nak habiskan yang… yang berkaitan dengan pertanian dulu ya. Jadi, saya nak cadangkan bahawa kalau boleh Institut Pertanian Lipis itu yang usianya sekarang ni telah melebihi apa nama 54 tahun, tapi kita belum nampak begitu hasilnya. Jadi saya nak mencadangkan supaya Institut Pertanian Lipis ini menganjurkan kursus-kursus di peringkat diploma. Cari kursus-kursus yang yang lebih menarik seperti memproses makanan, produk-produk hiliran, pembungkusan, pemasaran, pengurusan akaun, pengiklanan, penjualan secara digital, aplikasi dron dan AI, pencarian dana, persijilan-persijilan halal dan juga SIRIM dan lain-lain program yang ada kaitan dengan membina petani-petani moden. Itulah di antara perkara yang saya nak sebutkan mengenai pertanian dan mungkin boleh juga Institut Pertanian Lipis ini diangkat sebagai satu cawangan universiti pertanian.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya sebenarnya ada dua perkara yang saya nak sebutkan lagi. Boleh ya? Boleh? Ketua Backbencher, boleh? Kononnya Pengerusi Backbencher bagilah peluang sikit. Saya nak sebut pertama tadi…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa lagi?

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Saya ada sebut pasal kertas…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa lagi?

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Hah?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa lagi *point*?

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ada 2 *point* lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Hah… bagi 3.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Hah, bagi 3, alhamdulillah. [Ahli Dewan ketawa]
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal Pengerusi Backbenchers sebutlah.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Pengerusi Backbencers. Itulah kelebihan dia dak. Baik saya nak juga sentuh tentang fokus…
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi janganlah lama sangat. Janganlah ambil kesempatan.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Takde, takde. Okay, ni menyentuh tentang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat. Teras yang ketujuh, saya nak sebut pasal Padang Tengku ya. Dulu Padang Tengku ni meriah, tapi sekarang sunyi sepi. Tak begitu lagi, menggambarkan Padang Tengku yang dulu. Dulu Padang Tengku ni pusat untuk kegiatan bagi penduduk-penduduk kami di kawasan hulu Pahang ni. Mukim Gua, Mukim Telang, Mukim Kechau, Mukim Batu Yon, Mukim sampai ke… ke Jelai mendapatkan perkhidmatan dan pergi ke Pekan Padang Tengku. Masuk je ke Pekan Padang Tengku, kita akan disajikan dengan bangunan kedai yang saya kira tidak teratur dan tidak terurus dan antara tanah yang paling banyak, aset kereta api. Tadi saya sebut dah pasal aset kereta api ni. Pegawai ROC dari… daripada RSC daripada Gua Musang, terus *tag* pada saya, nak datang. Dia minta esok nak jumpa di Pekan Padang Tengku dan terima kasih jugalah tapi saya nak sebutkan aset yang banyak sangat tanahnya luas tapi penuh dengan semak samun, kotor. Boleh menyebarkan penyakit dan sebagainya.

Saya dah hantar gambar ni kepada Exco JKR. Dia kata juga nak buat lawatan, kena buat lawatan dia kata. Benda… benda yang serius bagi saya iaitu kedai-kedai dah jadi macam kedai setinggan dan sebagainya. Jadi saya nak minta supaya stesen ini sebagaimana yang disebutkan tadi diberikanlah tumpuan dan sebagainya. Dulu kita ada padang stesen. Padang stesen dulu, Dato' Sri Speaker tempat yang menarik. Tempat kegiatannya. Rafeah Buang turun dekat situ Jeffrydin turun kat situ, P. Ramlee turun dekat situ dan menunjukkan situ merupakan satu pusat apa nama aktiviti yang cukup baik bagi masyarakat Lipis.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dulu tak ada Central Spine.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Itulah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sekarang dah ada Central Spine.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Betullah tapi sekarang ni dah jadi… jadi tempat yang sakit sangat, yang menyakitkan mata lah. Duduk pula dekat sekolah agama, sebelah tu sekolah agama. Dekat dengan asrama perempuan tu. Jadi ini perkara yang sangat perlu kita pertingkatkan. Justeru itu, saya nak minta teguran, adakah teguran, adakah jabatan yang boleh menegur sedikit RSC ni supaya tempat-tempat di sini dapat dibersihkan. Itu belum cerita lagi pasal yang… yang projek-projek yang tergendala sebagaimana yang telah saya soalkan pagi tadi.

Seterusnya ialah Padang Tengku ni takde dewan lah. Kita minta dewan, sama juga surat dijawab oleh apa ni ICU. Dia kata tidak dapat dipertimbangkan dan jadi tolak ringkas sekali lagi. Jadi kita nak merayu sangat. Ada satu dewan kalau boleh main futsal di dalamnya dan sebagainya. Tuan-tuan, ada kita ada dewan. Dewan apa nama majlis daerah di Kampung Batu Nering, tapi dewan tu agak rosak dan begitu tidak sempurna lagi. Jadi kita mohonkan satu, dipertimbangkan membina sebuah dewan atau gelanggang serba guna bagi DUN Padang Tengku.

Dato’ Sri Pengerusi, ada beberapa pertanyaan lagi iaitu kilang ASPA…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan Pengerusi. Speaker.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Speaker. Dato’ Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita belum bersidang dalam Jawatankuasa lagi.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya, faham-faham. Dato’ Sri Speaker iaitu berkaitan dengan kilang ASPA. Kilang papan, kilang perkayuan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini yang terakhir ya.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya, yang ada di Pekan Padang Tengku tu. Err… kita nak tanyalah err… dah tutup lama dah tapi nampak gaya macam nak… nak dibuka semula. Bila agaknya? Err… kesian pekerja tu menunggu-nunggu apakah nasib mereka seterusnya. Dan juga saya nak sebut juga dengan Pusat Perhentian Sungai Yu yang berada di kawasan Central Forest Spine yang di bawah jabatan… Jabatan Perhutanan. Di situ, Pejabat Daerah dah lengkapkan dengan err… tandasnya dengan apa nama ni tempat persinggahannya, dengan bilik airnya dan beberapa kelengkapan tapi begitu terbiar. Jadi saya nak tanya jabatan mana yang harus mengendalikan atau menguruskan sama ada jabatan hutan ataupun jabatan… J… Jabatan Saliran… Parit dan Saliran ni ada di belakang saya ni. Jadi kalau boleh cuba tengok. Kalau tidak, kita pernah mencadangkan supaya kawasan itu, pusat hentian itu dijadikan pusat latihan ataupun penyelidikan bagi perhutanan. Kalau boleh dapat dipertimbangkan.

Dan sebagai akhirnya Dato' Sri, saya sebagai Pengerusi PIBG. Hari ni, semalam dia *tag* pada saya dia kata ucapan terima kasih banyak-banyak pada kerajaan negeri telah mengurangkan apa nama ni yuran… yuran kemasukan ke sekolah menengah agama ni sebanyak dekat dengan 24.5%. Ini satu pengurangan yang sangat-sangat menggembirakan daripada RM200.00, daripada RM490.00 jadi RM370.00. Begitu juga dengan yuran asrama juga telah dikurangkan. Ini merupakan saja usul yang pernah dibuat oleh PIBG Sekolah Menengah Agama Padang Tengku untuk yuran ini dipertimbangkan atau dikurangkan dan hari ini menjadi kenyataan.

Akhirnya saya tutup dengan beberapa kenyataan yang hendak saya sebutkan bahawa kita sekarang berada di penghujung tahun 2025. Tahun yang cemerlang bagi negeri Pahang. Tapi dengan kehadiran tahun baru 2026 ini kita doakan ianya akan menjadi tahun yang lebih cemerlang dan gemilang. Syukur kepada Allah SWT atas rahmat-Nya dan nikmat-Nya yang dikurniakan-Nya. Engkaulah yang kami sembah engkaulah yang aku sembah dan kepada engkaulah aku mohon meminta pertolongan.

Mewakili seluruh warga Padang Tengku, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada kerajaan pimpinan Tok Wan. Sahabat-sahabat ahli majlis.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat kalau boleh jangan sebut nama… Yang Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

.... Tok Wan pun tak boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak boleh.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Okay, okay, okay, okay. Yang Amat Berhormat Menteri Besar okay.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Sahabat-sahabat Ahli Majlis Mesyuarat, penjawat awam…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ini bukan dalam dewan kat Padang Tengku, ini Dewan yang mulia.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Okay la. Kita ingat nak manja-manja sikit. Biarlah. Tak apa, tak apa, tak apa. Saya akur.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker, saya difahamkan ADUN Padang Tengku ni ia adalah merupakan senior kepada YB Dato' Sri Speaker masa di TI hari tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal masa dia senior banyak buli saya la. [Ahli Dewan ketawa] Ini masa balas dendam.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Tapi kalau maklum ni apa nama ni kat TI tu memang kita jenis seorang pelajar yang nakal. Kami panggil dia landak. Haa ni nama. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Mungkin Dato' Sri Speaker ingat kot ADUN Padang Tengku dulu kuat *ragging* kot.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Tak ada, tak ada, saya ade antara yang baik dan insya-Allah itu boleh disahkan oleh sahabat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia antara orang yang suruh sembahyang Subuh tiap-tiap pagi.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)

YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ha ha.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Pagi-pagi kejut orang ajak pegi sembahyang Subuh. Kita pun.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pun turun katil belah kanan, lepas tu dia paling, kita naik katil belah kiri.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ini hasil TVET juga ni, hasil TVET jugak. Ada sorang lagi daripada Tras ni juga daripada sekolah yang sama ni. Jadi, saya ucap terima kasih kepada Dato' Sri Menteri Besar, sahabat-sahabat Ahli Majlis Mesyuarat, pegawai-pegawai, penjawat-penjawat awam yang telah memungkinkan bajet yang sebegini baik dapat diterjemahkan.

Seluruh lapisan masyarakat merasai seawal-awal kanak-kanak yang baru lahir hinggalah kepada warga emas yang sedang menghitung hari. Padang Tengku percaya ini bukanlah gula-gula pilihan raya. Malah, ia juga bukanlah merupakan natijah daripada angkara hogah, hogoh sebagaimana yang diuar-uarkan oleh sesetengah pihak, hanya tetapi ianya hasil daripada istiqamah dan iltizam pimpinan yang bertindak dengan niat yang ikhlas untuk berbakti demi melaksanakan tugas amanah yang dipikulkan kepada diri masing-masing. Semoga Allah memberkati kita semua.

Saya akhiri kalau tadi saya mulakan dengan pantun. Saya akhiri dengan pantun juga.

Kalau terpijak paku berkarat
Jangan dibiar segera ubatkan
Pahang juara kebajikan rakyat
Rakyat didahulukan, kemakmuran dipertahankan.

Kalau tuan turun ke bendang
Tumbuk padi biarlah lumat
Bersyukur menjadi rakyat Pahang
Insya-Allah Tuhan tambahkan nikmat.

Bila ada kita memberi
Bila tiada kita mencari
Pahang 1st Gagasan Murni
Maju Terus Pahang kita ungguli.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Padang Tengku menyokong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya Wakil daripada Cheka. 15 minit.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

[Ayat al-Quran] [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya mulakan perbahasan pada pagi ini dengan memetik firman Allah Taala dalam Surah al-Israa'. Untuk peringatan kita bersama firman Allah Taala. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Maksudnya bila kami ingin binasakan sebuah negeri, kami perintahkan orang yang kaya di kalangan mereka untuk mentaati perintah Allah. Sayangnya, mereka melakukan kefasikan dan kedurhakaan. Lalu sampailah amaran kami, kami hancurkan negara tersebut. Negeri tersebut sehancur-hancurnya. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Mudah-mudahan ini peringatan kita bersama. Kita baru menyaksikan betapa bencana alam yang telah merosakkan negara jiran kita. Aceh yang begitu makmur subur tiba-tiba dilanda banjir yang sangat kritikal. Demikian juga di wilayah Sumatera Utara dan wilayah-wilayah lain. Mudah-mudahan Allah SWT selamatkan negeri kita, negara kita insya-Allah.

Tan Sri Speaker, Dato' Sri Speaker saya lihat bahawa

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Belum lagi.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Belum lagi.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau bolehlah.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Itu doa, itu sebahagian doa, insya-Allah. Dato' Sri Speaker, saya terima kasih kerana bagi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ini bukan Parlimen ya yang Speaker dia Tan Sri. Ini hanya baru Dato' Sri.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Itulah saya kata doa tu. Doa untuk kawan-kawan lama.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Amin.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... saya ucap tahniahlah pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan pada kali ini yang kita lihat mencapai satu jumlah yang lebih pada pendapatan daripada RM1 bilion ni sebenarnya dah empat tahun berturut-turut. Dan ini satu pencapaian yang sangat baik. Cuma selama ini kita tak dapat sebagaimana kali ini penjawat awam dapat RM500.00 sebelum ini. Kali ni dapat dua bulan gaji, tu baru sekali hogoh baru. Tuan-tuan bayangkan kalau dua kali hogoh dapat empat bulan, insya-Allah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak Dato' Sri Speaker. Ini yang susah kalau orang syok sendiri. Maknanya semua benda ke arah itu. Masya-Allah.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasihlah sebab, sebab saya sebut begitu sebab dah kita kita pendapatan RM1 bilion dah lama bukan baru. Tapi kali nampak lebih lebih cemerlang dan banyak pihak yang syukur di atas kurniaan terima kasih banyaklah. Saya bukan nak nak bantah, saya ucap terima kasih di atas ini.

Kalau kita lihat dari segi pembentangan belanjawan yang dibuat, tahun ini kerajaan mengunjurkan belanjawan lebihan atau surplus sebanyak RM5 juta tetapi kalau kita lihat perbelanjaan sebenar kerajaan berapa? Sebab biasanya unjuran ni dah 2 tahun, dah 2, 3 tahun berturut-turut digambarkan kita ada lebihan. Tapi bila kita tengok perbelanjaan sebenar, sebenarnya kita masih lagi surplus, kita masih lagi tertunggak. Sebagai contoh tahun 2024 tahun lalu kalau kita lihat menunjukkan hakikat tahun lepas sebenarnya berakhir dengan defisit sebanyak RM120 juta. Walaupun hasil pada waktu itu dianggarkan sekitar RM1.22 bilion tetapi perbelanjaan mencecah RM1.35 bilion. Maknanya belanjawan kita Dewan ini dalam bentuk ada lebihan tapi yang realiti sebenar kita defisit dan jumlah defisit tu sangat besar, bukan sikit ya.

Tahun 2026 kita unjurkan lebihan sebanyak RM5 juta ringgit. Saya lihat tentang dua perkara. Pertama, unjuran pendapatan negeri. Kalau kita lihat empat tahun berturut-turut, dia berlegar di sekitar 1.03, 1.08, 1.13, 1.19. Maknanya dia dah *stagnant*. Kecuali kerajaan ada sumber baru yang boleh merancakkan pertumbuhan. Kalau berdasarkan kepada andaian unjuran kepada hasil cukai saja, kita punya perbelanjaan sekitar 1.1 ke 1.2 bilion.

Ya, saya bimbang sebab bila kita tengok unjuran kepada belanja Mengurus, ia terus meningkat dan terus berkembang. Bermakna kalau kita lihat keadaan ini, kalau tidak dibuat sesuatu, kita akan berkurangan ataupun belanjawan, kita akan berada pada belanjawan defisit yang agak kritikal. Kalau dulu kita, kita unjurkan dengan, dengan lebihan 12 bilion, tapi hakikat sebenar kita menanggung kerugian sebanyak 17.874 juta pada 256.23 juta pada tahun sebelumnya seperti ini dah penurunan pendapatan lebih kurang 33%. Dan dan kalau ini tak dibendung, kita bimbang kedudukan dana wang simpanan tunai kita juga dalam keadaan kritikal.

Itu perkara pertama yang saya nak bangkitkan. Ada sumber baru yang sangat bagus untuk dalam konteks negeri, sumber mineral. Sebagai contoh, kita Pahang ni.

Sebagaimana dalam kenyataan tadi, kita ada sumber REE yang menjadi boleh menjana sumber pendapatan bagi negeri tapi sayangnya setakat ni mungkin saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kerajaan sejauh mana sumber ini menjadi hasil bagi negeri.

Kalau kita tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menyentuh soal ini dalam ucapan tentang kelestarian alam. Projek Perintis Perlombongan NR-REE seluas 220 hektar di Sungai Wang, mukim Hulu Jelai, Lipis diluluskan pada 3 April 2024. Saya nak dapat penjelasan tentang sejauh mana hasil kajian potensi dan deposit mineral negeri Pahang dilaksanakan. Bilakah ianya dapat menjana sumber bagi negeri? Ya sebab kita telah belanja lebih kurang RM1.6 juta untuk peruntukan kerajaan dalam Bajet 2025 bagi memastikan hasil mineral ini menjadi sumber pendapatan bagi negeri. Ya, kalau ini dapat diusahakan, Insya-Allah Pahang pendapatan dia tidak hanya berlegar dalam RM1.1 atau RM1.2 bilion sebab urusan masalah kita ialah masalah pengurusan kita, kos yang makin meningkat.

Selain itu, Dato' Sri Speaker, saya juga ingin bangkitkan soal berhubung dengan er... kebimbangan berkenaan kedudukan wang tunai negeri. Sebenarnya laporan-laporan audit ini telah dibahas di peringkat Parlimen. Sebab di peringkat Parlimen, dia bukan saja letak dibahas pun dibentang kepada semua Ahli-ahli Parlimen dan data-data, negeri-negeri ini semua ada di situ.

Walaupun kita ada embargo di peringkat negeri, saya tak... saya tidak akan sentuh soal-soal embargo ini. Tapi saya nak dalam konteks data yang kita dapati dan sekarang ini dalam dalam media sosial pun banyak kita dapat data-data ini sebab bila dibentang oleh Ketua Audit Negara, dia menjadi satu data maklumat umum. Sebagai contoh, kebimbangan berkenaan kedudukan wang negeri. Kalau kita buat bandingan pada tahun 2023 ini 2023 dan 2024. Kedudukan wang negeri Pahang pada 2024 berkurangan sebanyak RM100,27.84 juta kepada RM256.23 juta daripada tahun sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 33% sebagaimana saya sebut tadi.

Malah, jika dilihat kepada laporan penyata kewangan. Ini laporan penyata kewangan kedudukan wang pada tahun 2024 lebih rendah berbanding tahun 2021 waktu COVID dulu ya. Dan penurunan ini, kita bimbang *trend* penurunan ini terus jatuh pada tahun-tahun 2025 atau tahun 2026 akan datang. Kerajaan tidak menyatakan langkah proaktif bagaimana untuk kita membiayai ataupun memastikan wang tunai yang kukuh bagi mengelak keadaan ini berterusan supaya perbelanjaan negeri tidak akan terhalang terutama projek-projek yang telah kita umum, kita isytihar. Tapi kalau kita tidak ada dana yang cukup, dia akan berdepan dengan masalah waktu pelaksanaan nanti. Saya hanya ingin dapat penjelasan tentang mekanisme untuk kita berdepan dengan situasi di luar jangka dengan dana-dana yang kita semakin berkurangan kerana kos pengurusan yang makin meningkat sebagainya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, boleh minta laluan sikit saja . Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya yang pertama sekali saya nak tahulah Yang Berhormat DUN Cheka ini merujuk kepada ataupun dapat sumber dari mana yang mengatakan bahawa kedudukan kewangan negeri ini membimbangkan dan sebagainya. Cuma saya nak saya akan jawab secara *detail.* Dalam ucapan penggulungan atau penangguhan. Cuma saya nak bagitahu bahawa setiap RM0.01 sen perbelanjaan yang kita buat ini telah pun diiktiraf dan diluluskan oleh pegawai, Bahagian Kewangan

dan Perbendaharaan Negeri dan dipersetujui oleh Akauntan Negara dan err...kita ada r*eserve ya*.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Cheka. Kita difahamkan ada RM500 juta *reserve* bermula pada tahun 2018 . [Ahli Dewan tepuk meja] Jadi, kalau boleh saya nak tahu sumber mana yang Yang Berhormat ADUN Cheka cakap ini yang bimbang, itulah, semakin berkurangan. Duit tak ada dan sebagainya. Setakat setelah 8 tahun, Setakat saya menjadi Menteri Besar. Setakat ni kita tak pernah tak pernah nak bayar gaji pun tak boleh. Tak pernah? Semuanya kita berjalan dengan lancar. Apa yang kita buat yang kita bentangkan semuanya kita buat. Tak ada, boleh tunjuk tak kepada saya.

Ada tak yang kita kata er... pemberian kepada anak-anak kita yang belajar di IPTA sebanyak RM400.00 secara *one off*, kita tak bayar sebab kita tak ada duit. Tak pernah berlaku pun. Jadi tiba-tiba pada kali ini pula dibangkitkan kebimbangan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, negeri Pahang ini mendapat teguran audit tanpa teguran. [Ahli Dewan tepuk meja] Jadi bermakna semua yang kita buat itu berjalan dengan baik. Bahasa mudahnya setiap sen *in and out*, debit kredit, prabayar, terakru. Semuanya berjalan dengan baik dan tidak ada satu benda pun yang nampak kita menyorok sesuatu. Jadi kalau dah Ketua Audit negara. Kalau kita nak lebih dari Ketua Audit Negara tak tahu la pula. Tetapi saya ingat lebih baik Yang Berhormat Cheka melihat dululah ya. Jangan jadi macam hari itu, Sidang yang lepas mencadangkan kepada kerajaan negeri bagi RM2 juta untuk tabung bencana. Padahal kerajaan negeri dah bagi RM10 juta. Maknanya Yang Berhormat ADUN Cheka peka terhadap itu membuat bacaan rujukan dan sebagainya. Saya fikir Yang Berhormat ADUN Cheka tak akan mengeluarkan cadangan untuk bagi RM2 juta kepada tabung bencana negeri. Sedangkan kita dah lulus RM10 juta ya. Itulah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya dah nyatakan tadi ya sumber sebab laporan ni telah dibentang untuk bentang laporan seluruh Malaysia di Parlimen dan dalam dokumen itu ada pecahan pada semua negeri dan *detail* semua negeri itulah yang dipecah yang kemudiannya dari segi kita untuk makluman Dewan. Di Parlimen ini, laporan audit itu dibentang dibahas bukan hanya letak atas meja. Jadi oleh kerana itu, bila kita... saya bukan mengatakan bahawa kita kerajaan tak membayar saya menggambarkan melahirkan kebimbangan.

Kalau *trend...trend* kos mengurus makin meningkat, sumber pendapatan baru tidak dijana dan *reserve* wang tunai kita.Ini...ini laporan audit negara yang dibentang di peringkat Parlimen memang faktanya jelas. Bukan-bukan nak mengeliru, saya bukan melahirkan kerajaan tak betul dan sebagainya. Bukan saya nak katakan kebimbangan terhadap unjuran tersebut. Ini satu pandangan untuk perhatian kerajaan. Saya fikir ini positif tak perlu dilihat dalam kerangka negatif sebab kita bukan *blame* kerajaan yang ada. Tapi kita bersama menjaga negeri supaya kita dapat melihat sumber-sumber ini. Lebih-lebih sebab kos mengurus *confirm* makin hari, makin tahun ,makin meningkat sebab rakyat kita makin banyak pembangunan makin besar dan sebagainya. Jadi itu punca-punca dia.

Saya ingin lahirkan tentang isu soal er... dasar mineral dan kelestarian alam. Dalam ucapan bajet Yang amat Menteri Besar telah pun menyentuh soal ini dan saya ucap tahniah kerana usaha untuk kita pertahankan er... tentang isu kelestarian alam di

negeri Pahang. Baharu-baharu ini negara kita dikejutkan dengan insiden di Perak, di mana air Sungai Perak bertukar jadi biru ya dan beberapa kawasan bertukar warna airnya menyebabkan pihak jabatan mineral telah pun menghentikan Projek Rintis NR-REE di Perak dan saya baru minggu lepas kita panggil jabatan daripada kerajaan negeri Perak untuk bentang pada kita. JMG membentang kenapa mereka tak gantung? Puncanya ialah berlakunya pencemaran daripada sumber ini.

Saya ingin melihat bahawa soal yang penting ialah perlu ada satu dasar mineral dan kelestarian alam bagi negeri Pahang. Kalau sekiranya kita belum ada, mungkin saya fikir ke arah itu Mungkin saya yakin kerajaan dalam perancangan ke arah itu iaitu wujudkan satu dasar mineral dan kelestarian alam yang sekurang-kurangnya mengandungi tiga perkara utama. Pertama, moratorium bersyarat terhadap kelulusan baharu di kawasan sensitif sehingga dasar air dan pelan pemulihan dipersetujui. Ini mandatori tak boleh elak.

Yang kedua ialah penubuhan Dana Amanah Pahang yang mengunci sebahagian kecil untuk pemulihan hutan, bekalan air dan pembangunan komuniti.

Yang ketiga kewajipan laporan tahunan kepada Dewan yang mulia ini. Untuk makluman kita semua Ahli Dewan terutama kesan-kesan impak kepada kelulusan atau pengeluaran NR-REE di negeri Pahang.

Selain daripada itu, Dato' Sri Speaker saya juga ingin bangkitkan tentang keperluan dalam err...yang dalam perbahasan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Besar ialah soal memperkasakan agama Islam dan memartabatkan agama. Tahniahlah, dengan peruntukan RM100 juta diperuntukkan. Insya-Allah cuma ada satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah soal er... di peringkat struktur perundangan, kita berdepan dengan satu cabaran yang jauh lebih penting iaitu isu pertindihan bidang kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah.

Kita pernah dengar bagaimana mahkamah syariah di Kelantan dicabar yang menyebab akhirnya 16 Enakmen Mahkamah Syariah terpaksa di batalkan dan perkara yang sama. Kita bimbang kalau-kalau ianya berlaku dalam konteks negeri Pahang ya. Kita tak nak perkara ini berlaku, maka Mahkamah Syariah Pahang boleh menjadi institusi yang kaya untuk kita perkukuhkan dan kita perteguhkan. Saya melihat menjadi keperluan kepada kerajaan negeri untuk menambah baik atau meminda Enakmen Syariah di Pahang bagi memperkukuhkan bidang kuasa mahkamah syariah dan memastikan peruntukan undang-undang negeri tidak mudah dicabar. Takut berlaku juga sebagaimana ada cabaran-cabaran di Selangor, berlaku cabaran juga di Kelantan baharu-baharu ini dan tempat-tempat lain. Sebab kita ada banyak undang-undang kita, maka masalah ni kadang kadang *redundant* dengan mahkamah sivil. Dari segi peruntukan Perlembagaan, mana-mana peruntukan perlembagaan yang bercanggah dengan Persekutuan, maka mahkamah sivil itu lebih lebih atasi mengatasi mahkamah Syariah. Ia selaras dengan titah Kebawah Duli Tuanku, supaya semua enakmen masalah negeri dikaji semula agar selari dengan dengan realiti semasa dan prinsip Maqasid Syariah.

Akhir sekali er... Dato’ Speaker, saya ingin bangkitkan dua, tiga isu tempatan. Satu lagi isu, isu er... penyelenggaraan jalan. Kalau kita lihat unjuran kita di pantai timur di negeri negeri pantai timur ini mendapat kadar penyelenggaraan jalan yang sangat rendah berbanding negeri-negeri pantai Barat. Di Pahang, kita ada lebih kurang 43,000 kilometer jalan raya, namun dari segi pemberian MARRIS bagi peruntukan penyelenggaraan Jalan Persekutuan kilometer, Pahang antara negeri yang terendah. Nombor satu paling rendah di Kelantan, nombor dua, Pahang, nombor tiga,

Terengganu berbanding negeri-negeri di pantai di pantai Barat. Sebagai contoh ya, kalau kita lihat dengan jumlah 43,000 kilometer ya, Pahang hanya mendapat lebih kurang dalam 10,000, 1 kilometer untuk pengurusan penyelenggaraan jalan ya berbanding Pulau Pinang 30,000, 1 kilometer. Kita 10,000 sahaja bagaimana mungkin kerajaan mampu menyenggara jalan dengan kos yang sangat rendah ya dan kalau saya ada jadual yang telah pun dibekalkan di peringkat Parlimen.

Bila kita, walaupun kita terpaksa mengkaji, meneliti satu persatu jalan-jalan tersebut. Jadual telah dibekalkan oleh dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya. Jadi kita tengok dalam pembentangan MARRIS ini, Pahang kita purata 10,227 per kilometer ini tahun 2024. Tahun 2023, RM10,080 1 kilometer. Selangor, 1 kilometer RM22,025.00 tahun 2024 ya. Pahang er... tahun 2023 Selangor dapat RM23,420.00 1 kilometer. Kalau Pulau Pinang, 1 kilometer Pulau Pinang ada lebih kurang dalam 1 kilometer purata dia ialah RM33,922.00 maknanya kita hanya dapat RM10,000.00.

Saya fikir ini perlu mekanisme untuk kita perkukuhkan supaya Pahang juga mendapat dana sebagaimana negeri-negeri lain. Kalau dengan 10,000 dengan keluasan kita yang luas dengan monsun kita setiap tahun kerosakan jalan, saya fikir beban kepada kerajaan terpaksa dana negeri terpaksa biaya untuk kos pemulihan ini. Jadi, saya harapkan perkara ini dapat kita beri perhatian dan saya yakin kerajaan akan berusaha ke arah supaya dapat sekurang-kurangnya kita dapat jumlah lebih adil bagi negeri di seluruh di negeri Pahang ini.

Akhir sekali, saya nak bangkitkan isu satu tentang berbangkit daripada Padang Tengku tadi soal masjid. Saya sokong penuh lah perlunya satu masjid baharu di Lipis. Tapi di kawasan bandar baharu Lipis ni, mereka mengadu tentang payahnya mereka nak gi solat Jumaat sebab terpaksa *cross* jalan yang jem dan sebagainya. Sebenarnya keperluan ialah untuk naik taraf surau yang sedia ada untuk kebenaran Jumaat di kawasan Bandar Baru di bandar Lipis. Saya fikir ini kalau boleh dipertimbangkan oleh pihak Exco, ia akan memudahkan kita [Bacaan dalam Bahasa Arab] kita permudahkan sebab mereka terpaksa berkerah pergi solat Jumaat dengan jalan yang jem tu rasa kekosongan dan sebagainya iaitu menyebabkan menyusahkan merekalah nak ulang alik sedangkan kita ada... ada jalan untuk kita mudahkan.

Yang kedua, tentang banjir saya baru ni melawat beberapa kawasan banjir di kawasan Cheka. Ada beberapa tempat saya fikir kerajaan mungkin boleh cadangkan, boleh pertimbangkan untuk kita wujudkan semula perumahan banjir khususnya bagi kawasan-kawasan yang memang setiap kali banjir rumah mereka akan tenggelam, setiap kali banjir tu mereka tenggelam ya terutamanya kawasan Perumahan Dallsing dan di belakang Balai Polis Lipis. Kemudian demikian juga di di Falcon Perumahan Fah Choon tu pun saya pergi tengok sangat kesian semua barang-barang mereka rosak setiap kali banjir rosak jadi kawasan ini sangat tidak selamat sebab tepi sungai. Kalau boleh diusahakan satu tapak perumahan baru kepada mereka ini untuk mereka berpindah ke kawasan lebih selamat sebagaimana kita pernah buat di peringkat negeri Pahang sebelum ini. Dato' Sri Speaker, saya fikir saya fikir itu saja perbahasan saya pada kali ini, mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala negeri Pahang terus makmur dan sejahtera. Assalamualaikum WBT. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Cheka. Seterusnya wakil daripada Tras.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan Salam Kerajaan Perpaduan, Salam Malaysia Madani dan Salam Pahang 1st. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana membenarkan saya turut bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pahang untuk tahun 2026. Terlebih dahulu saya panjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan rahmat-Nya dapat saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pahang untuk kali ini tahun 2026.

Pada umumnya, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan Negeri Pahang kerana dapat mencapai prestasi pendapatan melebihi RM1 bilion selama 4 tahun berturut-turut setanding dengan negeri maju yang lain. Dato' Sri Speaker, saya tak... bukan nak... nak bodek tapi kenyataan okay. saya bagi tabik.

Dato' Sri Speaker,

Saya *just* nak beritahu sikit dan mungkin pendapat saya berbeza dengan Cheka tadi. Saya ada rujukan, saya pun buat rujukan juga sini boleh rujuk. Di sini adalah pernyataan kewangan negeri Pahang 2023, 2024. Sebenarnya bermula daripada 2020, lebihan dah ada RM164.95 juta dan terus sampai 2024 dan keseluruhannya adalah RM359.57 juta. Itu berbeza saya pendapat itu tak apa lah itu pendapat masing-masing. Ya saya tak...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang penting Yang Berhormat pendapatan.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Ha pendapatan ini maksudnya dalam dalam tempoh 4 tahun ni, maknanya kerajaan Pahang telah ada *surplus* 350 juta. Kalau saya salah kena betulkan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya nak sahkan rujukan daripada ADUN Tras yang betul dan sama dengan apa yang kerajaan negeri buat sebab itu saya ingin mendapatkan rujukan daripada ADUN Cheka jika dirujuk daripada mana tu? itu saya nak tahu. Terima kasih Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila sambung.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bajet tahun 2026 mensasarkan hasil pendapatan sebanyak RM1.279 bilion. Dengan peningkatan sasaran 7.76% berbanding dengan fizikal pendapatan tahun 2025. Bermula dari tahun 2020 hingga 2024 ini, saya *repeat* tadi saya ulangkan balik tadi maknanya dan nilai 4 tahun ni *surplus* adalah 350.57 juta. Saya ulang semula lah,

saya penuh yakin dengan mengamalkan urus tadbir yang baik, dinamik dan berintegriti ianya dapat mengawal ketirisan bagi melonjak ekonomi negeri dan menambah baik kutipan hasil negeri.

Tambahan lagi, dengan membudayakan prinsip maqasid syariah, menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam pentadbiran negeri. Ini untuk semua bukan islam sahaja untuk bukan islam sekali.

Dato' Sri Speaker, di sini saya ingin memberi cadangan serta pandangan bagi meningkatkan lagi pendapatan negeri Pahang serta teguran membina bagi menambah baik lagi perkhidmatan kepada rakyat selain daripada persediaan inisiatif-inisiatif yang dapat membantu rakyat. Saya mulakan dahulu dengan teras kedua melonjak ekonomi negeri. Mengukuh agenda keterjaminan makanan negeri. Sektor pertanian diperuntukkan RM40.63 juta untuk Jabatan Pertanian Negeri Pahang di dalam pengurusan dan pembangunan serta 2 juta untuk Program MAHA Pahang.

Di kesempatan ini juga, saya mencadangkan kerajaan negeri membina gedung makanan bagi persediaan mengatasi situasi kecemasan di luar jangka dan bencana. Saya juga ingin menyentuh teras keenam menjamin kelestarian alam. Kerajaan Negeri Pahang memperuntukkan RM128.3 juta untuk kelestarian biodiversiti dan pengurusan hutan manakala kerajaan pusat telah memperuntukkan 80 juta untuk melindungi hutan serta melindungi habitat yang terancang.
Tanah adalah kuasa kerajaan negeri dan perhilitan pula di bawah kerajaan Pusat. Konflik hidupan liar seperti gajah dan harimau dengan manusia ia adalah isu serius dapat dikurangkan jika kedua-dua pihak, maksud saya di sini negeri yang terlibat dan kerajaan pusat dapat duduk bersama-sama dan berbincang. Kerajaan Negeri Pahang boleh menambah pendapatan negeri dengan bekerjasama dengan negeri Kelantan dan Perak bagi mewujudkan satu kawasan terbuka luas ataupun zon Taman Negara yang besar, yang boleh diwujudkan dengan kerjasama pusat melalui PERHILITAN. Jika ada perancangan dan strategi kerjasama, ianya akan memanfaatkan peruntukan ini ke arah yang lebih efisien.

Dato' Sri Speaker,

Bagi peningkatan kualiti bekalan air untuk rakyat, tahniah atas peruntukan keseluruhan di bawah pera... Rancangan Negeri Pahang 2026-2030 berjumlah RM716.05 juta bagi projek-projek bekalan air bersih termasuk Pembinaan Infrastruktur Baru dan Menaik Taraf Sistem Sedia Ada Bekalan di Seluruh Negeri.

Sehubungan dengan itu, masih ada aduan rakyat bagi kawasan DUN Tras, Raub, permasalahan air tetap berterusan. Dengan perkhidmatan yang kurang memuaskan di mana saya menerima aduan walaupun telah dimaklumkan secara bersurat atas aduan kawasan tersebut yakni Kampung SC Ulu Gali masih sering berlaku ketiadaan air.

Oleh itu, diharapkan perkara ini dapat diatasi secara efisien serta pusat khidmat pelanggan PAIP Raub dapat ditambah baik dengan mengangkat dan menjawab panggilan semua telefon. Kalau tidak kerja saya banyaklah. Maknanya jika tidak semua panggilan akan pergi ke Pejabat Pusat Khidmat DUN Tras. Apa pun, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri MB sekali lagi, tabik, di dalam penjelasan pagi tadi, permasalahan ini telah, ya, telah dikurangkan, maknanya tinggal lagi 15%, dari pagi tadi sebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Banyak kali tabik.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih, terima. Ini bukan bodek ya, ini adalah kenyataan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan bodek, jek je.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Jek ya. [Ahli Dewan ketawa]. Di bawah inisiatif, di bawah Inisiatif Makmur Pahang melalui portfolio kluster agama Islam, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM200.00 untuk khairat kematian kepada waris dan juga memperuntukkan RM300.00 untuk pengantin baharu yang berkahwin kali pertama bukan yang kedua ya. Walau, walaupun ada yang memfitnah, hari ini saya nak sokong lah Yang Amat Berhormat cakap, ya, berkata kerajaan negeri tidak Islamik, ya.

Ini adalah satu inisiatif keprihatinan kerajaan kerana umat Islam kepada umat Islam di negeri Pahang ini. Di atas sifat manusiawi ini, perkara seperti ini saya berpendapat, dipanjangkan kepada semua rakyat Pahang bukan Islam yang berstatus B40 di bawah Kluster B40. Di bawah inisiatif Makmur Pahang, di bawah Kluster Umum, JPKK, JPKKOA, Tok Batin, Timbalan Pengerusi JKKR, Setiausaha JPKOA, Pengerusi GDW FELDA dan us... dan Setiausaha JPKKK telah diperuntukkan sebanyak RM1.2 juta. Saya mencadangkan ia juga ditambah, ataupun diberi kepada JKKB.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, mohon mencelah. Sebab kita ada duit lulus serta- merta. RM52,000.00 je. Saya dah *check* dah implikasi kewangan. Yang itu tertinggal [Ahli Dewan menepuk meja] dulu.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih, terima kasih. Sekali saya tabik sekali lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat orang selalu 3, 2 kali je ni dah 3 kali dah [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker semasa…

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri Speaker.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Merangka draf ucapan ini.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Speaker ya,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kita kalau tayar pancit tu memang kena jek sikit untuk keluar tayar. Tapi janganlah jek sampai terbalik kereta, ya, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jek tu tak sampai sampai terbalik pasal dia pendek je, jek itu, dia tak panjang.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Semasa merangka mendraf ucapan ini, saya mengulangi balik video ucapan MB semasa pembentangan Belanjawan 2026. Ini bukan salah MB lah ya. Mungkin ralat cetak di dalam infografik daripada FB er... Yang Berhormat MB yang menyatakan program pembangunan sukan, NGO dan Belia seluruh Pahang sebanyak RM18.89 juta. Tolong betulkan hari ini kalau dalam ucapan RM18.98 juta. Ini ada saya boleh tunjuklah ya, ada sini sebab mungkin, ada kat sini, dia tersilap, ini silap.
Jadi, saya harap bukan ini sebab benda yang baik, er... benda baik, nak bergambar. Ini yang baik kita kena bagi tahulah sebabnya beza dia banyak itu RM90 juta, beza dia banyak ya. Benjalawan, Belanjawan 2026 berpotensi menjadi dokumen reformasi yang akan membawa Pahang ke hadapan. Namun kejayaan tersebut bergantung kepada perancangan yang baik dan seiring dengan pelaksanaannya yang konsisten, telus, berintegriti dan berimpak tinggi.

Penutup, saya berharap kerajaan negeri meneliti semula cadangan dan pandangan saya kemukakan demi kesejahteraan rakyat Pahang. Tras menyokong. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya nak bagi satu lagi peluang kepada wakil daripada Lepar. Jadi kita ada BN, kita ada PAS, kita ada DAP, kita ada BERSATU. Jadi bagi dia lengkap sebelum kita makan tengah hari.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih juga er... kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana memberi giliran kepada saya selepas Tras membahas Bajet yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada Jumaat yang lepas.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia, apa-apa sahaja perbelanjaan yang dibentangkan keutamaannya adalah kepada rakyat negeri Pahang dan juga kepada mereka yang bekerja ataupun telah bermastautin secara tetap di negeri Pahang. Keperluan rakyat, bolehlah kita bahagikan kepada dua kategori khusus.

Kategori pertama, makanan. Ramai rakyat kita berada dalam golongan B40. Oleh itu, harga barangan terutama barangan dapur jika sentiasa melonjak naik, sudah tentu akan membebankan mereka.

Kedua, tempat tinggal. Rakyat ingin inginkan harga rumah yang mampu milik seperti rumah-rumah flat kos rendah yang serba moden. Jika rumah flat ini dibina, ianya bersesuaian dengan kemampuan mereka. Pembinaan rumah teres setingkat atau dua tingkat akan melibatkan pengambilan tanah yang luas serta pembinaan infrastruktur yang banyak dan akhirnya akan membebankan pihak kerajaan membuat kerja-kerja selenggara dan baik pulih selepas 2 atau 3 tahun serta projek perumahan itu telah siap dihuni, kerana sudah tentu akan berlaku kerosakan pada longkang, jalan raya dan infrastruktur yang lain.

Ketiga, pendidikan. Rakyat perlukan pendidikan yang benar-benar percuma yang langsung tidak membebankan terutamanya golongan B40.

Kategori kedua pula ialah pekerjaan. Rakyat juga memerlukan pekerjaan yang meluas dari semua sektor dan yang bersesuaian dengan kemahiran individu tersebut.

Kedua, kemudahan awam seperti bas percuma yang laluannya menyeluruh ke seluruh kawasan dan ianya juga boleh diguna pakai oleh anak-anak kita untuk ke sekolah. Kemudahan bas percuma ini juga akan membantu mengelakkan kesesakan lalu lintas seperti yang berlaku di daerah Kuantan khususnya.

Ketiga, kesihatan. Menaikkan taraf hospital dan klinik kesihatan yang sedia ada bagi mengelakkan masa menunggu yang lama.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pada Oktober yang lepas, kerajaan pusat telah pun membentang bajet pada tahun, untuk tahun 2026. Kementerian Pendidikan akan menerima peruntukan sebanyak RM66.2 bilion, meningkat RM200.0 juta dari tahun yang sebelumnya. Bajet kesihatan pula menerima peruntukan sebanyak RM46.5 bilion, meningkat sebanyak RM100.0 juta dari tahun sebelumnya.

Negeri Pahang adalah negeri terbesar di Semenanjung Malaysia, penuh dengan sumber alam dan hutan simpan yang memberi nikmat kepada semua negeri-negeri yang bersempadanan dengan negeri Pahang. Seharusnya kerajaan pusat perlu memberi banyak keistimewaan kepada negeri Pahang dengan menyalar, menyalurkan peruntukan yang lebih dalam sektor. Saya tidak pasti dari tahun 2023 hingga pada hari ini, berapa peruntukan kesihatan yang telah disalurkan kepada

kerajaan negeri sama ada membina klinik kesihatan yang baharu atau menaik taraf klinik kesihatan yang sedia ada.

Jika kita tidak mampu membina hospital yang baharu, seharusnya kita menaik taraf klinik-klinik kesihatan yang sedia ada kepada mini hospital yang kemudahannya setaraf dengan hospital-hospital kerajaan. Saya bagi contoh di Klinik Kesihatan Gambang pada waktu ini, kerja-kerja baik pulih sedang dilakukan yang sepatutnya klinik kesihatan ini perlu dinaik tarafkan dengan menambah bangunan-bangunan yang baharu. Penambahan doktor yang bersesuaian serta penambahan peralatan perubatan yang canggih dan terkini.

Adakah perancangan daripada Kerajaan Negeri Pahang bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Gambang yang telah berumur 50 tahun ini, untuk memastikan kualiti perkhidmatan kerajaan di pinggir bandar seperti kawasan Gambang berada di tahap yang baik walaupun berdepan dengan pelbagai isu termasuk fasiliti kesihatan yang sangat uzur. Mungkin YB Exco kesihatan boleh membantu memberi penjelasan untuk menghilangkan keluh resah pesakit mahupun pegawai-pegawai perubatan yang bertugas di KK Gambang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kita sedia maklum banyak sekolah-sekolah yang daif infrastrukturnya di negeri Pahang yang perlu dibaik pulih dan dinaik tarafkan. Sekolah Kebangsaan Paya Bungor sehingga sekarang masih belum memiliki padang permainan untuk aktiviti sukan dan sebagainya. Mungkin ini adalah satu-satunya sekolah di negeri Pahang yang tidak memiliki padang permainannya sendiri. Bajet berbilion yang telah diluluskan oleh kerajaan pusat, bolehlah diminta untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah daif di negeri Pahang. Pembangunan Belia dan Sukan adalah bermula daripada peringkat sekolah lagi.

Oleh itu, aktiviti sukan perlulah dilakukan sepanjang tahun agar ianya dapat mengelakkan gejala-gejala yang tidak sihat di kalangan anak muda seperti melepak, merempit dan penggunaan gajet seperti *handphone* yang tidak terkawal sehingga ramai pelajar menjadi tidak cergas, tidak fokus kepada pelajaran, tidak berdisiplin, mudah dihinggapi penyakit-penyakit yang tidak dijangka. Sekarang macam-macam penyakit untuk anak-anak muda ini. Umur 12 tahun pun ada yang kena kencing manis. Namun, jika anak-anak kita sentiasa melibatkan diri dalam semua aktiviti sekolah sepanjang tahun, sudah tentu ianya juga akan meringankan beban ibu bapa yang bekerja dalam semua perkara. Termasuk mereka tidak perlu lagi menghantar anak-anak mereka ke pengasuh.

Kita telah menghabiskan berbilion-bilion duit rakyat yang membayar cukai. Namun, taraf sukan di Malaysia masih juga tidak meningkat berbanding negara-negara dunia ketiga yang lain kerana semuanya bermula di sekolah. Kita tidak akan dapat berada di tangga pertama Sukan Malaysia jika kita tidak perbetulkan masalah ini dari akarnya lagi. Exco Belia dan Sukan dan Exco Pendidikan perlu bekerjasama mencari formula untuk memastikan kualiti sukan di negeri Pahang melonjak terus mengatasi negeri-negeri yang lain.

Kita ada empat buah sekolah sukan Malaysia di Malaysia termasuk satu di Gambang. Kita juga ada Akademi Sukan Khas untuk bola sepak iaitu Akademi Mokhtar Dahari juga di Gambang. Namun, kita masih terpaksa mengambil Pemain Naturalisasi dan Pemain Warisan untuk mewakili Malaysia dan akhirnya menjadi masalah kepada

negara dan telah memalukan rakyat Malaysia apabila sering diejek oleh negara-negara jiran disebabkan isu ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk mengakhiri perbahasan saya pada hari ini. Saya ingin bertanyakan beberapa perkara kepada Exco-Exco yang berkenaan. Yang pertama, iaitu berkaitan dengan status Eastern International TVET di Gambang yang telah dirasmikan pada Februari 2025 kalau tak silap saya, tengok dalam Google seolah-olah sudah tidak beroperasi sejak Oktober 2025. Apakah masa depan pelajar-pelajar dan tenaga pelajar yang telah menyertai kolej tersebut. Banyak persoalan dan soalan yang diberikan kepada saya oleh ibu bapa, pelajar-pelajar dan tenaga pelajar. Bolehlah nanti YB Exco berkenaan membantu menyelesaikan pertanyaan dan soalan mereka.

Yang kedua, pencerahan kedua yang terakhir saya pada hari ini. Pencerahan yang terakhir ingin saya bertanyakan berkaitan dengan KOMBES (Kompleks Belia dan Sukan) yang dahulunya zaman saya budak-budak dikenali sebagai Tepian Gelanggang. Saya pernah pergi bersama Yang Berhormat, Yang Berhormat Tioman tiada di sini ya. Semasa beliau menjadi Exco Sukan dulu bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan masa itu, Yang Berhormat Syed Saddiq untuk membincangkan tentang pembinaan gelanggang ini. Kos sebanyak RM24.7 juta telah diluluskan. Projek ini asyik tertangguh sejak Mac 2021 yang sepatutnya siap dalam tempoh 18 bulan seharusnya siap pada hujung tahun 2022. Apakah punca sebenar kelewatan projek naik taraf KOMBES Pahang sehingga kini, hampir empat tahun masih belum siap sepenuhnya.

Yang Berhormat Speaker, insya-Allah saya menyokong bajet yang telah dibentangkan dengan beberapa penambahbaikan yang perlu bagi kepentingan rakyat Negeri Pahang. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Wakil daripada Lepar. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sebelah pagi ini, seramai empat orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam persidangan kita ini. Saya cadangkan akan disambung pada sebelah petang dengan 11 orang lagi Yang Berhormat akan berucap.
Jadi, saya akan menempoh persidangan disebelah pagi ini dan akan bersambung semula pada pukul 2.45 petang. Persidangan ditempoh.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 1.30 petang]

[Persidangan Dewan Negeri bersambung]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT. Persidangan kita disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan dan pada petang ini kita akan menyambung Perbahasan atas Rang Undang undang dan Usul tersebut. Saya jemput Ahli Yang Berhormat Semambu, sila.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Pahang 1st. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2026.

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat... Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan yang bertemakan Pahang 1st, Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan. Sebuah Belanjawan yang menyeluruh, realistik dan menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal, sosial dan kelestarian alam. Namun, sebagai Wakil Rakyat di barisan hadapan menjadi tanggungjawab saya untuk membawa suara rakyat Semambu dan seluruh warga Kuantan agar Belanjawan ini benar-benar menyentuh denyut nadi rakyat di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bulan lepas kerajaan persekutuan telah membentangkan Belanjawan 2026 dengan pelbagai projek yang memberi manfaat kepada negeri Pahang. Antaranya ialah pertama, menaik taraf Lebuhraya Kuantan - Segamat. Kedua, menaik taraf Jalan Sungai Lembing ke LPT 1. Ketiga, peruntukan yang lebih besar untuk tebatan banjir dan lain-lain. Kita amat mengalu-alukan projek ini tetapi saya ingin menegaskan pentingnya penyelarasan kerajaan negeri dan persekutuan supaya projek yang diumumkan tidak tinggal di atas kertas atau tertangguh bertahun-tahun.

Kami tidak mahu projek diumumkan dalam Dewan tetapi tertangguh di lapangan. Kami tidak mahu tender siap tetapi pelaksanaan perlahan. Kami mahu rakyat melihat hasilnya bukan sekadar mendengar janji. Untuk itu, saya mencadangkan Unit Penyelaras Projek Pahang dan Persekutuan diwujudkan bagi mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan pelaksanaan di peringkat negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Semambu ialah kawasan bandar yang pesat membangun walaupun pembangunan luar bandar penting, kita tidak boleh mengabaikan infrastruktur bandar yang semakin tertekan. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada beberapa isu untuk naik taraf jalan dan keselamatan. Pertama, Jalan Semambu yang telah dipasang lampu trafik baru telah dilanggar oleh treler pada bulan lepas dan baru pagi tadi di Jalan Semambu juga berlaku kebocoran paip yang menyebabkan satu *sink-hole* termuncul, termuncul di atas jalan raya yang menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya. Dengan itu,

saya memohon agar jalan tersebut yang begitu sibuk perlu dibuat penaiktarafan yang lebih menyeluruh.

Kedua Jalan Bukit Setongkol dan Jalan Haji Ahmad yang semakin sibuk serta kes kemalangan yang banyak berlaku. Penaiktarafan di kedua-dua laluan tersebut juga amat diperlukan. Isu trafik bukan sekadar kesesakan yang melibatkan keselamatan nyawa dan produktiviti ekonomi.

Kawasan Semambu merupakan salah satu nadi perindustrian Kuantan terutamanya untuk perindustrian kecil dan sederhana SME dan tempat ribuan pekerja keluar masuk setiap hari. Kita perlukan pendekatan yang serius untuk infrastruktur bandar dan keselamatan jalan raya yang lebih baik dan moden. Saya memohon agar kerajaan negeri dapat memberi perhatian yang serius kepada pembangunan sistem trafik bandar yang lebih terancang dan selamat.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas pembentangan Bajet baru-baru ni yang pihak kerajaan negeri akan memperuntukkan RM52.23 juta untuk projek tebatan banjir. Saya memohon sebahagian peruntukan ini disalurkan secara khususnya kepada bandar Kuantan yang termasuk dengan kawasan-kawasan Seri Setali, kawasan Semambu dan juga kawasan perumahan sepanjang Sungai Galing. Apabila Sungai Galing kembali melimpah, ribuan isi rumah terjejas. Banjir bandar memerlukan pakej tebatan tersendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya juga menyokong penuh peruntukan RM64.54 juta kepada Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) tetapi rakyat bandar Kuantan inginkan empat perkara. Pertama, paip lama diganti di kawasan saya contohnya Bukit Setongkol, Taman Impian dan juga Cenderawasih masih menggunakan paip berusia lebih daripada 30 tahun. Pembekalan air terjejas setiap kali paip bocor menyebabkan aktiviti perniagaan dan aktiviti rutin harian terjejas.

Kedua, rakyat perlukan tekanan air yang lebih konsisten. Kawasan saya, kawasan Kampung Padang dan Bukit Setongkol sering mengadu tekanan rendah ketika waktu puncak. Ketiga, kita perlu audit NRW (Non-Revenue Water). Kita kehilangan lebih daripada 40% air. Ini seperti membina lombong emas tapi membiarkan emas yang bocor keluar. Keempat, penyelesaian aduan yang lebih efisien terutamanya untuk penurapan balik jalan yang telah dikorek selepas pembaikan paip. Kadang-kadang ia ambil masa lebih dari setengah tahun. Rakyat di Kuantan menuntut bekalan air yang stabil dan tidak terganggu. Air bukan sahaja isu pengguna tetapi isu yang akan menjejaskan pelaburan.

Belanjawan negeri mensasarkan mendapat pelaburan sebanyak RM18 bilion. Kuantan tidak boleh terus bergantung kepada industri berat di Gebeng semata-mata. Kita perlukan model ekonomi bandar yang baharu yang berasaskan inovasi, berasaskan digital dan berasaskan perusahaan kecil dan sederhana (SME). Saya mencadangkan penubuhan Zon Inovasi Semambu atau dikenali sebagai Semambu Innovation Zone yang boleh merangkumi, pertama, kluster PKS teknologi, kedua, hab digital, ketiga, ruang kerja bersama untuk mereka entrepreneur ataupun usahawan-usahawan yang baru, keempat, bengkel mereka dan industri ringan, kelima, mempunyai *start up training centre* untuk usahawan-usahawan yang baru.
Saya juga menyokong pihak kerajaan negeri dengan memperuntukkan RM5 juta kepada Program Usahawan Makmur. Namun, saya mencadangkan tambahan berikut, pertama penubuhan satu cawangan inkubator usahawan di Semambu. Kedua,

mewujudkan geran automasi berskala kecil untuk PKS di negeri Pahang. Ketiga, mewujudkan akses latihan industrial TVET bersama kilang-kilang di Semambu, Indera Mahkota 14, Indera Mahkota 3 dan juga Gebeng.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya menyokong penuh pengukuhan peruntukan Inisiatif Makmur Pahang IM Pahang yang meningkat sebanyak 67% berbanding tahun lepas. Namun, untuk memastikan manfaatnya benar-benar sampai kepada rakyat, saya juga cadangkan, pertama kad kesihatan warga emas ataupun Kad Pride Kasih diperluaskan meliputi pemeriksaan mata, tulang dan kanser asas. Kedua, mewujudkan bantuan sewa rumah kepada golongan B40 di kawasan bandar bagi meringankan kos beban hidup berikutan dengan peningkatan kos sara hidup. Golongan B40 bandar memerlukan perhatian khusus agar mereka tidak terus terpinggir.

Saya mengucapkan tahniah atas usaha kerajaan negeri meneruskan projek rumah mampu milik seperti Rumah PR1MA Pahang, Rumah Makmur Pahang, Rumah Rakyat Pahang dan juga Pangsapuri Pahang. Namun, saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap kelewatan Projek Rumah Makmur Pahang di Kampung Tiram. Projek ini dijadualkan siap pada tahun ini namun kini ditangguhkan sehingga tahun depan. Lawatan saya pada bulan lepas mendapati bahawa kerja-kerja berjalan pada tahap yang amat minimum dan saya tidak yakin ia akan siap menjelang Jun tahun depan seperti yang dimaklumkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP). Kelewatan seperti ini akan memberi beban berganda kepada pembeli. Mereka perlu membayar ansuran bank dan pada masa yang sama perlu membayar sewa rumah sementara menunggu projek disiapkan. Saya memohon kerajaan negeri membantu pemaju dari segi penyelesaian teknikal serta membantu pembeli yang terkesan melalui bantuan kewangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Menurut jawapan lisan yang diberikan oleh Exco pada Jumaat lepas, terdapat lebih 500 unit kuarters penjawat awam khususnya PDRM Polis Diraja Malaysia di Kuantan yang tidak boleh diduduki kerana pelbagai masalah. Saya sendiri telah melawat Kuarters PDRM di Bukit Pelindung dan keadaan di sana amat membimbangkan. Atap rosak, dinding dan lantai berlumut dan persekitaran yang tidak diselenggara dengan baik. Pihak polis melaksanakan tugas yang mencabar setiap hari dan mereka berhak mendapat kediaman yang selamat dan bermaruah. Dengan itu saya mencadangkan kerajaan negeri menyediakan geran khas pengurusan untuk penyelenggaraan kuarters yang kritikal ataupun melantik kontraktor di bahagian negeri untuk program pembersihan dan menceriakan kawasan.

Jaminan kesejahteraan perumahan penjawat awam merupakan pelaburan strategik yang secara langsung akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat kerana kesejahteraan mereka yang terjamin akan mengukuhkan komitmen tumpuan dan daya tahan dalam menjalankan amanah mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Sekolah Kebangsaan SJKC dan SJKT terus memainkan peranan yang besar dalam membangunkan generasi muda negeri. Saya memohon agar kerajaan negeri dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan geran tetap pengurusan tahunan yang boleh dipohon oleh pihak sekolah mengikut keutamaan, untuk membantu sekolah-sekolah ini dalam pertama penyelenggaraan asas, kedua pembelian peralatan sekolah, ketiga

isu-isu yang melibatkan keselamatan dan kebersihan. Ini adalah pelaburan yang sangat penting untuk masa depan negeri. Di sini, saya juga ingin memohon agar kerajaan negeri untuk mewujudkan geran rumah ibadat bukan Islam yang juga boleh dipohon oleh pusat ibadat bukan Islam yang diperlukan khususnya yang untuk penyelenggaraan dan pembelian peralatan. Program sebegini wujud di beberapa negeri lain dan berjaya memupuk keharmonian serta menyokong peranan sosial komuniti setempat.

(ADUN JELAI N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dato' Sri Speaker minta laluan. Terima kasih ADUN Semambu. Berkenaan dengan rumah ibadat bukan Islam ini. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan semasa saya menjadi Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan dulu, Pengerusi Rumah Ibadat Bukan Islam ini terletak pada Exco dan juga Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, pengerusi bersama. Maknanya bila ada kita nak bincang rumah ibadat bukan Islam ni Exco dan SS. Tapi yang saya bawa perkara ni ke dalam Exco Yang Berhormat... Yang amat bahagialah sekarang ni Tan Sri Long Nan. Saya mencadangkan supaya pengerusi rumah ibadat ni diletakkan terus di bawah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri tanpa Exco Kerajaan Tempatan dan mesyuarat bersetuju. Jadi sekarang ni kalau ada apa-apa berhubung dengan rumah ibadat bukan Islam ini, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh terus berhubung dengan Yang Berhormat Dato' Sri SS.

Jadi kita nak supaya birokrasi tu cepat kadang-kadang nak buat mesyuarat, saya ada SS tak ada SS ada saya pula tak ada. Jadi kita serahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk buat keputusan. Tapi bawa jugalah kepada Exco. Jadi kalau ada apa-apa boleh terus berhubung dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Terima kasih Yang dipertua.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih atas jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya. Izinkan saya teruskan er.. Yang Berhormat tuan Speaker. Belanjawan ini sangat komprehensif dan mengharap juga cadangan saya dapat dipertimbangkan untuk memastikan pembangunan negeri berimpak kepada rakyat di kawasan Kuantan. Saya yakin dengan penyelarasan yang lebih baik, keberanian memperkenalkan model ekonomi baharu dan perhatian kepada isu rakyat di peringkat akar umbi, kita mampu membawa Pahang ke tahap yang lebih tinggi dengan itu saya menyokong belanjawan ini. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Semambu. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat dari Damak.Sila

(ADUN DAMAK - N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh yang hadir pada hari ini. Alhamdulillah, dipanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana saya diberi peluang untuk sama-sama berbahas pada petang ini. Lebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Pahang atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2026. Dokumen yang menjadi panduan hala tuju pembangunan negeri dan sudah pasti Insya-Allah dia akan membawa kepada kesejahteraan rakyat. Dalam menilai bajet ini, saya mulakan dengan firman Allah SWT. [Bacaan dalam Bahasa Arab] yang yang bermaksud dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta mereka tidak boros dan tidak pula kedekut dan adalah perbelanjaan mereka di tengah-tengah antara yang demikian itu. Surah Al-Furqan ayat 67.

Semoga setiap peruntukan dan projek yang diluluskan memberikan manfaat sebenar kepada seluruh rakyat negeri Pahang. Sejajar dengan sabda Nabi [Bacaan dalam Bahasa Arab] yang bermaksud sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan tahniah kepada khususnya Majlis Daerah Jerantut dan seluruh warga Jerantut kerana sekali lagi Jerantut telah tersenarai sebagai Bandar Paling Bahagia 2025 dan Bandar Paling Mampan 2025. Semoga ianya membawa barakah dan kebaikan kepada semua.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu. Disiplin fiskal adalah kunci kepada pembangunan yang berterusan. Saya menyokong penuh usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dalam mempelbagaikan sumber hasil negeri, perbelanjaan berasaskan keutamaan dan kesejahteraan serta keberkesanan dan pemantauan projek pembangunan melalui sistem penilaian prestasi. Namun begitu, belanjawan bukanlah sekadar angka di atas kertas. Ia perlu disusuli dengan pelaksanaan yang telus dan bertanggungjawab. Justeru, saya mencadangkan yang pertama agar diperkasakan laporan kemajuan suku tahunan bagi semua projek untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan.

Dan yang kedua, penilaian dan tindakan terhadap kontraktor yang gagal menepati jadual agar rakyat tidak terus menunggu tanpa kepastian. Dan yang ketiga, pengagihan dan pelaksanaan projek dilaksanakan secara telus dan adil.

Tuan Speaker,

DUN Damak mempunyai pelbagai potensi besar Ia khususnya dalam bidang ekonomi tetapi masih menghadapi beberapa isu-isu kritikal yang akan saya bangkitkan pada hari ini. Antaranya ialah berkaitan dengan infrastruktur jalan dan pengangkutan. Beberapa jalan utama masih rosak dan terdedah kepada bahaya bahaya seperti jalan Jerantut ke Kampung Sempadan. Justeru, saya menyarankan agar diadakan penyelenggaraan berkala dapat dilaksanakan seterusnya pemantauan lori-lori bijih dan juga sawit serta lori balak agar tidak membawa lebih muatan yang menjadi punca kerosakan jalan ini.

Saya juga ingin menyebut di sini yang berkaitan dengan cadangan agar dilebarkan jalan utama masuk ke kampung seperti jalan utama Kampung Bukit Ketupat yang sekarang kelebarannya hanya 10 kaki yang mempunyai jaraknya sepanjang tiga kilometer. Dan apabila berselisih, maka dia akan menyebabkan keadaan yang berbahaya. Saya merakamkan juga penghargaan kepada pihak JKR khususnya YB. Exco dan juga jentera yang melaksanakan tugas dan telah banyak membaiki dan membaik pulih jalan-jalan khususnya yang saya sebut di sini ialah jalan Kampung Pisang. Alhamdulillah, ia dalam proses baik pulih Jalan Kampung Sungai Telang dan

juga jalan Sungai Manik di Kampung Sempadan yang sudah siap. Jadi, saya harap ia usaha usaha ini dapat memberikan kebaikan kepada rakyat.

YB Speaker saya ingin bangkitkan kembali isu yang berkaitan dengan air. Tekanan air rendah dan gangguan bekalan air yang masih lagi membelenggu beberapa buah kampung. Jadi, justeru itu, saya ingin mencadangkan. Yang pertama memastikan projek naik taraf LRA Batu Balai dilaksanakan mengikut jadual. Ia kerana sekiranya siap, insya-Allah isu yang berkaitan dengan air di mukim Ulu Cheka akan dapat ditangani. Yang kedua membaik pulih sistem telaga tiub yang berada di Kampung Baru dan Kampung Belukar.

Telaga tiub ini dia ada tetapi telah tidak dapat berfungsi. Justeru itu, saya harap dapat diberikan peruntukan agar dapat dimanfaatkan oleh penduduk. Yang ketiga merangka kaedah penyelesaian bagi menangani isu tekanan air rendah di kawasan bandar yang berpunca dari bertambahnya taman taman perumahan, pusat perniagaan dan industri. Sebagai contoh, di Taman LKNP yang sentiasa berdepan dengan gangguan bekalan air akibat berlakunya kebocoran.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Jerantut yang telah dinobatkan juga sebagai Daerah Terbaik SPM 2024 dalam negeri Pahang. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khususnya kepada Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut, para guru, para pelajar, pentadbir sekolah, ibu bapa dan semua yang terlibat menunjukkan prestasi yang amat membanggakan.

Terima kasih diucapkan juga kepada kerajaan negeri yang telah memberikan pelbagai insentif kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Di sini saya ingin mencadangkan beberapa perkara. Yang pertama penggunaan teknologi pendidikan di era digital kerajaan telah bergerak ke arah pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital ataupun DPD. Semua sekolah di negeri Pahang juga tidak terkecuali dalam pelaksanaan dasar ini. Saya mencadangkan kerjasama kerajaan negeri bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dipertingkatkan untuk memastikan pelaksanaan dasar ini dapat dilaksanakan dengan baik di semua sekolah di negeri Pahang khususnya di luar bandar seperti memastikan capaian internet stabil, peranti digital yang mencukupi, memperkukuhkan program latihan dan sokongan kepada guru agar mahir dalam menggunakan teknologi digital dan menyediakan program khusus untuk menggalakkan bakat murid dalam bidang digital seperti *coding*, AI, robotik dan teknologi hijau bagi melahirkan generasi celik digital.

Yang kedua, berkaitan dengan pendidikan ini ialah kolaborasi pintar dengan industri dan universiti. Saya mencadangkan agar… agar sekolah-sekolah di daerah ini khususnya negeri Pahang ini menjalinkan kerjasama dengan universiti seperti UMPSA, UIA, UnIPSAS dan sekarang akan dinobat ataupun ditukar nama menjadi Universiti Al-Quran, UCYP, ADTEC, Kolej Komuniti, Politeknik serta industri tempatan untuk menganjurkan Bengkel STEM, Program Kerjaya dan Bimbingan Akademik. Kecemerlangan SPM bukan sahaja membina masa depan pelajar tetapi menentukan kualiti modal insan negeri di dalam jangka panjang. Justeru, saya mengharapkan agar pihak kerajaan memberikan perhatian kepada cadangan ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin menyebut kembali berkaitan isu jambatan di Sekolah Kebangsaan Damak yang masih belum siap sehingga hari ini. Jambatan ini mulai rosak pada… pada Disember 2021. Tarikh yang dipaparkan di papan tanda projek ialah tarikh mula projek

membuat jambatan baru ialah 7.4.2025 dan tarikh siap yang dipaparkan itu ialah pada 7.12.2025 iaitu hari… hari kelmarin… hari… hari semalamlah… hari semalam. Namun belum siap sehingga ke hari ini. Laluan ini adalah nadi keselamatan pelajar. Jadi kelewatan ini menyebabkan pelajar menggunakan laluan yang kurang selamat. Risiko kecelakaan semasa musim hujan dan banjir dan kesulitan ibu bapa menghantar anak sekolah. Justeru, saya mencadangkan yang pertama tarikh siap baharu yang realistik dan dipantau, yang kedua laporan kemajuan projek secara berkala dan yang ketiga tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal yang melaksanakan seperti dalam jadual.

YB Speaker,

Penduduk dalam kawasan DUN Damak turut bergantung kepada aktiviti ekonomi seperti pertanian yang berkaitan dengan tanaman getah, sawit, sayur-sayuran, padi dan juga ternakan haiwan. Terdapat 20 peserta yang terdiri daripada warga Kampung Gintong yang mengusahakan kira-kira 50 ekar sawah padi bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin kualiti beras yang dihasilkan. Saya mengharapkan agar pihak kerajaan menaik taraf sistem bekalan air dan elektrik untuk pam air ke kawasan sawah padi ini serta membina pagar sawah yang lebih baik.

Di samping itu, saya ingin membangkitkan juga isu yang berkaitan dengan gangguan makhluk perosak pertanian khususnya siput gondang emas dan belalang yang semakin menjejaskan hasil… hasil padi penduduk. Serangan siput gondang emas ini yang memusnahkan anak padi di peringkat awal penanaman serta serangan belalang yang merosakkan daun padi telah menyebabkan kerugian kepada pesawah.

YB Speaker,

Berkenaan dengan pelancongan. Ada masa lagi tak? Alhamdulillah. Berkenaan dengan aktiviti pelancongan. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara iaitu memohon agar pihak kerajaan melakukan baik pulih kemudahan asas ia khususnya tempat-tempat pelancongan dalam DUN Damak seperti baik pulih jalan masuk iaitu Jalan Ulu Teh sepanjang lebih kurang 2 km ke kawasan Campsite Wong Gan Teng dan Mokcik Rich Village di Kampung Baru, jalan ke SomSet Wild… Wild… Wildlife, Kampung Som dan juga jalan ke Sungai Rengat Campsite membaik pulih dan menyeragamkan semua papan tanda lokasi eko-pelancongan serta menaik taraf bangunan dan fasiliti pelancongan yang diuruskan oleh Persatuan Pemandu Pelancong Mukim Ulu Cheka ataupun PAMUC di Dusun Kalong Ulu Cheka.

Yang seterusnya, bagi menyemarakkan industri ini, saya juga memohon agar diperketatkan kawalan terhadap aktiviti pembalakan di hutan-hutan simpan kekal. Kelestarian alam sekitar perlu dijaga bagi mengekalkan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan alam.

Contohnya, melalui zon konservasi flora dan fauna. Mengadakan Kempen Go Green Damak dengan menggalakkan aktiviti gotong-royong, penanaman pokok dan menguruskan sisa lestari di kawasan pelancongan. Saya juga berharap diwujudkan Pusat Informasi Eko-Pelancongan DUN Damak bagi menyelaraskan promosi dan aktiviti pelancongan setempat dan dikelolai oleh satu badan dan syarikat yang berlesen berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

YB Speaker,

Patik menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum… Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Shah supaya semua pihak khususnya di negeri Pahang mengambil peranan menangani isu dadah. Seperti yang kita maklum, isu penagihan dadah masih menular di kalangan masyarakat kita. Justeru itu, saya mencadangkan tiga langkah. Antaranya yang pertama, program pendidikan keibubapaan secara berterusan yakni kerajaan negeri boleh memperluaskan program ini di sekolah, masjid, pejabat daerah dan PBT agar ibu bapa dibimbing dengan ilmu pengetahuan moden yang lebih berkesan untuk menjauhi bahana dadah ini.

Yang kedua, program intervensi awal di peringkat sekolah dan kampung dengan menerapkan modul pembentukan jati diri melibatkan ibu bapa, guru-guru, penghulu, imam, ketua kampung dan rakan muda sebagai rangkaian sokongan untuk mengesan remaja berisiko. Kerjasama antara Jabatan Agama Islam, Jabatan Pendidikan, NGO Belia dan pihak komuniti untuk membangunkan modul… modul yang menyentuh aspek rohani, akhlak, disiplin serta integriti diri dan yang ketiga, kempen kesedaran dadah yang lebih… yang lebih menyeluruh dan menyentuh hati yang melihatkan semua komuniti termasuk masjid dan surau.
YB Speaker,

Di hujung ini… di hujung perbahasan saya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan juga tahniah kepada kerajaan negeri di atas pelbagai program pemerkasaan Islam terutamanya daripada aspek akidah, pembangunan institusi pendidikan dan peruntukan khas untuk aktiviti-aktiviti agama. Saya yakin jika usaha ini dilaksanakan dengan sepenuh ikhlas, insya-Allah Pahang akan diberkati oleh Allah SWT. Allah SWT berfirman [Ayat al-Quran]. Yang bermaksud, kamu wahai umat Muhammad, adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk menjadi manusia kerana kamu menyuruh berbuat baik dan melarang daripada kejahatan serta kamu beriman kepada Allah SWT. Surah Ali Imran, ayat 110.

Di hujung ini, saya ingin mencadangkan perkara yang berkaitan dengan pemerkasaan Islam ini iaitu yang pertama, cuti hari Jumaat dikaji semula dan dipertimbangkan. Apakah ia sesuai dilaksanakan supaya dapat dijadikan hari ilmu mempermudahkan urusan ibadat penjawat awam… penjawat awam dan anak-anak sekolah. Yang kedua, saya menyarankan agar ditutup atau dikurangkan pusat-pusat judi yang mana sebahagian besarnya membawa masalah kepada masyarakat.

Untuk perkongsian bersama, saya dihubungi bukan oleh orang Islam tetapi bukan Islam, kaum Tionghua beberapa kali khususnya daerah Jerantut supaya menangani isu ini. Justeru itu, saya bawa ke dalam Dewan, pada hari ini agar kita dapat sama-sama fikirkan. Yang ketiga, memperkenalkan pakaian menutup aurat bagi atlet-atlet wanita muslimah seperti aktiviti bola sepak takraw kerana baru ni saya lihat dalam televisyen bola sepak takraw yang di… turut disertai oleh wanita tapi sekejap je lah. Cuma saya rasa lebih manis, ia kalau menggunakan pakaian yang menutup aurat, begitu juga aktiviti renang dan lain-lain. Saya yakin YB Exco Agama bersetuju dengan pandangan saya. Kalau kita laksanakan, insya-Allah... insya-Allah Pahang akan menjadi Pahang 1st , insya-Allah dalam melaksanakannya.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

YB Speaker,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Oh, rupanya ada takraw wanita ya. YB tengok ya. (Ahli Dewan ketawa)

(ADUN DAMAK - N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

YB, saya memang… memang pemain bola sepak takraw dulu. Pemain takraw di Sekolah Menengah Agama Pulau Tawar tapi er… bukan lipatlah, lipat *net* sahaja masa itu. [ketawa]

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tapi… tapi memang ramai budak-budak sekolah agama pandai takraw sebab nak main bola apa namanya… tak er… tak... sebab lemah er… main takraw, main ping pong *champion* semua.

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih YB dan yang keempat, mewujudkan kelas taklim khas yang berkala dan bermodul kepada penjawat-penjawat awam bagi mengingatkan mereka tentang bahaya rasuah, penagihan dadah dan aktiviti yang tidak bermoral seperti LGBT dan akhirnya saya merakamkan juga ucapan terima kasih ia kerana alhamdulillah dalam DUN Damak ini terdapat banyak masjid-masjid baru yang mungkin tak seperti di… yang disebut oleh wakil Padang Tengku tadilah di Jerantut ini alhamdulillah dan yang terbaru Masjid Simpang Tebing Tinggi. Saya rasa dah 100% dapat disiapkan jadi terima kasih Kerajaan Negeri dan juga YB Exco yang mengambil berat isu ini dan saya memohon YB Exco untuk mempertimbangkan pula permohonan masjid di Kampung Lata Kasah dan juga Kampung Damak, insya-Allah.

Tuan Speaker,

Belanjawan 2026 memberi peluang untuk membina Pahang yang lebih adil, seimbang dan mampan dengan cadangan yang telah saya kemukakan saya menyokong Belanjawan Negeri Pahang 2026 demi kesejahteraan rakyat seluruhnya. [Ahli Dewan menepuk meja] Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli daripada Damak. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Dilantik, sila.

(AHLI YANG DILANTIK – 5)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

[Ayat al-Quran] Assalammualaikum WBT. Salam Malaysia Madani dan salam Pahang 1st. Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli

Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan sidang hadirin yang dihormati di dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2026 yang bertemakan Pahang 1ST, Rakyat Didahulukan Kemakmuran Dipertahankan. Setinggi-tinggi ucapan tahniah saya ingin kalungkan kepada pasukan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat ADUN Jelai atas pencapaian yang membanggakan pada tahun ini dan juga pada pada… pada tahun-tahun yang lampau.

Pada saya selain daripada angka-angka yang berorientasikan kewangan ringgit dan sen seperti pendapatan kerajaan negeri, keluaran dalam negeri kasar dan sebagainya saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini kepada statistik kadar guna tenaga sumber manusia di negeri Pahang yang dilaporkan telah meningkat sebanyak 20,200 kepada 788,800 guna tenaga tahun ini di negeri Pahang berbanding dengan tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 2.6%.

Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan buat kita rakyat Pahang di mana kita telah hampir mencapai tahap guna tenaga penuh bagi negeri Pahang dan selain daripada itu, kita juga menerima laporan bahawa kadar pengangguran di negeri Pahang ini pada suku ketiga tahun ini pada tahap 1.7% berbanding dengan 3% kadar pengangguran di peringkat nasional dan ini satu lagi petanda yang menunjukkan pencapaian Kerajaan Negeri Pahang ini berada pada tahap yang sangat membanggakan.

Saya juga ingin membandingkan data pengangguran negeri Pahang berbanding dengan negeri-negeri jiran kita. Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan kadar pengangguran yang tinggi iaitu 4.4% di negeri Kelantan dan 3% di negeri Terengganu. Perangkaan ini jelas menunjukkan prestasi kerajaan perpaduan di Pahang ini jauh mengatasi kerajaan-kerajaan di negeri yang berjiran dengan kita.

Yang Berhormat Speaker,

Saya yakin pencapaian yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pahang ini tidaklah datang dengan sendirinya melainkan hasil daripada usaha keras dari peringkat pelaksanaan strategi malah pembentukan polisi oleh pelbagai pihak agensi kerajaan negeri. Berbekalkan pendapatan negeri yang diunjurkan pada jumlah RM1.279 bilion, saya percaya negeri Pahang berupaya untuk berbelanja seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan oleh yang demikian, saya sangat menyokong Belanjawan 2026 ini.

Saya teliti dan apa yang menarik perhatian saya adalah fokus yang berterusan daripada kerajaan negeri terhadap pembangunan modal insan di negeri Pahang meliputi pelbagai lapangan. Kalau kita semak belanjawan yang berasaskan kepada 7 teras utama ini, kita akan dapati terdapat strategi yang sangat jelas untuk membangunkan modal insan di setiap teras yang dicadangkan.

Sebagai contoh, usaha memartabatkan agama Islam dengan pelbagai program. Sebuah universiti al-Quran diwujudkan untuk pembangunan ummah ketika mana warisan budaya dan pelancongan ingin diperkasakan latihan dan pensijilan diberi kepada individu yang terlibat di dalam bidang tersebut. Bila bercakap tentang inisiatif melonjak ekonomi negeri, Program Usahawan Makmur menjadi tonggak penting di dalam teras tersebut.

Jadi pada pandangan saya, tidak hairanlah kalau kadar pengganguran di negeri kita ini berada pada paras yang sangat rendah berbanding dengan negeri-negeri jiran.

Cuma Yang Berhormat Speaker, dalam pada kita mencapai pencapaian yang bagus dan juga mempunyai perancangan yang rapi di dalam mentadbir negeri ini saya agak hairan masih ada pihak terutamanya pihak pembangkang yang seolah-olah tidak menyedari perkara ini dan melabel kerajaan negeri ini sebagai kerajaan yang tidak membuat kerja, malah turut mengatakan bahawa belanjawan yang dibentangkan adalah belanjawan gula-gula pilihan raya. Saya tertanya-tanya apakah sebenarnya definisi buat kerja pada pandangan ataupun pada hemat Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang terutamanya dalam kamus mereka apakah definisi ataupun takrifan. Kalau sekadar kita berswafoto pada mana terdapat masalah-masalah seperti banjir ataupun longkang tersumbat ataupun kita memuat naik video di media sosial dengan rakan-rakan ataupun agensi-agensi buat kerja menurap jalan dan sebagainya saya rasa apa yang dilakukan oleh wakil-wakil rakyat ataupun agensi Kerajaan Negeri Pahang itu jauh lebih daripada itu.

Jadi, itu saya tertanya-tanya jadi kepada rakyat di luar sana pun saya ingin mereka juga membuat penilaian yang serupa sekiranya mereka manalah tahu bertimbang-timbang untuk menyokong kelompok-kelompok ataupun pihak yang berpandangan begini daripada segi buat kerja bak kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada…

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Nak minta laluan sedikit. Saya nak tanya ya faham tak tekan kerajaan dengan pembangkang. Konsep kerajaan yang melaksanakan kerja dengan projek dengan dana rakyat itu perkara biasalah dan kita ucap tahniah dan terima kasih. Jangan nak lihat bahawa pembangkang harus buat kerja macam kerajaan dengan peruntukkan tak ada sebagainya. Saya fikir apa yang perlu difahami bahawa setiap kita ada peranan. Kita ada pembangkang yang konstruktif dalam Dewan yang kita bangkit, yang kita sokong bukan semua kita bangkang, yang baik kita sokong dan kita kemukakan saranan-saranan cadangan. Saya fikir tak perlu kita sama kita duduk er… kritik sesama sendiri dalam Dewan Yang Mulia lebih baik kita fokus kepada apa yang di er… nak cakap apa terpulang pada masing-masing tapi tak perlulah kita berpolitik dalam Dewan ini. Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK – 5)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Terima kasih, saya sambung cumanya pada pandangan saya adalah ungkapan yang mengatakan kerajaan tidak buat kerja itu adalah sesuatu yang agak serius. Saya er… mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan terhadap perkara tersebut. Seperti mana kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pembentangan bajet yang lalu fakta dan angka tidak pernah berbohong. Malah yang auta itu sudah pastilah sesuatu yang tidak benar. Pada pandangan saya, janganlah kerana kita ingin merebut kuasa semua tindakan Kerajaan Negeri dipandang negatif. Saya ingin ungkap er… serangkap pantun Melayu lama berkenaan dengan perkara tersebut.

Menjual lidi ke Batu Bara,
Menjual lokan ke Batu Pahat,
Kerana dengki punya angkara,
Orang baik dituduh jahat.

Yang Berhormat Speaker,

Di dalam usaha kita untuk membina dan memperkasa modal insan rakyat negeri Pahang ini, suka saya ingin cadangkan supaya kita turut memberi pendedahan dan latihan berkaitan dengan penggunaan teknologi digital di dalam apa juga bidang yang diceburi oleh rakyat negeri Pahang ini. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM), pendapatan individu yang terlibat di dalam industri pemasaran digital dijangka akan meningkat melebihi 7% pada tahun 2026. Oleh yang demikian, disebabkan terdapat pelbagai program berkaitan latihan yang dicadangkan di dalam Bajet 2026 yang dibentangkan, saya ingin mencadangkan supaya setiap program latihan tidak sama, tidak kira sama ada program latihan di dalam hal keagamaan, pelancongan, keusahawanan dan sebagainya, ia dilengkapi dengan elemen pemasaran digital supaya rakyat Pahang yang dilatih itu mampu mencapai tahap pempengaruh *influencer*, dengan izin.

Manakala di setiap daerah ataupun mukim yang terpilih, kita juga boleh mengwujudkan studio digital mini yang membolehkan mereka yang terlibat untuk membangun dan menerbitkan konten secara lebih profesional. Ini boleh dilakukan secara projek rintis di kawasan-kawasan yang terpilih dengan kumpulan sasarnya adalah mereka yang mengikuti latihan-latihan yang disediakan oleh kerajaan negeri melalui program di dalam 7 teras belanjawan yang telah dibentangkan.

Yang Berhormat Speaker,

Saya rasa kita semua maklum betapa prihatin pihak kerajaan negeri di dalam usaha membina dan membangunkan generasi muda belia melalui program-program latihan. Bermula dari generasi yang berakar kepada wahyu melalui al-Quran, kepada penggiat pelancongan, latihan TVET, STEM melalui Pahang Skills, Akademi Pahang 1st, Akademi Rel Pahang dan sebagainya.

Sudah tentu program berbentuk latihan memerlukan satu koordinasi dan pemantauan yang menyeluruh daripada Kerajaan Negeri Pahang. Saya suka mencadangkan supaya kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa pemandu untuk tujuan tersebut supaya hasil daripada usaha yang dilaksanakan dapat dipantau dan ditambah baik daripada semasa ke semasa. Saya juga suka mencadangkan supaya anak muda kita dilibatkan di dalam latihan-latihan yang berkaitan seawal usia mereka lepas SPM untuk program-program yang sesuai supaya mereka dapat mengisi masa mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dalam masa menunggu keputusan SPM ataupun kemasukan ke IPT.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan pula saya ingin menyentuh berkenaan dengan ledakan kecerdasan buatan. Saya ingin memetik kenyataan Jensen Huang, CEO kepada syarikat NVIDIA yang merupakan syarikat AI yang pertama mencatat modal USD5 trillion di pasaran Amerika Syarikat. Beliau mengatakan bahawa AI bukanlah sekadar alat untuk membantu kita membuat kerja, malah AI merupakan pemacu utama kepada kerja dan hasil daripada kerja tersebut. Ia membawa kepada maksud pulangan kepada sesuatu kerja yang kita lakukan bergantung kepada sejauh mana kita menggunakan teknologi AI dalam masa sekarang.

Sebagai contoh, ramai di antara rakyat di Pahang ini bekerja ataupun mencari pendapatan mereka sebagai petani dengan menanam pelbagai jenis tanaman. Katakan mereka terlibat dengan pertanian fertigasi. Sekiranya mereka menggunakan

AI di dalam usaha mereka itu seperti mereka mengumpul maklumat-maklumat mengenai imej tanaman di setiap plot dan direkodkan pada satu-satu masa manakala keadaan suhu, air, baja dan kelembapan direkodkan menggunakan peralatan IoT, *Internet of Things*. Data-data ini boleh digunakan untuk membangunkan model penghasilan yang optimum melalui kaedah *machine learning* atau *deep learning*, dengan izin. Kemudian model-model yang telah dilatih atau *train model* ini boleh digunakan pula oleh petani-petani yang lain bagi meningkatkan hasil tanaman mereka dengan menggunakan kaedah pertanian secara AI ataupun biasanya dikatakan sebagai *precision farming* atau *precision agriculture*.

Sekiranya ini berjaya kita laksanakan, tidak mustahil Pahang boleh menjadi pusat utama bagi AI berkaitan dengan pertanian di sebelah sini, manakala lebih ramai pula anak-anak muda yang terdiri daripada Gen Z yang celik IT akan berminat untuk menceburi bidang pertanian yang dipacu oleh AI.

Yang Berhormat Speaker,

Tadi saya telah membahaskan mengenai penglibatan individu sama ada usahawan petani atau nelayan untuk turut sama menjadikan digitalisasi dan AI sebagai satu amalan di dalam menjalankan sesuatu kerja. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana turut memberi perhatian terhadap peningkatan urus tadbir supaya menjadi lebih dinamik dan berprestasi tinggi di peringkat kakitangan awam Kerajaan Negeri Pahang. Ini tidak dapat tidak, mesti di kaitan, dikaitkan dengan digitalisasi dan AI. Untuk tujuan ini, saya mencadangkan sebagai salah satu item di dalam Program Transformasi IT Kerajaan Negeri Pahang, satu inisiatif untuk membangunkan pusat data milik kerajaan negeri di mana data-data penting dikumpulkan di pusat data tersebut dan ia dapat digunakan dan dikongsi secara selamat dan sistematik oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti agensi kerajaan negeri, persekutuan.

Inisiatif yang sebegini sebenarnya telah dilaksanakan oleh negeri Selangor melalui program *Selangor Data Exchange* dan ia dapat membantu kerajaan mereka untuk menjalankan pentadbiran kerajaan negeri dengan lebih efisien. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri Pahang kita boleh mengadaptasi kaedah yang sama juga. Pelbagai jenis aplikasi boleh digunakan dengan adanya pusat data negeri Pahang ini. Contohnya tadi kita telah dengar bagaimana di negeri pihak er... di negeri Perak, keadaan air yang berubah dan memerlukan tindakan daripada kerajaan negeri dan sama juga sekiranya kita mempunyai satu pusat data yang dapat mengumpul data mengenai aliran sungai, keadaan sungai, kekeruhan dan sebagainya dan data itu disimpan di pusat data Kerajaan Negeri Pahang, ia boleh membantu kita untuk mengesan sebarang perubahan terhadap kondisi ataupun keadaan sungai daripada semasa ke semasa.

Saya menerima satu laporan ataupun aduan daripada rakyat yang menetap di Lipis bahawa mereka mengatakan ada ketikanya di Sungai Lipis ini terutamanya keadaan selepas hujan seolah-olah terdapat satu aktiviti pelepasan air yang menyebabkan air di Sungai Lipis itu menjadi keruh, tapi bukan sepanjang masa, pada ketika-ketika tertentu. Jadi, saya berasakan sekiranya kita mempunyai pusat data dengan aplikasi yang sesuai, kita dapat menangani masalah-masalah yang sebegini. Dato' Sri Speaker, maaf...

Yang Berhormat Speaker,

Bercakap mengenai pusat data seperti mana yang kita maklum, Malaysia kini menjadi tumpuan syarikat-syarikat utama dunia membangunkan ekosistem tersebut. Daripada Amerika Syarikat kita ada syarikat seperti Microsoft dan Google, daripada negara China kita ada gergasi seperti Alibaba dan juga Tencent yang sedang giat melabur bagi pembinaan pusat data. Namun setakat ini saya mendapati tumpuan lokasi pembangunan pusat data adalah di Lembah Klang dan negeri Johor sahaja, manakala aplikasi yang menjana pembangunan pusat data tersebut adalah berkitar kepada aplikasi pengkomputeran awan ataupun *cloud computing*. Untuk makluman Ahli Dewan, terdapat satu lagi teknik ataupun jenis pengkomputeran yang juga memerlukan pusat data iaitu pengkomputeran pinggiran atau dikenali juga sebagai *edge computing*, dengan izin yang memerlukan pusat data walaupun pada skala yang lebih kecil.

Oleh yang demikian, saya berpandangan bahawa negeri Pahang mempunyai potensi untuk membangunkan pusat data berkonsepkan *edge computing* ini yang sesuai untuk industri seperti pemprosesan bahan-bahan hiliran petroleum, kilang-kilang komoditi sawit, pemuliharaan ekosistem hutan dan sebagainya. Saya suka mencadangkan supaya kerajaan negeri melalui pelbagai agensi yang berkaitan meneroka potensi bagi menarik pemain-pemain di dalam teknologi *edge computing* ini untuk membangunkan pusat data mereka di negeri Pahang. Ini akan membantu Pahang untuk turut serta di dalam pembangunan ekonomi digital Malaysia.

Yang Berhormat Speaker,

Pada hemat saya, kesimpulan yang boleh kita buat mengenai belanjawan negeri Pahang bagi tahun 2026 ini adalah satu perancangan yang menyeluruh mencakupi semua aspek melalui tujuh teras yang telah diperincikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Apa yang penting adalah matlamat utama untuk membangunkan segenap lapisan masyarakat sama ada daripada segi rohani dan jasmani, ekonomi dan sosial, muda dan juga tua bakal mendapat manfaat dari belanjawan yang dibentangkan. Saya ingin menyeru semua Ahli Dewan sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang untuk turut sama memainkan peranan di kedudukan masing-masing bagi memastikan setiap sen yang dibelanjakan memberi manfaat kepada rakyat negeri Pahang. Dengan ini, saya mohon menyokong usul Belanjawan Negeri Pahang Bagi Tahun 2026. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Dilantik. Seterusnya, saya menjemput Ahli Kawasan Luit, sila.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan pada petang ini. Pertamanya, saya ingin mengucap syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat terus bersama hadir ke Sidang Dewan kali ini. Juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan Negeri untuk tahun 2026.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Dewan yang mulia ini, kami di Maran, telah menerima seorang Pegawai Daerah yang baharu dan saudara Encik Wan Salleh Al Koris bin Encik Wan Jaafar @ Wan Adnan. Jadi kami nak ucapkan selamat datang ke daerah Maran dengan diiringi doa semoga Allah mempermudahkan segala urusan sepanjang beliau bertugas di Maran nanti.

Speaker, saya tak nak tanya ade ke sini. Ada Encik Wan? Yep... kami bertiga daripada daerah Maran ni, YB Chenor, Kuala Sentul, belum jumpa lagi ya... tak apa. Oh... ada je orang jengka. Muka tak gaya muka orang Maran.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada DUN Luit, saya juga rasa gembira dan terima kasih. Eh... lupa nak ucap DO lama yep... er... juga tidak lupa untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Hormat Dato' Khairun Nissa binti Aris atas sumbangan bakti beliau dan sumbangan tenaga dan buah fikiran selama bertugas di Maran. Dan kami berdoa agar Yang Hormat Dato' terus cemerlang di tempat baharu dan kali terakhir jumpa beliau masa banjir, di Kampung Taman Sri Chedung.

Merujuk kepada kawasan saya DUN Luit, saya juga rasa gembira dan berterima kasih kepada kakitangan kerajaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Daerah dan kakitangan kerajaan, para kontraktor pekerja swasta, pekerja kebersihan, keselamatan dan lain-lainlah yang gigih melaksanakan kerja di kawasan saya. Semoga khidmat bakti mereka semua menjadi ibadat dan di sisi Allah SWT. Pada perbahasan saya petang ni, saya mohon perhatian dan pertimbangan dan tindakan daripada pihak kerajaan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai di kawasan saya.

Yang pertamanya, tajuk kesihatan di bandar Maran. Kita ucap terima kasih kerajaan membina sebuah pusat hemodialisis di Maran, RM4 juta lebihlah. Bermula kerja pada 8 Disember 2021 dan siap pada April 2024. Ia pada asasnya memang dah siap dah, namun masih belum dapat digunakan kerana terdapat kerja-kerja berkaitan dengan keselamatan yang perlu disiapkan. Ye... keselamatan berkait dengan apa aspek-aspek kebakaran, jadi kita mohon agar pihak berkenaan dapat menyiapkan dengan kadar segera agar pesakit yang memerlukan dapat menggunakan kemudahan ini dan tidak perlu lagi mendapatkan rawatan di luar daerah seperti di Hospital Temerloh.

Terima kasih juga kepada, Jabatan Kesihatan yang telah menyempurnakan beberapa projek di kawasan saya seperti menaik taraf Klinik Desa, di Kampung New Zealand, serta naik taraf Kuarters Klinik Kesihatan Maran. Ni dah lama dah siap dah, cuma nak rakamkan ucapan gembira dan terima kasih.

Yang kedua projek jalan, projek yang pertama menaik taraf dan meninggikan aras jalan Bak Bak... Kampung Bak Bak, ke Serengkam RM30 juta lebih tu. Dijangka siap pada 21 Mac 2025. Jadi projek ini menjadi rungutan masyarakat setempatlah kerana terdapat beberapa bahagian jalan yang masih belum disiapkan dan beberapa jalan putus akibat banjir baharu-baharu ni, dan ketika hujan lebat. Malah, er... Tuan Yang di-Pertua, terdapat bahagian jalan yang telah ditinggikan dan diturap dan masih di tenggelami air dan menyebabkan perhubungan di antara mereka Kampung Bak Bak, Kampung Merbau, Kampung Serkam terputus ye. Tak dapat mengguna jalan yang telah dinaik taraf tu. Begitu juga, ada jalan satu lagi ia membina baru jalan dari Lubok Paku Mentagan Pejing, ye... yang itu itu besar sikit belanjanya. Ingat RM70 juta lebih

kot. Yang dijadualkan siap pada 6 Oktober 2025. Jadi, kami dapati projek ini seperti terhenti kerana banyak kesan-kesan er... kesan kerja er... menjadi tempat-tempat tinggalan ye... rumput-rumput dah tinggi dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanyalah sama ada kedua-dua projek ini projek yang mengikut jadual ataupun projek sakit, dan jadi kita memohon penjelasan.

Kemudian dalam tajuk air seperti kawan-kawan sahabat-sahabat yang lain pun kita bercerita tentang air. Cuma kali ini agak berbeza sikit lah saya, nak ucap syukur kepada Allah SWT, terima kasih kepada pasukan PAIP Maran, yang diketuai oleh Pengurus apa Encik Azrul ye... dengan *team* dia, kerana walaupun dalam keadaan bertungkus-lumus menyiapkan projek-projek bekalan air di kawasan kami, kami dapati aduan-aduan mengenai air pun dah berkurangan, *complain-complain* berkaitan pun dah berkurangan. Jadi, saya kira ini satu er… kejayaan juga kepada jabatan ini dan saya, Speaker, kadang- kadang kita duduk menyebelahi agensi kerajaan juga. Kita tahu dari segi teknikal mereka bekerja er... siang malam, kadang-kadang kita orang kampung ni merungut je. Jadi, kita bersama agensi jugalah kerana kita tahu mereka, memang sedang bertungkus-lumus untuk er... menyempurnakan kerja-kerjanya. Dan kebanyakan kerja-kerja di Jabatan Bekalan Air di Maran pun banyak yang dah siap ye.

Cuma ada beberapa perkara yang nak sebut juga, iaitu projek-projek berkaitan dengan air yang kita nantikan yang pertamanya, projek tangki air di Kampung Pejing untuk bekalan sehingga ke Kampung Kuala Wau. Pejing tu dalam DUN Chenor. Tapi airnya akan dibekalkan ke Kampung Kuala Wau dalam DUN Luit. Jadi kita menantilah projek itu yang dikatakan masuk dalam RMK-13. Juga pembinaan sebuah tangki air jenis *reinforced concrete reservoir* berkapasiti 2272 Meter padu. Pekan Seri er... Pekan Sri Jaya. Jadi dikatakan projek ini masih dalam *design Stage*. Saya harap bolehlah kalau di dipercepatkan lagi.

Dan yang ketiganya, kerja-kerja penggantian paip dari Simpang Singgora ke Kampung Lubuk Paku. Ni WIP ye... *Work*, *Work In Progress*. Yang lain-lainnya yang saya nak bawa juga ke Dewan pada hari ini, er... projek di Kampung Ulu Luit. Kita mohonlah status tanah masjid di Kampung Ulu Luit. Mohon disegerakan bagi membolehkan penduduk membuat pagar dan sebagainya. Yang memudahkan pengurusan pihak masjid. Untuk makluman Dewan, masjid ini didirikan oleh orang kampung sendiri, sumbangan orang kampung dan dalam tahun yang lepas memang ada agensi kerajaan turun bersama-sama berbincangkan untuk membangunkan masjid ini. Er... seterusnya dalam, er... menaik taraf persimpangan jalan, er... ini pun penting juga dan saya dah rasa dah sebut beberapa kali dan dewan. Kita ada dua persimpangan dalam DUN Luit ini yang perlu di, ditambah baik.

Pertamanya, Persimpangan Kampung Sentosa, yang mempunyai sejarah kemalangan maut sejak sekian lama dan yang terbaharu pun minggu lepas ye... ada kakitangan FELDA Bukit Tajau juga terlibat kemalangan maut di situ. Jadi mintak perhatian kerajaanlah er… membesarkan. Kemudian persimpangan Taman Sri Jaya Makmur juga sama ya er... kita mintak penambahbaikan sebab persimpangan ini perlu dilebarkan dengan lorong khas keluar masuk. Kemudian lampu jalan ya... bagi memudahkan pengguna, terutamanya masuk simpang, keluar simpang di waktu malam. Seperkara lagi, di DUN saya, mohon pihak kerajaan memberi perhatian, kepada lebih 20 ribu keluarga yang tinggal menetap di kawasan yang dikenali rumah kilang Kampung Bintang. Ini pun dah pernah sebut dalam Dewan dan mereka ini, tinggal di atas tanah berstatus tanah kerajaan. Sehingga kini, kami belum mendapat maklum balas daripada pihak kerajaan mengenai perancangan masa depan penduduk di situ.

Seterusnya saya nak sebut juga tentang nak sentuh tentang belanjawan ya… menyentuh tentang belanjawan negeri, itu memang setiap tahun dibentangkan oleh pihak kerajaan sama ada negeri atau negara. Bagaimana kerajaan mendapat wang dan membelanjakannya. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan pihak Kerajaan Negeri yang memilih Maran untuk dibina sebuah maahad tahfiz yang bernilai RM15 juta. Saya percaya ya bandar Maran masih mempunyai banyak kawasan yang bersesuaian untuk tujuan itu. Makna dengan ayat lainnya, bawa kepada Maranlah. Maran ni luas juga. Jadi semoga usaha ini dipermudahkan dan Maran, insya-Allah akan menjadi Pusat Perkembangan Islam yang penting suatu hari nanti.

Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja juga, dia akan menjemput saya ke majlis pecah tanah. Jadi terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri atas ingatan dan jemputan itu dan saya kalau ada duit nak beli baju baru, nak datang, rai jemputan dia. Jadi kita duduk bawah khemah, baru lawa sikit duduk sebelah MB ya tapi peruntukan takde beli baju, tak cukup (ketawa). Jadi saya menaruh harapan tinggilah agar belanjawan ni, yang ni projek maahad tahfiz ini dapat dilaksanakan. Kemudian, kita juga ucap tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja dalam membentang belanjawan berasaskan kepada tujuh teras memartabatkan Islam memelihara Institusi Diraja dan mengangkat warisan budaya.

Saya suka nak sebut budaya ni sebab budaya ni maknanya Tuan Yang Dipertua, budaya maknanya cara hidup ya. Macam mana kita hidup itulah yang kita nak perkasakan, yang kerajaan nak perkasakan. Cuma kadang kita tengok perkara paling asas dalam budaya kita dan budaya yang menjadi pokok di negeri Pahang ni ialah budaya orang Melayulah ya. Orang Melayu ni satu perangai yang bagusnya. Dia suka berdoa kepada orang-orang yang dia jumpa. Kalau jumpa tu nak, eh selamat datang. Selamat datang itu doa tu, selamat awak datang selamat balik. Berhati-hati di jalan raya. Nampak perkara ni macam remeh, tapi ini penting.

Bolehlah kerajaan kalau ada dana dalam bajet belanjawan, cuba cari jalan macam mana menjadikan benda ini satu amalan yang besar. Amalan seluruh rakyat. Ini memang amalan yang bagus. Kemudian err… macam pakaian orang Melayu Pahang ni, orang Islam kebanyakkannya menutup aurat. Jadi kempen besar-besaran sebab menutup aurat ini dia, satu cantik. Yang keduanya nampak sopan santun sikit dan kadang-kadang orang pelancong pun dia suka tengok ni. Jika boleh izin minum air sikit. Suara dah macam Ramli Sarip. (YB duduk dan minum air botol) Terima kasih Yang di-Pertua. Hah, baru laju sikit.

Kemudian yang kedua melonjakkan ekonomi negeri, yang ni teras ya teras yang kedua. Saya secara peribadilah ya ingin melahirkan apa ni nak melihat kerajaan dapat membina usahawan-usahawan. Melahirkan usahawan-usahawan ya usahawan-usahawan dalam negeri Pahang ni kerana kita orang Pahang ni lama sangat menjadi golongan pengguna. Kita tak pernah usaha untuk jadi golongan pengeluar. Kita beli barang semua dari negeri-negeri lain. Beli daripada Selangor, daripada Johor, pada mana manalah ya, daripada Shopee pun ada banyak ya. Jadi kita nak melihatlah dalam tajuk lonjak ekonomi negeri ni.

Saya sarankan kerajaan untuk usahalah melahirkan usahawan terutama usahawan-usahawan berasaskan plastik ke, usahawan berasaskan besi ke, ni cetong, cetong, cetong besi. Takde orang Pahang boleh buat cetong kot. Buat selipar pun takde. Jadi itulah maksud lain dalam bentuk ni, dan kita membina ekonomi kita sendiri. Yang ada

baguslah, yang buat-buat kerepek ubi dan sebagainya ya, tapi minta luaskan lagi skop melahirkan usahawan ni.

Yang ketiga meningkatkan taraf pendidikan. Untuk makluman Yang di-Pertua, pendidikan ni sebenarnya dia antara kekangan kita nak bina tamadun kita ni sebab kalau tak kena gaya pendidikan beri pada rakyat ni ia akan menjadi payah nak maju ya dan kita sebagai orang Islam kita taulah dan kalau boleh kita buat dasar pendidikan yang mendekatkan apa anak-anak belajar ni dengan kebesaran Allah SWT. Kita pergi sekolah pun kita tak jumpa juga benda tu. Belajar sains pun, setakat belajar sainslah, kita tak dapat menghayati tentang kejadian kebesaran Allah dalam…dalam sekolah kita.

Yang keempatnya, membentuk rakyat berjati diri dan melahirkan pemimpin masa depan. Hah, ini pun *interesting* juga ni. Bagus juga usaha kerajaan ni ya. Elok juga usaha ke arah ini, cuma jangan ada pelapis-pelapis… pelapis ni orang mudalah. Kita kalau tengok dalam Tik Tok dan sebagai. Orang muda ni kadang terlajak juga, kerja Tuhan pun dia buat. Hukum orang sana, hukum orang sini ya. Ada satu lagi tengok Tik Tok tu, kerja istana pun dia buat. Dia boleh kata orang ni derhaka, orang ni derhaka, puak ni derhaka. Tak boleh, ya tak boleh. Dia kena didik orang muda kita ni jadikan orang Pahang ni orang yang apa ni bertatasusilalah ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat…Yang Berhormat.

ADUN LUIT (N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi ke? Minta gulung ya.

ADUN LUIT (N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL
Memang panjang lagi ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Masa dah sampai.

ADUN LUIT (N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Okay, okay. Saya ringkas, ringkas je. [Ketawa] Nombor lima. Okay. Nombor… memastikan tadbir urus yang baik. Nombor 6, menjamin kelestarian alam, okay, dan 7 kesejahteraan kehidupan rakyat. Boleh, terakhir dah ni. Akhir ni saya nak... tak boleh tinggal ni. Ucapan saya mewakili penduduk dalam DUN Luit, khususnya penduduk daerah Maran amnya merakamkan setinggi- tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana mendapatkan peruntukan untuk membina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Pahang di tempat saya. Yang baru-baru ini Yang Berhormat Exco ada melawat tapak di Kampung Serkam tu, tapi tak ajak saya. Saya, ikan patin ada? Kalau tidak, boleh makan tengah hari, hari tu. Semula ya (ketawa). Ikan patin

Sungai Pahang tu bukan patin sangkar tu. Jadi saya akhirilah dengan ucapan err… perbahasan saya dengan serangkap pantun.

Roh jasad mesti bersatu
Baru teguh sampai ke tua
Melihat kepada negara maju
Sampai masa bertukar juga

Bukan untuk sinis, semua oranglah, semua negerilah ya. Jadi saya akhiri dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mohon menyokong. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli dari Luit. Seterusnya saya minta… saya jemput Ahli daripada Batu Talam. Sila.

ADUN BATU TALAM (N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Syukur ke hadrat Allah SWT atas segala limpahan rahmat dan nikmatNya. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Terima kasih YB Speaker yang memberi ruang kepada saya untuk bersama membahaskan Belanjawan Pahang bagi tahun 2025/26 dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri yang Ke-15.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang serta barisan kakitangan Kerajaan Negeri atas pencapaian kutipan hasil negeri sebanyak lebih daripada RM1 bilion untuk tahun yang ke-4. Atas kebijaksanaan dan kecekapan urus tadbir di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bermula daripada tahun 2022. Kutipan hasil negeri kita terus meningkat dan ini juga dibuktikan dengan KDNK Pahang yang mana nilainya telah dikutip, dikira sebanyak RM68.7 bilion KDNK di negeri Pahang.

Jadi inilah merupakan kutipan kalau kita tengok daripada negeri-negeri Pantai Timur yang tertinggilah di Pahang ni dan segala kutipan yang di buat ianya nampak dikembalikan kepada rakyat dengan pelbagai inisiatif yang sangat banyak dan saya mewakili rakyat di kawasan saya iaitu Batu Talam mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam perbahasan bajet ini, Saya ada beberapa perkara yang nak dicadangkan. Pertamanya dalam tujuh teras ni teras yang kedua iaitu teras ekonomi dalam kluster ini pertanian. Saya mengucapkan berbanyak terima kasihlah kepada kerajaan yang telah pun memperuntukkan sebahagian besar kepada Jabatan Pertanian Negeri untuk nak membangunkan pertanian. Cuma saya nak menambah sikit apa yang saya nampak di kampung-kampung ni pokok-pokok kita ni dia dah beransur lama ataupun tua kan. Kalau kita tengok saya nengok pun pokok tunggu buah tak buah kan? Sekejap dia berbuah. Kadang-kadang lama-lama sekali dia buah.

Saya pun tak faham tu saya nak tanya kerajaan Exco pertanian ni dia di pokok ini dengan manusia ni macam mana kalau manusia ni dia lama ke tua dia tak produktif dah. Tapi pokok ni kalau dia tua dia produktif ke ataupun dia macam mana. Adakah

sama tu ataupun kita nak biar dia sampai ke tua ni tunggu buah tak buah. Jadi itu apakah bezanya pokok ni dengan dengan manusia ni dari segi produktif atau tidak nanti? Sama je. Jadi saya, saya nampak. Jadi sebab itulah bagi saya, saya rasa memang perlu pihak kerajaan memikirkan supaya dapat memulihkan semula pokok-pokok khususnya pokok buah di kampung-kampung ni yang mana yang tak berbuah tu fikir sama ada nak diganti dengan ataupun nak di... di apa dicantumkan dengan pokok-pokok yang lain, ditut ke.

Tapi ini kita dah dah lama dah saya tengok pokok-pokok tu, kadang kadang kita menunggu buah tahun ini. Tak buah tak buah juga. Bila nak buahnya. Jadi kalau boleh kalau letak buah tu kita gantilah dengan pokok-pokok lain. Sebab kalau, kalau di Siam ataupun Thailand, dia ada pokok hybrid dipanggil petai tiga tahun dia buah dah banyak pokok-pokok di Siam ni dia cukup cepat berbuah. Ini YB Exco pertanian. Dia tak tahulah maknanya sama ada kita nak menggantikan pokok-pokok ni dan saya ingin mencadangkan supaya pokok-pokok ini termasuklah ini.

Ini pokok kelapa sekarang kelapa memang ada bukanlah ada harga mana mahal. Jadi kita nampak kadang-kadang pokok kelapa itu cukup tinggi tapi tinggi juga apa maknanya orang boleh panjat lagi. Ada lagi maknanya monyet itu boleh panjat. Tapi monyet pun tak mampu dah nak panjat pokok jenis pokok tinggi ini. Dia dibalik balik semula mana dia condong main semula oo… itu. Monyet memang takut nak panjat pokok tu. Jadi punyalah apa pokok ini dah lama hingga ianya tidak produktif kepada kita. Jadi kita tengok kepada pokok-pokok dan sebahagian besar yang kita tengok ada potensi supaya kita minta kepada Jabatan Pertanian ataupun kerajaan untuk membuat pemulihan.

Kalau boleh kita minta belah ini Pahang Barat dulu kalau nak dipulih ke mungkin pihak kerajaan kata banyak sangat mana sampai maknanya sebelah pantai timur ataupun dekat laut. Dia biar dia tangkap ikan sebelah pantai barat ni kita beri peruntukan untuk nak memulihkan pokok-pokok khususnya pokok-pokok buah-buahan di, di kampung ni. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat membuat satu perancangan untuk memulihkan pokok-pokok yang dah ada ni cakap dah lamalah di, di kampung-kampung ni. Tapi saya juga nak menyarankan kepada kerajaan supaya menilai pokok-pokok ni. Kadang kadang ada pokok tu yang tak perlulah kita, kita teruskan. Contohnya langsat, dokong. Yang ini kalau makan dia sakit urat ini dulu banyak buah ni tapi tak berapa laku. Jadi kena kaji semula. Jangan esok saya mencadangkan dia menanam semula pokok-pokok yang tidak ada potensi ataupun market untuk masa depan. Jadi, kita kena tengok kesesuaian supaya pihak kerajaan memikirkan dapat memulihkan supaya kemeriahan buah-buahan di kampung itu. Kita akan menunggu semasa musim buah buah itu. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya dapat...

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebentar sebelum beralih saya, saya minta celah sikit. Terima kasih saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan ialah soal pokok-pokok lama. Cuma mungkin Exco Pertanian boleh beri sedikit perhatian. Pemantauan kita sekarang ini kepada sawitnya. Jadi semacam satu wabak baru sekarang ini di mana daun-daun sawit jadi merah. Pada mulanya saya jangka kerana faktor tepi tepi jalan. Tapi mutakhir ni dia dah merebak hampir sebahagian besar. Kalau kita tolak daripada sini di kawasan Maran pun dah ada kawasan sempadan Kuantan pun dah ada. Dan sebahagian Jengka pun dah ada dia warna daun dia merah bahagian bawahnya. Bukan faktor tua. Tapi saya

rasa wabak penyakit dan kalau boleh beri respon kepada permasalahan kalau dia jadi buah jadi wabak negara kita berdepan dengan risiko ekonomi yang besar. Takut jadi kesan pada hasil pengeluaran. Terima kasih

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih itu buah sawit bukan buah makan tu. Saya bercakap ni buah buah-buahan yang nak makan. Yang keduanya Yang Berhormat Speaker ialah mengenai mengujudkan ini Lembaga Durian yang kita nampak sekarang ni dalam keadaan walaupun harga dia tinggi, tapi pasaran dia tidak menentu dan ianya tidak menyeluruh kepada pengusaha-pengusaha khususnya di kampung-kampung. Jadi dengan adanya lembaga durian ini, kita harap ianya dapat menyelaraskan rantaian durian daripada benih dia, baja dia khidmat teknikal ataupun pusat pengumpulan memproses hinggalah pemasaran dan dan eksportnya. Jadi itu dia antara tujuannya. Dan ianya juga menjadikan badan ini juga diharap akan menjadikan menstabilkan harga dan memberi lesen pasaran yang adil. Maknanya mengurangkan ke tergantungan kepada peraih dan orang tengah. Hari ini sayalah minggu lepas saya berjumpa dengan penjual dengan peraih pemborong ni Durian Musang King ni dia ada tujuh gred dan sekarang a, a, a, b, a, b, b, a sampai la ni dipanggil chai. Jadi kalau tidak pun kita dah siapa yang apa yang boleh dikawal kawal. Kalau tidak durian Musang King yang begitu ada nilai, ianya akan habis begitu sahaja dan tidak dapat dihidu. Ini yang saya nampak akan dimonopoli oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Jadi dengan adanya apa lembaga ni, ianya sedikit sebanyak dapat membantu petani atau pekebun pekebun penanam durian. Bukan sahaja Musang King.

Ketiganya, ianya dapat menyediakan sokongan RnD untuk klon klon-klon ataupun kawalan penyakit dan juga teknologi apa ladang pintar. Jadi kalau adanya lembaga ni sedikit sebanyak ianya dapat mendorong membantu pengusaha-pengusaha ini dalam bidang RnD dan juga kawalan penyakit dan juga teknologinya.

Keempatnya, dapat juga menyusun polisi memperdayakan, memperdayakan banyak memperkasakan pekebun-pekebun kecil ini. Jadi ini dalam bentuk mungkin ada subsidi modal kerja ataupun latihan-latihan yang perlu kepada pekebun-pekebun. Dan akhirnya ianya dapat juga kita menghidupkan produk-produk hiliran ini dan pada peringkat awal ini kita tahu bagaimana durian-durian dieksport dan sejak-sejak akhir ini bukan hanya PACE. Tetapi negara negara yang mengimport durian ini. Dia lebih berminat kepada pada ulas sahaja. Dia tak nak durian sebiji-sebiji. Maknanya mungkin juga dari segi rasanya banyak yang yang lari.

Jadi mungkin dengan cara memasuk ke dalam 1 kotak kecil tupperware dan sebagainya. Kita eksport apa ulas dan ianya dimaklumkan lebih bertahan lama. Jadi itu sebabnya saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat menyegerakan menubuhkan lembaga. Dan saya baru-baru ini pun ada berjalan di kawasan Sungai Ruan dengan Klau, saya tengok ada pihak swasta pula, dia menubuhkan kolej pula. Dah ada 1 kolej durian. Jadi kita di pihak kerajaan ni nampak dah ni ke belakang sikit ni. Jadi saya haraplah pihak kerajaan dapat menyegerakan menubuhkan ini.

Lembaga ini durian ini dan yang akhirnya adalah, baru-baru ini kita masih lagi berada di monsun ataupun musim tengkujuh. Bagi kawasan saya, bulan November dan Disember ni dah tiga kali dah dilanda banjir. Ia apabila saya tengok kita ini bukan hanya menengok keadaan, tetapi kita memikirkan apakah diantara sebab-sebab yang boleh dibantu yang boleh mengurangkan masalah banjir apa ini. Jadi, sebab itu saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar dapat menambah atau menyediakan satu

peruntukan supaya sungai-sungai ini dapat kita, kita cuci kita jaga. Sekarang ini kita apa tidak menjaga sungai itu membiarkan saja keadaan itu. Jadi, sebab itulah ini yang kita lihat sampah-sampah itu yang selain daripada sampah sedia ada ataupun batu-batu, pasir, tanah dan sebagainya akan semuanya masuk apa didalam sungai.

Jadi sungai pun yang dipanggil apa mendapan. Manakala dulu sungai-sungai ini dia cukup banyak air ataupun dalam, tetapi hari ini dia lama ke tinggi air itu. Jadi, saya percaya ianya adalah kerana sampah-sampah ataupun tanah, pasir dan sebagainya telah keluar dan berada di sungai. Jadi, sebab itu ianya menambah tinggi ataupun menjadikan ia mendapan dan begitu juga yang yang saya nampak. Walaupun ada di antara kita mungkin tak setuju kerana di kawasan saya itu lebih daripada 30 tahun. Tidak ada lesen pembalakan yang dikeluarkan di kawasan saya. Tapi banjir tetap banjir juga.

Jadi sebabnya saya tengok pokok-pokok ini yang di tepi sungai tu bukan hanya kita tebang. Kalau kita kalau kita tak tebang pun dia akan tumbang sendiri. Jadi banyak saya ini rajin juga naik bot mencari ikan dan sebagainya. Bila dia jatuh dalam sungai itu bina masalahlah. Jadi orang dihilirlah bila tengok kayu atau balak yang besar, boleh pengaruh hutan. Ini cerita betul ni maknanya kayu ataupun pokok yang besar yang hidup di tepi sungai itu akhirnya akan er...besar ataupun tua dia akan tumbang juga di dalam sungai dan akhirnya dia masuk dalam sungai. Tengoklah setakat mana sungai itu boleh membawa pokok tu dan akhirnya ia akan menjadi penghalang kepada sungai.

Jadi sebab itulah saya percaya banjir ini mungkin ada atas dua faktor tadi iaitu mendapan dan halangan. Jadi, kita berharaplah kepada apa kerajaan negeri supaya dapat menyediakan, menambah peruntukan ke, menyediakan menambah pula supaya dapat kita...kita bersihkan kita cuci sungai-sungai ini dan sungai ini juga akan menjadi aset khususnya dari segi aktiviti apa pelancongan berakit, berkayak, ber*canoe* dan sebagainya. Jadi saya nampak ianya boleh dikembang dan kita haraplah kepada pihak sungai ataupun JPS Jabatan apa Pengairan JPS pengaliran Sungai Pahang akan dapat bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan khususnya kumpulan-kumpulan yang mencintai sungai ataupun pelancongan.

Untuk kita menjaga dan menjadi ianya sebagai orang kata khazanah juga kepada kita rakyat di kampung-kampung tadi. Jadi itulah maksud saya supaya kalau kita begitu kita tunggu sahaja banjir. Keadaan ini tak tahulah jadi macam mana sebenarnya ianya boleh dipulih dan akan menjadi faedah dan manafaat kepada kita sungai tadi. Jadi inilah yang saya ingin cadangkan supaya kerajaan nampak menengok agar sungai-sungai ini dapat kita guna sama- samalah kalau tempat saya itu kalau ada Ahli-ahli Dewan pun nak datang pun memang seronok. Tapi bukan sekarangkan? Musim panas-panas besok kan kita bersama sama boleh berakit boleh mencari ikan dan sebagainya. Kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun begitu, di Jelai, sungai yang cukup besar, banyak ikan-ikan.

Sekarang ini dia tengah mencari ikan baung ekor merah. Jadi yang baung bukan ikan merah pun banyak dalam sungai itu juga. Jadi sungai ini kita seronok ya betul saya orang sungai. Jadi inilah kalau kita dapat majukan jaga sungai ini kita harap ianya dapat memberi faedah dan manafaat kepada kita. Jadi itulah sedikit sebanyak pandangan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan negeri dan barisan telah pun berjaya dalam menjaga, membangunkan dengan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dengan hasil dan pengurusan kebajikan ini, Insya -Allah kita sama-sama mendoakan supaya kerajaan negeri Pahang ni terus dia Yang Amat Berhormat sebut *to look forward* akan terus maju ke hadapan.Sekian Wabillahi Taufik wal Hidayah Wassalamualaikum WBT. [Ahli Dewan tepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih Wakil Batu Talam. Seterusnya saya menjemput wakil dari Kuala Semantan. Sila.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

[Bacaan dalam Bahasa Arab] Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah Subhanawataala. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi ruang untuk saya membahaskan ucapan belanjawan pada sidang kali ini. Sekali lagi, syukur ke hadrat Allah Subhana wa Ta'ala dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Kerajaan negeri kerana negeri Pahang terus mencatatkan kutipan hasil melebihi RM1 bilion pada tahun ini. Belanjawan 2026 yang dibentangkan. Kalau kita tengok masih menunjukkan ketergantungan utama hasil negeri masih lagi kepada kutipan hasil cukai tanah, cukai perniagaan dan royalti daripada sumber semula jadi seperti hasil perlombongan dan hasil hutan yakni balak.

Kerajaan negeri terus berbangga dengan pendapatan negeri yang terus bertahan. Tetapi dengan hanya bersandarkan kepada hasil tradisi seperti sekarang, tiada jaminan akan berlaku peningkatan yang ketara kepada hasil negeri tanpa meneroka peluang peluang baru dengan usaha mempelbagaikan sumber pendapatan melalui pelaburan, sektor pelancongan, perindustrian, hasil bumi, teknologi dan inovasi ekonomi digital. Jika diteliti, negeri Pahang mula mencatat hasil melebihi 1 bilion ini bila mana kerajaan negeri di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang mula memperkenalkan kenaikan cukai dan bayaran-bayaran seperti cukai tanah, bayaran premium tanah, bayaran-bayaran berkaitan pembangunan hasil tanah dan juga premium pembalakan, perlombongan dan hal-hal yang berkaitan dengan tanah dan pembangunan tanah pada tahun 2020.

Sebagai contoh, kenaikan pada masa itu adalah antaranya cukai tanah industri yang dinaikkan daripada RM0.25 sen permeter persegi kepada RM5.00 per meter persegi kenaikan sehingga 2000% pada masa itu. Tetapi kemudiannya pihak kerajaan negeri memberikan *remission* sehingga 80% bagi meringankan beban mereka yang terkesan pada masa itu. Contoh juga adalah kenaikan fi carian rasmi yang sebelum tahun 2020 hanya RM50.00 untuk satu carian rasmi telah dinaikkan kepada RM100.00 dan begitulah juga banyak kenaikan dalam urusan tanah seperti tukar syarat, tukar hak milik, pembangunan serta premium tanah, perlombongan dan pembalakan. Siri-siri kenaikan ini diteruskan mungkin kerana pihak kerajaan belum begitu berjaya dalam meneroka bidang bidang baru dalam usaha meningkatkan pendapatan negeri.

Pada tahun lepas yang ini tahun 2024, tarif air telah pun dinaikkan dan siri kenaikan cukai dan bayaran-bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa terus berlaku. Bermula September 2024 baru-baru ini telah diperkenalkan pula caj pemajuan oleh pihak berkuasa tempatan kepada pihak pemilik tanah atau pemaju. Saya difahamkan caj pemajuan ini adalah dari 10%, 15% dan 20% daripada perbezaan nilai tanah dari sebelum pemajuan dan selepas cadangan pemajuan. Bergantung kepada dimana tanah yang hendak dimajukan tersebut berada sama ada di kawasan majlis daerah, majlis perbandaran atau majlis bandaraya.

Contohnya dari tanah pertanian ke perumahan. Perbezaan nilai tersebut akan dikenakan caj pemajuan dan kadar caj pemajuan adalah seperti yang saya sebutkan tadi. Bukan sahaja pihak pemilik tanah atau pemaju perlu membayar caj pemajuan dalam masa yang sama perlu pula melantik penilai berdaftar yang juga melibatkan kos

untuk membuat penilaian. Seperkara lagi adalah kenaikan wang caruman saliran bagi pemajuan perumahan yang dinaikkan daripada RM2 ribu, ke RM4 ribu rimbit, RM4 ribu per ekar di kawasan majlis daerah dan RM 3 ribu ke RM6 Ribu, 100% kenaikan di kawasan perbandaran. Perkara-perkara yang saya sebut di atas semuanya akan melibatkan kenaikan kos hidup kepada rakyat sama ada secara langsung atau tidak kerana pihak pemaju pastinya tidak akan menanggung kos-kos terbabit melainkan akan dipindahkan kepada pembeli atau pengguna ataupun rakyat. Justeru, pihak kerajaan negeri dicadangkan mestilah lebih gigih berusaha untuk meneroka bidang-bidang baru dalam usaha meningkatkan hasil negeri untuk mengelakkan ketergantungan daripada cukai, premium dan bayaran-bayaran yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna atau rakyat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkaitan dengan pemajuan perumahan ini juga saya ingin membawa perhatian Dewan Yang Mulia ini kepada masalah pembangunan di kawasan cerun dan melibatkan tambakan ataupun penimbunan tanah. Tambahan pula, di musim tengkujuh seperti sekarang ini. Perhatian serius mesti diberikan oleh pihak PBT terhadap pemaju, perunding dan kontraktor untuk pembangunan di kawasan seperti ini yang boleh menyebabkan pergerakan-pergerakan tanah dan runtuhan. Dalam kes ini, saya menerima 2 aduan secara langsung berkaitan isu ini di dalam kawasan saya.

Yang pertama berkaitan Cadangan Pembangunan Perumahan di atas Lot 109876 GM 4310 di Kampung Bukit Tingkat, Mukim Sanggang. Isunya adalah penduduk kampung sekitar membuat aduan mengenai binaan tembok penghadang *RC Wall* dengan izin yang tidak kukuh dan condong ke arah tanah penduduk.
Bukan itu sahaja, aduan tersebut juga menyatakan terdapat pergerakan tanah yang menyebabkan kelompongan pada lantai beberapa buah rumah yang dibina oleh pihak pemaju tersebut. Jika kawasan perumahan ini diberikan sijil menduduki tanpa pemeriksaan rapi daripada pihak PBT, dibimbangi akan menganiayai pembeli yang akan menerima rumah yang cacat dan memerlukan tempoh masa tertentu untuk membuat aduan dan mendapatkan pembaikan kepada rumah yang telah mereka beli. Di kawasan projek pembangunan ini juga berlaku masalah saliran keluar air daripada kawasan pembangunan atau pun disebut *drainage outlet* dengan izin yang tidak disalurkan keluar dengan sempurna yang menyebabkan limpahan kepada lot sebelah yang merupakan tanah milik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang kedua, aduan kedua... aduan kedua adalah berikutan aduan kedua berkaitan isu yang sama ini juga adalah berkaitan runtuhan tembok penahan yang berlaku di taman seberang taman ini kes ke-2 yang diadukan ke pejabat saya di Taman Seberang Damai, Seberang Temerloh yang telah berlaku pada Januari 2024 dan dibaiki atau pun di dirikan semula pada Disember 2024 melalui peruntukan daripada KPKT. Aduan yang diterima adalah berkaitan dipercayai berlakunya pergerakan pergerakan tanah akibat daripada runtuhan tembok penahan tersebut yang menyebabkan 3 buah rumah mengalami kerosakan dengan lantai mendap dan retakan pada bangunan rumah iaitu rumah nombor 7, nombor 9 dan Nombor 11 di Lorong Seberang Damai 1 di mana 2 orang daripada pemilik rumah ini terpaksa berpindah keluar dan menyewa rumah lain untuk didiami dan dalam masa yang sama mereka terpaksa membayar ansuran rumah mereka yang rosak tetapi tidak dapat diduduki tersebut.

Ada di antara mereka yang membuat aduan kepada pihak PBT dan juga kepada KPKT secara langsung tetapi sehingga ke hari ini tiada tindakan yang dibuat oleh mana-mana pihak yang berkenaan. Tiada respon. Saya mengharapkan akan ada respon

daripada pihak PBT atau yang berkenaan dalam isu ini sama ada bersedia mengeluarkan bajet untuk pembaikan rumah-rumah tersebut atau sebaliknya tiada peruntukan dan bantuan untuk kerosakan tersebut. Ini akan memudahkan pihak pemilik rumah untuk membuat keputusan-keputusan seterusnya apa yang mereka perlu lakukan.

Selanjutnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan melalui JKR yang telah membina lampu isyarat di persimpangan Paya Pulai di laluan Jalan Persekutuan 2 FT2 yang menghubungkan Temerloh ke Maran dan juga di Persimpangan Lubuk Kawah di Songsang. Di laluan *Federal Road* 98 yang menghubungkan Temerloh dan Jerantut. Pembinaan kedua-dua lampu isyarat di persimpangan-persimpangan ini telah membantu menambah jaminan keselamatan kepada pengguna di kedua-dua persimpangan ini tetapi menimbulkan masalah baru iaitu lah kesesakan lalu lintas di waktu-waktu puncak dan waktu cuti umum.

Yang Berhormat Tuan Speaker, justeru itu, saya melihat telah sampai masanya pihak kerajaan memberikan keutamaan untuk membesarkan kedua-dua laluan ini iaitu Jalan Persekutuan 2 FT2 yang menghubungkan Temerloh ke Kuantan. Setidak tidaknya daripada Bandar Temerloh ke persimpangan Chenor, begitu juga Jalan Temerloh-Jerantut *Federal Route* 98 setidak-tidaknya daripada persimpangan Seri Semantan ke Pekan Kuala Krau. Saya percaya sahabat saya daripada Kerdau setuju kalau ini berlaku dapat dibesarkan kepada 2 *lane* sehala kerana pembangunan pesat yang berlaku di kedua-dua kawasan ini akan menambahkan lagi kesesakan lalu lintas di kawasan ini yang sedia sesak pada masa sekarang dan senantiasa menjadi rungutan kepada pengguna-pengguna yang menggunakan laluan ini terutamanya kepada mereka yang pulang balik untuk pergi bekerja.

Di laluan yang saya sebutkan ini juga saya sering mendapat aduan berkaitan masalah tiadanya lampu jalan atau lampu jalan yang tidak diselenggara secara berkala yang menyebabkan laluan tersebut sangat gelap dan tidak selamat dilalui terutamanya pada waktu malam. Yang Berhormat Tuan Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan aduan dari sahabat-sahabat penjawat awam dalam sektor agama di pejabat-pejabat agama dan pegawai pendidikan di sekolah-sekolah menengah agama negeri yang dikatakan terlalu lambat pergerakan kenaikan skim penggajian mereka bahkan ada yang dah hampir nak pencen baru diserapkan ke perkhidmatan, ke perkhidmatan tetap atau mendapat kenaikan dalam skim perkhidmatan mereka. Sementara itu, kebanyakan imam-imam masjid daerah masih berstatus kontrak.

Terima kasihlah kepada kerajaan negeri sebab mewujudkan *Contract of Service* tetapi mereka masih mengadu bahawa mereka lambat diserapkan ke jawatan tetap. Kadang-kadang dah nak pencen baru dapat. Mereka mengharapkan dalam keadaan kerajaan negeri memperolehi hasil yang membanggakan sejak 4 tahun berturut- turut, dapatlah kiranya limpahan tersebut disalurkan ke arah memperbaikan.. memperbaikan.. memperbaiki dan menaik taraf Skim Perkhidmatan Sektor Agama kepada pegawai-pegawai di pejabat agama termasuk di masjid-masjid daerah dan juga para pegawai pendidikan di sekolah- sekolah agama kerajaan negeri.

(ADUN KERDAU CHEKA -N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sahaja nak..

(ADUN KUALA KEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih.

(ADUN KERDAU CHEKA -N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Jangan tidak.

YB SPEKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN KERDAU CHEKA -N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Err Tuan Speaker, sebenarnya Yang Berhormat Speaker, perjawatan ini kalau tidak tak ada langsung kalau tak kerajaan negeri mengambil inisiatif menyediakan *Contract of Service*. Apa jawatan ini adalah bergantung kepada JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam Negara. Seandainya dia memberikan ruang, maka kita sangat mengalu-alukan untuk melantik dan apa menyerahkan kepada kerajaan tapi saya boleh jawab itu gulung cuma biar meriah sikit.

(ADUN KUALA KEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih sebab membantu memeriahkan. Alhamdulillah, saya pun memang rasa begitu dah maknanya sahabat saya Yang Berhormat Exco daripada Kerdau ini dia, ini isu-isu yang berkaitan dengan portfolio dia dan alhamdulillah dia memberikan jawapan positif cuma pada saya, kita mohon juga kerajaan negeri supaya memperjuangkan isu ini dengan lebih er.. serius lagi moga moga rakan-rakan kita dalam perkhidmatan yang saya sebutkan tadi mendapat apa yang mereka tuntut, insya-Allah. Saya juga ingin menyentuh berkaitan penggantian paip usang.

(ADUN KERDAU CHEKA -N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saja nak..

(ADUN KUALA KEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih sekali lagi.

(ADUN KERDAU CHEKA -N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saja nak...*sorry* lah saja nak meriah sikit..

YB SPEKER DEWAN NEGERI

Sila..sila.

(ADUN KERDAU N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

...Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Er... sebenarnya kerajaan negeri sangat memperjuangkan, untuk, pasal pengwujudan perjawatan, kenaikan pangkat. Sebab saya sebutkan begitu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sering kali, apabila ada anjakan apa, perjawatan, pelantikan pegawai baru. Kalau ikut JPA, dia ada cita rasa dia. Dia ada kehendak dia, dan dia ada apa, er...angka-angka dia. Tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak, dia pergi sendiri, dia rayukan perjawatan, dia rayukan jawatan-jawatan itu di, diatur sebagaimana sesuai dengan cita rasa kerajaan negeri. Tidak Dato' Sri SS ini, tak jadi SS lagi, SFinO ini belum lagi SFinO mungkin SDO lagi tapi di atas perjuangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Pengarah Jabatan Agama dah boleh jadi Pengarah Jabatan Agama. Jadi yang di bawah dia naik mengikut lah, sebab ruang tu ada, dia mengikut ruang, rongga-rongga yang ada. Terima kasih.

(ADUN KUALA SEMANTAN N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih sekali lagi kepada Dato' Sri Exco. Er... alhamdulillah, kita tengok, kita lihat sesuatu yang positif. Namun begitu, dengan pendapatan kerajaan negeri yang sentiasa memberangsang, saya rasa ruang itu masih banyak untuk kita perjuangkan. Dan saya juga ingin juga menyentuh...
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang...yang.

(ADUN KUALA SEMANTAN N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Berkaitan dengan..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, minta gulunglah.

(ADUN KUALA SEMANTAN N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Oke Insya-Allah terima kasih ya. Saya juga ingin menyentuh ini sikit lagi benda-benda penting belaka ini. Saya juga ingin juga menyentuh berkaitan penggantian paip usang seperti yang pagi ini dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Besar, di awal sidang hari ini. Saya ingin menarik perhatian kepada masalah tersebut di kawasan loji Lubuk kawah. Bagi jajaran paip dari loji tersebut melalui Kampung Bukit Tingkat, Kampung Lubuk Kawah ke Kampung Bangau dan juga dari Lubuk Kawah, Paya Banir, Paya Jejawi, Tebing Tinggi, Kuala Sanggang, Sanggang hinggalah ke kampung saya di Kampung Loyang, supaya penjajaran semula dan penggantian paip usang di jajaran ini didahulukan dan disegerakan.

Perkara ini perlu disegerakan terutamanya di jajaran Kampung Bukit Tingkat, Kampung Lubok Kawah ke Kampung Bangau kerana kerapnya berlaku paip pecah akibat kedudukan paip yang berada di bawah permukaan jalan, dan jalan tersebut digunakan secara intensif oleh lori-lori berat yang mengangkut pasir sungai dari

perusahaan pasir di laluan ini. Penggantian dan penjajaran semula paip usang di laluan ini sangat perlu disegerakan.

Sebagai akhirnya, sebagaimana sahabat saya daripada Damak, saya juga ingin menggesa pihak berkuasa memberi perhatian kepada masalah judi atas talian yang menyamar sebagai kedai *handphone* yang semakin menjadi-jadi di bandar Temerloh pada masa ini. Banyak aduan yang disampaikan ke pejabat saya, dan ada yang menyatakan telah membuat laporan polis dan laporan kepada pihak PBT untuk mengambil tindakan terhadap premis-premis yang disebutkan, tetapi tiada tindakan yang diambil.

Premis ini dibuka hampir 24 jam, melibatkan sebahagian besar remaja bahkan remaja tua, yang menjadi pelanggan dan sentiasa meriah sehingga ke awal pagi. Mohon tindakan tegas dan segera daripada pihak berkuasa. Kegiatan judi atas talian sedikit mencacatkan usaha berterusan tanpa mengenal penat lelah oleh Dato' Pegawai Daerah dan YDP, dan Tuan YDP Majlis Perbandaran Temerloh yang agak baharu menerajui Majlis Perbandaran Temerloh.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keduanya bersama para pegawai dan staf di Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Temerloh, juga semua penjawat awam di daerah Temerloh yang telah bersama bertungkus lumus memastikan Temerloh sentiasa ceria dengan kegiatan ekonomi dan sosial yang sentiasa meriah dan berkembang maju daripada semasa ke semasa.
Semoga semangat seperti ini diteruskan bagi memastikan bandar Temerloh sentiasa meriah, hebat dan ceria dari semua sudut ekonomi, sosial dan kehidupan harmoni bermasyarakat di kalangan semua warga di Temerloh ini. Sekian perbahasan saya dan saya menyokong belanjawan yang telah dibentangkan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Semantan. Seterusnya saya menjemput ahli dari Mentakab. Sila.

(ADUN MENTAKAB N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam Malaysia Madani, salam Pahang 1st. Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Saya mulakan dengan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang yang saya sifatkan sebagai komprehensif dan mampu membina daya saing serta ketahanan ekonomi negeri. Tahniah juga diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang, kutipan hasil melebihi RM1 bilion, empat tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Speaker, saya percaya semua boleh bersetuju bahawa aset penting untuk negeri Pahang dan negara ialah sumber manusia. Sumber manusia yang paling mustahak tentunya golongan muda atau belia. Menurut statistik, belia yakni berumur 15 sehingga 24 tahun berdasarkan anggaran tahun 2020 adalah 14.9 juta orang, iaitu 44.2% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Saya menjangka jumlah belia sudah menghampiri angka 50% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang sebenar menjelang tahun 2026. Menurut data, jumlah belia di Pahang

berjumlah 467,000 orang iaitu bawah 30 tahun, manakala jumlah penduduk keseluruhan pada tahun 2024 berjumlah 1.67 juta orang. Ini bermakna jumlah belia adalah 32% daripada keseluruhan penduduk negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker, golongan belia merupakan harapan negara yang tercinta ini. Oleh itu, mereka patutlah disantuni dengan baik. Akan tetapi terdapat sedikit kekurangan. Di Temerloh misalnya, iaitu daerah ke-2 teramai selepas Kuantan, tidak mempunyai kompleks belia dan sukan dan kompleks rakan muda berbanding dengan daerah-daerah lain. Saya menerima banyak keluhan daripada golongan belia dan orang ramai kerana kemudahan yang tidak mencukupi bagi menyantuni golongan ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyediakan ruang dan peluang kepada anak-anak muda untuk mereka dapat membina jati diri dan disiplin dan salah satu caranya ialah menyediakan infrastruktur yang sebaiknya untuk mereka.

Sehubungan itu, kami di Temerloh memerlukan sebuah kompleks belia dan sukan. Bakat-bakat sukan dapat dicungkilkan, sebenarnya, ramai yang mempunyai *talent* atau bakat antara lain di mana perenang, perenang dari Temerloh mewakili negeri Pahang dan mendapat keputusan cemerlang walaupun tanpa fasiliti kolam renang. Ibu bapa terpaksa hantar anak mereka ke Kuantan atau Kuala Lumpur untuk menjalin, menjalani latihan. Di samping itu, kami di Temerloh memerlukan sebuah universiti sama ada berbentuk kampus induk ataupun cawangan universiti yang besar bagi menyediakan peluang pendidikan tinggi khususnya untuk anak-anak Pahang.
Kewujudan universiti secara tidak langsung akan menyemarakkan sektor ekonomi di daerah Temerloh. Saya memohon pertimbangan Kerajaan Negeri Pahang untuk meneliti dengan saksama bagi segera memberikan tumpuan untuk membina kompleks belia dan sukan di samping mengam, mengambil inisiatif bagi mewujudkan sebuah universiti di Temerloh. Saya percaya tentunya Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat MB kita peka terhadap keperluan ini.

Yang Berhormat Speaker,

Difahamkan terdapat perancangan untuk membina sebuah *smart city* di kawasan berhampiran stesen ECRL Mentakab. Saya difahamkan juga ada satu *Interchange* ECRL dan KTM bertempat di Mentakab yang saya menyeru perlu dimanafaat, dimanfaat, dimanfaatkan sepenuhnya bagi merancakkan ekonomi pelancongan. Apatah lagi kerajaan negeri menggalakkan atau mempromosikan Pahang Rail Tourism.

Oleh itu, saya mohon stesen KTM yang hampir 100 tahun itu dinaik taraf supaya menjadi tempat tarikan pelancong. Sementara itu, saya meminta satu perancangan yang mampan mengambil kira keperluan merancakkan ekonomi dan keselesaan rakyat diberi penekanan serius di kawasan DUN Mentakab khususnya.

Yang Berhormat... Yang Berhormat Speaker, saya bagi pihak penduduk Mentakab khususnya mengucapkan penghargaan yang setingginya dan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana setakat hari ini telah berjaya menunaikan janji menyelesaikan isu bekalan air. Terdapat perubahan yang nyata, aliran bekalan air yang lebih stabil, kekerapan gangguan yang sangat sedikit berbanding tahun-tahun sebelum ini. Dan kalau ada gangguan pun hanyalah gangguan yang tidak berjadual seperti paip bocor atau pecah. Saya berpendapat gangguan tidak berjadual ini masih boleh diminimumkan dengan kerja-kerja maintanance yang bagus dan sempurna.

Di mana saya menerima aduan ada kala pembaikan dibuat, tetapi agak tidak sempurna. Sebagai contoh, tempat yang sama paip pecah 3 kali. Ini tentu

mengganggu kelangsungan hidup warga setempat. Walau bagaimanapun, saya menerima rungutan yang sangat minima berkaitan dengan isu bekalan air. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang prihatin dan menunaikan janji.

Yang Berhormat Speaker,

Sebagai wakil rakyat, Dewan ini adalah tempat yang terbaik untuk membawa keluhan rakyat. Saya menerima banyak keluhan dan rungutan daripada rakyat berkenaan dengan saman yang dikeluarkan oleh Penguatkuasa Kementerian Kesihatan (KKM). Disebabkan kegagalan mempamerkan papan tanda atau signage Larangan Merokok. Yang mengelirukan ialah premis-premis seperti kedai jahit, kedai jam tangan, kedai jual surat khabar, kedai tayar dan kedai spare part dikenakan saman kerana tidak mempamerkan papan tanda tersebut.

Saya memahami terdapat peruntukan setiap premis berhawa dingin wajib ada *signage* tersebut dan saya memohon pertimbangan kerana saya percaya Jabatan Kesihatan Negeri Pahang juga ada untuk meninjau kembali SOP penguatkuasaan *signage* ini. Di mana saya mencadangkan supaya teguran atau amaran diberikan terlebih dahulu dan tidak terus mengeluarkan saman. Kena ada sedikit kelonggaran di dalam *timeframes* yang munasabah serta publisiti yang meluas wajar dibuat. Jika tidak, kesannya adalah rungutan daripada para peniaga yang tentunya akan memberi kesan kepada kerajaan yang dilihat sangat drastik.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya melahirkan kebimbangan di atas merebaknya gejala buli di sekolah. Sementara kita menyokong sepenuhnya usaha yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pendidikan. Namun begitu, saya berpendapat kita di peringkat negeri juga mempunyai tanggungjawab untuk menyelesaikan isu buli ini. Saya memohon Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif yang perlu untuk segera mengatasi kemelut ini.
Yang Berhormat Speaker,

Saya mengakhiri mengakhiri perbahasan saya dengan menyeru semua pihak mengetepikan sentimen kepartian yang tebal dan sama-sama bukan sahaja bersikap professional tetapi juga berlapang dada dan gentleman menyumbang untuk memajukan lagi Negeri Pahang yang kita kasihi. Marilah kita sama-sama mengelakkan diri dari memainkan sentimen yang bersifat perkauman yang sempit atau menormalisasikan fitnah bagi menjaga kerukunan di dalam masyarakat.

Yang Berhormat Speaker,

Mentakab mohon menyokong, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Yang Berhormat Mentakab. Seterusnya saya menjemput wakil dari Bukit Ibam. Sila.

(ADUN IBAM N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, [ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para pentadbir daerah dan para pemerhati sekalian. Saya mulakan ucapan dengan firman Allah SWT [bacaan dalam Bahasa Arab]. Kemudian kamu pasti akan ditanya pada hari itu. Pada hari kiamat tentang kenikmatan yang kamu megah-megahkan di dunia dahulu. Surah At-Takathur ayat 8.

Yang Berhormat Speaker,

Menyentuh teras pertama daripada 7 teras utama Belanjawan Negeri Pahang 2026 iaitu memartabatkan agama Islam memelihara institusi diraja dan mengangkat warisan budaya. Bukit Ibam ingin menarik perhatian dewan kepada satu berita, Buletin TV 3 bertarikh 8 November 2025 yang memaparkan hasil operasi yang dilakukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) mendapati hanya 22 daripada 166 Pusat Penyembelihan Ayam di Pahang memiliki sijil halal. Terdiri daripada 15 pengusaha muslim dan 7 pengusaha bukan muslim dan sebanyak 128 pusat penyembelihan beroperasi tanpa lesen daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang. Sedangkan lesen JPV adalah pra syarat wajib sebelum permohonan sijil halal boleh diproses oleh JAIP.

Justeru, Bukit Ibam ingin memohon penjelasan sejauh manakah pemantauan terhadap pematuhan Enakmen Perladangan Unggas dan Kaedah Loji Penyembelihan Unggas 2017 terhadap pusat-pusat penyembelihan ini mematuhi enakmen tersebut. Isu halal adalah persoalan besar bagi orang Islam. Sesungguhnya mencari yang halal itu wajib. Firman Allah SWT [bacaan dalam Bahasa Arab]

(ADUN KERDAU N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Minta mencelah sikit. Bagus apa namanya Ibam bawa cerita halal ini. Halal ini adalah satu inisiatif Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Negara-negara lain kurang apa namanya mempunyai pendekatan dalam soal nak menetapkan sijil halal ini. Timur Tengah sendiri pun sangat apa namanya, tertarik dengan usaha kita di Malaysia ini dalam memperkenalkan sijil halal. Saya baru ini pun, dengan keizinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku pergi ke Mesir. Di antara perkara yang ditanya oleh pihak Universiti Azhar, cara kita perkenalkan dan menyediakan pensijilan halal kepada premis-premis yang ada di negara kita.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru ini pergi ke New Zealand dan saya dibenarkan juga oleh Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengikut, juga pengusaha-pengusaha penternakan di sana minta pengalaman kita bagaimana kita menyediakan sijil halal. Maknanya tempat lain tidak ada. Yang ada di negara kita dan di negeri kita, Pahang Darul Makmur dalam mengusahakan dan memperkenalkan sijil halal. Kalau kita pergi ke tanah Arab, tidak ada namanya apa sijil halal, sijil tak halal ini.

Kita di negara kita Malaysia ini yang memperkenalkan. Kita buat benda ini sebenarnya satu inisiatif. Bukan kita nak mengatakan benda yang dikeluarkan oleh contohnya

pasar di Temerloh tu majoritinya yang menyediakan penyembelihan ayam itu orang Melayu Islam. Kita yakin dia tak ada sijil halal. Kita dah beberapa kali pujuk.

Yang Berhormat Speaker,

Minta ambil sijil halal tapi masih lagi dia orang dalam proses. Apa namanya pendekatan kita buat pada mereka supaya menerima sijil halal. Tapi kita yakin siapa yang meniaga tu orang kampung kita, orang yang dekat dengan kita dan kita boleh beli benda dia itu insya-Allah halalnya. Begitu juga di Pasar Kuantan ini ramai orang melayu kita. Yang jadi menariknya, Yang Berhormat Speaker, di Jerantut tu 4, 5 buah kedai bukan orang Islam. Cina. Dia sanggup untuk mengambil sijil halal dan dia berniaga dengan baik. Orang Melayu pun boleh beli daripada dia. Ayam-ayam yang dijual di kedai-kedai mereka di pasar besar mereka.

Jadi sebenarnya apa namanya tentang kedai-kedai ini yang jual yang jual sembelihan unggas ni tidak menjadi masalah sangat. Tapi kita tetap juga berusaha sekeras mungkin untuk memastikan mereka mendapat sijil halal. Mana yang di bawah bidang kuasa kita. Contoh asrama Sekolah-sekolah Agama di negeri Pahang semua dah dapat sijil halal. Kita arahkan untuk menjadi pembekal asrama, mesti ada sijil halal dia ambik. RnR daripada Jabor sampai ke Genting, semua dah memiliki sijil halal sama ada kedai Melayu atau pun kedai Cina. Hotel-hotel yang tidak mempunyai sijil halal, kerajaan negeri dah bersetuju untuk diberikan keutamaan dan tidak digalakkan kepada hotel yang tidak mempunyai sijil halal, agensi-agensi kerajaan dan jabatan jabatan...

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Boleh sambung dalam penggulungan.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mengadakan, maksudnya saya nak cerita, jangan takut bab halal ni jangan takut. Insya-Allah kita bekerja keras dan berusaha bersungguh-sungguh.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Yang Berhormat Speaker, sesungguhnya mencari yang halal itu wajib. Allah Ta'ala berfirman [Ayat al-Quran]. Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di mukabumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu Surah al-Baqarah ayat 168. Apa pun, saya ucapkan [Ayat al-Quran] kepada inisiatif yang diambil oleh kerajaan. Yang Berhormat Speaker...

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker, boleh saya sikit je saya bercakap.

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sila.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia sebenar begini. Saya nak perjelas sikit sebab dia ada kaitan dengan isu halal yang ada kaitan dengan Jabatan Veterinar. Saya nak maklumkan di bawah enakmen kita, dia pusat sembelihan ni pusat sembelihan, istilah pusat sembelihan kalau mengikut Veterinar ni waima walaupun misal contoh di pasar kita sembelih 5 ekor ayam dalam kategori pusat sembelihan loji penyembelihan, dia masih lagi dianggap sebagai loji penyembelihan. Kita dalam fikiran kita, loji penyembelihan ni adalah satu sebuah tempat premis yang besar. Sebab itu, apabila dimaklumkan ada terdapat 166 loji penyembelihan di negeri Pahang, maknanya 166 banyak betul tapi di mana tu? Kalau ada kedai misalan contohnya ada pasar, di situ ada lima orang tukang meniaga ayam yang kita pergi ke pasar dan di situ dia sembelih ayam tu kerana penyembelih tu ada tauliah ya tauliah daripada jabatan agama. Dia ada tauliah dia penyembelih yang memang bertauliah oleh Jabatan Agama Islam so dia sembelih ayam, tetapi premis itu adalah merupakan premis yang dikategorikan sebagai loji penyembelihan ayam. Jadi persoalan dia adakah pusat sembelihan itu ada sijil halal JAKIM? Jawapannya tidak kerana JAKIM punya sijil halal penyembelihan ni adalah yang terhebat di dunia.

Saya dah pergi dengan Dato' Sri Syed Ibra malahan tanpa Dato' Sri Syed Ibra. Saya dah pergi ke Australia, saya pergi ke New Zealand, pergi ke Jepun baru-baru ni pergi ke Perancis, pergi ke UK negara Eropah. Sijil halal JAKIM ni adalah satu sijil halal yang memang susah dapat. Sebab dia cukup ketat. Jadi apabila kita dengar begitu, 166 pusat ataupun loji penyembelihan ayam yang terdapat di negeri Pahang, 22 buah je yang ada sijil halal JAKIM. Itupun gempar. Yang lain tu tak halal. Maksudnya tidak ada dapat yang sijil halal JAKIM ni tadi. Daripada 22 ni tadi, terdapat 17 *sorry* 15 yang dipunyai oleh orang Islam dan 7 yang bukan dipunyai oleh orang Islam, bukan Islam. Jadi kita tengok eh orang bukan Islam boleh menyembelih ya? Tidak, makna premis tu tadi dipunyai oleh bukan Islam tetapi dia mendapat sijil halal JAKIM ni seperti mana sahabat saya daripada Kerdau maklumkan tadi kerana dia mematuhi prosedur tu. Jadi saya nak perjelaskan tu. Sebab tu kita nak minta sekarang ni kerajaan negeri maklumkan kepada Jabatan Veterinar, kita kategorikan kalau dia buat sembelihan misal contohnya banyak misalnya jumlah, baru kita panggil loji.

Kalau setakat yang pusat premis sembelihan yang kecik-kecik kat pasar tu, dia tidak kita kategorikan sebagai premis dan tidak masuk dalam data yang boleh membimbangkan orang ramai tetapi maknanya akhir sekali saya nak rumuskan, dia tidak ada paksaan. Kalau misal contohnya kita rasa was-was, eh ini tak ada sijil halal. Cari yang ada sijil halalnya ustaz janganlah pergi tak tahu misalnya, kita ada was-was kan. Kita rasa was-was tak payah beli sebab ada yang tempat yang ada sijil halal. Ayam-ayam ini dapat dibekalkan misal contoh di pasaraya yang ada sijil halal JAKIM itu sendiri beli yang tu misal contohnya. Bukan ada paksaan kena beli, tidak. Kita ada pilihan. Sebab tu saya nak betul ni supaya tidak ada tanggapan, kebimbangan, keraguan, kerisauan di kalangan umat Islam iaitu membeli ayam yang dikatakan daripada premis yang tidak halal tadi adalah membeli ayam yang haram tak sah dari segi sembelihan. Terima kasih.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40) YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Okay Yang Berhormat Speaker, saya pun tak habis lagi ni nak nak.. nak yang saya nak sebut. Tidak semua pengusaha penyembelihan halal ini mampu dari segi mengubah suai infrastruktur untuk mendapat kelulusan. Soalan saya, adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan Skim Bantuan Naiktaraf Pusat Sembelihan Kecil? Supaya sekurang-kurangnya membantu dan memudah cara pengusaha-pengusaha

kampung dapat memenuhi keperluan lesen JPV dan Sijil Halal. Yang Berhormat Speaker.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Minta maaf, Yang Berhormat Speaker, boleh sikit? Sebenarnya saya patut tunggu masa penggulungan. Tapi saya terus nak jawab. Saya dah jawab, saya dah maklum dalam Dewan yang mulia ni kerajaan negeri bagi inisiatif yang dicadang sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, menyediakan RM15 juta. Dana RM15 juta yang kita kerjasama dengan pihak Agrobank. Apa dia dana tu? Keperluanya ialah membantu para-para usahawan untuk mendapatkan Sijil Halal JAKIM [Ahli Dewan menepuk meja] yang merangkumi 3 aspek pertanian, ternakan dan perikanan. Jadi, kita ada dana RM15 juta, macam geran tu tadi kita mintak pergi kursus tu kalau misal contoh pusat sembelihan pergi ke bank, kita minta berapa. Dia nak kan begini, pengasingan misal contohnya mesti ada saliran, cara penyembelihan dan sebagainya. Yang ini dana ni yang kita dah ada kita sediakan sejak 2 tahun yang lalu. Sebab tu minta maaflah maknanya memang dah ada. Sepatutnya saya tunggu untuk jawab. Tapi saya kira Ibam punya dia punya penangan tu sebab cara jawab dia. Dengan cara penyampaian tu, saya bimbang nanti dia akan menusuk dalam jiwa hingga menyebabkan kekeliruan di kalangan umat Islam khususnya di negeri Pahang. Terima kasih.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Cuma kena tambah masa ni dua orang Exco ni. Baik masih menyentuh berkaitan teras pertama iaitu memartabatkan agama Islam atau lebih khusus lagi undang-undang Islam. Saya ingin menyambung apa yang telah disebut oleh Cheka tadi, apabila terdapat pertindihan undang-undang sivil dan syariah, individu yang dituduh boleh mencabar secara perundangan bahawa undang-undang syariah negeri tidak sah untuk dibawa ke mahkamah jika undang-undang sama sudah wujud di peringkat persekutuan. Contoh paling signifikan apa yang berlaku di negeri Selangor dan juga di Kelantan. Kesan domino kepada persoalan ini apabila satu peruntukan undang-undang syariah dibatalkan, ia membuka ruang lebih banyak undang-undang syariah negeri akan dicabar. Ini berpotensi pelaksanaan undang-undang syariah dihalang atau dibatalkan pada masa akan datang. Berikutan beberapa keputusan mahkamah serta cabaran terhadap undang-undang syariah sedia ada. Kedudukan Mahkamah Syariah dilihat semakin kecil, fungsi dan peranan..

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya minta sebab tadi Cheka dah sebut, Bukit Ibam pun sebut. Saya rasa perlu saya patutnya waktu menggulung saya...

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Saya nak cadang nak... nak sebut dua tiga perkara dulu.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Minta maaf, minta maaf YB. Sila, sila.

(ADUN BUKIT IBAM N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Insya-Allah nanti boleh. Takut tak sampai matlamat. Baru-baru ini Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang bertitah supaya enakmen syariah di negeri ini perlu dikaji bagi memastikan peruntukan undang-undang syariah relevan dengan realiti semasa serta selari dengan Prinsip Maqasid Syariah. Penekanan diberikan tidak hanya pada nilai peruntukan tetapi keperluan kepada mekanisme penguatkuasaan yang kemas supaya undang- undang syariah bukan sekadar diwartakan tetapi benar-benar berfungsi secara sah dan efektif. Justeru itu, Bukit Ibam ingin membangkitkan beberapa persoalan berhubung isu ini.

Yang pertama, adakah kerajaan negeri melihat satu keperluan untuk menambah baik atau meminda Enakmen Syariah di Pahang bagi memperkukuhkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan memastikan undang-undang syariah negeri tidak mudah dicabar atau diganggu gugat melalui Mmahkamah Sivil.

Yang kedua apakah status kajian menyeluruh terhadap semua Enakmen Syariah Negeri sebagai mana dititahkan oleh Baginda Tuanku Sultan dan adakah laporan kajian tersebut akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk penelitian. Yang ketiga adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan semakan terhadap Perkara 76A atau Senarai 1 dan 11 jadual ke-9 bagi memperjelas sempadan kuasa demi mengelakkan keputusan mahkamah yang merugikan Mahkamah Syariah.

(ADUN KERDAU N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Speaker tentang enakmen dan undang-undang ini kita memang hanya ada kuasa untuk membentang di dalam Dewan kita dan kita tidak ada kuasa untuk menentukan apa yang ada di dalam Dewan Parlimen sebab kita tak bermesyuarat di dalam Dewan Parlimen serta tidak menjadi wakil Parlimen. Kita bukan ahli Parlimen kita ahli Dewan, jadi kita hanya ada kuasa untuk membentangkan apa Rang Undang-Undang yang kita sediakan dan lengkapkan di dalam Dewan negeri kita.

Apabila kita dah siapkan kertas tu kertas tu, kita bukan bukan buat macam apa kertas nak buat bengkel sembelih ayam. Kita ada Jawatankuasa Syariah. Kita ada pakar undang- undang Pejabat LA akan pengerusikan Mesyuarat Mufti akan apa sediakan kertas kemudian itu majlis agama akan bermesyuarat. Tuanku yang akan pengerusikan mesyuarat itu dan ahlinya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Penasihat Undang-undang Setiausaha Kerajaan Negeri dah siap sempurna kertas itu dan dikaji dengan teliti baru kita bentangkan di dalam MMK. Kemudian MMK dah teliti dengan sebaik baiknya, dah lulus baru kita bentangkan di dalam dewan supaya benda itu dapat dijadikan enakmen. Dan Alhamdulillah, setakat ini kita telah berjaya membentang sebanyak 14 RUU dan menjadi enakmen di dalam Dewan Negeri ini selama pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Kemudian itu Yang Berhormat Speaker, apa namanya benda ini berlaku bukan sekelip mata tahun 65 dulu benda ni tak ada jabatan agama tu dulu pejabat mufti tu unit saja di bawah jabatan agama. Apa namanya majlis agama unit saja di bawah majlis agama. Begitu juga pendakwa syarie tetapi apabila membentang di Mahkamah Syariah Ya. Kemudian bila kita ada membentangkan Enakmen Pentadbiran Syariah, maka kita boleh adakan Jabatan Pendakwa Syarie, Jabatan Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti yang berasingan.

Benda ini berlaku sebab kita usahakan kita bentangkan. Ada sikit sikit lagi. Jadi apa namanya Yang Berhormat Speaker. Alhamdulillah, hasil daripada ini dalam jangka masa tiga tahun kebelakangan ini kita telah berjaya membawa 5000 kes di dalam Mahkamah Syariah dan kita dapat rungkaikan di Mahkamah Syariah kita sendiri dengan Hakim Mahkamah Syariah yang kita ada. Alhamdulillah, kita tidak mendabik dada tengok Mahkamah Sivil kita orang berjaya. Kita bukan nak berlawan. Kita nak siapkan masalah demi rakyat di negeri Pahang. Saya rasa 14 enakmen tu apa namanya ADUN Bukit Ibam tahu tak? Yang telah kita luluskan dalam dewan ni

(ADUN BUKIT IBAM N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Saya ada dalam Dewan ni. Terima kasih yang Berhormat Exco atas penjelasan. Saya nak sambung untuk ringkaskan masa

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, sila mempercepatkan.

(ADUN BUKIT IBAM N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Mohon Exco tak... tak bangunlah sekarang ni sebab banyak lagi. Yang Berhormat Speaker dalam teras ke 7 di bawah tajuk Kesejahteraan komuniti Orang Asli. Bukit Ibam ingin menarik perhatian bahawa masih ada penempatan Orang Asli yang tiada bekalan asas air dan elektrik. Iaitu Kampung Lama Bukit Serok. Semoga ada sinar buat mereka dalam belanjawan kali ini. Insya Allah. Yang Berhormat Speaker dalam teras ke 7 juga disebut tentang pelbagai projek perumahan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat Pahang. Tahniah. Namun, selain itu, Bukit Ibam mengharapkan kerajaan juga dapat melihat kampung-kampung tradisional yang belum mendapat geran agar kerajaan dapat menganugerahkan geran tapak rumah dan mengurangkan birokrasi terhadap permohonan yang diangkat. Masih banyak kampung-kampung tradisional yang telah didiami penduduk puluhan tahun seperti Kampung Rekoh, Bandar Bukit Ibam, Kampung Aur dan banyak lagi. Namun, isu geran ini masih belum selesai.

Yang Berhormat Speaker. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya JKR atas usaha berterusan menurap dan menaiktaraf jalan raya bagi keselesaan pengguna. Tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat Muadzam Shah. Namun, satu persoalan ingin dibangkitkan iaitu tentang skop kerja yang dibuat berdasarkan aduan pengguna. Kerja-kerja kerap kali dilakukan pada hari Jumaat sedangkan laluan seperti Muadzam Shah, Segamat biasanya akan sibuk dengan kenderaan yang bertambah di jalan raya pada hari Jumaat sehingga Ahad. Macam-macam aktiviti. Ada yang ambil anak, ada yang hantar anak di asrama, Ada yang nak

balik kampung, ada yang nak pergi bercuti, ada yang nak pergi meminang kenduri kahwin dan macam macam lagi tujuan yang menyebabkan bertambahnya.

(ADUN MUADZAM SHAH N41)
YB DATO' IR.RAZALI BIN KASSIM

Untuk makluman, Bukit Ibam, saya juga telah mengeluarkan arahan kepada jurutera daerah supaya tidak menjalankan kerja pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Terima kasih.

(ADUN BUKIT IBAM N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Muadzam Shah kerana banyak aduan sehingga ada rakan-rakan yang bertugas di Muadzam Shah, Bukit Ibam, Keratong dan selancar. Mereka beberapa kali terlepas solat Jumaat semata-mata kerana kesesakan ini. Terima kasih Yang Berhormat Speaker masih berkaitan dengan jalan raya iaitu aduan tentang permukaan jalan licin dan berminyak di Jalan Bandar Melati ke Kota Bahagia. Kesan sisa minyak dari lori tangki yang keluar masuk dari kilang bersebelahan jalan tersebut.

Mohon tindakan segera pihak yang terlibat. Apatah lagi musim hujan sekarang ni menyebabkan jalan licin dan baru ni pun ada kemalangan. Selain itu, beberapa tebing di kiri dan kanan jalan tersebut juga telah runtuh dan membahayakan pengguna jalan raya. Yang Berhormat Speaker, Isu kesihatan adalah isu asas yang perlu menjadi keutamaan dalam pembangunan masyarakat. Justeru, Bukit Ibam ingin mengutarakan rungutan daripada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di Klinik Kesihatan Bandar Tun Abdul Razak. Mereka mempersoalkan kenapa berpindah ke tempat sementara terlalu awal sedangkan kerja-kerja mengubah suai bangunan lama lewat dimulakan. Walaupun sudah beberapa bulan berlalu menyebabkan para pesakit yang rata-rata di kalangan warga emas terpaksa menunggu giliran rawatan di bawah kanopi dan garaj kereta. Orang sakit terpaksa berpanas berhujan di tempat yang tidak selesa. Saya difahamkan kerja menaiktaraf sedang berjalan. Namun, mohon jasa baik sahabat saya yang dikasihi. Yang Berhormat Muadzam Shah merangkap Exco Kesihatan untuk memantau isu ini agar dapat disiapkan mengikut jadual. Yang Berhormat Speaker. Semoga belanjawan yang dibentang dan dibahaskan dalam persidangan kali ini lebih holistik dan benar-benar memberi manafaat kepada semua.

Bulan berseri di balik awan dan bintang Berkedip.
Menabur erti hasil negeri biar bercukupan.
Holistik sifatnya adil diberi.
Dengan ini, Bukit Ibam menyokong.

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Bukit Ibam. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Kemayan.Sila

(ADUN KEMAYAN N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam sejahtera. Salam Pahang *1st*. Terima kasih. Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Dato' Sri Diraja. Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Ahli-ahli Yang Berhormat Pegawai Kerajaan. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya dapat bersama-sama dalam sesi perbahasan pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada saya bagi menyampaikan sesi perbahasan pada hari ini.

Pertama saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan 2026 yang cukup komprehensif yang meliputi pelbagai aspek untuk kesejahteraan dan juga kemakmuran negeri Pahang. Tahniah juga diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana telah berjaya mengutip hasil melebihi RM1 bilion selama empat tahun berturut-turut. Perkara ini kita tak boleh nafikan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Kejayaan-kejayaan ini seperti KDNK melebihi prestasi… er… Persekutuan, pengurangan kadar-kadar pengangguran. Ini satu perkara yang tidak akan berlaku secara tiba-tiba. Perkara ini berlaku disebabkan oleh komitmen daripada Kerajaan Negeri yang sentiasa mengambil berat terhadap *fundamental*. Bila sebut pasal *fundamental* ni, saya teringat satu ulasan daripada pihak-pihak tertentu berkaitan dengan Bajet 2026 ni. Mungkin mereka tak faham apa itu *fundamental*, apa itu teras, apa itu asas, apa itu intipati dalam sesebuah bajet yang dibentangkan.

Kalau kita tengok dari segi teras yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, meliputi tujuh aspek. Tujuh perkara teras utama, tujuh *fundamental* ini yang memberi penekanan ke dalam Bajet 2026 bagi merealisasikan pelan jangka panjang Kerajaan Negeri Pahang. Sebab bajet ni… bukan nak sekolah berkaitan bajet ni, tapi saya tengok bila dengar ulasan-ulasan pihak-pihak tertentu, dia macam tak faham walaupun telah berada di dalam Dewan Negeri… telah berada di dalam Dewan Rakyat yang bajet ni adalah perancangan tahunan untuk kita capai perancangan jangka panjang. Kalau dalam skop persekutuan tu dalam Rancangan Malaysia Ke-13 ni, bajet selama 5 tahun tu… bajet… bajet itulah yang akan dibentangkan bagi merealisasikan Rancangan Malaysia Yang Ke-13. Sama juga dalam Dewan Negeri.

Bajet negeri hari ini adalah untuk mencapai pelan jangka panjang yang telah digariskan oleh kerajaan negeri. Sebab itu, bila ada pihak yang mengatakan bajet kali ini tidak menekankan kepada *fundamental* adalah satu perkara yang saya tak faham sebenarnya. Adakah mereka tak faham apa itu maksud *fundamental*? Kalau kita lihat maksud *fundamental* atau teras itu adalah benda yang lebih kurang sama dan dalam aspek ini, teras yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Pahang hari ini adalah *fundamental* dari segi agama Islam, dari segi lonjakan ekonomi, kesejahteraan rakyat, kelestarian dan sebagainya. Ini adalah *fundamental* ataupun penekanan yang diberikan oleh kerajaan negeri terhadap bajet hari ini.

Ada juga di kalangan er… kita yang merasakan bajet ini adalah bajet pilihan raya. Pilihan raya pun kita tak tahu bila. Saya tak puas lagi ni jadi duduk di kerusi ni, sebelum nak pilihan raya kan, jadi bajet… bila bajet itu baik di… dilabelkan sebagai bajet pilihan raya. Kalau kita tengok, saya ni baru. Bila saya tengok dari tahun pertama, tahun kedua dan ini tahun yang ketiga. Bila kita tengok pembentangan bajet ni sentiasa ada

penambahbaikan. Inilah kerajaan yang saya rasa cukup baik, sentiasa memikirkan jika ada pendapatan yang lebih tinggi, berikan kepada rakyat lebih dan jika kurang, kuranglah belanjanya sebab dalam bajet ni kita ada tiga bajet, bajet surplus, bajet seimbang dan juga bajet defisit.

Ada yang cuba bandingkan yang saya rasa cukup kelakar. Bandingkan bajet Kerajaan Negeri Pahang yang surplus dengan bajet sebuah negeri, bajet defisit yang *income* nya tak sampai RM1 bilion pun. Kalau betul nak bandingkan, cuba bandingkan dengan Pulau Pinang. Bajetnya lebih daripada RM1 bilion, walaupun Bajet 2026 negeri Pulau Pinang ini adalah defisit tapi kenapa sebab dibentangkan bajet defisit, di mana untuk pembiayaan defisit tersebut. Itu yang sepatutnya kita tengok, supaya kita faham, sebab di dalam Dewan yang mulia ini kita yang menggubal dasar tersebut dan kita perlu tahu dan faham sebenarnya. Bukan bila kita keluar Dewan, kita cakap Bajet 2026 negeri Pahang ni tidak menekankan *fundamental* sebenar. Bila dia ulas apa itu *fundamental* sebenar, dia kata kenapa tak menitikberatkan peluang pekerjaan dan sebagainya.

Di awal pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dah sebut Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya mengurangkan pengangguran dibawah 2%. Kita kena faham ni. Dalam Malaysia ni yang bawah 2% ni, Wilayah Persekutuan dan juga negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk]. *So,* patut kita… kita merasakan yang negeri Pahang ni cukup baik, Wilayah Persekutuan yang kecil. Mungkin dia capai 1.4%. Tapi di negeri Pahang untuk suku yang ketiga, kita capai 1.7%. Kalau dalam ekonomi, 2% ni dia merupakan mungkin yang tak bekerja ni dia tengah mencari peluang kerja baru dan sebagainya. Mungkin baru habis belajar dan sebagainya untuk… untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan ini adalah indikator dalam ekonomi yang menunjukkan bila pengurangan… er… pengangguran… kadar pengangguran sesebuah negeri ataupun negara iaitu di bawah 2% ni adalah suatu yang baik.

Jadi bila menekankan pasal *fundamental* tidak ditekankan dari segi peluang pekerjaan dan sebagainya, kerajaan negeri dah tunjukkan. Ini adalah ukuran kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang yang berjaya mengurangkan er… pengangguran di dalam negeri. Pelbagai usaha pelaburan meningkat dan sebagainya itu adalah indikator yang menyebabkan peluang pekerjaan bertambah di negeri Pahang. Kalau disebabkan ada satu dua kilang yang ditutup menyebabkan peluang pekerjaan er… tiada di tempat tersebut, mungkin ada indikator-indikator lain kenapa kilang itu tutup operasi tersebut… di sesebuah tempat? *So* ini perkara jangan kita main pukul rata je. Sebab saya rasa sedih tu bila saya dengar daripada orang yang cukup berpengalaman bercakap pasal bajet ni, dalam Dewan Rakyat dia ada, di dalam Dewan Negeri dia ada, pernah jadi menteri dan sebagainya. Apakah perkara ini bila bercakap pasal oh… kita tidak menekankan *fundamental… fundamental* sebenar, apa yang perlu kita buat dan sebagainya.

Itu dah digariskan dalam… sebab tu saya tak nak ulas apa yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, cukup jelas kalau kita betul baca kita betul-betul dengar, kita betul-betul faham insya-Allah, kita tahu bukan hanya pemberian-pemberian insentif yang diberikan tapi kerangka yang besar itu yang kita perlu lihat bagaimana Kerajaan Negeri Pahang menyusun dan bajet ini saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut pagi tadi, yang libat urus ini dibuat 5, 6 bulan sebelum ini, semua terlibat pegawai-pegawai kakitangan kerajaan. Nak sentuh pasal oh… betul ke boleh dapat *income* banyak ni. Eh… Ini telah digariskan. Maknanya setiap hasil tu dia dah fikirkan. Pegawai-pegawai kerajaan ni dah fikirkan yang boleh capai hasil tersebut dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Maknanya kita ada *reserve* yang cukup banyak. Kalau pun kita belanja buat bajet defisit, saya rasa takde masalah kalau untuk merancakkan ekonomi. Kita buat bajet defisit untuk rancakkan ekonomi. Kita buat bajet surplus ini kita menunjukkan ekonomi kita kukuh. Bila hari ini semua media menayangkan er… bajet negeri Pahang ini adalah bajet *first class* akan menarik pelabur-pelabur luar ke negeri Pahang. Itu adalah impak yang kita akan dapat selepas ini.

Saya ni kalau nak sebut banyak perkara, tapi sesetengah pihak cuba juga. Kaki *claim* ni memang ada ni, kaki *claim*. Dia suka bila orang buat jalan, dia pun ambil gambar. Dialah yang menyebabkan benda tu buat. Padahal tak terima kasih kepada kerajaan pun. Bila ada benda berlaku bantuan dan sebagainya, dia pula yang pergi ni. Ada tu, kita buat majlis berkhatan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pahang, dia pergi melawat orang tu kononnya macam dia pulak yang bagi apa… apa sunat percuma itu. Jadi… cukuplah kaki *claim* ni. Jangan pulak malam ni, YB Sharim menang boling malam ni, dia kata dia… sebab dia… YB Sharim menang boling malam ini. [Ahli Dewan ketawa]. Eh *sorry,* Chini. Ini Kerajaan Negeri Pahang buat bajet ni sebab hogoh. Eh, takat 1,300 orang datang Jelai tu, Yang Amat Berhormat Menteri besar ni senyum je. Dia harapkan 30 ribu supaya orang-orang Jelai dapat limpahan ekonomi bila pergi dekat situ 30,000 orang er… seronok berniaga itu er… tapi dia boleh nak *claim* ini er… yang kaki claim ini memang ramai ini kaki *claim*, dia suka *claim*. Orang lain yang buat er… dia yang *claim* er… dia rasa…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Speaker,

Saya tertarik ini sebab yang Hogoh Jelai itu saya faham Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar seorang yang cukup prihatin. Kita beritahu la semua, kawan-kawan semua pergi la ke Jelai buat kuih banyak-banyak tempat saya pun ramai juga yang buat kuih, buat lemang semua sekali bawa ke Jelai.. tak laku sebab kita ingat 30,000 rupanya 1,200… 1,300. Balik itu kita jamu sahaja bagi ke orang, masya-Allah jadi aniaya… aniaya itu sebab promosi itu terlebih sangat. 30,000 itu yang buat merata. Saya rasa saya bersimpati la dengan er… dengan sahabat saya daripada Kemayan itu yang bercerita memang betul la kadang-kadang itu bila dia er… orang kata macam jual ubat la, dia terlampau banyak sangat promosi. Akhir sekali bila sampai sebenarnya dia tidak seperti yang di er… yang di… apa itu yang diharap-harapkan jadi ini apa nama… teruskanlah…
[ketawa]

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih er… Benta. Selepas ini mungkin Hogoh Benta nak buat tapi saya rasa saya cadangkan sebelum buat Hogoh Benta datang dulu Hogoh Kemayan la saya rasa. Saya pun memerlukan juga limpahan ekonomi daripada 30,000 itu kan mungkin ramai yang boleh meniaga dan sebagainya. Bagi saya bila kita lihat tanya hati sendirilah bajet ini baik atau tidak. Kalau rasa baik kita katakan baik mungkin ada kekurangan kita perlu buat penambahbaikan dan saya yakin kerajaan negeri melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar setiap tahun ada penambahbaikan.

Dia tak boleh kita terus jadi er… minta maaflah pernah isu judi dan sebagainya er… kononnyalah nak hapuskan judi dan sebagainya da sesetengah pihak nak hapuskan

judi dan sebagainya tapi masa dia jadi kerajaan persekutuan beberapa kali bawa dalam Kabinet er… menterinya adalah Menteri Agama, timbalan menterinya adalah Timbalan Menteri Agama beberapa kali bawa dalam Kabinet supaya tutup judi di Genting itu. Kalau boleh jawab, jawablah nanti berapa kali buat dalam Kabinet sebab saya pun berada di Pejabat Perdana Menteri masa itu kita tahulah prestasi sesetengah pihak ini er… jadi kita tengok sendiri, jangan kita gadaikan apa yang telah baik oleh Kerajaan Negeri Pahang hari ini jangan sebab kata-kata yang rasa mereka hebat, mereka cukup berpengalaman, hasilnya kalau betul-betul rasa bagus, saya rasa SG4 er… SG4 itu tunjukkan bukti dululah.

Kerajaan Negeri Pahang dah tunjukkan bukti yang Bajet 2026 Kerajaan Negeri Pahang Bajet *First Class*. Sepatutnya bagi saya kita perlu bersama-sama berganding bahu er… bagaimana kita nak menjadikan Pahang ini lebih Makmur. Pegawai kerajaan, pihak Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat tak kiralah daripada pembangkang ataupun kerajaan sepatutnya kita lengkap-melengkapi supaya yang paling utama tugas kita di sini adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat negeri Pahang.

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara dan ingin memohon di sini beberapa perkara untuk tindakan daripada kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan. Yang pertama adalah saya takkan lari daripada menyentuh berkaitan dengan FELDA. FELDA ini banyak benda dah buat bagus dah ini. Saya yakin banyak benda dah buat bagus dah tapi ada perkara yang saya rasa FELDA perlu kurangkan birokrasi terutama dalam tatacara penggunaan wang JKKR sebab dalam JKKR ada er… pengerusinya adalah daripada Pengurus FELDA, naib timbalan pengerusi adalah ketua peneroka dan ada bendahari, ada jawatankuasa dan sebagainya cukup lengkap. Dia macam er… JPKK dia tak ada Pengurus FELDA dalam itu dan wang ini adalah wang kutipan tak kiralah untuk bangunan jalan ladang ataupun untuk aktiviti JKKR. Malangnya, apabila setiap penggunaan ini perlu mendapat kelulusan daripada Pengurus Besar Wilayah. Ini adalah birokrasi yang ada dalam FELDA yang menyebabkan sesuatu perkara ataupun projek yang ingin dijalankan oleh JKKR jadi tergendala. Sebagai contoh Projek Sejati Madani. Duit Sejati Madani dimasukkan dalam JKKR supaya mudah dibelanjakan tapi untuk JKKR tidak mudah seperti JPKK terpaksa mendapatkan kebenaran bila guna dulu dah kena surat tunjuk sebab daripada FELDA kenapa guna tanpa kebenaran daripada Pengurus Wilayah. Jadi saya rasa pihak FELDA perlu melihat semula tatacara ini supaya lebih memudahkan pihak JKKR bagi penggunaan wang JKKR.

Seterusnya adalah berkaitan dengan TABIKA KEMAS. Kawasan saya ini banyak TABIKA KEMAS. Saya faham ada setengah itu kita bagi peruntukan dia cuma bagi peruntukan kepada TABIKA PASTI saja kan yang *private* ini TABIKA KEMAS ini adalah kerajaan punya yang diuruskan oleh KEMAS di bawah KKDW. Malangnya, TADIKA-TADIKA KEMAS ini telah berusia sehingga kita terpaksa minta bantuan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, banyak bantuan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi penyelenggaraan TABIKA KEMAS tapi yang sepatutnya mengambil tanggungjawab ini adalah pihak KEMAS itu sendiri. Kalau di kawasan saya itu, ada cikgu terpaksa guna duit sendiri untuk buat *wiring* dan sebagainya cukup malang. Padahal ramai yang kita di sini lahirnya daripada TABIKA KEMAS tak kiralah daripada belah sana ataupun sebelah sini kan er… masa itu dulu tak ada lagi PASTI… PASTI ini kan tapi hari ini kita ada di sini sebab pendidikan awal daripada TABIKA KEMAS. Jadi saya mohon supaya pihak KEMAS mengambil serius terhadap penyenggaraan TADIKA-TADIKA KEMAS di seluruh negeri Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ada sedikit sahaja lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ada beberapa perkara sahaja lagi yang saya ingin sampaikan er…

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, nak mencelah sedikitlah. Saya dengar dengan teliti tapi bila ADUN Kemayan sebut kaki *claim* ini tadi, saya *confuse* sedikit. *Claim* ini biasanya kalau kita buat tuntutan perjalanan kan? Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri ya? Dah *claim* ke belum… maksud Yang Berhormat kaki *claim* tadi apa sebenarnya. Saya nak mendapat penjelasan sedikit. Terima kasih Yang di-Pertua.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat sekalian kaki *claim* ini orang lain yang buat kerja tapi *claim* konon dia punya. Secara jelasnya, macam itu er…

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Siapa? Siapa itu?

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Perkara ini er… dibuat, disediakan oleh kerajaan negeri melalui kerajaan negeri dan di… diuruskan oleh jabatan kerajaan tapi dia pergi kat sana *claim* konon inilah usaha aku ini menyebabkan jalan ini dibaiki er… itu antara contoh Yang Amat Berhormat…

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker,

Boleh bagi contoh tak?

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Er… tadi saya dah bagi contoh jalan er… sebagai contoh jalan. Saya tak ingin *mention* siapa-siapa er…

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Maksudnya er… maksudnya yang kaki *claim* itu contoh jalan, siapa yang kaki *claim* itu.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tak, saya tak ingin mention kan siapa-siapa…

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Jangan er… jangan *general*. Jangan *generalize.*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, sila. Sila, Yang Berhormat Benta.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Kita bagi contoh la bila bentang bajet Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar bentang bajet negeri Pahang ada yang *claim* kata nasib baik kita buat Hogoh Jelai sebab itu bajet itu jadi bajet yang dibentang oleh Dato' Sri Yang Amat Berhormat Dato' Sri MB, itu nama *claim*. Contohlah, contoh er… contoh. [ketawa] [Ahli Dewan menepuk meja] Contoh *claim* itu maknanya, tak ada pasal.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya rasa er… makna Benta memahamilah maksud *claim* itu er… dia jelas la dekat situ…

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Mencelah sedikit.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Dia jelas la dekat situ kaki *claim* ini…

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Mencelah sedikit, Kemayan.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Okay, saya ada dua, tiga perkara berkaitan dengan er… okay, okay silakan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya minta er… Yang Berhormat duduk er… saya minta Kemayan teruskan kerana masa dah suntuk. Tak apa, tak apa kerana nanti masa tak cukup lagi.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Selain itu, saya memikirkan yang er… kakitangan kerajaan adalah penting untuk menjalankan sistem penyampaian kerajaan. Kalau kita lihat di sesetengah daerah hari ini yang kakitangan berlaku banyak kekosongan kakitangan kerajaan. Saya mohon supaya pihak kerajaan kalau boleh kakitangan kekosongan-kekosongan itu dapat diisikan dengan segera sebagai contoh di daerah Bera ini lebih kurang 6 hingga 7 orang pegawai yang kosong, bila tukar tak ada. Jadi bila untuk urusan rasmi kerajaan menjadi beban kepada mereka walaupun mereka… walaupun dengan kekurangan itu, mereka dapat jalankan dengan baik tapi lebih baik kalau kita isi kekosongan tersebut supaya melicinkan perjalanan penyampaian kerajaan.

Yang kedua terakhir, er… Projek Air Luar Bandar di Kampung Lubuk Tambangan, Bera telah diluluskan oleh KKDW. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dijalankan kerana masih tidak cukup wang untuk er… naik taraf loji dan juga sistem perpaipan bagi membekal air di kawasan tersebut. Kalau buat juga projek itu akan memberi kesan kepada kawasan yang lain. Jadi, saya mohon kerajaan negeri untuk pertimbangkan supaya membantu bahagian supaya Loji Air Sungai Bera itu dan juga sistem perpaipan itu dapat dilaksanakan dan projek ini dapat dilaksanakan. Selain itu, bagi saya, kalau kita tengok adalah mungkin Inisiatif Makmur ini tak ada daripada kepada satu golongan yang saya rasa di tempat saya ini ramai pekerja-pekerja ladang yang gaji harian dan mereka ini hanya dapat gaji bila mereka keluar bekerja. Jadi mungkin kerajaan negeri boleh fikirkanlah untuk akan datang supaya memberi inisiatif kepada pekerja ladang dan juga estet yang mempunyai gaji harian seperti ini.

Yang terakhir saya mohon untuk pertimbangan daripada kerajaan negeri untuk menyegerakan Skim Tanah Rakyat Bandar 35 untuk peserta-peserta FELCRA di Tembangau. Sebab, dulu 2018 telah diluluskan projek perumahan untuk peserta FELCRA. Tapi malangnya bila kerajaan Barisan Nasional tumbang, projek itu di dibatalkan. Jadi atas inisiatif kami semua yang mencadangkan supaya diberikan tanah sebab mereka bila dah pencen, mereka ada wang KWSP, boleh buat rumah di tanah tersebut. Dan kebanyakan mereka dah pencen ini dan terpaksa keluar dari rumah ladang. Jadi kalau STR ini lambat lagi dilaksanakan, makin masalahlah dari segi perumahan bagi pekerja-pekerja ladang. Saya rasa itu saja yang ingin saya sampaikan.

Saya berdoa agar apa yang telah dirancangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini akan dipermudahkan oleh Allah SWT dengan bantuan kita semua. Saya rasa itu saja daripada saya. Kemayan mohon menyokong. Sekian, Assalamualaikum WBT. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Kemayan. Seterusnya saya menjemput Sungai Lembing. Sila.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Salam hormat kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, barisan er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli Dewan Negeri Pahang dan semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Pertama kali saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini bagi melaksanakan tanggungjawab besar bagi membahas belanjawan negeri Pahang 2026. Kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di atas kejayaan mencapai kutipan hasil melebihi RM1 bilion bagi empat tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah tiket untuk kita mendabik dada dan memperkecilkan pihak lain kerana yang akhirnya limpahan rezeki ini semuanya adalah kurniaan daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan negeri atas pembentangan Belanjawan 2026 yang telah memberikan gambaran hala tuju pembangunan negeri pada tahun hadapan. Sebagai wakil rakyat daripada pihak pembangkang, adalah menjadi amanah dan tanggungjawab saya untuk meneliti, menimbang serta menilai segala cadangan belanjawan ini dengan penuh tertib dan objektif. Bukan untuk menafikan usaha kerajaan tetapi untuk memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan benar-benar memberi manfaat maksimum kepada rakyat Pahang seluruhnya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, memulakan perbahasan saya, saya ingin menyentuh tentang Teras ke-2, Melonjak Ekonomi Negeri. Saya amat menyokong baik atas usaha kerajaan dalam menyediakan peruntukan untuk meningkatkan keusahawanan, usahawan-usahawan di negeri Pahang. Namun, beberapa isu penting wajar diteliti agar objektif sebenar dapat dicapai. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta melalui Program Usahawan Makmur dan RM3 juta lagi untuk pemberian lesen percuma kepada penjaja serta peniaga kecil daripada golongan B40. Ini jelas untuk memacu pertumbuhan perniagaan mikro. Namun, jika dibandingkan dengan skala ekonomi negeri, jumlah RM8 juta ini terlalu kecil untuk benar-benar memberi kesan signifikan terhadap pemerkasaan keusahawanan.

Saya ingin menanyakan kepada kerajaan, siapakah golongan yang terlibat dalam kategori usahawan makmur ini? Dan berapakah yang telah berdaftar dan layak sehingga setakat ini? Di pihak pembangkang, saya mencadangkan kerajaan negeri menambah peruntukan keusahawanan supaya impak lebih signifikan. Menyediakan instrumen sokongan seperti dana permulaan, latihan, pemasaran dan perniagaan serta program inkubator bagi usahawan. Menerapkan... menetapkan indikator kejayaan yang jelas seperti pertumbuhan perniagaan, penciptaan pekerjaan dan bilangan usahawan mikro yang berjaya naik ke peringkat seterusnya. Kesimpulannya,

niat kerajaan untuk memperkasakan keusahawanan amat kami sokong. Namun, peruntukan kecil dan fokus terhad berisiko membataskan manfaat sebenar kepada rakyat. Bagi menyeru kerajaan, kami menyeru kerajaan menilai semula belanjawan ini supaya janji kemakmuran untuk memperkasakan usahawan benar-benar tercapai.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Dadah adalah musuh negara. Ianya bukan sahaja boleh menghancurkan masa depan yang terjebak malah boleh meruntuhkan sesebuah institusi negara. Tidak hairan juga jika kadar perceraian yang tinggi berlaku dalam negara ini berpunca daripada dadah. Di Pahang, kita melihat semakin banyak komuniti termasuk FELDA, kampung tradisi dan kawasan perindustrian mula terdedah dengan dadah sintetik dan bahan-bahan terlarang baharu. Sungai Lembing menyambut baik usaha kerajaan bagi menangani isu dadah dalam masyarakat dengan memberi peruntukan sebanyak RM1.418 juta. Jumlah keseluruhan meliputi tujuan pemulihan, pencegahan dan aktiviti kesedaran.

Saya berasa sedih apabila melihat keadaan keluarga mereka yang terlibat dengan dadah ini dan keluarga kita juga tidak terkecuali menjadi mangsa jika tidak ditangani dengan sebaik mungkin. Namun, di sini saya berpendapat bahawa dasar pencegahan kita masih belum cukup berkesan. Isu dadah tidak akan selesai jika tindakan kita hanya tertumpu kepada penagih kecil. Sungai Lembing menegaskan bahawa kerajaan negeri perlu memperkukuh kerjasama risikan dengan PDRM dan AADK bagi menumpaskan pengedar besar dan sindiket, bukan hanya mereka yang terperangkap sebagai pengguna.

Kawasan panas di daerah tertentu harus dipantau secara lebih serius terutama lokasi transit yang mudah dieksploitasi oleh sindiket. Bayangkan dulu untuk melihat individu yang mengambil dadah pun sukar. Namun, hari ini dadah dijual di tepi jalan seolah-olah menjual goreng pisang panas oleh para pengedar atau lebih dikenali sebagai *pusher*. Situasi ini amat membimbangkan kita. Kita mahu memastikan penagih yang ditangkap dan dimasukkan ke pusat pemulihan benar-benar pulih dan insaf daripada terlibat dengan najis dadah. Kita tidak mahu pusat pemulihan itu menjadi seolah-olah tempat *check-in* hotel semata-mata di mana mereka keluar masuk tanpa perubahan.

Malangnya, ramai kembali terjebak selepas keluar dari pusat pemulihan kerana punca utama masalah ini iaitu kegiatan pengedaran dadah masih berleluasa dan terus mempengaruhi mereka. Selagi rangkaian pengedaran ini tidak ditangani secara tuntas, usaha memulihkan penagih ini tidak akan mencapai hasil yang kita harapkan. Justeru, segala langkah yang diambil mesti benar benar berkesan. Marilah kita pastikan Pahang bukan sahaja maju tetapi selamat dan bebas daripada ancaman dadah.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Kerajaan telah merangka program dan inisiatif baik pulih rumah Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

Sungai Lembing menyambut baik usaha ini dan amat bersetuju dengan langkah kerajaan kerana di kawasan saya sendiri terdapat dua perkampungan Orang Asli iaitu di Bukit Bakau dan Sungai Mas. Banyak rumah-rumah dikenalpasti yang layak untuk dibaik pulih bagi mensejahterakan kehidupan mereka.

Namun begitu, saya ingin mencadangkan agar program baik pulih ini diperluaskan kepada golongan miskin dan B40 termasuk ibu-ibu tunggal yang turut memerlukan bantuan tersebut. Sebagai contoh, di pekan Sungai Lembing khususnya di Kampung Jalehang, Kampung Melayu dan Kampung Seberang. Terdapat terdapat banyak rumah uzur yang memerlukan perhatian segera. Ada rumah yang atapnya bocor, dindingnya reput dan lantainya sudah roboh.

Walaupun sebahagian rumah-rumah ini merupakan tinggalan syarikat perlombongan bijih timah pada zaman dahulu, namun itulah satu-satunya tempat berteduh dan meneruskan kehidupan bagi penduduk berkenaan. Tambahan pula, keadaan rumah-rumah yang uzur ini turut mencacatkan imej Sungai Lembing sebagai sebuah destinasi pelancongan. Sehubungan itu, saya memohon agar kerajaan mempertimbangkan perluasan skop program baik pulih rumah ini supaya lebih ramai rakyat yang benar-benar memerlukan dapat dibantu dan pada masa yang sama memperelokkan wajah serta daya tarikan Sungai Lembing.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Isu keselamatan dan bencana alam. Dalam pembentangan Belanjawan 2026 Jumaat yang lepas, kerajaan negeri ada menyentuh berkenaan isu banjir dan rancangan tebatan banjir. Sungai Lembing tidak asing lagi dengan insiden seperti banjir dan tanah runtuh terutamanya ketika Monsun Timur laut.

Musibah sebegini bukan sahaja mengancam keselamatan nyawa malah boleh menyebabkan kerosakan harta benda. Oleh itu, beberapa langkah kawalan dan pencegahan perlu dipertimbangkan. Antaranya ialah penilaian risiko bencana secara berkala termasuk kajian terhadap struktur tebing sungai dan kawasan cerun. Jalan masuk ke pekan Sungai Lembing melalui beberapa cerun dan bukit yang berisiko tinggi seringkali berlaku tanah runtuh, pokok tumbang dan kerosakan pada tiang elektrik ketika musim tengkujuh dan angin kuat. Oleh itu, saya ingin menyeru pihak berwajib agar sentiasa melakukan penilaian risiko secara kerap bagi memastikan keselamatan penduduk dan pengguna jalan raya.

Pokok-pokok yang reput atau berisiko tumbang harus diambil tindakan segera untuk mengurangkan kemungkinan kejadian tidak diingini. Selain itu, terdapat aduan khusus daripada penduduk Pekan Sungai Lembing, mengenai kewujudan pokok-pokok yang tumbuh di cerun bukit, bermula daripas daripada, kawasan pintu masuk Bukit Panorama, sehingga ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Lembing. Laluan ini merupakan jalan utama yang digunakan oleh ibu bapa, untuk menghantar anak ke sekolah, serta para pelajar yang menunggang motosikal. Penduduk khuatir pokok-pokok yang tumbuh di cerun tersebut, berisiko tumbang, akibat hujan dan angin kencang. Sekali gus membahayakan keselamatan pengguna pengguna jalan raya, termasuk ibu bapa dan para pelajar. Sehubungan itu, mereka memohon agar pihak berkenaan segera mengambil tindakan, menebang atau membersihkan pokok-pokok berisiko bagi memastikan keselamatan semua, pihak terjamin.

Menyentuh isu tempatan banjir. Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada pelaksanaan projek tebatan banjir di Sungai Kenau, Sungai Lembing. Satu inisiatif penting yang diumumkan bagi menangani isu banjir berulang, di pekan tersebut. Projek ini, me... menurut... menurut maklumat rasmi melibatkan kerja-kerja mendalamkan sungai, pembinaan benteng kiri dan kanan sepanjang 7 KM dengan anggaran kos litar 100 RM100 juta dan dijangka siap pada November 2026.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Sebagai wakil rakyat dan suara penduduk setempat. Saya menyokong inisiatif ini secara prinsip tetapi saya ingin menegaskan bahawa kerjasama ketelusan dan pemantauan yang berterusan adalah penting agar projek ini benar-benar memberi manfaat seperti yang dijanjikan. Hari ini saya menerima aduan tentang kegusaran penduduk anta... terhadap status pelaksanaan kerja-kerja pembinaan RTB Sungai Kenau ini. Antara dakwaan mereka, terutama tebing runtuh dan hakisan yang semakin serius. Selepas banjir, tebing sungai di Sungai Rimau terus runtuh dan terhakis. Batu Kuari yang dipasang kelihatan tidak stabil dan sebahagiannya tercabut daripada tempat asal. Ini menunjukkan kerja perlindungan tebing tidak berfungsi atau tidak mencukupi.

Peralatan projek hanyut. Beberapa peralatan kerja seperti pam dan mesin pengerukan dilaporkan hanyut ditolak arus dan selebihnya berselerak di tebing. Jika peralatan sebesar itu tidak dapat dilindungi, bagaimana kita mahu yakinkan mereka bahawa rumah, nyawa dan harta benda mereka dilindungi. Ketiga, risiko penduduk meningkat selepas kerja RTB bermula. Sebelum projek dimulakan, risiko banjir di kawasan tertentu adalah rendah atau sederhana. Tetapi selepas kerja-kerja penggalian, pengerukan dan pendedahan tebing, risikonya menjadi semakin meningkat. Ini ditegaskan sendiri oleh penduduk berdasarkan kejadian dan keadaan tebing selepas banjir baru-baru ini.

Sehubungan itu, saya ingin mengemukakan beberapa soalan dan cadangan kepada kerajaan negeri. Pertama, bolehkah kerajaan negeri berkongsi jadual pelaksanaan terkini projek RTB Sungai Kenau? Bilakah kerja-kerja utama seperti pedalaman sungai, pembinaan benten benteng dan sistem saliran dijangka siap? Kedua, apakah langkah pemantauan yang diambil untuk memastikan projek ini mengambil kira kaedah terbaik termasuk kajian impak alam sekitar, aliran air semasa hujan lebat serta konsultasi bersama penduduk dan orang kampung? Bagaimana, ketiga, bagaimana kerajaan memastikan bahawa projek ini tidak hanya menyelesaikan banjir akibat sungai melimpah tetapi juga mengambil kira aliran air dari bukit saliran kampung, dan sistem longkang, air hujan di kawasan perumahan dan perniagaan supaya risiko banjir tidak berpindah ke kawasan lain? Keempat, adakah kerajaan negeri merancang untuk mengadakan libat urus bersama penduduk Sungai Kenau, Sungai Lembing secara berkala agar masyarakat dapat mengikuti perkembangan-perkembangan projek, memberi maklum balas dan dipastikan projek tidak menyebabkan masalah baru seperti hakisan tebing, pencemaran atau gangguan aliran semula jadi? Terakhir saya, menggesa agar kerajaan menyediakan saluran maklumat rasmi dan telus. Laporan berkala, buku panduan sesi bersama wakil rakyat dan penduduk, supaya rakyat dapat memerhati sebenar, memerhati hasil sebenar projek dan memberi input sewajarnya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Projek tebatan banjir ini, berpotensi menyelamatkan ramai nyawa. Rumah dan masa depan penduduk Sungai Lembing. Tetapi kejayaan projek bukan hanya pada pembinaan, ia terletak pada pelaksanaan penyelenggaraan dan komitmen berterusan kerajaan, serta masyarakat. Saya menyeru agar kerajaan mengambil serius aspek ini dan memastikan projek ini menjadi contoh teladan terhadap RM11.6 juta bagi projek RTB lain di seluruh Pahang, Pahang yang telah diumumkan.

Yang Berhormat Timbalan Speak... Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Penyelenggaraan jalan dan infrastruktur negeri. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada isu kerosakan jalan raya di DUN Sungai Lembing. Satu perkara yang sering menjadi rungutan dan kebimbangan pengguna jalan raya. Pelbagai aduan dan kecaman telah saya terima dan keadaan ini memerlukan tindakan segera daripada pihak kerajaan. Terdapat 2 jalan yang saya lihat kritikal untuk diselesaikan segera. Walaupun jalan-jalan lain perlu dinaik taraf.

Pertama, saya ingin memberi fokus kepada Jalan FT 1581 Kuantan-Cerul, khususnya berhampiran Jambatan Sungai Riau. Jalan ini, merupakan jalan utama penduduk Gugusan FELDA Bukit Sagu, untuk ke untuk ke tempat kerja dan urusan-urusan lain di bandar Kuantan. Keadaan jalan tersebut bukan sekadar berlubang, malah berlekuk dan mendap yang agak kritikal sehingga menimbulkan risiko tinggi kepada pengguna, terutamanya apabila 2 kenderaan berselisih.

Keadaan permukaan yang tidak stabil ini, boleh mengakibatkan kemalangan dan kerosak kenderaan kerosakan kenderaan pengguna pada bila-bila masa. Saya memohon agar kerajaan menyediakan peruntukan segera untuk kerja pembaikan menyeluruh dan bukan sekadar tampalan segera. Kedua saya ingin menyentuh mengenai Jalan Sungai Lembing FT 231, iaitu jalan berhampiran Jambatan Kampung Bayas, berdekatan dengan Balai Bomba yang kini sedang dalam pembinaan. Untuk rekod, pihak Roadcare telah melakukan pembaikan jangka pendek sebelum ini. Namun, malangnya kerosakan kembali berlaku, malah lebih teruk. Ini berpunca daripada hakisan tanah pada *abedment,* jambatan, yang telah menyebabkan berlakunya lubang benang, lubang benam.

Keadaan ini membimbangkan penduduk kerana ia melibatkan struktur asas jambatan dan keselamatan pengguna. Oleh itu, saya mewakili penduduk Sungai Lembing memohon, agar kerajaan, pertama menilai semula kerosakan secara menyeluruh secara menyeluruh. Kedua, mengambil tindakan pembaikan *drastik* dan berkekalan. Dan yang ketiga memastikan langkah keselamatan segera dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang *insiden* tidak diingini. Tindakan segera ini amat penting untuk mengembalikan ketenangan hati penduduk dan memastikan keselamatan pengguna jalan raya melalui kawasan tersebut setiap hari.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Sedikit mengenai isu di kawasan saya. Saya juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa perhatian Dewan kepada satu insiden yang berlaku baru-baru ini di Rancangan Tanah Kelompok (RTK) Sungai Padi, Sungai Lembing. Pada 15 Julai 2025, telah berlaku satu kekecohan di kawasan tersebut. Namun, sehingga kini saya masih belum mendapat maklumat yang jelas berhubung punca sebenar ketegangan yang berlaku. Bagi mendapatkan penjelasan rasmi, saya cuba mengambil puang... peluang di atas satu sesi temujanji yang telah saya dapat lebih awal dengan Pegawai Daerah yang ditetapkan pada 17, 17 Julai 2025. Walau bagaimanapun, pertemuan tersebut telah dibatalkan sehari sebelum ia berlangsung atas sebab yang tak dapat dielakkan. Sehingga hari ini, saya masih belum menerima tarikh baru untuk sesi perjumpaan, mahupun sebarang penjelasan rasmi mengenai *insiden* yang berlaku.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Dalam hal ini, saya ingin mendapatkan pencerahan daripada pihak kerajaan, negeri berhubung 2 perkara penting. Pertama apakah prosedur sebenar, dalam pembukaan dan pengurusan sesebuah Rancangan Tanah Kelompok (RTK), khususnya di bawah Pentadbiran Negeri Pahang. Saya percaya rakyat berhak mengetahui proses yang telus, serta peraturan yang menjadi asas kepada kewujudan (RTK). Kedua, apakah fakta sebenar yang membawa kepada kekecohan di (RTK) Sungai Padi pada tarikh tersebut. Sebagai wakil rakyat, saya bertanggungjawab membawa suara dan kebajikan penduduk setempat dan adalah amat penting agar Dewan ini dimaklumkan tentang keadaan sebenar serta langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh pihak berkuasa.

Saya berharap pihak kerajaan negeri dapat memberikan penjelasan yang menyeluruh dan tepat agar tidak timbul kekeliruan atau kegusaran berpanjangan dalam kalangan penduduk yang terlibat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat panjang lagi?

(ADUN SUNGAI LEMBING N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Penutup dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay... sila.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa belanjawan bukan sekadar angka yang dibentang, tetapi amanah besar yang mesti menepati janji kepada rakyat. Kini tibalah masa untuk kita melaksanakan apa yang telah kita rancang dan ucapkan. Harapan kami sebagai wakil rakyat pembangkang tidak besar. Walaupun tidak ada sebarang peruntukan diumumkan untuk kami membantu rakyat secara terus, tetapi kami berharap inisiatif-inisiatif ini dapat digerakkan bersama bagi mewakili rakyat di kawasan kami. Selari dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan... Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah yang mahu pihak kerajaan dan pembangkang, perlu duduk bersama dari masa ke semasa atau seeloknya sebulan sekali lakukan sesi libat urus sesama sendiri. Ingatlah, walaupun kita mempunyai tanah untuk berjalan. Ada ke…ada ketikanya kita perlukan cahaya bulan untuk menyuluh perjalanan kita. Semoga… boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut bulan dalam ucapan tu. Saya…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dak saya tak berapa fokus tadi, cuma saya nak bagitahu minta Yang Berhormat... tak pernah dapat peruntukan? Tak ada peruntukan? Yang Berhormat menyatakan tadi tak

ada peruntukan. Saya ingat Yang Berhormat kena tarik balik tu. Kita bagi RM70 ribu setahun tu.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, saya sebut tadi peruntukan untuk kami membantu rakyat secara terus.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak ada, tak sebut yang itu. Yang Berhormat sebut tak ada peruntukan je.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tidak, kita ….

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat yang cakap, Yang Berhormat lagi tahulah. Apa tanya pula.
(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Peruntukan…peruntukan yang saya maksudkan peruntukan secara terus.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang saya maksudkan Yang Berhormat kata tak ada peruntukan. Apa yang tersirat, saya tak tahulah.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Sebelum ni, kita pun sudah maklum dalam media sosial. Kita menerima…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi peruntukan ada ke tidak? Ada terima dak?

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Kita terima RM 5,000.00 setahun pada bulan Ramadan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Berapa?

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang saya sebut itu tadi peruntukan secara terus untuk kita membantu rakyat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

RM5,000.00 ribu setahun?

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Bukan kecil… bukan kecil untuk Pembangunan…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak betul tu.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Ini maksud saya tadi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Peruntukan yang kerajaan negeri bagi RM70,000.00 setahun. Ada terima tak?

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

RM70,000.00 setahun?

ADUN JELAI (N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

RM35,000.00.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang dimasukkan ke Akaun Pusat Khidmat Masyarakat?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hah, yang itulah.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tidak, tidak, tidak terima.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hah. Melalui Pejabat Daerah. Itu peruntukan kepada Yang Berhormatlah.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tapi yang ini saya maksudkan peruntukan secara terus untuk kita membantu rakyat secara terus yang datang kepada kita. Spek… spek mata anak patah tak mampu nak beli. Ini yang kita minta, ini yang kita bantu, kita nak minta untuk bantu rakyat yang sakit teruk, perlukan susu dan…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau ada yang sakit, datanglah tapi kita bagi melalui pejabat daerahlah.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tapi peruntukan yang di pejabat daerah itu untuk pembangunan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Takkan nak sama dengan kerajaan pula.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tak, yang diperuntukan itu, apa ni… yang RM60 ribu itu untuk pembangunan kecil. Bukan untuk…untuk membantu rakyat secara terus. Yang saya maksudkan ni secara terus.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingat nanti jumpa Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negerilah. Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri *explain* sikit kepada Yang Berhormat ya.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih YB.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Diharapkan benarlah apa yang dimaksudkan tadi. Kalau dapat RM70 ribu sebulan untuk Pusat Khidmat Masyarakat. [Ahli Dewan ketawa] Alhamdulillah. Okay. Semoga segala inisiatif yang diumumkan tersebut benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan dan tiada seorang pun yang akan tertinggal daripada mendapat manfaatnya. Saya dengan ini menyokong. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Wakil dari Sungai Lembing. Seterusnya saya ingin menjemput pembahasan yang terakhir, Ahli yang terakhir. Ahli yang dilantik. Sila.

(AHLI YANG DILANTIK 2)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Salam Sejahtera dan Salam Pahang 1st. Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2026. Dalam pembentangan teks Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita semua boleh mengesahkan pentadbiran kewangan semakin mantap dan berdaya saing untuk membangunkan ekonomi negeri dengan pendapatan melepasi tanda aras RM1 billion dan pertumbuhan KDNK mengatasi purata kebangsaan. Pahang kini mendahului negeri-negeri pantai timur yang lain dalam usaha merapatkan jurang ekonomi pantai timur. Pantai barat melawan pantai timur. Untuk sekian lama sejak merdeka, pembangunan pantai timur sentiasa ketinggalan berbanding dengan pantai barat, tetapi Pahang boleh mencipta sejarah bersaing dan bertanding dengan negeri-negeri pantai barat sehingga boleh mengatasi prestasi ekonomi negeri pantai barat.

Harapan ini boleh menjadi kenyataan kerana pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang cekap, fokus, bervisi serta berpandangan jauh. [Ahli Dewan menepuk meja] Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa memfokuskan kepada inisiatif pembangunan. Tidak sekali sekali berteriak dan berslogan untuk menarik perhatian. Inilah pemimpin yang betul-betul berwibawa, ikhlas dan jujur. Sentiasa mengutamakan agenda rakyat berbanding dengan sepak terajang politik [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Tuan Speaker.

Sejak hari Merdeka, buku-buku [tak jelas] sentiasa mendendangkan bahawa negeri Pahang kaya raya dengan sumber kayu-kayan dan hutan. Sebelum dan selepas merdeka, Pahang banyak bergantung kepada pendapatan kayu-kayan untuk menyokong pembangunan dan kemajuan secara sederhana. Mengikut perangkaan

Jabatan Perhutanan Negeri, Pahang memiliki kira-kira 3.8 juta ekar hutan simpan kekal. Meliputi hampir separuh keluasan bumi Pahang dengan pengwartaan hutan simpan yang begitu besar. Kerajaan dan rakyat Pahang telah banyak berkorban demi menyokong agenda pemeliharaan alam sekitar. Negeri Pahang merupakan *Green Lung* dengan izin, atau paru-paru hijau Semenanjung. Membawa fungsi-fungsi mengekalkan keseimbangan ekosistem. Melawan *climate changes* dengan izin dan juga memelihara sumber air, fauna dan flora hutan tropika ataupun berbagai spesis tumbuhan dan binatang liar. Kesemua sumbangan dan pengorbanan telah berlaku secara senyap-senyap tanpa disedari oleh kebanyakan Warga Semenanjung, termasuk juga NGO-NGO yang memperjuangkan tema perlindungan alam sekitar.

Yang Berhormat Tuan Speaker

Pengwartaan hutan simpan untuk pemeliharaan alam sekitar telah membekukan nilai ekonomi sumber tanah dan hutang sepanjang zaman. Persoalannya, apakah negeri dan rakyat Pahang mendapat ganti rugi yang setimpal? Apakah formula pengiraan yang boleh diguna pakai untuk menentukan kuantum ganti rugi yang munasaba?. Untuk menyemak beberapa soalan ini, saya telah mengajukan siri pertanyaan kepada ChatGPT dan DeepSeek. Kedua dua portal ini menyatakan dengan jelas, gas oksigen mentah yang dijanakan oleh hutan simpan kekal tidak mempunyai nilai komersial tetapi perkiraan nilai komersial hutan simpan, boleh menggunakan kaedah karbon kredit. Yakin ukuran…yakni ukuran…ukuran kemampuan hutan simpan kekal mengurangkan atau melupuskan 1 tan metrik gas karbon dioksida daripada atmosfera dalam tempoh setahun.
Untuk menjelaskan konsep karbon kredit, kita boleh mengambil contoh dasar pampasan caj karbon kredit yang akan dilaksanakan oleh syarikat penerbangan mengikut ketetapan ICAO atau *International Civil Aviation Organization*. Sebagai contoh yang paling mudah, penerbangan dari Kuala Lumpur ke Bandaraya Shenzhen, negeri China sejauh 4,400 km pergi balik. Setiap penumpang akan dikenakan caj tambahan karbon kredit. Di antara RM12 sampai RM40 bergantung kepada kelas dan syarikat penerbangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker

Negeri Pahang meliputi 3.8 juta ekar hutan simpan kekal dengan spesis kayu, usia serta rupa bentuk dan saiz yang berbeza-beza. Kesemua faktor-faktor ini boleh mempengaruhi penghasilan karbon kredit. Walau bagaimanapun, mengikut angka-angka paling konservatif yang boleh dipetik daripada ChatGPT, satu ekar hutan simpan kekal boleh menghasil lima karbon kredit dalam satu tahun.

Dengan tanda harga 5.00 US Dollar perkarbon kredit mengguna pakai angka-angka konservatif ini. Jumlah karbon kredit yang dihasilkan oleh hutan simpan dalam mengambil kira 20% daripada anggaran ini. Negeri Pahang sepatutnya mendapat pampasan 77 juta ringgit setiap tahun. Saya bukan pakar alam sekitar atau karbon kredit. Saya melontarkan idea ini semata-mata untuk dijadikan asas rangka kerja bagi pasukan pakar kerajaan negeri. Mungkin boleh dijemput bersama pakar-pakar dari Universiti Malaysia Pahang membuat kajian teliti dan mengemukakan permintaan secara rasmi kepada kerajaan Persekutuan. Saya juga ingin mengesyorkan sekiranya permintaan ini berjaya pampasan ini hendaklah disenarai sebagai item kekal dalam struktur kewangan persekutuan dan boleh dikaji semula setiap lima tahun mengikut harga pasaran karbon kredit antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya mendapat banyak aduan daripada pengguna jalan raya sekitar bandar Mentakab kerana tiada *traffic Interchange* dengan izin yang berdekatan di bandar Mentakab. Untuk gerak ke Kuala Lumpur dengan Lebuh Raya Pantai Timur, mereka terpaksa menghabisan 30 minit ke tol Lanchang, 20 minit ke tol Temerloh, kalau nak ke Kuala Lumpur. Kedudukan tol plaza yang sedia ada telah melambatkan perjalanan ke Kuala Lumpur. Oleh itu, saya ingin membawa dan mengangkat cadangan supaya satu lagi *traffic Interchange* dibina berhampiran dengan bandar Mentakab untuk kaedah untuk faedah para pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Taman Perindustrian Temerloh yang berada di kawasan Mentakab ditubuhkan pada tahun 1993. Kawasan perindustrian ini meliputi 600 ekar tanah. Selama 30 tahun ini Penggunaan tanah dalam Kawasan Perindustrian Temerloh telah mencapai tahap tepu. Pemain-pemain industri di sekitar daerah Temerloh terpaksa berhijrah ke tempat lain untuk memulakan projek pelaburan baru. Pengusaha yang sedia ada juga disekat dari menambah pelaburan. Seiring dengan pembukaan rel kereta api Pantai Timur tidak lama lagi, saya ingin mencadangkan sebuah lagi taman perindustrian dibuka berdekatan dengan bandar Mentakab dengan keluasan minimum 1000 ribu ekar. Saya berpendapat taman perindustrian ini boleh membantu para pelabur pengusaha mikro kecil dan sederhana. Saya juga ingin mencadangkan taman industri ini menfokuskan tema kepada rawatan mesin dan kenderaan di samping menjadi pusat pemasaran atau *trading hub spare part* atau alat ganti kenderaan dan mesin-mesin lain. Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan kata-kata di atas saya bersama-sama menyokong Belanjawan 2026 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ahli yang dilantik. Ahli Yang Berhormat Sekalian, untuk hari ini, saya perhatikan bahawa seramai 15 orang Ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucap ribuan terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana kelaziman persidangan kita, pihak Dewan Negeri akan mengadakan acara sukan boling berpasangan yang akan diadakan pada malam ini di Playground 6, Semambu pada jam 8.00 malam. Pihak Dewan Negeri telah mengedarkan t-shirt sukan untuk dipakai semasa acara tersebut berlangsung. Diharapkan ahli yang telah mengesahkan kehadiran dapat hadir mengikut masa yang ditetapkan.

Baiklah. Persidangan kita akan disambung pada hari esok, Selasa, 9 hari bulan Disember 2025 bermula jam 9.30 pagi. Persidangan di tempohkan, Insya-Allah.

[Persidangan Dewan Negeri ditangguhkan]

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KETIGA
9 DISEMBER 2025 (SELASA)

KANDUNGAN

HARI KETIGA: 9 DISEMBER 2025 (SELASA)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 41
4.	SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026	42 - 108
5.	PENEMPOHAN	108

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 9 DISEMBER 2025 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato’ Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato’ Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato’ Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato’ Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato’ Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato’ Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato’ Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato’ Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Selasa 9 Disember 2025
bersamaan 18 Jamadilakhir 1447 Hijrah
Masa : 9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama mulakan mesyuarat kita pada pagi yang mulia ini dengan membaca ummul kitab al-Fatihah. [Bacaan ayat al-Quran].

[Bacaan ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani. Kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat, pergaulan. Mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandukan ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan, Amin Ya Rabbal Alamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

(Ayat Al-Quran) Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, selamat pagi, salam Pahang 1st, salam perpaduan. Yang Amat Berhormat Dato Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah dan marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin-Nya kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang sama-sama dapat menyertai Pertandingan Mesra Boling di kalangan Ahli-ahli Dewan Negeri dan pasangan-pasangan yang hadir. Pasangan-pasangan yang tidak hadir, dia main *single*. Jadi kita kategorikan dua iaitu *single* dan juga *double*. *Double* ini berpasangan. Dia tak boleh pasangan lelaki dengan lelaki, tak boleh. Dia lelaki dengan wanita dan hanya isterinya sahaja yang sah ya.

Er... saya nak bacalah keputusan dia. Bagi pasangan ini... ini… bagi pertandingan berpasangan ya, tempat ketiga jatuh kepada wakil kita daripada Chini. Tak ada hadiah pasal hadiah Yang Amat Berhormat dah bagi semalam. Tempat kedua jatuh kepada... kepada wakil kita daripada er... ini… saya lupa pula dah, Peramu Jaya, dan johan maknanya dia ini main… main… main curi-curilah. Makna tak cakap ke mursyidul am, tak cakap… wakil daripada Beserah, johan [Ahli Dewan menepuk meja]. Tapi saya tengok, isteri dia lebih banyak skor daripada dia [Ahli Dewan ketawa]. Maknanya dia sebenarnya dibantu oleh isteri dia untuk menang. Bukanlah maknanya dia tak bagus, bagus juga tapi isteri dia lebih bagus.

Er... bagi perseorangan, yang ketiga jatuh kepada Speaker Dewan Negeri [Ahli Dewan menepuk meja]. Yang… yang kita sebut itu pasal kita ada nomborlah. Kalau tak ada nombor tadi kita lupakan saja Yang Amat Berhormat. Yang kedua, wakil daripada er... ini Dong... Dong, wakil daripada Dong, dan johan perseorangan semalam jatuh kepada wakil daripada Kemayan [Ahli Dewan menepuk meja]. Bangunlah sikit.

Jadi itu adalah keputusan dan kita dah tengok… tengok… tengok er... pertandingan boling inilah yang kita rasakan bahawa pertandingan yang paling sesuai untuk berpasangan kerana kalau main golf itu mungkin isteri tak main golf. Kalau sekiranya kita buat *paintball* ini main tengah panas, ya tak? Ada yang tak boleh kena panas ya tak? Jadi kita dah tengok dah main ping pong, main badminton, main *pickleball ya*. Ada juga cadangan nak buat *pickleball* tapi tak boleh, tengok permainan boling ini yang paling sesuai sekali.

Jadi kita nak buat juga pertandingan karaoke, tapi bimbang pula ada yang cakap syarie ni tak syarie. Jadi susah nak… nak… nak nyanyi lagu nasyid semua, semua tak berapa pandai. Jadi kita ambillah pertandingan boling yang terbaik. Pertandingan mengaji kang er… siapa nak jadi? Jadi, lama pula ya tak? Lama. Maknanya kita kena buat awal… jadi kalau tilawah. Kalau yang terbaik pertandingan boling.

Saya juga nak maklumkan bahawa semalam cuaca ataupun suhu di dalam dewan ini agak panas. Saya difahamkan bahawa pihak JKR Mekanikal sampai pukul 5:00 pagi telah memperbetulkan. Jadi ini kita bagi ucapan terima kasih kepada JKR nak mempastikan Ahli-ahli Dewan Negeri dapat keselesaan berucap, ya tak? Dengan baik, keselesaan untuk para pemerhati dapat duduk dengan selesa. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, elok dewan panas ke dewan sejuk?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Cuaca elok sejuk. Tapi Dewan itu, perbahasan elok panas [ketawa].

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

[Ketawa]Tak maksudnya bila tadi Dato' Sri Speaker sebab Dewan semalam suasana agak panas, saya mikirkan ini apa nama, makna lain. Rupanya berkenaan dengan *aircond* ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal Dato' tak datang main boling semalam [ketawa]. Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat yang seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sungai Lembing. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Lembing, wakil kita tak dapat hadir pada hari ini, kita minta wakil untuk bertanyakan bagi pihak Sungai Lembing.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

(Ayat Al-Quran). Dato' Sri Speaker, saya ajukan pertanyaan yang pertama.

> [Apakah status projek tebatan banjir di Sg Kenau, Sg lembing? Berapa peratuskah pelaksanaan projek telah dijalankan?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Pahang 1st. ADUN Kawasan Sungai Lembing bertanyakan soalan status Projek Tebatan Banjir di Sungai Kenau. Berapakah peratus pelaksanaan projek ini telah dijalankan? Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Sungai Lembing dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kenau ini telah dilaksanakan secara kontrak iaitu reka dan bina dan telah pun bermula pada 28 November 2023 dan insya-Allah ianya dijangka siap pada 27 November 2026.

Status kemajuan terkini projek ini adalah 16.84% berbanding jadual 16.33% iaitu awal empat hari Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Setakat ni baguslah kontraktor ini. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua, saya nak berkongsi sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat nombor berapa semalam?

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Nombor tiga tapi saya nak ada soalan tambahan ini. Nombor main boling?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Main boling.
(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Minta maaflah Sidang Dewan, nombor corot sekali, nombor 21. Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua, insya-Allah tahun depan saya buat peningkatan yang baru, insya-Allah. Saya… soalan saya, tambahan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja. Saya tertarik dengan soalan bab-bab tebatan ni sebab di sebelah Rompin pun banyak melibatkan perkara seumpama ini. Jadi kebetulan saya ada juga kadang-kadang pergi ke Sungai Lembing ni, jadi kalau nampak jalan berlubang, saya akan telefon ke JD, nampak air apa ni pecah, saya akan telefon juga, maknanya prihatin.

Jadi er... kebetulan pergi ke Sungai Lembing ni adalah dapat maklumat dari rakan-rakan di Sungai Lembing ni bertanyakan bila er... dijangka siap er... tebatan. Difahamkan, yang Sungai Lembing ni pada bulan November dan apakah langkah awal ataupun jangka pendek untuk sementara waktu ini bagi menangani masalah ataupun krisis banjir tebatan ni? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya baru nampak ADUN Sungai Lembing baru masuk. Jadi saya nak bagi tahu lagi sekalilah mungkin Yang Berhormat tak dengar tadi, kemajuan kerjanya sangat memberangsangkan awal empat hari daripada jadual iaitu sebanyak apa ni 16.84%, dijangka siap 27 November 2026. Berbalik kepada soalan tambahan Yang Berhormat ADUN Tioman tadi, beliau dapat nombor satu juga boling Yang di-Pertua, tapi nombor satu daripada bawah [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia... dia kalau baca Quran tu kita baca hak nombor satu daripada ke bawah, Al-Fatihah kan? Dia begini apa namanya (Ayat Al-Quran), dia *last* sekali tapi yang itu yang kita selalu baca.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Betul ADUN Tioman?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau kita sembahyang macam tu [ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Er... Yang Berhormat daripada Tioman bertanyakan langkah-langkah yang diambil sementara nak tunggu apa ni, empangan ni siap ataupun tebatan banjir ni siap pada November 2026. Setakat hari ini, saya dimaklumkan bahawa kerja-kerja mendalam telah pun dilaksanakan di samping mendalam, mengorek dan juga mengepam.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya cakap ikhlas, air Sungai Kenau tu, mula-mula kita korek setakat hari ni la langkah-langkah awal. Lepas kita korek, kita mendalam, lepas tu kita mengepam.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Korek, dalam, pam.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya tak ada niat lain ya, saya tak ada niat lain. ADUN Cheka pun senyum sinis kat saya [ketawa].

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Teringat masa... apa? Musim kemarau kita cari ikan. Kita pam dulu lepas tu baru kita cari... pakat cari ikan. Teringat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Samalah juga [Ahli Dewan ketawa] tapi yang ini untuk Sungai Kenau ya. Jadi tujuan dia ialah supaya air dapat lalu dengan dengan... dengan pantas dan tidak berlaku banjir. Itu adalah langkah-langkah awal yang kita buat setakat ini dan juga kerja-kerja pemuliharaan sungai dilaksanakan dan struktur tebing sungai juga di alur sungai tersebut kita ambil tindakan pembersihan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Kenapa Dato' Sri Yang di-Pertua tengok saya lain macam?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada tadi Ahli Yang Berhormat dia cakap *tie* Dato' Sri ini Yang Amat Berhormat itu lawa dia kata, cantik.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, *tie* ini adalah *made in* Malaysia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna promosi sikitlah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Made in Malaysia. Hadiah daripada kalau tak silap dia buat daripada kulit nanas... daripada kulit nanas. Saya dapat hadiah tapi tak ingat. Tapi yang saya tahu daripada kulit nanas. Jadi sebab saya ada satu je saya tak dapat nak bagi kepada Yang di-Pertua la [Ahli Dewan ketawa]. Tapi... tapi kalau Yang di-Pertua nak juga, lepas... lepas Sidang Dewan ni saya bagi [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada orang tanya Yang Amat Berhormat.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Er... Dato' Sri Speaker, boleh saya tanya? Okey terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat di atas jawapan yang telah diberikan. Cuma berkenaan isu tebatan banjir ini saya menerima banyaklah er... apa ni aduan dan kegusaran daripada penduduk termasuk semalam pun ada daripada komen daripada penduduk berkenaan projek tersebut.

Jadi sehingga setakat ini saya er... apa ni sebagai Wakil Rakyatlah di kawasan tersebut er... belum pernah dijemput secara rasmilah untuk er... diberikan penerangan secara rasmilah berkaitan dengan projek itu. Jadi, saya harapkan sebab ada permintaan minta penduduk minta saya turun ke sana untuk mereka mengadu masalah-masalah yang timbul.

Jadi, setakat ini saya tak sempat lagi turun dan persoalan-persoalan ini perlu saya jawab dengan info-info yang mesti saya dapat daripada sumber primer iaitu daripada pihak JPS dan sebagainya supaya mereka dapat er... apa ni menenangkan hati dan perasaan mereka berkaitan masalah yang timbul dan tentang keselamatan nyawa dan harta benda mereka, insya-Allah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih... terima kasihlah kepada ADUN daripada Sungai Lembing dan itu adalah sebaik-baiknya kena bagi tahu kepada masyarakat di sekitarnya. Yang penting setakat hari ini Yang Berhormat boleh bagi tahu bahawa kerja-kerja sedang dijalankan dan telah mendahului daripada jadual dan tarikh siapnya ialah pada November 2026. Setakat hari ini ikut jadual.

Jadi, Yang Berhormat kena *follow* secara rapatlah dengan JPS dan sebagainya supaya ada maklumat. Tugas kerajaan mendapatkan peruntukan dan peruntukan telah pun dapat, projek telah pun dibuat. Maknanya orang kampung fahamlah. Kita tidaklah tidak mengambil tindakan. Masalah banjir, tebatan banjir, berlaku limpahan air sungai dan sebagainya tetapi cuma masa sahaja yang akan menentukan iaitu pada tahun 2026. Tak lama dah, tahun depan je. Berapa hari lagi ya.

Cuma saya berharap supaya kontraktor ini dapat menyiapkan kerja-kerja tersebut mengikut jadual. Sebab, banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerja-kerja di Pahang ni yang terbengkalai adalah disebabkan oleh kontraktor ya, yang tu Yang Berhormat kena pantau betul-betul, kena buat *engagement* la dengan kontraktor supaya ianya mengikut jadual. Kita doakan supaya ianya siap ikut jadual dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Terima Kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Kita pergi soalan seterusnya.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Last, satu lagi. Saya er... sebagai orang kata pernah duduk di... apa di di kawasan ni dah empat penggal. Saya ingat saya boleh berkongsi dengan ADUN Sungai Lembing ni. Maknanya baru-baru ni sebagai contohlah, saya tengah ada satu program yang penting tapi bila Ir. Razali ataupun ADUN Muadzam bagi tahu saya ada jeti runtuh. Jadi saya bersegera dengan beliau YB dan terus *contact* dengan JD JPS dapat penerangan lanjut di lokasi. Saya ingat ini satu perkara yang kita Wakil Rakyat sama-sama tahu. Jadi er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat pergi sekali dengan Exco?

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Pergi sekali dengan Exco.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah, baguslah.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Nak menunjuknya keprihatinan bersama dan tak tinggal JD JPS. Kerana apa? Kita perlu ada jabatan-jabatan yang berkaitan untuk menerang dan beri taklimat kepada kita. Jadi saya ingat itu benda yang *simple* sangat, tak jadi masalah yang besar.

Soalan tambahan saya, susulan daripada pembentangan Bajet 2026, kerajaan persekutuan telah meluluskan banyak peruntukan-peruntukan tebatan banjir kepada negeri Pahang. Jadi boleh saya tahu daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, apakah kelulusan-kelulusan telah diperolehi daripada bajet persekutuan tersebut? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya sangat setuju dengan ADUN Tioman bahawa ketua-ketua Jabatan, agensi-agensi Kerajaan Negeri Pahang ini sangat memberi kerjasama kepada kerajaan negeri. Saya ucapkan syabas dan tahniah [Ahli Dewan menepuk meja] kepada semua pengarah-pengarah dan ketua-ketua Jabatan. Sebagai contohnyalah, sebagai contoh yang terdekat semasa kita buat sesi *town hall,* Yang Berhormat Speaker pun ada kan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada... ada. Saya ada.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Di mana ada dibangkitkan berkenaan dengan satu sungai. Yang Berhormat SS ya? Apa nama sungai tu? Di Sungai Lembing baru ni, yang SS turun padang tu? Sungai Belat, Sungai Deraka. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri pada keesokan harinya turun terus ke kawasan tersebut, Sungai Belat, bersama dengan pengarah, ketua-ketua jabatan dan akhirnya telah dapat diselesaikan serta-merta pada hari itu juga. Ini kerjasama yang sangat baik [Ahli Dewan menepuk meja], contohnyalah ya.

Dan berbalik kepada soalan tambahan projek tadi ialah 14 projek yang telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan kepada JPS Negeri Pahang melalui kerajaan negeri dalam Rancangan Malaysia Ke-13 dan yang terkini, tambahan satu lagi projek yang dapat semasa saya bermesyuarat dengan TPM, saya bangkit lagi satu keperluan iaitu di daerah Lipis, menjadikan kesemua sekali 15 projek Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Kita jemput wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

(Ayat Al-Quran). Pertama, saya sambut baik kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi bahawa kerjasama pada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sama ada kerajaan atau pembangkang bagi memajukan lagi kita dan saya rasa ini satu kenyataan yang perlu diberi perhatian oleh semua pihaklah termasuk agensi kerajaan. Er... Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 2.

> [Sejauh mana kejayaan program mekanisasi dan automasi pertanian di Pahang seperti dron dan IoT dalam meningkatkan produktiviti petani, nelayan dan penternak negeri Pahang serta apakah sokongan tambahan yang dirancang?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini, Dewan dah sejuk dah ini [ketawa].

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada rakan saya sejak tahun 1999, Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

1999. Er... dia duduk belakang kita. Belakang... saya... tak silap saya tempat saya, er... wakil daripada inilah Wakil Cheka duduk. Dato' Soffi er... ini wakil daripada Benta situ, saya di... ini... sebelah itu sebelah apa namanya... tanjung... Tanjung Lumpur dan tak silap saya di belakang itu, ini... pulau... Pulau Tawar tak silap, ini... ini wakil daripada Cheka dulu duduk ya? Betul?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di belakang itu ADUN Tahan, arwah... arwah ADUN Tahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha... ADUN Tahan, bukan?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Bukan Dato' Soffi, arwah ADUN Tahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil Cheka masa tahun 1999.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya di belakang tu, saya di belakang itu. Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

YB Malik ya? Tapi kita duduk depanlah. Masa itu [ketawa] duduk di atas. Sila.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker itu nostalgia, zaman... zaman muda dulu dan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita main bola di stadium.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kita main bola stadium... Stadium er... Darul Makmur.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalah YB Cheka, kalah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

YB Jengka masa tu kira *winger,* ini kira ligat. Saya nampak dia memang kalau sekiranya boleh dibuat sebagai, ini, dia dipilih sebagai pasukan Pahang Dato' Sri. Hebat... hebat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila [ketawa].

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi, maknanya er... hubungan antara saya er… dengan YB Jengka pada ketika itu, bukan Jengka sekaranglah. [Ahli Dewan ketawa] Jengka masa itu dan sekarang ini YB Cheka, dia ada ke juga tu. Cheka, lepas tu Jengka ka, ka tu jadi. Tapi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi Nilampuri dia tak de ke, ri pulak dah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi terima kasih kerana mengemukakan satu soalan yang berkaitan dengan sektor agromakanan, iaitu relevannya er... IoT dan juga program automasi dalam menjayakan agro ini, Sektor Agromakanan ini, terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua Speaker,

Pelaksanaan Program Mekanisasi dan Automasi dalam sektor er... pertanian ini dengan penggunaan dron, peralatan berteknologi tinggi dan aplikasi Internet of Things dengan izin, IoT telah banyak menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan dalam mempertingkatkan produktiviti bukan sahaja petani, malahan nelayan dan penternak.

Dan sehingga kini, kejayaan program ini dapat dilihat melalui beberapa impak utama. Penggunaan dron dapat digunakan bagi semburan baja dan kawalan perosak yang telah berjaya mempertingkatkan kecekapan aplikasi input sehingga 20% ke 30% di samping mengurangkan kos buruh dan masa depan, masa kerja di lapangan. Perkara ini dapat juga dilihat melalui produktiviti hasil padi.

Contohnya di IADA, Rompin yang menunjukkan pengeluaran padi sebanyak 11,071 metrik tan bagi musim 2024 dan 2025 iaitu peningkatan sebanyak 40% berbanding musim sebelum ini dengan penggunaan mekanisasi dron dalam aktiviti penanaman padi. Dan ia juga dapat menjimatkan kos operasi. Mekanisasi dalam kerja-kerja penyediaan tanah misal contohnya, penanaman dan penuaian telah membantu petani mengurangkan kos buruh antara 15% hingga 25% khususnya di kawasan tanaman padi, sayur-sayuran dan dusun buah-buahan.

Melalui mekanisasi jentera bajak pertanian, kerja-kerja penyediaan kawasan penanaman tanaman pertanian melalui penggunaan jentera bajak di lapangan memberi impak besar kepada gerak kerja operasi di ladang.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sebanyak 53 unit traktor termasuk 22 unit traktor kerajaan negeri yang baharu yang diperuntukkan kepada 10 daerah pada tahun 2022, hasil daripada er... cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sendiri untuk memperkasakan, kekuatan dari segi er... mekanisasi ini telah dapat membantu pelaksanaan kerja-kerja penyediaan kawasan pertanian di lapangan secara lebih efisien.

Manakala dari segi peningkatan keselamatan dan ketepatan operasi dron dan IoT membantu mengurangkan risiko kesilapan menua... manual dan meningkatkan ketepatan dalam pengurusan ladang yang akhirnya memberi nilai tambah kepada hasil pengeluaran. Secara keseluruhannya, Program Mekanisasi dan Automasi ini telah berjaya meningkatkan tahap kecekapan operasi dan daya saing petani khususnya di kalangan petani-petani muda serta usahawan agropreneur... agropreneur muda di negeri ini.

Dan sejajar dengan itu, kerajaan negeri sedang merancang beberapa sokongan tambahan dalam mempertingkatkan lagi keupayaan dari segi teknologi iaitu meluaskan penggunaan dron dan IoT melalui program latihan bersijil kepada petani iaitu Kursus IoT dalam Pertanian anjuran Jabatan Pertanian Negeri Pahang yang mana dilaksanakan kepada tiga peringkat zon yang menyasarkan seramai 65 orang petani melibatkan peruntukan sebanyak RM250,000.00.

Meningkatkan peruntukan teknologi moden di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 melalui cadangan inisiatif baru dipanggil Geran Skim Pemodenan Pertanian yang mana merangkumi skop Geran Padanan mekanisasi dan pemasangan sistem IoT.

Yang ketiganya, menggalakkan penglibatan belia dalam projek pertanian. Kerajaan komited menggalakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian melalui perkembangan teknologi pertanian moden termasuk IoT dan mekanisasi. Kerajaan turut memperluaskan penggunaan sensor tanaman, sensor tanaman, sistem fertigasi automatik, dron semburan baja dan racun, rumah hijau pintar untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan tenaga kerja.

Antara perkara yang boleh dilihat atas kejayaan pengusaha belia tani ialah di Paya Pesagi di Maran, yang diusahakan oleh usahawan muda petani bernama Nur Syaza binti Ismail berusia 26 tahun, mengusahakan paya terbiar seluas 60 ekar bermula tahun 2021 dan mencapai purata hasil 6 metrik tan perhektar. Ini satu kejayaan yang baik dan menggalakkan kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi dan syarikat teknologi bagi memperkenalkan inovasi baharu secara berterusan. Contohnya seperti usahasama dengan UCYP, PSDC dan UniPSAS. Kerajaan negeri akan terus komited dalam usaha memodenkan sektor pertanian melalui adaptasi teknologi pintar agar Pahang kekal sebagai antara negeri peneraju dalam pertanian moden dan berdaya saing tinggi.

Dan, dalam sektor perikanan sebenarnya, untuk makluman ya, kita tengok industri perikanan kita menggunakan drone dan IoT ini kepada bukan sahaja projek-projek akuakultur ya. Contohnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita menggunakan dron untuk memantau er... sangkar-sangkar, misal contohnya sangkar-sangkar ikan yang ada di sepanjang sungai. Kalau dulunya kita lihat misal contohnya kita lihat er... sangkar ini secara manual. Tapi sekarang ini dengan menggunakan dron, kita tak payah pergi ke lapangan, daripada situ sendiri pun kita dah dapat tengok. Dan ini yang akan dapat membantu, melihat, kalau ada sangkar-sangkar yang rosak yang dicerobohi dan sebagainya. Malahan ada juga er... diperkenalkan sensor untuk mempastikan keselamatan sangkar tersebut iaitu waktu... waktu malam. Kalau ada sensor itu maknanya kalau sekiranya ada pencerobohan, dia akan menyala lampu dekat dengan kawasan projek itu. Jadi ini dapat menghindar daripada orang mencurilah, orang menceroboh dan mengambil apa nama hasil dengan cara.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mahal tak dron tu? Harga?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, dia tak mahal.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Alhamdulillah dan dari segi aspek yang lain pula, kita lihat dalam projek akuakultur ya, er... Jabatan Perikanan dia ada tangki macam tu dalam kepungan tu. Kita ada sensor yang boleh membaca melalui, dia boleh baca daripada telefon daripada tablet. Iaitu keadaan kualiti air. Dia boleh periksa dia punya PH *value*. Nilai PH dia boleh tengok, lihat dan juga ada setengah tempat tu kita boleh laksanakan, kita boleh aplikasikan satu sistem secara sekular iaitu kesan PH *value*, dengan izin. Maknanya nilai PH air itu sendiri terutama sekali melihat dari segi bacaan ammonia dan di situ kita boleh menangani atau mengambil langkah-langkah awalan untuk mencegah daripada berlakunya kematian kepada ternakan tersebut.

So, yang itu kita boleh tengok *direct real time* dan di situ juga kita lihat bahawasanya ada setengah tempat tu dia boleh menggunakan gajet tu untuk dia beri makan, makanan kepada ternakan *aquaculture* tu sendiri tanpa perlu secara manual pergi ke lapangan. Itu antara aplikasi IoT dan sistem teknologi yang digunakan di peringkat *aquaculture*. Manakala di peringkat lapangan misal contohnya bot-bot nelayan yang sekarang ini yang ada peningkatan dari segi pemantauan, pendaftaran dan sebagainya. Kalau dulu tu untuk kita memohon lesen nelayan laut ni tadi kita kena buat secara manual.

Tapi sekarang ni dia boleh buat pakai menggunakan eDaftar. *So* eDaftar dia secara elektronik, dia boleh mohon mendaftar dan juga bot-bot ni, dia kena ditarukkan dengan QR... QR *Code*. *So* kalau sekiranya ada pemantauan, misal contohnya tengok je scan je dia tahu bot ni lesen kelas apa, siapa tuan punya dan sebagainya. *So* ini di antara pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan dalam mempastikan insya-Allah mudah-mudahan ianya dapat terus memperkasakan industri perikanan ini sendiri. Malahan kerana kita tahu bot-bot nelayan ini ada dilengkapi dengan pelbagai ada *sonar*, ekosistem.

Malahan ada yang melengkapkan bot-bot mereka dengan radar. Saya ingat di Rompin, nelayan-nelayan yang kelas C2 ini dia ada radar sendiri. Dalam bot-bot ini yang boleh memantau yang digunakan untuk pastikan supaya usaha untuk menangkap ikan di laut-laut dalam dapat dilaksanakan lebih dengan cara lebih sistematik dan juga mencegah dari segi pencerobohan ataupun kehilangan tersasarnya nelayan-nelayan di lapangan khususnya di laut.

Manakala di... er... dalam er... segi aspek ternakan pula, ini banyak kalau kita lihat, misal contohnya kalau dari segi ternakan tenusu lembu, misal contohnya ada sistem yang boleh ataupun lembu tidak kira tenusu ataupun daging. Dia ada *tagging* dekat dengan telinga dia yang boleh dipantau melalui gajet untuk melihat di mana dia merayau supaya dia tidak pergi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tracking... tracking dia panggil.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia macam *tracer* la. Maknanya dia *scan* dan dia boleh *trace* ke mana dia pergi dan sebagainya. Dan usaha ini sebenarnya amat baik dan kita lihat bahawasanya bukan sahaja setakat itu, malahan ada diletakkan juga *collar* pada... pada leher lembu. Kita nak menggunakan pendekatan, pembakaan melalui konsep AI ataupun bukan *artificial intelligence*, tapi *artificial insemination* iaitu permanian beradas. Jadi kita nak buat permanian beradas ni tadi kita kena tahu masa bila lembu betina tu dia nak, apa nama dia nak membirah, macam mana membiang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mengawan.

(ADUN BENTA N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia... dia...

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mengawan.

(ADUN BENTA N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia tidak mengawan, dia biang yang mengawan ini lembu jantan. Jadi maknanya dia tengah birah tu. Jadi masa itu baru kita boleh buat AI, sebab kita tak boleh buat macam lembu tu dia tak *ready*. Lembu betina tadi kalau kita buat AI makna kejayaan itu ataupun boleh dikatakan tidak akan berjaya. Jadi kita kena tahu masa bila waktu dia membirah. *So* di situ diletakkan juga *tagging* supaya dia dapat baca suhu. Rupanya lembu betina ini dia keadaan normal suhu dia ialah 37.9. Lebih kurang begitu kalau dia naik lebih kurang 38 lebih tu 39 maknanya kenaikan suhu badan ini dia ada *indicator* menunjukkan dia bersedia untuk apa nama bersatulah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, dia bersedia untuk AI la.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya, dia bersedia untuk apa nama...

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Main la.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

[Ketawa] Dato' Sri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kata dia *ready* untuk main la ya. *Ready.*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya benarkan makna perkataan tu supaya dia sesuai supaya semua orang paham.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ready to play. Jadi maknanya, *so* ini di antara pendekatan-pendekatan yang kita buat. Kemudian, kita juga ada kaedah di mana lembu-lembu ini bila dia nak pergi er... lembu tenusu khususnya. Dia ada sensor yang mana membolehkan dia bila masuk ke tempat perahan susu tu, *milking parlor* dengan izin, jadi dia ada sensor yang akan membaca bahawasanya lembu ni sudah bersedia untuk... untuk diperah susunya dimasuk dan kita boleh tahu berapa banyak *volume* ataupun isi padu susu yang diperah. Jadi kaedahnya banyaklah maknanya. Kita lihat misal contohnya insya-Allah mudah-mudahan kita juga boleh mengesan dengan penggunaan IoT ni atau sistem teknologi yang terkini. Kita boleh mengesan baka-baka lembu yang hendak kita, apa nama lahirkan.

Contohnya macam projek lembu wagyu. Kita tahu lembu wagyu ni adalah baka ini berasal daripada daripada Jepun dan kita nak tahu di mana dia punya *lineage* dia baka tu. Maknanya dia punya susur galur. Ada sistem yang boleh kita laksanakan di mana kita boleh rekodkan dan kita boleh pastikan yang ini lembu wagyu ni berasal daripada Miyazaki, berasal daripada Kobe, berasal daripada tempat asal dia maknanya direkodkan. Insya-Allah mudah-mudahan kita akan lihat, kita akan dapat lahirkan baka lembu Wagyu Pahang di satu masa nanti insya-Allah. Jadi antara lainlah maknanya saya nak lahirkan bahawasanya IoT ini ada bukan sahaja dalam pertanian tetapi juga ternakan dan perikanan. Terima kasih.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ada satu soalan tambahan sikit je. Selain pada... saya ada dua soalan. Yang pertama, selain pada IADA Rompin, apakah di kawasan-kawasan lain juga yang... yang telah digunakan... yang telah digunakan teknologi dron dan sebagainya?

Yang kedua, oleh kerana kos dia ini kos dron ni kalau kita lihat untuk 16 liter ataupun 20 ke 30 liter, kos lebih kurang dalam RM30,000.00 ke RM50,000.00. Manakala untuk *agriculture spraying drone* ni untuk pembacaan dan... dan peracunan, dia sangat besar sampai RM54,000.00 ke atas. Soalan kedua saya adalah apakah pihak kerajaan berhasrat untuk menyediakan satu bantuan bagi meringankan petani bagi sama ada untuk subsidi kepada mereka untuk pembelian dron tersebut. Terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Pertama sekali, selain daripada IADA Rompin, kita ada juga IADA Pekan. Pekan pun kita er... mengaplikasikan. Malahan *trend* ini sebenarnya boleh dilaksanakan bukan sahaja di kawasan pertanian yang besar.

Pertanian yang kecil-kecilan pun kita lihat bahawasanya telah terbukti bahawasanya penggunaan dron dan juga mekanisasi atau IoT. Ini adalah satu *trend* yang memberikan keuntungan ataupun memperkasakan lagi bukan sahaja dari segi produktiviti tetapi pada masa yang sama mengurangkan kos. Jadi memang ada. Malahan kalau kita lihat misal contohnya di Cameron Highlands banyak digunakan teknologi seumpama ini.

Baru-baru ini Yayasan Pahang dengan kerjasama dengan SMACHlah satu entiti iaitu dipanggil Smart Modern Agriculture er... *farming* di Cameron Highlands yang mana Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan sendiri telah merasmikan projek itu dan dilaksana dan di situ kita dapati bahawasanya Yayasan Pahang telah membina *green house* yang modenlah dengan menggunakan aplikasi yang boleh dia apa nama dengan izin, dia *regulate* suhu, keadaan suhu dan penggunaan teknologi untuk bukan sahaja membaja tetapi mempastikan iaitu kawalan kepada serangga perosak ini dapat dilaksanakan. Dan di situ kita tempatkan 10 orang anak-anak muda diberi pendedahan dan insya-Allah selepas ini bantuan akan disalurkan.

Jadi memang betul sesuatu peralatan atau teknologi baharu, apabila nak diperkenalkan, dia akan memakan dia ada kos dia agak tinggi, tetapi difahamkan sekarang ni terlalu banyak syarikat-syarikat yang mengeluarkan dron-dron yang bersaiz berbagai saiz yang mengemukakan beberapa skim penggunaan ataupun skim bayaran balik tu. Jadi, insya-Allah dalam konteks seumpama ni sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk terus mengusahakan memperkasakan lagi dan menuju ke arah pertanian moden ni, sudah tentunya dengan kerjasama daripada kerajaan pusat. Skim-skim bantuan ya, misal contohnya bantuan ataupun geran untuk agropreneur muda dalam anggaran lebih kurang dalam maksimumnya RM20,000.00 ni diberi secara percuma. Dan ini sudah tentu dapat membantu jugalah agropreneur-agropreneur yang berminat menceburkan diri dalam sektor pertanian dan insya-Allah perkara ni memang dalam ni apa pertimbangan daripada pihak kerajaan negeri sendiri. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, kita pergi kepada soalan nombor 3, wakil daripada Tioman. Sebelum tu, saya nak mengucapkan selamat datang kepada pemerhati yang hadir pada hari ini. Wakil daripada DUN Tanjung Lumpur, seramai enam orang, wakil daripada Parti Amanah, empat orang, wakil daripada DUN Teruntum, dua orang. Teruntum ni tiap-tiap hari ada sebab dia dekat. Wakil daripada DUN Pelangai, dua orang dan wakil daripada DUN Panching, satu orang [Ahli Dewan menepuk meja]. Kita ucapkan selamat datang lepas ni semasa rehat bolehlah bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menikmati jamuan. Terima kasih. Silakan.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon memajukan pertanyaan nombor 3. Terima kasih.

> [Melalui JKR Negeri Pahang telah dimaklumkan bahawa PPN Pahang telah mengangkat permohonan peruntukan tambahan bagi meneruskan pelaksanaan projek membina Masjid di Kampung Desa Selesa Perpat, Rompin kepada pihak Ibu Pejabat ICU JPM berjumlah RM1.62 juta pada 25 Ogos 2023 mengambil kira kos baharu berdasarkan Preliminary Detailed Abstract berjumlah RM3 juta.Apakah status terkini permohonan tersebut?]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Persoalan yang dikemukakan oleh rakan daripada Tioman mengenai status pembinaan masjid di Kampung Perpat, Desa Perpat. Sebenarnya, kalau dahulu pembinaan masjid ini ditanggung sepenuhnya kos oleh kerajaan persekutuan 100%. Adalah beberapa buah masjid yang kerajaan negeri berdikari secara bersendiri, tetapi kita telah ada kesefahaman yang baharu di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan, setiap pembinaan masjid kalau di lokasi bandar ini, 30% dibayar oleh kerajaan negeri selebihnya akan ditanggung oleh kerajaan persekutuan mengikut kelulusan. Kalau kerajaan persekutuan lulus, kita kena tambah 30%.

Kalau masjid di desa, kita kena tambah 25% macam di Perpat ni. Kos di masjid Perpat ini memerlukan sebanyak RM2.6 juta siling Yang Berhormat Dato' Sri. Kita dah mohon. Kita ini di Jabatan Agama Islam Pahang, kita ada modal memohon je bukan modal menduit. Jadi kita buat permohonan kita dapat RM2.6 juta kerajaan negeri Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah bersetuju dengan kos RM750,000.00 dan kerajaan persekutuan menanggung sebanyak RM1.8 juta Dato' Sri Yang di-Pertua untuk mencukupkan RM2.6 juta. Jadi dalam proses pembinaan itu tiba-tiba tak cukup lagi RM500,000.00.

Jadi dia... dia minta juga lagi tambahan oleh JKR. Jabatan Agama ni mencarilah lagi, alhamdulillah, kita dapatlah sedikit tambahan. Insya-Allah kita dah minta penjelasan daripada pihak SDO dan juga JKR. Masjid ini akan diteruskan usaha di atas siling RM2.6 juta dengan tambahan RM100,000.00 insya-Allah Dato' Sri Yang di-Pertua. Sebenarnya jawapan ini sama jugalah kalau nak balik kepada soalan Padang Tengku. Begitu jugalah jawab kalau kerajaan persekutuan meluluskan apa sebab...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau kerajaan persekutuan luluskan RM1 juta?

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita, tambah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita, tambah RM250,000.00.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, terima kasih Yang di-Pertua.
(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon soalan tambahan. Sebelum itu, saya ingin ucap terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga Wakil Kerajaan di mana beberapa buah masjid telah diluluskan dan ada pun yang dah siap di DUN Tioman ni. Antaranya masjid FELDA Selendang 2 dan masjid di Sungai Puteri. Dan soalan tambahan saya, adakah perancangan untuk pembinaan masjid di Pulau Tioman terangkum dalam apa yang dikhabarkan tadi oleh wakil pihak kerajaan iaitu persefahaman itu akan berjalan dengan *percentage* yang diluluskan tambahan daripada kerajaan negeri dan status terkini bagaimana masjid di Pulau Tioman? Kalau ada maklum balas daripada pihak kerajaan negeri terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Macam saya sebut tadilah seandainya kerajaan persekutuan memberi kelulusan atas permohonan kita... kita banyak mohon masjid ni. Masjid Batu 8 Lepar, masjid apa Serambi ya Serambi, Masjid Seberang Temerloh. Jadi, apa banyak masjid yang kita sedang mohon termasuk jugalah Masjid Pulau Tioman ini di dalam senarai permohonan kita dan memang kerajaan negeri sangat agresif sebenarnya. Jika ada peruntukan, kita tidak akan berpeluk tubuh terus kita akan usaha. Sebab itu kelmarin Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan dua buah masjid dalam bajet iaitu Masjid Inderapura... Indera Sempurna dan Masjid Al-Fatah Batu 4. Bukan batu... Batu 3 apa namanya Kuantan. Insya-Allah kita bekerja bertungkus lumus untuk mendapatkan peruntukan ini. Tapi maklumlah kita ini negeri Pahang luas, kampung banyak. Semuanya perlu kepada masjid. Kalau kita dengar hak yang apa Padang Tengku saya tak dan nak catat. Senarai masjid yang dia nak tu hah. Jadi apa namanya dalam pada itu, ada juga kawan-kawan mencelah nak masjid juga. Jadi kita berikhtiar, insya-Allah bersungguh-sungguh terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna masjid lain dia tak berani, masjid ini je dia berani buat. Hah, Padang Tengku ada nak tambah?

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Kena sebutlah sebab dia sebut Padang Tengku tadi. Soalan yang saya nak kemukakan begini, saya sebut Masjid Relong, Kampung Relong. Kampung Relong dijawab dah. Maknanya daripada enam, RM6 juta peruntukan yang dicadangkan, 5% daripada kariah masjid dan kita dah dapat cari lebih daripada 5% tu. Duit tu sekarang berada di di tabung di akaun masjid. Tapi tak tahu ke mana nak hala duit tu sekarang. Itu persoalannya. Nak hantar ke mana duit tu sekarang? Sebab dia kata dia akan bagi 5% dia dapat tambahan daripada negeri. Kemudian baharu akan dikeluarkan peruntukan daripada pusat. Jadi sekarang tergantunglah itu. Itu isu yang saya nak kemukakan.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Duit yang duit tu maknanya simpanlah dalam bank elok-elok jangan letak merata bawah tikar apa semua takut terbakar Dato' Sri. Ataupun kalau pihak masjid perlu bantuan daripada kerajaan, kerajaan negeri ada Tabung Amanah Masjid, Tabung Amanah apa... apa kerajaan negeri. Macam kita belikan bas Kuliah Sultan Abu Bakar.

Begitu juga orang ramai beri sumbangan dia letak di dalam Tabung Amanah Kerajaan Negeri. Kemudian kerajaan negeri tokok lagi kerana nak mencukupkan pembelian bas itu dan sekarang Kuliah Sultan Abu Bakar telah memiliki sebuah bas hasil daripada kombinasi rakyat dan kerajaan negeri. Insya-Allah, kita usahakan Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya ingat zaman saya jadi Exco dulu masa zaman ini Bossku jadi Perdana Menteri dia tak ada sumbang-sumbang makna kerajaan pusat semua bagi.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul sangat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey soalan seterusnya kita pergi ke soalan nombor 4, wakil daripada Ketari.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

> [Kerajaan Negeri Pahang telah menjalankan inisiatif 'Skim Pahangku atau Rumah Pahangku" yang telah mendapatkan sambutan yang amat baik di kalangan warga anak Pahang. Apakah perancangan jangka masa panjang dan hasrat kerajaan negeri untuk memperluaskan skim / inisiatif ini untuk memanfaatkan lebih ramai anak Pahang.]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mata dah okey dah?

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Okey dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nampak terang eh. Semalam main boling antara yang gelap dengan yang terang mana yang paling banyak *score?*

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Semalam tak pergi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh… tak pergi.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Tak sihat tu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dia cedera. (Ayat Al-Quran) Terima kasih kepada Ketari kerana telah mengemukakan soalan berkaitan dengan Skim Pahangku atau Rumah Pahangku. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua Dewan, ingin saya jelaskanlah bahawa tiada yang kita namakan Skim Pahangku, yang apa yang wujud sebenarnya adalah Rumah Pahangku dan… dan Pangsapuri Pahangku yang kita lancarkan dulu di Bentong dan sebenarnya negeri Pahang, kita melaksanakan skim dengan kita namakan Skim Perumahan Negeri Pahang. Bukan… bukan Skim Pahangku ya, maknanya tadi Skim… Skim Perumahan Pahangku ni Skim Perumahan Negeri Pahang ni dalam tu ada Rumah Pahangku dan skim di bawah Skim Perumahan Pahangku Negeri Pahang ni kita ada PR1MA Pahang, kita ada PR1MA Makmur, Rumah Pahang, Rumah Mesra Pahang, Rumah Penjawat Awam Pahang serta Program Residensi Rakyat (PRR) dan ini semua kerajaan negeri kita laksanakan adalah untuk kita memberi akses kepada masyarakat ataupun rakyat negeri Pahang kepada kediaman yang baik, selesa, berkualiti dan juga untuk mampu dimilikilah yang pentingnya.

Dan untuk makluman sebab bertanyakan Rumah Pahangku, Rumah Pahangku ni adalah merupakan satu inisiatif baharu daripada kerajaan negeri di bawah idea dan inisiatif Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja sendiri Menteri Besar dan telah luluskan pada tahun 2023 dan skim ini kita wujudkan adalah untuk memberi keutamaan kepada golongan-golongan muda, pasangan-pasangan yang baru berkahwin serta pekerja-pekerja yang berpendapatan sederhana.

Dan selain kita menyediakan kediaman mampu dimiliki ini, skim ini turut juga untuk merancakkan industri-industri perumahan dengan memberi insentif khas kepada pemaju swasta yang menyertai pembangunan di atas tanah persendirian. Rumah Pahangku kita buat atas tanah persendirian, bukan tanah kerajaan yang tidak kurang dari 10 ekar boleh memohon untuk melaksanakan Skim Perumahan Rumah Pahangku ini di mana pemaju hanya membina 10% rumah kos sederhana rendah dan membuat gantian 10% daripada keseluruhan pembangunan dan setiap pemajuan juga memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% kuota bumiputera dan harga jualan telah ditetapkan oleh kerajaan tidak melebihi RM220,000.00 untuk dimiliki ini Rumah Pahangku.

Kalau… kalau tanah persendirian, mungkin harga lebih tinggi tapi bila menyertai kita inilah syarat-syarat dia tadi dan bagi Pangsapuri Pahangku yang kita laksanakan… kita lancarkan di Bentong pada tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, dibangunkan atas konsep Transit-Oriented Development bertujuan untuk kita mewujudkan ekosistem kediaman moden yang berdaya huni menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan merangsang aktiviti ekonomi setempat serta memberikan pulangan ROV kepada rakyat dan pulangan pelaburan ROI kepada negeri dalam jangka masa panjang.

Macam Skim Rumah Pahangku tadi, sebagai contoh, hari ini kita telah melaksanakan seluas 500 ekar di Penor yang akan menyediakan rumah sebanyak 5,000 unit teres satu tingkat yang bernilai RM200… tidak lebih daripada RM220,000.00 telah berjalanlah di Penor tu kan dan di mana di antara lain yang Skim Pangsapuri

Pahangku tadi. Kita juga merancang untuk di bawah TOD, *Transit-Oriented Development* di tujuh lokasi stesen ECRL di negeri Pahang termasuklah yang pertamanya di Bentong yang telah dilaksanakan majlis pecah tanah pada Ogos 2025 tahun ini dan juga selepas itu kepada Temerloh, Maran, Paya Besar, KotaSAS, Kuantan Port City dan juga Cerating yang akan kita laksanakan Pangsapuri Pahangku ni.

Dan kerajaan negeri kita juga amat komited untuk memperkukuh dan memperluaskan lagi manfaat Skim Rumah Pahangku dan Pangsapuri Pahangku dan memberi fokus kepada pelaksanaan skim di seluruh negeri Pahang dan memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi dan strategik. Yang keduanya, kita dapat mengoptimakan penggunaan tanah kerajaan dan tanah agensi secara berperingkat bagi mengekalkan harga rumah… rumah mampu milik ini. Yang ketiganya, mengintegrasikan sistem eperumahan.pahang.gov.my ni sebagai platform tunggal pemilihan pembeli memastikan proses lebih telus, saksama dan berasaskan data.

Dan keempatnya, menjamin pemaju mendapat *return of investment,* dengan izin Yang di-Pertua, yang munasabah, manakala rakyat dan negeri Pahang menerima ROV melalui penyediaan kediaman yang berkualiti, tersusun dan inklusif. Dan setakat 31 Oktober 2025, untuk maklumat Sidang Dewan, portal rasmi eperumahan.pahang.gov.my ini telah menerima 112,391 permohonan daripada rakyat negeri ini termasuk 1,197 untuk Skim Rumah Pahangku. Jadi kita buat yang 5,000 di Penor tadi tu untuk Kuantan sahaja, daerah Kuantan.

Jadi ini menunjukkan minat yang positif terhadap inisiatif-inisiatif perumahan yang mampu dimiliki yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Permohonan ini masih dibuka dan orang ramai yang berminat bolehlah memohon melalui portal eperumahan.pahang.gov.my. Kalau YB nak beli daripada Tanah Rata nak beli, boleh daftar kalau layaklah.

Dan inisiatif ini mencerminkan kesungguhan berterusan kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memastikan setiap rakyat khususnya anak-anak muda Pahang berpeluang untuk memiliki kediaman yang selesa, moden, berdaya huni dan juga sejahtera dan Skim Rumah Pahangku dan Pangsapuri Pahangku ini berpotensi menjadi pemangkin pembangunan negeri, keseimbangan wilayah serta peningkatan taraf hidup rakyat negeri Pahang. Itulah sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada soalan tambahan? Sila.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Memang skim inisiatif Rumah Pahangku ni satu inisiatif yang amat baik dan disambut dengan begitu baik sekali oleh warga Pahang. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk memberi apa-apa insentif ataupun menggalakkan pemaju-pemaju lebih banyak pemaju-pemaju untuk menjalankan skim ini? Sebab memang kita lihat daripada apa yang telah kita jalankan. Ia adalah satu kejayaan yang amat membanggakan kerajaan negeri kita di mana anak-anak muda dapat membeli rumah pada harga yang amat-amat rendah sekali. Jadi, perancangan dia untuk meluaskan kepada pemaju-pemaju yang apa

insentif. Adakah kita bagi kepada mereka untuk menggalakkan mereka mengambil er…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Itu yang saya beritahu dari Dato' Sri Yang di-Pertua. Untuk melaksanakan tanah milik persendirian dan kita dalam memberikan skim ini, kita telah menetapkan bahawa antara lain tadi yang seperti saya nyatakan bahawa dia tak perlu membina rumah kos rendah tak perlu dan hanya perlu membina sebanyak 10% daripada biasa daripada 30% kepada 10% dan setiap pemajuan harga jualannya ditetapkan tidak melebihi RM220,000.00 manakala Rumah PR1MA Pahang tadi RM150,000.00. Jadi kita pergi kepada RM220,000.00. Jadi, yang antara lainnya kita akan membantulah proses dari segi pelaksanaan kebenaran merancang dan lain-lain oleh Kerajaan Negeri Pahang.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Soalan daripada Wakil Kerajaan, adakah pihak perumahan mengenakan caj pemajuan kepada projek-projek perumahan PR1MA ini? Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hari ini saya dapat lihat bahawa YB Tioman ini mengemukakan soalan-soalan yang sangat baik. Jadi mungkin lepas dia menerima ijazah doktor kehormat ni dan ini saya… [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Doktor kehormat ke doktor betul?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Doktor falsafah er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Doktor falsafah.

(ADUN BEBAR N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Doktor kehormat. Minta maaf… minta maaf. Minta maaf YB Tioman saya. Saya ingat doktor kehormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak tidur malam dia buat *paper.*

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya… saya di… di Rompin baru ni, saya nak kongsi duduk semeja dengan dia dan dia bercerita bagaimana sulitnya dia nak mendapatkan ijazah kedoktoran tu. Dia kata dia kena bentangkan di hadapan bukan orang Malaysia sahaja, di hadapan orang yang daripada luar-luar negara.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Cakap Bahasa Arab ya?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

English ke Bahasa Arab YB?

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

English dan Bahasa Arab, Arabic…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

… kalam Arabia…

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Kalam Arabia.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak saya… Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ambil kesempatanlah minta maaflah. Er… saya berasa amat kagumlah dengan YB Tioman ni kerana UnIPSAS ni adalah satu universiti yang Islam yang terulung di negeri Pahang ni [Ahli Dewan menepuk meja] dan kemudian, dia diiktiraf oleh Al-Azhar dan menjadi Universiti Al-Quran pulak lepas ni. Dan ini antara seorang *graduate* yang telah diiktiraf oleh Universiti Islam di negeri Pahang kita. Jadi dia… saya berharap YB Tioman teruskanlah kecemerlangan, tanya soalan-soalan yang bernas macam ni saya… saya terlupa nak jawab tadi tapi bila dia beritahu tu, eh… baru saya teringat.

Yang sebenarnya menjawab Ketari tadi, antara insentif-insentif yang kerajaan bagi adalah mengecualikan caj pemajuan yang dikenakan kepada pemaju-pemaju di bawah Skim Perumahan Negeri Pahang ni dan kita terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja dan kerajaan negeri kerana telah meluluskan pengecualian ini dulu dah sebelum nilah kita luluskan. Jadi ini adalah untuk memastikan bahawa tiada kenaikan ataupun caj ekstra yang dikenakan kepada pemaju-pemaju dalam satu insentif baru iaitu projek… projek kerajaan. Skim Perumahan Negeri Pahang tidak dikenakan caj pemajuan termasuk Rumah Pahangku [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi semalam ada juga yang Kuala Semantan semalam sebut caj pemajuan ni. Caj pemajuan ni bukan negeri Pahang je yang buat ya.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Mohon mencelah ya. Kebetulan dah sebut Kuala Semantan tadi, dia sebut tentang caj pemajuan. Bagaimana pula dengan kenaan caruman saliran? Adakah dia turut dikenakan kepada projek-projek perumahan kerajaan? Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak, yang itu JPS… tanggungjawab JPSlah. Ni saya nak jawab bahagian saya je. Maknanya kalau setahu saya benda itu semua dikenakanlah sebab dia memastikan sistem saluran yang apa… komprehensif ataupun penyenggaraan saliran ataupun longkang dapat dilaksanakan dengan baik. Caj pemajuan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita negeri Pahang ni antara yang terakhirlah melaksanakan caj pemajuan. Seluruh negara buat caj pemajuan ni termasuklah di Pantai Barat, termasuk Kelantan, termasuk Terengganu, termasuk Kedah dan kita yang paling akhir sekali. Patutnya kita dah laksanakan 2024 tapi sebab kita mikirkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri… bila kita bincang dalam Exco, kalau kita caj karang… caj lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mahal tak caj tu?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak mahal sangat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak. Ada yang tak berapa paham caj pemajuan ni.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kalau satu rumah tu naik RM100.00 je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha. Duit… duit jugalah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak mahal.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Duit… duit jugalah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Duit… duit jugalah tapi duit tu pergi kepada PBT. Bukan pergi masuk terus kantung kerajaan 100%. Sebab untuk memastikan kelestarian, penyenggaraan di kawasan PBT untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Itu pun kita laksanakan kerana memikirkan masalah rakyat. Jadi, kita mula lewat. Kita terakhir sekali. Jadi kalau kita tak laksanakan, orang kata kita negeri Pahang ni tak laksana langsung. Kita kufur nikmat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kadang-kadang orang cakap kita tak nak bersama dengan suara majoriti, susah juga.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dak, betul YB Tioman? Orang kata kufur nikmat kalau kita tak laksanakan. Orang suruh kita laksana, kita tak nak buat, jadi kita laksanakan apa yang disuruh oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, kita memberi pertimbangan khas kerana setelah kita meneliti, memperhalusi dan akhirnya kita bersetuju melaksanakan caj pemajuan ni, telah meyakinkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, akhirnya bersetuju caj pemajuan ini dikenakan dan tidak membebankan dan tadi contoh Skim Perumahan Kerajaan Pahang, kita tak kenakan caj pemajuan. Tiada kenaikan. Kalau kita nak kenakan kepada Kerajaan Negeri Pahang, dulu dah kita boleh tambahkan hasil pendapatan negeri. Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, itulah jawapan saya. Terima kasih. YB Tioman terima kasih soalan tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Soalan seterusnya kita jemput wakil daripada Tahan.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

[Ayat al-Quran] Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5.

> [Bangunan Klinik Kesihatan Kuala Tahan telah ditutup operasinya setelah disahkan oleh pihak JKR bahawa ianya tidak selamat digunakan kerana terdapat beberapa retakan dan rekahan pada struktur bangunannya, justeru operasinya sekarang berjalan di Dewan Penghulu Raja, Kuala Tahan bermula 26 September;
>
> a) Sejak bila kesan retakan dan rekahan pada struktur bangunan tersebut disedari?
>
> b) Bilakah cadangan pembinaan bangunan baharu bagi klinik kesihatan ini akan dibuat?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Tahan yang mengemukakan soalan yang berkaitan dengan bangunan klinik kesihatan di Kuala Tahan. Er… dan soalannya ada dua soalanlah. Yang soalan… sub… sub soalan pertamanya dia bertanyakan tentang… Tahan bertanyakan berkenaan dengan bila kesan keretakan berlaku di bangunan tersebut dan sub soalan kedua berkaitan dengan cadangan, bila cadangan pembinaan bangunan baru?

Dato' Sri… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Kuala Tahan Jerantut ni terletak di Mukim Tembeling Tengah iaitu di laluan menghubungkan bandar Jerantut ke Ulu Tembeling yang mula beroperasi pada 1 Jun 1977. Bermakna dah 48 tahun dan klinik ini memberi perkhidmatan kesihatan kepada 6,000 penduduk setempat dengan kedatangan harian pesakit sekitar 50 hingga 60 orang dan dengan kekuatan petugas seramai 24 orang.

Pada tahun 2020, pihak klinik dan Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut, mendapati berlaku kerosakan pada apron bangunan dan perimeter longkang keliling bangunan… bangunan klinik tersebut dan surat permohonan bagi mendapatkan er… laporan siasatan kerosakan bangunan telah dihantar kepada JKR Daerah Jerantut pada 4 November 2020 dan surat maklum balas JKR berserta laporan siasatan telah diterima pada 20 November 2020. Ulasan laporan siasatan bangunan daripada pihak JKR pada ketika itu pada tahun 2020 menyatakan bangunan klinik masih boleh digunakan dengan pemantauan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut dan kerosakan pada ketika itu tidak melibatkan struktur utama.

Dan pihak kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut telah menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa dan pada awal Ogos 2025, pihak pejabat… Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut telah mendapati berlaku kerosakan bangunan klinik yang melibatkan struktur utama. Jadi lanjutan daripada perkara tersebut, er… Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut telah mengemukakan permohonan sekali lagi kepada pihak JKR pada 11 Ogos 2025 dan surat maklum balas daripada JKR berserta dengan laporan siasatan telah diterima pada 25 Ogos 2025.

Jadi berdasarkan pada laporan siasatan, pihak JKR Daerah telah mendapati kerosakan melibatkan bahagian struktur utama bangunan klinik dan telah mengeluarkan arahan bangunan tidak selamat untuk digunakan kerana terdapat risiko kegagalan struktur. Dan hasil daripada tersebut… keputusan tersebut, satu perbincangan telah dibuat oleh Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut bersama dengan er… bersama dengan Pejabat Daerah Jerantut diketuai oleh pegawai… tuan Pegawai Daerah Jerantut dan akhirnya bersetuju untuk membenarkan penggunaan Dewan Penghulu Raja bersebelah dengan PASDEC Kampung Padang Kuala Tahan bagi dijadikan bangunan sementara Klinik Kesihatan Kuala Tahan dan operasi klinik mula dipindahkan pada 24 September 2025 bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada pelanggan. Itu er…. dia punya kronologilah. Menjawab sub soalan yang pertama.

Manakala sub soalan kedua bertanyakan bila cadangannya nak dibina yang baru ni. Jadi, permohonan telah dibuat sebenarnya bagi projek penggantian klinik kesihatan jenis 5 ni di tapak baru yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pahang seluas 5.9… 5.9 ekar dan pihak Kementerian Kesihatan telah menyenarai pendek projek tersebut dan telah diluluskan sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, Rolling Plan Ke-4. Jadi, status semasa projek ini dalam peringkat reka bentuk dan penyediaan dokumen tender dan dijangka kerja-kerja fizikal bermula pada akhir er… 2026. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Kita pergi… ada soalan tambahan?

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya er… pertamanya nak dapatkan penjelasan di… tadi disebut oleh Wakil Kerajaan bahawa pembinaan dijangka akan berlaku pada hujung 2026. Biasanya projek ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga atau er… ataupun empat tahun. Maka dalam tempoh bermula projek hingga selesai adakah Dewan Penghulu Raja itu akan digunakan sepanjang tempoh itu ataupun ada cadangan daripada pihak kerajaan untuk membuat klinik modular er… dan sebagainya. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih er… Tahan yang mengemukakan soalan tambahan berkenaan dengan isu klinik ini dan keprihatinan Yang Berhormat Tahan er… jadi untuk makluman Yang Berhormat Tahan dan juga Ahli Dewan ini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sebenarnya mengambil maklum tentang isu keselesaan er… anggota petugas dan juga pelanggan yang mendapat er… apa ini er… yang mendapatkan perkhidmatan di dewan tersebut dan saya sendiri dah melawat kawasan ini, tempat lokasi ini pada 26 November yang lalu dan er… sebenarnya pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah membuat permohonan perolehan secara darurat dan peruntukan kecemasan bagi menyediakan sebuah klinik modular yang lebih kondusif dan telah diangkat ke Kementerian Kesihatan pada 22 Oktober er… baru-baru ini 22 Oktober 2025 untuk tindakan lanjut dan sekiranya diluluskan pembinaan klinik modular ini ia akan mengambil masa lebih kurang dalam 16 minggu untuk disiapkan.

(ADUN TAHAN – N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Satu lagi soalan tambahan er… dalam jangka masa sehingga projek er… apa itu klinik modular itu diluluskan saya mengharapkan kalau boleh pihak kerajaan boleh er… menambahkan sedikit lagi peruntukan segera bagi menambah baik keselesaan di Dewan Penghulu Raja di antaranya yang saya dapat makluman keperluan er… penambahan kipas-kipas dinding dan juga mungkin boleh dibekalkan juga penghawa dingin mudah alih. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Tahan atas keprihatinan kepada petugas dan juga pesakit yang menerima rawatan dan saya percaya bahawa kita Kerajaan Negeri Pahang ini sentiasa mengambil berat tentang isu-isu terutama sekali berkaitan dengan rakyat. Insya-Allah saya rasa dengan kemurahan hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya rasa setakat kipas dinding ini insya-Allahlah saya rasa tak ada masalah kita. Terima kasih.

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASSAN BIN OMAR

Dato' Sri Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada?

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASSAN BIN OMAR

Sedikit soalan tambahan er… terima kasih Dato' Sri Speaker. Untuk pusat kesihatan di Lanchang, saya dapati bahawa er… sejak akhir ini keadaan agak terdesak dengan kehadiran ramailah pesakit dan sebagainya terutamanya di bahagian er… kawasan ibu-ibu yang dan juga kanak-kanak terlalu ramai dan menyebabkan bahagian menunggu telah pun er… untuk melindungi daripada hujan dan panas, khemah-khemah terpaksa dipasang di bahagian luar. Jadi soalan saya adakah pihak kerajaan bercadang untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Lanchang ini ataupun mengubah tapak baharu untuk masa akan datang. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih atas pertanyaan tambahan daripada Lanchang. Saya akan bagi jawapan ini dalam bertulis ataupun penggulungan nanti sebab saya tiada maklumat berkaitan dengan masalah di Klinik Kesihatan Lanchang.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey kita pergi kepada soalan seterusnya. Saya bercadang untuk er… untuk kita menangguhkan er… untuk minum pagi ya sekarang dah pukul 10.46 pagi er… kita semua fahamlah ya lagi banyak kita bertanya lagi lama. Saya pun tak nak sekat-sekat pasal bila saya sekat-sekat nanti ada pula di luar sana suara-suara bagitahu kebebasan tidak diberikan sebagainya jadi kita biar sahaja maknanya kita pandai-pandai sendiri, faham-faham sendiri. Kalau kita nak cepat kita buat dengan secara cepat, kalau kita nak lambat buat cara lambat. Speaker hari ini alhamdulillah sebab dah *breakfast* [ketawa]. Soalan seterusnya soalan nombor 6, ADUN Lantikan.

(AHLI YANG DILANTIK 5)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Terima kasih er… Dato' Sri Speaker. Assalammualaikum WBT er… saya mohon jawapan bagi persoalan nombor 6. Terima kasih.

> [Negara Malaysia memberikan tumpuan khusus di dalam pembangunan Pusat Data (Data Center) dan Kecerdasan Buatan (AI) bagi tahun-tahun mendatang. Apakah usaha kerajaan negeri untuk turut sama menarik pelaburan dalam bidang tersebut dan apakah bentuk industri yang telah dikenal pasti untuk menggunakan aplikasi berasaskan AI?]

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

(Ayat Al-Quran) Assalamualaikum WBT.

YB Dato' Sri Speaker,

Terima kasih sahabat saya ADUN Lantikan Yang Ke-5, beliau bertanyakan soalan berkenaan *data center* dan juga kecerdasan buatan er… soalannya adalah seperti berikut. Negara Malaysia memberikan tumpuan khusus di dalam pembangunan pusat data ataupun dengan izin, *data center* dengan kecerdasan buatan ataupun AI bagi tahun-tahun mendatang. Apakah usaha kerajaan negeri untuk turut sama menarik pelaburan dalam bidang tersebut dan apakah bentuk industri yang telah dikenal pasti untuk menggunakan aplikasi berdasarkan AI.

Pelan Tindakan MyDIGITAL merupakan rangka tindakan yang menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacukan pendigitalan dan juga peneraju serantau dalam ekonomi digital. Sejak 2021 kerajaan persekutuan telah umum akan bina 143 pusat data dan kebanyakannya akan dibangunkan di Lembah Klang dan juga di negeri Johor. Seiring dengan agenda nasional ini, Kerajaan Negeri Pahang turut melaksanakan pelbagai usaha bagi menarik pelaburan dalam bidang pusat data ataupun *data center* dan juga kecerdasan buatan, AI. Antara langkah utama ialah penyediaan zon berpotensi tinggi yang dikenal pasti berdasarkan kesediaan infrastruktur asas seperti bekalan tenaga elektrik dan keperluan penggunaan air yang tinggi oleh pusat data.

Selain itu, kerajaan negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan syarikat er… syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri ataupun S-GLC serta agensi persekutuan seperti MITI dan MIDA untuk mempromosikan Pahang sebagai destinasi pelaburan digital yang strategik di Pantai Timur. Pada masa yang sama, kerajaan negeri sedang berada dalam proses semakan semula Pelan Digital Pahang 2026-2030 bagi memperkukuhkan ekosistem digital negeri serta menarik pelaburan berasaskan teknologi masa hadapan. Untuk makluman *data center* dan kecerdasan buatan ataupun dengan izin, *artificial intelligence* merupakan dua komponen berbeza tapi saling melengkapi dalam ekosistem ekonomi digital negara.

Pertamanya, pusat data berfungsi sebagai infrastruktur fizikal untuk menyimpan dan proses data berskala besar bagi pelbagai industri manakala kecerdasan buatan AI pula menggunakan data tersebut untuk membolehkan sistem komputer belajar, menganalisis dan membuat keputusan secara automatik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti er… siapa yang biasa guna ChatGPT dan DeepSeek tahulah berkenaan perkara ini ya, macam-macam boleh tanya.

AI bukan satu industri tersendiri seperti pembuatan atau pertanian tapi merupakan alat sokongan ataupun dengan izin, *enabler* yang digunakan oleh pelbagai sektor untuk meningkatkan daya saing dan juga keberkesanan operasi. Antara industri yang menggunakan aplikasi AI adalah sebagai contoh, pertanian dan perladangan di mana ia digunakan untuk mengenal pasti er… mengenal pasti penyakit tanaman menggunakan imej dron meramalkan hasil keluaran buah sawit ataupun tanaman kontan dan juga untuk perancangan proses membaja dan racun perosak secara automatik. Dalam sektor pembuatan ataupun *manufacturing*, ia digunakan untuk ramalan penyelenggaraan ataupun dengan izin, *predictive maintenance.* AI akan buat ramalan bila mesin atau peralatan memerlukan penyelenggaraan ataupun perlu dibaiki. Selain itu, ia digunakan untuk simulasi kilang baru ataupun dengan izin, *digital twin* dan juga penjimatan elektronik dan mereka *design* produk baharu. Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK 5)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Sedikit sahaja Yang di-Pertua, boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

AHLI YANG DILANTIK 5)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Terima kasih er… sedikit sahaja tambahan. YB Exco er… YB sebut tadi berkenaan dengan zon berpotensi er… adakah kita dah kenal pasti di manakah kawasan ataupun daerah yang sesuai untuk dibangunkan aktiviti ataupun industri ini? Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih di atas soalan sahabat saya er… YB Dilantik Ke-5. Kita sudah kenal pasti dua kawasan yang dianggap sebagai dengan izin, *data centre ready* bersedia untuk menerima pelaburan pusat data iaitu Gebeng dan Gambang er… dan kedua-dua kawasan ini telah dikenal pasti sebagai kawasan yang mempunyai bekalan air yang cukup, satu, bekalan elektrik yang cukup dan juga laluan genting... laluan gentian *fiber optic* yang memadai. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Cheka. Soalan tambahan.
(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan saya ialah daripada 143 pusat data yang dicadangkan, baru-baru ini Kerajaan Johor telah pun menarik diri daripada penyertaan pusat data terutama *tiers*... Tier 1 dan Tier 2 kerana dia melibatkan kos penggunaan air sampai 50 juta liter sehari.

Persoalan saya ialah apa yang kita *planning* di peringkat negeri Pahang dan di tempat tadi, apakah di peringkat Tier 1, Tier 2 ataupun Tier 3 dan 4 yang penggunaan air dia tidak sangat besar sebab isu kita ialah bekalan air. Banyak negeri tak sanggup, tak terima *data centre* ini kerana keperluan air yang terlalu besar yang perlu dan air itu

mesti air terawat, dia tak boleh air biasa. Jadi membuatkan kos bekalan air itu sangat tinggi. Johor sendiri pun tak sanggup. Jadi, saya fikir perancangan untuk, cuma Johor sanggup Tier 3 dan 4 sahaja yang tidak banyak pun penggunaan air cuma dalam konteks Pahang, kita guna tu untuk untuk peringkat mana? Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN daripada Cheka. Ya, memang benar pembangunan *data centre* ni memakan sumber elektrik dan air yang begitu besar. Di kerajaan er... di peringkat negeri Pahang, saya tak jangka kita akan mengikuti jejak negeri Johor dari segi pembangunan jumlah pusat data dan pembangunan pusat data di negeri Pahang ini, kita akan pantau supaya pembangunannya seiring dengan keupayaan infrastruktur untuk menyokong pembangunan tersebut.

Sekiranya infrastruktur kita telah mencapai had maksima, sekiranya apa ni syarikat PAIP kata kita dah berada di limit ke atas. Dia dah sumber air sudah terhad, maka kita tidak akan luluskan sebarang pusat data tambahan. Yang kita tak naknya, kalau kita buat *data centre* tiba-tiba ada *blackout* di taman berhampiran, tak ke mengkarak kitalah, bahasa Pekan ya. Oleh itu, kita akan pantau sebaik-baiknya. Saya tak... saya sekali lagi saya tak jangkalah kita akan bangunkan begitu banyak *data centre*, mungkin hanya beberapa taman je. Sekiranya ada keperluan, kita akan lihat semula kekuatan infrastruktur, boleh atau tidak kita sokong pembangunan tersebut.

Pada masa yang sama, kita juga akan memantau perkembangan industri, apa ini pusat data. Sebab ada pakar-pakar ekonomi yang mengatakan sekarang ini pelaburan AI berada di tahap yang tidak boleh orang kata, tidak boleh *sustain* jangka masa yang panjang. Ada yang guna istilah *bubble* dan istilah *bubble* ini dengan izin, menyatakan terlalu banyak pelaburan telah dilaburkan dalam industri AI. Sebagai contoh, 9 bulan pertama tahun ni USD200 bilion telah dilaburkan oleh pelabur Venture Capital untuk syarikat pemula AI dan sedangkan tidak ada syarikat AI yang dapat menunjukkan *business model* yang memberi keuntungan.

Saya bagi contoh syarikat Open AI, ChatGPT ya, pelopor ChatGPT, dia ada menurut akhbar Financial Times, dia ada 800 juta pengguna tetapi hanya 5% sahaja merupakan pelanggan berbayar sedangkan Open AI dia telah *commit* untuk melabur USD1 trilion *data centre* hingga 2030 menggunakan cip NVIDIA, Broadcom dan Oracle. Apa ni analisa ekonomi tertanya-tanya, apakah pelaburan RM1 juta ni boleh dibayar semula untuk jangka masa yang panjang? Perkara-perkara ini kita perlu ambil kira apabila melihat pembangunan *data centre* di Pahang secara lestari, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, kita pergi satu jawapan. Maknanya *detail*lah. Seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 7, wakil daripada Jenderak.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 7.

> [Sila jelaskan bentuk bantuan yang disediakan di bawah Anggun Maju seperti latihan teknikal, kemahiran digital dan sokongan produk perniagaan?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Seterusnya terima kasih juga kepada sahabat yang bertanyakan soalan. Soalannya adalah berbunyi, sila jelaskan bentuk bantuan yang disediakan di bawah Anggun Maju seperti latihan teknikal, kemahiran digital dan sokongan produk perniagaan. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja kerana telah mengumumkan satu peruntukan yang besar untuk kita meneruskan program Anggun Maju bagi tahun 2026 dan berbalik kepada soalan yang ditanyakan.

Program Anggun Maju merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang bertujuan memperkasa ekonomi wanita melalui latihan, sokongan teknikal dan juga bantuan peralatan perniagaan. Sehingga kini, seramai 900 usahawan wanita di seluruh negeri Pahang telah terlibat dan menerima manfaat daripada program ini. Program ini dilaksanakan melalui tiga komponen utama iaitu yang pertamanya, Suri Tekno. Komponen ini memberi penekanan kepada latihan teknikal dan penguasaan teknologi. Antara bentuk latihan yang ditawarkan termasuklah penggunaan ICT dalam pengurusan perniagaan, fotografi produk, penggunaan sistem jualan digital. Latihan ini membantu meningkatkan kecekapan operasi perniagaan serta memodenkan cara usahawan wanita mengurus dan mempromosi produk mereka.

Di samping itu, satu lagi produk Anggun Maju adalah WANDA iaitu Wanita Anggun Digital. Melalui program ini, peserta diberi pendedahan kepada latihan pemasaran digital, penghasilan kandungan kreatif, penjenamaan perniagaan, keselamatan digital, bimbingan berkaitan platform e-dagang. Pendekatan ini membolehkan usahawan wanita lebih kompetitif dalam pasaran atas talian yang semakin berkembang. Dan yang ketiga adalah bantuan peralatan perniagaan. Kerajaan turut menyediakan bantuan berbentuk peralatan dan barangan perniagaan mengikut kesesuaian sektor yang diusahakan oleh peserta. Antara peralatan disalurkan termasuklah mesin jahit, peralatan bakeri, peralatan memasak, peralatan digital asas dan bantuan ini dapat mengurangkan beban modal permulaan dan menyokong pengembangan perniagaan peserta melalui gabungan latihan, sokongan teknikal dan bantuan peralatan. Kerajaan komited memperkukuhkan kedudukan ekonomi wanita serta memastikan usahawan di bawah program Anggun Maju dapat berkembang secara mampan, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi semasa. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi soalan seterusnya. Soalan nombor 8, wakil daripada Kemayan.
(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya, soalan nombor 8.

> [Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mencungkil bakat baru dalam bidang sukan supaya Pahang boleh melahirkan lebih ramai atlet sukan bertaraf antarabangsa?]

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih juga sahabat saya daripada Kemayan atas soalan berkenaan dengan perancangan Kerajaan Negeri Pahang bagi mencungkil bakat baru dalam bidang sukan supaya Pahang boleh melahirkan lebih ramai atlet sukan bertaraf antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang telah merangka dan melaksana pelbagai program dan berusaha sehabis baik bagi melaksanakan program-program pembangunan sukan yang menyeluruh dan berterusan di peringkat akar umbi demi melahirkan lebih ramai atlet berbakat serta bertaraf antarabangsa.

Melalui Unit Pelapis Bakat, Majlis Sukan Pahang, pelbagai pelaksanaan program pencarian bakat telah dilaksanakan sepanjang tahun ini. Antara program tersebut adalah program Talent Identification (TID). Program ini melibatkan sukan menembak, judo, karate-do, boling padang, angkat berat dan tinju. Sepanjang tahun ini, sebanyak 10 siri program Talent Identification (TID) telah berjaya dilaksanakan. Daripada 1,727 peserta yang terlibat dalam program ini, seramai 312 atlet berpotensi telah dikenal pasti dan dibawa ke pusat latihan untuk menerima bimbingan daripada jurulatih yang berkelayakan. Melalui bimbingan jurulatih ini, kita percaya potensi dan bakat atlet akar umbi ini mampu digilap untuk diketengahkan ke kejohanan sukan bertaraf tinggi.

Yang kedua adalah program *Revos and Young... Young Elephant Warrior*. Sepanjang tahun ini, sebanyak 13 program ini dilaksanakan merangkumi sukan memanah, renang, ping pong, sepak takraw, silat, hoki dan tenpin bowling serta olahraga. Melalui program ini, sebanyak 3,059 penyertaan telah direkodkan dan 183 atlet telah terpilih untuk mendapat bimbingan selanjutnya di bawah kelolaan jurulatih di peringkat negeri dan juga daerah.

Program tambahan di bawah inisiatif ini dijadualkan sehingga hujung bulan ini, dengan penyertaan lebih 1,300 lagi orang peserta melibatkan sukan bola jaring, memanah, ping pong dan sepak takraw. Manakala program ke-3 adalah Kem *Future Elephant Warrior* 2025. Program ini diadakan untuk atlet bakat dan pelapis muda, di bawah usia 17 tahun dan inisiatif ini melibatkan penyertaan 150 orang atlet daripada 20 jenis sukan, yang menekankan pembangunan disiplin, ketahanan mental, kepimpinan dan semangat berpasukan menerusi aktiviti ketahanan seperti kembara berhalangan, *wall climbing*, kayak dan pelbagai lagi. Dan melalui kem ini, atlet muda tidak hanya meningkatkan kemahiran teknikal semata-mata, tetapi juga membina ketahanan dan karakter diri serta fokus yang kukuh sebagai persiapan untuk menghadapi cabaran dan persaingan yang lebih sengit di peringkat sukan berprestasi tinggi pada masa depan.

Setelah mengikuti program-program bakat yang saya sebutkan tadi, atlet-atlet akar umbi ini kemudiannya berpeluang untuk mengikuti pelbagai lagi kejohanan di peringkat dalam dan luar negara bagi membolehkan mereka menimba pengalaman baru membentuk jati diri dan ketahanan membentuk semangat perjuangan yang tinggi untuk boleh bersaing dengan sesiapa saja dan memperkasa prestasi serta semangat juang yang lebih hebat. Dalam perkembangan yang berkaitan, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang, turut melaksanakan program khas yang dikenali sebagai Program i-Talent iaitu program pencarian bakat dalam kalangan orang kurang upaya.

Program ini jelas memberi impak yang sangat baik kepada negeri, dengan pelbagai kejayaan sekali gus mampu melahirkan atlet-atlet berprestasi tinggi. Melibatkan atlet orang kurang upaya, contohnya saudari Loh Chee Hooi, Atlet Memanah, yang berjaya merangkul gelaran atlet wanita terbaik pada SUKMA pada Para SUKMA 2024.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dalam memastikan program pembangunan bakat sukan dapat dilaksanakan secara tersusun dan berterusan. Melalui program pencarian bakat ini, pembangunan pelapis, sokongan kewangan dan penyertaan kejohanan, saya yakin, Pahang mampu melahirkan lebih ramai atlet yang mampu membawa nama negeri ini ke pentas antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI IN MOHD RAMLY

Terima kasih, er... Dato Sri Speaker, Terima kasih er... Yang Berhormat Exco. Er... saya tertarik dengan er... jawapan yang diberikan oleh er... Yang Berhormat Exco berhubung dengan, langkah oleh kerajaan negeri untuk melahirkan lebih ramai atlet antarabangsa. Cuma saya ada... ada juga melihat Facebook Yang Berhormat, tentang er... apa nama ni... program Sukan e-Sport yang saya lihat, Yang Berhormat er... antara yang saya kira sangat aktif dan juga er... begitu meminati dan juga mengambil berat tentang sukan e-Sport ni. Cuma, saya nak tanya adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memberikan satu galakan berbentuk inisiatif er... bagi membolehkan sukan sebegini ada tempatnya ataupun sekurang-kurangnya kita mengambil langkah sepertimana negeri Selangor, mereka ada satu *team* yang dipanggil sebagai Selangor Red Giant yang er... mempunyai pencapaian di peringkat antarabangsa. Jadi, soalan saya tadi saya ulang balik, adakah kita bersedia untuk mengorak langkah menghasilkan atlet-atlet e-Sports bertaraf antarabangsa? Terima kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih er... Yang Berhormat ADUN Lantikan atas soalan tersebut. Er... sebenarnya, Pahang memang dah ada Akademi e-Sport di bawah Majlis Sukan Pahang. Yang... akademi tersebut letaknya berhampiran dengan bangunan er... Majlis Sukan Pahang, kalau saya ingat ada padang hoki tu ada gym... Gimnasium Majlis Sukan Pahang letaknya di situ. Dan kita memang sentiasa er... berusaha untuk melahirkan pemain-pemain e-Sport er... yang bertaraf antarabangsa. Sebenarnya ramai pemain-pemain e-Sport Pahang yang telah menyertai kejohanan er... di peringkat er... luar negara dan mencapai kejayaan. Namun, saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, bahawa pencapaian er... peserta e-Sport di Selangor ini, er... lebih menonjol, dan kita cuba untuk *catch up,* ada perancangan-perancangan kita, dan kita sentiasa berjumpa dengan atlet-atlet e-Sport ini, mungkin er... satu masa nanti, dalam 2, 3 bulan lagi kita akan bentangkan cadangan-cadangan kita untuk melonjakkan er... sukan e-Sport yang semakin diiktiraf dalam kejohanan-kejohanan besar di peringkat antarabangsa. Mungkin kita boleh tengok balik perancangan strategi kita untuk Akademi e-Sport di negeri Pahang. Terima kasih, Yang Berhormat.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Speaker... terima kasih Speaker. Saya ada 2 soalan kepada rakan saya daripada Dong, Wakil kerajaan. Er... pertama sekali berkaitan dengan masa depan sukan bola sepak negeri Pahang. Saya, kalau tak silap sayalah saya dapati, Pasukan Sri Pahang, tidak terlibat dengan er... sebarang liga pada musim ini. Satu.

Yang kedua, daerah Jerantut antara daerah yang sangat meminati dan menggemari sukan bola sepak sehingga setiap tahun akan dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak di daerah Jerantut, Liga Emas dan sekarang ini pun sedang berlangsung dan Final Liga Emas akan berakhir pada hari Sabtu ini, insya-Allah di antara pasukan Purpura AZ FC dan juga PAIP Jerantut Rovers FC. Soalan saya, er... apa ni, penganjuran kejohanan ini sebelum ini dilangsungkan di Padang FA Jerantut. Namun selepas daripada penganjuran Bulan Kesiapsiagaan Nasional (BKN) 2025, di atas Padang FA tersebut menyebabkan berlaku kerosakan sehingga baki perlawanan sehingga final akan terpaksa dialihkan ke Stadium Tun Abdul Razak, Jengka. Soalan saya, er...bilakah kerosakan padang FA ini akan dibaik pulih dan berapakah anggaran kos untuk er... baik pulih ini? Terima kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih er... sahabat saya dari Tahan atas soalan tersebut. Dan saya mengakui bahawa FA Jerantut ni Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, antara yang paling aktif terutama dengan kepimpinan baharu FA sekarang ini dan Liga FA Jerantut yang sekarang sedang berlangsung mendapat sambutan yang cukup hebat er... saya ingat saya sembang dengan Setiausaha FA Jerantut, Cikgu Faiz, belanjanya cecah untuk Liga Jerantut ini lebih er... RM100,000.00. Ni satu usaha yang sangat baik untuk menyemarakkan minat terhadap sukan bola sepak di Jerantut ni.

Dan orang Jerantut ni bila main bola dia main sungguh-sungguh, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Masa zaman Ketua Pemuda dulu, kalau pertandingan di peringkat negeri ni mesti nak bergaduh. Itu memang dia dah *trend* dia dulu. Tapi sekarang ni tidaklah agaknya ya, YB Tahan dia main bermati-matian, memang betul. Dan, berkait dengan perkara ini sebenarnya untuk menyemarakkan sukan bola sepak di negeri Pahang ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang kerana bermula pada tahun hadapan akan ada liga bola sepak di peringkat daerah dan negeri [Ahli Dewan menepuk meja]. Dalam Belanjawan ini, insya-Allah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah luluskan peruntukan kalau tak silap saya RM2 juta untuk menyemarakkan sukan bola sepak di negeri Pahang ini. Jadi selepas ini akan ada liga di setiap daerah dan juga negeri.

Berkait dengan Padang FA Jerantut ini. Sebenarnya saya dah buat lawatan. Saya tak ingat awal tahun ini atau penghujung tahun lepas. Sebenarnya memang dalam keadaan yang tak berapa sesuai dah er… nak main. Bukan sebab program itu semata-mata Yang Berhormat. Dan untuk proses baik pulih ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, memang Kerajaan Negeri er… tengah memperincikan belanja yang kita nak pohon daripada Kementerian Belia dan Sukan sebab memang belanjanya besar dan sebelum ini kalau tak silap saya untuk penyelenggaraan Padang FA Jerantut ini kita dah serah kepada majlis daerah. Nanti kalau salah saya mohon betulkan, cuma kita

akan bincang dari sudut itu bila dah ada perincian belanja ini, akan kita angkat kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Maksudnya berkenaan dengan Padang FA Jerantut ini memang dalam radar kita dan kita memang tahu di Jerantut ini memang sangat meminati sukan bola sepak ni. Dia memang luar biasa. Jerantut ni ada dua sukan yang dia memang er… memang sangat popular. Ragbi, macam-macam kejayaan di peringkat negeri ni. Dia orang antara jaguh besar sekarang, ragbi di Pahang. Yang kedua bola er… Dato' Sri Speaker. Jadi saya kira begitulah Yang Berhormat DUN Tahan nanti apa-apa perkembangan berkenaan dengan Padang FA Jerantut ini sendiri, saya akan maklumkan dan saya tahu memang dapat perhatian yang cukup hebat berkenaan dengan Padang FA Jerantut ni. Terima kasih Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya wakil daripada Inderapura.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mengemukakan soalan nombor 9.

> [Keadaan ekonomi global yang tidak menentu telah menyebabkan kenaikan kos sara hidup rakyat. Justeru apakah langkah-langkah kawalan kenaikan harga atau tindakan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani perkara ini?]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada rakan saya dari Inderapura menanyakan soalan ini. Kerajaan akan terus mempergiatkan penguatkuasaan bagi memastikan bekalan bahan ini tidak terjejas di pasaran dan harganya berada di paras yang munasabah. Pada masa yang sama, harga barangan di pasaran ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran. Dengan izin *demand and supply,* faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dalam memastikan kestabilan harga di pasaran.

Antara-antara tindakan yang telah diambil adalah; Nombor satu, mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebagai kementerian yang memantau bekalan keperluan pengguna di peringkat huluan supaya sentiasa mencukupi untuk pasaran tempatan.

Nombor dua, melaksanakan skim harga maksimum musim perayaan. Nombor tiga, menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga. Nombor empat, menguatkuasakan Perintah Tanda Harga bagi Barangan dan Caj bagi Perkhidmatan 2022 bagi memastikan peniaga meletakkan tanda harga. Nombor lima, menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 161 bagi memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

Nombor enam, melaksanakan Ops Kesan bagi memastikan tiada berlaku elemen pencatutan terhadap harga barangan dan perkhidmatan susulan pelaksanaan penyelarasan subsidi diesel. Nombor tujuh, melaksanakan Ops Samar melalui penyamaran yang dilakukan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa. Nombor lapan, menjalankan siasatan aduan susulan aduan yang diterima dari peniaga. Nombor sembilan, mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri bagi membincangkan kestabilan harga dan keberadaan bekalan di pasaran. Pada masa yang sama, pihak industri tidak menaikkan harga tanpa memaklumkan kepada pihak kementerian supaya tidak membebankan pengguna. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita juga nak mengalu-alukan kehadiran wakil daripada Parti PKR ya yang bersama-sama dengan kita pada hari ini. Soalan seterusnya soalan nombor 10, wakil daripada Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih YB Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 10.

> [Sila senaraikan perancangan program bagi menggalakkan ekopelancongan di DUN Kuala Sentul di mana terdapat banyak air terjun untuk menambah potensi kegiatan ekonomi tempatan.]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Kuala Sentul. Untuk DUN Kuala Sentul memang mempunyai keunikan alam er… keunikan alam semula jadi dengan air terjun, hutan dan biodiversiti yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai tempat ekopelancongan dan turut… yang boleh membawa impak ekonomi kepada komuniti setempat. Jadi perancangan kerajaan adalah supaya kawasan ini menjadi tarikan kepada pelancong yang minat aktiviti separa lasak dan riadah.

Untuk perancangan program di DUN Kuala Sentul, program dan aktiviti sedia ada. Pertama, kita ada Lubuk Yu Hammock Fest Festival yang telah masuk penganjuran kali ke-10 dan juga masukkan dalam takwim pelancongan MOTAC. Keduanya, projek Sejati Madani, glamping dan ATV di Taman Rekreasi Che Minah Sayang. Ketiga, kita juga ada pasar malam mingguan yang diadakan di Taman Rekreasi Che Minah Sayang dan sambutan Hari Sukan Negara peringkat mukim yang melibatkan *campsite* di Bentara Campsite Kuala Sentul di kawasan Mukim Chenor, Jengka, Kuala Sentul dan juga *hiking* ke Air Terjun Jeram Pelangi.

Untuk perancangan pada tahun depan 2026, kita ada beberapa perancangan. Pertama, Pesta Che Minah Sayang. Keduanya, Lubuk Yu Rainforest Festival dan di Taman Negeri Lubuk Yu, ada beberapa perancangan pada tahun depan iaitu Music Festival, Hammock Fest, Bird Camp dan juga program Bird Watching di Lubuk Yu Ecopark.

Selain itu, kerajaan juga mengambil inisiatif untuk menyokong melalui Program Local Agenda 21 dan Program Kemampanan Komuniti Bandar untuk pembangunan

infrastruktur, laluan *trekking,* papan tanda ekopelancongan dan kemudahan-kemudahan asas. Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan tambahan, Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila YB.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan saya, adakah terdapat identiti atau jenama khusus yang ingin dibangunkan untuk ekopelancongan Kuala Sentul dan juga sudah adakah hubungan dengan operator pelancongan, agensi pelancongan negeri atau *influencer* pelancongan untuk menjayakan promosi di Kuala Sentul, dan juga apakah sumber pembiayaan atau peruntukan untuk menjayakan program- program ini? Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh jadi *influencer*.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Okey, terima kasih. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Sentul sebab memang saya nampak beliau berusaha untuk membangunkan kawasan bawah DUN Kuala Sentul sebagai satu tarikan khususnya untuk ekopelancongan yang memang untuk kita nak…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih YB Dato' Sri Speaker.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Memang kalau untuk kita nak *branding* ataupun *marketing* secara *general* daerah Maran. Tarikan air terjun adalah salah satu hala tuju kita. Jadi kita boleh nampak bahawa untuk material promosi Tourism Pahang er… untuk daerah Maran, biasanya kita mengetengahkan air terjun… air terjun… air terjun di Maran sebagai tarikan. Jadi sebelum kita membang… untuk kita membangunkan satu kawasan ekopelancongan, kita perlu mengambil kira beberapa faktor. 5A dengan izin, adalah *accommodation, accessibility, attractions, amenities* dan *activities*.

Jadi sebelum satu tempat pelancongan boleh berjaya, kita perlu ada persediaan. Jadi sebagai contoh, untuk infrastruktur beberapa tahun ini memang bawah kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Kita mengadakan… kita menyalurkan peruntukan untuk menambah baik infrastruktur pelancongan bukan sahaja di DUN… di DUN Kuala Sentul tetapi juga di DUN Luit dan Chenor, secara keseluruhan untuk daerah Maran.

Pada masa yang sama, kita juga perlu mengambil kira tenaga kerja yang diperlukan sebagai contoh, kalau untuk *hiking* ke Jeram Pelangi yang selalu yang selalu diperkenalkan... diketengahkan oleh Yang Berhormat Kuala Sentul mereka perlukan malim gunung. Jadi dengan ini, kerajaan juga perlu mengambil kira tenaga kerja yang diperlukan dan untuk beberapa jeram yang selalu disebut Yang Berhormat Kuala Sentul memang cantik, Jeram Pelangi, Gawa, Tebing Tinggi, cumanya, dia perlu masa mengambil masa *hiking* sekurang-kurangnya dua jam.

Jadi, kita juga perlu mengambil faktor sedangkan dalam daerah Maran, kita juga ada air terjun lain yang lebih senang dicapai. Sebagai contoh, Che Minah Sayang, Air Terjun Teladas. Jadi dengan ini, walau bagaimanapun, kita tidak mengetepikan air terjun di DUN Kuala Sentul. Kita tetap memasukkan gambar-gambar air terjun di dalam DUN Kuala Sentul dalam promosi Tourism Pahang. Saya rasa ini perkongsian kita dan kalau untuk *influencer* memang kita er... bila kita berjumpa dengan promosi di luar negara. Mungkin kita juga boleh merancang untuk mengadakan *FAM trip* ataupun *B to B* untuk membawa lebih ramai *influencer* atau media untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan di bawah DUN Kuala Sentul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay kita ada lagi?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sikit je, boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bagi banyak.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Cuma... cuma kalau boleh bagi jenama atau identiti khusus, contohnya ‘Kuala Sentul destinasi pelancongan anda’, kalau bolehlah. *So that* orang boleh kenal Kuala Sentul ni. Terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih. Mungkin Yang Berhormat juga boleh mencadangkan. Tapi setakat ini mungkin kita tidak ada slogan spesifik. Tapi secara *general* untuk Maran tarikan pelancongan di Maran, salah satu adalah air terjun.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi soalan terakhir pada pagi ini. Wakil daripada Sabai,

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 11.

[Apakah jumlah syarikat perusahaan mikro,kecil dan sederhana (PMKS) yang beroperasi dalam negeri Pahang? Apakah jenis kegiatan perniagaan yang menjadi fokus pilihan mereka ?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

(Ayat Al-Quran) Assalamualaikum SWT dan salam Pahang 1st. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada sahabat saya, ADUN Sabai dengan persoalannya berapakah jumlah PMKS yang aktif beroperasi di negeri Pahang dan apakah kategori aktiviti perniagaan yang menjadi tumpuan utama dalam kalangan syarikat-syarikat ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli Dewan sekalian. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat, izinkan saya mengemukakan beberapa penjelasan iaitu berdasarkan data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, DOSM serta profil PMKS tahun 2024 negeri Pahang mencatatkan sebanyak 38,577 buah PMKS bersamaan 3.6% daripada keseluruhan 1.08 juta PMKS yang berdaftar di seluruh negara. Dan ini angka ini mengesahkan kedudukan Pahang sebagai antara negeri yang memiliki ekosistem PMKS yang berkembang secara progresif khususnya dalam menyokong pemerkasaan ekonomi negeri dan peningkatan peluang pekerjaan.

Dan dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan juga penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas lantikan Yang Amat Berhormat sebagai Penasihat Khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana Kebangsaan [Ahli Dewan menepuk meja]. Pelantikan ini diyakini akan memperkukuhkan dan juga penjajaran dasar antara kerajaan persekutuan dan juga negeri dalam memperkasa agenda pengguna usahawan khususnya PMKS di negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dari segi pemilihan sektor perniagaan pula, PMKS di negeri Pahang tertumpu kepada beberapa kluster utama yang mencerminkan kekuatan tras ekonomi negeri. Antaranya sektor perkhidmatan memberikan jumlah lebih kurang 85.6% iaitu sektor ini merupakan pilihan utama PMKS. Antara aktiviti utama termasuklah perdagangan borong dan runcit, makanan dan juga minuman. Perkhidmatan dobi, bengkel, bakeri dan juga penyelenggaraan logistik dan juga perkhidmatan komoditi, agensi pelancongan serta hospitaliti. Dan juga pertubuhan sektor perkhidmatan dipacukan oleh pembangunan pesat pusat komersial baharu, digitalisasi usahawan serta lonjakkan industri pelancongan domestik. Sektor pembinaan pula juga di dalam PMKS ini memainkan peranan penting dalam ekosistem pembinaan melalui kerja-kerja kontraktor kecil, pembekalan bahan binaan dan juga perkhidmatan teknikal.

Maka sehingga pelan 9 sektor pembuatan. Fokus ini meliputi pembuatan makanan, produk kayu, pemprosesan asas serta produk berasaskan sumber tempatan yang semakin diterima dalam pasaran domestik dan juga eksport. Dan juga sektor pertanian ini terus menjadi penyumbang strategik melalui pengeluaran sayur-sayuran, contohnya di Cameron Highlands dan juga beberapa tempat-tempat lokasi yang strategik. Hasil tani dan juga tanaman kontan juga pemprosesan makanan berasaskan agro dan juga aktiviti agropelancongan dan dapat lihat pada hari ini pembentangan bajet yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa sektor pertanian kita difokuskan oleh kerajaan negeri untuk kita memperkasakan

mempertingkatkan lagi untuk menjadi salah satu sektor yang difikirkan menjadi pemangkin kepada kerajaan negeri, insyaAllah dan saya ucapkan tahniah kepada daerah Kuantan yang merekodkan lebih kurang 369 PMKS pertanian iaitu menyumbang 2.5% daripada jumlah kerajaan ataupun jumlah nasional. Inilah satu pendekatan yang terbaik di daerah Kuantan. Dan seterusnya antara sektor perlombongan, perlombongan dan pengkuarian iaitu melibatkan aktiviti bijih besi, bauksit, pasir silika dan granite iaitu selaras dengan kekayaan sumber mineral negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Ini adalah antara-antara PMKS negeri Pahang yang boleh kita ketengahkan melalui apa yang kita gambarkan supaya hala tuju kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dato Sri Diraja Menteri Besar menjadi pemangkin kepada ekonomi negeri dan juga Malaysia, insya-Allah Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri, soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Terima kasih atas penjelasan tadi berkaitan dengan soalan saya. Saya mohon pencerahan berkaitan dengan bentuk bantuan dan galakan yang disediakan oleh kerajaan negeri kepada golongan yang terlibat dalam perusahaan mikro kecil dan sederhana dan yang kedua, apakah langkah yang diambil untuk bantu pemasaran produk mereka sama ada di pasaran tempatan ataupun di pasaran global? Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih sahabat saya daripada ADUN Sabai dan persoalannya ini insentif-insentif atau bentuk bantuan atau galakan yang disediakan. Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, bantuan-bantuan inisiatif antaranya pihak kerajaan negeri dengan bersama dengan agensi-agensi sama ada di kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif-inisiatif.

Antaranya inisiatif yang kita laksanakan ialah program 4P iaitu P yang pertama ialah pelabelan produk-produk kita perlu dilabelkan dengan lebih sempurna dan P yang kedua ialah pembungkusan yang kita buatkan bagi pembungkusan produk-produk usahawan ini dapat memberikan piawaian-piawaian yang telah ditetapkan. Dan juga P yang ketiga adalah penjenamaan kita nak jenamakan mereka ni kita *register*kan, dengan izin untuk di MyIPO. Dan juga P yang keempat adalah promosi dan saya boleh gabungkan di antara inisiatif- inisiatif ini, kita memanggilkan dalam biasa kursus-kursus keusahawanan ni iaitu kita letakkan strategi 4P Yang Berhormat Dato' Sri Speaker iaitu dengan izin.

Yang pertama adalah produk kita mencari produk-produk yang boleh dijual dengan baik dan juga diminati oleh peminat-peminat ataupun pembeli-pembelinya. P yang pertama ialah produk dengan izin. Keduanya ialah *price,* harga yang dipanggil kalau kita panggil singkatan SPM... SPM minta Yang Berhormat Tuan Speaker itu *simple, practical* dengan *marketable* bahasa dengan izin, *price*.

Ketiganya ialah *place*, tempat mana yang kita nak letakkan produk-produk usahawan kita ni dan juga yang P yang keempat adalah *promotion*. *So* 4P dan juga strategi program 4P dan strategi promosi 4P. Saya yakin dan percaya langkah-langkah ini kita ambil untuk membantu usahawan-usahawan kita. Antaranya kita bawa dalam Karnival Aspirasi Pahang 1st yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar... Dato' Sri Diraja Menteri Besar yang telah pun membawa... mengumpulkan usahawan-usahawan ini untuk bersama di setiap Karnival Aspirasi Pahang 1st dan malah Yang Berhormat Dato Sri Speaker kita membawa usahawan-usahawan kita ke peringkat nasional dan juga peringkat luar negara. Ini satu perkara yang membanggakan saya ingin nanti saya akan gulungkan beberapa produk-produk yang kita dah bawa ke peringkat terutama sekali di Shanghai, baru-baru ni sebelum itu di Dubai. Kemudiannya di Shanghai dan insya-Allah pada tahun hadapan.

Pada tahun 2026, produk-produk usahawan kita pula akan dibawa ke Frankfurt untuk membesarkan lagi ruang dan juga peluang usahawan-usahawan di Pahang untuk kita buka mereka-mereka ini peluang untuk ke peringkat yang lebih tinggi, insya-Allah. Ini antara strategi-strategi yang telah pun ilhamkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar dan juga beberapa agensi-agensi kerajaan negeri untuk memberikan ruang yang luas kepada usahawan-usahawan. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia ada satu lagi P tu. *Price, people, place*, *product* satu lagi politik. Kalau takde kestabilan tu semua tak boleh jual.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Saya setuju Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah selesai bincangkan... memperbincangkan 11 pertanyaan kepada Menteri Besar. Ianya mengambil masa lebih kurang 2 jam. Ya kita mula 9.30 tadi sekarang 11.30. Saya bercadang untuk menempoh persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan akan disambung semula pada pukul 12:00 tengah hari. Persidangan ditempoh.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

[Persidangan Dewan Negeri disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Perkara ketiga: Sambungan Perbahasan Rang Undang-undang.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Speaker ni… Setiausaha Dewan pun dia nak ambil alih [ketawa]. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih lagi dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026. Rang Undang-undang dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada hari Jumaat, 5 Disember 2025 dan akan dibahaskan pada hari semalam, Isnin, 8 Disember 2025 dan hari ini kita akan menyambung semula perbahasan Rang Undang-undang dan Usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana jadual perbahasan yang diedarkan, seramai 15 orang Ahli Dewan akan berucap pada majlis. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa ruang perbahasan yang diberikan perlulah digunakan dengan sebaiknya. Setiap Ahli-ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja bagi perbahasan. Bagi memulakan perbahasan, saya menjemput Ahli Dewan Negeri kawasan Tanjung Lumpur untuk berucap.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet pada kali ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kerja Pejabat Kewangan dan juga Perbendaharaan Negeri yang telah bertungkus lumus menyiapkan dokumen Anggaran Perbelanjaan 2026 dan tahniah juga kepada semua penjawat awam kerajaan negeri yang telah menunjukkan dedikasi yang begitu tinggi di dalam menjayakan agenda yang telah dirancang. Dan pada pagi ini, saya ingin membawakan beberapa isu…. isu negeri Pahang secara umum dan juga insya-Allah sedikit isu tempatan.

Yang pertamanya, suka saya untuk mengajak Dewan kita merujuk kepada sumber Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2025 iaitu berkaitan dengan bilangan projek perumahan swasta di negeri Pahang kerana alhamdulillah projek perumahan swasta di negeri Pahang sebagaimana yang tercatat jumlah keseluruhannya sebanyak 2,333 yang mana di sana ada yang belum bermula, ada juga yang lancar perjalanan projek tersebut, ada lewat, sakit, ada yang telah siap, ada yang permitnya telah dibatalkan. Cuma saya nak merujuk kepada projek perumahan yang lewat… lewat iaitu sebanyak 24, sakit sebanyak 44 dan juga permit yang telah dibatalkan sebanyak 42.

Kuantan mencatat er… projek yang paling banyaklah dilaksanakan dan sekali gus juga mencatat projek yang paling banyak dalam kategori lewat, sakit dan juga permit yang dibatalkan. Mungkin Kuantan ini sebab dia ibu negeri dan banyak er… perumahan-perumahan yang dibangunkan. Kuantan mencatatkan projek yang lewat sebanyak 7, yang sakit 21 dan permit yang telah dibatalkan sebanyak 14. Jadi di sana ingin saya bertanya kepada pihak kerajaan. Apakah strategi kerajaan negeri untuk melindungi dan membela nasib pembeli rumah yang terlibat dalam projek yang sakit ini? Dan yang kedua, adakah moratorium ataupun pengetatan tapisan pemaju akan dilaksanakan sebelum daripada… sebelum meluluskan projek yang baharu? Dan yang ketiga, apa pula tindakan yang telah diambil terhadap pemaju yang gagal dengan tanpa sebab? Dan insya-Allah Exco mungkin boleh jawab waktu penggulungan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Insya-Allah saya akan jawab masa waktu penggulungan. Tapi untuk waktu ini memang kerajaan hanya terlibat dalam urusan kebenaran merancang. Maknanya setelah projek itu diluluskan, bolehlah pihak pemaju yang kita pun tidak ada apa ni kuasa dalam melantik sebab dia pemaju swasta dan er... dan mereka telah er... melaksanakan pembangunan tersebut dan apabila pelan pembangunan semua dah dihantar, barulah memohon permit untuk jualan. Apabila jualan ini tapi bila dah dilaksana dah *problem* YB, dan bila ada masa itu menghadapi masalah dan barulah tindakan itu diambil oleh pihak kementerianlah. Jadi buat masa ni belum ada lagilah. Tapi insya-Allah saya akan jawab lebih lanjut dalam penggulungan nanti.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih pada pihak Wakil Kerajaan sebab kita pun faham dan kita maklumkan kesian pada pembeli. Kalau macam di Sepat tu, 16 tahun… 16 tahun baru... baru siap. Maknanya bayangkanlah 16 tahun yang beli itu dah mati dah. Ada yang dah mati, yang tua tak sempat nak duduk rumah pun ada. Tapi alhamdulillah dapat juga walaupun selepas daripada 16 tahun. Jadi dengan tindakan kerajaan tu mungkin masa akan datang cara tindakan itu lebih baik dan lebih cepat. Insya-Allah kita mengharapkan sedemikian.

Dan yang keduanya saya nak bawa isu pendidikan, yang mana institusi pondok dan tahfiz swasta di negeri Pahang ni dia ada dalam sekitar 130 buah secara keseluruhannya dan 60 buah adalah yang berdaftar dengan kerajaan. Jadi apa yang saya nak cadangkan ialah pihak kerajaan ini menyediakan satu program intensif untuk pelajar-pelajar pondok dan tahfiz ini, dia menduduki peperiksaan SPM, yang mana sebelum ini, masa ini memang ada di antaranya Smart Tahfiz, Smart Tahfiz di bawah Yayasan Pahang. Yang mana er... pengambilan pelajarnya begitu terhad untuk 30 orang saja, 30 orang. Sedangkan yang nak ambil SPM seluruh negeri Pahang ini daripada apa Pondok dan tahfiz swasta ini ramai.

Di samping itu, yuran juga di Smart Tahfiz ini sebanyak RM1,000.00 sebulan dan untuk golongan asnaf tu dia dalam RM300.00 ke ataslah. Jadi dah tentulah bagi ibu bapa yang tidak berkemampuan, tak boleh nak hantar anak untuk ambil SPM. Manakala walaupun di sekolah-sekolah kerajaan ada, di sekolah SMAN dan sebagainya tetapi kebanyakan pelajar-pelajar pondok ini bila dia keluar itu dah umur 22, 23. Jadi dia mesti nak masuk kena ambil SMA dulu. Jadi tak munasabah, dia nak pergi umur dia

23, nak duduk sekelas dengan budak umur 16. Jadi er... *fast track* SPM ini satu program yang sangat baik sekiranya pihak kerajaan dapat mewujudkan… mewujudkan mungkin sebuah atau dua buah lagi di di negeri Pahang bagi tujuan supaya pelajar-pelajar lepasan pondok dan tahfiz ini dapat… dapat mengambil peperiksaan SPM.

Sebab kita lihat banyak pelajar-pelajar lepasan tahfiz dan pondok negeri Pahang ini mereka terpaksa pergi ambil ke negeri lain, dia ambil negeri lain. Walaupun ada pelajar-pelajar yang berpotensi. Saya ambil contoh tahun 2024 hari itu, pelajar terbaik SPM (TATIUC) adalah daripada… pelajar daripada negeri Pahang. Tapi disebabkan kerana negeri lain, negeri lain… di antaranya Terengganulah, Terengganu ini sebelum daripada kerajaan PAS hari itu pun masa kerajaan UMNO memerintah pun perkara ini dah ada yang mana mereka ni mengambil yuran berdasarkan kepada tempat kelahiran bukan berdasarkan kepada jumlah gaji ibu bapa. Jadi bila dia... pelajar-pelajar tu daripada Terengganu seperti TATIUC, dia akan bagi percuma.. dia akan bagi.. bagi percuma dan pelajar yang er... bukan dari Terengganu contohnya kalau dia menghafal al-Quran 30 juzuk dengan ujian maka diberikan juga percuma. Di antaranya juga ialah Yayasan Terengganu, jadi yuran dia untuk anak negeri tu bawah daripada RM100.00 dan begitu juga yang daripada luar negeri seperti anak sayalah contohnya ada 2, 3 orang di sana bila dia melepasi ujian 30 juzuk tu maka tak dikenakan yuran.

Jadi, keutamaan bagi negeri-negeri lain ialah mereka melihat tempat kelahiran. Jadi, kalau kita lihat di negeri kita ni berdasarkan kepada tangga gaji ibu bapakan jadi minta pihak kerajaan ambil perhatian sebab kita sayang sebenarnya sebab ramai pelajar-pelajar cemerlang di negeri Pahang ni dia ambil SPM di negeri-negeri lain kerana kita tidak dapat menyediakan program-program tersebut.

Yang kedua, saya juga nak membicarakan berkaitan dengan isu pembatalan program tingkatan 4 di Kuliah Abu Bakar, Pekan yang mana semenjak pada tahun 2015 er... pada 2015, tingkatan 4 di Kuliah Abu Bakar ini diadakan jadi bolehlah pelajar-pelajar daripada pondok dan sebagainya untuk masuk ke Kuliah Abu Bakar ni tingkatan 4 ambil SMA dan seterusnya ambillah SPM. Tetapi bermula daripada tahun hadapan, tak ada lagi dah Kuliah Abu Bakar ni tidak lagi menyediakan itu pengambilan khas untuk tingkatan 4 termasuklah dipanggil Tahfiz Bestari, tidak ada lagi di Kuliah Abu Bakar pada tahun yang akan... akan datang.

Jadi, Kuliah Abu Bakar ni semua kita faham bahawa institusi pengajian agama yang lama di negeri Pahang yang ditubuhkan pada 1941. Intitusi pengajian yang sangat banyak berjasalah melahirkan para ilmuan Islam di... di negeri Pahang. Jadi, oleh kerana itu, saya mengharapkan supaya kalau dapatlah institusi Kuliah Agama Sultan Abu Bakar ni dinaikkan taraf sesuai dengan jasa Kuliah Abu Bakar ni telah melahirkan ramai para ilmuan di negeri Pahang dan sekali gus Kuliah Abu Bakar ni dia membawa nama Almarhum Sultan Abu Bakar. Jadi, saya mencadangkan agar pengambilan khas ataupun kelas khas tingkatan 4 di Kuliah Abu Bakar ni dapat diadakan semula di adakan semula, insya-Allah mudah-mudahan.

Dan seterusnya saya nak bawa isu tempatan... ke isu tempatan, jika isu tempatan ialah berkaitan dengan dewan orang ramai di Sungai Isap. Sungai Isap ni dia ada Sungai Isap Damai dia ada lebih kurang 3,200 orang penduduk di sana dan kemudian... dah pastilah dengan jumlah yang begitu ramai ni memerlukan satu dewan yang selesa. Tapi Dewan Sungai Isap ni saya rasa pihak Exco pun pernah dah pernah pergi dah pernah tengok dah Dewan Sungai Isap ni boleh dikatakan antara dewan yang sangat uzur, ia sangat uzur dengan panas sedangkan apa majlis-majlis *event* yang diadakan di dewan tu banyak bersesuaian dengan jumlah... jumlah penduduk di situ. Macam-

macam ada kelas taekwandolha, ada kelas Quran, majlis kahwin apatah lagi. Bila saya pergi majlis kahwin dekat situ dengan pengantin-pengantin berpeluh habis pengantin peluh, kesian pengantin. Pengantin berpeluh kerana semua dinding zink, atap pun zink buruk pula tu dengan tak ada kipas, tak ada apa dan sebagainya.

Jadi dah lama dah penduduk tu dia... dia bersungut dan memang pihak kerajaan dah tahu cuma sebab bila dah lama sangat bersungut terpaksa juga cakap dekat Dewan. Pada saya, saya tak minat sangat nak cakap bab ni kat Dewan sebab perkara tu boleh rujuk di luar tapi sebab dah dah lama sangat mereka mengharapkan dah puluhan tahun dah dewan tu kesian masuk putih keluar hitam, panas tuan-tuan sekalian. Jadi kita mengharapkan supaya pihak Majlis Perbandaran, pihak kerajaanlah dapat supaya buat dewan yang baru ataupun baik pulih dengan lebih... lebih baik. Kalau dulu banyak sekarang ni lebih kurang dalam 5 program je setahun dimaklumkan oleh pihak KRT dalam 5 program je sebab masyarakat pun bila nak kahwin dia pergi sewa dewan yang lebih... lebih jauh dewan tu tak boleh nak buat apa.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR.HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri,

Pertama sekali saya bersimpati dengan YB daripada Tanjung Lumpur menyebut pasal bila ada pasal dewan... dewan uzur lepas tu kemudian bila nak mengadakan majlis sambutan atau resepsi perkahwinan tu jadi bila pakai dewan tu dia sampai pengantin dan pasangan pengantin berpeluh punya panas. Tapi saya ingat mungkin YB Tanjung Lumpur boleh berhubung dengan rakan saya Wakil Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai portfolio Kebajikan Wanita. Kita ada Program Anggun Seri... Anggun Suri yang kita adakan resepsi untuk apa nama pasangan ya pasangan B40 yang yang tak mampu untuk mengadakan majlis perkahwinan resepsi *so* kita ada maknanya boleh buat secara berkelompok. Jadi lebih selesa ya satu usaha yang kita buat.

Yang keduanya, memang pihak kerajaan ada... ada cadangan melalui Yayasan Pahang untuk membina satu kompleks di kawasan er... di kawasan mungkin kawasan Tanjung Lumpur inilah yang telah pun dikenal pasti tapaknya insya-Allah kalau sekiranya dapat kita sediakan peruntukan, dia akan jadi satu kompleks yang melibatkan dewan yang besar boleh memuatkan kapasiti yang ramai dan boleh dilaksanakan untuk semua aktiviti kepelbagaian *conference*, konvensyen, seminar dan juga termasuk penggunaan untuk urusan jamuan dan sebagainya. Untuk makluman.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih. Mudah-mudahan apa yang dicadangkan itu dapat berjalan dengan baik dengan lancar insya-Allah. Kami di Tanjung Lumpur ni menunggulah [ketawa] menunggu je lah projek tu nanti balik ni pun nanti orang Sungai Isap akan tanya saya.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak... tak saya nak maklumkan ni takut nanti bila kita buat tu jadi yang tadi saya teringat yang ni kes sahabat saya dari Kemayan. Dia cerita tu bila kita dah buat tu ada orang *claim* jadi nak betulkan lepas tu kemudian Kuala Sentul ni Kuala Sentul tanya bagi contoh macam mana ni apa nama keadaan di mana bila... bila kerajaan buat ada orang *claim*. Jadi saya sekarang ni nak perjelaskan bagi pihak kerajaan memang kita

ada perancangan, takut nanti orang terkeliru dia kata nasib baik ADUN Tanjung Lumpur bangkitkan perkara ni, baru la ada dalam Dewan. Sebenarnya kita dah ada dah perancangan tu dan insya-Allah kita akan laksanakan. Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Mencelah sikit YB Dato' Sri, betullah keadaan tu kadang-kadang keadaan tu bila kita... bila kerajaan ada perancangan pelaksanaan tapi mungkin tak sampai masa lagi untuk dibuat. Jadi kita bagi teguran, bagi teguran tu kerajaan mula buat itu bukan maknanya *claim* kita memberi teguran c*heck and balance* la supaya projek itu berjalan seperti apa yang dirancangkan. Itu je. Terima kasih.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Eloklah tu maknanya sebab tu tema selalunya Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar selaku Menteri Besar selalu disebut 'tiada janji, lihat bukti'. Maknanya kita ni tak uar-uarkan dulu kita kena buat tengok maknanya yang apa yang kita rancang tu dia buat secara teliti. Jadi kadang-kadang tu kita tak gembar-gemburkan awal tapi ini yang bila situasi yang berlaku sebenarnya perancangan yang kita adakan ini kita ada jangka masa pendek, pertengahan dan jangka masa panjanglah. Jadi, hanya jangan *claim*lah, itu je. Makna maksud saya itu er... kalau sekiranya betul dia katakan memang syor itu datang daripada pihak kerajaan. Kalau… kalau er... dalam konteks seumpama inilah yang saya baru ni kan? Yang kita bercerita pasal bajet. Pasal bajet je. Bajet itu tak ada kena mengena dengan itu, memang kita buat tiap-tiap tahun memang bajet itu begitu… begitu. Memang ada tambah baik dari masa ke semasa. Tapi bila ayat yang mula-mula, minta maaf cakap, sahabat saya daripada ini Cheka kata "nasib baik ada (tidak jelas), jadi ada bajet yang macam ini". Yang tu yang kita tak nak itu, maknanya ada juga *claim* itu, er... itu… itu… itu… itu yang saya nak perjelaskan sini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu Yang… Yang Berhormat er... Wakil Kerajaan. Yang Berhormat apa Benta dia panggil itu buah hujung [ketawa], buah hujung. Dia ada buah hujung dia itu. Buah hujung ini okey, kadang-kadang manis, kadang-kadang masam. Itulah buah hujung. Sila teruskan. Ada seminit lagi, dua minit lagi.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Hai ganti balik [Ahli Dewan ketawa]. Pandai ambil pandai ganti [ketawa]. Baik, saya ucap terima kasihlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu buah hujunglah itu [ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Buah hujung [ketawa]. Jadi saya ucap terima kasihlah di atas penjelasan pihak kerajaan itu. Jadi mudah-mudahan er... doa daripada apa penduduk Sungai Isap itu termakbul la. Dapatlah er… insya-Allah kalau dah siap baru, kita buat Walimah

Perdana. Kalau kerajaan buat Suri Anggun, kami buat Walimah Perdana ini kami jemputlah ya, insya-Allah datang. Dan kemudian insya-Allah er... isu tempatan juga ada dua lagi. Sekejap, sikit je Dato' Sri Pengerusi. Er... saya nak merujuk kepada…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker.

(ADUN TANJUNG LUMPUR N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Dato' Sri Speaker… Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker, Pengerusi belum lagi.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Pengerusi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Belum Mesyuarat.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dalam Jawatankuasa.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Belum turunkan cokmar apa [ketawa]. Baik, berkaitan dengan apa warga asinglah terutama sekali bangsa Rohingya yang ramai sangat di Medan Warisan, Tanah Putih itu, yang mana banyak sangat aduan, sungutan er... mereka ini memanglah saya pun rajin jumpa, bawa motor kadang tak pakai topi keledar, dengan anak-anak dia. Dia buat macam kat Rohingya itulah, dia buat macam kat kampung dia itulah kan. Kadang selalu jumpa di jalan besar dan sebagainya.

Tetapi di Medan Warisan ini dia ramai sangat, dia ramai, dia mendiami di situ dan ada banyak bangunan-bangunan kosong bertingkat atas itu, banyak dia duduk di atas itu. Memanglah mereka ada apa? Kad apa? UNHCR kan? Tetapi, apa yang mereka lakukan ini, sangat tidak menyenangkan penduduk ya.

Mereka suka hantar budak-budak rumah ke rumah untuk minta sedekah. Kalau pintu pagar tak kunci memang boleh masuk. Ramai ni. Di Medan Warisan terutama sekalilah sebab saya merujuk pada tempat saya, dia ada di Bukit Setongkol, Bukit Sekilau itu ada tetapi yang ramai kalau di kawasan saya, di Medan Warisanlah dia duduk di

sebelah, sebelah belakang itu, ramai ya. Puak-puak dia ramai dan saya masih ingat lagi pun waktu COVID pada hari itu pun memang ratusan bungkus juga sekali kita hantar untuk makanan dia orang itu, kalau tak hantar kang mati pula kan?
Jadi nak tak nak [ketawa] kena hantar juga, tapi ramai. Jadi masalahnya ialah sikap, er... sikap… sikap mereka ini, sikap mereka yang suka pergi rumah ke rumah, minta dan sebagainya. Dah minta duit, tak bagi duit pula ada sejenis itu dia mengamuk, macam-macam er... itu perangai er... sikap orang Rohingya.

Yang keduanya ialah berkaitan dengan isu banjir. Alhamdulillah, pada tahun ini kita melihat er... banjir itu tidaklah berlaku dengan begitu besar melainkan air bertakung dan dalam keadaan terkawal. Terima kasihlah kepada pihak kerajaan, JPS dan sebagainya yang telah er... membuat sedikit sebanyak persiapan dan projek-projek yang bertujuan untuk apa? Apa… mengawal banjir ini berlaku.

Namun begitu, ada tempat-tempat tradisional yang daripada dulu di antaranya Pintasan Teruntum juga di belakang Medan Warisan yang bersambung dengan Cenderawasih, yang bila setiap kali air pasang memang naik, longkang situ besar tapi tak mampu untuk menampung air… air pasang. Ada juga minta supaya pihak er... kerajaan untuk ambil perhatian terhadap er... perkara tersebut. Dan kemudian yang terakhir, sebab ada satu minit, saya pun yang terakhir. Itu satu minit itu pada lapan minit yang lalu [ketawa].

Jadi saya, mengucapkan terima kasih pada pihak JKR, pada pihak kerajaan yang telah membuat turapan baru di Jalan Tanjung Lumpur er... ke Sungai Soilah er... sampai Kuantan Puteri dan sebagainya yang saya kira memakan masa yang agak panjanglah, panjang. Makna puas dahlah YB itu kena maki hamun. Jadi dapat juga terima kasih, alhamdulillah. Dia bukan YB je kena, dia termasuklah JKR dan sebagainya semua pakat kena belaka. Kita main dengan rakyat ini memang kita kena terima hakikat yang, yang begitu kita terpaksa berhadapan. Jadi, terima kasih.

Namun begitu, ada lagi kawasan-kawasan yang… jalan-jalan yang tidak rata, yang agak rosak terutama sekali di er... kawasan yang masih dalam pembinaan, pembetungan kan? Masih lagi jadi yang ini pun kami pun tak tahan telinga panas [ketawa]. Tak tahan telinga, sabarlah. Nak buat macam mana kan? Nak sangat jadi YB. Em… [ketawa]. Kena sabarlah, sebab dan saya pun tak tahu soalan itu pun dulu pun kita pernah kemukakan dalam Dewan, di pihak kerajaan pun tak dapat juga menjawab dengan baik sebab dia melibatkan apa… projek kementerian… projek kementerian dan sebagainya.

Tapi itu adalah di antara er... kawasan ataupun jalan yang… yang… yang sangat teruklah pada ketika ini er... yang perlu juga diambil perhatian. Jadi, saya ucapkan terima kasihlah pada pihak kerajaan yang [batuk] beri izin untuk er... saya berucap pada pagi ini. Hari ini tak berapa panas sangat [batuk]. Sebab semalam kalah, nombor 16, boling, sebab…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nombor 16 tu tak kalah. Dia *top 20*. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Dia sebab semalam tu sebab saya bawa isteri saya. Kalau tak ada dia tu, menang. [Ahli Dewan ketawa]. Er... tak ada dia itu boleh menang, cuma…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker…

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Cuma…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini… ini namanya *claim* sekali lagi. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Itu bukan *claim,* kambing hitam. Cuma dia tanya saya lepas dia lempar jatuh longkang, dia tanya bang, apa, kontraktor mana buat longkang ni? Dia kata sepatutnya tak ada longkang kat sini, barulah tak masuk longkang, ya. Jadi saya ucap terima kasihlah, dapatlah hadiah hari semalam walaupun nombor 16 ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Top 20. Bagus tu [ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Tapi saya bangga sikit sebab saya dapat mengalahkan hok muda-muda ni. Ha… tu je lah. Patut saya berseorangan semalam berhajat nak kalahkan Kemayan. Tapi tak ada arahlah. Er… tahniahlah Kemayan. Sebab er... kalau isteri saya tak ikut, saya itu. [Ahli Dewan ketawa]. Baik cukup sekadar itulah, gurau sikit pada pagi ini dan insya-Allah mudah-mudahan apa yang kita rancangkan er... di… er... dipermudahkan oleh Allah SWT. Saya mohon menyokong Bajet Belanjawan…

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker…

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Negeri Pahang 2026.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, kita tahu dah kelemahan Tanjung Lumpur. Dah nampak dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa dia Yang Berhormat?

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Melalui isterinya. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Tak, insya-Allah. [Ahli Dewan ketawa]. Dia… dia bukan…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia kata, ini pertandingan ke permainan? Permainan boling berpasangan. Jadi itu yang saya tak berapa nak pergi itu. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Semalam itu kalah itu sebab dua, sebab dia ada dua, satu kategori cerah, satu kategori gelap. Jadi kelemahan saya ini cerah, gelap okey. [Ahli Dewan ketawa]. Dah… dah. Okey cukup sekadar tu terima kasih semua. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN - NEGERI

Terima kasih wakil daripada Tanjung Lumpur. Kita pergi ke selanjutnya wakil daripada Jenderak, sila.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODUAN BIN ZAABA

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker atas peluang untuk perbahasan pada kali ini. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana terus cemerlang dalam menguruskan negeri ini sehingga berjaya mencapai *hattrick* RM1 bilion kutipan hasil selama 4 tahun berturut-turut [Ahli Dewan menepuk meja]. Tahniah Yang Berhormat Menteri Besar Pahang atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2026 yang mengutamakan kepentingan rakyat bertemakan Pahang 1st Rakyat

Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan dengan melalui tujuh teras utama Belanjawan Negeri Pahang tahun 2026.

Saya amat bersyukur menjadi anak Pahang apabila kutipan hasil kerajaan negeri berada pada tahap yang membanggakan dengan terus melepasi angka RM1 bilion sejak tahun 2022. Ini kerana tadbir urus dinamik, pengukuhan kutipan hasil ini memberi kekesanan usaha mengawal ketirisan serta lonjakan ekonomi. Ini membuktikan dengan rekod Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pahang yang meningkat dalam tempoh 2019 sehingga 2024. Hasil daripada dasar pembangunan yang strategik, mampan, telus dan kepimpinan yang berwibawa. Tambahan pula dipacu oleh sektor perkhidmatan, pembuatan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian.

Pencapaian dan pengiktirafan kerajaan ini adalah usaha gigih kepimpinan kerajaan negeri yang disokong oleh rakyat. Yang paling utama, adalah kestabilan politik seperti mana Dato' Sri Speaker maklum tadi. Tahniah juga pada kerajaan negeri kerana menerima pengiktirafan melalui penganugerahan Sijil Ketua Audit Negara bagi pendapat tanpa teguran untuk Penyata Kewangan Tahun 2024 yang merupakan bukti jelas bahawa kerajaan negeri mengamalkan tadbir urus kewangan yang cekap, telus dan berintegriti. Saya yakin dan percaya kerajaan negeri tidak membuat andaian dan tidak bimbang dalam urus tadbir kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berkenaan dengan pendidikan yang menjadi keutamaan, apatah lagi di dalam kawasan Jenderak. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang selalu cakna terhadap pendidikan. Tambahan pula dengan mewujudkan Akademi Pahang 1st, Akademi Rel Pahang, Universiti Pahang, Universiti al-Quran dan TVET. Dengan adanya pendidikan seumpama ini akan melahirkan belia yang berwawasan dan kepimpinan masa hadapan dan akhirnya boleh mengubah corak kehidupan dan masyarakat seterusnya melonjakkan ekonomi. Saya berharap peluang ini di beri manfaat kepada anak-anak kampung, anak-anak masyarakat Orang Asli dan anak-anak FELDA.

Tak lupa juga dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan juga Exco Pendidikan, Exco Hal Ehwal Orang Asli kerana telah berusaha dan mendapat kelulusan Sekolah Kebangsaan Penderas sebagai K9 dan sekarang dah mendapat K11 untuk kepentingan anak-anak masyarakat Orang Asli Kuala Krau.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pentadbiran FELDA yang berusaha menyusun atur semula sistem pentadbiran dan tadbir urus yang lebih baik dan bersistem untuk memastikan kecemerlangan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat FELDA. Bagi menambah baik kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas di dalam kawasan FELDA seperti pejabat, rumah kedai, dewan orang ramai, sekolah-sekolah ugama, masjid yang berada di dalam komuniti FELDA.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pelangai yang telah dilantik selaku Ahli Lembaga Pengarah FELDA [Ahli Dewan menepuk meja], tahniah. Dan tidak lupa juga kepada kerajaan negeri yang banyak membantu di kawasan dan juga masyarakat FELDA. Di kesempatan ini juga, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya Pejabat Daerah yang diketuai oleh Dato' DO, JKR, PAIP, Majlis Perbandaran

Temerloh, JPS yang sentiasa prihatin memastikan kemudahan dan prasarana berada dalam keadaan terbaik seperti penambahbaikan baik pulih jalan kampung, jalan negeri, dewan, pekan sehari dan kemudahan asas yang lain termasuk yang terbaru tebatan banjir bernilai RM74 juta.

Terima kasih Kerajaan negeri kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah mewujudkan tabung bencana sebanyak RM10 juta. Ianya memberi manfaat kepada mangsa ribut, mangsa banjir dalam negeri Pahang yang mendahului negeri jiran. Khususnya bantuan ribut dan banjir daerah Temerloh sebanyak RM1.3 juta dan melibatkan 791 orang. Ianya dapat meringan banyak kerugian kepada mangsa. Ini adalah yang dikatakan rakyat didahulukan kemakmuran dipertahankan. Akhirnya, izinkan saya membaca serangkap pantun.

Pahang terpelihara aman sentosa,
Khazanahnya wajib kita kekalkan,
Dengan rendah hati menutup bicara,
Agar Pahang terus dipertahankan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Jenderak menyokong sepenuhnya Belanjawan 2026, belanjawan terbaik Pahang. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih wakil daripada Jenderak. Seterusnya wakil daripada Pulau Tawar.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan selamat tengah hari. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terlebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana memberi kebenaran kepada saya untuk berbahas pada tengah hari ini. Pertama, alhamdulillah syukur kepada Allah kerana kita semua dapat hadir ke sesi sidang DUN pada kali ini. Pertamanya, tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang di atas pembentangan Belanjawan 2026 pada hari Jumaat yang lalu.

Semoga bajet ini akan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat negeri Pahang. Insya-Allah, perbahasan saya pada tengah hari ini akan akan menyebut beberapa perkara. Pertama, saya akan sentuh berkenaan dengan kebersamaan. Yang kedua, saya akan menyentuh tentang cadangan. Yang ketiga, saya akan menyentuh tentang persoalan. Yang terakhir, saya akan menyentuh tentang puji atau tahniah.

Yang pertama, Yang Berhormat Speaker, saya menyentuh tentang dalam buku bajet baru ini disebut tentang perkara teras yang kedua iaitu melonjak ekonomi negeri. Dalam pembentangan ini, pada muka surat yang ke 13 ada disebut tentang melonjak ekonomi negeri pada perkara nombor 66... nombor 60 iaitu kerajaan negeri memperuntukkan RM300,000.00 bagi memastikan rakyat memahami hala tuju ekonomi negeri melalui Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang. Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang, PET30. Pada 24 Jun baru ni, Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Pahang, MPEN telah membentangkan Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang 2025 - 2030 kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Exco di Geo Hotel and Resort Genting. Dalam pembentangan tersebut, ada tiga paksi utama yang disentuh

iaitu pertama sekali kesejahteraan rakyat. Yang kedua bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Yang ketiga pertumbuhan ekonomi dipacu oleh sektor swasta.

Disebut dalam program tersebut adalah komitmen bersama rakyat Pahang untuk merealisasikan Pelan ini secara menyeluruh. Jadi, saya mencadangkan agar taklimat ini sangat baik, bagus. Tahniah saya ucapkan. Jadi, saya minta agar taklimat Pelan ini turut ditaklimatkan kepada semua Yang Berhormat yang hadir dalam sidang DUN pada kali ini termasuk kami daripada barisan Pembangkang supaya Pelan Ekonomi ini jika kami tahu bagaimanakah bentuknya dan insya-Allah kami boleh ceritakan pada rakyat, apabila pulang ke DUN masing-masing nanti, insya-Allah.

Yang kedua, mengukuh agenda Keterjaminan Makanan Negeri. Pada muka surat 14, *point* yang ke 62 Perkara 3 iaitu peruntukan RM500,000.00 melalui Skim Makmur Ternak untuk membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan kapasiti pengeluaran. Jadi sepertimana kita maklum, kerajaan negeri ada menyediakan skim makmur ternak ini untuk membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan pengeluaran daging ruminan. Ruminan ini adalah daging kambing, lembu, kerbau, biri-biri dan lain lain. Baik apa yang dikatakan sebagai ruminan ni adalah berasal daripada bahasa Latin 'ruminare' iaitu mengunyah lagi. Jadi binatang ternakan tadi yang saya sebutkan tadi seperti kambing, lembu, kerbau ni sifat dia, dia akan menyimpan makanan yang diragut di bahagian rumen dan akan mengeluarkan semula makanan tersebut ke mulut untuk dikunyah ketika berehat. Jadi binatang ni bila dia rehat dia makan lagi seolah kita tak kot...

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Orang Jerantut panggil pawah.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Betul Yang Berhormat. Jadi apabila Skim ini ada baik dan ada dua geran pada skim ini pertama, geran pemadanan iaitu sehingga RM10,000.00 untuk kos 10% nilai baka induk ternakan. Yang kedua, geran penuh sehingga RM5,000.00 untuk input ladang, bahan pembinaan, pembaikan ladang, infrastruktur ladang. Baik, cuma apabila saya turun ke lapangan berjumpa dengan anak-anak muda yang menternak lembu, kerbau secara kecil-kecilan ini isunya adalah mereka mencari peruntukan untuk memperbaiki infra ladang mereka sama ada pagar dan sebagainya. Jadi saya tengok dalam ini dalam bajet ini ada disebut tentang peruntukan RM500,000.00 untuk Skim Makmur Ternak ini iaitu jenis bantuan Geran Pemadanan dan Geran Penuh. Jadi saya tengok RM500,000.00 ini mungkin tak cukup Yang Berhormat... Yang Amat Berhormat. Jadi, saya mencadangkan supaya RM500,000.00 ini ditambah kepada RM1 juta. Mudah-mudahan cadangan ini akan diambil kira oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang ketiga isu setempat iaitu persoalan yang saya nak sebut di sini adalah ada berapa kes di Tanah Rancangan FELDA yang saya wakili iaitu berkenaan dengan kutipan sisa domestik sampah asalnya mengikut jadual, syarikat yang menguruskan kutipan... kutipan sisa ini adalah sebanyak dua kali seminggu menjadi rungutan sejak akhir-akhir ni ada beberapa Tanah Rancangan FELDA yang mereka mengadu bahawasanya kutipan sisa domestik ini tidak mengikut jadual.

Mungkin pihak kontraktor ada masalah tentang kerosakan lori dan sebagainya. Namun, persoalan ini mungkin boleh dijawab oleh pihak Yang Berhormat Exco pada penggulungan nanti. Apakah masalah sebenar yang berlaku menyebabkan sampah-sampah ini kadang-kadang berlonggok di hadapan rumah peneroka?

Yang keempat. Yang ini berbentuk tahniah dan saya sebut kepada kerajaan negeri tahniah dan terima kasih banyak-banyak di atas satu program... satu projek penggantian paip lama. Ataupun disebut sebagai menaik taraf jajaran paip sedia ada dari Kampung Pulau Tawar ke Kampung Bukit Nikmat dan kawasan sekitar yang mana projek penggantian paip lama ini telah lama kita sebut. Yang Berhormat sebelum ini pun dah sebut tentang keperluan penggantian paip-paip lama ini. Alhamdulillah, baru-baru ni saya tengok pihak er... apa...

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHARUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Mohon mencelah. Saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya lagi daripada Pulau Tawar ini dia menyentuh pasal kutipan sampah. Jadi saya nak tanya kawasan sampah dua kali itu dia ini kawasan siapa? Kawasan Yang Berhormat ke kawasan Dato' Wakil Kerajaan?

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Saya terima aduan tentang sisa domestik tadi dia tidak diurus mengikut jadual. Kawasan yang saya wakililah. Tak banyak Yang Berhormat tapi dia ada kawasan-kawasan tertentulah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHARUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Untuk kutipan sisa-sisa pepejal ni, kalau Yang Berhormat ada masalah dengan kontraktor tersebut boleh berhubunglah dengan pihak FELDA kawasan terbabitlah ya kawasan ADUN untuk diuruskan dengan baik.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Baik. Insya-Allah saya akan berjumpa dengan pihak pengurusan FELDA terbabit untuk diselesaikan perkara tu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHARUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Untuk maklumanlah ya, untuk masa akan datang untuk ke arah kita mewujudkan *waste to energy* ni tidak ada lagi kita akan usaha untuk supaya pihak FELDA, FELCRA dapat bersama melupuskan sampah atau sampah di kawasan-kawasan FELDA terbabit ni supaya dapat di hantar kepada *waste to energy* nanti. Tapi untuk sementara ni kita mintak pihak FELDA, FELCRA menguruskan kawasan masing-masing kerana melantik kontraktor-kontraktor yang telah didaftarkan bersama SWCorp. Hari ni dia

menuntut... patut melantik kontraktor-kontraktor yang berdaftar bersama dengan SWCorp supaya dapat melupuskan sisa pepejal dengan teratur ya Yang Berhormat.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Baik. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Yang terakhir tadi saya sebut tentang apa ni projek penggantian paip-paip lama. Alhamdulillah, kita lihat baru ni *signboard* telah dinaikkan oleh pihak Perbadanan Aset Air Berhad, PAAB dan disebut di situ, bahawasanya saya mengucapkan tahniah, terima kasih kepada Perbadanan Aset Air Berhad, PAAB dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan juga Perbadanan er... PAIP pihak air Pahang di atas kejayaan menyelesaikan masalah penggantian paip lama di sekitar kawasan kampung terbabit dan mudah-mudahan menaik taraf jajaran paip ini yang disebut bermula pada tahun ini dan akan disiapkan pada 16 haribulan tiga 2027. Mudah-mudahan penduduk di sana akan menikmati dengan baik air yang lebih baik pada masa mendatang. Dan inilah kami pihak pembangkang sangat menghargai setiap usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam memastikan supaya rakyat terus menikmati kemudahan kesenangan dalam apa jua kehidupan mereka dan insya-Allah kami di pihak barisan pembangkang akan sentiasa memberi sokongan dan dokongan kepada pihak kerajaan memastikan supaya negeri Pahang ini yang kita dokong ini terus maju pada masa-masa mendatang. Di akhirnya saya dengan ini menyokong bajet ini. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya kita jemput wakil daripada Chenor.

(ADUN CHENOR - N.26)
YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Assalamualaikum WBT (Ayat Al-Quran). Terima kasih kepada Dato' Sri Yang Berhormat Speaker. Yang saya hormati, Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pentadbir-pentadbir daerah dan semua yang hadir dan yang menyaksikan persidangan kita pada tengah hari ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang memberi ruang dan peluang untuk saya berbicara dan membahaskan Belanjawan Negeri Pahang 2026.

Saya mulakan perbahasan saya dengan memetik firman Allah SWT untuk renung… renungan bersama dalam Surah Al-Anfal ayat yang ke-63, Allah SWT berfirman, (Ayat Al-Quran) yang bermaksud, "dan Dialah Allah yang menjinakkan hati-hati mereka walaupun kamu membelanjakan semua kekayaan yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat menjinakkan hati mereka. Akan tetapi Allah SWT yang telah menjinakkan hati mereka. Sesungguhnya Dia Maha Gagah lagi Maha Bijaksana".

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ucapkan tahniah di atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2026 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang pada hari Jumaat, 5 Disember lalu yang menyasarkan RM1.279 bilion kutipan hasil dan RM1.274 bilion diperuntukkan perbelanjaan mengurus serta mengandungi tujuh teras. Di antara teras-teras tersebut, antaranya Memartabatkan Agama Islam, Memelihara Institusi Diraja dan Mengangkat Warisan Budaya.

Peruntukan sejumlah RM235.95 juta untuk memperkukuhkan Islam sebagai paksi kehidupan. Di antaranya asasnya adalah pendidikan. Melalui pendidikan yang berterusan dan berkualiti, umat Islam dapat membina generasi yang memahami agama dengan betul, mengamalkan dengan ikhlas serta mempertahankan nilai-nilai Islam dengan kehidupan seharian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas pembinaan Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang ketiga di daerah Maran dengan kos keseluruhan RM15 juta. Semoga pembinaan maahad ini dapat meluaskan akses kepada pendidikan tahfiz yang berkualiti dan menjadi platform melahirkan lebih ramai huffaz dan ilmuan muda yang berakhlak mulia, berdisiplin serta berdaya saing bagi memimpin masyarakat dan negeri ke arah kejayaan dunia dan duniawi dan ukhrawi.

Saya juga mengucapkan tahniah di atas penjenamaan UniPSAS sebagai Univesiti Al-Quran dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang bakal menjadi Universiti Al-Quran pertama bukan sahaja di Malaysia mungkin di Asia. Diharapkan penjenamaan ini bukan sekadar berubah nama tetapi satu langkah strategik dan penuh visi untuk menjadikan UnIPSAS sebagai institusi unggul dalam memartabatkan ilmu al-Quran, penyelidikan berteraskan wahyu dan Pendidikan Islam yang menyeluruh.

Sesuai dengan nama dan identiti barunya sebagai Universiti Al-Quran, maka dicadangkan universiti ini dapat membuka fakulti yang khusus dalam bidang i'jaz ilmi ataupun mukjizat saintifik yang dapat meningkatkan keyakinan serta menghubungkan ilmu wahyu dengan sains moden.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Izinkan saya membawa beberapa isu di kawasan saya. Di antaranya, keperluan melihat semula dan menaik taraf jambatan Sungai Nerek di mana jambatan Sungai Nerek ini merupakan laluan penting yang menghubungkan Chenor ke Bandar Jengka dan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) dan menjadi nadi penggerak utama penduduk setempat. Namun, jambatan ini telah terbukti tidak relevan di segi untuk menampung keadaan semasa dan juga banjir. Sejarah banjir membuktikan bahawa jambatan ini sering dinaiki air antaranya pada tahun 2014, 2015, 2017 dan 2021.
Setiap kali banjir besar berlaku, penduduk setempat yang berurusan di Bandar Jengka atau pengguna Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) akan terputus hubungan dan menyukarkan urusan mereka. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keselamatan malah melemahkan kesiapsiagaan bencana negeri. Rentetan itu, saya mengharapkan agar jambatan Sungai Nerek dibina semula dengan reka bentuk baru lebih tinggi dan mematuhi standard pengurusan risiko banjir semasa. Saya juga mengharapkan supaya dapat dipantau jambatan-jambatan yang bila hujan lebat, air tidak dapat mengalir dengan lancar lalu bertakung di atasnya. Mungkin kerana saluran tersumbat, ia membahayakan pengguna jalan raya seperti di jambatan Sungai Jengka, Batu 13.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Isu yang kedua adalah berkenaan jalan raya khususnya di kawasan saya. Antaranya kawasan Kampung Baru Pertanian, Kampung Paya Pasir, Kampung Jengka Batu 13, Kampung Embun. Jajaran-jajaran ini berada pada aras rendah dan kerap tenggelam ketika banjir menyebabkan gangguan teruk terhadap aktiviti harian penduduk. Keperluan menaikkan taraf jalan ini semakin penting apabila Stesen ECRL di Kampung Sungai Ling dijangka siap pada tahun 2027. Laluan ke stesen strategi ini pasti akan meningkatkan pergerakan ekonomi dan logistik. Namun, jika jalan raya

masih berada pada aras rendah, ia akan terus menjadi titik lemah yang menjejaskan pembangunan dan operasi kelancaran.

Setiap kali banjir berlaku… berlaku, penduduk akan terputus hubungan dan terganggu urusan harian termasuklah keadaan jalan raya di kawasan Bukit Genting, Paya Pasir yang sedang mendap, berkemungkinan ada pergerakan di bawah tanah. Harap dapatlah dipantau oleh agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Keperluan kemudahan sukan di kampung tradisional di kawasan Chenor ni seperti Kampung Sekara, Kampung Bukit Kening, Kampung Huma Luas, Kampung Dalam, Kampung Jalan Panjang, Kampung Kabut dan Kampung Awah masih kurang kemudahan sukan termasuklah padang bola sepak dan fasiliti riadah lain untuk komuniti. Sekarang komuniti terpaksa berkongsi kemudahan dengan sekolah yang tidak ideal untuk aktiviti riadah harian mereka.

Saya ingin mencadangkan agar kerajaan menimbang agar kemudahan sukan di kawasan-kawasan kampung seperti padang bola, padang futsal, badminton atau takraw dapat dibina atau diselenggara mana yang terbiar seperti di padang di Kampung Sekara supaya komuniti dapat beriadah dengan selamat, sihat dan menjauhi aktiviti negatif.

Dato' Sri Speaker,

Saya juga mengambil kesempatan dalam Dewan Yang Mulia ini untuk mengangkat beberapa isu berkaitan masjid dalam kawasan Chenor yang perlukan perhatian serta tindakan. Yang pertama Masjid An-Nur Bukit Lada. Masjid Bukit Lada ini telah melalui proses cadangan pembesaran pada 9 Mac 2024. Melalui titah perkenan daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan, yang berkenan berangkat merasmikan masjid ini. Namun, sehingga hari ini, urusan pembesaran masjid tersebut belum dimulakan lagi. Saya mohon agar kerajaan negeri dapat menyemak semula peruntukan projek ini, sekali gus memastikan titah Tuanku yang dilaksana… dapat dilaksanakan. Kelewatan ini dapat menjejaskan keselesaan jemaah khususnya pada hari Jumaat dan juga hari raya.

Yang kedua Masjid Kampung Nyak dan juga Kampung Sekara. Bukan dua kara, sekara. Saya juga ingin minta pihak kerajaan mengambil perhatian kepada Masjid Kampung Nyak dan Masjid Sekara. Dua buah masjid yang selalu terjejas teruk setiap kali banjir yang berskala besar. Kemungkinan dengan banjir tersebut permaidani rosak, pendawaian elektrik terjejas dan juga banyak aset-aset yang lain. Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan dapat mempertimbangkan secara khusus penyediaan tapak baru yang lebih tinggi dan selamat ataupun menaik taraf masjid dengan meninggikan struktur masjid tersebut.

Akhir sekali, saya suka untuk ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan agensi-agensi yang telah menangani permasalahan-permasalahan demi memberi keselesaan kepada rakyat Chenor dan juga mudah-mudahan bajet kita dapat laksanakan dengan lancar. Jadi Chenor mohon menyokong Bajet Belanjawan 2026 ini. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya akan memberikan peluang… terima kasih wakil daripada Chenor. Kita akan memberikan peluang satu lagi iaitu wakil daripada Kuala Sentul. Sahabat dengan Chenor ya untuk bagi er… apa namanya? Menggulung atau membahas dan merupakan pembahas kita terakhirlah untuk pagi ini sebelum kita berehat untuk makan tengah hari dan juga untuk kita solat Zohor. Sila.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026. Satu belanjawan yang cuba… satu belanjawan yang cuba menyeimbangkan antara pembangunan fizikal dan sosial dengan penekanan kepada kesejahteraan-kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Tahniah juga kepada pegawai dan penjawat awam yang telah bertungkus-lumus menyiapkan belanjawan ini sejak dari bulan lima lagi. Alhamdulillah, dapat dua bulan. Kalau boleh tambah setengah bulan lagi pun cantic [ketawa].

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya ingin fokuskan isu… kepada isu perumahan. YB Exco dah tak da… Saya tak ada apa isu dengan dia, cuma saya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa… tak apa… tak apa Yang Berhormat. Dia ada dua orang… dua orang bekas Exco Perumahan ni. [Ahli Dewan ketawa] Dah ada dah. Ini dia *favourite* dia punya ni, *spar… sparring partner* dia. [Ahli Dewan ketawa] Sila Yang Berhormat Exco Wakil Kerajaan bersedia untuk menjawab.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO’ JASRI BIN JAMALUDIN

Saya ingin mempromo… saya tiada isu…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO’ HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bila tadi saya nak keluar nak pergi kencing, lepas tu bila saya tengok… tengok dia bangun, terus tak jadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pergi ke sungai kecik…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

… terus tak jadi

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

bukannya…
(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

… pergi ke sungai…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

… sungai kecik…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terus tutup balik. Masuk semula. Lepas ni lah, lepas siap. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya ingin memfokuskan kepada isu perumahan ni sebab isu utama di Pahang ni kekurangan rumah mampu milik yang banyak rakyat Pahang menghadapi kesulitan untuk memiliki terutama golongan mudalah dan pembangunan yang tidak seimbang tertumpu kepada bandar dan di luar bandar itu kurang sikit. Jadi, saya ada membuat sedikit analisis er… merujuk kepada permohonan menerusi portal e-rumah Pahang yang… Yang Berhormat sebut pagi tadilah. Jadi analisisnya secara menyeluruh menunjukkan Pahang berada dalam pasaran hartanah secara mikro kelihatan sihat tetapi di lapangan wujud krisis keterjangkauan dan *missmatch* yang besar.

Antara produk-produk yang rakyat benar-benar memerlukan dengan projek yang sedang dibina dan dipasarkan oleh kerajaan negeri serta pemaju. Permintaan rakyat sehingga 31 Oktober 2025 terdapat 112,391 permohonan dalam portal e-Pahang Yang… Yang Berhormat sebut tadi kan. Dengan 66,000 permohonan untuk PAKR, 32,496 untuk PR1MA, 6,408 untuk Rumah Makmur dan 5,218 untuk PRR. Lebih 98,000 permohonan tertumpu kepada produk di bawah sekitar RM100,000.00 menunjukkan permintaan paling mendesak ialah rumah benar-benar kos rendah dan mampu milik.

Skim lain merekodkan permohonan jauh lebih kecil. Rumah Pahangku 100… 1,197 permohonan, Rumah Pahang 955, Rumah Mesra Pahang hanya 68 permohonan dan RPAP ini Rumah Penjawat Awam hanya 49 permohonan. Jadi, harga pasaran dan trend nasional 2024, *quarter* 1 2025 secara nasional harga rumah purata Malaysia sekitar RM483,879.00 pada *quarter* 4 2024. Naik 1.4% setahun tetapi turun sedikit 2% suku tahun, mencerminkan pasaran sederhana dan sedikit menyejuk. Di Pahang, harga purata sekitar RM272,756.00 hingga dua… RM290,000.00 pada tahun 2024 lebih rendah daripada negeri maju tetapi masih tiga kali ganda harga produk paling popular di bawah Skim LPHP.

Transaksi kediaman Malaysia mencapai 260,516 unit pada tahun 2024 tertinggi dalam dekad ini dengan nilai RM106.9 bilion. Pahang sendiri mencatatkan pertumbuhan transaksi sekitar 10.74% menunjukkan pasaran aktif terutamanya dalam segmen rumah di bawah RM300,000.00. Dalam masa sama, struktur pinjaman perumahan menunjukkan pertumbuhan lebih pantas dalam pinjaman untuk rumah RM250,000.00 hingga ke RM1 juta berbanding rumah di bawah RM250,000.00. Ini menandakan fokus sistem kredit ke arah segmen lebih mahal… ke arah segmen lebih mahal.

Bekalan tidak… tidak terjual… *overhang* dan kadar huni *occupancy* Pahang 2024. Pada tahun 2024, Pahang mencatat 5,037 unit mula dibina dan 3,786 unit siap. Peningkatan 14% untuk projek mula bina tetapi sedikit menurun 0.4% untuk projek siap berbanding tahun 2023. Laporan Wilayah Pantai Timur menunjukkan bagi kategori rumah kerajaan yang mampu milik, hanya sekitar 262 unit mula dibina dan 141 unit siap yang dikategorikan *overhang* dengan pelan bekalan baharu sekitar 349 unit 2024, berbanding 118 unit pada tahun 2023.

Di peringkat Malaysia, *overhang* turun kepada 23,149 unit. Pada tahun 2024, dengan majoriti kondominium apartment dan rumah teres di negeri maju. Pahang hanya menyumbang sebahagian kecil *overhang* menunjukkan *occupacy rate*. Projek siap di Pahang agak tinggi, namun jika dibandingkan dengan *backlog* permohonan yang sebanyak 112,000 tadi, kapasiti pembinaan tahunan apatah lagi untuk segmen LPHP jelas tidak seimbang. *Backlog* boleh berlarutan bertahun walaupun semua unit baharu disalurkan kepada pemohon sedia ada. Simulasi…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Er… minta mencelah YB. Pasal yang pemohon sedia ada tu yang kat mana tu… yang rumah berlebih ke? Rumah yang berlebih ke apa ni? Rumah yang tak dijual ni kat mana tu? Nanti bagi saya tu…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ni analisis, dia tak kira mana-mana seluruh Pahang.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Mencelah dulu. Maknanya nak mencelah je. Ala… mencelah pun tak boleh. [Ahli Dewan ketawa] Jawab je lah dah mencelah. Mencelah Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebelum dia melanjut yang tak tentu arah ni [Ahli Dewan ketawa], saya… saya tak faham bila saya buat rumah PR1MA…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB Dato' Sri, saya nak… ini analisis. Situasi rumah…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak. Nanti dulu…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

… perumahan di Pahang, bagi saya habiskan dulu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya mencelah.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ini bukan tak tentu arah. Ini fakta ini… ini daripada…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak. Ini fakta ni… ini fakta…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

… laporan negeri Pahang…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat. Saya tak boleh benarkan dua orang…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

kerajaan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

… bagi kerajaan berucap dulu, lepas tu Yang Berhormat boleh…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Besok-besok dah jadi kerajaan, boleh macam tu [Ahli Dewan ketawa] Tidak, kita Yang Berhormat, saya bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita buat program semua rumah-rumah ni memang tak cukup, tak ada yang tak terbeli tak terjual, tak ada. Rumah-rumah… Rumah Makmur, Rumah Rakyat Pahang, Rumah Pahangku, Rumah Mesra Pahang, YB tau tak Rumah Mesra Pahang tu macam mana? Cuba YB beritahu Rumah Mesra Pahang tu jenis yang macam mana?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB. Rumah yang saya… saya cakap ni rumah ini peringkat nasional yang tak terjual ni, dekat Pahang saya bagi tahu tadi sedikit je… bukan masalah. Sebab tak cukup… saya tak habis lagi…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal tadi Yang Berhormat…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, sebab tu Yang Berhormat jangan sebut tadi… Yang Berhormat tadi nak pergi ke tempat lain… jadi tak jadi tempat itu yang… [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua… Tuan Yang di-Pertua, saya bukan apa… cerita hal Pahang lah... cerita hal Pahang. Saya nak tanya, Yang Berhormat Yang di-Pertua, tadi dia dah buat kajian, Rumah Mesra Pahang tu rumah yang macam mana, yang kita nak berikan kepada rakyat ni yang kerajaan nak *subsidize* ni, Rumah Mesra Pahang ni rumah macam mana?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tapi Dato' Sri, saya faham. Kerajaan Pahang bagus dalam rumah rakyat Pahang yang bagi percuma tu. Terima kasih. Alhamdulillah. Itu untuk rakyat miskin dan miskin tegar. Ini rumah pertengahan ni sederhana rendah…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ini… ini Yang di-Pertua, bukan rumah percuma. Rumah Mesra Pahang ni…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak. Yang Berhormat ni Yang Berhormat Kuala Sentul. Wakil Kerajaan tanya, Rumah Mesra Pahang ni macam mana? Kalau tak tahu cakap je tak tahu. Saya tak tahu. Ha… Speaker memang tak tahu. Kalau tak diterangkan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ada… ada, tapi saya tak sampai lagi Yang Berhormat. [Ahli Dewan ketawa]. Rumah Mesra Pahang, rumah di tanah sendiri. Harga sekitar RM75,000.00 dengan subsidi RM15,000.00. Baguslah ada subsidi. Tapi sabar dulu bagi saya cakap habiskan permohonan kecil…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, sila…

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak… bukan tak boleh sabar yang itu er… dia er… dia boleh bercakap tapi dia jangan pandang saya, pandang Yang di-Pertua. [Ahli Dewan ketawa] Ini masalah dia ini. [Ahli Dewan ketawa] Itu sebab saya kena er… saya pusing balik tadi. [Ahli Dewan ketawa] Dia memang nak cari pasal dengan saya, tapi saya cukup er… saya banyak kali dia cakap itu dia pandang saya tapi pandang la Yang di-Pertua. Yang Berhormat Yang di-Pertua er… macam itu Rumah Mesra Pahang ini harga dia RM75,000.00, RM15,000.00 ini subsidies oleh kerajaan negeri… subsidi oleh kerajaan negeri itu er… subsidi itu kuat sedikit bunyi. [ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Betul, subsidi daripada kerajaan negeri RM15,000.00 tapi permohonan dia kecil sebab er… syarat dia kena milik tanah sendiri betul er… saya paksa er… saya terpaksa…

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ini bukan rumah sahaja er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, kalau seorang bercakap mesti seorang duduk.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak er… itulah seni dia. [ketawa] Tak er… maknanya kita mengimbangi, kita er… kita dengar maknanya rumah SPNB tak mencukupi, banyak orang minta tak dapat, daerah ini mintak tak dapat, daerah ini tak dapat tapi negeri Pahang kita buatlah inisiatif macam SPNB. Kita bagi er… benda yang sama sahaja dan mohonlah dengan er… mana Skim Perumahan Pahang kita. YB tolonglah bagitahu.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Betul YB Dato' Sri Speaker, saya tak ada isu dengan Rumah Mesra Pahang ini… saya tak cakap pun er… cuma saya nak bagitahu…

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Saya tak pernah dengarlah, saya tak pernah dengar dalam YB daripada mana er… Kuala Sentul ini dalam TikTok ke mana ke puji er… Perumahan Pahang. Tolong beli kalau nak rumah ini tak ada, saya tak pernah dengar. Promosikan Kerajaan Pahang buat rumah.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Itu tunggulah saya pergi belah sana. [ketawa] *Offer* pun tak ada er… macam mana [Ahli Dewan ketawa] Bagi *black and white*.

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya dengan ADUN Kuala Sentul ini banyak kali jumpa tapi minum-minum kopi sahajalah. Kadang-kadang dia nampak nak sangat ke sebelah sini tapi saya tak tahu dia nak *offer* itu macam mana. [Ahli Dewan ketawa] Masalahnya tak berterus-terang jadi YB lepas ini boleh jumpa saya ataupun jumpa ADUN Bebar untuk kita bincang lebih lanjutlah ya selain daripada kita bincang masalah perumahan dan sebagainya kita bincang masalah tawar-menawar ini. [Ahli Dewan ketawa] Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak apa er… tak apa kita er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

So, er… YB ini wakil daripada er… daripada Kuala Sentul apa macam? [Ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak apa saya atur semula minum kopi dengan Yang Amat Berhormat tapi Yang Amat Berhormat buat kenduri dulu kan minggu lepas tak ajak. [ketawa] Okey, ini er… ini nak sambung er… YB Bebar saya bukan er… saya nak bagi analisis er… situasi perumahan di Pahang merujuk kepada permohonan daripada rakyat Pahang er… *backlog* berpotensi berlarutan sekurang-kurangnya 15 hingga 20 tahun jika tiada lonjakan besar kapasiti. Cara pengiraan ringkas contoh er… permohonan terkumpul sebanyak 112,391 unit setakat 31 Oktober. Kapasiti binaan semasa di Pahang semua jenis rumah 3,786 unit siap pada tahun 2024 sebab komitmen kerajaan nak bina rumah ini tapi tak disebut dalam belanjawan berapa unit untuk tahun depan.

Jadi jika kita optimistik sekali pun, andaian 70% dari unit siap setiap tahun ialah rumah yang benar-benar menepati profil pemohon e-Perumahan ini er… itu bersamaan lebih kurang 2,650 unit setahun. Jadi 112,391 ini kita bahagikan kepada 2,650 dia bersamaan lebih kurang 40 er… 42 tahun kadar menunggu itu. Jadi jika andaian kerajaan berjaya mengadakan er… menggandakan kapasiti LPHP sehingga 5,000 unit setahun yang relevan kepada pemohon portal ini… melalui portal ini, tempoh masih sekitar 22 hingga 23 tahun dengan sasaran 7,000 unit setahun *backlog* hanya boleh dikurangkan ke dalam lingkungan 15 hingga 16 tahun. Jadi tanpa perubahan dasar yang agresif untuk menggandakan atau melipatgandakan pembinaan rumah mampu milik. Senarai menunggu 112,391 pemohon berisiko mengambil masa antara 15 hingga 20 tahun.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya er… saya bukanlah nak potong *stim* ini er… ADUN ini er… ini Kuala Sentul ini. Dia banyak yang tergencat, ada yang nak pergi kencing, ada tengah nak pergi makan semua *time* makan ini tapi kalau kita tengok misal contoh di sini Yang Amat Berhormat Dato' Sri mengetuai kerajaan negeri kemudian ada 10 portfolio ini, 10 ini er… 10 ini, tiap-tiap Exco ini ada portfolio masing-masing. Daripada situ kalau hukum akal boleh memikirkan kalau kita hanya tumpu pada perumahan segala hasil yang kita ada sekarang ini peruntukan kita tumpu pada perumahan dah tentulah makna fungsi-fungsi lain ini tak dapat dilaksanakan.

Dia kalau boleh memang banyaklah kalau sekiranya ada peruntukan yang memang er… makna tak boleh nak er… tak berani nak sebutlah kita buat semua. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Dato' Sri Diraja Menteri Besar semua sekali kalau boleh rumah nak bagi *free*, kalau bolehlah. Tak boleh nak bagi *free*, kita *subsidies* kan kemudian apa lagi kalau boleh itu 10,000 km, 10,000 km paip-paip yang kita bekalkan maknanya *main pipe* itu seluruh negeri Pahang ini semua sekali nak gantikan er… semua ganti semua sekali er… itu kalau boleh itu jalan itu kalau nak turap sampai sana sampai ke rumah, sampai ke jamban, sampai ke apa nama kebun semua sekali kita nak turapkan kalau boleh er… kalau boleh maknanya kalau boleh er… kalau boleh. Tetapi yang logik akal tak mungkin ianya akan dapat satu keadaan yang cukup ideal dan soal perumahan ini di mana-mana negara pun waima negara paling hebat kira Amerika. Amerika pun ramai lagi *homeless* jadi saya tahu Yang Berhormat… Yang Berhormat er… ini er… MBA daripada *Derby* kan? UK? Dekat UK pun, dekat United Kingdom tempat Yang Berhormat belajar itu er… *Derby* itu… *Derby* er… nak panggil *Darby* ke, *Derby* ke kan… tapi maknanya memang ada masalah itu er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jangan er… jangan debik sudah er… jangan debik sudah. *Darby* boleh, *Derby* boleh. [ketawa]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Tak maksudnya, merumuskan mukadimah tadi panjang sangat. Jadi maknanya *be reasonable*. Semua orang nak pergi ke Mekah tapi senarai menunggu itu memang er… memang ramai juga jadi dalam hidup ini *you know yet to have a balance* dengan izinlah. *Sorry brother.*

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Mohon er… mohon sedikit. Boleh? Tak saya tolong jawab er… jawab terus. Tak apalah ya, tadi saya dah cerita Yang Berhormat Yang di-Pertua dekat luar tadi makna di

Maran ini kita nak buat pangsapuri Pahangku supaya boleh beri rumah kepada orang-orang ini. YB kena *participate*lah sedikit kita *throw* dia itu maknanya sambutlah er… jadi tentang pendaftaran e-Perumahan ini yang sebenarnyalah sebelum LPHP ini kita buat secara pendaftaran di Bahagian Perumahan, kemudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita mencadangkan kita membuat LPHP menubuhkan LPHP. Bila tertubuh LPHP kita nak satu mekanisme baru macam mana nak mendapat permohonan yang jelas daripada setiap daerah.

Jadi, kita melantik PahangGo er… melantik dan membuat satu sistem supaya kita dapat membenarkan rakyat mendaftar supaya kita dapat tahu di setiap daerah berapa sebenarnya keperluan perumahan. Jadi kita buat itu er… sebelum ini kita tak tahu terperinci lebih kurang 45,000 sahaja Dato' Sri daripada Benta 45,000. Lepas itu bila kita buat dia itu satu lonjakan yang sangat drastik terus pergi sampai hari ini 112,000 daripada 45,000 itu. Dulu kita tak tahu pasal apa orang tak daftar ini sedangkan kita tengok rumah ramai orang perlukan rumah. Jadi kita nak satu mekanisme kerajaan buat satu portal baharu dan itulah tubuhnya e-Perumahan. Jadi di situ kita nak tengok daripada apa yang cuba kita rancang sebab itu saya sebut dalam ucapan tadi dalam er… dalam menjawab soalan kita buat di Penor 5,000 unit rumah Pahangku baru buat er… baru sahaja kita er... buatkan. 5,000 unit, 500 ekar, bersama-sama syarikat swasta dan tanah persendirian. Jadi, itu langkah-langkah yang perlu kita ambil. Di Pahang ini rumah *less than* RM300,000.00 memang menjadi satu keutamaan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih YB... YB Benta ya. Saya menjaga portfolio perumahan je sebab kawan-kawan saya menjaga portfolio lain. Saya bukan Menteri Besar lagi, nak... nak cakap pasal semua, tak boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh... ada keinginan [ketawa]. Ada keinginan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Semua orang ada keinginan Dato' Sri, manusia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bincanglah cepat [ketawa].

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okey er... mana dah tadi? Yang ajak saya bincang bersama sekali untuk... memang... memang saya buat ini, analisis ini untuk membantu Kerajaan Negeri Pahang mengenal pasti apa masalah dan apa keperluan yang kita perlu...

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak, Yang Berhormat dulu, saya nak tanya tadi, saya tanya, saya tahu pasal belajar di UK Derby ya? Dalam kursus apa? Dalam *lawyer* MBA ke ataupun *engineering*?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker bagi tahu tadi. Sebab tu saya selalu pandang YB, sebab tak... jarang mendengar. Jadi saya kena fokus. Dah hilang dah saya punya er... rumah ini, tolong perumahan di Pahang. Ini masalah utama yang rakyat mengadu pada kitalah sebagai Wakil Rakyat. Bukan sahaja pada pihak pembangkang, kepada YB kerajaan juga. Sebab kadang-kadang sedara mara kita sendiri pun tak ada rumah. Yang muda-muda ini, yang kahwin, dapat anak tapi rumah tak ada. Nak tunggu rumah mohon dari kerajaan 10, 15 tahun baru dapat jadi anak tu dah besar. Bagi saya habislah, kita nak pergi *lunch* ini. Okey YB, saya teruskanlah perumahan ini, untuk Pahang ini saya selesaikanlah kat sini. Tapi di di kawasan saya pun ada juga perumahan yang... tak selesai analisis saya dan masalah dah dibagi tahu...

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya nak tolong kawan saya inilah. Etika kita bercakap ini, kita mengadap Speaker, memang begitulah, Parlimen pun begitu juga. Kalau segan pandang Speaker, pandang saya pun tak apa [Ahli Dewan ketawa]. Ya, tak... bukan, kesian. Tak usah pandang sebelah sana, sebelah sana beria pandang, dia bagi borang letih pulak kita. Muka YB Bebar yang saya nampak jadi saya terpaksa pandang sanalah sebab dia akan menjawab apa-apa yang saya....

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bayangkan saya ni YB Fakha [ketawa] Wakil Bebar.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Baik. Perumahan di Kuala Sentul. Ada satu projek PR1MA di Kuala Sentul ni yang telah diberi award pada tahun 2017. Cadangan pembangunan Perumahan Rakyat 1Malaysia di atas tanah kerajaan seluas 50 ekar Kuala Sentul, mukim Chenor, daerah Maran dari 2017 sebab di Kuala Sentul ini perumahan memang takde langsung melainkan perumahan PGBF. PGBF pun masih... masih dalam tindakan YB. Betul tak? Dah *terminate* ke belum kontraktor tu, pemaju tu? Ni YB kena jawab ni.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tuan Yang di-Pertua,

Bila saya duduk diam, dia suruh saya bangun. Cuba bayangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di tempat saya ini. Betul, saya setuju dengan Luit ini. Dia kalau bercakap jangan pandang ke sini, bila dia pandang sini seolah-olah dia macam menganjing kita [Ahli Dewan ketawa]. Jawablah. Mohon minta izin Dato'.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada tak perkataan lain selain daripada menganjing?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ada, macam...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mengejek.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Mengejek, mencabar, gitulah. Hah, okey. Bangunlah kalau berani, dia kata... ibarat macam itulah. Tapi saya nak beritahulah maknanya KMDI ini setakat ini kita telah mengambil tindakan yang sepatutnyalah, tapi mana yang tiga lagi tu termasuk kawasan YB Kuala Sentul, kita telah meneliti dan masih lagi dalam perjanjian dan kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai tanpa mengira siapa pun. Yang penting kita perlu memastikan projek itu berjalan dengan baik. Tiada kompromilah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okey, terima kasih Dato' Sri Speaker. Sebab isu PGBF ini saya diajukan report polis mengatakan fitnah. Jadi kalau jawapan daripada YB Exco mengesahkan yang mengambil tindakan kepada pemaju tersebut, jadi selamatlah saya. Sebab dia kata nak saman saya tapi sampai hari ni tak saman er... bila ada hansard daripada Dewan ini, saya boleh gunakan untuk *claim* balik, saman fitnah balik. Terima kasih YB.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat, benda yang dalam mahkamah ini, dalam Dewan tak boleh bawa ke mahkamah sebenarnya. Dia ada dipanggil, dipanggil sebagai *private... absolute privilege, so* tak boleh bawa apa-apa dalam Dewan ini, pandang je boleh.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak apalah, isu itu bukan isu perumahan er... sambung balik ya yang Kuala Sentul tadi. Isu PR1MA Kuala Sentul ini saya harap pihak kerajaan dapat meneruskan projek ini sebab di Kuala Sentul memang tiada perumahan. Memang orang Kuala Sentul mengharapkan perumahan daripada dulu dan tiada projek pembangunan pun di Kuala Sentul ini melainkan projek er... apa ni? Pandang Speaker, banyak betul gangguan. Itulah saya minta Yang Berhormat Dato' Exco dan satu lagi yang projek yang STRF yang saya bangkitkan semalam. Kedua ya yang...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lama lagi Yang Berhormat?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Lot... sikit je, nak habiskan. Lot yang dipecah, tanah lot di Jengka 2 dipecahkan dibahagi kepada satu *group*lah. Saya cakap satu *group*, penduduk di Jengka 2 yang pembahagian pun tidak ikut peraturan ini. Ini projek pun saya tak tahu macam mana sebab saya, sebab itu saya minta penjelasan daripada pejabat daerah dan pihak kerajaan. Sebab ada lot-lot ini, satu orang dapat dua lot dan ada lot yang satu keluarga pun dapat. Jadi sepatutnya lot-lot yang diberi kepada generasi kedua ini, satu keluarga satu, satu lotlah. Sebab itu saya cakap semalam STRF Jengka 2 ini tak termasuk dalam dalam projek STRF yang disebut oleh YB Exco FELDA.

Jadi, saya minta tolong ambil tindakan sebab perkara ini menjadi satu isu di Jengka 2 yang sebelum ini kawasan itu ditanam kelapa sawit oleh orang lain tapi yang dapat lot itu orang lain. Jadi, menimbulkan pergaduhan dan apabila er... saya melihat kepada projek ini, geran telah diberi, geran telah diberi tanpa perancangan, tanpa infrastruktur, kebenaran merancang daripada PBT, daripada Majlis Daerah Maran. Saya harap perkara ini ambil tindakan segeralah dan satu lagi di Jengka 2 juga ada satu kawasan, bekas kuarters JKR, lebih kurang 30 ekar dan dah ada rumah, dah ada infra semua, air, elektrik dan orang dah duduk lebih 20 tahun tapi geran tak dikeluarkan. Yang ini dalam masa tak sampai 5 tahun geran dikeluarkan. Jadi, itulah permasalahan yang saya bangkitkan dalam Dewan buat kali ini. Jadi saya rasa itu aje lah. Ada lagi, tapi nanti banyak... banyak pula persoalan daripada YB Bebar. Terima kasih, saya menyokong belanjawan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mencelah sekejap, saya rasa sedih pula dengar daripada penggulungan daripada apa, YB Sentul tetapi kita boleh bincanglah nanti pasal yang PR1MA Pahang tu ya. Bolehlah minum kopi sambil-sambil bincang. Macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahu tadi. Dia wakilkan saya dululah. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, jangan lupa tawaran, dalam perbincangan. [Ahli Dewan ketawa] Terima kasih.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker. Dia... orang ngamuk ni ada dua sebab, sama ada marah atau lapar ni. Ni, lapar dah ni. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak, ni mengamuk kerana nak kencing tak lepas, dia bentan. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Di sebelah pagi ini, seramai 6 orang Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dan persidangan kita akan disambung sebelah petang. Oleh itu, saya akan menempohkan persidangan sebelah pagi ini dan bersambung semula pada pukul 3.00 petang. Assalamualaikum WBT. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

[Persidangan Dewan Negeri disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan, dan pada petang ini, kita akan menyambung perbahasan Rang Undang-undang dan Usul Perbekalan Air ini. Saya jemput Ahli Yang Berhormat Inderapura, sila.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Salam 1 Pahang, juga salam MADANI. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker yang mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang pada hari Jumaat yang lalu. Er... terima kasih banyak beri ruang. Saya... berhajat sebenarnya tak nak cakap banyak. Tambah-tambah saya pengucap yang pertama pada tengah hari ini tapi izinkan saya untuk sedikit sebanyak menyokong Usul Pembentangan Bajet Negeri Pahang 2026 dan saya menyokong penuh bajet ini dan saya ingin bernostalgia sedikit. Er... mengimbau sejarah sikit. Sahabat-sahabat saya di hadapan saya, rakan-rakan, penyokong kerajaan pun ada, barisan kerajaan pun ada. Saya telah mengambil bahagian dalam ucapan bajet ini, er... sejak 2004 dan ini merupakan kali yang ke-21.

Rasa saya, banyak dah kita dengar daripada sahabat-sahabat semuanya untuk rakyat. Dan apa yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun juga untuk rakyat. Dan sepertimana komen saya dalam siaran media sosial yang baru ini. *The gist,* ringkasan daripada bajet ini ialah semua peringkat lapisan rakyat merasa, semua lapisan rakyat merasa apa yang dibuat oleh kerajaan negeri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bak kata pepatah, ‘hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah’. Jadi maksud saya nak bernostalgia itu ialah er... mengenai dinamika politik.

Siapa sangka Barisan Nasional kalah dalam PRU yang Ke-13…13… 14… yang Ke-14 dan bermula perubahan-perubahan dalam politik dan siapa sangka kita Barisan Nasional bersama dengan DAP. Tiada sangka dan, kalau kita tengok DAP dulu satu ketika sebab saya dah lama dalam Dewan ini. DAP pada ketika itu tidak mengikut peraturan, minta maaf. Semasa Perasmian Dewan, mereka semacam memboikot tapi saya tak kata semacam. Mereka tidak pakai pada ketika itu tidak pakai No. 1 Dress. Tak pakai. Ini hakikat mungkin Yang Berhormat er... Timbalan Speaker tak sempat masa tu. Mungkin, ada sorang je. Memang dia orang tak pakai nama No. 1 Dress. Tetapi selepas peredaran dah jadi kerajaan, pernah jadi kerajaan bermula perubahan-perubahan itu. Dah pakai No. 1 Dress. Dulu DAP dan masih sekarang, Malaysian

Malaysian slogannya. Masih berjalan. Manakala Barisan Nasional UMNO dikenali sebagai nasionalis menjuangkan Melayu. Ni saya nak bernostalgia.

Dan untuk makluman rakan-rakan Dewan, saya terlibat langsung dalam politik di universiti. Saya Universiti Kebangsaan Malaysia. Masa di Universiti Kebangsaan Malaysia dia ada dua. Islam Penyelamat Ummah dan Tindakan Siswa Bersatu. Saya… dan sahabat saya, bekas Speaker Dewan, dia bersama dengan Islam Penyelamat Ummah tapi bila dah berkerjaya dia pilih UMNO sebagai wadah perjuangannya dan saya terus mantap dengan UMNO, mantap dengan Barisan Nasional.

Sebab apa? Sebab, tanda syukur kepada Allah SWT. Itu saya punya pegangan. Dan semasa dulu tu pulak, kita selalu dilabel sebagai nasionalis, tidak bawa Islam, tidak Islamik dan semasa saya masih di peringkat budak sekolah di peringkat universiti, selalu kedengaran ceramah-ceramah. Saya baca sikit hadis Rasulullah SAW. Saya nak cakap masa yang dulu tapi tak sempat. Ni kira baca tak, tak hafal, tak ingat. Hadis ye. [Bacaan dalam Bahasa Arab] ini hadis. Satu lagi hadis yang lain yang diriwayatkan oleh riwayat Abu Daud [Bacaan dalam Bahasa Arab] ini label yang dikenakan kepada parti UMNO.

Tapi hari ini tidak ada kedengaran perkataan-perkataan hadis ini di mana-mana di ucapan awam, di masjid, di surau. Begitu juga dalam soal hudud, tidak kedengaran lagi. Kita bercerita tentang kebajikan dan kerajaan negeri pun buat kebajikan untuk rakyat. Yang Amat Berhormat, ini *transport… transit… transformational leader.* Dia ada 2 *leader* ni. *Transnational* dengan *transformational leader*. Dalam soal kewangan, mana kita mimpikan RM1 bilion lebih 4 tahun berturut-turut, ini kejayaan kerajaan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Saya tak tahu. Saya bukan nak menyindir mana-mana pihak tapi cukup sekadar kita ini menginsafi diri kita. Sebab saya dah umur 40 tahun… umur 60. Ya umur 60 dan apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar buat berlandaskan Maqasid Syariah. Ha... ni nak masuk tajuk lainlah sikit. Maqasid Syariah, sebab saya *background… legal background.* Saya masuk ke UKM. Saya lulusan Kolej Islam Klang. Pada ketika itu lulusan Kolej Islam Klang, hanya di Malaysia ini *boarding school.* Ada satu saja Kolej Islam Klang dan pada ketika yang sama baru wujud Sekolah Menengah Kebangsaan Wilayah Persekutuan.

Dan Fakulti Undang-undang yang bawa syariah ada 2 sahaja. UKM, juga UIA. Saya boleh praktis sivil, saya juga boleh praktis syariah. Itu untuk bukanlah untuk kesombongan tapi bercakap sikit. Dan harapan saya, ni harapan. Insan semacam… mungkin yang mana praktis syariah, dia kenal Tan Sri Syeikh Ghazali yang bertanggungjawab menubuhkan jawatan er… jabatan apa tu JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, satu agensi dan hari ini saya turut bangga. Tadi baru bersama dengan Jabatan Pendakwaan Negeri Pahang, satu jabatan yang berasingan. Itu menjadi tanda aras, kita dah berubah daripada satu dan saya pernah masuk Mahkamah Syariah di Kuala Lumpur, di Selangor. Tidak ada peraturan tidak ada acara mal. Hari ini kita telah beredar pada satu tahap, pada satu tahap yang lain. Itu bukankah tanda perjuangan kita. Jangan kita mendabik dada kita seorang sahaja yang bawa agama. Saya bukan agamawan, tapi saya nak mati dalam syahadah saya. Pada hari ini kita sama-sama di pihak pembangkang beria…beria cakap, tak ramai yang dengarkan.

Cukup sekadar ini saya bawa cerita kawasan pulak. Saya ucap terima kasih kepada JPS yang membantu petani-petani di kawasan saya yang mengepam keluar air di

sawah dan saya percaya memang ada, kali pertama buat setelah ada pembangunan semula di kawasan itu dan saya merasakan perlu dibuat sedikit. Ada *flaw*. Ada sedikit kecacatan dalam *design* mana bila air hujan teruk, jadi memenuhi bendang. Kalau lama bendang ni dia tak boleh hidup ataupun dia hidup dan dia punya hasil kurang.

Jadi, saya minta kajian ataupun penambahbaikan daripada JPS untuk Skim Padi Paya Sepat di kawasan. Kemudian sebelum saya menutup mata di kawasan saya, menutup mata tu maknanya saya tidak menjadi calon ADUN Inderapura lagi sebab PRU 16 saya merela hati tidak akan bertanding. Bukan tak menang…

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Boleh mencelah?

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dari mana? Mana... mana? Oh... ada. Sila... sila.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Inderapura. Yang Berhormat Speaker, tapi gaya Inderapura berkata-kata tadi mungkin tak di DUN Inderapura. Mungkin nak ke P.083 Kuantan agaknya gaya tu?

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Eh... awak ingat kawan tak berhajat ke. Hah... *sorry*lah minta ahli... bahasa tu silap. Maknanya kena belajar ni sebab saya cuba cakap dalam bentuk *federal* la pulak. Hah... ini latihan saya [Ahli Dewan ketawa]. Saya cuba cakap dalam bentuk *federal*, persekutuan sebab saya percaya saya boleh menyumbang kepada penduduk-penduduk Kuantan. Masa mencelah tu, saya nak mencadang kepada JPS. Dalam Kuantan ni tidak ada *garbage* c*ollector*. Tak ada satu pun g*arbage collector* dalam Kuantan. Kalau di Wilayah Persekutuan di Kampung Pandan saya tengok ada *garbage... mechanical garbage* c*ollector* itu istilahnya. Betul ke? *Mechanical garbage* c*ollector*. Betul? Hah... betullah. *Mechanical garbage* c*ollector* ni diletakkan di *monsoon drain,* diletakkan di parit-parit besar supaya sampah sarap tak masuk dalam sungai. Dan saya berharap Majlis Bandaraya Kuantan fikirkan bersama dengan jabatan... JPS... letak. Antaranya contoh di Sungai Belat sebab dia akan menyusul semua tu. Sungai Belat terlalu kotor dengan botol-botol plastiknya. Ya, saya cuba nak mencadangkan kepada di penduduk-penduduk kawasan nak buat Renjer Sungai maknanya ini alam sekitar, ada dalam ni Renjer Sungai itu.

Itu, kemudian dah habis dah. Sikit je. Saya nak buat sedikit bukan pengumuman. Saya mohon kerajaan negeri memberi sedikit ganjaran kepada seorang pemain golf. Seorang pemain golf yang baru 2, 3 hari lepas memenangi 53th Thailand Open… 53th Thailand Open dengan kesudahan 20 *under* bermain selama 4 hari. Orang itu bernama Edwin Yoong... Edven Ying. Jadi kot… kot kerajaan boleh beri sikit insentif. Mana tahu negeri Pahang, rakyat Pahang boleh mengharumkan nama di serantau, negara serantau. Dia dah profesional bermain di ASEAN lepas ASEAN Tour, dah menang banyak-banyak ni. Dia boleh main di DP World di peringkat dunia, DPP World.

Untuk maklumanlah, dia memenangi Thailand Open tu dapat bawa balik satu perpuluhan... berapa... 1.050,000.00 juta... satu... *1.5 milion* Baht. Dalam RM100,000.00 lebihlah. *It's about* RM134,000.00*, it's about that*lah hah... ya tapi ini galakan kita sebagai kerajaan yang prihatin. Acara sukan kita ada orang hebat, alam sekitar kita jaga baik-baik. Itu sajalah saya nak cakap.

Buat akhirnya er… saya teringat nak baca Surah Maryam… Surah Maryam [Ayat Al-Quran]. Selagi mana kita hidup, [Ayat Al-Quran], kita buat solat, kita buat zakat dan kerajaan... usaha kerajaan perekonomian yang baik. Sembahyang apatah lagi, ya. [Ayat Al-Quran]. Ayat seterusnya tu [Ayat Al-Quran]. Surah Maryam ayat 3... 30 dan 31 kurang lebih. Terima kasihlah beri saya ruang untuk kesekian kalinya. Terima kasih. Saya mohon menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Inderapura. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Dilantik, sila.

(ADUN YANG DILANTIK 3)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, Salam Pahang 1st, 'Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan'. Terima kasih YB Speaker. Saya memetik kata-kata falsafah Ibnu Khaldun dalam karyanya yang menekankan bahawa kemakmuran sejati sebuah negeri tidak diukur pada emas di perbendaharaannya, tetapi pada kearifan kepimpinan yang memastikan kemakmuran itu mengalir sehingga ke lapisan akar umbi masyarakatnya. Maka perbahasan saya pada hari ini bukanlah semata-mata meneliti kepada angka-angka dan juga kepada jumlah-jumlah yang kita sajikan, tetapi ia adalah usaha bersama kita untuk menilai hikmah, perancangan, kearifan, pengurusan dan juga kebertanggungjawapan pelaksanaan yang terkandung dalam Belanjawan 2026 ini.

Kita semua diuji dengan kebijaksanaan. Kita juga diuji dengan ketanggungjawaban dan juga kebersamaan dan ketanggungjawaban ini apabila dirangkumkan bersama-sama akan membentuk satu gerak kerja yang baik. Tidak lain dan tidak bukan adalah untuk rakyat negeri Pahang. Teras pertama dalam belanjawan diumumkan adalah berkaitan dengan kematangan fiskal dan juga disiplin kearifan.

YB Speaker,

Saya ingin memulakan ucapan dengan mengucapkan ribuan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan seluruh pentadbiran kerajaan negeri atas pencapaian bersejarah ini. Capaian hasil yang melebihi RM1 bilion selama 4 tahun berturut-turut ini bukanlah satu bentuk kebetulan, tapi ini adalah rekod yang membanggakan yang menunjukkan kematangan tadbir urus yang baik, tatakelola yang baik yang merangkumi... melangkaui politik harian kita. Kita telah mendengar pandangan dari luar yang meragui kemampuan fiskal Pahang. Pada mereka yang masih menyimpan perasaan yang tidak elok, saya tegaskan di sini pencapaian RM1 bilion berulang kali ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri tidak hanya pandai berjanji tetapi berupaya mengurus hasil dengan cekap tanpa perlu menuding jari atau mencari alasan. Kita tidak hanya berdebat tentang ekonomi, kita mengukuhkannya dengan tindakan dan juga dengan apa yang diberikan kepada rakyat. Kejayaan fiskal ini dibina atas tiga prinsip kearifan yg jelas. Kearifan pertama iaitu keberanian membuat

keputusan strategik. Kerajaan negeri telah memilih kestabilan jangka panjang berbanding populariti semata-mata. Kita memandang jauh apa dikehendaki oleh rakyat, apa keperluan rakyat dan juga apa sebenarnya permasalahan rakyat.

Kearifan kedua, disiplin dan konsistensi. Kejayaan fizikal memerlukan konsistensi. Ibarat membina sebuah rumah, ia tidak akan siap dalam masa sehari. Ia memerlukan ketekunan dan kemahiran dalam menyusun batu bata sehinggalah ke atap, alang dan sebagainya. Satu demi satu sehingga menjadi sebuah rumah yang kukuh.

Kearifan yang ketiga, pengurusan kewangan yang bijak. Lebihan lima juta… RM5 juta sambil meningkatkan perbelanjaan pembangunan sebanyak 11.67% kepada 446 juta… RM446.26 juta. Ini adalah tindakan yang matang dan berilmu. Bukan tindakan semborono atau beremosi.

Teras yang kedua, kebijaksanaa dalam pengutamaan. Ini adalah jiwa belanjawan kita. Kalau kita perhalusi dan tengok, apabila kita baca satu persatu ayat demi ayat, jiwa belanjawan ini sebenarnya yang perlu menjadi fokus dan juga perhatian kita.

YB Speaker,

Jiwa belanjawan ini terserlah pada pengutamaan yang mendahului keghairahan. Semua kita memerlukan satu tindakan yang populis tetapi berkaitan dengan belanjawan apabila kita bercerita kaitan dengan isu permasalahan rakyat bukanlah sesuatu benda yang populis yang kita perlu utamakan. Saya melihat tiga bentuk kebijaksanaan yang menunjukkan prioriti kerajaan negeri adalah rakyat.

Pertamanya mengutamakan modal insan daripada modal fizikal. Peruntukan RM75 juta untuk Yayasan Pahang dan RM235.95 juta untuk pendidikan agama adalah pelaburan yang paling arif. Kita faham bangunan yang boleh rosak tetapi insan yang berilmu akan memakmurkan negeri selamanya. Dengan kita menumpukan kepada pendidikan, ini sebenarnya adalah pelaburan bagi kerajaan negeri yang sangat besar kerana insan-insan atau anak-anak yang menerima pendidikan yang baik ini merupakan aset kita pada masa akan datang.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut, khususnya pada tuan-tuan pengetua dan guru-guru besar dan juga guru-guru, pendidik-pendidik serta para pelajar yang telah mencatatkan keputusan cemerlang dalam SPM dan STPM tahun 2024. Capaian ini meletakkan Jerantut sebagai antara daerah pendidikan terbaik di Malaysia. Kejayaan ini adalah bukti pulangan strategik pelaburan pendidikan negeri dan ia mesti dipertahankan.

Keduanya, dalam mengutamakan pencegahan daripada rawatan. Peruntukan RM52.23 juta untuk tebatan banjir iaitu RM102.83 juta untuk pemuliharaan alam sekitar ini adalah tindakan bijak membina benteng bagi mengelakkan kerugian dan kerosakan harta rakyat yang tidak ternilai. Ketiga, mengutamakan keadilan sosial daripada pertumbuhan semata-mata. Peruntukan RM84.59 juta untuk inisiatif Makmur Pahang dengan peningkatan 67% menunjukkan komitmen, keprihatinan dan kepedulian kerajaan negeri terhadap keadilan sosial yang menyeluruh. Ini adalah tanggungjawab sosial kita bagi pemimpin dan juga Kerajaan Negeri Pahang. Makna tanggungjawab ini kita serahkan semula kepada rakyat.

Teras Ketiga, kearifan khusus untuk khususnya di Jerantut. Jerantut bukan sekadar sebuah daerah, ia jantung *Central Forest Spine*. Benteng terakhir biodiversiti

semenanjung. Di sinilah terletaknya pintu gerbang Taman Negara, khazanah alam bertaraf dunia yang menjadi nadi ekopelancongan Pahang. Kearifan kita dipuji pada cara kita mengurus amanah ini kerana aset-aset alam sekitar ini adalah satu benda yang perlu kita pertahankan kerana ia bukan sahaja untuk kita nikmati sekarang, tapi sebenarnya untuk anak-anak kita, anak cucu kita pada masa akan datang. Kita adalah penjaga alam semula jadi. Rafflesia dan biodiversiti Ulu Cheka. Jerantut adalah rumah kepada Rafflesia Cantleyi. Saya mencadangkan agar Pusat Interpretasi Rafflesia Pahang ditubuhkan sebagai Pusat Pendidikan Biodiversiti Negeri.

Penubuhan Dana Amanah *Central Forest Spine* Pahang juga perlu dinilai dan dipertimbangkan untuk pembiayaan pemulihan jangka Panjang, mengurangkan penggantungan kepada belanjawan tahunan. Kearifan komuniti masyarakat Orang Asli sebagai rakan kongsi. Komuniti Orang Asli adalah penjaga pengetahuan alam semula jadi. Saya menggesa agar kita melatih pemuda-pemuda Orang Asli sebagai *eco-guide* profesional bertauliah agar pemulihan menjadi sumber pendapatan, bukan suatu beban kepada kita.

YB Speaker,

Fokus kepada pembangunan belia mesti disertakan dengan penyediaan prasarana sukan yang selamat. Saya menarik perhatian Dewan kepada keadaan kritikal Padang Bola Sepak FA di Jerantut. Padang sintetik tersebut telah berusia lebih 15 tahun, permukaannya rosak teruk dan tidak selamat untuk digunakan. Apatah lagi untuk pemain-pemain kita bermain di atas padang tersebut. Ia bukan sahaja menjejaskan kualiti latihan, malah ia juga boleh mengganggu gugat bakat-bakat muda kita. Di Jerantut, kita ada 12 Akademi Bola Sepak yang mana ini semuanya adalah pembangunan sukan dan pembangunan bakat-bakat muda.

Saya merayu agar Kerajaan Negeri Pahang dapat memainkan peranan yang proaktif terutamanya untuk membantu menyokong dan membantu proses kelulusan projek baik pulih ini sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan telah dipanjangkan permohonan ini kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk pertimbangan. Keduanya untuk menyalurkan bantuan awal yang perlu bagi memastikan projek-projek kritikal berkaitan dengan sukan ini dapat dimulakan segera demi kesejahteraan dan pembangunan bakat belia di Jerantut.

YB Speaker,

Kita mesti mengangkat ekonomi daerah khususnya Jerantut. Saya menggesa pembentukan program berskala daerah berpaksikan tiga teras transformasi ekonomi hijau. Mengubah aktiviti rawan alam kepada ekopelancongan komuniti. Pemberdayaan FELDA dan luar bandar, menubuhkan Akademi Generasi FELDA Jerantut untuk TVET pertanian moden. Kesinambungan pelancongan bertaraf dunia dengan menaik taraf jeti Kuala Tembeling untuk mewujudkan laluan pelancongan premium Pahang. Laluan air yang penuh bersejarah ini bukan sahaja boleh dinikmati oleh pelancong tetapi dengan menaik taraf laluan ini, kita boleh menaik taraf ekonomi, ekonomi hiliran dan juga penduduk-penduduk yang berada di pesisir sungai tersebut.
YB Speaker,

Izinkan saya mengambil sedikit ruang untuk merakam… merakamkan penghargaan yang tulus dan juga setinggi-tingginya kepada kejayaan serta kemakmuran daerah saya di Jerantut. Meski… meskipun sering berdepan pelbagai cabaran, namun ini adalah hasil kesungguhan yang tidak pernah luntur dan juga kerja kuat daripada

semua yang ada. Justeru, saya merakamkan ucapan syabas dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Sulaiman Husin, Pegawai Daerah Jerantut serta mantan-mantan Pegawai Daerah Jerantut, Yang Hormat Dato' Sharuddin Jali dan Yang Hormat Dato' Khairun Nisa binti Aris yang masing-masing telah meninggalkan legasi kepimpinan yang tersendiri.

Walaupun baru sekejap, 3 tahun saya berada… saya telah bersama-sama dengan tiga orang pentadbir daerah di Jerantut ini. Tahniah saya ucapkan kerana mereka sangat komited dan sangat memberi kerjasama sepenuhnya. Tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menyelesaikan masalah rakyat. Tidak juga dilupakan kepada seluruh ketua-ketua jabatan dan semua kakitangan awam di peringkat daerah. Dedikasi, profesionalisme dan kecekapan tuan-tuan dan puan-puan inilah yang memastikan Jerantut kekal berfungsi dengan baik, terurus, selamat dan sentiasa bersemangat sehingga membawa kepada pengiktirafan Jerantut sebagai bandar paling bahagia dan daerah paling mampan. Tahniah dan terima kasih.

YB Tuan Speaker,

Saya juga ingin meraikan kehadiran pada semua 9 orang Penghulu dalam kesemua mukim di daerah Jerantut di dalam Dewan yang berbahagia ini. Tuan-tuan, Tok-tok Penghulu yang ada adalah nadi pentadbiran akar umbi yang sentiasa di hadapan mendengar suara rakyat dan menyelesaikan masalah rakyat tanpa henti. Mereka inilah yang berada di lapangan yang sentiasa bersama dengan rakyat, mereka juga adalah benteng paling hadapan bagi memastikan maslahah dan juga keperluan rakyat itu dipenuhi. Atas segala sumbangan komitmen ini dan kerja kuat Tok-tok Penghulu selama ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Jerantut bahagia sebenarnya kerana Penghulu-penghulunya berbahagia berada di Jerantut, insyah-Allah.

Tuan YB Speaker,

Saya mengakhiri perbahasan ini dengan pesanan seorang petani tua yang mengatakan bahawa pokok yang kita tanam pada hari ini mungkin bukan kita yang akan memetik buahnya tetapi untuk anak-anak cucu kita berteduh. Ini adalah inti pati Belanjawan 2026. Ia bukan untuk kita hari ini tapi untuk legasi kemakmuran yang akan diwarisi generasi akan datang. Dengan penuh kesedaran, penuh insaf dan rasa tanggungjawab, saya menyokong Belanjawan Negeri Tahun 2026.

Sekian terima kasih, Pahang 1st, 'Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan'. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Yang Dilantik. Sebelum saya menerus mesyuarat, saya ingin mengalu-alukan kedatang… kedatangan pemerhati yang hadir pada hari ini, sesi petang iaitu Majlis Pembangunan Wanita, 5 orang dan juga wakil daripada Ahli yang dilantik YB Tuan Harris Salleh, 9 orang [Ahli Dewan menepuk meja]. Seterusnya saya menjemput wakil dari Lanchang. Sila.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima Kasih kepada Tuan Speaker. Assalamualaikum WBT. [Ayat al-Quran]. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah memberi Lanchang untuk berbahas, mengambil peluang dalam laporan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pertamanya saya ucapkan tahniah kerana telah pun berjaya membentangkan Belanjawan untuk 2026 dan kita juga ucap tahniah dan terima kasih kepada pihak kakitangan kerajaan dan *team* Yang Amat Berhormat… Yang Amat Berhormat Menteri... Menteri Besar yang telah bertungkus-lumus dalam tempoh lebih kurang 5 bulan yang dalam tempoh tersebut untuk menyesuaikan dengan keadaan masa akan datang dalam tempoh setahun, bagi membelanjakan apa yang telah pun dirancang. Maka insya-Allah kita harapkan apa yang telah pun dirancang ini mendapat sebaik-baiknya seperti apa yang telah apa dicadangkan.

Yang Berhormat Speaker,

Kalau kita lihat kepada unjuran yang telah diberikan kepada kita pada tempoh hari, antara yang paling besar untuk dalam tempoh er… inilah melebihi RM1 bilion dan saya ucap tahniah kerana dapat melaksanakan apa yang telah pun dibentang itu. Dan sudah tentulah kita mengharapkan apa yang nanti yang telah pun dikeluarkan belanja itu mendapat pulangan yang sebaik-baiknya seperti yang telah dirancang.

Kalau kita lihat dalam beberapa er... item-item perbelanjaan, banyak perkara-perkara yang telah pun diberi keutamaan. Antara… antaranya ialah tentang ketajamin.... keterjaminan makanan sektor pertanian ataupun industri asas tani yang telah diberi peruntukan yang lebih daripada tahun yang lepas. Jadi dengan peruntukan yang lebih kurang berjumlah RM68.63 juta untuk pertanian, penternak dan nelayan, saya rasa ini satu bajet yang cukup besar dan saya nak ucap tahniah kepada Exco Pertanianlah kerana beliau boleh bernafas lega selepas pada ini. Kemungkinan banyak perkara yang telah dibincang… yang telah dirancangkan untuk projek yang akan datang.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker,

Bukan saya nak anu… ini sahabat saya daripada Lanchang. Sebenarnya tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Sebenarnya saya hanya menjalankan ini peranan ini yang diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Akhir sekali yang buat keputusan itu ialah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Jadi, saya rasa ini penghargaan tu wajar diberikan kepada Dato' Sri Menteri Besar.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih. Cuma saya harapkan ialah peruntukan ini insya-Allah sampai sebaik-baiknya di peringkat bawahan dan er... apa yang telah disebut oleh rakan-rakan kita semalam bahawa isu tanah ini memainkan peranan yang penting di mana er... beberapa industri-industri pertanian yang telah dijalankan di bawah sekarang meningkat naik, maka sudah tentulah dia tidak terlepas daripada beberapa cukai yang kemungkinan kan kita akan apa? Peringkat kerajaan kena memikirkan bahawa ada beberapa pengecualian nanti yang kalau difikirkan perlu dikenakan, dikurangkan dan sebagainya kerana kita melihat bahawa pertanian ini merupakan satu perkara yang penting untuk masa depan negeri Pahang khususnya dan negara kita.

Maka, kita untuk menggalakkan kerja-kerja industri makanan ini berlaku dengan begitu cepat dan berkembang dengan baik, maka sudah tentulah bayaran-bayaran yang perlu kita apa… letakkan pada satu masa dikenakan kepada industri tersebut mungkin boleh dikurangkan.

Tuan Speaker,

Seterusnya saya juga ingin melihat bahawa dalam bajet tersebut, kerajaan telah mengunjurkan bahawa dari sudut mineral sebanyak RM150 juta. Daripada industri mineral yang kita ada dan RM150 juta ini saya kira cukup besar dan saya nak sebutnya di Lanchang juga kita ada beberapa mineral yang walaupun tidak banyak... banyak sepertimana emas, bijih besi dan sebagainya.

Dan di samping itu juga, kita mempunyai sumber-sumber yang bukan mineral sepertimana kuari, pasir dan sebagainya. Dan itu merupakan hasil daripada bahan galian yang boleh kita sumbang kepada tabung hasil negeri. Walau bagaimanapun, kita baru-baru ini dikejutkan oleh er… tindakan segera daripada pihak berkuasa yang telah pun menahan beberapa pengusaha yang telah menjalankan industri ini secara tidak sah, yang tidak mempunyai permit dan...dan apa… tidak halal dan kebetulan yang berlaku kesemuanya ialah di tempat saya di Lanchang. Tangkapan kenderaan apatah lagi kenderaan berat yang telah pun membawa bahan-bahan tersebut. Kemudian seminggu selepas itu, seminggu atau 2 minggu berlaku juga serbuan ke tempat di mana berlakunya yang dikatakan mempunyai unsur-unsur mineral tersebut dan telah pun mengambil tindakan yang cepat untuk menyita dan sebagainya.

Saya ucap tahniah kepada pihak berkuasa kerana inilah satu perkara yang kita perlu lihat bahawa jika aktiviti ini berleluasa, kerajaan yang rugi kerana ia tidak masuk dalam tabung hasil negeri. RM150 juta yang kita sasarkan tidak akan… apa… tidak akan sampai ke mana yang kita unjurkan nanti.

Seterusnya Tuan Speaker, saya ingin sebut beberapa perkara tentang permasalahan yang berlaku di tempat saya di Lanchang. Pertamanya ialah mengenai er... jalan raya. Saya ingin mengucap, mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan melalui agensinya seperti JKR yang telah pun berjaya menyiapkan sebahagian besar jalan yang menghubungkan Lanchang ke FELDA Mempaga melalui FELDA Bukit Damar dan FELDA Lakum yang telah pun siap sebahagian besarnya diguna pakai pada hari inilah.

Dan er... oleh kerana tersebut, jalan-jalan ter… tersebut telah diguna pakai oleh sebahagian besar pengguna sama ada daripada Pantai Timur, Gua Musang untuk pergi ke Temerloh dan sebagainya dan begitulah juga sebaliknya. Dan ini menyebabkan kesibukan berlaku di persimpangan Jalan Mem... Lanchang dan juga Mempateh iaitu di tengah bandar Lanchang itu.

Saya berca... saya mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya persimpangan tersebut dilebarkan supaya lebih memudahkan kenderaan untuk keluar masuk terutama kenderaan-kenderaan berat dan juga panjang yang berselisih di persimpangan tersebut. Ini juga bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku seperti kemalangan dan sebagainya. Dan untuk makluman er... kalau daripada er... hala dari Kuala Lumpur ke Lanchang kita terdapat satu lagi persimpangan iaitu di persimpangan jalan Sekolah Datuk Bahaman melalui laluan ke Mempateh tetapi oleh kerana di jalan tersebut mempunyai 3 sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Lanchang, Sekolah Menengah Kebangsaan Lanchang dan Sekolah Datuk Bahaman sendiri yang mengalami kesesakan di waktu puncak pagi, tengah hari

dan juga 2 hari dalam masa seminggu, pasar malam dan juga pekan sari. Dan ini agak merbahaya jika laluan tersebut digunakan sebagai laluan utama. Maka sebab itulah saya mencadangkan supaya laluan yang lama di persimpangan Lanchang dan Mempateh ini di.. di... diperbesarkan iaitu di bandar Lanchang.

Seterusnya ialah mengenai kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Memiliki alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Saya ingin merujuk kepada perbelanjaan menggunakan untuk pihak kerajaan kepada agensi-agensi yang menguruskan alam sekitar khususnya sampah. Saya ingin tahu dengan lebih lanjut mengenai penyediaan tong sampah besar iaitu yang secara pukal di tempat-tempat tertentu yang sebelum ini diadakan sepertimana di tapak Pasar Lanchang di Kampung Mempateh yang berhampiran dengan Tol Lanchang dan mungkin ada beberapa bahagian lagi yang saya tidak ingat yang sebelum ini diadakan kemudian ditarik balik mana selepas itu untuk perumahan tidak masalah kerana disediakan tong-tong sendiri mengikut rumah dan ini menyebabkan kesukaran kepada penduduk-penduduk sekitar untuk membuang sampah.

Apa yang membimbangkan ialah apabila perkara ini berlaku, kemungkinan berlakunya pembuangan sampah di merata-rata tempat sama ada di parit,di longkang-longkang, di gaung, hatta di sungai. Apabila benar perkara-perkara tersebut, benda-benda yang kotor di buang pada tempat tersebut, maka akan berlaku masalah yang lain pula. Terutama di sungai-sungai kita yang menjadi sumber pencarian rezeki bagi nelayan-nelayan sungai. Maka saya... soalan saya ialah siapakah yang bertanggungjawab menyediakan tong-tong sampah itu untuk diedarkan semula sama ada PBT ataupun pejabat daerah?

Dan kalau ia menjadi kos menjadi kepada satu masalah kos. Saya kira pihak kerajaan patut menambahkan kos tersebut untuk mengadakan semula tong itu kerana ia menjadi rungutan kepada penduduk-penduduk yang sentiasa mendapat apa sebelum ini mendapat kemudahan tiba-tiba tidak ada dan dalam masa yang sama, kita memang nak mendidik rakyat kita supaya apa nama sentiasa menjaga kebersihan sama ada di rumah ataupun di luar rumah ataupun sentiasa semasa berada di bandar ataupun di mana saja kerana itulah didikan itu perlu bermula dari rumah dan sebagainya.

Yang seterusnya ialah tidak dapat lari juga ialah mengenai bekalan air paip. Keseluruhannya saya ucap tahniah. Keseluruhannya telah baik untuk di Lanchang terutamanya semenjak loji daripada Karak kita guna pakai sebahagiannya untuk bahagian jalan ke Karak. Tetapi masalahnya yang berlaku ialah di bahagian pedalaman yang menggunakan Loji Air Mempateh. Loji rawatan air terawat... air terawat di Kampung Mempateh. Loji-loji ini ialah digunakan hasilnya ialah untuk membekalkan air-air yang bersih tadi kepada beberapa kampung pedalaman seperti mana di Sokmek, di Bolok Hulu dan Bolok Hilir, di Kampung Teris, Kampung Cempaka termasuk juga di Taman Lanchang Permai yang menghala ke Jalan Bukit Damar.
Untuk makluman, pihak PAIP ada membina satu pam... pam penggalak di Kampung Sokmek dengan tujuan akhir dengan menyelesaikan masalah tersebut supaya pam penggalak ini dapat menolak air sampai ke penghujung tetapi malangnya bekalan air tersebut tidak cukup, pam penggalak itu seolahnya apabila air tak ada tidak dapat disedut maknanya fungsi sebagai penggalak tak adalah. Tak ada galak maknanya dan apa yang berlaku ialah er... bekalan untuk pam penggalak itu diguna daripada air lori tangki terpaksa menambah atau *top up* pada pam penggalak tersebut. Jadi, maknanya masalah tersebut tidak selesai lagi. Dan baru-baru ini juga saya semasa kita bersidang hari Jumaat, saya mendapat mesej daripada penduduk-penduduk Lanchang Permai dan sebagainya 4 hari bekalan air terputus.

Dan alhamdulillah saya pun terus berhubung dengan pihak PAIP daripada Temerloh dan mereka juga saya ucap tahniah mengambil tindakan segera pada malam tersebut juga untuk uruskan itu dan air dapat didapati pada malam tersebut walaupun pukul 12.00 malam. Menunjukkan bahawa kakitangan kita ini sebenarnya berusaha untuk mengadakan sebaik mungkin bekalan air tetapi oleh kerana bekalan yang tidak cukup menyebabkan ia agak terganggu. Maka saya mencadangkan bahawa untuk mengatasi masalah tersebut, kita mohon supaya loji yang telah dicadangkan dulu di Kampung Mempateh supaya diangkat semula. Sekurang-kurangnya sama ada loji baharu ataupun dinaiktarafkan menjadi satu apa kerja-kerja rawatan yang lebih baik dan lebih efisien. Maka dengan itulah dapat dilaksanakan. Oleh kerana saya kira di tempat-tempat lain walaupun sedikit ada gangguan tetapi dia lebih baik daripada dahulu cuma gangguannya mengenai daripada kerosakan paip-paip pecah dan sebagainya. Tidak seperti sebelum ini yang tidak cukup air dan sebagainya daripada Loji Lubuk Kawah.

Seterusnya Yang di-Pertua, mengenai banjir. 2 minggu lepas, Lanchang telah mengalami banjir di Kampung Batu Kapur. Biasalah, Batu Kapur merupakan tempat yang paling rendah sekali di Lanchang dan akan mengalami banjir. Sebanyak 61 keluarga telah pun dipindahkan di PPS, Sekolah Seri Semantan dan 2 minggu selepas itu, ada juga banjir kilat di Taman Mentakab Indah dan sebelum ini di Taman Mentakab Indah kerap mengalami banjir kilat apabila hujan yang lebat turun dalam tempoh 2, 3 jam. Tetapi selepas er... kita selepas pihak berkuasa mengadakan parit besar di bahagian belakang, sudah agak lama tidak berlaku banjir besar, banjir kilat tetapi yang baru-baru ini ialah ia berpunca daripada satu *culvert* yang saya pernah sebut mesyuarat sebelum ini iaitu 2 buah *culvert* yang terpasang di hadapan surau, Masjid Mentakab Indah tersebut perlu diubah suai kerana tidak mampu menampung apabila hujan lebat menyebabkan air telah melimpah ke tepi dan sebagainya.

Dan saya harapkan pihak yang berkenaan boleh melihat perkara tersebut sebagai satu tindakan segera yang saya kira apabila tindakan tersebut dapat diatasi, maka masalah banjir di Mentakab Indah ini tidak... banjir kilat tidak berulang lagi kerana peringkat pertama kita dah selesai dengan parit besar dan insya-Allah yang kedua ini dengan *culvert* yang kita ubah suai itu mungkin dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang terdekatlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, panjang lagi?

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Ada satu lagi er... sikit lagi. Saya sebut tadi bahawa kerajaan juga telah memberi perhatian tentang er.. syiar islam menambah bajet yang agak tinggi RM235.95 juta. Jadi ucap tahniah kerana mengambil kira itu adalah merupakan inti pati bagi kita sebagai sebuah negeri Pahang yang Islam ini perlu dijunjung dan dalam masa itu juga kita perlu melihat bahawa pendidikan Islam kepada rakyat kita keseluruhannya mendapat diterima dengan dengan keseluruhannya dan terima baik dan sebagainya. Dan dalam pada itu juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada apa nama Exco Agama dan juga kerajaan dan juga Menteri Besar. Keseluruhan masjid-masjid di Lanchang sekarang ini kebanyakannya telah pun dinaiktarafkan sama ada dibaiki ataupun dibina baharu.

Yang terakhirnya ialah Masjid Kampung Sempadan yang telah pun dibina baharu di tapak yang baru dan telah pun diguna pakai pada bulan Ramadan yang lalu. Cuma di sebelahan dengan Kampung Sempadan masjid baru tersebut, terdapat satu kampung iaitu Kampung Kuala Kaung terletak di jalan besar *main road* hala ke Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan kepada musafir ataupun orang luar untuk singgah sembahyang. Masjid ni masih masjid yang lama, jadi dapatlah kiranya kerajaan memasukkan senarai Masjid Kuala Kaung ini dan kemungkinan sudah ada supaya dipercepatkan untuk proses naik taraf Masjid Kuala Kaung.

Dan akhirnya Tuan Speaker... Yang Berhormat Tuan Speaker, tentang masalah tadi ialah tentang satu lagi ialah masalah jalan pertanian. Terdapat beberapa kampung dan kebun-kebun dan peranan yang menjadi hubungan penting kepada penduduk kampung yang menjadikan er... kebun sebagai punca penca… apa nama pencarian hasil mereka. Ia perlu dinaik taraf beberapa tempat antaranya di Kampung Meh di… di Lanchang. Dia bersempadan dengan ladang apa, Sime Darby kalau tak silap saya. Kemudian di jalan, Jalan Pertanian Lakum ke Paya Pelantar, juga merupakan satu laluan utama untuk penduduk-penduduk kampung, dan satu lagi ialah di Kampung Bukit Ngeri. Bukit Ngeri ini kalau tuan-tuan pergi memang ngeri, jalan jauh ke dalam dan di situ juga dia ada satu pejabat pertanian, ke dalam lagi tempat Orang Asli, jalannya memang berlubanglah.

Kalau kita nak… kalau siapa yang pernah main… main ombak bot laju ini saya rasa tak payah pergi Teluk Cempedak. Di situ pun memang… memang boleh pergilah, memang jalan ini memang agak teruk kerana dia digunakan oleh lori-lori besar yang di dalamnya ada kebun-kebun sayur dan sebagainya. Dan saya kira er... di situ mungkin sudah pun apa ada baik… pembaikan dan sebagainya tetapi supaya diberi perhatian untuk jalan yang lebih baik. Yang sebelum ini hanya jalan seperti jalan *red track*, tanah merah yang digunakan.

Insya-Allah, saya harapkan dengan… dengan perbelanjaan… unjuran perbelanjaan yang, yang lebih baru ini dapat diberikan keutamaan kepada er... pembinaan atau membaiki jalan-jalan pertanian supaya ia menjadi satu kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung dan mengurangkan kos pengeluaran hasil daripada er... kebun-kebun mereka apabila jalan telah dibaiki.

Akhirnya saya ucapkan tahniah kepada keseluruhan er... jentera kerajaan dan juga pihak apa Menteri Besar yang telah pun membentangkan belanjawan kita pada… untuk tahun 2026. Cuma saya nak sebutnya ialah semalam banyak teguran bahawa er... di pihak kami seolah-olah tidak menyokong. Dia bukan tidak menyokong, itu pandangan. Kita, sudah tentu dalam mesyuarat ini, nama pun mesyuarat ya, kita ada dua pihaklah maknanya satu mengesyorkan satu mencadangkan. Dan kita ada 2 sisi sudut pandang sisi atas pandangan masing-masing. Semuanya untuk kebaikan, dan akhirnya kita akan ambil satu keputusan yang tepat untuk dilaksanakan, diturunkan kepada rakyat di bawah. Itulah tujuan kami sebenarnya. Dan tidaklah bukan orang kata menentang segala-galanya kerana er... kita ini dalam mesyuarat mestilah berbeza. Lain kalau kita dalam taklimat, kita datang dengar, kan… catit-catit minum teh lepas itu kita balik. Tapi oleh kerana kita dalam mesyuarat, sudah tentulah dia ada *pro and cons* itu biasa dalam… dalam mesyuarat.

Akhirnya sekali saya dengan ini menyokong perbelanjaan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Bajet 2026. Dengan ini, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Lanchang. Seterusnya saya menjemput wakil dari Chini.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang memberi ruang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, negeri dan daerah, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Izinkan saya memulakan dengan pantun.

Gunung Tahan berbalut kabus,
Pagi tenang bumi pertiwi,
Amanah rakyat bukan sekadar tugas,
Hari ini suara Chini saya bawa di sini.

[Ahli Dewan menepuk meja]

Gunung Senyum teguh berdiri,
Sungai Pahang beralun tenang,
Negeri berjaya hasil dihargai,
Rakyat sejahtera Pahang gemilang.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang di atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang tahun 2026 yang begitu menyeluruh, progresif dan berpaksikan kepentingan rakyat. Belanjawan Tahun 2026 ini telah menggariskan tujuh teras utama dan ia bukan sekadar mencerminkan kematangan pengurusan kewangan negeri, tetapi juga kejayaan besar pentadbiran kerajaan negeri apabila Pahang berjaya mengutip hasil melebihi RM1 bilion, 4 tahun berturut-turut, sepertimana Ahli-ahli Dewan juga sebut [Ahli Dewan menepuk meja]. Serta satu pencapaian bersejarah yang membuktikan kepimpinan yang berwibawa, kecekapan pentadbiran, berintegriti, keberkesanan strategi ekonomi serta keyakinan pelabur terhadap Pahang.

Ini meletakkan Pahang pada landasan kukuh sebagai negeri maju, makmur, berdaya saing. Selain itu, kutipan hasil negeri pada tahun ini sebanyak 40% dipulangkan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada pentadbiran kerajaan persekutuan, negeri, daerah yang turut menyumbang kepada kejayaan kutipan hasil negeri ini. Pencapaian ini menjadi bukti bahawa kerajaan negeri bukan sahaja pandai merancang tetapi berjaya melaksanakan dasar-dasar yang memberi hasil nyata kepada rakyat.

Yang Berhormat Speaker,

Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Pelangai atas pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELDA. Ini adalah pengiktirafan yang mewakili kerajaan negeri, mewakili suara warga FELDA Pahang dan seluruh warga FELDA

amnya. Pelantikan ini amat penting kerana ia memberi ruang suara rakyat FELDA Pahang dibawa terus ke meja pembuat keputusan tertinggi FELDA.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Speaker,

Boleh mencelah sikit? YB Chini, sebenarnya pelantikan Ahli Lembaga Pengarah FELDA ini dicadangkan dan diusulkan dan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sendiri pada saya. Saya ucapkan tahniah sepatutnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sendiri. Terima kasih banyak… terima kasih banyak Speaker.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Jadi saya zahirkan juga ucapan terima kasih er... kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

FELDA berada 69 tahun usia kewujudan yang menjadi tunjang pembangunan sosioekonomi kepada 112,635 peneroka di Malaysia serta di negeri Pahang, seramai 43,126 peneroka. FELDA bukan sekadar nama dalam sejarah, ia adalah simbol perjuangan rakyat luar bandar menebus kemiskinan dan membina kehidupan dengan titik peluh dan keringat sendiri.

Di DUN Chini, nadi ekonominya, 80% adalah daripada penduduk Gugusan Chini. Namun, saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini bahawa komuniti FELDA kini berdepan cabaran baharu. Antaranya, isu penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam, peluang pekerjaan generasi muda, permasalahan sosial berkaitan dadah dan keperluan memperkenalkan teknologi pertanian moden. Sehubungan itu, saya amat berharap kerajaan negeri tekun… terus memperkukuhkan kerjasama dengan FELDA melalui program digitalisasi pertanian FELDA termasuk penggunaan dron dan sistem pengurusan ladang moden. Geran usahawan belia untuk melahirkan generasi muda yang berdikari dan penambahbaikan prasarana asas FELDA.
Saya juga ingin menyentuh berkaitan aset FELDA di DUN Chini. Yang pertama, 10 unit lot kedai industri yang dibina oleh FELDA sekitar tahun 2010, bersebelahan Pusat Latihan Chini. Sehingga kini, lot kedai tersebut terbengkalai begitu sahaja serta tidak memberi manfaat kepada warga FELDA Chini. Jika tidak, kedai ini boleh memberi peluang kepada anak FELDA menjalankan pelbagai bentuk perniagaan seperti bengkel kereta, mengecat dan juga kimpalan.

Yang kedua, bangunan kilang pemprosesan makanan di FELDA Chini 3 yang dulunya beroperasi sebagai pengeluaran produk gedung makanan negara daripada hiliran pisang berangan dan kini sudah tidak lagi beroperasi hampir lebih 10 tahun. Saya cadangkan bangunan ini boleh dijadikan hub pengumpulan produk usahawan Chini. Antaranya kuih bahulu, biskut mazola, kerepek, mi lidi, tempe, karipap *frozen* yang diusahakan oleh anak-anak muda Chini.

Seterusnya, 30 unit rumah Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang berbaki kerja 10% untuk disiapkan, juga berada dalam situasi terbengkalai semula. Yang keempat, pengukuran lot tapak rumah STRSP bagi FELDA Chini Timur 1, FELDA

Timur 3 dan juga Taman Sentuhan Kasih FELDA Timur 2. Saya sangat berharap perhatian dan serius tindakan sewajarnya pihak kerajaan dan FELDA membantu menyelesaikan perkara tersebut.

Terima kasih, kepada pihak kerajaan dan FELDA dapat menyiapkan kolam takungan air ORS di loji Chini. Kolam takungan seluas 30 ekar ini dengan perbelanjaan hampir RM33 juta akan dapat membantu menyalurkan air bersih sewaktu krisis kemarau yang berpanjangan di DUN Chini.

Yang Berhormat Speaker,

Kampung tradisi atau warisan negeri. Negeri Pahang bukan hanya kaya dengan hasil bumi tetapi kaya juga dengan warisan kampung tradisi yang membentuk identiti dan budaya negeri. Kampung tradisi adalah tempat terbitnya nilai gotong-royong, semangat kejiranan dan jati diri rakyat Pahang. Namun, penduduk kampung masih berhadapan cabaran kemudahan asas peluang ekonomi yang terhad. Terima kasih, kepada pihak kerajaan negeri berjaya menyediakan Rumah Rakyat Pahang secara percuma. Sebanyak 8 buah rumah setiap tahun. Terima kasih, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Saya menyokong usaha kerajaan negeri yang sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar. Namun, saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri memberi perhatian khusus kepada 3 perkara yang berkaitan. Yang pertama, peningkatan capaian internet dan juga liputan telekomunikasi di kawasan kampung tradisi bagi memacu ekonomi digital luar bandar.

Yang kedua, program baik pulih rumah uzur khususnya untuk warga emas dan ibu tunggal dan yang ketiga, geran mikro Usahawan Desa bagi membantu pengusaha kecil memasarkan produk kampung ke pasaran digital. Dan yang keempat, Program Digitalisasi Usahawan Desa, Ekonomi Digital Desa dan juga platform jualan digital untuk produk kampung. Ini membuka peluang pendapatan baharu kepada penduduk kampung. Kampung bukan sekadar sejarah, kampung ialah akar kekuatan negeri. Jika akar dijaga dan disuburkan pohon negeri ini akan terus rendang dan berbuah kejayaan.

Yang Berhormat Speaker,

Tasik Chini merupakan khazanah alam semula jadi serta menjadi tempat pelancongan berasaskan alam. Tasik Chini adalah permata negeri dan antara 3 kawasan rizab Biosfera UNESCO di Malaysia. Melalui usaha Perbadanan Taman Negeri dan Tourism Pahang dapat membantu mengembalikan tarikan kepada para pelancong luar dan dalam negara untuk datang ke Tasik Chini. Saya cadangkan Menara Tinjau Tasik Chini, laluan pejalan kaki ataupun *jungle tracking*, Galeri Warisan Tasik Chini, Pusat Interpretasi Alam dan Eko Resort bertaraf antarabangsa.

Yang Berhormat Speaker,

Masyarakat Orang Asli rakan pembangunan negeri. Saya juga ingin membawa perhatian Dewan ini kepada masyarakat Orang Asli khususnya di kawasan DUN Chini. Terima kasih kepada pihak kerajaan yang berjaya menyediakan 2 buah rumah rakyat Pahang bagi masyarakat Orang Asli di DUN Chini setiap tahun. Masyarakat Orang Asli bukan hanya sebahagian daripada warisan negeri tetapi juga penjaga alam semula jadi yang memainkan peranan penting dalam kelestarian hutan Pahang.

Namun begitu, masih ada antara mereka yang berdepan kekurangan dari segi kemudahan asas, pendidikan dan juga peluang ekonomi.

Saya menyokong penuh langkah kerajaan negeri menerusi kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam melaksanakan program sosioekonomi Orang Asli termasuk latihan kemahiran dan keusahawanan komuniti. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri menambah baik dasar sedia ada dengan memperkenalkan program Pendidikan Literasi Digital untuk generasi muda supaya mereka dapat bersaing dalam ekonomi moden. Insentif khas untuk usahawan Orang Asli melalui koperasi dan juga perusahaan kecil berasaskan sumber tempatan. Masyarakat Orang Asli bukan sahaja antara penerima bantuan Pahang tetapi rakan pembangunan negeri yang perlu dirangkul dalam agenda kemajuan bersama.

Yang Berhormat Speaker,

Belanjawan 2026 ini adalah belanjawan rakyat yang mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap semua lapisan masyarakat dari bandar hingga ke pedalaman. Saya yakin kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang akan terus melaksanakan dasar yang seimbang, mampan dan berpandangan jauh. Negeri Pahang kini berada di landasan kukuh untuk melangkah ke fasa pembangunan baharu, berdaya saing dan makmur untuk semua rakyat.

Justeru, saya berdiri teguh menyatakan sokongan penuh kepada Belanjawan Negeri Pahang 2026 kerana ia menzahirkan semangat Pahang 1st, ‘Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan’.

Burung tempua terbang melayang,
Hinggap sebentar di dahan jati,
Pahang gemilang hasil cemerlang,
Rakyat senang negeri diberkati.

Maka Chini mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, wakil dari Chini. Seterusnya saya menjemput wakil dari Tahan. Sila.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Yang dihormati Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan ADUN, ketua-ketua jabatan dan sidang pemerhati yang dirahmati oleh Allah SWT.

YB Speaker,

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Speaker kerana memberikan ruang dan juga peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang pada hari Jumaat yang lalu.

Tahniah, saya ucapkan kepada kerajaan negeri yang telah berjaya mengutip hasil negeri dengan jumlah melebihi RM1 bilion buat kali ke-4 secara berturut-turut. Semoga ianya akan terus memberi manfaat dan faedah kepada seluruh rakyat negeri Pahang termasuklah kami Ahli Dewan Negeri bukan kerajaan.

YB Speaker,

Pembangunan negeri bukan hanya terletak pada megahnya bangunan di bandar tetapi pada terangkatnya martabat kampung pedalaman. Komuniti Orang Asli dan kawasan luar bandar yang juga menjadi asas kepada ekonomi negeri. Apatah lagi bagi kami di DUN Tahan, Taman Negara Kuala Tahan adalah permata ekopelancongan negara yang bakal menyambut kedatangan pelancong seluruh dunia menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Qasas ayat 77 (bacaan ayat Al-Quran) yang bermaksud, “dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu dari dunia dan berbuat baiklah, sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

Ayat ini mengingatkan kita bahawa pembangunan tidak boleh meminggirkan manusia dan alam yang menjadi amanah kepada kita.

Gunung Tahan teguh berdiri,
Hutan hijau tempat berteduh,
Rakyat luar bandar jangan dibiari,
Pembangunan mesti sampai menyeluruh.

Dengan semangat itu, saya ingin mengangkat 2 perkara utama yang menjadi denyut nadi rakyat Kuala Tahan, iaitulah kemudahan asas luar bandar dan kesiapsiagaan pelancongan Taman Negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

YB Speaker,

Saya mulakan dengan isu mendesak melibatkan kemudahan kesihatan di Kuala Tahan. Fakta telah direkodkan di Kamar Khas Dewan Rakyat menunjukkan dua perkara kritikal. Yang pertama, Kementerian Kesihatan mengesahkan bahawa pembinaan klinik kesihatan yang baharu jenis 5 hanya akan bermula pada Ogos 2026 mengambil masa 36 bulan dan dijangka siap pada tahun 2029. Rakyat terpaksa menunggu 4 tahun lagi walhal klinik lama telah mengalami keretakan sejak tahun 2020 dan tiada pembaikan dilakukan sejak itu hinggalah keadaan menjadi semakin kritikal dan tidak selamat digunakan bermula tahun ini. Kini, klinik sementara beroperasi dengan menggunakan Dewan Penghulu Raja dengan hanya RM19,000.00 diperuntukkan untuk kerja pendawaian *partition* dan pembaikan asas. Kementerian sendiri mengaku jumlah ini tidak mencukupi.

Maka saya ingin mencadangkan sekali lagi kepada kerajaan negeri, yang pertama, satu peruntukan kewangan mesti disalurkan dengan segera bagi meningkatkan keselesaan Dewan Penghulu Raja bagi tujuan seperti menambah bilangan kipas dinding, membekalkan penghawa dingin mudah alih dan lain-lain keperluan yang difikirkan. Yang kedua, membuat penilaian antara kekal pengoperasian klinik sementara ini di Dewan Penghulu Raja dengan menambah baik keselesaannya hingga klinik kesihatan yang baharu siap dibina. Berbanding dengan membina klinik

modular yang mungkin menelan belanja lebih RM600,000.00 sebagaimana yang telah disebut oleh Exco berkaitan pada sesi pagi tadi. Yang ketiga, koordinasi negeri bersama KKDW bagi penyediaan utiliti dan juga infrastruktur asas.

YB Speaker,

Kuala Tahan adalah pintu utama Taman Negara. Tidak munasabah apabila destinasi pelancongan utama negara mempunyai klinik sementara yang daif ketika menuju Tahun Melawat Malaysia 2026. Justeru, saya mohon agar pihak kerajaan negeri menjadikan isu klinik sementara sebagai keutamaan dan memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan selesa.

YB Speaker,

Canopy Walk merupakan tarikan utama Taman Negara telah siap sepenuhnya pada 24 Jun 2024. Diserahkan kepada PERHILITAN pada 15 Julai 2024, tetapi masih belum dibuka akibat kerosakan dilanda ribut pada 30 September 2024 dan 5 Februari 2025. Jawapan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam di dalam Dewan Rakyat, 2 isu besar timbul. Pertama, kesan ekonomi langsung kepada pengusaha pelancongan Kuala Tahan. Yang kedua, kelemahan mitigasi risiko sedangkan ribut dan pokok tumbang adalah risiko lumrah hutan hujan tropika.

Kerajaan negeri perlu berada dalam koordinasi… dalam koordinasi bersama PERHILITAN dan JKR bagi penyelesaian jangka panjang. Kerja baik pulih disasar siap 2 Mac 2026 dengan tambahan 2 minggu proses keselamatan. Namun, kita kini berada di musim tengkujuh dan bakal memasuki Tahun Melawat Malaysia 2026. Maka kemungkinan besar berlaku kelewatan tambahan.

YB Speaker,

Canopy Walk adalah tarikan utama yang menjadi punca rezeki kepada banyak keluarga. Sebarang kelewatan akan menjejaskan nama baik... nama baik Taman Negara dan peluang ekonomi Tahun Melawat Malaysia 2026. Justeru, saya memohon agar kerajaan negeri memantau rapat jadual pemulihan. Yang kedua, menyemak semula analisis risiko jangka panjang dan yang ketiga memastikan Canopy Walk ini dibuka segera demi ekonomi penduduk Kuala Tahan dan sekitarnya. Rakyat sudah menunggu terlalu lama. Taman Negara adalah permata negara dan juga negeri. Jangan kita biarkan ia terus tertutup tanpa tindakan proaktif.

YB Speaker,

Ketika kita membahaskan Belanjawan 2026 dengan tema Pahang 1st, 'Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan'. Saya ingin menekankan satu perkara penting iaitu pembangunan negeri hanya benar-benar tersaksama apabila Kampung Kuala Tembeling, Kampung Kuala Tahan, Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Mat Daling, Kampung Gusai serta kampung-kampung lain turut merasai nikmatnya. Saya menyambut baik peruntukan di bawah Kluster Orang Asli. Baik pulih rumah, pembaikan perbekalan air, bakul makanan, e-DOA dan insentif pendidikan. Saya ingin mengangkat beberapa perkara yang menjadi realiti harian penduduk pedalaman.

Yang pertama, banyak lagi kampung Orang Asli di Tahan, ia bergantung kepada sumber air graviti yang tidak stabil. Bekalan elektrik pula masih tidak konsisten bagi beberapa penempatan kecil. Justeru, saya minta kerajaan negeri memastikan

peruntukan pembekalan air sebanyak RM500,000.00 benar-benar sampai kepada kampung-kampung pedalaman yang dan tidak tertumpu kepada lokasi mudah dicapai sahaja.

Untuk elektrik pula, saya mencadangkan pelan elektrifikasi pedalaman Pahang yang melibatkan hibrid solar dan mini hidro khusus bagi penempatan Orang Asli yang jauh dari grid. Bantuan Bakul Makanan yang turut diperuntukkan sebanyak RM2.63 juta itu sangat baik. Tetapi apakah strategi dan rangka yang telah disusun agar mereka juga akan terkeluar daripada kelompok kemiskinan.

Saya mencadangkan pengukuhan *community based enterprise* seperti penternakan madu kelulut, pertanian dusun hutan, ekopelancongan komuniti dan produk kraftangan khas etnik. Program seperti ini berpotensi menjana pendapatan lebih stabil dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan semata-mata.

YB Speaker,

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini ialah berkaitan dengan keadaan jalan Simpang Paya Garok, jalan utama yang menghubungkan Jerantut dengan kawasan-kawasan penting seperti Kuala Tahan, pedalaman Ulu Tembeling dan pusat-pusat komuniti di sepanjang Sungai Tembeling. Setiap kali musim tengkujuh atau hujan berterusan, jalan ini akan ditenggelami air sehingga melebihi paras dada menyebabkan ribuan penduduk terkandas, kenderaan tidak dapat melalui, pelancong terpaksa diiring keluar lebih awal dan bekalan makanan serta keperluan asas terhenti.

Bagi penduduk DUN Tahan, perkara ini bukan perkara baru, malah telah berlarutan lebih daripada 40 tahun. Keadaan ini bukan sahaja menyekat urusan harian rakyat tetapi menjejaskan ekonomi tempatan dan merencatkan usaha kita memantapkan imej Jerantut sebagai daerah ekopelancongan utama menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.
Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Yang pertama, apakah status Pelan Mitigasi Banjir bagi laluan Simpang Paya Garok yang telah berulang kali dibangkitkan oleh masyarakat, agensi keselamatan dan juga pengusaha pelancongan. Laluan ini telah pun… laluan ini telah pun dikunjungi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sendiri, Exco Kerajaan Negeri dan saya difahamkan bahawa ianya sudah diluluskan di dalam Rolling Plan Ke-3 RMKe-12 dan bakal mula dinaik taraf bermula tahun ini. Cumanya sekarang dah bulan Disember 2025 dan masih belum dilihat apa-apa kerja yang terlaksana.

Yang kedua, adakah kerajaan negeri telah mempertimbangkan peninggian jalan, pembinaan tembok penahan air atau lencongan laluan alternatif untuk memastikan hubungan jarak tidak terputus setiap kali banjir berlaku. Dan ketiga apakah bentuk kerjasama kerajaan negeri dengan JKR dan NADMA untuk menjadikan laluan Simpang Paya Garok sebagai projek naik taraf berkeupayaan tinggi memandangkan ia adalah nadi perhubungan kepada Taman Negara Kuala Tahan.

YB Speaker,

Dalam masa yang sama, saya juga ingin mendapatkan perkembangan terkini dan pelan mitigasi bagi laluan-laluan kritikal lain di dalam DUN Tahan yang turut sering ditenggelami air ketika musim banjir iaitu di kawasan jambatan Teh, jambatan Sungai Kerak dan juga di Simpang Kampung Sepian. Lokasi-lokasi ini adalah laluan

keselamatan, logistik dan perkhidmatan asas kepada ribuan penduduk dan gangguan kerap pada laluan-laluan... laluan ini memberi kesan langsung kepada sektor pelancongan, pergerakan barangan dan perkhidmatan termasuk urusan kecemasan, maka saya ingin mengetahui apakah status kajian tender atau fasa perancangan bagi menyelesaikan isu-isu ini secara segera.

YB Speaker,

Buat kesekian kalinya, saya mohon perhatian dan penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan proses pembinaan jalan yang menghubungkan kampung-kampung di pedalaman Ulu Tembeling yang sepatutnya siap pada tahun ini. Mengikut perancangan awal, namun ianya telah diberikan tempoh lanjutan sehingga 10 April 2027.

Projek yang melibatkan 4 jajaran iaitu yang pertama, Jajaran 2A Kampung Kuala Sat yang *progress*nya ketika ini lebih kurang 10%. Yang kedua jajaran 2B dari Kampung Bantal Seberang ke Kampung Tanah Pindah. Yang *progress*nya ketika ini lebih kurang 10% yang ketiga, jajaran 2C dari jalan besar simpang Kampung Bantal ke Kampung Semena yang *progress*nya ketika ini lebih kurang 45%. Dan yang keempat jajaran 2D dari Bantal Seberang ke Kampung Gusai yang *progress*nya ketika ini lebih kurang 5%.

Saya difahamkan kelewatan ini berpunca daripada proses pengambilan tanah dan pembayaran pampasan kepada mereka yang terlibat. Soalan saya yang pertama, apakah status terkini proses ini? Yang kedua, jangkaannya bilakah proses pengambilan tanah dan pembayaran... pembayaran pampasan ini akan dimuktamadkan? Dan yang ketiga, apakah punca-punca lain yang menyumbang kepada kelewatan projek ini?

YB Speaker,

Akhirnya, saya mohon perhatian daripada pihak kerajaan berkaitan laluan utama yang digunakan oleh penduduk Ulu Tembeling iaitu di antara Ladang Yayasan Pahang ke Kampung Kuala Sat di satu kawasan yang dikenali sebagai Bukit Batu Balai telah berlaku runtuhan tanah berserta sisa kayu pada bulan Disember 2024 yang lalu. Ianya telah dibersihkan namun sangat berpotensi untuk runtuh sekali lagi terutama bila hujan turun berterusan dalam tempoh monsun timur laut yang belum berakhir ini. Justeru, saya mohon jasa baik daripada pihak kerajaan dan agensi yang berkaitan untuk terus memantau dan melakukan sesuatu demi keselamatan dan juga keselesaan penduduk kampung.

YB Speaker,

Sebagai Wakil Rakyat, saya bukan membawa suara jauh tetapi suara yang paling dekat dengan denyut pembangunan negeri, pembangunan luar bandar, martabat komuniti Orang Asli dan masa depan sektor pelancongan di dalam DUN Tahan. Bukan hanya isu lokal tapi ianya adalah isu strategik bagi negeri Pahang Darul Makmur. Setakat itu dahulu ucapan saya. Tahan mohon menyokong Belanjawan 2026. Sekian, assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Ahli Tahan. Seterusnya saya ingin menjemput wakil dari Sabai. Tumpang tanya sikitlah, YB Sabai masih kekal di tempat ini ke nak pindah ke sebelah sana? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

[Ketawa]. Bagus juga tanya tapi Speaker tak tanya pada ADUN Lantikan dari MCA semalam [Ahli Dewan ketawa]. Tapi saya dah maklum terima kasihlah atas soalan tadi tu sebenarnya jawapannya telah saya berikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar selaku Pengerusi Barisan Nasional, pengerusi parti yang saya wakili. Dan untuk makluman yang semua... yang ada sini memang ada... ada orang di sebelah sana pun, dari sini pun sindir saya. Sindiran tajam juga sebab sebelah Cheka tu ada satu kerusi kosong. [Ahli Dewan ketawa] Tak apalah itu sajalah.

Baik, ya, salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang ada dalam Dewan Yang Mulia pada petang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang kepada saya untuk berbahas dalam Persidangan Dewan Negeri Pahang kali ini berkenaan Bajet Negeri bagi tahun 2026. Bajet ini selaras dengan Aspirasi Pahang 1st menekankan visi besar negeri melalui pelan tindakan yang dirancang dan menyeluruh. Ia menitikberatkan penyelenggaraan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan bantuan rakyat dengan tema yang menekankan keutamaan rakyat dan pemeliharaan kemakmuran.

Sasaran pendapatan negeri Pahang bagi tahun 2026 adalah RM1.279 bilion, meningkat 7% berbanding bajet tahun 2025. Ini melebihi RM1 bilion selaras dengan pencapaian Pahang yang telah mencatat kutipan hasil melebihi RM1 bilion untuk 4 tahun berturut-turut. Pendapatan ini disokong oleh peningkatan kutipan hasil daripada cukai tanah, hasil hutan, pelaburan dengan lebihan RM600 juta daripada tahun semasa untuk disalurkan semula kepada rakyat. Setinggi-tinggi syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja atas kejayaan terus mentransformasikan negeri kita sebagai negeri yang berdaya maju dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Tuan Speaker,

Bajet dengan 7 teras utama yang dibentangkan ini sesungguhnya inklusif, menyantuni, keperluan dan aspirasi seluruh rakyat negeri Pahang. Bajet Negeri Pahang 2026 mencerminkan komitmen kerajaan negeri terhadap pembangunan mampan, tadbir urus cekap dan kebajikan rakyat dengan hasil melebihi RM1 bilion dan peruntukan pembangunan dan pengurusan yang signifikan bersama inisiatif pemulangan manfaat kepada rakyat. Bajet 2026 adalah antara yang paling progresif dalam sejarah moden negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya ingin mengambil kesempatan merujuk kepada beberapa inisiatif di bawah bajet yang selari dengan keperluan dan aspirasi warga DUN Sabai.

Di kawasan DUN Sabai ini ada 3 buah kampung Orang Asli iaitu Kampung Ulu Parit, Kampung Ahli Kubur dan Kampung Cinta Manis. Terdapat 12 keluarga di Kampung Ulu Parit... Kampung Asli Ulu Parit yang yang tiada kemudahan bekalan air ke kediaman mereka bergantung kepada air dari kawasan bukit. Semasa Program Aspirasi Pahang 1st di daerah Bentong baru-baru ini, rakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli telah turut berkunjung ke Kampung Ulu Parit dan saya percaya beliau telah dimaklumkan mengenai isu bekalan air ke 12 rumah berkenaan. Kunjungan ini turut disertai oleh kontinjen PAIP untuk meninjau isu bekalan air di kampung tersebut.

Maka dengan adanya peruntukan di bawah Bajet 2026 bagi kerja-kerja bekalan air ke kawasan Orang Asli, saya harap masalah bekalan air di Kampung Ulu Parit dapat diselesaikan. Masih juga dengan aspirasi masyarakat Orang Asli, saya mengambil kesempatan ini untuk mohon pencerahan kerajaan negeri mengenai perkembangan terkini isu pewartaan tanah rizab Orang Asli di kawasan DUN Sabai yang pernah saya bangkitkan sebelum ini. Isu pewartaan tanah berkenaan sering dibangkitkan apabila saya berkunjung ke… ketiga-tiga buah kampung Orang Asli di kawasan DUN Sabai. Tindakan dan keprihatinan kerajaan negeri di dalam isu ini amatlah saya hargai.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bajet Negeri Pahang juga memberi fokus kepada usaha-usaha merancakkan sektor pelancongan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan bagi membantu pembangunan infrastruktur dan aktiviti promosi pelancongan yang terus… seterusnya akan meningkatkan kehadiran pelancong ke negeri Pahang terutamanya dalam persediaan sempena Program Tahun Melawat Malaysia 2026. Semasa perbahasan Bajet 2025 tahun lepas, saya telah mohon Kerajaan Negeri Pahang bagi mempertimbangkan cadangan menaik taraf kawasan Gua Chinta Manis dan Gunung Halia dalam kawasan DUN Sabai yang berpotensi berkembang sebagai tarikan pelancongan.

Terima kasih kerajaan Pahang. Kerja-kerja menaik taraf fasiliti di kawasan Gua Chinta Manis telah menerima peruntukan RM1.2 juta yang pasti dapat meningkatkan kemudahan dan keselesaan pengunjung ke kawasan tersebut. Selesai kerja nanti, saya percaya potensi Gua Chinta Manis sebagai destinasi pelancongan akan terus berkembang.

Saya ingin mohon pertimbangan Kerajaan Negeri Pahang bagi mengkaji potensi Gunung Halia, satu lagi lokasi yang penting di kawasan DUN Sabai di Pekan Karak yang selepas ini mempunyai formasi indah semula jadi sesuai bagi aktiviti riadah dan rekreasi khasnya aktiviti *hiking*. Saya faham memandangkan ianya satu khazanah semula jadi, sebarang pembangunan perlulah memastikan kelestarian kawasan tersebut. Saya harap kerajaan negeri dapat membuat kajian yang telus bagi membangunkan Gunung Halia sebagai produk pelancongan negeri Pahang.

Bercakap mengenai industri pelancongan di negeri Pahang, saya mohon pencerahan kerajaan negeri mengenai perancangan dan tindakan bagi merancakkan potensi Lapangan Terbang Kuantan sebagai hab penerbangan utama ke Pantai Timur. Ketika ini hanya terdapat penerbangan langsung setiap hari dari KLIA serta penerbangan 3 kali seminggu dari Singapura serta penerbangan *charter*. Penerbangan domestik langsung dari Lapangan Terbang Subang, Pulau Pinang dan Malaysia Barat dari Kota Kinabalu atau Kuching pasti akan menyediakan jaringan penerbangan yang kompetitif selain dari destinasi negara-negara ASEAN yang lain. Maka saya cadangkan kerajaan negeri dan Tourism Pahang khususnya mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysian Airlines, Batik Air, Air Asia dan sebagainya bagi merealisasikan potensi sebenar Lapangan Terbang Kuantan.

Saya nak kongsi pengalaman saya ni berhubung dengan isu pelancongan. Sebenarnya pelancong yang hadir ke negeri Pahang ini kebanyakannya er… tumpu dekat Genting Highlands. Ramai pelancong yang hadir ke Genting Highlands, tidak ada yang tidak mengenal Genting Highlandslah. Para pelancong secara keseluruhannya yang hadir ke Malaysia ni memang er… pilih er… Genting Highlands sebagai destinasi utama. Tapi mereka tak teroka dalam Pahang sehingga ke Pahang Barat, Pahang Tengah sampai ke sebelah Kuantan, Cerating, Tioman. Memang

kunjungan pelancong dari luar adalah agak kuranglah banding dengan Genting Highlands ataupun Cameron Highlands.

Untuk mengatasi isu ini, saya mohonlah Tourism Pahang dapat mengadakan sesi libat urus dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di Kuala Lumpur yang biasanya apabila mereka menerima pelancong, mereka bawa pelancong ini ke tempat-tempat lain, tidak memilih untuk masuk teroka Pahang yang kaya dengan alam semula jadi. Maka kita perlulah, selain itu yang saya sebut tadi ialah pasal penerbangan. Penerbangan terus dari Kuching, Kota Kinabalu ataupun dari Penang dapat membawa pelancong terus ke kawasan ke Kuantan dan seterusnya mereka dapat menikmati keindahan alam semula jadi Pulau Tioman, Cerating, misalnya.

Dan er… YB… Yang Berhormat Tuan Speaker,

Kerajaan negeri juga memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek tebatan banjir dalam bajet tahun-tahun lepas dan juga pada Bajet 2026 bagi mengelakkan sebarang musibah banjir dan impaknya yang beri kesan kepada rakyat. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kerajaan Pahang atas pembinaan ban sungai di kawasan Kampung Karak Setia yang telah mencegah isu banjir di kawasan tersebut baru-baru ini.

Saya juga telah menerima khabar baik dari JPS Daerah Bentong bahawa projek Rancangan Tebatan Banjir Bentong baru sahaja pihak kontraktor terima SST bertarikh 27 Oktober 2025. Kos projek RTB Bentong, Rancangan Tebatan Banjir Bentong berjumlah RM227 juta. Skop yang terlibat merangkumi mendalamkan dan melebarkan Sungai Bentong sepanjang 33 km, menaik taraf empangan, pembinaan ban 10km kiri dan kanan sepanjang sungai, pembinaan kolam takungan, pengukuhan tebing, pemasangan *flap gate* dan pembinaan rumah pam.

Projek Rancangan Tebatan Banjir Bentong ini akan mengambil masa 48 bulan bermula dari 21 November 2025 dan dijangka siap pada 20 November 2029. Semestinya perkembangan ini melega… melegakan rakyat daerah Bentong khasnya selepas mengharungi trauma musibah banjir Disember 2021. Terima kasih kepada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan atas komitmen pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Bentong.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan keperluan kemudahan sukan di negeri ini dan di bawah Belanjawan 2025 yang dibentangkan tahun lepas, terdapat projek pembinaan Kompleks Sukan Benta yang diumumkan. Adalah menjadi harapan dan penantian anak-anak muda di kawasan DUN Sabai bagi satu pusat aktiviti bersukan di kawasan Sabai, tidak perlu bersaiz mega yang memenuhi keperluan aktiviti sukan, memadai. Ini pasti menjana golongan anak muda yang cergas dan produktif. Harap aspirasi anak muda Sabai dapat pertimbangan kerajaan negeri.

Merujuk kepada aspek kecergasan masyarakat, terdapat fasiliti rekreasi dan riadah di kawasan Taman Karak Indah DUN Sabai yang telah dibuka kepada orang ramai. Projek di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran Bentong menjadi tumpuan orang ramai setiap petang bagi aktiviti riadah dan rekreasi keluarga melebihi kapasiti dikunjungi oleh orang awam, tak dapat menampung keperluan. Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan KPKT agar taman rekreasi baharu sedemikian dibangunkan di kawasan DUN Sabai. Saya

ingin syorkan kawasan Tasik Prima Karak Setia sebagai usaha menjana masyarakat yang cergas dan cerdas.

Seterusnya, saya juga ambil kesempatan di sini untuk ucapkan penghargaan kepada ECRL dan Pejabat Daerah dan Tanah Bentong yang telah memulakan kerja membina jambatan besi… jambatan besi untuk mengatasi masalah ratusan pekebun yang menghadapi kesukaran mengutip hasil berikutan jambatan gantung yang telah uzur dan rosak.

Yang Berhormat Speaker,

Belanjawan Persekutuan 2026 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim merangkumi 15 projek dan inisiatif penting diumumkan secara khusus untuk Pahang. Peruntukan disalurkan kepada Pahang melalui pelbagai kementerian dan agensi persekutuan membuktikan komitmen kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam memastikan pembangunan inklusif dan seimbang. Salah satu daripada 15 projek yang diumumkan adalah projek pembinaan bangunan baru SJKT Ladang Jeram. Isu Sekolah Tamil Ladang Jeram ini saya pernah bangkitkan dalam Sidang Dewan Negeri Pahang termasuk sahabat saya dari er… Beserah. Terdapat beberapa bilik darjah di sekolah ini yang beroperasi dalam kontena yang diubah suai sehingga mendapat jolokan sebagai sekolah kontena…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Speaker…

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Saya belum habis er… bagi ruang untuk saya… [ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Tak er… tak saya tertarik bila sebut sahabat saya daripada er… Beserah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila… sila Yang Berhormat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Bila sebut sahabat saya daripada er… Beserah. [ketawa] Tak er… itu yang sebenarnya er… tak maknanya maksud tadi kita er… saya mengusik ini er… ADUN Sabai ini. Dia bertanya ke dia tadi kemudian dia kata sahabat saya daripada Beserah. Tiba-tiba saya terkejutlah tadi, tiba-tiba sahabat daripada Beserah pula. Sebenarnya kita yang *champion*kan untuk SJKT Jeram ini sebenarnya hingga mendapat kelulusan daripada pihak er… pihak Kementerian Pendidikan untuk membina sekolah baru SJKT er… Jeram. Jadi bukan sahaja sebenarnya ADUN Sabai tapi pihak kerajaan juga begitu bersungguh-sungguh untuk pastikan pembelaan dari segi pendidikan bukan sahaja kepada kaum Melayu, bukan sahaja kepada kaum Cina tetapi kaum India juga tidak ketinggalan. Ini sebenarnya janji dan komitmen kita. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sekarang ramai sahabat dari er… oleh apa itu Yang Berhormat Sabai.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

[Ketawa] Maksud lain itu Tuan Speaker. [Ahli Dewan ketawa] Saya er… saya belum habis kenyataan tentang sekolah kontena itu saya habiskan. Pengumuman projek pembinaan bangunan baru sekolah berkenaan di bawah Belanjawan Persekutuan 2026 membuktikan komitmen dan keprihatinan kedua-dua kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] Sebab itu bila kita buat kenyataan orang, kita kena baca keseluruhan teks sebelum kita membuat rumusan er… sebahagian sahaja kita buat rumusan itu tak berapa betul. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Tak Yang Berhormat er… tak er… tahu…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dia sebenarnya kenyataan orang politik ini nak kena baca bukan selapis sahaja kalau dahulunya tak ada sahabat sekarang ini tiba sahabat jadi kita pun lain macam sahaja. [Ahli Dewan ketawa] Belum apa-apa. [ketawa] Itu terkejut saya er… kata orang Sabah 'terkajut aku'. [ketawa] Terima kasih.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Membuktikan komitmen kerajaan dan keprihatinan kedua-dua kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang, saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar yang terus bantu dan menyantuni er… keperluan masyarakat India Pahang khususnya dalam isu ini dan juga bantuan yang diberikan kepada masyarakat India dari semasa ke semasa termasuk juga bantuan kepada sekolah-sekolah Tamil dan kuil di negeri Pahang.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan kerajaan negeri atas segala usaha memacu pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang dan rakyatnya. Semoga segala teras dan inisiatif Bajet Negeri Pahang 2026 dicapai dengan jayanya. Saya mohon menyokong Bajet Negeri Pahang 2026. 'Maju Terus Pahang'. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sabai. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Pulau Manis.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

(Ayat Al-Quran) (Bacaan dalam Bahasa Arab) Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi ruang kepada Pulau Manis berucap pada hari ini. Pertama sekali, saya mewakili seluruh rakyat Pulau Manis ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh kakitangan kerajaan dan agensi-agensi di bawah kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan seluruh permasalahan di dalam kawasan DUN Pulau Manis ini dapat diatasi.

Tahniah juga diucapkan kepada pihak kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan belanjawan untuk tahun 2026 dan tahniah juga diucapkan kerana telah berjaya mendapat… mendapatkan kutipan hasil melebihi RM1 bilion untuk tahun yang keempat dan kita semua yakin jumlah ini akan diturunkan kepada rakyat melalui inisiatif-inisiatif yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat yang lalu.
Saya selaku barisan Ahli Dewan Negeri bukan kerajaan teguh berpendirian iaitu menjadi pembangkang yang konstruktif, menyokong perkara yang baik dan akan memberi pandangan dan buah fikiran untuk sama-sama memajukan negeri Pahang yang tercinta ini.

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan penyelenggaraan jalan dan infrastruktur dalam Belanjawan Negeri Pahang 2026. Kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang besar iaitu sekitar RM455 juta untuk tujuan ini. Saya menghargai usaha kerajaan yang memastikan rangkaian jalan di negeri ini terus diberi perhatian. Namun begitu, saya percaya masih ada ruang untuk kita memperkemaskan lagi pelaksanaan di lapangan agar peruntukan besar ini memberi hasil yang lebih berkesan kepada rakyat. Walaupun peruntukan meningkat dari tahun ke tahun, realiti di beberapa kawasan menunjukkan masih banyak lagi jalan yang dalam keadaan kurang memuaskan termasuk jalan kampung dan laluan luar bandar yang sering digunakan oleh rakyat secara harian. Ada kerja tampalan yang tidak bertahan lama, ada bahagian bahu jalan yang tidak diselenggara dengan baik dan ada masalah er… saliran yang menyebabkan air bertakung apabila hujan. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu kelancaran perjalanan tetapi juga memberi risiko kepada keselamatan pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal.

Yang Berhormat Speaker,

Saya tidak mengatakan usaha kerajaan tidak ada cuma ingin mencadangkan supaya pemantauan kerja kontraktor dapat dipertingkatkan dalam proses pelantikan kontraktor dibuat dengan lebih telus serta berdasarkan merit dan prestasi. Kita mahu setiap projek yang dijalankan benar-benar memberi peluang kepada rakyat melalui kualiti kerja yang baik dan tahan lama. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan beberapa penambahbaikan iaitu menetapkan KPI yang lebih jelas untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan termasuk masa, tindakan terhadap kerosakan dan standard kualiti kerja.

Kemudian, lapor er… laporan penyelenggaraan dibuat secara berkala supaya dapat… keadaan jalan dapat dinilai secara lebih menyeluruh, menggunakan teknologi pemantauan moden supaya kerosakan dapat dikesan lebih awal dan dirancang dengan lebih sistematik. Rakyat hanya berharap supaya perjalanan mereka lebih selesa dan selamat. Dengan peruntukan sebesar ini, saya yakin kerajaan juga mempunyai hasrat yang sama maka saya berharap agar pelaksanaan dapat dipertingkatkan, pemantauan diperketatkan dan diperkukuhkan. Saya percaya dengan kerjasama semua pihak kerajaan dan pembangkang kita dapat memastikan setiap ringgit yang diluluskan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Yang Berhormat Speaker…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya nak minta laluanlah. Saya nak… ingin memberikan penjelasan sedikit kepada Dewan er… jalan dalam negeri Pahang ini dia terbahagi kepada 2. Satu er… jalan yang melibatkan jalan persekutuan ya er… YB daripada Pulau Manis yang keduanya jalan yang melibatkan jalan *state*lah, jalan negeri dan selaku saya dulu bekas Exco kerajaan er… Exco Jabatan er… apa ini Kerja Raya dan bajet-bajet tahunan yang selalu kita mohon itu masa saya dulu pernah mohon RM800 juta tetapi lulus RM400 juta sahaja. Tahun ini lulus mungkin lulus dalam Pengarah JKR atau belakang ini er… RM800 juta kita mohon… kita mohon 700, lulus 400 je dan untuk pengetahuan Sidang Dewan, masa saya Exco Kerja Raya, jalan ini dia ada *life span* dia, dengan izin.

Yang Berhormat di-Pertua,

Life span dia 7 tahun je. Jadi dah lama dah kita tak dapat peruntukan yang berterusan, yang mencukupi. Apabila JKR ini hantar peruntukan diperlukan, termasuk sampai umur 7 tahun tu, jadi peruntukan itu tak dapat pun lagi. Tak dapat, akhirnya jalan itu tak dapat disenggara dengan baik. Jalan itu bukan bawah tanggungjawab kerajaan negeri, jalan itu disenggara oleh konsesi yang dilantik pihak kerajaan persekutuan, Roadcare, dilantik. Bila musim hujan, jalan itu dia dah sampai umur, ADUN daripada Ahli Dilantik tengok saya macam tak puas hati je.

Bila sampai 7 tahun, dia... air itu dia masuk bawah dia punya lapisan. *So* kalau ada waktu tu jalan berlubang, Roadcare pergi tampal, contohnya. Bila lepas tampal tu, esok lalu lori berat pulak dalam musim hujan tu, dia cabut pulak tempat lain sebab dia dah sampai masa. Dia tak boleh nak er... walaupun tampal, dia cabut. Sebab apa? Sebab patut er... diselenggara tapi tak boleh. Sebab apa? Bajet itu tak dapat. Jadi jangan cakap bajet itu kita terima itu tapi kita tak buat dengan betul ke, yang sebenarnya bajet itu tak mencukupi. Bukan negeri Pahang sahaja tapi negeri lain juga dan ini melibatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan. Itu untuk makluman YB Pulau Manis.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan atas pencerahan. Saya teruskan. Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin menyentuh isu yang sedang menjadi kebimbangan rakyat Pahang iaitu cadangan penggunaan caj kenderaan *vehicle charge*, dengan izin di jalan Genting Highlands. Pertama sekali kita semua maklum

bahawa jalan ini adalah jalan persendirian milik pihak Genting dan bukan jalan persekutuan. Namun, ia digunakan secara meluas oleh rakyat Pahang termasuk pemandu harian dan pekerja perkhidmatan, pelancong tempatan dan luar negeri, perniagaan dan sektor pelancongan di kawasan Genting.

Cadangan mengenakan caj ini menimbulkan kebimbangan yang wajar di kalangan rakyat khususnya bagi mereka yang menggunakan jalan ini secara kerap. Beban kos tambahan ini berpotensi memberi kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta mungkin menjejaskan aktiviti pelancongan dan ekonomi negeri. Kita semua akui bahawa penyelenggaraan jalan di kawasan berbukit dan cerun seperti ini memerlukan kos tinggi. Keselamatan pengguna jalan raya juga mesti diutamakan. Saya juga yakin bahawa kerajaan negeri telah ada perancangan bagi mengekang masalah-masalah dan implikasi yang bakal berlaku sekiranya hal ini tidak diuruskan segera.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin menyentuh isu berkenaan teras keenam di dalam belanjawan yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat yang lalu berkenaan pengurusan sungai dan kawalan banjir. Berkenaan penggunaan kutipan caruman saliran (KCS), dengan izin. Pada masa ini kita semua maklum bahawa KCS ini tidak boleh digunakan untuk tujuan penyelenggaraan tetapi hanya untuk pembangunan baharu. Kita sedia maklum bahawa saliran yang baik bukan hanya bergantung kepada binaan sahaja tetapi juga kepada penyelenggaraannya. Kita boleh bina longkang yang paling sempurna sekalipun, akan tetapi ia tidak dibersihkan, tidak diselenggara dalam tempoh yang diperlukan, ianya juga boleh menyumbang kepada berlakunya banjir.

Yang Berhormat Speaker,

Kebiasaan hal ini bukan sengaja dibiarkan tetapi akibat kekangan peruntukan sering menjadi penyebab kerja-kerja ini tidak dapat dijalankan. Tambahan pula, kos penyelenggaraan semakin meningkat sedangkan kita ada dana KCS boleh membantu meringankan beban tersebut tetapi ia tidak dapat digunakan kerana kekangan tafsiran dasar sedia ada. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya dasar ini disemak semula. Antara cadangan saya ialah kerajaan negeri mengkaji semula garis panduan penggunaan KCS ini. Kita perlu memastikan tiada tafsiran yang menyekat er... menggunakan KCS untuk menyelenggara saliran. Dalam masa yang sama, kebenaran ini perlu digunakan secara terhad dan terkawal. Ia bukan penyalahgunaan dana tetapi pematuhan kepada matlamat asal iaitu memastikan sistem saliran berfungsi secara langsung, berfungsi secara baik dan secara langsung menghilangkan kegusaran kita semua berkenaan isu banjir ini.

Selain itu, garis panduan dan penerangan yang selaras itu sangat perlu supaya semua urus setia dan pelaksana mempunyai kefahaman yang seragam, jelas dan tidak ragu-ragu dalam melaksanakan tugas. Cadangan ini bukan sekadar teknikal. Ia berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat. Jika longkang tidak diselenggara, banjir akan terus berlaku. Bila banjir berlaku, kita semua akan menanggung kerugian, tidak kira dari pihak rakyat mahupun kerajaan.

Yang Berhormat Speaker,

Tidak patut sekiranya dalam ucapan saya tidak menyentuh berkenaan isu tempat saya sendiri. Antara perkara yang saya ingin mengetengahkan adalah berkenaan Kampung Belimbing iaitu Latar Mentagan, sebuah lokasi air terjun bertingkat yang mempunyai

potensi besar untuk dimajukan sebagai destinasi rekreasi dan ekopelancongan negeri. Dahulunya keindahan Latar Mentagan sering menjadi bualan penduduk sekitar dan juga pencinta keindahan alam semula jadi. Ia bukan sahaja memiliki air terjun bertingkat yang memukau, malah suasana hutan semula jadinya masih terpelihara.

Jernihnya air dan jalur sungai yang mampu menjadikan tarikan... menjadi tarikan pelancong kepada lokasi-lokasi... sebagai lokasi-lokasi lain di negeri Pahang. Namun pada hari ini, bualan berkenaan keindahan ini tidak lagi kedengaran. Tempat ini terbiar tanpa ada kerja-kerja pemulihan yang dijalankan. Ada sisa kayu-kayan yang menjadi halangan air untuk terus mengalir dengan baik, mengalami hakisan tebing yang membahayakan pengunjung yang ingin membuat aktiviti *hiking*, dengan izin. Kemudian asas... kemudahan asas seperti tandas, surau dan juga pondok-pondok kecil juga sudah terbiar rosak.

Sekiranya dimajukan secara terancang, ia berpontensi untuk menarik pelancong tempatan dan luar, mewujudkan peluang pekerjaan melalui aktiviti pemandu pelancong, gerai makanan, perkhidmatan *homestay,* menjana pendapatan sampingan untuk belia dan penduduk kampung, menyokong er... dan juga menyokong agenda negeri dalam mempromosikan pelancongan alam semula jadi Pahang. Jika diteliti, ini bukanlah projek mega atau pembangunan besar-besaran. Hanya sedikit perhatian dan peruntukan. Sedikit fasiliti, fasilitas asas juga sedikit usaha promosi yang membolehkan membuka ruang ekonomi baru untuk penduduk setempat.

Yang Berhormat Speaker,

Isu perkampungan di pesisir sungai antara perkara yang ingin saya bicarakan. Rakyat yang tinggal di kampung tepi sungai ini hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan di hulu lebat. Banjir bukan sahaja merosakkan harta benda, malah mengancam keselamatan mereka. Mungkin ada perancangan dari pihak kerajaan yang sedang dirangka bagi mengatasi masalah ini. Kerap kali limpahan air sungai yang mengalir dari hulu akan menyebabkan banjir di kawasan ini. Keadaan memang dipandang pelik. Cuaca semasa panas, tidak hujan tetapi jalan utama dinaiki air kerana kesan limpahan air sungai sehingga menyebabkan terputus hubungan jalan darat. Hal ini terjadi di penduduk Kampung Belimbing dan juga sepanjang tebat menuju ke Kampung Teluk.

Yang Berhormat Speaker,

Ramai juga yang menyuarakan rasa bimbang dan er... kebimbangan mereka mengenai permohonan tanah yang telah dibuat sejak sekian lama. Pertama, mereka memohon yang sudah... permohonan yang sudah bertahun-tahun mohon geran. Namun sehingga hari ini mereka masih belum menerima keputusan muktamad. Mereka mengusahakan tanah-tanah tersebut. Mereka menjaga kawasan itu tetapi dokumen hak milik masih belum mereka perolehi.

Yang kedua, ada juga permohonan yang telah lama diserah tetapi tidak menerima apa-apa maklum balas. Rakyat hanya mahu tahu kedudukan permohonan mereka sama ada diterima, ditolak atau memerlukan dokumen tambahan. Namun, apabila tiada maklum balas, mereka berada dalam keadaan serba tidak pasti.

Ketiga, terdapat juga permohonan yang dimaklumkan kepada mereka sebagai masih dalam proses, dalam... selama bertahun-tahun. Saya percaya semua proses pentadbiran memerlukan masa tetapi apabila proses itu berlaku lama tanpa perkembangan, rakyat mula merasa bimbang dan tertanya-tanya. Saya yakin pihak kerajaan dan jabatan berkaitan sentiasa berusaha memberi perkhidmatan yang

terbaik kepada rakyat. Cuma apakah mekanisme yang pihak kerajaan cuba sediakan bagi mengatasi masalah ini?

Yang Berhormat Speaker,

Yang terakhir. Antara isu yang sering saya sebut di dalam perbahasan saya tidak putus iaitu isu anjing liar. Kesekian kalinya saya berbunyi lagi, beberapa er... berapa lama lagi rakyat kita mahu hidup dalam ketakutan. Anjing liar masih berkeliaran di kawasan perumahan dan juga kampung. Hal ini menjadikan kebimbangan dan menakutkan seluruh lapisan masyarakat tidak kira kanak-kanak, warga emas, wanita mahupun lelaki. Masalah ini telah berlarutan terlalu lama. Laporan telah tidak henti dibuat, dengan harapan ada tindakan yang baik dilakukan agar mengatasi masalah anjing liar ini.

Saya sangat-sangat berharap agar pihak kerajaan mengambil tindakan *drastik* dan bersepadu bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan dengan segera. Tambahan pula, sekarang saya mendapat laporan daripada penduduk kampung, berkenaan timbul pula masalah monyet yang juga menjadi ancaman ketenteraman kepada mereka. Besar harapan kami agar pihak kerajaan dapat memberi solusi untuk kami keluar dari masalah haiwan liar ini, yang menjadi ancaman keselamatan dan ketenteraman kepada kami.

Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua agensi-agensi yang terlibat membantu memudahkan urusan rakyat dan menjalankan tanggungjawab yang amanah. Dan tahniah kepada agensi-agensi yang terlibat dalam menyediakan belanjawan yang dikira baik untuk dinikmati untuk seluruh rakyat Pahang.

Kain batik disiat-siat,
Dibuat jemuran di bawah kolong,
Belanjawan khas untuk rakyat,
Pulau Manis mohon menyokong.

Wallahualam. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Pulau Manis. Seterusnya saya menjemput ahli yang terakhir bagi sesi petang ini iaitu Ahli Yang Dilantik, sila.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih er... Yang Berhormat er... Tuan Speaker, Timbalan Speaker. Assalamualaikum WBT. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas ruangan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 atau yang lebih dikenali sebagai Belanjawan 2026, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang pada 5 Disember yang lalu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang, yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang, yang mencatatkan belanjawan lebihan pada tahun 2026 iaitu sebanyak RM5 juta. Pencapaian

membanggakan ini telah diperolehi pada tahun 2024 dan 2025 iaitu lebihan sebanyak RM12 juta.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, saya nak mulakan perbahasan saya dengan memetik falsafah pemikiran Ibnu Khaldun, yang membicarakan apa yang disebut sebagai Maqasid Umran. Iaitu salah satu dari cabang penting dalam kerangka Maqasid Syar'iyyah iaitu membangunkan tamadun manusia dan masyarakat yang sejahtera. Maqasid Umran bererti pembinaan masyarakat yang berperadaban, maju, bukan sekadar kemajuan fizikal, tetapi juga menjamin kesejahteraan hubungan di antara manusia dengan tuhan, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam ini [Ayat Al-Quran]. Mereka ditimpakan kehinaan dari segala urusan, di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia.

Yang Berhormat Speaker yang dikasihi,

Mentadbir alam ini berdasarkan Maqasid Umran, adalah satu pemerintahan yang menekankan kestabilan politik dan keadilan sosial. Pemimpin pula adalah pemimpin yang adil, amanah dan tidak menzalimi rakyat. Saya percaya prinsip inilah yang cuba digarap oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dalam pembentangan Belanjawan 2026 kali ini.

Ahli-ahli Dewan yang dikasihi sekalian, seperti yang banyak disebut oleh rakan-rakan Ahli Dewan. Belanjawan 2026 adalah belanjawan tanpa defisit. Saya nak ajak seluruh rakyat Pahang membuat beberapa analisa belanjawan negeri-negeri, sebagai perbandingan kekuatan kewangan Pahang.

Pertama, mari kita lihat belanjawan di negeri Selangor. Belanjawan Selangor 2026, pendapatan mereka berjumlah RM2.8 bilion dan anggaran perbelanjaan sebanyak RM3.23 bilion. Maka perbelanjaan atau Belanjawan Selangor 2026 adalah belanjawan defisit sebanyak RM430 juta. Inilah keberanian Selangor, membentangkan belanjawan defisit untuk merancakkan ekonomi mereka. Mereka berani kerana mereka ada rizab yang kukuh. Sehingga 31 Disember 2024, rizab mereka telah merekodkan angka RM4.13 bilion. Bagi tahun 2025, sehingga 12 November lalu sahaja, kedudukan kewangan mereka terus meningkat sebanyak RM706.23 juta menjadikan rizab semasa mereka, sebanyak RM4.83 bilion. Maka belanjawan defisit sebanyak RM430 juta itu apalah sangat.

Manakala Pahang telah mencatatkan bajet surplus atau lebihan menunjukkan kekuatan ekonomi Pahang. Walaupun tidak sebesar pendapatan negeri Selangor yang mempunyai skala ekonomi yang lebih besar dan beragam, perbelanjaan mengurus telah menunjukkan bahawa kewangan Pahang diurus dengan penuh hemah. Malah, rizab negeri Pahang pada hari ini, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, berjumlah RM500 juta. [Ahli Dewan menepuk meja]. Sudah tentu sidang er... Yang Berhormat sekalian, bukanlah kayu pengukur dengan Kerajaan Negeri Selangor, tetapi tidak salah untuk kita melihat pencapaian mereka, sebagai penanda aras untuk Pahang melangkah ke negeri maju.

Yang kedua, mari kita lihat pula belanjawan negeri jiran kita iaitu Kelantan dan Terengganu. Kelantan membentangkan belanjawan defisit pada tahun 2026 sebanyak RM86.2 juta dan pada tahun 2025 defisit RM93.02 juta. Kelantan gagal keluar daripada perbelanjaan defisit dan disebutkan oleh Urus Setia Penerangan Komunikasi Negeri Kelantan pada 11 November lalu, bahawa hanya defisit mereka sahaja yang

menurun. Mereka gagal untuk keluar daripada perbelanjaan defisit tahun-tahun sebelum ini.

Terengganu pula, mereka telah membentangkan belanjawan surplus, ya belanjawan surplus. Namun, kalau kita lihat pendapatan mereka, hampir 85% pendapatan hasil negeri dan terimaan bukan hasil cukai, mereka terima daripada Dana Khas Petroleum yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat, berjumlah RM1.709 bilion berbanding hasil cukai dan bukan cukai yang hanya 28… RM288.6 juta, menyebabkan ekonomi Terengganu ini rapuh dan mudah terdedah kepada ketidaktentuan pasaran.

Berbeza di Pahang, kekuatan pendapatan negeri tidak bergantung kepada kerajaan persekutuan semata-mata. Ini terbukti Kerajaan Pahang berupaya memberikan sejumlah 2 bulan gaji kepada kakitangan Kerajaan Negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] berbanding kerajaan Kelantan dan Terengganu yang hanya memberikan RM500.00 saja kepada kakitangan mereka. Pencapaian membanggakan ini telah melonjakkan Pahang mencatatkan pertumbuhan keluaran negara kasar 5.7% melepasi paras nasional 5.1 dengan nilai RM68.7 billon berbanding pertama negeri Kedah hanya 4.2%, Terengganu 4.5%, Kelantan 3.6% dan Perlis 3.3%.
Nah! Sekarang hidangan di hadapan kita. Tepuk dada, tanya iman dan selera kita. Kita nak ikut, kita nak Pahang ikut *style* Terengganu dan Kelantan, ataupun kita nak ikut cara dan peradaban kita sendiri dalam mensejahterakan rakyat di negeri Pahang. Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, atau kita mahu teladani 6 negeri yang menjadi penyumbang tertinggi kepada KDNK Nasional, iaitu sebanyak 73.4% seperti Selangor, Kuala Lumpur, Sarawak, Pulau Pinang dan Perak. Semua ini diperintah oleh parti komponen Kerajaan Perpaduan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, saya sangat tertarik, dengan pembentangan belanjawan yang memperuntukkan sebanyak RM235.95 juta secara tunggal, untuk perbelanjaan memperteguhkan syariah Islam, Syiar Islam di negeri Pahang. Sekali lagi, mari kita bandingkan dengan negeri rakan kita iaitu Kelantan dan Terengganu. Kelantan, membelanjakan RM150.77 juta. Manakala Terengganu tidak dinyatakan secara spesifik dalam Belanjawan 2026 mereka, tetapi hanya menyatakan perbelanjaan sosial mereka sahaja sebanyak RM323 juta. Tidak dinyatakan secara spesifik berbanding dengan Pahang, yang menyebutkan peruntukan secara tunggal untuk Islam sebanyak RM235.95 juta. [Ahli Dewan Tepuk Meja].

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, perjalanan perkembangan Islam di Pahang sangat subur. Dewan kita ini telah menyaksikan sejarah meluluskan penubuhan mahkamah utama Syariah dan untuk rekod Sidang Dewan sekalian, hanya Pah… hanya Perak, Sabah, Kedah dan Negeri Sembilan sahaja yang mempunyai mahkamah utama syariah ini. Kelantan dan Terengganu pun tidak ada lagi mahkamah utama syariah ini.

Kedua, pemberian sumbangan khas sebanyak RM10,000.00 setiap masjid di Pahang. Saya tidak kedengaran bantuan dan masjid isu untuk masjid dan surau di Terengganu dan Kelantan. Di Pahang, sebanyak 265 buah masjid mendapat bajet keseluruhan sebanyak RM2.65 juta. Ke-3, kita ada institusi pendidikan yang sistematik bermula dari Sekolah Rendah Agama, Sekolah Menengah Agama Bantuan Penuh Kerajaan Negeri dan Sekolah Tinggi Agama. Ramai Yang Berhormat adalah merupakan keluaran Sekolah Agama... Sekolah Agama Negeri Pahang seperti Yang Berhormat Exco Agama, YB Cheka…

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Ada soalan sikit, Speaker?

(ADUN YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Sila.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Jadi saya nak bagi satu cadanganlah kepada Yang Berhormat Lantikan, dia banyak menyebut tentang Kelantan, Terengganu. Jadi saya nak ajak Yang Berhormat Lantikan ini satu hari kita berjumpa dengan Kerajaan Terengganu untuk kita... kita... diperhidangkan pada kita, apakah betul kenyataan yang disebutkan tadi? Ada masa Yang Berhormat?

(ADUN YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Boleh... boleh... boleh.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Ha... boleh.

(ADUN YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tawar. Yang Berhormat Pulau Tawar juga adalah Sekolah Agama Negeri Pahang. Produk Negeri Pahang, sama-sama dengan saya.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Speaker...

(ADUN YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Ada lagi?

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Sekolah Menengah Agama Abu Bakar dan Kuliah Sultan Abu Bakar, sekali dengan dia.

(ADUN YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Ya. Sekolah Tinggi Sultan Abu Bakar tapi saya sekejap jelah 6 bulan lepas tu dapat masuk UIA. Baik, saya nak sebut kepada Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian. Pahang juga mempunyai Maahad Tahfiz Negeri Pahang. Sekolah terbaik di negeri Pahang dan sehingga kini, (Ahli Dewan menepuk dewan) pencapaian SPM 2023 di Pahang adalah pencapaian yang… pencapaian terbaik sehingga beberapa tahun. Malah di peringkat kebangsaan Maahad Tahfiz Negeri Pahang ini berada dalam kelompok 5 yang teratas dalam ranking kebangsaan sehingga kini. Kita telah ada juga Tadika Hafiz MTNP Negeri Pahang. Alhamdulillah, saya ada anak seorang di Maahad Tahfiz Negeri Pahang ni dan yang terakhir yang baru kita isytiharkan baru-baru ini dalam Belanjawan 2026 ialah penubuhan Universiti Al-Quran yang pertama di Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Usaha berterusan Kerajaan Pahang ini membuktikan kesungguhan kerajaan sebagai satu usaha besar memartabatkan Islam sebagaimana juga kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM2.6 bilion perbelanjaan untuk Syiar Islam di Malaysia dalam Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan baru-baru ini. Islam di Pahang diterap dan dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab tanpa kita perlu ada slogan-slogan yang sedap didengar di halwa telinga kita.

Walau bagaimanapun, saya percaya usaha ini ditohmah dengan pelbagai kempen dan gambaran dusta terutama dalam siri-siri pilihan raya untuk mendapatkan kuasa. Apakan tidak dalam pilihan raya umum yang lalu, negara kita digambarkan berlakunya proses kristianisasi di Malaysia. Sekiranya Perikatan Nasional kalah seperti dalam ucapan Tan Sri Muhyiddin pada tahun 2022, aset Tabung Haji kononnya telah dijual kepada bukan Islam, Melayu terancam, tanah rizab Melayu di Pahang semakin berkurangan. Saya nak tanya Sidang Dewan sekalian, masjid mana yang kita bakar, sekolah mana yang kita tutup? Di mana kita halau orang Melayu di Pahang yang menduduki tanah mereka yang sah?

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang yang lebih berfokus pada kali ini dengan memperuntukkan sebanyak RM68.63 juta sebagai memperkasakan agenda keterjaminan makanan di Pahang. Saya ingin menjemput Ahli Dewan sekalian supaya sama-sama kita melihat di dalam bajet yang telah dibentangkan bahawa kepentingan keterjaminan makanan di Pahang adalah sebagai *food security* seperti pengeluaran padi dan beras. Saya melihat kali ini isu padi dan beras perlu disentuh dengan lebih jelas.

Yang Berhormat Speaker,

Kita baru sahaja pulih dari krisis beras yang sedang melanda negara ini. Ketika itu, ada yang memainkan sentimen, mana beras tempatan tetapi alhamdulillah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di bawah kepimpinan presiden saya, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang. Kerajaan kita berjaya menyelesaikan keperluan pembekalan beras tempatan di Pahang ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah mengorak langkah proaktif dengan mengeluarkan beras Pahang yang dilancarkan pada 16 haribulan 8 2025 ketika Mini MAHA Pahang lalu di Temerloh.

Pengeluaran beras Pahang yang ditanam di kawasan Jelapang Padi Ganchong dengan keluasan 161 hektar menggunakan benih variati EMR 269 dan boleh dituai setiap 2 kali setahun. Manakala kilang menghasilkan beras Pahang ini pula terletak di Rompin, Pahang. Saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri, adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menjadikan beras Pahang ini sebagai satu bentuk komoditi dan produk Pahang yang akan dipasarkan dengan harga yang lebih rendah dari beras tempatan atau sekurang-kurangnya harga beras import di pasaran?

Yang Berhormat Speaker,

Selain daripada itu, saya ada 2 isu penting berkaitan dengan *food security* ini. Pertama, adalah pengeluaran benih padi. Kita terpaksa mengimport benih padi dari negeri lain sama ada dari Loji Haji Mat Noh, Sekinchan, Selangor atau dari kawasan tanaman padi di Sungai Burung atau juga mungkin kita terpaksa mengimport benih padi daripada di negeri-negeri utara seperti Kilang Sri Merbok, Kilang 88 di Kedah. Dulunya pesawah di Pahang ini kita akan ambil benih daripada Ajil, Terengganu tetapi pusat pembenihan tersebut telah ditutup. Pesawah kita sangat bermasalah apabila pembekal benih padi di Selangor dan Kedah ini kurang melayani pesawah Pahang dan hanya akan mengutamakan kawasan Selangor, Seberang Perak negeri utara yang lebih hampir dengan mereka. Kesan besar pesawah Pahang menghadapi masalah bekalan benih. Tambahan pula, kos pengangkutan dari Selangor dan Kedah. Selain itu juga terdapat masalah pengeluaran borang SAP 10 iaitu Surat Akuan Pengesanan Benih Padi bagi tujuan membawa benih padi ke Pahang. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina satu nurseri benih padi di Pahang sebagai pusat pengeluaran benih padi.

Kedua, pesawah berhadapan dengan kadar pemotongan peratusan yang tinggi untuk setiap beras yang dijual. Padi yang dengan kualiti yang elok biasanya akan ditolak sekitar 19% dan paling tinggi 25%. Namun hari ini padi yang dijual termasuk kepada pihak BERNAS dikenakan potongan sehingga 30 hingga 40% pada musim ini. Keadaan ini telah menyebabkan pesawah kita mengalami kerugian terutama sepanjang tempoh tanaman sehinggalah kepada proses tuaian melibatkan kos baja, racun dan juga kos tenaga buruh. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri walaupun terletak dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan. Adakah kerajaan negeri dapat menjadi *mediator* antara Kerajaan Persekutuan dengan para pesawah bagi membolehkan para pesawah Pahang menikmati kadar potongan yang lebih sesuai atau satu inisiatif khusus diberikan kepada pesawah sebagai satu mitigasi terhadap isu ini?

Ketiga, Pahang mempunyai 2 kawasan jelapang padi iaitu di Pekan dan di Rompin di mana saya difahamkan telah mengimport budi daya dan cara menanam padi. Apa yang dipanggil sebagai *smart* sawah berskala besar. *Smart* SBB ala Sekinchan bagi meningkatkan hasil padi sehingga 7 ke 10 tan satu hektar. Namun, di kedua-dua kawasan ini masih terbanyak… masih banyak kawasan terbiar yang boleh kita bangunkan secara strategik sebagai kawasan sawah padi terutama di kawasan berpaya. Soalan saya, adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuka kawasan-kawasan terbiar ini sama ada secara sendiri atau pajakan dengan pihak tertentu bagi tujuan penanaman padi ini?

Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Saya melihat belanjawan kali ini memperuntukkan sejumlah besar sebanyak RM716.05 juta bagi projek pembekalan air di Pahang. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana isu gangguan bekalan air ini di Pahang semakin pulih dan banyak penambahan... penambahbaikan

berupa loji, penggantian paip-paip baru yang telah dilakukan hampir di seluruh negeri Pahang. Saya... sidang hadirin sekalian hampir menitiskan air mata apabila saya berada di DUN Sulabayan, Sabah baharu-baharu ini. Ketika bekalan air sangat menyedihkan di Pulau Bum-Bum terutama apabila berada di masjid di sana. Ada kawasan terpaksa menggali kawasan secara boring bagi mendapatkan air bersih. Itu pun masih terasa payau kerana dikelilingi laut yang sangat luas.

Saya sebenarnya er… Yang Amat Berhormat Speaker pada hari ini bercadang untuk mengangkat satu masalah di tempat lahir saya di Kuala Rompin iaitu berhubung dengan isu gangguan bekalan air yang kerap berlaku. Bukan di daerah Rompin tapi hanya di kawasan Sekolah Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah, Rompin. Ia tidak disebabkan oleh bekalan air, ketiadaan air secara berpusat tetapi lebih kepada masalah yang berlaku dalam KVSAS tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, pihak kerajaan telah menggantikan… menggantikan pam utama yang membekalkan air ke seluruh kawasan tersebut. Alhamdulillah, namun timbul masalah baharu iaitu paip yang menghubungkan pam utama kepada pengguna-pengguna di sekitar kawasan sekolah tersebut mengalami kebocoran demi kebocoran. Ini adalah kerana keadaan paip asbestos yang telah uzur yang dipasang sejak sekolah ini dibina pada tahun 1980an. Mungkin juga kerana tekanan air yang telah terlalu kuat akibat dari penukaran pam baru di sekolah tersebut.

Saya juga baru-baru ini terpaksa menghantar air mineral dan membayar sejumlah air untuk disewa, dibeli daripada pihak PAIP kepada pihak sekolah tersebut. Soalan saya kepada kerajaan negeri, adakah kerajaan negeri bercadang untuk memasang paip-paip baharu di kawasan KVSAS tersebut. Walaupun saya faham bahawa bidang kuasa tersebut adalah terletak di bawah Kementerian Pendidikan.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, sepanjang saya mengikuti perbahasan dalam Dewan pada kali ini. Saya dapat lihat bahawa banyak isu-isu tempatan dibawa oleh kawasan masing- masing. Pagi tadi Tahan minta *aircond* di Dewan Penghulu Raja dalam DUN Tahan ni Jengka ni dia cadang nak buat jalan dalam dia… apa dia buat TikTok dia kata di tepi jalan tu? Ini kawasan alhamdulillah, terima kasih kepada majlis sebab buat jalan dalam kawasan dia, tapi saya tak kadang-kadang Jengka ni saya tak faham juga. 2 kali dah saya tengok setiap kali saya berbahas dia tak ada dekat… dekat… dekat sini. Saya percaya semua soalan-soalan yang telah dikemukakan tersebut adalah soalan yang baik untuk kepentingan rakyat. Tadi pun saya dengar ada isu tentang anjing liar, isu monyet dan sebagainya.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya faham itu adalah antara soalan-soalan baik untuk kita angkat isu rakyat di kawasan kita. Namun, saya percaya sudah sampai masa untuk kita bergerak seiring dengan perkembangan transformasi Parlimen yang telah dilaksanakan. Saya mencadangkan agar DUN Pahang mengadakan kamar khas yang akan membincangkan aduan rakyat secara spesifik seperti fungsi Kamar Khas di Parlimen. Ia adalah forum mengumpulkan aduan-aduan agensi dan agensi berkaitan akan hadir menjawab terus aduan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tak perlulah kita ambil masa yang lama dalam Dewan ini yang sepatutnya menumpukan kepada prinsip dasar dan juga undang-undang di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, rakyat menilai kejujuran dan membezakan antara ahli politik yang sentiasa bermain politik dan mereka yang

bersusah payah memikirkan rakyat dan negeri ini. Belanjawan 2026 bukan hanya idea seorang Menteri Besar sahaja tetapi ia kerja kuat semua pihak. Semua melaksanakan tanggungjawab berharap di dunia ini, mereka menjadi pentadbir dan di akhirat nanti mereka akan mendapat syurga Allah SWT (Bacaan dalam Bahasa Arab), "Allah mentadbirkan makhluk-makhlukNya bagi melaksanakan pentadbiranNya. Ia menurunkan segala sebab dan peraturan dari langit ke bumi, kemudian diangkat naik kepada pengetahuanNya. Segala yang berlaku dari pelaksanaan pentadbiranNya itu untuk dihakimi pada suatu masa yang dirasai oleh orang-orang yang bersalah. Banyak bilangan tahunnya menurut hitungan yang kamu telah biasa".

Yang Berhormat Speaker,

Saya sangat yakin pada hari ini rakyat sudah mula menilai. Jika dulu sentimen kaum memanaskan isu-isu agama dengan ancaman tertentu, Islam terancam, nak azan tak boleh. Hari ini sudah berbeza. Saya tidak anggap Belanjawan 2026 ini sebagai kitab suci ataupun terlalu lengkap dan sempurna. Ia adalah *man-made law* tetapi menganggap belanjawan ini sebagai bajet pilihan raya yang menggula-gulakan golongan yang mendapat manfaat sangat melukakan hari mereka. Kita tahu kakitangan kerajaan yang duduk di atas sana. Saya lihat ada yang tersengguk-sengguk kepenatan di wajah mereka. Mereka ada anak buah yang nak dijaga.
Jumlah 2 bulan gaji bukanlah sebesar mana nak dibandingkan dengan pengorbanan mereka. Ia tidaklah seberapa tetapi sekurang-kurangnya ada buah tangan yang nak dibawa balik kepada anak-anak dan isteri mereka yang berkorban, berkongsi suami dan ayah mereka dengan negeri kita ini. Begitu juga peniaga-peniaga kecil yang mendapat manfaat yang dapat Rumah Rakyat Pahang percuma, yang dapat peralatan sekolah percuma sehinggalah yang dapat makan percuma Juadah Makmur, semuanya mendapat manfaat dengan usaha dan Belanjawan Negeri Pahang pada hari ini. [Ahli Dewan menepuk meja]. Benarlah kata-kata Allah SWT (bacaan dalam Bahasa Arab), "negeri yang baik, negeri yang aman dan makmur mendapat pengampunan daripada Allah SWT".

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sikit lagi. Saya ingin mengajak semua Ahli Yang Berhormat semua agar kita jujur demi negeri yang kita sayangi ini. Sudah lama politik menjadikan kita buta. Jangan hanya kerana kebaikan dilakukan oleh musuh politik kita, maka kita mencari-cari di mana salahnya supaya kita akan ada modal untuk terus bermusuhan. Kenapa kena ada *dual standard* dalam kita menangani isu-isu? Kita pilih isu yang menguntungkan kita. Isu yang sedap kita nak tunggang dan akan kita gunakan untuk rosakkan usaha kerajaan negeri dan kerajaan pusat membangunkan negeri ini.
Sebagai contoh, saya beri sedikit pada petang ini ada yang membangkitkan kononnya kerajaan hari ini menjual MAHB kepada Black Rock yang kononnya pada hari ni dibeli oleh Israel syarikat Israel. Tapi kita lupa pada tahun 2021, kerajaan ketika itu Kerajaan Perikatan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah melabur dalam Black Rock sebagai salah satu pengurus dana akaun terurus berasingan, pelaburan langsung dan pelaburan bersama ekuiti persendirian patuh syariah yang pertama dan terbesar di dunia dengan peruntukan 600 juta iaitu RM2.5 bilion, AS600 juta bersamaan dengan RM2.5 bilion dalam Black Rock. Dia lupa keputusan penting yang dibuat oleh kerajaan ketika itu yang diberi peranan kepada Black Rock. Ada pula di kalangan pembangkang yang tunggang isu Kampung Baru, tapi mereka lupa Warta Kerajaan bertarikh 21 Jun 2021. Siapa yang *sign* pada tahun 2021 tersebut tetapi mereka menyalahkan kerajaan pada hari ini.

Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Speaker, akhirnya marilah kita berpolitik secara matang dan sejahtera. Bajet yang baik dan memberi faedah kepada rakyat. Kita kata bajet pilihan raya dan gula-gulakan rakyat untuk mengekalkan kuasa. Tapi bila bajet ada cukai-cukai kita kata ia zalimi rakyat. Akhirnya, marilah kita berganding tangan bersama-sama memajukan negara dan negeri kita ini. Ayuh rakyat Pahang. Inilah semangat kita. Semangat Pahang juara rakyat dan Malaysia hebat. Negeri yang bukan hanya sedang maju tetapi memimpin dengan makna, mencipta dengan hikmah dan bangkit dengan maruah. Sekian, assalamualaikum WBT. Saya mohon menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli daripada ADUN Yang Dilantik. Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini, saya perhatikan bahawa seramai 13 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, baiklah persidangan kita akan disambung pada hari esok, Rabu, 10 Disember 2025 bermula pukul 9.30 pagi, insya-Allah. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEEMPAT
10 DISEMBER 2025 (RABU)

KANDUNGAN

HARI KEEMPAT: 10 DISEMBER 2025 (RABU)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 45
4.	SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026	45 - 85
5.	PENEMPOHAN	85

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 10 DISEMBER 2025 (RABU)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. **YB Speaker Dewan Negeri Pahang.**		
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. **1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan** **2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**	-	Jelai
YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang**	-	Kerdau
YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang**	-	Peramu Jaya
YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai
YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum
YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Ketiga	:	Rabu 10 Disember 2025 bersamaan 19 Jamadilakhir 1447 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

Bacaan doa. Al-Fatihah. (Ayat Al-Quran). (Bacaan dalam Bahasa Arab). Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani. Kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan Taufik-Mu dipohonkan menyuluh memandu ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Marilah kita bersama-sama bersyukur kerana kita dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini. Seterusnya dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang melaksanakan Program Kempen Internet Selamat (KIS) yang sedang giat dijalankan di seluruh negara. Kempen Internet Selamat (KIS) ini adalah inisiatif... inisiatif nasional bagi meningkatkan tahap kesedaran keselamatan digital dan kalangan rakyat Malaysia. Seterusnya membentuk persekitaran digital yang selamat, beretika dan bertanggungjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengimbas kod *QR* sebagaimana pemberitahu yang telah diedarkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi mendapatkan info yang lebih terperinci. Untuk maklumat kaunter reruai ini dibuka selama satu hari sahaja pada hari ini bertempat di ruang lobi Blok A, Wisma Sri Pahang bermula 10.00 pagi hingga 4.00 petang. Saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk melawat kaunter berkenaan bagi mengutarakan sebarang masalah dan cadangan

penambahbaikan berkenaan isu capaian internet dan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan masing-masing.

Baiklah, untuk meneruskan aturcara urusan mesyuarat yang seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Beserah mengemukakan pertanyaan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya kemukakan soalan saya yang nombor 1. Terima kasih.

> [Bagi tahun 2022 hingga 2025, apakah lima sumber hasil terbesar Negeri Pahang?
>
> Untuk setiap tahun, nyatakan:
>
> a) Jumlah kutipan dan peratus sumbangan kepada hasil keseluruhan;
>
> b) Jumlah tunggakan pada hujung tahun bagi setiap sumber.
>
> c) Berapa jumlah hasil tidak berulang (contoh: premium tanah sekali sahaja, pelupusan aset, bayaran penyelesaian) dalam tempoh tersebut?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, selamat pagi, salam Pahang 1st. Terima Kasih Yang Berhormat Speaker, terima Kasih pada ADUN Beserah yang bertanyakan soalan er... berkenaan dengan 5 sumber hasil terbesar negeri Pahang bermula pada tahun 2022 hingga 2025. Ada 3 pecahan soalan yang pertama, jumlah kutipan dan peratus sumbangan kepada keseluruhan. Yang kedua, jumlah tunggakan pada hujung tahun bagi setiap sumber. Yang ketiga, berapakah jumlah hasil tidak berulang seperti premium tanah sekali sahaja pelupusan aset bayaran penyelesaian dalam tempoh tersebut?

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah dan juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain. Kita ada 5 hasil terbesar bagi negeri Pahang untuk tahun 2022 hingga 2025... 2025 sehingga November ya Yang Berhormat er... adalah seperti berikut. Yang pertama ialah cukai tanah yang meliputi cukai tanah semasa, berulang, cukai tanah tahun pertama, cukai tanah pinggiran, cukai petak semasa, tunggakan cukai petak, tunggakan cukai tanah serta cukai tanah yang lain.

Yang kedua ialah royalti yang mana ianya meliputi royalti kayu-kayan, royalti perlombongan, royalti pengeluaran bahan batuan, royalti air, royalti air mentah serta royalti yang lain. Yang ketiga ialah lesen bayaran pendaftaran dan permit yang merekodkan semua terimaan berkenaan lesen-lesen pendaftaran dan permit-permit pelbagai.

Yang keempat, perolehan jualan barang-barang iaitu premium air mentah dan lain lain yang mana ianya meliputi jualan barang-barang cetak dan stor, premium tanah

premium perhutanan, jualan barangan pertanian dan ternakan serta jualan air mentah. Dan yang akhir ialah geran daripada kerajaan persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah, jumlah kutipan dan peratus sumbangan kepada hasil keseluruhan mengikut tahun bagi tahun 2022 hingga 2025 untuk 5 hasil terbesar tersebut adalah seperti berikut. Bagi cukai tanah tahun 2022, RM383,893,899.27 menyumbang sebanyak 29.85% daripada jumlah keseluruhan kutipan. Bagi tahun 2023, RM381,855,757.39 menyumbang sebanyak 29.23%. Manakala bagi tahun 2024, RM396,632,390.47 menyumbang sebanyak 32.49%. Manakala bagi tahun ini 2025 sehingga er... sehingga 7 haribulan 11, kalau tak silap saya. Iaitu sebanyak RM403,704,458.59 menyumbang sebanyak 38%... 38.15% daripada jumlah kutipan.

Manakala royalti pula untuk tahun 2022, RM70,816,034.67 menyumbang 5.51%. 2023, RM81,759.880.32 menyumbang sebanyak 6.26%. 2024, RM79,001,152.81 menyumbang sebanyak 6.47%. Tahun 2025, RM81,111,443.58 menyumbang sebanyak 7.66%. Manakala lesen bayaran pendaftaran dan permit tahun 2022, RM62,412,737.60 menyumbang sebanyak 4.85%. 2023, RM74,784,086.95 menyumbang sebanyak 5.72%. 2024, RM76,214,489.29 menyumbang sebanyak 6.24%. Manakala November, RM66,561,454.24,6.29%.

Yang keempat, perolehan jualan barang. Tahun 2022, RM284,853,321.88 menyumbang sebanyak 22.15%. 2023 RM311,799,940.03 menyumbang sebanyak 23.87%. 2024, RM262,861,590.49 menyumbang sebanyak 21.53%. Bagi tahun ini, RM130,379,234.36 menyumbang sebanyak 12.32%, manakala yang akhir geran daripada kerajaan persekutuan tahun 2022, RM89,030,018.68 menyumbang sebanyak 6.92%. 2023, RM85,717,203.81, 6.56%. Tahun 2024, RM117,906,997.70 menyumbang sebanyak 9.66% manakala tahun ini sebanyak RM81,137,491.50 menyumbang 7.66%.

Jadi secara keseluruhannya Yang Berhormat daripada Beserah untuk makluman tahun 2022, RM891,006,012.10**,** tahun 2023 RM935,916,868.50, tahun 2024 RM932,616,620.76 dan tahun ini setakat er... bulan 11 belum habis... setakat bulan 11, RM762,894,078.27. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, untuk kelima-lima hasil ini hanya cukai tanah sahaja yang mempunyai tunggakan pada penghujung tahun. Jumlah tunggakan cukai tanah mengikut tahun daripada tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti berikut tapi walau bagaimanapun, saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat pada 2021 tunggakan kita adalah sebanyak RM1.1 bilion tetapi selepas tahun 2021, pada tahun 2022 tunggakan kita RM483 juta, tahun 2023 RM525 juta, 2024 RM635 juta dan pada tahun ini sehingga bulan 10, RM376 juta. Dan insya-Allah pada tahun hadapan kita akan fokus kepada usaha untuk mengutipkan tunggakan dan saya er... percaya usaha-usaha akan lebih kita giatkan untuk tahun akan datang dan usaha untuk mengutip tunggakan ini bukanlah satu perkara yang mudah. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada pihak PTG kerana mampu mengurangkan daripada RM1.1 bilion kepada lebih kurang 50% tunggakan dan usaha-usaha ini akan diteruskan lagi untuk masa-masa yang akan datang. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang ketiga, berapakah jumlah hasil tidak berulang? Secara umumnya, hasil tidak berulang meliputi transaksi khusus seperti pelupusan aset kerajaan, penjualan tanah, penyelesaian tuntutan atau litigasi, penerimaan pampasan projek pembangunan, keuntungan, pelupusan, pelaburan serta apa apa penerimaan khas yang berlaku

disebabkan keadaan tertentu pada tahun berkenaan. Dalam hal ini, bagi tahun 2022 hingga 2024, hasil tidak berulang adalah kutipan premium, denda premium, fi pengurangan premium yang telah dibayar secara *one-off* seperti berikut. Tahun 2022, RM101,605,727.84, tahun 2023, RM164,894,135.17, tahun 2024 RM117,285,066.78. Hasil sebegini digolongkan sebagai hasil yang tidak berulang kerana ia tidak mempunyai corak penerimaan yang tetap dan tidak dapat dijangka jumlahnya pada tahun-tahun kewangan berikutnya.

Bagi tahun 2025 ini pertama kalinya dalam tempoh 4 tahun, kita tiada hasil *one-off* tetapi kita masih mampu mendapat kutipan melebihi RM1 bilion [Ahli Dewan menepuk meja] dan ini jelas menunjukkan bahawa hasil kutipan kita semakin hari semakin stabil Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas jawapan yang sangat terperinci yang diberikan pada soalan ini. Soalan tambahan saya adalah apakah langkah-langkah yang kita telah dan akan ambil untuk mempastikan bahawa 2 sumber utama yang besar kalau kita tengok daripada apa yang dibentangkan sebentar tadi daripada tanah dan juga daripada jualan barang-barang yang menyumbang hampir 60% daripada pendapatan... hasil pendapatan negeri. Apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil untuk yang 3 yang lain?

Royalti, lesen dan juga geran yang boleh membantu meningkatkan lagi pencapaian hasil kepada negeri Pahang. Itu yang pertama. Yang kedua, saya ucap tahniah juga kepada kerajaan negeri sebab berjaya mengurangkan tunggakan daripada 1... dalam tempoh 5 tahun RM1.1 bilion sehingga menjadi RM376 juta pada tahun ini dan er... siapakah sebenarnya yang menjadi antara punca utama tunggakan cukai tanah ini? Adakah milik persendirian ataupun syarikat ataupun datang daripada korporat ataupun koperasi dan sebagainya yang sentiasa memberikan masalah untuk nak membayar cukai tanah ini? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Beserah. Saya jawab soalan nombor 2 dulu Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jawapannya pelbagai. Individu pun ada, korporat pun ada, syarikat pun ada, agensi kerajaan, *federa*l pun ada. Contohnya apa ni FELDA, RISDA, FGV tetapi semuanya telah kita dalam peringkat ada yang telah bayar dan ada juga yang dalam peringkat perbincangan. Manakala peringkat individu kita sedang mengemaskinikan Borang 6A

kita sebab bila kita keluar Borang 6A ni untuk tujuan perampasan, kita tak boleh nak tarik balik. Jadi PTG, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, PTG sedang berusaha supaya sebelum kita mengeluarkan Borang 6A ni, kita akan mengambil langkah-langkah satu sepertimana kita buat *engagement* kepada mereka sebab ramai yang bila kita dah keluar Borang 6A ni baru dia nak bayar. Saya tak tahu sama ada ni tabiat kita ke ataupun memang kita suka mendapat Borang 6A ataupun dia rasa kerajaan ni tidak serius. Jadi, kita sedang perkemaskan Borang 6A dan lain-lain. Kita usaha yang terakhir ialah perampasan tapi kita tak nak pergi sampai ke tahap itulah kita *negotiate* dan sebagainya tetapi kalau sekiranya tidak dibayar, cukai tidak dibayar, tunggakan tidak dibayar, akhirnya kita akan ambil tindakan dan telah pun kita ambil tindakan.

Walau bagaimanapun, sekiranya tindakan diambil mereka masih nak tanah tersebut, dia boleh buat permohonan tapi dikenakan denda. Lazimnya kita bagi baliklah kecuali dia tidak mohon. Kemudian yang langkah-langkah yang diambil ini, banyak ya untuk makluman Yang Berhormat, banyak. Antaranya ialah kita memanggil kembali pegawai-pegawai yang telah bersara di pejabat tanah dan sebagainya supaya duduk sekali dengan kita kerana mereka mempunyai pengalaman. Kita bayar gaji kontrak dan merekalah yang antaranya yang membantu. Selain daripada itu, saya ucapkan syabas dan tahniah juga kepada semua pegawai dan kakitangan pejabat tanah termasuklah pegawai-pegawai daerah [Ahli Dewan menepuk meja] yang bertungkus-lumus berusaha untuk memastikan perundangan ini dapat dijayakan dan ini bukan satu usaha yang mudah, sebab itulah saya tidak teragak-agak bersama-sama dengan rakan Exco dan malahan rakan-rakan daripada Pakatan Harapan pun ada menyatakan kepada saya, Dato' Sri Pengerusi MB sebulan setengah ni saya ingat sudah sampai masanya dinaikkan kepada 2 bulan.

Sebenarnya saya memang dah bincang dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri nak bagi 2 bulan, jadi ingatan tersebut telah mempercepatkan lagi kita buat keputusan supaya bantuan khas kewangan ini diberikan kepada penjawat awam selama 2 bulan. [Ahli Dewan menepuk meja] Ini sebagai menghargai jasa perkhidmatan mereka dan kita tidak ada cara lain untuk membalasnya melainkan dengan cara membagi penghargaan dalam bentuk wang ringgit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, jika boleh tahun depan 2 bulan setengahlah. Alhamdulillah. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya dan rakan-rakan ni bukan setakat 2 bulan setengah, lebih daripada itu kita boleh bagi tetapi tergantung ya tergantung juga bergantung... Exco Kanan [ketawa]... tergantung kepada kedudukan kewangan sebab komitmen kita banyak ya. Kalau setakat nak bagi bantuan khas kewangan kepada penjawat awam je boleh tetapi kita nak jaga juga ibu tunggal, kita nak jaga juga belia, kita nak jaga juga orang sakit, kita nak *repair* juga surau, kita nak er... bagi juga sedikit peruntukan kepada rumah ibadat bukan Islam, jadi komitmen kita banyak. Jadi kita bagi seadanya dan insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, er... Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kedudukan kewangan kita bertambah baik, sepertimana janji kerajaan negeri, janji kerajaan yang ada pada hari ini, kita kembalikan semula kepada rakyat negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila, Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Er... pertama saya ucap tahniah pada kerajaan negeri kerana pencapaian yang agak memberangsangkan. Soalan saya ialah er... berapakah hasil jualan air mentah Pahang ke Selangor? Er... apakah dia *stagnant* dia tetap ataupun jumlah itu dapat ditingkatkan? Yang keduanya, er... TNB banyak menggunakan sumber air daripada Pahang bagi menjana elektrik melalui hidro dan sebagainya. Apakah kerajaan negeri juga mengenakan caj kepada TNB yang mengambil manfaat dengan er… hidro kita?

Dan akhir sikit lagi soalan saya ialah tentang kalau di antara mereka yang lambat bayar cukai ini, kita kenakan denda, kalau sekira mereka bayar lebih awal? Contohnya dua tahun lebih awal pada cukai-cukai tanah supaya kita, apakah pihak kerajaan boleh dapatkan diskaun insentif kepada pembayar yang bayar lebih awal daripada tarikh? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. Sementara saya ingat ini saya nak buat pembetulan Yang Berhormat Speaker boleh tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab er... Yang Berhormat Cheka mengatakan bahawa bonus penjawat awam tahun sebelum ini RM500.00. Sebenarnya 1 bulan setengah bonus penjawat awam yang kerajaan negeri bagi untuk tahun 2023. Bukan RM500.00 ya. Yang itu sebab semasa Yang Berhormat berucap itu mungkin Yang Berhormat teringat Ahli Parlimen kot?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Eh dok, teringat ke Terengganu dengan Kelantan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Teringat ke Terengganu dengan Kelantan agaknya [ketawa]. Sebenar… sebenarnya bukan RM500.00, 1 bulan setengah tahun 20… 20… 2024. Yalah. Sebelum nilah, sebelum ni. Sekarang ni 2 bulan, sebelum itu 1 bulan setengah. Bukan RM500.00 ya. Jadi, saya diminta oleh penjawat awam juga membuat pembetulan. Sebabnya tak adil bagi kerajaan negeri, kerajaan negeri bagi sebulan setengah tapi Yang Berhormat kata RM500.00. Takut orang terke… keliru ya. Tak tahulah kot Yang Berhormat sengaja nak bagi rakyat keliru ke? [Ketawa].

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tidak, saya sebut sebelum-sebelum itu, bukan merujuk pada mana-mana tahun. Saya tidak… tidak spesifik tahun dalam ucapan saya… saya tak sebut tahun. Saya kata sebelum-sebelum itu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Takpe Yang Berhormat rujuk balik er... apa ini ucapan Yang Berhormat. Hansard. Saya, apa dia soalan tadi apa dia? Ha… yang air. Sebelum ni RM0.10 perkiub kita jual kepada Selangor, tetapi hasil perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor, kita dah naik ke tiga… RM0.13. Bermaknanya berlaku peningkatan 30% dan dijangka hasil kita akan meningkat ya er... kepada RM39 juta. Dengan peningkatan, apa ini penjualan air dan Kerajaan Negeri Selangor telah pun setuju.

Yang kedua tadi apa dia Yang Berhormat? Lupa saya, yang kedua dan yang ketiga?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kedua tentang er... kita ada caj tak kepada TNB? Yang…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

B?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

TNB, Tenaga Nasional yang menggunakan hidro kita.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jawapannya ada Yang Berhormat, bukan sahaja air ini, air yang di sungai itu kita tubuh Pahang Water Energy Resources ini pun, siapa yang ambil air sungai pun kita caj. Ini dia fungsinya. Yang Berhormat ADUN Benta. Yang ketiga tadi apa dia?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Insentif cukai, kalau sekiranya ada di antara rakyat yang bayar.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Oh… itu cadangan yang baik. Kita akan pertimbangkan. Kalau sekiranya kita kaji dan teliti, sekiranya mendatangkan faedah kebaikan untuk semua pihak termasuk kerajaan negeri dan juga yang membayar, kita laksanakan. Cadangan yang baik kita terima Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih er....

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, sila.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih er... YB Speaker. Er... sebelum saya tanya soalan tambahan itu saya rasa *statement* daripada Cheka itu patut dia minta maaf dan tarik baliklah sebab dia sebut dalam Dewan ini. Minta dia minta maaf dan tarik baliklah. Sepatutnya, sebab saya tengok 3 tahun kebelakangan ni RM1,200.00 er... bonus kepada kera… pegawai kerajaan. Lepas tu 1 bulan setengah gaji dan tak ada lagi RM500.00 ini sepanjang er... Sidang Ke-15 inilah.

Okey soalan tambahan saya, mohon nyatakan hasil-hasil baharu yang sedang dilaksanakan dan dalam perancangan kerajaan negeri serta apakah impak hasil tersebut terhadap hasil negeri Pahang?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sudah tentulah er... peningkatan kita mendapat RM1 bilion 4 tahun berturut-turut ini, ada perkara-perkara baharu yang boleh mendatangkan hasil kepada kerajaan negeri. Yang pentingnya kita tidak membebankan rakyat. Sebagai contohnya, kalau kita naik cukai tanah tempoh hari, yang 10 ekar tak terlibat, 10 ekar ke bawah, dan juga yang ladang 40 ekar ke bawah tak terlibat. Jadi dalam perkara ini er... tidak ada isulah ya.

Dan hasil-hasil baharu yang pertama sekali ialah dengan kita menu… menubuhkan *State GLC* yang baharu dan sumbangan daripada *State GLC* ini, er… *plus minus average* RM100 jutalah kepada kerajaan negeri. Antara yang kita tubuhkan ialah Pahang Mining Corporation, PahangGO, Pahang… Pahang Corporation, PKCH, er... PPPB (Pengurusan Pasir Pahang Berhad) dan mereka ini menyumbang kepada hasil er... negeri.

Seterusnya, kita juga akan mengenakan cukai kelestarian alam pada kadar RM500.00 iaitu di mana hutan-hutan simpan yang kita batalkan statusnya sebagai hutan simpan kerana kelulusan pemberimilikan tanah, kita akan caj mereka sebanyak RM500.00 dan yang… yang seterusnya ialah er... inilah 2 perkara sahaja yang… yang kita fikirkanlah. Selain daripada kita, kecekapan untuk mengurus ketirisan dan kebocoran, sumbangan *State GLC*, kelestarian dan yang dicadangkan oleh ADUN Cheka tadi mungkin kita boleh pertimbangkan untuk akan datang. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Yang Berhormat Speaker, satu soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Er... saya rasa cukuplah 3 soalan.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Satu, berkait dengan tanah, cukai tanah. Mungkin...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Mohon Yang Amat Berhormat...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Er... sila.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Er... berkenaan dengan er... cukai tanah iaitu status maahad tahfiz ataupun madrasah yang berdaftar dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Pahang berstatus wakaf. Cuma, er... apa yang menjadi dilema kepada pengusaha maahad tahfiz yang nak membina bangunan perlu menukar status tanah tersebut dan er... ini melibatkan cukai atau kos yang agak tinggi. Jadi soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk er... mengecualikan cukai ini sebagai satu sokongan kepada pembangunan Islam di negeri kitalah? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dato’ Sri Speaker, kita akan pertimbangkanlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Dilantik Ketiga.

(AHLI YANG DILANTIK 3)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Terima kasih YB Timbalan Speaker. Soalan saya di pertanyaan nombor 2.

[Apakah langkah strategik dan mekanisme penguatkuasaan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan selaras dengan usaha kerajaan negeri dalam usaha membanteras kegiatan menuba ikan di sungai-sungai kecil, yang boleh menjejaskan ekosistem akuatik serta sumber rezeki nelayan darat? Selain itu, apakah inisiatif pemulihan dan pendidikan komuniti yang sedang dirangka bagi memperkukuhkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan sumber perikanan darat kekal lestari untuk manfaat rakyat pada jangka panjang?]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat er... Yang Berhormat er... Tuan Speaker,

Terima kasih kepada sahabat saya iaitu ADUN Yang Dilantik yang telah menanyakan tentang apakah langkah strategik dan mekanisme penguatkuasaan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan selaras dengan usaha kerajaan negeri untuk membanteras kegiatan menuba ikan dan juga kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan ekosistem dan sumber rezeki nelayan darat? Dan juga menanyakan inisiatif pemulihan dan pendidikan komuniti yang sedang dirangka bagi memperkukuhkan lagi komitmen kerajaan negeri dalam pastikan sumber perikanan darat kita ini lestari dan untuk manfaat rakyat.

Yang Berhormat er... Tuan Speaker,

Untuk makluman ya, kita Pahang ini pendaratan ikan darat ini kiranya nombor dua, yang terbanyak ya. Nombor satu, Perak. Iaitu dalam tahun 2024 sahaja melebihi 2,200 metrik tan yang kita daratkan, yang kita tangkaplah, tetapi nilaian, nilai ikan yang didaratkan di Pahang ini jauh lebih tinggi nilainya berbanding dengan negeri Perak. Sebab apa? Sebab ikan jenis spesies ikan yang didaratkan ini adalah jenis ikan yang nilai dia tinggi. Jelawat, kelah, kerai, patin, tamalian dan lain-lain. Maknanya dalam tahun 2024 nilainya RM64 juta lebih, ni perbandingan. Dan itu sebabnya apabila sahabat saya daripada yang dilantik bertanya apakah langkah-langkah untuk kita pastikan sumber protein daripada ikan darat ini tadi, dapat kita terus kekal lestarikan? Itu satu soalan yang baik. Sebab kita bimbang ada tanggapan di kalangan umum yang tidak faham dan tidak mengerti bahawasanya sumber ikan darat ini adalah sumber yang penting dan kita menjuarainya.

Negeri Pahang, panjangnya sungai negeri Pahang ni 459 km. Sungai Pahang. Itu tak masuk lagi Sungai Jelai. Lebih kurang hampir 100 km. Tak masuk lagi Sungai Tembeling yang hampir 110 km. Negeri Perak kita ada 400 km, Sungai Kelantan 200 lebih km. Sungai Terengganu tak panjang, lebih kurang dalam 18 km. Jadi, di sepanjang kita ambil Sungai Pahang saja. Sumber-sumber ikan darat ini cukup istimewa dan mempunyai nilai yang tinggi. Sebab itu, kita memandang serius sebarang usaha untuk mengancam sumber penting ini. Antaranya menuba, menyemai, meracun dan lain-lainlah.

Jadi ekoran daripada itu, di bawah Jabatan Perikanan Negeri, kita melaksanakan pemantauan. Kuatkuasakan tengok, lihat. Kalau sekiranya ada yang menuba siap kamu. Sebab kerjasama Jabatan Perikanan dengan Unit Penguatkuasaan Negeri dilaksanakan pemantauan. Pergi tengok, *check* semua sekali dan ini usaha yang kita buat. Di samping itu juga, kita nak pastikan ini antara yang mengancam bukan saja tuba, racun dan sebagainya.

Pengimportan ikan spesies asing yang boleh mengancam dan kalau kita lihat misal contohnya, ikan-ikan ini kalau kita tengok dari segi Akta Perikanan tahun 2024 yang dibuat pindaan. Dia ada larangan pengimportan jenis ikan. Kalau ikut dari segi famili ikan yang dilarang ada 2, kalau ikut genus ikan yang dilarang ada 16 kategori dan kalau spesies ikan ada 6 spesies termasuklah ikan yang dinamakan sebagai hemibagrus wyckioides. Lebih kurang gitulah. Yang bahasa mudahnya baung ekor merah. Jenis ikan ni kalau masuk ada yang menceroboh siap, ranap kita. Maknanya ikan-ikan asli yang kita ada yang bernilai tinggi ini tadi akan terancam. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini, YB Dilantik tanya apa langkah-langkah penguatkuasaan kita laksanakan?

Jabatan Perikanan, Unit Penguatkuasaan dia kita semak, kita buat pantau dan kita periksa. Di mana tempatnya? Premis akuarium kedai yang jual ikan di akuarium kita *check*. Baru-baru ini di Kuantan, kita telah membuat satu penguatkuasaan dan menyita premis yang ada di Kuantan. Indera Mahkota di Kampung Tengah dan disitanya ikan. Dia namanya ikan peacock bass, piranha, pictus catfish, family carangidae dan tiger shovelnose catfish. Ikan ini tak reti saya nak terjemah dalam Bahasa Malaysia sebab pakai nama. Kita tangkaplah sitakan dan kita akan kuat kuasa pendakwaan.

Jadi, kita nak ingatkan kepada semua pengusaha, jangan kita hanya mementingkan nilai komersial semata-mata. Tanpa memikirkan masa depan ikan ataupun khazanah warisan kita. Yang ini yang kita nak titik beratkan. Sebab tu saya harap dalam Dewan Yang Mulia ini tidak ada Ahli Dewan yang terkeliru ataupun tak faham bahawasanya ikan asli kita ni penting. Jangan kita lihat jalan potong saja.

Kita nak pastikan Pahang negeri yang makmur ni, sejahtera ni di bawah pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang dan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar akan terus sejahtera dan terus memperkasakan khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai untuk generasi kita akan datang. Sebab itu dalam konteks seumpama ini, kita mengusahakan apakah langkah kerajaan untuk mempastikan supaya kelestarian sumber ikan ini. Kita ada 2 pusat, bukan pusat anu tu, pusat PPA dipanggil.

Yang Berhormat Speaker,

Pusat Pengembangan Akuakultur, satu di Bukit Tinggi, satu lagi di Perlok di kawasan ini, apa nama YB Dilantik di kampung YB ni di Perlok ni, P.E.R.L.O.K, tapi Pelok je la. Kita bahasa kita Pahang kita panggil Pelok. Maknanya ini bahasa Pahang dia ada gitu. Macam contoh, dia kabo hogoh kita faham. Apa nama, kocok bukan bahasa Pahang tu kocok... kocok... bukan bahasa Pahang tu. Perlok... Perlok ni kita ada spesies ikan kelah, ikan jelawat...

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat ADUN Benta, saya tak sempat nak buka Kamus Dewan. Mungkin Yang Berhormat sempat. Apa beza kocok dengan hogoh?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, saya ni bukan pakar bahasa. Ni yang Yang Amat Berhormat Dato' Sri, tapi seingat saya masa di kampung, dia kalau dia hogoh ni, dia hogoh dia pegang ni. Kira dia hogoh macam nak rembas. Kocok ni bahaya sikit [Ahli Dewan ketawa] sebab saya kadang tak berani nak menunjuk. Maknanya kalau air tu ya Dato' Sri, ada botol air.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jangan sampai keluar air.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jangan keluar air. Jadi kocok ni, dia kalau kocok ni gini. Dia tak gini, dia tak kabo kocok gini tak ada. Dia hogoh tu. Tapi kalau kocok ni atas ke bawah atas ke bawah gini, depan ke belakang. Ha... Ni kocok faham tak. Jadi, minta maaflah. Bukan saya... saya bukan pakar bahasa tapi kira yang saya fahamkan begitu. Tak ada apa-apa la. Tapi kiranya, minta maaf.

Jadi, balik kepada tadi kita ada Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA). Di Perlok tu menghasilkan benih-benih ikan. Benih ikan kelah, ada jelawat, ada patin, ada kerai, ada tamalian, jadi makna di situ akan dibekalkan tadi benih-benih ini untuk dilepaskan kepada pengairan awam.

Pengairan awam ni macam... macam apa nama gedung la. Kalau bahasa, macam bahasa canggihnya macam dia kata tasik. Tapi kita orang Pahang panggil gedung je la. Maknanya, air yang tempat bertakung besar sikit tu, dia lepaskan di situ ikan-ikan termasuk la ikan ni apa nama lampam dan sebagainya. Tapi kita lepaskan juga ikan di sungai-sungai Pahang di merata-rata tempat dan yang ini dalam tahun... sejak tahun 2010 lah kita buat ni. Kita buat lama dah ni usaha ni sejak daripada tahun 2010 sehingga sini kita dah lepas 20.8 juta ekor ikan, benih ikan di perairan umum di seluruh negeri Pahang dan dalam tahun 2025 ni sehingga bulan September, jumlah benih ikan yang telah dilepaskan ke perairan umum adalah sebanyak 2.48 juta ekor. Ini termasuk semua ni yang saya sebut tu kelah, kerai, temalian, patin buah, tenggalan, sebarau, baung sungai, lampam sungai, terbul dan udang galah. Tak ada baung ekor merah. Ini ikan kita, ikan asli. Kemudian, yang ini kita buat juga. Dan di samping tu juga kita wujudkan santuari Yang Berhormat Speaker. Santuari… santuari ni Bahasa Inggeris *sanctuary*. Tapi dia telah dibahasamalaysiakan iaitu tempat yang dilindungi.

Kalau kita kata kita nak pergi mana? Santuari maknanya kita buat tempat perlindungan. Tempat perlindungan, maknanya ikan tu kita lindung. Kita ada 6, di mana tempat tu? Tempat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sendiri, Kampung Tanjung Gahai, Kuala Serau ni kawasan ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Di Lubuk Kulit ha itu tiga tempat dia jalan. Kemudian kita ada di Aur Gading. Ini tempat kawasan sahabat saya Padang Tengku. Kemudian kita ada di Tembeling. Ini tempat ini yang ini ADUN Tahan iaitu di Kampung Pagi dan di Kampung Sat ada 6 di bawah Jabatan Perikanan.

Tapi pada masa yang sama dia ada dua di bawah Jabatan PERHILITAN. Satu di Kuala Tahan ini Santuari Kelah. Satu lagi di Relau. Relau ini di belah kawasan Merapoh, kawasan Padang Tengku. Yang ini kita jaga. Maknanya ini usaha kita nampak, usaha kita ni kita buat secara bersungguh-sungguh bukan main-main dan kita usahakan ini sebab kita tahu ini penting. Tidak ada orang lain yang akan bicara atau ambil mudah

untuk kita jaga khazanah penting negeri kita ini selain daripada kita. Sebab itu saya menyeru kepada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, tolonglah kesian kepada Jabatan Perikanan. Siang, malam nak pastikan khazanah penting kita ini dapat terus dipertahan diperkasakan. Usaha-usaha yang dibuat. Kesian tengok muka-muka nelayan-nelayan darat kita, tengok muka dia ha depan tu. *Deme* ni sebenarnya memerlukan usaha kita untuk pastikan sumber yang penting ini dapat terus dipertahankan dan insya-Allah saya yakin usaha yang baik ini akan kita lihat hasilnya di tahun-tahun yang akan datang. Jadi saya rasa saya dah menyentuh mengenai perkara tu. Terima kasih Dato' Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat pihak kerajaan. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Dilantik Ke-4 untuk mengemukakan soalan yang ke-3.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT. Di depan saya ADUN Jengka, soalan saya nombor 3.

> [Apakah perkembangan cadangan penubuhan Universiti al-Quran Pahang dan adakah ianya hanyalah penjenamaan semula UnIPSAS atau ianya satu langkah mengubah landskap dan hala tuju pendidikan al-Quran negara ke peringkat tertinggi?]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, ADUN Lantikan Tioman bertanyakan kepada saya tentang Universiti Islam Sultan Haji Ahmad Shah yang bakal dimasyhurkan sebagai Universiti Al-Quran. Apakah perkembangan dan adakah ia hanya sekadar penjenamaan semula dan adakah ia itu sebagai langkah mengubah landskap semata-mata ataupun ada usaha-usaha untuk menambah baik dari sudut pendidikan dan begitu juga ditanyakan bilakah akan dilaksanakan? Terima kasih saya ucapkan kepada rakan saya, ADUN Lantikan.

Kita bersyukur kepada Allah SWT, satu lagi usaha kerajaan negeri di dalam memperkasakan pendidikan Islam di negeri Pahang ini dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya. Ini sebenarnya adalah ekoran daripada Majlis Tilawah al-Quran yang dianjurkan oleh kerajaan negeri di Dewan Jubli Perak pada 7 Mac 2024 dengan keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah merasmikan majlis berkenaan. Dan Kebawah Duli Paduka Baginda berkenan bertitah memberi cadangan kerana hasil daripada Program Hafazan dan Tilawah al-Quran yang dianjurkan oleh kerajaan negeri, nampak benar Maahad Tahfiz, Maahad Tahfiz sama ada yang telah diusahakan oleh kerajaan negeri, Maahad Tahfiz Profesional, Maahad Tahfiz Turath dan Maahad Tahfiz TVET di bawah Yayasan Pahang dan juga Maahad Tahfiz persendirian, menonjolkan keupayaan anak-anak kita dengan juga keberhasilan Universiti Islam Pahang menghasilkan anak-anak didiknya.

Ditambahkan pula Kebawah Duli Tuanku tengok sendiri bagaimana usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam rangka lawatan beliau ke Universiti Yarmouk, Jordan dan juga Universiti Al-Qarawiyyin di Morocco serta Universiti Al-Azhar di Mesir.

Hubungan ini telah menampakkan keupayaan UnIPSAS dan tahfiz-tahfiz ini untuk dinaiktarafkan. Maka sebab itulah Kebawah Duli Tuanku berkenan untuk bertitah maka universiti Islam ini dinamakan dengan Universiti Al-Quran dan usaha ini dengan titah ini, kerajaan negeri telah meminta Universiti Islam Pahang mengadakan beberapa sidang bengkel sama ada di peringkat negeri oleh unip... unip… UnIPSAS sendiri bersama dengan jenteranya dan juga bengkel bersama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi serta juga dengan universiti-universiti yang ada melibatkan pengajian Islam seumpama UM, UKM dan juga Universiti Sains Malaysia.

Begitu juga dengan pihak JAKIM yang memiliki Darul Quran. Hasil daripada bengkel itu, kita telah berjaya merumuskan satu penjenamaan yang membolehkan UnIPSAS ini mengubah kepada anjakan yang baru kepada Universiti Al-Quran. Dia bukan sekadar penjenamaan semata-mata, bahkan ada satu pengisian-pengisian baru yang bakal cambah di universiti ini sekali gus dapat menyentuh apa yang disebut oleh rakan saya daripada Chenor semalam, bahawasanya percambahan ilmu dari sudut [bahasa Arab] bukan saja [bahasa Arab] yang tercambah daripada Al-Quran itu.

Apa maksud (Bacaan dalam Bahasa Arab) ni dari sudut TVET? Sebab itu universiti ini kita telah mendekati Persatuan Maahad Tahfiz-Maahad Tahfiz Negeri Pahang apabila dia dapat dilaksanakan sahaja, kita akan menawarkan seramai 250 orang pelajar-pelajar tahfiz di negeri Pahang ini di bawah tajaan kerajaan negeri untuk diserapkan di Universiti Islam di bawah naungan APEL untuk mereka mendapatkan pendidikan di situ.

Apa maksudnya TVET ni dia tidak sebab hanya sekadar apa namanya pengetahuan di sudut apa namanya elektrikal dan sebagainya bahkan dia lebih jauh seumpama kata, kalau kita tengok Ibnu Sina, keupayaan beliau menghasilkan ilmu kedoktoran dan perubatan itu hasil daripada renungan beliau di dalam firman Al-Quran itu sendiri. Apabila Allah menyatakan (Ayat Al-Quran) di dalam tubuh kamu, tidakkah kamu teliti? Dari situlah ilmu pembedahan telah dizahirkan oleh Ibnu Sina. Begitu juga kaedah bagaimana untuk mengenal cop jari ini daripada firman Allah SWT (Ayat Al-Quran). Jadi ayat ini menyatakan Allah SWT mampu untuk menyusun semula larik-larik ibu jari. Dari sinilah manusia dapat hasilkan (Bacaan dalam Bahasa Arab) penghasilan ilmu. Bahawasanya ibu jari manusia ini rupanya tak sama. Inilah usaha yang nak dibawa oleh kerajaan negeri sesuai dengan Titah Kebawah Duli Tuanku untuk kita hasilkan daripada Universiti Al-Quran ini nanti, insya-Allah. Maknanya dia bukan sekadar nama, kemudian dia... dia bukan sekadar ubah cat, tukar cat. Tadi cat warna putih, ini nak tukar cat warna hitam. Tidak. Tetapi dia akan ada pengisian baru. Dan insya-Allah benda ini merujuk kepada persoalan yang bilakah dapat dilaksanakan? Kita dengar sendiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mengumumkan Bajet di dalam pembentangan hari Jumaat yang lalu.

Kalau sebelum ini, kita peruntukkan Universiti Islam Pahang ini sebanyak RM12 juta setahun, insya-Allah, dengan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan titah cadangan Kebawah Duli Tuanku serta usaha murni jentera kita di Universiti Islam Pahang ini, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan penambahan bajet kepada RM20 juta [Ahli Dewan menepuk meja] bagi memastikan usaha universiti Quran ini dapat dilaksanakan pada awal Januari ini, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat Exco di atas jawapan yang saya nampak satu er… sinar barulah di negeri Pahang pada hari ini dan saya sebenarnya pada pagi ini, bila lihat Yang Berhormat, Exco bentangkan jawapan berhubung dengan Universiti Al-Quran itu di hadapan seorang Speaker daripada DAP. Jadi itu sejarah baru bagi saya dalam negeri Pahang pada hari ini.

Jadi kalau kita tengok banyak hari ini dalam media sosial, saya tengok dalam TikTok ADUN Jengka ini pun, saya tengok digambarkan seolah-olah bahawa Islam terancang bukan terancang, terancam di Pahang er… dengan adanya DAP, dengan adanya parti-parti dalam kerajaan komponen er… kerajaan perpaduan pada hari ini. Jadi soalan saya, saya nak tanya, ada tak halangan dalam Kerajaan Negeri Pahang ini, saya tengok beri bantuan kepada masjid, laksanakan pula Universiti Al-Quran ini dan banyak usaha-usaha untuk memartabatkan Islam di negeri Pahang?

Jadi ada tak halangan-halangan disebabkan adanya faktor-faktor yang disebutkan saya tadi yang menghalang kerajaan negeri untuk melaksanakan syiar Islam di Pahang ini? Itu sahaja.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Speaker,

Merujuk kepada soalan tambahan yang menarik daripada ADUN Lantikan Tioman ini er… bukan Tioman *sorry*. Astaghfirullahalazim.

,

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSIN

Dimaafkan [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih ADUN Lantikan daripada Rompin. Tentang adakah usaha cadangan kerajaan negeri untuk memperkasakan agama Islam sama ada er… membina enakmen-enakmen yang berkaitan dengan syariah, begitu juga memperkasakan sekolah-sekolah agama, maahad-maahad tahfiz termasuklah juga kita nak memperkasakan Universiti Islam Pahang. Kita di negeri Pahang ini, kita bersyukur kepada Allah SWT. Kita hidupkan konsep apa yang difirmankan oleh Allah SWT itu [Bacaan dalam Bahasa Arab) secara realistik.

Kita tidak jadikan perbezaan bangsa, perbezaan agama, perbezaan kumpulan untuk kita jurangkan. Memanglah berbeza. Mustahil tidak berbeza. Yang ini Melayu, yang itu Cina, yang di sana India. Takkan kita nak kata serupa, tetap berbeza. Itu realiti. Tetapi perbezaan itu kita tak jadikan sebagai teras untuk kita gagal membina negeri Pahang Darul Makmur [Ahli Dewan menepuk meja].

Alhamdulillah, dengan kesaksamaan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan kita dan dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita serta sokongan barisan-barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setiap kali apa yang kita bentangkan sama ada dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, yang berada di dalamnya. Yang Berhormat dari Triang dan Yang Berhormat dari Kuantan, kita mendapat persetujuan sebulat suara tanpa ada sebarang bantahan kerana kita memberi rasional yang terbaik untuk rakyat [Ahli Dewan menepuk meja] negeri Pahang melalui ajaran agama kita, Islam. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Boleh celah sikit? Satu soalan tambahan sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya… tak… tak nak sangat polemik soal parti dalam Dewan ni. Kita di Pahang ni kita banyak maahad tahfiz sama ada swasta ataupun agensi kerajaan. Tapi kita tak ada pusat pengajian hadis. Saya fikir sama ada agensi swasta atau kerajaan, kita tidak fokus soal membangunkan pusat-pusat pengajian hadis ini. Bukan sahaja kerajaan bahkan swasta pun. Persoalan saya ialah apakah inisiatif kerajaan kalau boleh kita wujudkan juga pusat pengajian hadis supaya dia mengimbangi sumber… 2 sumber utama dalam Islam? Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan daripada Cheka. Kita memang memahami apa yang disabdakan oleh Rasulullah [Bacaan dalam Bahasa Arab), Kami tinggalkan kepada kamu wahai umatku, kata Nabi Muhammad, dua perkara. Al-Quran dan sunnah Nabi. Seandainya kamu berpegang kepada 2 perkara itu, kamu tidak akan sesat.

Untuk makluman rakan saya daripada Cheka, cadangan yang sangat baik ini, kita di UnIPSAS, benar kita namakan Universiti Al-Quran tetapi kita ada jurusan hadis. Bahkan Jabatan Mufti Negeri Pahang sentiasa mengadakan kerjasama, Majlis Sama' dan Khatam Hadis daripada Bukhari. Sekarang ini, insya-Allah kita akan berpindah kepada Sunan Sittah yang lain.

Selain daripada itu, hari kelmarin dengan apanya persetujuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, kita telah mengadakan pertemuan dengan salah seorang tokoh yang telah mengadakan Majlis Sama' Al-Hadis di apa namanya? Putrajaya baru-baru ini. Perbincangan bagaimana Maahad Tahfiz yang akan diwujudkan di Padang Tengku, Kuala Lipis, kita jadikan Darul Hadis kepada negeri Pahang [Ahli Dewan

menepuk meja]. Seandainya MMK bersetuju, benda ini akan menjadi satu realiti baru kepada Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Boleh celah sikit? Sikit… terima kasih kepada Yang… YB Speaker. 2 kali nama saya disebut oleh ADUN Lantikan. Semalam pun dia sebut, saya tak ada, pergi keluar sembahyang.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

2 kali dah Yang Berhormat, bukan sekali.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Jadi, saya nak tanyalah. Boleh tak dia buktikan ke saya, video saya yang kata Islam terancam di Pahang?

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Jengka yang mohon daripada saya, boleh dok ADUN apa namanya? [Ahli Dewan ketawa] Daripada… untuk membuktikan itu, maknanya…. maknanya kalaulah ADUN daripada Jengka tidak mengeluarkan kenyataan itu, bererti ADUN Jengka menafikan. Ertinya kerajaan kita di dalam keadaan stabil dan elok [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Boleh celah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila Yang Berhormat Teruntum.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tambah sikit apa yang disuarakan er… dibangkitkan oleh ADUN Lantikan. Dekat buat dasar, masa buat dasar kerajaan dalam MMK, kita 2 ni bukan Islam, tapi kita sokong. Kalau itu baik untuk rakyat Pahang yang beragama Islam, kenapa kita tak sokong? Sokong sajalah. Kita tak pernah bantah pun, kita tak pernah ancam pun. *So* haraplah jangan bangkit ini, kita sokong semua, betul. Tak pernah bantah. 3 tahun, tak pernah bantah satu kali pun. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan daripada kerajaan. Saya… betul, apa yang saya kata dan terima kasih kerana mengiakan apa saya cakap, bahkan saya nak sebut pernah dia tegur saya, kenapa sikit sangat elaun Tok Imam dinaikkan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Ahli… ADUN Kemayan. Sila.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih YB Speaker. Soalan saya soalan nombor 4.

> [Pada tahun 2022 telah dilancarkan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Bandar 34 Bera berjumlah 1,000 unit. Apakah status terkini projek tersebut?]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

(Ayat Al-Quran). Terima kasih kepada ADUN Kemayan mengemukakan soalan nombor 4.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek ini dulu dikenali sebagai Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan hari ini dijenamakan semula kepada kita namakan Program Residensi Rakyat (PRR) dan projek ini telah dipersetujui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 3 September 2024. Dan projek ini diluluskan… yang diluluskan pada Oktober 2022 ini merupakan inisiatif KPKT dan dipantau oleh Jabatan Perumahan Negara dan kerajaan negeri… negeri sendiri juga bertanggungjawab dalam proses pengisian kediaman dan diserahkan kepada LPHP untuk diuruskan selanjutnya.

Untuk makluman ADUN Kemayan, di daerah Bera ini secara keseluruhannya sebanyak 1,643 unit rumah dirancang, dibangunkan termasuklah 5 unit khusus di bawah Skim PRR… Program Residensi Rakyat. Selaras dengan penyelarasan pembangunan yang terkini penyesuaian, komponen PRR ini telah dipinda daripada 1,000 unit kepada 500 unit rumah teres setingkat yang dilengkapi kemudahan asas seperti surau dan juga balai raya dan penyesuaian ini dibuat bagi memastikan pembangunan yang lebih terancang, tersusun dan menepati keperluan setempat.

Projek PRR Bera akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik yang bertanggungjawab sepenuhnya daripada aspek reka bentuk, pembinaan sehinggalah memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan CCC sebelum diserahkan untuk proses pengisian oleh LPHP. Pada masa ini, projek pembinaan PRR ini dalam fasa terakhir proses tender yang melibatkan penilaian teknikal dan kewangan sebelum surat setuju terima atau *letter of award,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebelum *letter of award* dikeluarkan dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada April 2026 tertakluk kepada pemuktamadan tender dan pelantikan kontraktor.

Untuk makluman Dewan juga, sehingga kini sebanyak 4,168 unit PRR telah berjaya disiapkan di seluruh negeri Pahang yang melibatkan nilai pembangunan sebanyak RM148 juta dan KPKT juga telah menyerahkan beberapa projek termasuk PRR Luit dan PRR Pulau Manis dan lebih banyak lagi projek PRR lain dijangka siap untuk diserahkan dalam tempoh yang terdekat.

Setakat 31 Oktober 2025, melalui e-Perumahan Pahang sebanyak 112,391 permohonan telah kita terima daripada seluruh negeri termasuklah 4,337 permohonan daripada daerah Bera dan dari jumlah itu, 650 permohonan adalah untuk Skim PRR, sekali gus menunjukkan minat yang tinggi terhadap perumahan mampu milik ini dan diharapkan projek PRR Bera yang akan dilaksanakan nanti dapat memenuhi keperluan perumahan PRR di daerah Bera. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Kemayan.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan. Er… semalam apa Kuala Sentul ada menyatakan yang ada lebihan rumah daripada analisa dialah. Saya pun pelik juga bila orang *engineering* buat analisa ini, analisa dia tidak lengkap sebab dalam kenyataan dia dalam MalaysiaKini, semalam dia kata pemohon Skim Rumah Pahang perlu tunggu 42 tahun. Itu analisa orang *engineering* tau… kan. Sebab er… kalau kita tengok daripada 100,000 lebih pemohon itu, adakah semuanya layak ataupun adakah semuanya dipertimbangkan? Sebab ini *relate* dengan soalan saya. Sebab tu saya kata kalau tak tahu, tanya pada yang tahu. Lepas ni saya rasalahkan kalau kita belajar *engineering*, dia kalau struktur tu 100 meter… 100 meter, dia tak kira. Kalau orang ekonomi, dia lain. Dia akan tengok semua pemboleh ubah yang ada. Okey.

Soalan saya, selain daripada… er… apakah kelayakan ataupun kriteria bagi pembeli rumah PPR tersebut? Kelayakan ataupun kriteria untuk pemohon Perumahan Residensi tersebut.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih ADUN Kemayan. Untuk makluman sidang Dewan dan Tuan Yang di-Pertua. Antara syarat-syarat kelayakan untuk memiliki rumah ini dia berbeza antara Rumah PR1MA Pahang. Rumah PR1MA Pahang ini dia RM10,000.00 pendapatan isi rumah ke bawah dan untuk PRR ini, antara syarat-syarat kelayakan ialah mesti jumlah pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan. Dan yang keduanya, mestilah keutamaan kepada rakyat negeri Pahang dan juga yang telah menetap secara terus-menerus di negeri Pahang tidak lebih daripada 5 tahun dan berkahwin dan 18 tahun ke atas dan yang masih yang kepada belum berkahwin, berumur 35 tahun ke atas. Dan yang antara lain, tidak memiliki tanah atau rumah atau kedua-duanya sekali didaftarkan atas nama pemohon dan tidak memiliki rumah di atas nama… nama sendiri… antara syarat-syarat kelayakan. YB nak mohon ke?

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Er… tak layak. Saya rasa tak layak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Terima kasih Yang Berhormat pihak kerajaan. Seterusnya saya minta…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Speaker. Satu lagi dah. Nak bangun juga? Nanti kejap tak habis tu.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sebab dia dah sebut nama saya tadi.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Duduklah. Saya… saya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Saya minta pihak kerajaan buat penjelasan dahulu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ni saya tadi saya dengar YB Kemayan sentuh pasal untuk pelaksanaan perumahan ni. Saya Yang Berhormat, saya nak kongsilah satu perkara. Saya amat rasa terharu dan juga rasa berterima kasih yang tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana dalam Skim Perumahan Pahang ni diwujudkan yang kita namakan Rumah Rakyat Pahang yang diberikan secara percuma kepada mereka yang betul-betul tiada memiliki rumah dan betul-betul dalam miskin tegarlah kita katakan.

Saya nak bagi contoh satu perkara. Baru-baru ni saya bagi kepada satu keluarga di mana dia ni adalah keluarga yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Suami dia kena kanser dan isteri dia tak bekerja. Anak 4 orang. Tiba-tiba suami dia meninggal dan isteri tak bekerja. Akhirnya saya dengan kuasa yang kita ada ni melalui Rumah Rakyat Pahang ni, saya telah berikan kepada dia Rumah Rakyat Pahang tahun lepas dan telah boleh diduduki dan telah siap diduduki. Antara contoh-contoh Rumah Rakyat Pahang yang kita berikan kepada rakyat Pahang. Ini kita beri dalam masa setahun je YB, kita tengok yang mana-mana layak betul-betul, kita beri terus setahun rumah tu Rumah Rakyat Pahang ni mesti disiapkan dalam masa setahun dan untuk negeri Pahang ni setiap DUN kita berikan 8 biji Rumah Rakyat Pahang untuk dibina, secara percuma diberikan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dan sehingga kini hampir 1,900 unit rumah termasuklah untuk masyarakat Orang Asli telah dibina dan diberikan percuma oleh Kerajaan Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]. Tak ada negeri lain yang buat macam mana kita buat ni. Inilah negeri Pahang kita. Inilah patutnya yang di*viral*kan oleh pihak-pihak sebelah sana tu, cakaplah maknanya negeri Pahang ni macam ni daripada Sentul, katalah dalam tu jangan cakap 42 tahun. Katalah Pahang antara negeri yang terulung yang membuat rumah diberikan secara percuma.

Sehingga kini telah 2,000 hampir 2,000 unit rumah telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada rakyat yang betul-betul memerlukan.

Inilah negeri yang berkebajikan, negeri yang kita disarankan oleh Islam untuk kita bantu orang-orang yang kesusahan. Kenapa kita tak *viral*kan? Kenapa kita tak puji? Terima kasih kerajaan negeri. Terima kasih je? Cakaplah lebih sikit. Ini yang cakapnya 42 tahun tak siap rumah, 42 tahun. Rumah Ru'RASA pun sama. Dah berapa banyak kita bina rumah Ru'RASA, diberikan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang. Banyak rumah diberikan secara percuma juga. Inilah antara perkara-perkara, saya berharaplah antara kita semua untuk demi kesejahteraan negeri Pahang, demi kesejahteraan rakyat negeri Pahang, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat cerita benda-benda yang baik ni. Jangan cerita 42 tahun rumah tak siap.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sahabat saya. Saya nak mencelah. Dia *tagline* tu. '*This is* Pahang', itu yang '*This Is* Pahang'. Dia tak ada di negeri lain, tak ada di Terengganu, tak ada di… di… di Kelantan. Saya ingat Terengganu pun ikut kalau nak ikut. *'This is* Pahang', Pahang 1st*, 'This is* Pahang'.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Sri, er… Tuan Yang di-Pertua,

Saya baru-baru ni, saya… saya terkejut tu sebabnya antara pemaju-pemaju datang berjumpa saya. Dia kata, ada negeri datang YB, jumpa saya panggil saya ajak pergi ke negeri dia, buat program perumahan macam kita buat ni. Eh… dia tak nak pulak kunjungan hormat kat kita tanya macam mana kita buat. Tak, dia tangkap senyap-senyap je. Dia pergi buat ikut apa… ikut jalan bawah ni. Nak tiru macam mana kita buat Rumah PR1MA Pahang, nak tiru macam mana kita buat rumah ni semua, macam mana kita buat ni… macam mana kita melaksanakan. Banyak dah rumah yang telah kita *complete*kan, Rumah Rakyat Pahang, Rumah… Rumah PR1MA Pahang yang RM150,000.00 je yang bernilai hampir…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Nanti sekejap… sekejap, tak habis lagi. Sekejap… nanti saya bagi ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nanti… nanti… nanti saya bagi peluang.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tunggulah penggulungan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat… Yang Berhormat Kuala Sentul…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak… tak… saya nak bagi tahu ni…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

… duduk dulu, nanti saya bagi peluang.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Sebab ni 42 tahun tu, saya duduk dalam… duduk tengok dalam media tu saya baca 42 tahun. Saya dengar sahabat saya daripada Benta semalam cakap, dia kata ini proses daftaran ni biasa, tetapi kita akan kaji semuanya. Kita akan kaji. Saya nak bagi tahu satu lagi saya nak kongsi dalam kita nak merealisasikan rumah impian rakyat ini pada masa... pada sama er… pada masa [ketawa] saya nak pandang sana juga saya geram er… kadang. [Ahli Dewan ketawa] Masuk dalam hati dan fikiran itu jangan er… masuk keluar er… masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Masuk dalam jiwa kita, hati dan nurani kita itu.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Pahang telah mengumumkan…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Speaker,

Pagi-pagi ini kita er… kita *breakfast* dulu… [ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nanti, nanti saya bagi peluang kemudian. Sabar... sabar... sabar. Yang Berhormat Kuala Sentul, sabar. Biar kita dengar er… dengar dengan penjelasan dulu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya nak bagi fakta supaya Dewan ini jelas er…jelas peranan kerajaan negeri. Saya nak bagitahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia cakap dalam itu nilai pelaburan kita yang masuk RM18 juta er… RM18 bilion dan memberi peluang pekerjaan sebanyak 12,000 tahun ini telah direalisasikan betul ini rakan saya daripada er… komited, bukan reka-reka, sain-sain itu bukan. Ini komited RM18 bilion akan dilaksanakan ada yang melibatkan GLC-GLC yang akan menambahkan hasil pendapatan kepada negeri Pahang dan menyediakan peluang pekerjaan. Dan di sini kita akan tengok balik kemampuan untuk memiliki rumah.

Sekarang ini mungkin rakyat kita rasa susah sedikit tetapi bila peluang pekerjaan dah banyak esok orang dah kerja hebat-hebat belaka contoh macam ECRL, keluar gaji belas-belas ribu. Sekarang ini masih tiada kerja lagi tapi inilah antara punca-punca *buying power* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang ada pada rakyat negeri Pahang untuk membeli rumah masa akan datang. Ini untuk kita mengatasi masalah yang perlu kita hadapi. Jadi dalam proses saya setuju dengan Benta semalam cakap benda er… proses. Jangan daftar 60,000 *kunfayakun* siap 60,000 er… mana ada macam itu. Kita ini dah manusia kena ada proses untuk melaksanakan sesuatu keputusan itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ya. Saya jemput Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB Timbalan Speaker,

Saya nak tanya *respond* pada Kemayan apa *hearing* dengan analisis saya semalam. Saya er… saya syorkan er…

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Nak er… nak minta saya *respond*, saya akan *respond*lah.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya syorkan er… nanti, nanti bagi la saya cakap dahulu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nanti, nanti er… Yang Berhormat Kemayan. Kemudian ya.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya syorkan er…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tak, kalau minta saya *respond* saya boleh respond sebab *engineering* ini dia er… *direct* secara terus. Kalau orang ekonomi dia akan fikirkan berapa banyak pemboleh ubah yang boleh untuk analisis perkara itu sebab itu saya kata kalau tak tahu jangan analisis. Walaupun analisis orang lain buat er… *study* betul-betul kenapa 100,000 berapa ramai, di mana tempat dia pemohon 100,000 berapa ramai yang layak dan sebagainya. Jangan keluar *statement* yang Pahang ini nak tunggu 42 tahun baru dapat rumah. Itu satu *statement* untuk er… jahat terhadap negeri Pahang. Saya faham. Masa kita jumpa pun, YB cakap tak akan kita nak cakap benda baik pada kerajaan. Itu ayat daripada mulut YB er… ini er… ini... ini kita kalau benda yang er…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ini sangkaan jahat ini Dato' Sri Speaker.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ini kalau kita er… benda yang tak bagus…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ini dah sangkaan jahat, ini dah sangkaan jahat.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ini er… kalau benda yang tak bagus, patutnya kita kongsi perkara yang baik seperti Wakil Kerajaan sebut tadi dan sebab itu selepas ini belajar analisis er… analisis data sebelum kita nak keluarkan sebarang analisis.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, terima kasih. Terus Yang Berhormat Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak apalah, saya tak nak *argue* sangatlah pasal mengatakan *engineering* takda kena-mengena dengan analisis semua ini. Cuma baca er… tengok balik hansard saya yang semalam er… Timbalan Speaker, saya pun ada *mention* pasal er… subsidi kerajaan bagi pada Rumah Mesra Rakyat selepas itu rumah percuma pun saya ada *mention* semalam saya cakap baguskan tapi biasalah media dia tak *pick up* yang itu, dia *pick up* perkara-perkara yang mungkin menjadi berita kepada rakyat. Jadi pagi-pagi ini kita tak payahlah nak mengulang balik apa yang dia cakap semalam. Jadi kita tunggu masa penggulungan nanti. Terima kasih Tuan Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jadi, tak ada soalan ya? Okey, jika tiada soalan nanti kita er… saya er… kita teruskan, kita teruskan. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan er… memang tak ada soalan sebab tadi bukan soalan, ini penggulungan dah tadi. Macam penggulungan. [Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tadi itu, jawapan daripada pihak kerajaan jadi tak ada soalan. Kita teruskan kepada soalan yang kelima ADUN Tanah Rata, sila.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya soalan 5.

[Pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands Fasa 1B

a) Sila jelaskan butiran bagi cadangan pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands Fasa 1B: Membina Jalan Pintasan Tanah Rata, Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT59 Dari Tanah Rata ke Kea Farm Serta Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT434 (Jalan Griddle).

b) Sesetengah penduduk Cameron Highlands berpendapat bahawa cadangan menjadikan Jalan Persekutuan FT434 (Jalan Griddle) sebagai jalan sehala mungkin kurang sesuai, memandangkan jalan tersebut sering digunakan oleh ramai penduduk untuk tujuan riadah. Adakah Kerajaan akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan, khususnya penduduk tempatan, bagi memastikan keputusan yang diambil merupakan situasi menang-menang untuk semua pihak?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih er… Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Tanah Rata yang bertanyakan soalan berkenaan dengan pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands Fasa 1B. Yang pertamanya, Tanah Rata bertanya er… bertanyakan tentang memohon penjelasan tentang butiran cadangan pembinaan jalan tersebut.

Yang Berhormat er… Yang Berhormat Speaker,

Menjawab soalan pertama projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Ke-12 oleh Kementerian Kerja Raya dengan kos keseluruhan berjumlah RM480 juta dan mengikut perancangan semasa surat setuju terima (SST) kepada pihak kontraktor dijangka akan dikeluarkan seawal Januari 2026 dan kaedah

pelaksanaan projek ini adalah secara reka dan bina dan jangka masa tempoh pembinaan lebih kurang dalam 42 bulan. Dan antara skop utama kerja tersebut adalah pertamanya, membina jalan baharu 2 *lane single carriageway* dari Royal Lily ke Padang Golf sepanjang 3.3 km termasuk *dedicated ramp* dengan piawaian R5.

Yang keduanya, menaik taraf jalan FT59 sepanjang 1.2 km dan jalan FT434 iaitu Jalan Griddle sepanjang 1.5 km kepada *one way loop* di Padang Golf dengan piawaian R5. Yang ketiganya, menaik taraf Jalan FT59 daripada *2 lane single carriageway* kepada *4 lane dual carriageway* sepanjang 0.5 km dari *one way loop* di Padang Golf ke *one way loop* di Brinchang dengan piawaian R5.

Yang keempat, menaik taraf jalan er… menaik taraf dua jambatan di Jalan FT59 dan menaik taraf dua jambatan di Jalan FT434 iaitu Jalan Griddle dengan piawaian R5. Yang kelimanya, menaik taraf Jalan FT59 daripada 2 *lane single carriageway* kepada 4 *lane dual carriageway* sepanjang 2 km dari Time Tunnel ke Kea Farm dengan piawaian R5. Dan keenam, menaik taraf Jalan FT59 dari 2 *lane single carriageway* kepada 4 *lane dual carriageway* sepanjang 1 km bermula dari *one way loop* Kea Farm ke Seksyen 70.8 dengan piawaian R5 dan selain daripada itu, pembinaan 1 jejantas pejalan kaki, er… pemasangan lampu jalan, er… sistem perparitan, pemasangan perabot jalan, kerja geoteknik, pengalihan utiliti, pengambilan balik tanah, perlindungan alam sekitar dan juga kerja-kerja ukur.

Untuk makluman er… Yang Berhormat, objektif utama projek ini adalah untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik dan meningkatkan *level of service* daripada kelas F kepada C di Jalan FT59 di kawasan tertentu dengan menyediakan sistem penyuraian trafik ataupun laluan alternatif yang lebih er… yang lebih efisien.

Pihak JKR maklum bahawa Jalan FT434 merupakan jalan er… merupakan laluan penduduk untuk tujuan riadah namun dalam keadaan tentu jalan ini turut menjadi laluan alternatif kepada pengguna jalan raya yang lain apabila berhadapan dengan kesesakan trafik yang luar biasa.

Dan er… merujuk kepada Makmal Pengurusan Nilai Peringkat Kajian Nilai ataupun *value assessment* yang dilaksanakan pada 25 hingga 27 Julai 2023, analisa matriks penilaian menunjukkan bahawa jajaran jalan yang dicadangkan merupakan opsyen terbaik berdasarkan kepada justifikasi berikut. Pertama, tentang kos pelaksanaan projek. Keduanya, kebolehbinaan dan juga kefungsian. Yang ketiganya, *gradient* reka bentuk yang minimum. Keempatnya, penggunaan di kawasan sensitif alam sekitar pada kadar yang minimum dan terkawal dan kelimanya, kesinambungan kepada projek pembinaan jalan pintasan Cameron Highlands iaitu menaik taraf dari bulatan McDonalds ke persimpangan Brinchang ataupun ke Time Tunnel dan membina *one way loop* dari di Kea Farm, Cameron Highlands dalam Fasa 1A yang kini dalam peringkat pembinaan dan cadangan konsep jajaran projek ini telah dibentang dan disetujui oleh pihak berkuasa tempatan Cameron Highlands serta mendapat persetujuan daripada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa negeri, jabatan teknikal dan syarikat-syarikat aktiviti yang berkaitan dan menjawab soalan kedua berkaitan dengan **a**dakah pihak kerajaan akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan?

Menjawab soalan kedua ini, untuk makluman, Kementerian Kerja Raya dan juga pihak JKR telah mengadakan beberapa sisi... sesi libat urus dan mesyuarat penyelarasan bersama dengan pihak berkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO, jawatankuasa penduduk dan pengusaha hotel, resort yang terlibat iaitu pada 7 Februari 2025. Kemudian pada 25 April 2025, dan yang ketiganya pada 17 Julai 2025

dan hasil daripada sesi libat urus tersebut, pihak Kementerian Kerja Raya dan juga... ataupun pihak JKR bersetuju dengan beberapa perkara seperti berikut. Hasil daripada perjumpaan tersebut, pertamanya *walkway* sedia ada di Jalan FT434 iaitu di Jalan Griddle ini atau di sekeling padang golf dikekalkan, dibina... ataupun dibina semula, dibaik pulih, dinaik taraf untuk tujuan riadah.

Yang keduanya, mereka bentuk konsep lebaran Jalan FT434 yang optimum bagi mengurangkan kerja tanah, kacau ganggu cerun sedia ada serta mengelakkan pengambilan balik tanah milik persendirian di kawasan padang golf dan juga bangunan kediaman yang terlibat. Dan ketiganya, hasil daripada sesi libat urus juga, pihak er... dalam pembinaan ini juga akan menyediakan *noise barrier* atau penghadang bunyi terutamanya di hadapan padang golf villa, di hadapan Golf Villa Townhouse dan sesi libat urus ini juga akan diadakan dari semasa ke semasa mengikut peringkat pelaksanaan projek bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan ketelusan penyampaian maklumat projek di samping memastikan situasi menang-menang kepada semua pihak yang terlibat. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih er... Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada Wakil Kerajaan atas jawapan tadi. Soalan saya er... sebab tadi Exco mengatakan bahawa jejan... jejantas adalah sebahagian daripada cadangan pembinaan Jalan Pintasan Fasa 1B. Soalan saya, sebab projek tersebut akan mengambil masa yang sangat lama untuk dibina. Jadi pada masa sekarang ada tak sebarang langkah penyelesaian jangka masa pendek atau sederhana yang boleh diambil? Contohnya seperti pembinaan lampu isyarat untuk kita mengurangkan kesesakan terutamanya di Medan Agro Kea Farm yang memang merupakan tarikan pelancong yang terkenal. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Tanah Rata. Cadangan untuk membina lampu isyarat ini sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Tanah Rata, ianya agak kurang sesuai kerana ia juga akan mengganggu lagi aliran trafik dan akan menyebabkan lagi jalan makin tambah sesak ataupun *jammed*. Jadi sebab itulah dalam er... pembinaan untuk Fasa 1B ini telah dimasukkan er... apa ni? Jejantas yang panjang 24 meter sepanjang merentasi jalan er... tersebut dan SST untuk projek ini sudah diterima, dijangka akan di... dikeluarkan pada awal tahun depan dan saya rasa ini er... pelaksanaan kerja-kerja ini, jejantas ni mungkin kita boleh tengok nanti semasa kerja pembinaan. Mungkin kalau boleh diawalkan, mana yang boleh diawalkan, untuk kemudahan masyarakat, kita boleh minta pihak kontraktor untuk awalkan kerja-kerja pembinaan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sebelum saya meneruskan, saya ingin mengalu-alukan pemerhati yang hadir pada hari ini iaitu tetamu dari DUN Tioman, 6 orang, tetamu dari DUN Jengka, 2 orang, tetamu dari DUN Bilut, 3 orang dan juga peserta program Youth Empowerment Society (YES), 8 orang. Selamat datang ke Dewan Negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Seterusnya saya menjemput ADUN Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Adakah kerajaan negeri bercadang menubuhkan satu 'Pahang REE Processing Hub' yang benar-benar dikawal dan dimiliki oleh anak negeri, atau adakah ia akan diserahkan sepenuhnya kepada syarikat luar seperti Lynas Malaysia?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT. Terima kasih YB Speaker dan terima kasih ADUN kawasan Cheka yang mengemukakan soalan seperti berikut. Adakah kerajaan negeri bercadang menubuhkan satu Pahang REE Processing Hub ataupun Processing Hub untuk nadir bumi yang benar-benar dikawal dan dimiliki oleh anak negeri? Atau adakah ia akan diserahkan sepenuhnya kepada syarikat luar seperti Lynas Malaysia?

Jawapan... jawapan saya berdasarkan laporan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Pahang, anggaran rizab *mineral rare earth elements* di negeri Pahang adalah berjumlah sekitar 1.4 juta tan. Hasil daripada kajian yang dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu dari tahun 2016 hingga 2020. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 70% kawasan berpotensi mengandungi REE, *rare earth elements* ataupun nadir bumi berada di dalam kawasan hutan simpanan, manakala baki 30% berada di kawasan berstatus tanah milik dan tanah kerajaan.

Hasil semakan pada 28 November 2025, harga semasa bagi RE karbonat adalah sebanyak USD6,456.47 satu metrik tan dan berdasarkan kadar pengurangan pertukaran wang asing USD1 bersamaan dengan RM4.13, nilai tersebut dianggarkan berjumlah kira-kira RM37.4 bilion. Ini merupakan anggaran konservatif. Nilainya mungkin jauh lebih tinggi.

Pada masa ini, kerajaan negeri melalui Pahang Mining Corporation sedang melaksanakan kajian potensi rizab mineral yang terperinci khususnya bagi mineral REE tersebut bagi mengenal pasti potensi serta jumlah rizab sebenar yang terdapat di negeri Pahang. Saya difahamkan kajian pun belum menyeluruh lagi. Mungkin rizab kita jauh lebih besar.

Kerajaan negeri telah meluluskan Prosedur Operasi Standard ataupun *Standard Operating Procedure,* dengan izin, perlombongan REE di negeri Pahang di dalam mesyuarat majlis... maaf di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang pada 18 Jun 2025. Selain itu, kerajaan negeri juga sedang fokuskan kepada aspek memulakan pengoperasian perlombongan, peringkat huluan ataupun *upstream*, dengan izin, bagi memastikan pelaksanaan perlombongan terutama sekali melibatkan REE dapat dijalankan secara mampan dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Justeru itu, pengoperasian perlombongan peringkat huluan, *upstream* adalah penting bagi meyakinkan pelabur untuk melabur dalam pembangunan hub pemprosesan REE bagi peringkat pertengahan (*midstream)* ataupun hiliran (*downstream),* dengan izin. Kerajaan negeri juga terbuka dan bersedia mempertimbangkan cadangan penubuhan hub pemprosesan REE di negeri Pahang sama ada daripada syarikat yang dilantik oleh kerajaan negeri ataupun syarikat luar.

Setakat ini, Jawatankuasa Pelaburan Negeri telah mendengar beberapa pembentangan cadangan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa dan perkara tersebut masih dalam proses penilaian serta pertimbangan wajar oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan saya, pertama sekali saya ucap tahniahlah atas inisiatif untuk kita Pahang sendiri untuk kita menubuhkan satu hub untuk proses negeri. Ada dua perkara. Yang pertama sekali beberapa buah negeri termasuk Perak, Negeri Sembilan, dia ini telah memulakan, dapat kebenaran *pilot project*. Di Perak 200 hektar peringkat awal dan ada tambahan 200 hektar yang kedua. Demikian juga beberapa buah negeri lain. Soalan saya ialah apakah Pahang juga telah mohon untuk kita mulakan proses untuk *pilot project* bagi projek, bagi Program REE Pahang?

Yang kedua, saya difahamkan, ingin dapat pengesahan, ada sedikit masalah negeri-negeri untuk menjual kepada Syarikat Lynas kerana pertama, masalah harga yang ditawar agak rendah berbanding dengan syarikat daripada China. Yang kedua, Lynas meletakkan syarat supaya dia juga turut terlibat di peringkat *upstream* perlombongan sampai ke peringkat hiliran. Jadi proses ni. Jadi, oleh kerana itu, kita gagal mendapat peluang tersebut dan Kerajaan Pahang saya difahamkan tidak memiliki sebarang syer dalam Lynas Malaysia. Apakah ini betul ataupun masih ada ruang untuk kita ada syer sama dalam Lynas di Gebeng? Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Untuk terima kasih er... rakan DUN daripada Cheka. Setahu saya, hanya Perak yang ada kemajuan dari segi perlombongan REE. Itu pun, apa yang saya dimaklumkan ada cabaran teknikal er... di mana, mereka perlu keluarkan atau *extract* REE tu tanpa menjejaskan apa ni, alam sekitar dan juga bekalan air di dalam tanah. Berkenaan dengan Lynas, setahu saya tidak ada kekangan untuk apa ini, untuk pelombong-pelombong jual kepada Lynas, ia atas prinsip *willing buyer willing seller*, dengan izin ataupun bergantung kepada harga pasaran dan juga rundingan antara dua pihak yang ingin jual beli.

Di negeri Pahang, kita ada kelulusan untuk perlombongan er... apa ini, nadir bumi yang telah diluluskan di kawasan Sungai Wang, Mukim... Mukim di Jelai. Cuma cabarannya ialah untuk menyahwartakan kawasan hutan simpanan itu dan menggantikan dengan kawasan hutan simpanan. Ini, akan memakan masa. Setakat ini, aktiviti di rantaian bekalan atau *supply chain* nadi bumi berpaksikan kepada industri *mid stream* ataupun pertengahan rantaian bekalan tersebut ataupun *supply chain*. Kita belum ada lagi er... industri huluan di peringkat perlombongan. Itu bergantung kepada proses penyahwartaan kawasan nadir bumi tersebut dan digantikan dengan hutan simpanan yang telah dikenal pasti. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih er... Yang Berhormat Speaker. Sikit je soalan tambahan. Dari apa yang dijelaskan oleh Wakil Kerajaan tadi, kita ada tak *roadmap,* untuk proses er... dalam mengeluarkan REE ini. Bila jangkaan kita dapat betul-betul beroperasi dalam *roadmap* kita itu er... jangkaan kita betul-betul dapat beraksi dan mengeluarkan hasil ini dan memulangkan hasil tersebut kepada... kepada negeri. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Kita dah ada*, Standard Operating Procedure,* untuk apa ni, untuk perlombongan dan pengeluaran nadir bumi. Dari segi *roadmap*, kita memakai *roadmap industry* yang telah digariskan oleh kerajaan persekutuan. Saya jangkakan dalam masa 2, 3 tahun, kita berharap kita akan dapat satu kilang er... operasi er... hiliran. Sepertimana semua apa ni sedia maklum er... di media massa, ada pengumuman di mana syarikat Korea berminat untuk *JV* dengan Lynas mengeluarkan kilang apa ni, *super magnet*. Bagaimanapun... walau bagaimanapun, ia di peringkat orang kata er... MOU. Saya berharap ia dapat direalisasikan dalam masa terdekat ni dalam 2, 3 tahun untuk manfaat negeri Pahang. Insya-Allah, lebih banyak pertambahan peluang pekerjaan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih. Seterusnya saya menjemput ADUN Sungai Lembing.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 7.

> [Apakah usaha kerajaan dalam memastikan kadar kemiskinan relatif di Pahang dapat dikurangkan dan nyatakan pelan jangka panjang yang dirangka bagi meningkatkan peluang pekerjaan di Negeri Pahang].

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker dan terima kasih kepada sahabat yang bertanya. Er... soalan yang ditanyakan terbahagi kepada 2 ya. Yang pertama, apakah usaha kerajaan dalam memastikan kadar kemiskinan tegar di Pahang dapat dikurangkan. Dan yang kedua adalah, apakah pelan jangka panjang bagi meningkatkan peluang pekerjaan di negeri Pahang?

Bagi jawapan yang pertama, kerajaan negeri telah melakukan beberapa usaha bagi kita mengurangkan kemiskinan di negeri Pahang ini terutamanya miskin tegar. Er... dan di antaranya adalah pelaksanaan program bantuan sosial dan kebajikan. Kerajaan negeri memperkasakan penyelarasan bantuan melalui Focus Group Kesejahteraan Rakyat untuk mengenal pasti keluarga miskin ataupun miskin tegar agar bantuan yang

disalurkan er... dapat disalurkan dengan lebih tepat di mana tidak bertindih dengan bantuan-bantuan yang diterima oleh rakyat.

Seterusnya program perumahan untuk golongan miskin dan juga miskin tegar. Melalui pembinaan Rumah Rakyat Pahang, membantu membina rumah baru atau membaik pulih kediaman bagi mereka yang memerlukan, supaya golongan miskin dapat kediaman yang selesa dan juga selamat.

Seterusnya, program Keusahawanan Mikro dan Bantuan Pemulaan Perniagaan. Misalnya skim pembiayaan mikro seperti i-PUSH yang memberi peluang kepada golongan miskin untuk memulakan perniagaan sendiri. Dan juga fokus kepada pendidikan dan sokongan pelajar kurang bernasib baik, termasuk bantuan ke pelajar... bantuan kepada pelajar dari keluarga B40 atau masyarakat Orang Asli.

Pendidikan dianggap kunci supaya anak generasi seterusnya dapat keluar dari kitaran kemiskinan ini. Dan, hasil daripada usaha ini, kerajaan negeri melaporkan bahawa bilangan miskin tegar di negeri Pahang telah menurun dengan ketara.

Bagi untuk menjawab soalan kedua iaitu pelan jangka panjang pula, di antaranya adalah menarik pelaburan strategik dan pembangunan dan pembangunan industri. Pahang memfokuskan pelaburan dalam sektor pembuatan berteknologi... berteknologi tinggi, minyak dan gas, perkhidmatan dan industri sokongan lain. Pelaburan ini diharap me dapat memberi pekerjaan berkualiti serta menyediakan peluang untuk jangka panjang. Dan juga er... melalui Latihan Teknikal, Politeknik, Pusat Latihan Kemahiran dan Program Latihan yang relevan dengan keperluan pelabur di Pahang. Contohnya, pusat latihan di kawasan industri seperti di Gebeng.

Kerajaan juga menggalakkan pertanian moden dan *agrobusiness* di kawasan luar bandar, melalui inisiatif pendapatan rakyat yang menyediakan ladang bercucuk tanam secara moden. contohnya, fertigasi, menyasarkan golongan B40 dan masyarakat di kawasan luar bandar, sebagai alternatif sumber pendapatan selain daripada pekerjaan tradisional.

Seterusnya er... bagi menjana keusahawanan dan sokongan peniaga kecil dan juga sederhana. Melalui program pembangunan usahawan di mana membantu usahawan kecil atau PKS dalam pemasaran, bimbingan, pembiayaan mikro dan juga sokongan pengembangan *business*. Dan melalui program ini di bawah dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang juga banyak memberikan bantuan dan juga seperti semalam, kita ada Anggun Maju dan sebagainya.

Seterusnya, *fokus* kepada golongan terpinggir atau rentai, belia, orang asli B40, asnaf, masyarakat luar bandar. Melalui program jaminan pekerjaan seperti Pahang Job Guarantee Programme, yang memberi peluang pekerjaan, latihan kemahiran, dan sokongan pekerjaan kepada belia dan golongan kurang berkemampuan, dengan hasil menunjukkan ratusan hingga ribuan alumni mendapat pendapatan tetap.

Seterusnya, pembangunan sektor pelancongan juga ekopelancongan serta sektor perkhidmatan. Untuk mewujudkan pekerjaan dalam sektor pelancongan, perhotelan, perkhidmatan dan sektor berkaitan lain sebagaimana pelaburan dalam bidang pelancongan dan kelestarian alam sekitar. Dan dalam erti kata lain, Pahang tidak hanya bergantung kepada bantuan terus, tetapi berusaha membina asas ekonomi mampan, membuka peluang pekerjaan, memperkasa modal insan dan menarik pelaburan supaya rakyat negeri ini, boleh keluar daripada kemiskinan secara kekal, dapat hidup dengan lebih baik dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Sungai Lembing.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Exco, Terima kasih Yang Berhormat er... apa ni Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat er… Exco menjawab soalan saya. Saya ada 2 soalan tambahan, er... bolehkah Yang Berhormat Exco menjelaskan indikator utama ataupun KPI yang digunakan untuk menilai kebes... kebes... keberke... keberkesanan program, pengurangan kemiskinan yang sedang berjalan. Maksudnya bagaimana daripada status kemiskinan relatif tadi, yang menyebabkan mereka menurun apa ni peratus tadi menurun. Adakah dari segi er... gaji dan sebagainyalah.

Dan kedua, bagaimana kerajaan negeri menyelaras er... usaha pengurangan kemiskinan ini dengan agensi persekutuan? Sekian, terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey. Terima kasih kepada, sahabat yang bertanya. Kita mengukur keberjayaan bantuan yang kita berikan ini melalui kejayaan peserta-peserta contohnya yang lebih mudahnya saya er… contohkan kita ada memberi bantuan kepada er… wanita B40lah. Contoh di Raub ya, di mana beliau mengusahakan program sejuk beku ya di mana dengan adanya bantuan daripada kita er… kita memberikan beliau mesin pengadun, dan sebelum ini kalau pasarannya hanya di sekitar kawasan kampung dan dengan adanya bantuan tersebut beliau dapat memasarkan ke seluruh negeri Pahang dan sekali sekala ada mendapat tempahan makanan sejuk beku daripada luar negeri. Itu adalah antara indikator yang kita ukurlah untuk melihat keberjayaan bantuan yang telah kita berikan.

Dan untuk soalan kedua, lagi sekali tuan. Lupa. YB *sorry,* maaf saya.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Bagaimana kerajaan negeri menyelaras usaha pengurangan kemiskinan ini dengan bantuan daripada agensi persekutuan juga supaya tidak...

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Ya, kita menyelaras bantuan ini, contohnya bersama dengan JKM, dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana kita ada menambah bantuan-bantuan diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat contohnya kepada ibu tunggal, kepada OKU bagi memastikan mereka boleh meneruskan kelangsungan hidup. Contohnya, kita ada buat penambahan kepada pelajar-pelajar di PPDK juga dengan jumlah-jumlah yang tertentu. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput ADUN Damak.

(ADUN DAMAK - N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Assalamualaikum WBT. YB Speaker, soalan saya nombor 8.

> [Apakah kaedah dan insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi menarik minat para belia untuk menyertai badan-badan sukarelawan di negeri Pahang]

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih juga Wakil dari Damak yang bertanya soal sukarelawan di negeri Pahang ini. Sesungguhnya Kerajaan Negeri Pahang sangat komited dan bersungguh-sungguh untuk membudayakan sukarelawan atau semangat sukarela di kalangan belia di negeri ini. Ini kerana kesukarelawanan ini bukan sekadar aktiviti sosial atau tugasan sementara. Namun ia adalah wadah penting untuk membentuk jati diri, ketahanan serta tanggungjawab dan amanah untuk membantu masyarakat, negeri dan negara ini.

Dan bagi menarik lebih ramai anak muda untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukarela Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang dan juga Majlis Belia Negeri Pahang telah melaksanakan pelbagai program di peringkat akar umbi, daerah dan juga negeri. Antara program tersebut adalah Kursus Asas dan Kursus Lanjutan Sukarelawan Anak Muda Pahang. Kursus Asas Sukarelawan Anak Muda Pahang ini memberi fokus kepada perkara asas dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawanan. Manakala bagi Kursus Lanjutan Sukarelawan Anak Muda Pahang ini pula adalah lebih terperinci dan melibatkan modul yang lebih mendalam berkaitan pengurusan pasca bencana.

Kedua adalah program mobilisasi sosial dan pasca bencana. Program ini melibatkan gerak sukarelawan sama ada di kalangan mereka yang telah mengikuti program sukarelawan anak muda mahupun yang belum terlatih untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan misi kesukarelawanan.

Ketiga, Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Program ini merupakan antara platform berkesan dalam menyemai budaya sukarelawan secara sistematik dalam kalangan belia. Melibatkan 4 komponen utama iaitu khidmat masyarakat, kemahiran, rekreasi fizikal dan juga penjelajahan... penjelajahan lasak.

Dan yang keempat adalah Program Pemerkasaan Persatuan Belia Pahang atau lebih dikenali sebagai *Youth Empowerment Society* atau YES Pahang. Melalui program ini, penyertaan seramai 330 pemimpin muda baharu dari seluruh negeri Pahang dan modul program ini dirangka dengan begitu teliti dan rapi mencakupi kemahiran kepimpinan dan komunikasi, pembentukan daya saing dan ketahanan diri, kecekapan pengurusan pertubuhan belia serta pendedahan tentang cabaran belia masa kini. Melalui latihan yang diberikan peserta YES ini memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang seterusnya membolehkan mereka menyumbang secara sukarela kepada masyarakat… kepada masyarakat melalui pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di peringkat daerah dan juga negeri.

Dan yang kelima adalah melalui program atau sukarelawan di bawah inisiatif kerajaan negeri sendiri iaitu Majlis Tindakan Sosial Pahang yang telah ditubuhkan lebih 5 tahun dulu. Di mana di bawah Majlis Tindakan Sosial Pahang atau MTSP ini, anak-anak muda dilatih untuk melaksanakan program-program sukarela dan membantu masyarakat. Antaranya pasca banjir, bencana dan ketika COVID dulu, mereka ke hadapan dalam membantu masyarakat.

Dan sesungguhnya pelbagai manfaat serta kelebihan diperolehi melalui penyertaan belia dalam aktiviti-aktiviti sukarela ini. Ini termasuklah yang pertamanya, insentif kewangan dan material di mana sukarela... sukarelawan ini turut menerima elaun atau sagu hati termasuk pakaian rasmi bagi program yang disertai oleh mereka dan badan-badan sukarela serta NGO-NGO yang terlibat secara… melaksanakan aktiviti-aktiviti sukarela ini juga berpeluang menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pahang itu sendiri atas aktiviti-aktiviti atau program sukarela yang mereka laksanakan.

Yang kedua adalah peluang pembangunan diri mereka sendiri. Melalui inisiatif ini, pemberian sijil penyertaan atau sijil perkhidmatan kepada penggerak sukarela yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk permohonan kerja atau pengajian. Selain itu, penggerak sukarela juga boleh menyertai latihan dan bengkel kemahiran seperti kepimpinan, pengurusan acara dan komunikasi serta mengikuti pelbagai program peringkat kebangsaan seperti pertukaran belia, Hari Belia Negara dan Hari Sukan Negara.

Ketiga, pengiktirafan dan peluang kepimpinan di mana di bawah inisiatif ini, penggerak sukarela belia ini berpeluang dilantik sebagai pemimpin pasukan dalam kelab belia, Kelab Rakan Muda atau pelbagai pertubuhan belia di peringkat daerah dan negeri. Dan keempat adalah peluang kerjaya dan jaringan di mana penggerak sukarela belia menikmati akses kepada jaringan profesional dan komuniti yang membuka peluang kerjaya kepada mereka pada masa hadapan.

Dan bagi merancakkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan ini, Kerajaan Negeri Pahang turut menganjurkan program Hari Kesukarelawanan… Kesukarelawanan Belia Malaysia peringkat negeri Pahang pada setiap tahun, baru-baru ini 6 Disember lalu. Penganjuran program ini bertujuan untuk menghargai jasa dan sumbangan sukarelawan ini dan mereka ini diberikan sijil pengiktirafan atas khidmat bakti, sumbangan serta pengorbanan mereka. Dan hari ini, saya turut mengalu-alukan penggerak-penggerak sukarela yang turut hadir hari ini khususnya di kalangan peserta *Youth Empowerment Society* atau YES yang turut berada dalam Dewan Yang Mulia ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput ADUN Batu Talam.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertanyaan saya nombor 9.

> [Dengan penjenamaan semula Skim Perlindungan PERKESO kepada konsep 'LINDUNG' yang merangkumi LINDUNG Pekerja, LINDUNG Kerjaya, LINDUNG Kendiri dan LINDUNG Kasih, apakah strategi utama yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui agensi berkaitan, bagi memastikan peningkatan kesedaran dan pemahaman yang menyeluruh di kalangan masyarakat, terutamanya golongan pekerja, tentang manfaat dan capaian perlindungan di bawah setiap komponen LINDUNG tersebut?

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada rakan saya dari Batu Talam menanyakan soalan PERKESO. PERKESO merupakan agensi yang memainkan peranan utama dalam perlindungan sosial pekerja di Malaysia. Dalam usaha memperkukuhkan imej korporat dan meningkatkan kesedaran awam terhadap corak serta perkhidmatan PERKESO. Inisiatif penjenamaan semula di bawah konsep LINDUNG PERKESO diperkenalkan. LINDUNG adalah identiti penjenamaan semula produk PERKESO yang menyatukan satu jenis perlindungan di bawah satu jenama utama. Ia melambangkan komitmen PERKESO untuk menawarkan perlindungan sosial yang lebih menyeluruh, mudah difahami dan dekat dengan masyarakat.

Nombor satu, LINDUNG Pekerja - Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 Akta 4. Nombor 2, LINDUNG Kerjaya - Akta Sistem Insurans Pekerja 2017 Akta 800. Nombor 3, LINDUNG Kendiri - Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017, Akta 789. Nombor 4, LINDUNG Kasih - Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 Akta 838. Bagi memastikan peningkatan kesedaran dan kefahaman yang menyeluruh, kerajaan negeri akan mengambil langkah-langkah bekerjasama dengan PERKESO antaranya adalah kempen penerangan bersepadu. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan PERKESO untuk melancarkan kempen kesedaran secara berterusan menggunakan pelbagai medium komunikasi termasuk media digital, media cetak dan platform komuniti. Fokus kempen adalah untuk menjelaskan secara ringkas dan padat, perbezaan serta manfaat spesifik di bawah LINDUNG Pekerja, LINDUNG Kerjaya, LINDUNG Kendiri dan LINDUNG Kasih.

Penglibatan pihak berkepentingan kami akan mengadakan sesi libat urus secara berkala bersama pihak kepentingan utama seperti kesatuan sekerja, persatuan majikan dan badan bukan kerajaan NGO. Penglibatan ini bertujuan menjadikan mereka duta maklumat yang dapat menyebarkan penerangan yang tepat kepada ahli dan komuniti masing masing.

Program Outreach dan Interaksi Komuniti. Selain komunikasi massa, kita akan mempergiatkan program turun padang dan sudut info di kawasan-kawasan tumpuan umum dan pusat-pusat komuniti. Pendekatan ini membolehkan orang ramai bertanya soalan secara langsung dan mendapatkan bahan penerangan yang mudah difahami

sekali gus meningkatkan capaian maklumat kepada golongan yang kurang terdedah kepada media konvensional.

Penjenamaan nama program dan aktiviti PERKESO. Semua program-program anjuran PERKESO mahupun kerjasama dengan kerajaan negeri akan diselaraskan menggunakan perkataan LINDUNG dalam masa program mengikut fokus dan tujuan program dilaksanakan. Sebagai contoh, penganjuran karnival kerjaya akan dinamakan sebagai Karnival LINDUNG Kerajaan. Sesi libat urus suri rumah akan dinamakan sebagai Sesi Libat Urus LINDUNG Kasih. Menerusi kempen dan strategi ini mampu untuk menjadikan LINDUNG bukan sekadar jenama tetapi juga satu jaringan perlindungan sosial yang mudah diingati, mudah difahami dan mudah diakses oleh setiap lapisan masyarakat yang layak. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Soalan tambahan Yang Berhormat Speaker... Yang Berhormat Speaker. Saya nak tanya pada kerajaan sejauh mana penerangan perlindungan PERKESO ini khususnya kepada majikan dan pekerja kerana ini yang difaham mungkin setengah pihaklah. Perlindungan ini hanya untuk satu jenis iaitu macam kematian sahaja macam insurans dan dia tak faham sebenarnya banyak jenis.

Ini ada satu kes yang saya alami di mana pekerja ini tidak dapat perlindungan daripada PERKESO kerana apa? Kerana yang dibiayai ini yang dicarum ini hanya untuk er... yang saya sebut kematian sahaja. Maknanya dilindung hanya bekerja. Maksudnya dari rumah pergi bekerja. Kalau tak kerja tak lindung ni maksudnya, tak mati tak lindung. Jadi kes ini seorang pekerja ni dia memang bercuti sebab terbukti bercuti kerana dia bersalin. Bersalin dia beranak, memanglah dia dia tak kerja. Jadi PERKESO tidak dapat membiayai pekerja ni. Hari ni dia... dia tidak dapat perlindungan. Jadi mungkin kes ini bagi pihak PERKESO ataupun kerajaan tidak dapat memberi penerangan khususnya kepada majikan dan juga pekerja. Jadi kita dengar tadi banyak LINDUNG... LINDUNG Kendiri, LINDUNG Kerjaya, LINDUNG... LINDUNG. Tetapi kita tidak faham. Yang kita tahu lindung kematian sahaja. Mati ada insurans. Tak mati takde insurans.

Jadi saya nak tanya pihak kerajaan, sejauh mana penerangan ini kepada kerajaan, kepada majikan dan juga pekerja. Sejauh mana? Yang keduanya, adakah perlindungan ini dikuat kuasa yang mana setiap pekerja ataupun majikan wajib mencarum dengan PERKESO, wajib? Mana penguat kuasa? Adakah sesetengah sebab ada kes juga, kadang-kadang majikan ni dia tengok pekerja dia muda. Oleh kerana muda, dia tak ambil PERKESO kerana mungkin muda tak mati. Alih-alih yang pekerjanya muda pun ada yang mati. Jadi tidak dapat ini perlindungan. Jadi sejauh mana penguatkuasaan kepada pekerja dan juga majikan. Dan satu lagi pihak kerajaan sejauh mana sambutan dia? Kalau boleh *percentage* dan sambutan daripada majikan dan juga pekerja. Sekarang ni kalau boleh berapa peratus. Saya tengok banyak kurang dari segi pekerja dan juga majikan untuk mencarum dengan PERKESO. 3 soalan Yang Berhormat Speaker.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih, terima kasih kawan saya daripada Batu Talam. Mengikut Akta Keselamatan Pekerja 1699 Akta 4 sebelum ini, hanya kita lindung masa kerja. Baru-baru ni menteri, baru bangkit isu penambahan akta dalam Parlimen. Menjadikan akta ini menjadi 24/7. Maknanya kita jaga pekerja ini dalam 24 jam. *So* mungkin yang jadi mangsa itu tak bawah akta ni. Sebab akta ni masih setakat bahas dalam Parlimen. Saya baru habis, okey. So mungkin kita akta akan menjadi satu akta. Tapi maaflah sebab akta ni baharu diluluskan dalam Parlimen.

Untuk menjawab soalan nombor 2. Jikalau seorang majikan tidak mendaftarkan pekerja sebagai di dalam perlindungan PERKESO, tolong maklum pada kita, kita akan ambil tindakan terhadap majikan.

Soalan nombor 3, apa ya? Lupa. Maaf.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Peratusan. Tapi sebelum tadi saya nak menambah sikit soalan tadi. Maksud saya penerangan, jadi majikan dengan pekerja ini dia mencarum tapi dia tak tahu yang dia hanya dilindungi semasa bekerja. Dia bekerja tetapi dia bersalin. Macam mana dia nak bekerja? Dia beranak, masa tu dia DI rumah, semasa itu dia kena strok. Sekarang pun masih ada di hospital. Kena perkhidmatan sebanyak lebih kurang RM40,000.00. Jadi dia bekerja. Jadi penerangan yang maksudnya. *You* punya apa perlindungan ini hanya bekerja. Jadi sebab itu saya tengok ada pelbagai LINDUNGAN tadi. LINDUNGAN Kendiri. Adakah ia termasuk akan dia mencarum tadi? Dia termasuk bukan hanya bekerja. Dia mencarum itu macam insuranslah. Jadi, itu maksud saya.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih, saya ingat kalau boleh dapat bagi soalan kes ini pada saya. Dan kita minta pegawai akan turun dan kita tengok dari apa yang kita boleh bantu. Sebab mungkin kita ada pencen ilat ke apa. Kita boleh bantu kita bantu. Okey apa yang... kalau dia sudah meninggal, dia, takpe, kita akan tolong secara daya upaya kita akan bantu sebanyak yang mungkin kita boleh. Okey.

Untuk penerangan kepada semua. Saya harap semua majikan patut sudah tahu budak... pekerja ni semua kena perlu masuk dalam PERKESO juga dengan S.I.P. Maknanya kalau dihentikan kerja kita pun ada bayar pampasan selama 6 bulan. *So*, untuk yang suri rumah yang kalau dia suri rumah, dia tak ada kerja. Kita pun terima juga hanya RM10.00 sebulan sahaja. Maknanya untuk suri rumah, kita bayar RM120.00 untuk setahun dan untuk lindungan keselamatan mereka. *So* saya haraplah Batu Talam boleh bagi saya maklumat dan kita akan jalankan tugas. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Ketari.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Secara purata lebih kurang 20% peratus majikan tak bayar caruman PERKESO secara purata. Jadi soalan saya, di negeri Pahang ini, sektor manakah yang paling tinggi majikan tak patuh PERKESO? Maknanya tak bayar PERKESO ini agar kita boleh fokus dan tumpu untuk memastikan pembayaran PERKESO ini dapat dilakukan, agar semua pekerja dilindungi terutamanya. Maafkan saya YB Exco, memang kerajaan telah luluskan perlindungan 24/7 di Dewan Rakyat baru-baru ini dan sedang akan dipertimbangkan di dalam negara… Dewan Negara. Jadi harap ia akan jadi undang-undang yang akan melindungi pekerja tak kira masa. *Twenty four seven* maknanya 24 jam, 7 hari seminggu. Kes yang seperti itu mungkin er... akan terlindung di bawah akta yang pindaan yang baru ini.

Jadi, maknanya soalan saya tambahan kepada YB Exco. Sektor mana yang… yang.. yang paling tinggi, majikan tak bayar PERKESO ini di negeri Pahang?

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih wakil dari Ketari. Saya tak ada data. Nanti masa gulung saya bagi jawapan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput ADUN Ketari. Sila.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih YB Speaker. Soalan saya nombor 10.

> [Pahang akan menyertai kempen Kebangsaan "Tahun Melawat Malaysia 2026" yang bertujuan mempromosikan tarikan pelancongan di seluruh negara, termasuk negeri Pahang. Apakah perancangan, program khusus dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk mengambil peluang untuk mempromosikan negeri Pahang sebagai satu destinasi tarikan pelancongan?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG MAN YU

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ketari yang bertanyakan tentang Tahun Melawat Malaysia. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Pahang, kita menyambut baik untuk Kempen Melawat Malaysia. Jadi pada bulan lepas, kita melalui Tourism Pahang telah mengadakan Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia Pahang 1st, dengan tema *"Pahang 1st: Where Malaysia Begins"*. Sebab kita nak memposisikan Pahang sebagai titik permulaan apabila pelancong sampai di Malaysia.

Jadi dari segi persediaan, pertama, dengan peruntukan saya bersyukur kerana Yang Amat Berhormat telah menyediakan bajet RM34.65 juta untuk pembangunan pelancongan dan geran pengurusan yang merangkumi RM18.52 juta kepada Perbadanan Muzium Negeri Pahang, RM8.39 juta kepada Tourism Pahang termasuk

RM1 juta untuk latihan dan pensijilan industri, RM5.12 juta untuk Lembaga Pembangunan Tioman. Selain itu, pembangunan Lipis Geopark melalui PTNP dan Program Konservasi melalui Majlis Biodiversiti Pahang juga disediakan.

Keduanya, dari segi perancangan. Fokus kita untuk Tahun Melawat Malaysia adalah kita nak meningkatkan kedatangan pelawat iaitu sesiapa yang datang ke Pahang *day trip*, kita nak… nak menggalakkan mereka bermalam. Dan juga kedua adalah kita nak melanjutkan tempoh penginapan. Sesiapa yang melancong ke Pahang mungkin bermalam satu malam, kita nak menggalakkan mereka bermalam lebih banyak hari.

Jadi rancangan kita ada beberapa melalui Tourism Pahang. Satu, adalah tentang acara pelancongan. Ia setakat ini untuk kalendar pelancongan bagi tahun 2026, kita telah merekodkan melebihi 50 acara untuk peringkat domestik, kebangsaan dan antarabangsa. Dan kalendar ini akan ditambah dari semasa ke semasa. Sebab dengan adanya acara, kita memperbanyakkan aktiviti dan juga dapat membawa impak ekonomi kepada pengusaha tempatan.

Kedua adalah tentang latihan dan peningkatan sumber manusia di mana kita juga akan mengadakan kursus untuk pemandu pelancongan alam semula jadi, pengurusan pelancongan dan program peningkatan kemahiran pengusaha tempatan. Ketiga, infrastruktur. Kita juga setiap tahun Kerajaan Negeri Pahang dan bersama kerajaan persekutuan, kita menyediakan bajet dan kita bersyukur juga tahun ini, selain daripada Bajet Kerajaan Negeri Pahang, MOTAC juga turut menyokong negeri Pahang iaitu menyalurkan lebih RM9.9 juta untuk infrastruktur pelancongan dan ini merekodkan angka yang paling tinggi untuk tahun-tahun sebelum ini.

Dan kita berharap tahun depan kita akan terus berusaha bersama dengan MOTAC Pahang untuk memperjuangkan lebih banyak bajet ke negeri Pahang. Dan ketiga adalah tentang promosi. Jadi tahun… tahun depan kita akan lebih agresif dari segi promosi, bukan sahaja kita akan terus mengambil bahagian dalam eksposisi pelancongan tapi kita sendiri juga akan mengadakan *roadshow* ke tempat-tempat yang mempunyai potensi tinggi untuk kita membawa masuk pelancong. Dan dari segi promosi juga, kita juga akan bekerjasama erat dengan Tourism Malaysia dan Tourism Pahang sendiri.

Kita akan lebih banyak *engagement* dengan pemain industri dan juga mengadakan FAM Trip, promosi digital dan juga kita menggalakkan supaya pemain industri dalam Pahang untuk memohon dana yang disediakan. Sebagai contoh GSSP, GAMELAN dan lain-lain. Jadi dengan ini, kita berharap bahawa dengan inisiatif-inisiatif ini, Pahang boleh dijadikan destinasi utama sempena Tahun Melawat Malaysia. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Yang Berhormat Ketari.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih ke atas jawapan yang agak terperinci oleh Wakil Kerajaan. Memang selain daripada Genting Highlands, negeri Pahang ini mempunyai pelbagai tarikan pelancongan yang telah pun dinyatakan. Jadi usaha-usaha begitu, kita perlu untuk bekerjasama dengan se... seluruh peringkat agar benar-benar menjadikan Tahun Melawat Malaysia Tahun 2026 dan Pahang harap muncul sebagai destinasi yang unggul.

Jadi er... kepada… soalan saya adalah, selain daripada apa itu yang telah dipromosikan, adakah rancangan-rancangan yang lain agar bukan sahaja di negeri er… Malaysia… antarabangsa, di peringkat antarabangsa juga?

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG MAN YU

Terima kasih er… kita akan tengok kekuatan kita. Jadi kekuatan kita ekopelancongan dan kita juga ada statistik tentang negara mana yang banyak sokong kepada statistik pelawat kita. Jadi sebagai contoh yang *top five*, kita ada dari Singapore, Indonesia, China, Eropah dan India. Jadi sebagai contoh, kita bukan sahaja, dulu kita biasanya mengikut Tourism Malaysia untuk mengadakan misi ke luar negara. Tetapi tahun ini kita juga ada inisiatif baru di mana Tourism Pahang sendiri, kita mengadakan *roadshow* ke negara India dan kita nampak memang ada impak positif selepas *roadshow* kita di Chennai dan Delhi.

Sekarang kita telah banyak menerima pertanyaan daripada agensi-agensi di sana untuk mereka nak *explore* perjalanan baru, untuk nak *explore* pakej baru di Malaysia. Kita nampak ini adalah satu impak positif dan untuk tahun depan kita akan melebihkan *roadshow* ke tempat yang berpotensi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan kerana saban penggal peruntukan semakin bertambah dan kita di negeri Pahang ini kaya dengan banjaran, pantai, hutan, fauna dan flora. Soalan saya, adakah dalam perancangan Tahun Melawat Pahang 2026 ini akan ada perancangan ataupun cadangan program yang baru di Pulau Tioman? Dan saya mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada TDA kerana dapat peruntukan yang agak banyak daripada kerajaan negeri dan juga pelancongan.

Dan satu perkara lagi. Soalan tambahan saya ialah memandangkan Pulau Tioman ni dia dikaitkan dengan monsun timur laut. Jadi saya mohon kalau boleh sekali lagi untuk mengingatkan supaya dalam kalendar Pelancongan Negeri Pahang nanti dihilangkan bahawa monsun timur laut ini, pelancong tidak boleh hadir ke Pulau Tioman. Kalau boleh *free*kan perkara itu kerana dia akan memberi impak yang negatif dan seterusnya jiran negara-negara jiran akan mendapat impak kedatangan pelancong dari luar negara ke negara seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan sebagainya.

Jadi apabila kita lihat pada hari ini melalui Jabatan Meteorologi, yang mana alhamdulillah Rompin hari ini ada satu pusat meteorologi yang boleh meramalkan ramalan cuaca dari semasa ke semasa kerana kita lihat cuaca pada hari ni tidak menentu ya. Kita tengok pada hari ini, contoh bulan 11, bulan 12 keadaan masih panas er… di perairan Rompin dan juga Pulau Tioman. Maka saya kira kalau dapat perkara ini di er... terjemahkan dalam bentuk dan jenama yang baru bahawa monsun timur laut, Pulau Tioman masih lagi boleh dikunjungi. Terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG MAN YU

Terima kasih Yang Berhormat Tioman. Betul, kalau ikut kale… kalendar acara pelancongan, biasanya untuk Tioman setiap tahun kita ada *start* di Tioman di mana kita memposisikan Tioman sebagai satu tempat yang sangat sesuai untuk *divers* dan inisiatif baru yang kita adakan adalah kita akan mengadakan festival untuk *divers*, di mana kita ingin mengumpulkan dan menggalakkan mengalu-alukan *divers* dari seluruh dunia ataupun di seluruh Malaysia melebihi sero... 1,000 orang untuk memenuhi Pulau Tioman. Dan betul sebab Pulau Tioman walaupun dia dikenali dengan er... aktiviti *diving* tapi pada masa yang sama, dia juga ada banyak aktiviti darat. Sebagai contoh *hiking* dan juga *via ferrata*.

Dia cuma satu produk pelancongan baru dan juga masa monsun, Tioman juga dia satu tempat yang sesuai untuk peminat *surfing* dan kita berharap bahawa untuk bila monsun timur laut itu dikira musim *low peak season* di mana kita boleh mengadakan acara untuk menggalakkan peminat-peminat tertentu *niche market* untuk juga melawat untuk melancong ke Pulau Tioman, di mana promosi untuk Pulau Tioman kita selalu diadakan dan kita terima kasih atas ingatan Yang Berhormat Dato' Sri mungkin dari segi promosi, kita juga akan membantu untuk *clear*kan salah faham di mana bila monsun tidak boleh masuk pulau. Okey.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Kerajaan. Seterusnya soalan yang terakhir bagi sesi pagi ini, saya menjemput ADUN Jenderak.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, pertanyaan saya nombor 11.

> [Apakah langkah kerajaan negeri dalam memperkasa program keusahawanan belia Pahang bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berdaya saing dan berpendapatan tinggi?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

(Ayat Al-Quran) Assalamualaikum WBT, terima kasih banyak Tuan Speaker dan terima kasih banyak kepada sahabat kepada Jenderak mempersoalkan soalan apakah inisiatif Kerajaan Negeri Pahang untuk memperkukuhkan Program Keusahawanan Belia Pahang bagi melahirkan usahawan muda yang lebih berdaya saing dan kepadatan tinggi.

Maklumlah, muka hari ini masih muda lagi insya-Allah. Tahniah Yang Berhormat Jenderak. Yang Berhormat Dato' Sri... Yang Berhormat Tuan Speaker menjawab pertanyaan Yang Berhormat Jenderak mengenai langkah kerajaan negeri untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berdaya saing dan berpendapatan tinggi. Saya jelaskan bahawa pendekatan kerajaan negeri adalah bersifat menyeluruh merentas semua kluster perniagaan termasuklah perdagangan, perkhidmatan, pembuatan, digital dan juga industri kreatif dan juga dengan sokongan tambahan turut diberikan kepada sektor pertanian moden. Bagi tujuan ini, kerajaan negeri bersama dengan agensi-agensi berkaitan seperti PKNP, SME Corp, SIRIM, MARA dan juga

MATRADE melaksanakan kepelbagaian inisiatif secara bersepadu yang memfokuskan kepada pembangunan, kemahiran, penguasaan pasaran serta sokongan pembiayaan. Kepelbagaian kursus-kursus keusahawanan dijalankan sepanjang tahun bersama dengan kerajaan negeri dan juga agensi-agensi yang berkaitan iaitu kursus keusahawanan ini merangkumi kepada seluruh portfolio-portfolio yang memberikan kursus lebih baik memfokuskan kepada bidang-bidang yang boleh diceburi oleh belia-belia dan juga usahawan-usahawan di luar sana.

Dari segi permohonan kemahiran, Program Technopreneurship ataupun SteP bersama dengan SIRIM juga membantu usahawan muda, meningkatkan kualiti produk, pembungkusan dan juga pensijilan. PKNP pula melaksanakan Program Master Your Own Business (MYOB) iaitu bagi memperkukuhkan pengurusan perniagaan, strategi, pemasaran dan juga penjenamaan. Mana pula, manakala Pahang Skills Development Centre (PSDC) turut menyediakan kursus asas keusahawanan serta sesi siri perkongsian ilmu di pelbagai daerah bagi membina asas khusus untuk dalam kalangan usahawan-usahawan muda di luar sana. Dari sudut pemerkasaan pasaran, kerajaan negeri memberi penekanan kepada program-program e-dagang dan juga pemasaran digital melalui Program Outreach dan juga latihan e-dagang dengan kerjasama MATRADE yang melibatkan seramai 128 orang peserta.

Program Jelajah Keusahawanan Bersasar (JKEB) bersama KUSKOP pula membantu usahawan belia meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dan juga pemasaran digital. Di samping itu, penyertaan di dalam karnival, pameran dan juga ekspo seperti Karnival Usahawan atau Karnival Aspirasi Pahang 1ST dan juga Pahang Showcase terus menjadi platform yang penting untuk meluaskan jaringan pasaran serta peluang dan juga jualan-jualan yang berada dalam sektor ini.

Dari aspek pembayaran pula Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri telah pun menyalurkan Geran Usahawan Makmur Pahang sehingga bernilai RM10,000.00 dan yang ini pihak usahawan walaupun ada yang menyatakan dan juga memberikan satu *feedback* yang amat baik dan ucapan terima kasih dan salurkan saya zahirkan kepada Yang Amat Berhormat Dato Sri Diraja Menteri Besar Pahang kerana memberikan peluang-peluang dan juga inisiatif ini dan beri idea ini kepada geran usahawan makmur dan dapat membantu usahawan-usahawan menyediakan semula ataupun bangkit semula apabila selepas negara melanda ataupun COVID melanda negara pada tahun-tahun yang lalu.

Dengan adanya usahawan geran atau Geran Usahawan Makmur Pahang ini dapat menyediakan bantuan kepada usahawan baharu ataupun yang sedia ada termasuk usahawan muda bagi tujuan pembelian peralatan, peningkatan kapasiti, naik taraf premis dan juga pemasaran mahupun membantu kecelaruan modal pusingan mereka masing-masing. Di samping itu, usahawan belia turut boleh memanfaatkan Skim Pembiayaan Persekutuan dan pihak kerajaan negeri bersama dengan agensi-agensi persekutuan antaranya Skim AET ataupun aktiviti Ekonomi Tambahan Belia RISDA lebih kurang anggarannya sehingga pembiayaan RM20,000.00 dan seperti dimaklumkan oleh Yang Berhormat Benta iaitu Geran Agropreneur Muda dari FAMA bernilai RM20,000.00 ke RM30,000.00 dan juga Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera TUBE oleh SME Corp yang turut menyedia geran permulaan sehingga RM20,000.00 kepada peserta yang layak.

Skim Pembiayaan Perniagaan Belia oleh MARA ada sehingga disediakan sebanyak RM10,000.00. Sebagai sokongan tambahan kepada sektor pertanian, kerajaan negeri turut melaksanakan program permohonan ini dan merangkumi latihan asas dan

lanjutan bimbingan teknikal serta pemadanan pasaran selain menyediakan bantuan teknologi seperti sistem fertigasi IoT dan juga penggunaan dron bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi. Selain itu, kerjasama daripada institusi pendidikan, pemain industri dan juga agensi pembangunan bagi menyediakan laluan dan juga pemindahan teknologi, latihan industri serta peluang pasaran bernilai tinggi juga kepada untuk golongan usahawan muda. Dengan latihan pelaksanaan yang berterusan, sokongan pasaran yang meluas dan pembiayaan yang mencukupi yakin kerajaan negeri yakin bahawa ramai anak muda mampu membangunkan perniagaan yang mampan berkembang ke peringkat lebih tinggi.

Kalau kita dapat lihat Yang di-Pertua, kita bersama di Dubai dan juga Shanghai insya-Allah di MIHAS, Kuala Lumpur. Er... di MIHAS insya-Allah pada tahun 2026 tahun hadapan berada di Jerman melihatkan bahawa anak-anak muda kita pada kali ini dia orang Pahang ramai usahawan muda negeri Pahang yang memang sudah berkecimpung dan ini memastikan bahawa apa yang telah kita laksanakan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar bahawanya niat kami di kerajaan negeri ingin membantu sebaik mungkin sehingga banyak dipanggilkan MoU dan juga MoA ataupun di*lock,* dengan izin pasarannya oleh pembekal-pembekal daripada luar negara memohon dan juga meminta produk-produk daripada negeri Pahang berada di pasaran antarabangsa. Inilah antara inisiatif-inisiatif untuk kita membangunkan usahawan untuk kita mengekalkan usahawan-usahawan negeri Pahang kita untuk berdaya saing lebih masa di luar sana, insya-Allah. Terima kasih banyak Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Er.. jika kita lihat hari ini terutama golongan belia hari ini sangat berminat berniaga di apa di media sosial terutama di TikTok. Jadi soalan saya, apakah kerajaan ada cadangan untuk memperkenalkan Geran Pendigitalan Belia Pahang?

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan di-Pertua. Terima kasih banyak sahabat saya Chini insya-Allah jadi *influencer* selepas ini Tiktoker kita. Hari tu saya dah berentap dengan dia lawan bola sepak dalam TikTok Yang di-Pertua. Insya-Allah Chini kalah kita YB Exco menang 1-0. Lepas ni kita nak bertanding lagi selepas ni. Selepas itu kita ke Raub, insya-Allah.

Untuk Pengetahuan dalam Dewan dan juga untuk pengetahuan Yang Berhormat Chini bahawanya kita dalam kluster usahawan ni memang dah ada dah pun dalam kalau kita lihat di dalam Karnival Aspirasi Pahang 1st, setiap daerah yang kita telah jelajah kita membawa *influencer-influencer* untuk melatih usahawan tersebut dan ini kita terbuka kepada seluruh rakyat di luar sana. Baik walaupun yang muda yang tidak berapa muda datanglah ke Karnival Aspirasi Pahang 1st di setiap daerah. Kita nak melatihkan kita bawa *influencer-influencer* bukan sahaja dalam negeri Pahang, malah kita bawa juga yang mungkin yang popular-popular di luar sana. Kita bawa untuk kita beritahu bagaimana formula-formula yang boleh mendekati dengan tapi *influencer* ni

adalah niat yang baik. Tidak ada *mala fide* dengan izin tidak ada niat jahat dan kita bawa untuk pembangunan ataupun bagaimana nak melaksanakan. TikTok-TikTok kita ni dan *influencer-influencer* ni membantu kepada usahawan-usahawan negeri Pahang. Terima kasih banyak Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan tambahan terakhir. Sila.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Hormat Speaker. Saya tertarik dengan soalan daripada sahabat saya Jenderak ni saya nampak dia punya *keyword* ataupun kata kunci dia perkataan memperkasa... memperkasakan program. Jadi, saya rasa yang pihak kerajaan terangkan tadi tu kemudahan fasiliti memang cantiklah memang lengkap fasiliti yang disediakan untuk pembangunan usahawan ni. Cuma saya rasa perkataan memperkasa ini dia perkataan yang perkataan yang gagah kuat beranikan. Jadi macam mana program itu er... di... digagahkan, dikuatkan? Jadi saya rasa faktor yang kita kena tengok ini antaranya faktor pemilihan peserta, program. Kadang-kadang kita nakkan kua... kuantiti tapi tak ada kualiti, pun program tak akan berjaya juga.

Dan keduanya, *exit policy*, yang dulu pun saya sebut juga *exit policy* ini. Makna lepas program itu macam mana pihak kerajaan tengok balik peserta-peserta tadi, ya. Sebab kita tengok, ada juga peserta yang gagal, berjalan Program Usahawan ada dua, tiga bulan, enam bulan, tutup sebagainya. Jadi itu nak tengok juga *exit policy*.

Kemudian pengendali, pengendali program ini pun kita, kita kena tengok juga, kadang-kadang dia tak kompeten, ya, *service provider* ini. Ya, mungkin atas faktor bisnes sebagainya kita tak tahulah. Dan juga kesesuaian program khususnya untuk belia-belia. Saya rasa itulah nak minta pandangan ke, pihak kerajaan. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih sahabat saya di atas pandangan tersebut. Namun, saya nak tambah nilai sikit mengenai usahawan ini. Kita tidak boleh menilai dia hari ini atau mungkin di masa akan datang, sebab usahawan ini kita akan latih dia bermula pada *zero to hero*. Ada yang dapat, ada yang kita latih hari ini, dia berjaya. Tapi untuk kita nak meletakkan macam contohlah kita dengan kawan-kawan kita pun tak semestinya semua berjaya, er... dalam kelas kita dulu, er... masa kita belajar tak semua kita, cikgu yang sama, tapi ada yang berjaya, er... ada yang dapat nombor satu, ada yang dapat nombor yang tercorot yang terbelakang.

Sebab tu dalam konteks keusahawanan ini kita konsisten. Kerajaan negeri bersama dengan pihak agensi kita konsisten, kita latih sebaik yang mungkin, walaupun mereka nampak gagal kita latih lagi supaya mereka ini kalau niat dia dah melibatkan untuk keusahawanan. Banyak yang golongan belia ni memilih bidang keusahawanan. Kalau kerjaya yang tiada, dia akan memilih keusahawanan, maka adalah tanggungjawab kita untuk melatih mereka ini sebagai keusahawanan, insya-Allah, itu antara memperkasa yang selain itu yang saya cakap tadi Yang Berhormat bahawasanya memang ini antara objektif kita, kita nak naikkan peringkat demi peringkat. Kita ada *tier one* dengan izin *tier two, tier three* yang mana usahawan yang baharu ini kita akan naikkan tahap

yang kedua, yang mana usahawan yang boleh pergi ke *export ready* dengan izin kita bawa ke peringkat ketiga, kita bawa ke luar negara.

Yang ini antara program-program memperkasakan sistem ini supaya usahawan ini kita dapat nilai dia satu persatu. Dan selain daripada itu er..., beberapa polisi sedang juga digubal er... dan er... untuk makluman pihak Dewan juga apabila lantikan Yang Berhormat Dato' Sri Diraja sebagai penasihat Perdana Menteri itu adalah satu suntikan yang baharu ya kepada Malaysia, kepada negara kita dan itu antara polisi-polisi yang baharu. Insya-Allah akan di... di... dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya adalah pengendali ini, pengendali ini kebanyakan kerajaan negeri kita dah komited dengan agensi, dan agensi ini kita tidak boleh er... menidakkan keupayaan mereka kerana mereka mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu, di bidang perakaunan, pemasarannya, pembungkusannya. Kalau kita lihat hari ini, kerajaan negeri dah komited dengan pihak SIRIM untuk melaksanakan pembangunan produk er... 4P yang saya sebutkan di dalam Dewan semalam, bahawanya inilah antara agensi-agensi yang kita boleh kerjasama untuk memberikan peluang dan juga usahawan-usahawan ini dapat berdaya saing. InsyaAllah. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 11 pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pada pukul 12.20 minit pagi. Saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa hari, hari ini hanya ada sesi pagi sahaja. Jadi, saya minta Ahli-ahli Yang... Ahli-ahli Yang Berhormat masuk ke Dewan dengan tepat masa kerana 6 lagi, ada 6 Ahli-ahli Yang Berhormat lagi er... akan mengambil bahagian pada sesi pagi kemudian. Jadi persiba... persidangan ditempohkan.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan pada pukul 11.59 pagi]

[Persidangan Dewan Negeri disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita masih lagi dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026. Rang Undang-undang dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada hari Jumaat, 5 Disember 2025 dan telah dibahas pada hari Isnin, 8 Disember dan Selasa 10 Disember 2025. Hari ini kita akan menyambung semula perbahasan Rang Undang-undang dan Usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebahagian jadual perbahasan yang diedarkan pada hari ini, seramai 6 orang Ahli Dewan akan berucap kepada majlis. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa ruang perbahasan yang diberikan perlulah digunakan dengan sebaiknya. Setiap Ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja bagi perbahasan. Bagi mengemukakan perbahasan, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk mengambil bahagian, sila.

(AHLI YANG DILANTIK 1)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT. (Bacaan dalam Bahasa Arab).

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas mengizinkan saya berbahas pada tengah hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua… Timbalan… Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2026. Sebuah belanjawan yang saya sifatkan sebagai realistik, berani, berstrategi dan berpaksikan kesejahteraan rakyat. Belanjawan ini bukan sekadar dokumen kewangan tetapi cerminan kematangan tadbir urus kerajaan negeri. 4 tahun berturut-turut Pahang merekodkan pendapatan melebihi RM1 bilion, menandakan bahawa dasar dan keperluan fiskal kerajaan negeri adalah tepat, berdisiplin dan berpandangan jauh. Ia menepati firman Allah SWT sebagaimana kisah Nabi Musa dengan anak perempuan Nabi Syuaib. Firman Allah SWT, [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Sebaik-baik pemimpin ialah yang kuat dan amanah dan inilah disarankan oleh anak perempuan kepada Nabi Syuaib supaya melantik Nabi Musa AS upah dia buat kerja.

Dan inilah sifat yang ada pada kepimpinan kita. Bekerja kuat dan bersifat amanah dalam menguruskan kewangan negeri. Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raaf, (Bacaan dalam Bahasa Arab). Mafhumnya, sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertakwa percaya nescaya kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Ayat ini bukan ditujukan kepada mana-mana negeri secara khusus. Namun, prinsipnya jelas, keberkatan hadir apabila dasar yang digubal menepati nilai amanah, ketaqwaan dan tanggungjawab. Inilah landasan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri Pahang hari ini.

Timbalan… Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Antara kekuatan terbesar pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah ketegasan dalam memartabatkan pendidikan Islam khususnya pembangunan maahad tahfiz, sekolah agama rakyat, guru takmir, guru KAFA dan institusi masjid. Pelaburan besar kerajaan negeri dalam sektor agama bukanlah perbelanjaan yang hilang tetapi pelaburan modal insan yang membina generasi berakhlak, berilmu dan beradab. Nabi SWT bersabda [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia. Belanjawan 2026 membuktikan bahawa kerajaan negeri memilih dasar yang bermanfaat kepada rakyat bukan sekadar popular atau bersifat sementara semata-mata untuk meraih simpati politik.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Dalam kerangka demokrasi, pembangkang memainkan peranan penting. Namun, izinkan saya menyatakan dengan tegas bahawa kerajaan yang kuat memerlukan pembangkang yang berwibawa. Pembangkang yang membina, yang memberi cadangan, yang meneliti angka dan yang memahami urusan fiskal. Bukan pembangkang yang hanya mencipta persepsi, mengherotkan fakta, menafikan kebaikan yang jelas dan menabur keraguan demi kepentingan politik sempit.

Suka saya menyatakan di sini pada pagi tadi saya telah menonton sebuah video klip yang mana menyatakan rakyat negeri Pahang ini. Kalau nak beli rumah kena menunggu giliran selama 42 tahun dan kita lihat begitulah Tabung Haji, yang daftar seramai 300, lebih kurang yang berdaftar untuk menunaikan haji 3.8 juta pendeposit. Bererti mereka kena tunggu giliran selama 140 tahun dan kita telah diperjelaskan oleh Exco Perumahan, bahawasanya bukan semua yang daftar itu layak. Jadi sepatutnya, bila kita keluar daripada Dewan, kita memberitahu perkara yang sebenarnya.

Ingatlah wahai Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada kerajaan mahupun pembangkang. Allah SWT berfirman, [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Tidak ada seseorang yang melafazkan perkataan daripada lisannya semua akan dicatatkan oleh para malaikat. Jadi, dalam Dewan Yang Mulia ini, marilah kita berpandu dengan nas Al-Quran sebagaimana firman Allah. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Katakanlah, datangkanlah bukti fakta yang nyata jika benar kamu orang-orang yang benar. Inilah standard perbahasan yang wajar ditegakkan di Dewan ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya menyatakan sokongan penuh kepada Belanjawan 2026 kerana ia berteraskan kepentingan rakyat, mengutamakan pendidikan, kebajikan, infrastruktur, belia, ekonomi digital, keagamaan dan kelestarian. Yang kedua, berasaskan data dan analisis fiskal yang teliti. Belanjawan ini bukan retorik tetapi dibina di atas angka keupayaan hasil dan realiti ekonomi.

Yang ketiga, selari dengan prinsip syariah, mengutamakan amanah, keadilan, kesejahteraan dan keseimbangan. Allah SWT berfirman, (Bacaan dalam Bahasa Arab). Dan tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan ketaqwaan. Belanjawan ini adalah usaha kolektif untuk membina negeri yang lebih baik. Jadi untuk menyokong apa yang saya utarakan sebenarnya, saya tidak ingin hanya saya seorang yang menyokong Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dan saya telah buat *research* lebih kurang 10 orang yang mana 10 orang ini di kalangan dia ada pendidik, ada penternak lembu, ada pertanian sayur-sayuran, ada juga yang jadi imam, ada juga yang kadi kesemuanya boleh katakan menyokong apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Perlukan... Perlukah saya baca satu-satu?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak perlu.

(ADUN YANG DILANTIK 1)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Jadi dengan ini saya memohon menyokong belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk 2026. Sekian wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik dengan ringkas dan padu. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Selamat tengah hari, terima kasih Yang Berhormat Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam kita membahaskan dan menyokong Usul Belanjawan dan juga Perbekalan serta Bekalan Air untuk tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita pada Jumaat yang lalu dan sudah semestinyalah apabila kita meneliti belanjawan yang telah dibentangkan ini, sekalung tahniah kita ucapkan kepada kerajaan khasnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menyediakan satu belanjawan yang realistik dan juga mampu untuk membawa kepada lonjakan yang lebih baik kepada negeri Pahang ini dan menjamin kesejahteraan rakyatnya secara keseluruhan.

Di dalam pembentangan belanjawan tempoh hari, saya ingin memetik beberapa perkara. Yang pertama, berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi. Kita melihat kedudukan ekonomi, perkembangan ekonomi negeri Pahang berasaskan unjuran KDNK yang telah dicapai pada tahun lalu, kita telah mencatatkan KDNK sebanyak 5.7% antara 4... 4 buah negeri yang mengatasi KDNK peringkat kebangsaan. Tahniah diucapkan kepada seluruh jentera Kerajaan Negeri Pahang yang telah berusaha keras di dalam mencapai pencapaian ini. Sesungguhnya ini bukan satu pencapaian yang mudah kerana untuk nak meningkatkan ekonomi adalah merupakan satu gembleng tenaga, usaha dan juga idea di samping kesungguhan yang besar perlu disatukan supaya mencapai unjuran tersebut.

Seterusnya apabila kita melihat perkembangan dan perkembangan dan juga pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.7% ini, kita juga perlu melihat bagaimana ianya memberi kesan secara langsung kepada kehidupan rakyat. Sebab kita orang kebanyakan yang bukan ahli ekonomi ni, kita akan bertanya apa kena mengena KDNK dengan hidup kita? Apa kena mengena pencapaian ini dengan kehidupan aktiviti harian kita? Maka kita perlu beri faham bahawa apa yang telah kita capai sebanyak 5.7% KDNK ini seharusnya memberikan kesan langsung kepada kehidupan rakyat dan juga memberikan satu limpahan kesejahteraan kepada rakyat yang boleh dirasai.

Justeru itu, saya ingin memberikan cadangan kepada pihak kerajaan supaya mengambil satu lagi indikator KPI selain daripada mengukur pertumbuhan dan perkembangan ekonomi melalui nilai KDNK, kita juga perlu mengukur kesejahteraan rakyat melalui pendapatan isi rumah rakyat. Kerana bila KDNK berkembang, seharusnya pendapatan rakyat juga terus meningkat dan berkembang kerana ia unjuran selari kedua-duanya sekali. Namun, apa yang berlaku apabila kita melihat kepada angka yang ada pertumbuhan KDNK kita sebanyak 5.7% ini untuk tempoh 5 tahun kebelakangan ini, kita berada dalam momentum dan *track* yang betul berkembang dengan baik 5% ke atas. Namun pendapatan rakyat masih kekal di dalam kelompok yang sama.

Jadi bagaimana kita nak memberikan kesan langsung dengan perkembangan ekonomi yang baik kepada pendapatan isi rumah rakyat. Mengikut Jabatan Perangkaan, pendapatan isi rumah rakyat penengah negeri Pahang berada pada angka RM4,753.00. Manakala pendapatan isi rumah penengah peringkat kebangsaan nasional berada pada angka RM6,338.00. Bermakna pendapatan isi rumah negeri Pahang separuh daripada rakyat negeri Pahang, dikata penengah ini *median* ini separuh daripada rakyat negeri Pahang berpendapatan lebih rendah daripada pendapatan penengah nasional dan ianya sewajar dilihat dengan apa keperluan asas rakyat negeri Pahang.

Contoh yang diberikan di sini perbelanjaan asas kehidupan wajar bandar Kuantan. Bagi mereka yang bujang perlu ada RM1,959.00 sebulan. Ini, Jabatan Perangkaan mengeluarkan dipanggil PAKW, Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar. Hidup yang wajar orang bujang di bandar Kuantan, perlu ada RM1,959.00 sebulan. *Basic* dia, asas dia. Ada tak belia kita yang bujang pendapatan mereka RM1,959.00? Berapa ramai? Berdasarkan angka ini, separuh daripada belia di bandar Kuantan ini tidak mampu untuk nak berada pada paras ini. *Median*, penengah ini, bermakna kita bergelut di dalam nak mengisi dan meneruskan kehidupan. Walaupun KDNK kita mencatat pertumbuhan yang baik.

Manakala untuk mereka yang berkahwin, anak seorang perlu ada RM4,334.00 sebulan. Sedangkan separuh daripada pendapatan kita hanya RM4,300.00 berada pada peringkat *median* ini. Separuh daripada rakyat di Kuantan ini yang anak sorang, kalau anak dua perlu lagi perbelanjaan lebih. Maknanya bergelut *struggle* untuk nak meneruskan kehidupan mereka kerana tahap pendapatan isi rumah tidak meningkat sepertimana peningkatan KDNK kita. Yang ini yang saya nak sarankan supaya kalau boleh pemikir-pemikir ekonomi negeri Pahang ini supaya melihat dua KPI utama selain daripada perkembangan pertumbuhan KDNK, perlu juga melihat dan mengunjurkan peningkatan taraf pendapatan isi rumah rakyat. Kita berharap ada sasaran diletakkan sekurang-kurangnya tempoh 3, 4 tahun. Memang kita akui tidak boleh capai dalam tempoh yang singkat. Pendapatan isi rumah rakyat negeri Pahang perlu bergerak mensasarkan sama taraf dengan pendapatan isi rumah peringkat nasional. Dan kerja ini ataupun usaha ini perlu digarap dan digemblengkan supaya ia mendapat sasaran seiring dengan perkembangan ekonomi negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam masa yang sama, Pahang dengan KDNK dan nilai ekonomi yang besar ini, kita anggap sebagai *sizeable economic measure*. Dia ada ukuran ekonomi yang yang tepat yang besar. Dalam masa yang sama, kita juga melihat kemampanan pertumbuhan ekonomi ini. Maka perlu ada satu lonjakan yang perlu kita ambil supaya meningkatkan lagi KDNK ini melalui proses menarik pelaburan berteknologi dan berkualiti tinggi dan ianya akan seiring dengan peningkatan dan juga pendapatan isi rumah. Kerana apabila kita menarik pelaburan yang berteknologi dan berkualiti tinggi. Dia juga akan memberikan pulangan ataupun ganjaran dan gaji yang lebih wajar dan berkualiti kepada rakyat negeri Pahang dan seharusnya juga kita mensasarkan supaya Pahang ini dengan saiz negeri yang besar, sumber daya yang banyak dan juga mempunyai kualiti bina modal insan yang baik.

Kita perlu berada di dalam liga bersama dengan liga negeri-negeri yang maju. Kita kena ada sasaran dalam tempoh 5 tahun yang akan datang, kita duduk dalam liga yang sama dengan negeri-negeri yang telah maju dan pertumbuhan ini juga perlu kita lihat dan perlu dipertingkat. Kita dah ada asas yang kukuh. Saya ucap tahniah sebab dalam pembentangan belanjawan baru ini diletakkan TVET sebagai antara perkara penting dan ini adalah asas yang baik kerana untuk nak meningkatkan pendapatan mengembangkan ekonomi, kita perlukan modal insan yang berkemahiran tinggi dan TVET akan membantu meletakkan kita mensasarkan mencapai sasaran kepada negeri yang lebih maju dan berkemahiran tinggi.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Saya nak balik pada apa yang disebut tentang kita kalau kita analisa balik kepada kos sebuah hutang isi rumah kepada KDNK negara kita berada pada 84.4%... 4.4%. Dan bila analisa dibuat, kita dapati besar, beban besar terletak pada kos sewa rumah tu sendiri yang menyebabkan hampir 60 ke 61 % pendapatan kita habis kepada kos sewa rumah ataupun pinjaman perumahan dan tambahan pinjaman dengan bank dan sebagainya. Saya dapati kalau ini berlaku, *trend* ini berlaku. Dia bukan hanya melihat pada pendapatan tetapi pada perbelanjaan isi rumah tersebut. Dan saya minta komen daripada ADUN Beserah, sama ada ada mekanisme yang kita boleh fokus supaya pendapatan itu seimbang dengan kos yang terpaksa dihadapi oleh rakyat kita di Pahang. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya memang tepat apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Cheka bahawa keseimbangan dari sudut pendapatan dan perbelanjaan perlu dilihat daripada dua sudut yang pertama adalah berkaitan dengan corak dan gaya hidup semasa macam

sekarang ini, kebanyakan daripada kita banyak menyewa rumah kerana ketiadaan penawaran rumah yang mampu kita miliki.

Yang keduanya disebabkan oleh *interest* ataupun caj-caj kewangan yang dikenakan oleh institusi-institusi yang berkaitan menyebabkan kos untuk menyewa tinggi. Kos nak beli kenderaan pun tinggi. Semua ini adalah penyumbang kepada pendapatan boleh guna seseorang individu atau dalam satu isi rumah. Dan ini akan mendorong kepada banyak perkara-perkara yang perlu dilihat dan dinilai supaya untuk meneruskan kehidupan dengan kehidupan yang baik, selesa dan wajar. Ianya adalah merupakan gabungan antara pendapatan yang tinggi dan baik serta kos hidup yang... yang sederhana ataupun yang lebih rendah.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker saya nak ucap terima kasih kepada seluruh kakitangan awam. Jabatan yang ada berkhidmat dalam negeri Pahang ini dan tahniah serta terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberikan bantuan kewangan kepada mereka untuk tempoh 2 bulan bagi kakitangan awam. Cuma saya nak pengesahan daripada pihak kerajaan, saya mendapat mendengar ada GLC syarikat GLC Pahang yang beri bonus 6 hingga 8 bulan. Jadi kita nak tahu pengesahan betul ke tidak ada GLC yang memberikan bonus kepada kakitangan GLC ni sehingga 6 bulan atau 8 bulan dan apa kewajarannya berbandingkan dengan 2 bulan gaji yang kita berikan kepada kakitangan awam kita yang lain.

Yang keduanya, saya juga ingin menyarankan dan mohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebab dinyatakan dalam belanjawan er... penjawat awam persekutuan juga diberikan sebanyak RM200.00 kepada 18,743 orang penjawat yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Ini satu tanda keprihatinan Menteri Besar kepada semua penjawat awam yang berkhidmat yang persekutuan yang berkhidmat dan memberikan sumbangan dalam negeri ini. Namun bila saya lihat angka jumlah penjawat awam persekutuan negeri Pahang ada lebih kurang 64,000, guru, polis, bomba, semua ni lebih kurang 64,000. Maka saya ingin mohon pertimbangan saya nak menyuarakan di sini supaya ditingkatkan sedikit ganjaran yang diberikan ataupun perbelanjaan yang diperuntukkan sebanyak RM3.75 juta melibatkan 18,000. Ini hanya 29% daripada jumlah kakitangan penjawat awam persekutuan yang... yang terkesan. Kalau kita boleh lonjakkan sikit, saya cadangkan mohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya naik sikit jadi RM5 juta, tambah RM1.25 juta. Kita akan mampu memberikan RM200.00 ini kepada penjawat awam persekutuan seramai 25,000 orang. Jadi 25,000 orang bersamaan dengan hampir 40%, jadi jumlah dia lebih *significant* dan kita rasa penjawat awam persekutuan akan jadi lebih bersemangat kerana dihargai sebegini.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker,

Saya mintak izin pada sahabat saya daripada Beserah. Saya teliti tadi sahabat saya dari Beserah ni dia semangat dan banyak cadangan yang dikemukakan dan saya hanya nak mencelah sedikit untuk bagi pencerahan. Pertama sekali berkenaan dengan pemberian imbuhan kepada kakitangan persekutuan ni. Sebagai sedia maklum kakitangan persekutuan ni ada lebih 60,000 guru sahaja berapa dekat ni... ini. Dalam hal ini, apa kesihatan misal contohnya berapa ramai tentera, polis banyak ramai 160 lebih. Sebab itu, pada ketika pihak kerajaan menggubal bajet ni. Kalau boleh kita nak bagi semua. Tetapi setelah diteliti, kita terpaksa realistik iaitu mensasarkan

threshold, dengan izin iaitu RM3,000.00... yang bergaji RM3,000.00 ke bawah. Dan itu juga menelan belanja sejumlah RM3.75 juta.

Kalau boleh memang kita nak naikkan bukan RM200.00 tu tinggi lagi. Tapi apakan daya, setidak-tidaknya sebagai tanda ingat. Jadi maknanya, insya-Allah kalau sekiranya hasil negeri dapat meningkat, kita akan timbangkan. Ini sebelum ni tak pernah kita cadangkan untuk memberi imbuhan kepada mereka yang bergaji RM3,000.00 ke bawah dan dia merangkumi 18,000 ini, apa nama kakitangan.

Dan berkenaan dengan tadi saya kebetulan saya teliti. Saya nak sentuh kedua-dua sahabat daripada Beserah dan juga sahabat karib saya daripada Cheka yang mengatakan bahawasanya kos sara hidup ini mesti diambil kira. Dan di antaranya ialah perumahan. Sebab kos sewa rumah dan sebagainya. Sebab itu kita di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, kita memberi penekanan kepada aspek menyediakan perumahan yang mampu milik. Sebab itu kita ada program misal contohnya, kita ada projek dipanggil PR1MA Pahang. PR1MA Pahang ni rumah yang berkembar tu RM150,000.00 sahaja. Sedangkan di luar sana harganya melebihi jauh merangkumi lebih daripada 300 dan hampir RM400,000.00. Misal contoh kalau di Bentong misal contoh kalau RM400,000.00 lebih rumah yang berkembar sahaja RM400,000.00 ke RM500,000.00. Tapi kita hanya jual RM150,000.00 dan RM150,000.00 bagi kakitangan kerajaan ada lagi diskaun sebanyak 10%. Jadi RM135,000.00. Ada di kalangan yang tidak mampu. Jadi, pihak kerajaan di bawah kepimpinan Dato' Sri Diraja Menteri Besar... Yang Amat Berhormat menyediakan Rumah Makmur. Rumah Makmur ini RM80,000.00 dan sekarang ini kita membantu bila ada Program Rumah Mesra Rakyat. Rumah Mesra Rakyat yang dianjurkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Tapi kita buat Rumah Mesra Rakyat Pahang yang konsep yang sama dan ada diskaun sebanyak RM15,000.00. Kita bina juga rumah yang sekarang ni rumah ini rumah *flat* tu rumah. Pangsapuri Pahang 1st dia dekat dekat dengan stesen dan ni ECRL. *So* itu diantara kita nak sediakan kemudahan perumahan. Kita tahu tu. Kemudian kita bina juga rumah... Rumah rakyat Pahang, Rumah Rakyat Pahang, rumah *free*. Walaupun kosnya RM80,000.00 kita bagi dengan percuma dan disamping tu juga kita galakkan juga untuk pihak pemaju membina rumah-rumah di bawah program yang dinamakan sebagai er... maknanya pemaju yang ada 10 lebih kurang tanah yang kurang 10 ekar. Misal contohnya untuk bangun datang kemukakan cadangan. Jadi maknanya untuk makluman pencerahan tadi dari segi aspek perumahan, memang kita berikan penekanan dan ini di antara mengapa yang matan ni bajet dan juga Inisiatif Makmur Pahang ni adalah untuk mengurangkan kos sara hidup itu tadi. Itu kita bagi kepada pelajar miskin kita bagi kepada pelajar nak masuk kita bagi kemudahan kelengkapan persekolahan. Banyak aspek petani, nelayan, penternak, ibu tunggal, Tok Imam. Banyak. Jadi maknanya... maksudnya... tentunya kerajaan negeri memberi penekanan untuk meringankan bebanan penduduk khususnya yang terlibat mengenai dengan kos sara hidup… kos pada masa ini. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Memang kita hargai dan kita akui usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu rakyat. Itu memang tidak dinafikan dan kita hargai. Cuma cadangan dan pandangan yang kita beri ini untuk tambah baik yang mana kurang dan mana yang perlu kita berikan tumpuan. Sebab itu saya kata, walaupun angka penjawat awam tadi, kenapa saya cadangkan supaya naik… naik RM1.2 juta… RM1.25 juta jadi kalau RM5 juta, dia

boleh beri 25,000 orang penjawat awam. Maknanya 40% penjawat awam itu dapat inisiatif… insentif daripada… daripada kerajaan, daripada 29%. Ini cadangan pandangan saya. Sebab kita ada kemampuan. Kerajaan negeri, saya yakin ada kemampuan setakat 1.2…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker, *sorry.* Kalau nak… dia sebenar gini. Kalau kita bagi RM200.00 sebagai imbuhan, ada 18,000. Jadi kalau sahabat saya daripada Beserah kata nak ramai, kita bagi RM100.00 je. Ramai la lagi dapatnya. [Ahli Dewan ketawa] Ini maknanya kalau kita nak bilangan, kita bagi kurang, lagilah banyak, kalau itu indikator yang diperlukan oleh apa nama? Ini ADUN Beserah.

Yang kita ni ada *threshold.* Makna maksudnya RM3,000.00 ke bawah. Kebetulan RM3,000.00 ke bawah, kita ada 18,000. Kalau kita nak naik pergi 25, kita kena naikkan pulak dia punya *threshold* dengan izin… maknanya gaji tu. Jadi bila naikkan, dia akan melibatkan lebih ramai. Mungkin bukan 25,000, mungkin pergi lebih daripada itu dan ia akan meningkatkan lagi apa nama… ini… tanggungan kerajaan negeri untuk menyumbang sebagai imbuhan kepada kakitangan kerajaan persekutuan. Ini sebagai permulaan, sebelum ni tak pernah buat. Kita buat kali ini. Itu bagusnya.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih. Saya… saya, sebab apa saya pilih angka tu? Sebab bagi saya 40%, angk… 25,000, RM5 juta *threshold* dia terpulanglah angka RM5 juta ni sebagai *fix* dia. Carilah *threshold.* Mungkin RM3,000.00 - RM100.00, RM3,000.00 - RM50.00, gitulah. Maknanya supaya 25,000 orang ataupun 40% daripada penjawat awam persekutuan ni menikmati satu… sesuatu dengan hanya peningkatan RM1.25 juta sahaja, tambahan daripada RM3.75 juta. Ini pandangan dan cadangan, sebab ramai juga kakitangan kawan-kawan kita daripada polis, daripada cikgu… tanya eh… kalau saya RM3,000.00 - RM100.00, tak dapat ni. Eh… sayang. Itu yang saya suarakan ya dan untuk dipertimbangkan kalau… kalau… kalau boleh, kalau tidak… ya, kita kena terima hakikat inilah yang kita… kita bincangkan di sini.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

[ketawa] Tak YB. Lebih baik kira bagi semua pada kakitangan kerajaan persekutuan. Lagi senang…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kalau mampu, alhamdulillah…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

60,000 lebih. Jadi sekurang-kurangnya, terima kasih ADUN Beserah kerana ADUN Berserah bercakap ni, maknanya semua kita dapat. Maknanya contoh gitulah. Jadi maksudnya, *it got to be realistic,* dengan izin. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya. Saya rasa angka yang saya bagi ni realistik, bagi semua tu lagi tak realistik. Lebih realistik, sebab saya mengikut signifikan angka… angka ni.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

YB Speaker,

Bagus ADUN Beserah ni. Dia teratur. Cadangan dia pun baik, positif. Tapi kita kena apa namanya? Bak kata pepatah Arab tu [Bacaan dalam Bahasa Arab], makna yang… yang seadanya, yang itu kita buat. Jadi jangan kita tipu diri kita dan paksa diri kita. Bak kata orang Temerloh ni akhirnya *le'e'* gitu kita. Maknanya kita buat benda yang luar daripada jangkaan (bacaan dalam Bahasa Arab), Allah tidak mentaklifkan sesuatu benda luar daripada keupayaan kita. Berbincang tu boleh, tetapi maknanya kita tebeng lagi… tebeng lagi… nak tekan lagi sampai… sampai *sontok* ke dinding [Ahli Dewan ketawa]. Jadi jangan begitu. Kita pakat molek-molek, (bacaan dalam Bahasa Arab), Allah mengajar kita begitu. Yang… takkan rugi kalau kita berunding dan tak akan gagal kalau kita beristikharah. Itu YB Speaker. Pindah hal lain pulalah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Er… Yang Berhormat-Yang Berhormat, sekarang dah ambil masa 23 minit. Jadi saya minta gulunglah. Jangan, nanti Kuala Sentul boleh… boleh… boleh berucap kemudian. Besoklah kerana ramai… ramai kakitangan kita [Ahli Dewan ketawa] kita hargai juga kakitangan nanti mereka nak rehat, solat nanti. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Exco-Exco…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sorry… Zohor… Zohor*. Sorry… sorry… sorry.*

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tak apa Yang Berhormat Speaker, tak apa. Kita serahkan kepada kebijaksanaan pihak kerajaan. Ini pandangan dan cadangan serta permintaan, serahkan kepada kebijaksanaan dan juga pertimbangan sewajarnya daripada pihak kerajaan. Seterusnya saya nak bawak kepada perkara utama di kawasan saya.

Yang pertama, kawasan saya ni kawasan yang… yang bercampur nelayan ada, pertanian ada, industri dan juga industri besar berat semua duduk di kawasan Gebeng. Dan ini memberikan tekanan kepada… kepada pengguna dan juga rakyat sekitarnya

di dalam soal er… perjalanan dan lalu lintas. Lori kargo besar duduk di situ, kren jentera berat semua berada sentiasa ber… bercampur dengan kenderaan awam yang biasa, yang juga boleh memberikan kesan sama ada keselamatan ataupun dari sudut kesesakan.

Maka sudah sampai masanya bagi saya untuk kita melihat. Saya yakin adalah dalam perancangan pihak kerajaan cuma tak tahu duduk dalam RMK berapalah. Tak… tak sebut lagi RMK-13 pun tak sebut… daripada RMK... sudah sampai masanya jalan antara Beserah sampai ke sempadan, sampai ke kawasan industri Gebeng itu dinaik taraf kepada 4 lorong kerana terlalu… terlalu sesak. Ditambah pula apabila cuti hujung minggu, kawasan Beserah, kawasan pantai ini menjadi tumpuan pelancong. Ini akan menambahkan lagi kesulitan dan kesesakan dan merbahaya di jalan-jalan.

Jadi, saya migak… minta pihak kerajaan mengangkat perkara ini sebagai keutamaan kerana ia soal keselamatan. Mungkin RMK yang akan datang, tidak masuk dalam RMK-13… mungkin dalam tempoh 3 tahun tapi jadikan ia satu keutamaan kerana ia memberikan keselesaan kepada penduduk setempat.

Yang kedua, kehadiran lori-lori kargo dan kontena ini juga memberi… memberi kesan kepada penduduk setempat kerana ketiadaan tempat untuk diletakkan kenderaan mereka. Mereka akan letak depan rumah, kawasan perumahan, tepi jalan besar di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan rumah sewa mereka dan sebagainya dan ini mengganggu keselesaan dan juga keselamatan orang ramai.

Maka saya ingin mencadangkan supaya dirangka satu perancangan. Bina satu terminal sepertimana terminal bersepadu yang kita ada di Kuantan ni. Tapi ni untuk lori-lori dan juga kenderaan berat di kawasan industri Gebeng ini, kerana lori-lori ini bila mereka pulang daripada kerja, dia boleh simpan di situ. Tidak bawa balik ke tempat rumah dia dan boleh mengganggukan… mengganggu er… ketenteraman dan keselesaan awam. Buat satu terminal bersepadu, di situlah lori-lori ini ditempatkan, di situ juga boleh diadakan perniagaan-perniagaan hiliran untuk mereka berehat, di situ juga boleh dijadikan kawasan rawat untuk lori- lori dan juga jentera-jentera yang perlu di… dibaiki.

Jadi *workshop* dia *centralized*. Terminal bersepadu untuk er… kenderaan awam… kenderaan industri ini. Lori ke kren ke dan sebagainya. Ada satu tempat bersepadu untuk disimpan, diletak dengan selamat dan sebagainya. Itu yang kedua.

Dalam masa yang sama juga, saya juga ingin mengangkat soal banjir di kawasan saya. Baru ni, minggu lepas… dua minggu lepas, 28 November, kawasan saya dilanda banjir dan saya dapati bahawa ianya semakin… makin lebar atau makin besar kawasan banjir ni. Dulu satu tempat je, sekarang ni dah menjadi… dulu satu kampung dah jadi dua kampung, satu taman dah jadi dua taman yang kena banjir. Semua ini bila kita lihat, berpunca daripada saliran dan semua orang tahu saliran sama ada saliran itu tak cukup besar dengan menampung aliran air yang semakin banyak, saliran yang tidak diselenggara atau yang tersumbat. Dua benda ni je.

Jadi saya ingin mencadangkan yang pertama, sebarang projek baharu pembangunan perlu ada… ada sepertimana Kuala Semantan sebut, perlu ada sampai dalam pelan dia tu mesti sampai kepada *final discharge*, sampai sungai. Kalau sekiranya setakat… setakat kawasan dia sahaja, kita *hold* dulu kelulusan dia. Mesti selesai sampai kepada aliran itu pergi sungai tanpa sangkut.

Kalau perlu, laluan itu kena tanah milik… kena ambil tanah tersebut. Pemaju kena bantu dan kawasan saya itu, ada tuan tanah yang sanggup beri laluan. Lalulah longkang parit tapi buat *proper,* buat longkang konkrit. Maknanya pemaju kena berbincang dengan tuan tanah supaya bina longkang yang… yang betul-betul sesuai. Jadi tuan tanah rasa selesa, tak adalah guna laluan guna tanah dia tapi tak buat longkang yang selesa. Saya cadangkan sebelum kelulusan diberikan pada mana-mana projek…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker,

Sikit je. Boleh saya mencelah? Sekejap, sikit je. Dia sebenarnya mungkin er… Yang Berhormat rakan saya Exco Infra mungkin boleh menyentuh dalam penggulungan. Biasa begini, saliran ini kalau kita buat reka bentuk… dia ada tahun-tahun berulang dia panggil *return period* dengan izin er… jadi kalau kita buat ini reka bentuk untuk ini er… menangani masalah banjir saliran ini dia ada tahunnya. Dia ada 5 tahun, dia ada 10 tahun, dia ada 20 tahun, dia ada 30 tahun, ada 50 tahun, ada 100 tahun. Banjir ini akan berlaku tak semestinya misal contohnya banjir yang berlaku pada masa sekarang ini dia… dia apa nama er… kadar ini er… kesan dia itu sebegini. Dia menengok pada ulangan itu *frequency* jadi sebab itu dalam konteks seumpama ini saya yakin JPSlah Jabatan Pengairan dan Saliran memang mempunyai pakar dia itu. Dia mengambil kira ini reka bentuk ini sebab itu kita lihat misal contohnya berlaku di Kuala Lumpur kalau tengok macam di Kuala Lumpur ada masa er… macam mana boleh banjir itu kira kalau ikut semua sistem saliran semua ada hebat tapi dia ada keadaan-keadaan tertentu di mana ada perubahan ini er… apa nama dipanggil cuaca yang menyebabkan ada *cyclone*lah, *senyar cyclone* yang tak pernah kita dengar er… itu yang pertama.

Yang keduanya, berkenaan dengan sistem saliran ini untuk pemajuan. Sebab itu kita ada kebenaran merancang, kita mengemukakan pandangan dan biasa lazimnya mengikut pengalaman yang saya ada, dia memang kita nak meluluskan projek ini mestilah dia mengambil kira sistem saliran hingga ke *outlet* dia iaitu ke sungai ataupun ke tempat yang er… jarang kita buat sekali terputus supaya dia keadaan dia konsep dia er… pemajuan ini tidak akan menjadikan kawasan yang sebelah itu lebih teruk daripada keadaan yang sedia ada dan atas kerana itulah kerajaan mengenakan caj pemajuan dan juga caj saliran sepertimana yang er… ini ADUN Kuala Semantan tanya mengapa ada caj…caj… er…caj... caj begini. Caj inilah yang untuk digunakan dalam mempastikan sistem saliran itu dapat di er… bukan sahaja dibina dapat diselenggara dengan baik. Itu untuk makluman seolah-olah saya nak menggambarkan pihak kerajaan makna tak ada perancangan, tidak ada langsung prosedur dan teknikaliti yang diambil dalam meluluskan sebarang pemajuan tanah. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Betul saya er… saya akui ada kebenaran merancang yang diluluskan dan sebagainya cuma saya kena *caveat* sedikit. Saya kena er… apa itu kata *dispute* sedikit pandangan Yang Berhormat Benta ini. Apa yang berlaku memang ada kelulusan kebenaran merancang tapi setakat kawasan itu sahaja tak pergi *final discharge*. Sebab itu yang berlaku banjir di kawasan PR1MA Sungai Karang. Bila dia buat kawasan itu sampai habis *final* itu masuk tanah orang, tak boleh buat longkang dah dia tak akan buat. Jadi air itu tak boleh apa ini er… *volume* air yang ada itu tak boleh ditampung oleh tanah orang sebelah ini. Ini sedang berlaku tapi lulus kebenaran merancang kawasan

perumahan lain air dia pergi tumpang longkang rumah perumahan lama ke er… kecik... yang ini sedang berlaku.

Saya er… saya bukan nak pertikaikan kebenaran merancang kelulusan ada pemaju kata kami lulus, kami ikut ini. Jadi yang ini yang sedang dihadapi di kawasan saya Yang Berhormat er… jadi bukan er… bukan kata tak ada bukan tidak. Saya tidak menafikan ada kebenaran merancang, lulus dan telah ambil kira semua tapi realiti dia inilah yang sedang berlaku.

Yang kedua, saya minta supaya sebelum kebenaran merancang ini diluluskan libatkan pemimpin setempat ketua kampung terutama sekali. Tok Empat ini kadang-kadang dia tahu macam er… ada buat rumah kawasan ini dia pun tidak dirujuk jadi dia boleh bagi pandangan sebab mengambil kira orang di situ, dia boleh memberi pandangan dan pendapat kesan daripada pembangunan satu-satu projek. Itu saya mohon pertimbangan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat er… Yang Berhormat, begini…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO’ HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat, nak gulung dah ini. Yang Berhormat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat, minta maaf sekejap sahaja dia sebenar begini, bila kita ada er… kita ada rancangan tempatan, *local plan* dengan izin. Memang *local plan* atau rancangan tempatan ini dia sebenarnya dah ada perancangan di pihak PBT untuk merangka ini dia perancangan di kawasan tersebut ada kawasan zon perumahan, ada kawasan-kawasan industri dan kawasan-kawasan sebagainya dan dia memang ada dia buatkan macam dipamerkan untuk mendapat pandangan daripada pihak-pihak tertentu. Jadi kalau sekiranya ada perancangan menjadi kewajipan pemilik-pemilik tanah untuk meneliti dan membuat bantahan ataupun cadangan balas supaya dapat diambil kira oleh pihak berkuasa tempatan dalam mengemukakan rancangan tempatan er… ini ataupun *local plan* ini, dengan izin, untuk diperakukan kepada pihak berkuasa jadi maknanya bukan tak ada *engagement* dengan er… apa nama pemimpin setempat itu tapi bila dah benda itu diluluskan baharu nak dibangkitkan, saya ingat itu mungkin tak berapa sesuailah. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO’ HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey, ini nak gulung dah ini Yang Berhormat Speaker. Satu lagi perkara keutamaan yang saya mohon pihak kerajaan kawasan banjir saya ini ada er… ada satu *culvert* yang telah lama 30, 40 tahun dah kecil er… di depan Pasar Sejahtera Beserah itu jadi *bottleneck* menjadi punca air tak dapat mengalir dengan er… dengan lancar yang

terpaksa… yang akan berpatah balik yang ini jadi banjir termenung dan sebagainya. Saya harap perkara ini diangkat sebagai keutamaan kerana dia memberi kesan yang besar kepada penduduk di kawasan setempat ini di *culvert* itu perlu tukar jambatan er… itu sahaja dah lulus dah daripada RMK10 lagi lulusnya dah nak masuk RMK13 tak buat-buat tak ada bajet lagi ini. Saya tak pastilah bila pula boleh masuk dah 15 tahun dah benda ini saya difahamkan diluluskan dah tapi bajet tak datang-datang dah 15 tahun. Jadi kalau boleh kita nak supaya disegerakan er… pembinaan menggantikan pembetung *culvert* ini kepada jambatan di kawasan Beserah ini.

Akhir sekali, er… saya juga mohon supaya tapak pelupusan sampah Jerangau - Jabor ini dilihat dan diberikan sedikit pilihan untuk dipindahkan kerana pencemaran bau yang semakin kita menerima rungutan daripada penduduk setempat. Selain daripada itu, dia menjadi punca kawasan air termenung di kawasan kejiranan kerana aliran air bila hujan lebat, air tidak dapat mengalir baik kerana disebabkan oleh tapak pelupusan sampah yang er… yang ada di sini.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Sedikit sahaja sahabat. Saya nampak begini bila sahabat saya daripada Beserah ini dia menceritakan masalah di kawasan dia banyak betul. Saya tengok sampai *culvert detail* la maknanya jadi saya teringat saya kata, saya nak cadangan saya ini…cadangan kan er… cadangan tadi buat cadangan. Saya buat cadangan. Saya ingat daripada pergi merayau ke kawasan lain, kawasan-kawasan yang di luar daripada kawasan kita. Saya cadang kat YB Berserah, duduk kat Beserah itu cari satu-satu selesaikan satu ini daripada nak pergi ke kawasan lain, pergi ke Jelai, pergi ke hala, nak pergi be Benta, nak pergi er… pergi duduk kawasan masing-masing fikir selesaikan masalah ini er… rakyat sebelah Beserah memilih ini YB yang pergi ke luar buat apa duduk rumah sendiri tak selesai ini er… baru sekarang ini dalam Dewan boleh cakap…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO’ HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya, Yang Berhormat er… ya, Yang Berhormat…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Sebenarnya boleh selesaikan? Jadi saya rasa saya cadangkan nasihat saya makna sebagai sahabat ini, nasihat duduk di Beserah itu tengok betul-betul jalannya, rumahnya, longkangnya, banjirnya, masalah orang, kebajikan orang sebagai er… saya ingat situ kalau duduk situ 365 hari saya ingat tak er… mungkin maknanya ini saya er… saya rasa itu lebih baik daripada merayau pergi masuk macam polong tak bertuan misal contohnya. [Ahli Dewan ketawa] Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO’ HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat,

Dia ada satu istilah dalam pengurusan dipanggil *benchmarking* er… dipanggil apa penanda aras *benchmarking* jadi kita pergi tempat orang ini tengok keadaan tempat orang itu yang mana baik kita ambil. Jadi, bolehlah sama tempat kita.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, tak apa. Tak apa, kita balik dari er… ke sini er…ya.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

[Ketawa] Tak, saya jawab apa yang er… saya terima cadangan itu supaya tengok beri tumpuan tapi saya ada satu istilah *benchmarking* proses ini kita nak tengok. Kadang-kadang kita perasan kita buat baik dah.

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, saya nak tanya ADUN Beserah ini.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya.

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat pergi ke Jelai tak hari itu? Hogoh Jelai.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Pergi. Saya pergi 3, 4 kali. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi apa er… apa yang Yang Berhormat nampak di Jelai itu?

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dia baik. Bertambah baik, ada benda baik.

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Baik, terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ada benda baik. [Ahli Dewan menepuk meja] Ada benda yang er… yang boleh kita *apply* ini *benchmarking* sama juga kerajaan, Wakil-wakil Kerajaan pergi melawat luar negara. *Benchmarking* buat tengok apa yang baik di sana dan dibandingkan apa yang baik di tempat kita er… itu sahaja proses dia Yang Berhormat Speaker. Ini sebab nak jawab cadangan sahabat saya Yang Berhormat Benta ini [Ahli Dewan ketawa]. Jadi kalau [ketawa] jangan…

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Benta pun banjir juga, elok juga Benta duduk jaga Benta dulu. Jangan tengok tempat lain. [ketawa] Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bagaimana menguruskan banjir dan sebagainya ini proses dia jadi itu bergurau, bahagian yang *serious is serious*… benda yang serius adalah bila kita kata ada masalah, kita perlu selesai dan ada masanya kita tak boleh selesai diri kita sendiri kena minta bantuan daripada pihak yang berautoriti inilah proses yang kita guna.

Yang Berhormat Speaker,

Tadi saya er… *last* saya di mana tapak pelupusan sampah ini er… ini [ketawa] Speaker dah bagi *warning* ke saya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Sekali sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya... ya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Sekali, *one time*. [Ahli Dewan ketawa] Tak, sahabat saya daripada Beserah. Saya tadi dengar pasal apa pelupusan sampah jadi saya takut bukan apa er… takut esok ada *claim…* [ketawa] *claim... claim* jadi yang kita tengok pengurusan pelupusan sampah Jabor - Jerangau ini TP apa... TPJJ. Jadi yang sebenarnya kerajaan sentiasa kita meneliti perkara tersebut dan kita dapat, kita tahu benda itu sudah sampai ke tahap yang ke maksimum dah. Yang tak mungkin tak dapat ditampung lagi oleh TPJJ ni. Dan pada masa yang sama kita baru-baru ini, kerajaan negeri kita telah meluluskan tapak pelupusan sementara di Gebeng. Tempat yang untuk kita sama buat WtE. Tempat yang sama WtE tu seluas 80 ekar, 20 ekar kita akan *reserve*kan untuk tapak pelupusan sementara kerana kita pada masa akan datang, bawah 672 ini, kita tidak lagi membuka tapak pelupusan baru. Dan ini yang kita luluskan ini adalah untuk sementara sahaja. Kita takut nanti tempat TPJJ tu penuh. *Leachate* itu keluar banyak sangat, mencemari sungai-sungai. Jadi, kerajaan mengambil tindakan bersetuju meluluskan tapak

pelupusan sementara di Gebeng dan tapak yang sama juga seluas lagi 60 ekar itu adalah di*reserve*kan untuk membina WtE, Waste-to-Energy untuk masa akan datang. Jadi saya tak nak nanti sebab baru cakap ini, baru kita nak buat, tak... kita buat dah buat dulu, perancangan ini kita nak laksanakan secara teratur oleh kerajaan negeri. Jadi YB Beserah jangan risau sangat ye. Terima kasih atas itu.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih... terima kasih. Kita tak nak *claim*. Itu saya ucap terima kasih di atas segala apa yang telah diusahakan dan menerima pandangan kita ini. Ya itu je. Terima kasih. Kita *give the credit due to the people* yang buat kerja ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih banyak. Ini *first time* saya dengar ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Speaker,

Saya rasa itulah Yang Berhormat. Dah lama sangat ini ya. Saya rasa itulah yang dapat saya sama sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam proses menyiapkan belanjawan ini dan sama semua penjawat-penjawat awam yang telah berkhidmat dengan baik, dedikasi dan bertanggungjawab. Kita harapkan semoga ianya dapat diteruskan di masa yang akan datang. Saya dengan ini menyokong, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Beserah. Seterusnya, saya menjemput Ahli dari Tanah Rata.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam Pahang 1st. Pertama sekali saya merakamkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2026 yang seimbang, komprehensif, inklusif dan bermisi menjana pembangunan negeri dan juga meningkatkan kesejahteraan rakyat. Negeri Pahang juga telah berjaya mencatat pungutan hasil melebihi RM1 bilion, bukan untuk 1 tahun, bukan untuk 2 tahun tetapi 4 tahun berturut-turut [Ahli Dewan menepuk meja]. Kita juga lihat semua lapisan masyarakat termasuk warga emas, OKU, anak muda, murid, pelajar, mahasiswa... semua menerima manfaat di bawah belanjawan ini. Maka sudah terang lagi bersuluh bahawa belanjawan ini bukan belanjawan pilihan raya tetapi belanjawan pilihan semua.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya izinkan saya bincangkan dalam Dewan Yang Mulia ini Teras Belanjawan yang berbunyi "Melonjak Ekonomi Negeri" dan salah satu usaha adalah mengukuh agenda keterjaminan makanan negeri dan dengan langkah meningkatkan penglibatan anak muda dalam sektor pertanian. Berdasarkan Banci Pertanian 2024, sektor pertanian di Malaysia amat bergantung kepada guna tenaga yang berusia tinggi iaitu 45.4% yang berusia 6 tahun... 60 tahun ke atas berbanding dengan hanya 22.2% daripada guna tenaga yang berusia 15 hingga 45 tahun.

Maka apabila semakin ramai petani berusia tinggi dan terpaksa bersara, kekurangan tenaga kerja dalam sektor pertanian akan menjadi semakin ketara. Antara sebab golongan belia tidak berminat dalam sektor pertanian termasuk kos permulaan ataupun *upfront cost* yang tinggi, kos input yang semakin meningkat, kekurangan pekerja serta keberangkalian kerugian yang tinggi dan kadangkala sukar dijangka. Sebagai contoh, kita lihat harga sayur di kebun di daerah Cameron Highlands adalah amat rendah hampir setahun ini menyebabkan ramai pekebun terutamanya yang kecil terpaksa menanggung kerugian. Hanya dalam seminggu atau dua ini bahawa harga sayur meningkat secara mendadak. Kebetulan hari ini ada New Straits Times pada hari ini memaparkan bahawa *veggie be soared*, dengan izin bermaksud harga sayur meningkat secara mendadak.

Ada orang persoalkan bahawa mungkin ini adalah satu fenomena yang baik yang menguntungkan kepada para pekebun. Sebenarnya tidak. Sebab kita lihat kalau harga sayur meningkat secara mendadak, maksudnya dalam New Straits Time pun ada mengatakan bahawa para pengguna sebenarnya akan mengurangkan pembelian sayur dan pada masa yang sama kenapa harga sayur meningkat adalah kerana musim monsun kerana banyak tempat dilanda banjir termasuk negara jiran, negara Thailand. Jadi pada masa yang sama, bekalan sayur sebenarnya menurun.

Maksudnya, kalau pekebun yang mungkin bernasib baik, yang boleh menuai sayur pada masa yang tepat, ya mungkin boleh mendapat keuntungan pada masa ini tetapi kebanyakannya terutamanya yang pekebun kecil akan menanggung kerugian juga, ataupun tiada sayur untuk hantar ke pasaran. Jadi fenomena sebegini sebenarnya adalah tidak stabil, tidak konsisten dan juga tidak lestari ataupun *not consistent not sustainable*. Oleh itu, saya percaya bahawa kerajaan boleh menyediakan perancangan strategik bagi menggalakkan golongan belia untuk menceburi bidang pertanian terutamanya melalui sokongan institusi kepada para pekebun bagi mewujudkan persekitaran pertanian yang mendukung dan inklusif.

Dalam pada itu, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memperuntukkan RM58.63 juta untuk tahun 2026 bagi memastikan agenda keterjaminan makanan negeri diperkukuh. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan mempertimbangkan untuk membantu mengurangkan kos pertanian pekebun yang semakin meningkat. Contoh, melalui pemberian subsidi kepada pekebun bagi kos input pertanian seperti baja dan racun perosak. Saya lihat bahawa langkah ini sebenarnya merupakan serampang dua mata kerana selain daripada meringankan beban pekebun, kerajaan menerusi Jabatan Pertanian juga boleh contoh, menetapkan bahawa penggunaan sesetengah baja dan juga racun perosak yang diiktiraf yang selamat boleh dibeli dengan diskaun, sebagai contoh dan ini juga boleh membantu kita menuju ke arah pertanian lestari.

Saya juga sekali lagi memohon pertimbangan kerajaan negeri untuk membantu mengurangkan kos pertanian yang ditanggung oleh para pekebun dengan memberi pengurangan sewaan tanah yang ditawarkan oleh Pahang Corporation kepada pekebun kecil Cameron Highlands serta menawarkan tempoh sewaan tanah yang lebih panjang kepada pekebun bagi meningkatkan tahap keselamatan pegangan tanah ataupun *land security* yang juga boleh menjadi pemangkin kepada pekebun untuk melabur dalam teknologi moden. Mempertingkatkan tahap pertanian ke arah pertanian lestari dan juga menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang pertanian.

Yang Berhormat Speaker,

Isu kedua yang ingin saya bincangkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah rancangan tebatan banjir (RTB) atau projek berkaitan demi mengurangkan risiko banjir secara sistematik. Di sini saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana memperuntukkan RM52.3 juta kepada JPS bagi projek pengurangan banjir dan juga RM11.6 juta untuk perlaksanaan RTB daerah. Usaha kerajaan negeri bertambah kukuh dengan sinergi dan sokongan yang padu daripada kerajaan persekutuan melalui peruntukan RM188 juta, sangat *"ong"* angka ini, bagi tujuan projek tebatan banjir berskala besar serta kajian dan pembangunan sistem saliran mesra alam.

Bagi daerah Cameron Highlands, banjir kilat juga berlaku apabila hujan turun dengan lebat dan kawasan tertentu terutamanya kawasan Tringkap sering kali dilanda banjir kilat. Pada tahun lepas, dua kali dilanda banjir kilat. Pada tahun ini, awal bulan Mei, banjir kilat juga berlaku dan menyebabkan 14 keluarga terpaksa berpindah ke PPS. Satu Kajian Pelan Induk Saliran (PISMA) bandar Cameron Highlands telah dijalankan pada tahun 2018 bagi mengenal pasti punca kejadian banjir dan juga merancang infrastruktur saliran. Justeru, saya mohon agar kerajaan persekutuan, kerajaan negeri boleh pertimbangkan untuk meluluskan peruntukan bagi memulakan projek saliran mesra Cameron Highlands.

Dato' Sri Speaker... Yang Berhormat Speaker,

Ketiga, saya ingin menarik perhatian dewan ini terhadap usaha meningkatkan keselamatan cerun. Tanah runtuh berlaku di puncak Arabella, Tanah Rata pada 28 November menyebabkan jalan akses ke puncak Arabella terputus. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Daerah Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua, er... Majlis Daerah Cameron Highlands dan juga semua agensi kerajaan yang terlibat dalam usaha memindahkan mangsa, membersihkan runtuhan tanah, menjalankan siasatan keselamatan cerun dan sebagainya.

Di samping itu, insiden tanah runtuh juga berlaku di Pangsapuri Aster Ringlet pada 24 November. Insiden sebegini, merupakan peringatan bahawa keselamatan cerun terutamanya di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands, perlu diberi perhatian yang serius. Di sini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga er... Sfino, kerana telah luluskan peruntukan kecemasan untuk membaiki cerun di puncak Arabella Tanah rata. Saya juga difahamkan bahawa semua penghuni di Blok C, Puncak Arabella untuk masa sekarang tidak dapat pulang ke rumah disebabkan cerun tidak selamat. Dan er... berdasarkan data yang saya ada 9 keluarga atau 83 orang mangsa, masih duduk di PPS untuk masa sekarang. Jadi, saya memohon agar satu bantuan sewa rumah boleh diberikan kepada mangsa yang er... berkaitan sementara menunggu cerun dibaiki.

Pada masa yang sama, insiden tanah runtuh seperti ini juga menjadi peringatan bahawa adalah penting untuk kita mempertingkatkan penambahan sistem amaran awal pergerakan tanah. Terutamanya di kawasan perumahan di daerah Cameron Highlands. Saya difahamkan bahawa, pihak JKR sedang giat memasang er... sistem tersebut, dan mengenal pasti lokasi cerun yang berisiko di jalan persekutuan, jalan negeri dan sebagainya. Cuma bagi cerun di kawasan perumahan pula, saya menyeru agar sejumlah peruntukan boleh disediakan oleh kerajaan persekutuan atau negeri khas kepada PBT untuk memasang sistem amaran awal pergerakan tanah terutamanya di kawasan perumahan yang mempunyai cerun dan berisiko.

Yang Berhormat Speaker,

Keempat, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri, atas usaha meningkatkan tahap dan mutu pengangkutan awam di negeri Pahang. Dengan adanya sokongan yang padu daripada kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan. Selain daripada ECRL yang bakal menjadi pemangkin kemajuan ekonomi negeri Pahang. Kita lihat juga *mode* pengangkutan awam lain yang baru dan bakal bermula, iaitu BAS.MY yang akan mula beroperasi di Kuantan pada 15 Disember ini. Semua warganegara Malaysia, boleh menikmati manfaat ini, dengan membeli pas perjalanan bernilai RM30.00 untuk penggunaan perkhidmatan BAS.MY tanpa had, tanpa syarat tambahan selama 30 hari.

Bagi pelajar berusia 17 tahun ke bawah, OKU, pelajar IPT dan warga emas, mereka boleh membuat pendaftaran kad konsesi dengan hanya bayaran minima RM10.00. Saya percaya bahawa perkhidmatan yang lebih dinamik dan cekap dan murah ini, akan membantu memperkasa, menambah baik dan mentransformasikan perkhidmatan awam terutamanya perkhidmatan bas dari aspek kemampanan dan juga meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Diharapkan juga perkhidmatan BAS.MY ini juga boleh diperluas ke daerah lain pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Speaker,

Isu keempat yang ingin saya bincangkan adalah fenomena keganasan sekolah dan bagaimana kita nak memperkasa anak muda kita. Rakyat dikejutkan dengan berita baru-baru ini, bahawa pelbagai insiden buli mahupun pembunuhan berlaku dalam kawasan sekolah. Kita lihat statistik buli di Malaysia, menunjukkan peningkatan kes, dengan KPM merekodkan 7,681 kes pada 2024. Berbanding 6,528 kes pada tahun 2023. Membuktikan bahawa keperluan untuk kita memperkenalkan intervensi semakin mendesak. Fenomena keganasan ini, merupakan satu masalah multifaktorial disebabkan oleh pelbagai faktor. Maka sinergi dan kerjasama semua pihak, termasuk KPM, Kerajaan negeri, Ibu bapa, NGO, Komuniti setempat, sekolah adalah mustahak.

Pengenalan pendidikan literasi digital, juga sangat penting. Untuk memberi pendedahan kepada anak muda kita, tentang cara menggunakan teknologi secara berhemah. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Dewan ini, terhadap perancangan untuk mengehadkan umur minimum. Penggunaan media sosial kepada 16 tahun.

Yang Berhormat Speaker,

Kita sedia maklum, bahawa perkembangan teknologi pada zaman ini walaupun ada keburukan, ada kebaikan, tetapi tidak dapat dinafikan telah membawa lonjakan perubahan besar terhadap cara hidup kita khususnya dari segi pembelajaran dan pendedahan kepada ilmu. Dalam sebuah artikel dipaparkan di *economist* pada 6

Disember, ia juga membincangkan penggunaan AI dalam pembelajaran dan bagaimana ia akan mentransformasikan kehidupan anak kita. Pada masa yang sama, KPM juga akan memperkenalkan asas kecerdasan buatan AI dan robotik dalam kurikulum baharu persekolahan tahun 2027.

Walaupun penggunaan AI dan sosial media, nampak mungkin berlainan, tetapi kedua-dua jenis teknologi ini sebenarnya purata dalam ekosistem teknologi yang sama. Di mana penggunaan yang tepat dan betul boleh mentransformasikan kehidupan dan merancakkan kadar pembelajaran. Tambahan pula, anak muda yang berusia 18 tahun kini, sudah diberi kuasa sudah diperkasa untuk mengundi bagi memilih pemimpin dan kerajaan pada hari ini. Jadi sekiranya penggunaan media sosial, dihadkan kepada 16 tahun, saya risau bahawa kita tidak sempat untuk melengkapi anak muda dengan ilmu dan pendedahan yang mencukupi, contohnya terhadap sistem demokrasi, tadbir urus dan yang paling penting, peristiwa dan isu semasa yang berlaku dan mampu mengubah landskap politik dan sosioekonomi negeri dan negara kita.

Maka saya menyeru, agar satu perbincangan agar lebih banyak perbincangan dan libat urus perlu dijalankan dengan semua pihak. Terutamanya ibu bapa dan para pelajar, kerana pengalaman anak muda dan pendapat mereka juga sangat penting dalam kita usaha untuk melakar perubahan yang sebenar. Langkah ini juga adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memperkasa anak muda agar membina golongan belia, yang bersedia untuk memimpin dan menentukan hala tuju negeri dan negara.

Yang Berhormat Speaker,

Kelima, saya ingin menyeru rakan-rakan semua, sama ada di kerajaan atau di pembangkang, untuk kita bersama-sama mengangkat Institusi Dewan Pahang, sebagai institusi yang membincangkan isu dan dasar negeri secara profesional, menukar pendapat dan menggubal undang-undang demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi serta kemajuan negeri. Janganlah kita sesekali terjerumus dalam budaya fitnah yang akhirnya merosakkan keharmonian masyarakat, perpaduan rakyat dan menjahanamkan, kemajuan negeri kita. Saya sebelum ini telah menyuarakan bahawa ADUN-ADUN negeri Pahang, secara amnya berucap dan berdebat dengan profesional dan berdasarkan fakta. Namun ada ADUN-ADUN negeri lain, ataupun er... Ahli Parlimen, yang memang selalu sinonim dengan budaya fitnah. Baru-baru ini, seorang ADUN dari negeri Selangor, dia fitnah Ahli Parlimen dari parti DAP dan selepas itu apabila kes dibawa ke mahkamah, beliau memohon maaf.

Lebih teruk lagi rekod parti tersebut ada seorang ketua pembangkang negeri, yang berkali-kali menabur fitnah, lepas tu memohon maaf apabila kes dibawa ke mahkamah. Dan yang baru, beliau juga telah digantung oleh Dewan kerana telah menabur fitnah yang berbaur perkauman dan hasutan juga. Mungkin sebab itulah, tokoh tersebut telah direhatkan daripada jawatan Pesuruhjaya negeri tersebut.

Jadi, harapan saya adalah kita semua terutamanya negeri Pahang. Kita perlu menjauhi budaya fitnah dan bohong ini. Jangan biarkan ia berakar dan merebak di negeri kita dan akhirnya menjejaskan keharmonian dan perpaduan rakyat dan bersama-samalah kita memperkukuh institusi demokrasi demi manfaat seluruh rakyat Pahang. Sekian, saja daripada saya dan saya mohon menyokong usul belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan Tepuk Meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat, Tanah Rata. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Jengka. Sila.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

(Ayat Al-Quran). Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Alhamdulillah (Bacaan Al-Quran). Terima kasih kepada YB Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan Pahang 2026 yang bertemakan 'Pahang 1st: Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan' dengan sasaran kutipan hasil sebanyak RM1.279 bilion, meningkat kira-kira 7% berbanding 2025.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar serta seluruh pasukan Kerajaan Negeri Pahang yang telah bekerja keras menyediakan bajet kira-kira 5 bulan yang lalu. Sesungguhnya penyediaan belanjawan bukanlah suatu tugas yang mudah, lebih-lebih lagi ketika negara berdepan dengan tekanan kos sara hidup, kenaikan harga barang dan minyak, penarikan sebahagian subsidi, pelaksanaan cukai baharu serta pelbagai cabaran luar jangka seperti banjir dan bencana alam.

Dalam suasana yang mencabar ini, usaha kerajaan negeri untuk merangka belanjawan yang berorientasikan kebajikan rakyat adalah sangat wajar. Saya sokong. [Ahli Dewan menepuk meja]. Ha… yang ni, cuma *kekgi point* yang bawah-bawah ni jangan bangunlah ya [Ahli Dewan ketawa]. Namun ketika… namun kita juga berharap setiap perancangan yang dibentangkan benar-benar diterjemahkan kepada kelegaan kepada rakyat di lapangan, insya-Allah.

YB Speaker,

Pertama saya nak sentuh isu prestasi kewangan negeri 2024. Saya cakap dengan lembut sikit supaya depan ni tak bangunlah. Peranan kami sebagai pembangkang di Dewan Yang Mulia ini adalah untuk melaksanakan tanggungjawab semak dan imbang. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan satu bajet yang besar tahun 2026, maka sudah tentu ia datang bersama tanggungjawab yang besar, juga dalam aspek pengurusan kewangan. Pendapatan yang besar menuntut perbelanjaan yang lebih teliti. Justeru, tugas kami bukan semata-mata untuk membangkang setiap perkara tetapi untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Yang baik kami sokong, yang lemah kami tegur, yang merugikan kami bangkang.

Wang yang dibelanjakan ini bukan wang peribadi sesiapa tetapi wang rakyat yang perlu diurus dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Oleh itu, apabila Ketua Pembangkang daripada Cheka menimbulkan isu defisit kewangan negeri tahun 2024 sebanyak RM128.17 juta, ia berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara. Ia bukan bertujuan untuk membangkang secara membuta tuli, sebaliknya ia adalah satu bentuk *check and balance* agar pengurusan kewangan negeri sentiasa berada pada landasan yang betul, telus dan berhemah.

Kedua, hutang awam kerajaan negeri. YB Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini terhadap isu hutang Kerajaan Negeri Pahang yang direkodkan secara rasmi dalam Laporan Ketua Audit Negara. Untuk rekod, pada tahun 2022, kerajaan persekutuan telah meluluskan penghapusan hutang negeri Pahang

sebanyak RM2.074 bilion. Selepas hapus kira, hutang sebenar kerajaan negeri direkodkan pada tahun 2022 ialah RM908.99 juta. Jadi tak sampai RM1 bilion dah tu.

Namun, angka dalam laporan audit menunjukkan tahun 2023, hutang meningkat daripada RM908.99 juta meningkat kepada RM967.33 juta. Tahun 2024, hutang terus meningkat kepada RM1.013 bilion. Ini bermakna tempoh hanya dua tahun selepas hapus kira, jumlah hutang negeri telah bertambah sebanyak RM104.31 juta.

Fakta ini membawa maksud jelas. Kerajaan negeri telah mengambil pinjaman baharu yang melebihi bayaran balik hutang sedia ada. Lebih membimbangkan Dewan ini, Jumaat yang lalu telah dibentangkan dengan Belanjawan Negeri 2026 yang pada hemat saya menunjukkan corak perbelanjaan yang masih agresif sedangkan kedudukan kewangan… kewangan negeri masih dibebani defisit tahun sebelumnya dan hutang yang semakin meningkat. Keadaan ini memberikan isyarat awal bahawa tanpa kawalan fiskal yang ketat, hutang berpotensi terus meningkat dan risiko belanjawan defisit akan berulang. Sehubungan itu, saya mohon penjelasan yang jelas daripada pihak kerajaan.

Yang pertama, berapakah jumlah bayaran balik hutang yang dibuat pada tahun 2023 dan 2024? Kedua, berapakah jumlah pinjaman baharu yang telah diambil dalam tempoh yang sama? Ketiga, dalam konteks Belanjawan 2026, adakah kerajaan negeri memberi jaminan bahawa lebihan RM5 juta yang disebut oleh Yang Amat Berhormat pada Jumaat yang lalu boleh direalisasikan dan tidak lagi ditampung dengan hutang?

Tujuan saya bangkitkan perkara ini bukan untuk menafikan pembangunan negeri tetapi untuk memastikan ketelusan pertanggungjawaban dan pengurusan hutang yang berhemah. Rakyat bukan menolak pembangunan tetapi rakyat berhak tahu sama ada hutang diambil untuk keperluan pembangunan sebenar atau sekadar untuk menampung kelemahan hasil akibat perbelanjaan yang tidak seimbang.

YB Speaker,

Yang ketiga, lancar saya ni, alhamdulillah. Agensi… saya sentuh agensi kerajaan negeri berbelanja melebihi peruntukan. Saya ingin menarik perhatian Dewan…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya bukan tak nak bangun, tapi saya ada ruang untuk menggulung dan dalam penggulungan tersebut saya akan jawablah. Cuma saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat, apa Yang Berhormat cakap ini, mungkin Yang Berhormat tak baca habis agaknya Laporan Ketua Audit Negara. Yang Berhormat kelulusan mana? Minta maaf Speaker, tanya. *Graduate* daripada mana?

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, yang panggil… simpan dulu jawapan, nak gulung hari Jumaat, insya-Allah. Saya ni macam nilah. Ada orang kelulusan sastera tapi boleh jadi Menteri Kewangan. Jadi saya kelulusan agama, bolehlah kot. Insya-Allah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' er… Tuan Speaker,

Kita bercakap bab kewangan ni, lazimnya bab kewangan ni orang yang ada kelulusan akauntan dan dia ada pengiktirafan. Dan buku yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara adalah buku yang data-data semuanya telah disahkan. Dan mana mungkin di Dewan Yang Mulia ini, saya mengatakan bajet itu surplus, apa ni? Hutang itu berkurang ataupun meningkat. Semuanya berasaskan kepada fakta dan angka-angka.

Saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat, angka yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara yang inputnya daripada negeri adalah satu angka yang… yang tepat. Angka tidak pernah berbohong kecuali kita auta jelah ya, sebab tu ada orang kata, angka ni tepat tetapi diautakan. Hah… itu kemungkinan juga, ataupun baca tak habis. Semalam semasa Anugerah Pahang 1st, saya dah memberi sedikit bayangan jawapan saya mengatakan mengapa bajet kita ini sebenarnya surplus tidak defisit. Sebab apa? Ada sebab-sebab tertentu dan saya akan jawab dalam masa penggulungan. Tapi kalau Yang Berhormat tak sabar, saya boleh cerita sikit. Boleh cerita sikit sebab saya masih belum mendapat input yang lebih baik, tapi masa menggulung ya. Okey terima kasih Dato' Speaker.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya sebut angkalah apa yang disebut oleh Laporan Ketua Audit Negara. Jadi, sebab itu kita perlu penjelasan yang tuntas daripada Yang Amat Berhormat, insya-Allah hari Jumaat, saya tak tidur saya mari insya-Allah.

Saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap keadaan perbelanjaan agensi kerajaan negeri tahun 2024 yang menunjukkan kelemahan kawalan kewangan. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, bukan saya… Peramu ya. Berdasarkan Ketua Laporan Ketua Audit Negara, terdapat 9 agensi kerajaan negeri yang merekodkan perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan, 9... saya baca 4 yang ketara.

Pertama, Jabatan Kerja Raya Pahang peruntukan RM88.19 juta tapi dia belanja RM90.54 juta. Jadi lebihan belanja RM2.35 juta, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan (Bekalan Air) peruntukan RM73.25 juta. Dia belanja RM83.14 juta. Jadi lebihan belanja RM9.89 juta. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan, peruntukan, peruntukan yang diluluskan RM43.94 juta perbelanjaan RM45.34 juta jadi lebihan belanja RM1.40 juta. Pejabat Menteri Besar kena sebut jugalah ni. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, peruntukan RM32.36 juta. Perbelanjaan RM33.42 juta. Jadi lebihan belanja ialah RM1.06 juta. Apabila…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker,

Saya pelik juga Yang Berhormat Jengka ni dia punya sebutan tu… biasa orang sebut RM90.36 juta. Jadi kalau disebut 90.36, 36 juta, jadi maknanya dia kadang-kadang tu

terkejut kita, tengok tu dia kalau biasa dibuatnya. 80.36 juta tu dia kabor gitu, bukan 36.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih, tersasul kot. *Sorry* la *about that.* Baik, apabila agensi kerajaan berbelanja melebihi kelulusan Dewan, ini menunjukkan kelemahan dalam pertama, perancangan belanjawan; kedua kawalan fiskal, ketiga tatakelola kewangan, keempat pengawasan pelaksanaan program. Keadaan ini tidak wajar dianggap sebagai isu teknikal semata-mata kerana ia melibatkan amanah wang rakyat. Maka saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan negeri, yang ini boleh Dato' Sri Diraja jawab esok. Jangan bangun sekarang.

Apakah punca sebenar perbelanjaan melebihi bajet ini berlaku? Kedua, apakah bentuk tindakan pembetulan yang telah diambil terhadap agensi-agensi yang terlibat. Ada 9 agensi, yang ketiga, apakah mekanisme kawalan baharu yang akan dilaksanakan bagi memastikan kejadian-kejadian yang sama tidak berulang pada masa hadapan. Dengan fakta ini jelas bahawa walaupun kerajaan negeri menyatakan komitmen untuk mengurangkan beban hutang, perkara asas seperti disiplin, perbelanjaan agensi masih memerlukan kepada perhatian serius.

Yang keempat, saya nak sentuh tentang infrastruktur dan penyelenggaraan prasarana awam. Selain daripada membincangkan soal dasar dan angka bajet, saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap isu-isu rakyat yang bersifat harian tetapi memberi kesan besar kepada kehidupan seharian mereka. Isu seperti longkang tersumbat, pecah, jalan berlopak, paip bocor serta pokok yang terlalu tinggi dan membahayakan keselamatan awam bukanlah perkara kecil. Ini adalah isu infrastruktur.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat panjang lagi?

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sikit lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tengah ada 4 *point* lagi. Tapi saya potong 4 tu, tinggal satu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ringkaskan.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Malangnya aduan-aduan ini sering berlarutan tanpa tindakan segera walaupun ia melibatkan risiko kemalangan banjir kilat dan pembaziran air akibat kebocoran. Saya ucap terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan yang sebahagiannya prihatin dan terus ambil tindakan yang kadang-kadang menunggu peruntukan dan sebagainya. Terutama saya terima kasih kepada agensi PAIP la, air. Air nampak dah kurang bersungut dah ni. Saya tengok dalam perbahasan pun nampak tak ramai bangkit bab air dah ni. Ingat boleh bagi hadiah ke dia lepas ni. Masya-Allah. [Ahli Dewan menepuk meja]

Oleh kerana apa ni Speaker dah bunyi saya pergi *point* yang terakhirlah. Peranan Wakil Rakyat, sebab ada sentuh semalam, peranan Wakil Rakyat pembangkanglah. Saya terpanggil untuk menjawab beberapa kenyataan yang dibuat Isnin yang lalu yang seolah-olah mempersenda YB Pembangkang dengan tuduhan suka *claim*, ni bukan hogoh ya, suka *claim*. Kerja agensi kerajaan tapi dia *claim…*

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, ADUN Jengka terasa ke? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak terasa cuma dok cakap bab hogoh macam teruja je semua. Baik hakikatnya, YB Pembangkang ni dia tak ada kuasa eksekutif, tak ada. Kami tidak mempunyai kuasa untuk mengarah mana-mana agensi kerajaan. Minta tolong ada, mengarah tak boleh. Kita minta tolong adalah ADUN, kalau Exco turun, dia boleh hello je agensi ni. Saya nak turun ke lokasi ada, kata ada aduan longkang pecah ni, awak turun sekali dengan saya, dia boleh. Kami tak boleh, terhad. Jadi untuk turut… kami tidak terlibat dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, tak dipanggil dah, saya tahun ni tak ada. Jadi kita tak tahu apa perancangan daerah kita tak tahu. Kami juga bukan ahli majlis, bukan Pihak Berkuasa Tempatan, tak masuk pun dalam mesyuarat tu, maka persoalannya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Kaki *claim* ni yang kita cakap semalam tu yang saya fahamlah. Sebab saya pun dengar di percakapan kawan-kawan je. Saya tanya la. Yang kita kata kaki *claim* ni, saya tanya sahabat saya rakan-rakan ADUN boleh *elaborate* sikit tak kepada saya apa maksud kaki *claim* ni? Biasanya kita pegawai kerajaan pergi ke mana-mana, kita *claim* kan. Dia kata gini, contohnya kaki *claim* ni, contoh ya Yang Berhormat, bila kita bagi bonus 2 bulan ni kawan-kawan belah sana, kata, oh… sebab kami hogoh Jelai dapat dapat 2 bulan. Memang betul. Dia kata kalau sekali hogoh 2 bulan, kalau 2 kali hogoh 4 bulan, satu.

Yang kedua, contoh yang kedua apa dia? Saya tanya sahabat saya. Contoh yang kedua, dia kata bajet ni bagus ni banyak bagi kepada rakyat sebab pembangkang kuat. Itu maksud *claim* tu. *Claim* tu maknanya apa yang kita buat kononnya disebabkan oleh pihak belah sana, itulah Yang di-Pertua. Itu yang saya fahamlah dan rata-rata

kawan-kawan saya di sini, di atas pun semua setuju. Setuju tak? Kalau setuju, bagilah satu tepukan. [Ahli Dewan menepuk meja] Terima kasih Speaker.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya nak sentuh yang Kemayan sentuh. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dak, Jengka nak sentuh Kemayan, apa pasal kelambu bakar? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik Yang Dato' Sri Diraja sebut tu…

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Boleh… boleh mencelah?

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tak sebut pun lagi Kemayan tunggu dulu. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tak, sebab dia dah sebut. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tak boleh... tak boleh... saya tak bagi. Saya nak hurai dia yang semalam.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

YB Speaker.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya semalam dia cakap, saya bangun. Speaker tak bagi. Jadi saya pun tak bagi.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya minta kebenaran Speaker

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sila... sila.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ha...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

30 saat.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ini peluang saya Speaker, saya tak bagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi hak saya.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sebab dia sebut Kemayan tadi. Sebab seperti Yang Amat Berhormat bagi tahu tadi, contoh itu *claim* dan juga ada juga contoh perkara lain yang dibuat oleh kerajaan yang bukan bajet dan sebagainya yang telah dirancang oleh kerajaan. Tapi tiba-tiba ada yang pergi ambil gambar konon dia yang buat. Itu... itu maksud saya yang satu lagilah dan saya tak *mention*. Walaupun Kuala Sentul sebut suruh petik siapa-siapa itu, saya tak sentuh siapa-siapa pun. Saya cuma menggambarkan ada mungkin siapa makan cili, dia terasa pedaslah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, terima kasih. Sila... sila Yang Berhormat.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey, saya sambung yang tadi ya. Setelah kita pun tak dipanggil dalam JKTD, sekolah tak boleh masuk, mesyuarat tak dilibatkan, penyerahan kunci RRP belakang rumah saya pun tak panggil saya. Maka persoalannya apakah peranan sebenar kami sebagai Wakil Rakyat pembangkang apabila menerima aduan daripada rakyat? Rakyat datang mengadu. YB, ayah saya jatuh motor langgar lopak masuk hospital. Jalan berlopak, aduan itu. Ada longkang pecah dan sebagainya.

Jadi, dia datang sebab kita Wakil Rakyat dia datang mengeluh. Kita pun tanya dah buat aduan ke PBT ke? Ke pihak berkuasa? Dia kata dah buat dah YB berkali-kali tetapi belum diambil tindakan. Jadi bila suasana macam itu, apa peranan YB? Kita tak boleh arah agensi ini. Kita *not have the power,* tak ada. Jadi, apa yang mampu kami sebagai YB pembangkang lakukan. Pertama.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Er... Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya nak betulkan ini... ini satu sangkaan. Er... maaf cakap, sangkaan jahat sajalah. Sebab apa, bila sebut, kami tidak ada kuasa untuk mengarah seolah-olah menggambarkan bahawa kami dalam er... Wakil Rakyat kerajaan ada kuasa untuk mengarah, tak ada. Kita tidak mengarah. Kita hanya maklumkan kepada pihak agensi yang berkaitan, kita tidak mengarah. Kita tidak mengarah. Ini... ini... ini saya nak betulkan. Inilah maknanya satu persepsi yang ada dalam benak dan pemikiran rakan-rakan daripada pembangkang.

Seolah-olah bila kita jadi kerajaan, kita boleh arah begitu sahaja. Tidak. Kita hanya maklumkan, kita hanya memudah cara. Sebab tu Wakil Rakyat, Wakil Kerajaan. Hanya kita maklumkan tak ada kita kabor mintak pada SS tolong buat ini. Tak ada, Yang Berhormat pun tak sebut macam itu. Hanya Dato' Sri SS tolong ambil tindakan, tengok, teliti, perkara macam itu. Betul, nak betulkan itu. Jangan kata... kami tak ada kuasa untuk mengarah tidak seolah-olah kami ada kuasa untuk mengarah. Tidak kita tidak ada kuasa untuk mengarah. Kita hanya fasiliti.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Benta. Itu tafsiran Bentalah, saya tak kata. Saya tak kata.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, Jengka. Jengka nak jadi Menteri Kewangan [Ahli Dewan ketawa]. Dia menyebut angka tadi, saya bimbang jadi orang kata macam mana Menteri Kewangan sebut RM90.90 juta. Saya maklumkan biasa orang sebut RM90.9 juta, contoh. Tadi Jengka yang cakap kami tidak ada kuasa untuk mengarahkan, kami pembangkang. Jadi, itu dah terang lagi bersuluh seolah-olahnya kami ini ada kuasa untuk mengarah. Jadi, kita mengaji tak tahu, bacaan itu.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya nak tenangkan keadaan dia. Kita pun dah pukul 2.00 dah. Er... tentulah beza kalau kami pembangkang dengan kerajaan tambah pulak Exco bercakap dengan pegawai. Saya benda itu kita semua maklumlah. Berbeza kalau saya telefon kepada pegawai, dia nak turun serba salah. Kalau turun nanti dianggap menyokong pembangkang, tak turun nanti aduan rakyat. Tapi kalau Exco telefon. Jadi saya fikir ini *standard*lah sebenarnya bukanlah dalam konteks mengarah. Maksudnya kita arah-arah. Bukan begitu. Tapi kenyataan pembangkang dengan kenyataan Wakil Kerajaan tambah pula daripada Exco. Tentulah berbeza pada tindakan pihak pegawai. Saya

rasa itu maksud ADUN Jengka. Saya fikir, Tuan Speaker kita masa tak panjang. Dan saya rasa tak perlu polemiklah perkara ini. Terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sejak bila pula Cheka ini jadi *lawyer* kepada Jengka [Ahli dewan ketawa] yang saya tahu Jengka ini dia memang bertindak sebagai peguam sendiri. Sebab maksudnya sekarang ini kita jangan saya... sebab Jengka kata dia. Saya rasa Jengka bermaksud begitu, tidak. Maksudnya sekarang ini kita tengok perkataan yang diungkapkan. Kami tidak ada kuasa mengarah. Jadi apa tafsiran dia, seolah-olah kami ini dari barisan kerajaan ada kuasa untuk mengarah. Itu sahaja yang saya sebutkan. Dia jangan, maknanya kita jangan kelirukan dia punya situasi itu. Itu sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat... Yang Berhormat.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya pun dah habis dah..

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Saya nak mencelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila... sila. Teruskan.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak bagi terus.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Saya nak mencelah boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila... sila terus... teruskan... teruskan.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey, apa yang mampu kami lakukan hanyalah pertama turun ke lokasi aduan. Kedua, melihat sendiri permasalahan. Ketiga, mengambil gambar dan maklumat. Keempat, mengangkat aduan tersebut kepada pihak berwajib. Kita pergi bergambar kita hantar

kepada Setiausaha Majlis ke, Yang di-Pertua Majlis supaya diambil tindakan. Itu yang kita boleh buat. Jadi itu bukan *claim.*

Itu adalah menyampaikan suara rakyat. Apabila agensi berkaitan akhirnya mengambil tindakan, YB pembangkang turun sekali lagi ke lapangan. Bukan untuk mendakwa kerja itu kami yang buat, tak. Turun semula ke lokasi merakam keadaan terkini dan mengucap terima kasih kepada agensi yang bertindak. Ini bukan mengambil kredit tetapi memberi penghargaan kepada agensi yang ambil tindakan tersebut. Maka tidak adil untuk mengatakan YB pembangkang *claim* kerja sedangkan kami sendiri tidak pernah. Kami tak pernah mendakwa kami yang baiki longkang, kami yang menurap jalan, kami yang membaiki paip, tak ada. Jadi harap fahamlah, insya-Allah. Saya ucap terima kasih kepada Tuan DO Daerah Maran. Kata nak pindah dah, nak mari yang baharu. Saya ingat 4 orang dah DO sejak saya duduk di DUN Jengka dan daerah Maran ini. Saya...

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab dia tak tahan dengan ini ADUN Jengka, [Ahli Dewan ketawa] tak ada orang tahan dengan ADUN Jengka ini.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya ucap terima kasih kepada DO Maran, pihak majlis serta semua agensi kerajaan yang terlibat atas kerjasama yang sangat baik bersama saya selaku Wakil Rakyat DUN Jengka, insya-Allah. YB Speaker saya ada 4, 5 *point* lagi isu FELDA dan sebagainya. Tapi kalau masa tidak mengizinkan dah pukul 2.00. Perut pun dah lapar. Jadi sebagai penutup, saya menyokong Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih Yang Berhormat Jengka. Saya kongsikan sikit jika untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, jika ada sebarang aduan boleh buat aduan melalui SISPA *online*. Tidak perlu susah-susah pergi ke majlis, boleh melalui *online* SISPA. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

(Ayat Al-Quran) Alhamdulillah (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya pada hari ini diberi peluang untuk membahaskan Belanjawan Negeri Pahang 2026 yang mana umumnya sedia maklum bukan sahaja kita di kalangan Ahli Dewan, bahkan rakyat di luar sana menyatakan bahawa ini antara belanjawan yg terbaik pernah dipersembahkan dalam negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Tahniah dan syabas.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan bersama rakan-rakan yang mana juga turut mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang kita kerana pertama saya sebut di sini. Dalam melaksanakan amanah mengurus tadbir negeri, kerajaan negeri sentiasa membudayakan prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai panduan utama dalam setiap keputusan demi kesejahteraan rakyat.

Bagi saya, muqaddimah ini penting kerana kita menghubungkan keperibadian dalam pentadbiran pengurusan dengan spiritual kita kepada Allah SWT.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Tahniah juga rakan-rakan lain pun turut memberi tahniah iaitu pencapaian selama 4 tahun berturut-turut angka RM1 bilion telah diperolehi secara berturut-turut oleh Kerajaan Negeri Pahang dan dalam masa yang sama juga saya ingin mengucapkan tahniah kejayaan ini turut selari dengan rekod Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pahang yang meningkat 23% dalam tempoh 2019 hingga 2024 hasil daripada dasar pembangunan negeri yang strategik dan mampan. Walaupun rakan saya dari Beserah ada menyatakan tadi, sepatutnya pendapatan di kalangan rakyat di negeri Pahang ni selari dengan KDNK. Saya ingin nyatakan juga bahawa pelarasan gaji di peringkat persekutuan dan juga negeri saya kira insya-Allah perkara ini akan berlaku secara berperingkat dan yang paling penting kita nak sebutkan bahawa ini satu pencapaian oleh kerajaan negeri yang telah meningkat dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Juga saya ingin ucapkan syabas dan tahniah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri S-GLC turut memainkan peranan penting dengan menyumbang RM3.16 bilion atau 4.6% kepada KDNK Pahang tahun lalu melalui 9 syarikat induk dan badan berkanun negeri serta 49 anak syarikat yang berperanan sebagai pemacu ekonomi strategik negeri termasuklah sebahagiannya ditubuhkan sejak tahun 2018.

Ahli Dewan, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, begitu juga dalam aspek pelaburan, negeri Pahang terus menjadi destinasi pilihan di mana sehingga November tahun ini, jumlah pelaburan komited yang masuk adalah sebanyak RM18.04 bilion melebihi sasaran RM14.09 bilion membuktikan keyakinan pelabur terhadap keupayaan negeri mengurus kestabilan politik dan iklim perniagaan kondusif; dan dalam masa yang sama juga aspek tenaga buruh, jumlah guna tenaga di Pahang meningkat kepada 788,800 orang pada suku ketiga tahun ini berbanding 768,600 orang pada tahun 2024. Jadi, saya ingin merangkumkan semua ini ucapan syabas dan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana inilah pencapaian yang julung-julung kali semenjak hampir 20 tahun saya Wakil Rakyat mendapat pencapaian seumpama ini. Tahniah dan syabas.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Terima kasih... kuat sikit... [Ahli Dewan menepuk meja] terima kasih sahabat-sahabat. Inilah tunjang yang dikatakan yang dibawa oleh kepimpinan kerajaan negeri diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja bersama kepimpinan pentadbiran dan pengurusan. Saya boleh sebutkan juga sebagaimana diterjemahkan *total quality management, total quality organisation* dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri dibantu oleh semua pegawai kanan dan para pegawai di semua peringkat sehingga kita membolehkan pencapaian ini dapat diperolehi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Negeri Pahang menyasarkan kutipan hasil sebanyak RM1.279 bilion untuk tahun 2026 meningkat kira-kira 7.8% berbanding sebelumnya. Daripada jumlah itu, RM1.274 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus merangkumi emolumen, perkhidmatan bekalan, pemberian bayaran tetap serta aset operasi. Bagi perbelanjaan pembangunan sebagaimana yang kita maklum dalam perbelanjaan ini, belanjawan ini

pembangunan negeri dan projek kerajaan negeri memperuntukkan RM446.26 juta naik iaitu 11.7% berbanding tahun sebelumnya.

Belanjawan dibingkai di atas nama Pahang 1st, "Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan". Dengan 7 teras utama; Memartabatkan Agama Islam dan Institusi Diraja, Melonjak Ekonomi Negeri, Meningkatkan Taraf Pendidikan dan TVET, Membentuk Rakyat Berjati Diri dan Memimpin... Pemimpin Masa Hadapan, Tadbir Urus Berprestasi dan Integriti, Kelestarian Alam dan Kesejahteraan Hidup Rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Penekanan kepada kebajikan dan asas rakyat, implikasi kepada belanjawan pada kali ini. Fokus besar pada aspek sosial pendidikan agama, kebajikan air, sokongan kepada golongan B40 dan insentif rakyat menggambarkan orientasi belanjawan ke arah rakyat didahulukan. Ini boleh bantu meringankan beban kos sara hidup terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah atau sederhana.

Pembangunan menyeluruh dengan pelbagai sektor pembahagian bajet kepada pembangunan infrastruktur asas seperti air, sektor keagamaan, pelancongan dan pendidikan menunjukkan pendekatan secara holistik. Strategi ini jika diurus dengan baik boleh menyumbang kepada pertumbuhan jangka masa panjang dan peluang pekerjaan di negeri ini. Cabaran pelaksanaan dan kecekapan tadbir urus walaupun jumlah besar diperuntukkan keberkesanan sebenarnya banyak bergantung kepada pelaksanaan projek tadbir urus, integriti dan ketelusan. Risiko jika pelaksanaan lambat atau tidak menyeluruh, manfaat kepada rakyat mungkin tidak konsisten. Seterusnya, keseimbangan antara belanja mengurus dan pembangunan.

Peruntukan pembangunan sebanyak RM446.26 juta walaupun meningkat masih jauh lebih kecil berbanding perbelanjaan mengurus RM1.274 bilion. Ini menunjukkan beban operasi kerajaan negeri masih besar. Idealnya pembangunan berterusan memerlukan aliran dana pembangunan yang lebih besar. Dalam belanjawan ini juga kita disaji dengan politik dan persepsi walaupun kerajaan negeri menegaskan belanjawan ikhlas dan bukan persediaan pilihan raya, namun kritikan dari pembangkang tetap ada. Kita usah peduli perkara ini, kita teruskan dengan wacana dan juga prinsip serta gagasan kita untuk terus mensejahterakan rakyat demi kesinambungan masa hidup pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Negeri Pahang menyasarkan... minta maaf Yang di-Pertua. Secara keseluruhan belanjawan terbaru menunjukkan komitmen kerajaan negeri untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan pelbagai sektor dengan penekanan kuat pada aspek kebajikan, agama, asas hidup pembangunan. Namun, keberkesanan belanjawan sangat bergantung kepada pelaksanaan tadbir urus dan pemantauan.

Sidang Dewan yang dimuliakan,

Dalam jangka masa pendek bagi masa tempoh enam hingga dua tahun ke hadapan, melihat kepada belanjawan ini, fokus kepada rakyat, kos sara hidup dan kebajikan, pengurangan yuran sekolah agama dan asrama bantu ringankan beban keluarga B40 dan M40. Program air percuma 20 meter padu kubik pertama memberi kelegaan kos utiliti terutamanya di kawasan bandar. Banyak peruntukan kembali kepada rakyat. Lebih kurang 40% bajet beri kesan segera kepada kebajikan sosial.

Belanjawan ini bersifat populis prorakyat memberi kelegaan kos sara hidup kepada penduduk di negeri ini bahkan juga memberi kesan segera kepada negeri... ekonomi negeri ini. Sebagai contoh juga, pelancongan terima peruntukan besar, peningkatan *event*, promosi dan pemulihan sektor hospitaliti turut dapat dijana. Begitu juga dengan program pembangunan kecil dan sederhana memberi peluang kepada kontraktor tempatan untuk kerja-kerja dalam negeri kita ini.

Seterusnya, pelaburan infrastruktur air meningkatkan kepercayaan pelabur industri. Ekonomi tempatan terus bergerak tetapi kesan pertumbuhan besar masih perlahan. Begitu juga dengan tadbir urus dan operasi kerajaan, perbelanjaan yang mengurus... perbelanjaan mengurus yang sangat besar RM1.2 bilion menunjukkan beban operasi juga turut tinggi. Risikonya ruang fiskal negeri sempit kurang fleksibiliti sekiranya berlaku kejutan ekonomi. Namun begitu, dengan *reserve* yang kerajaan negeri ada, insya-Allah sedikit sebanyak dapat menstabilkan keadaan ini. Dalam jangka masa pendek seterusnya, kerajaan yang stabil tetapi ruang belanja pembangunan agak terhad.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Untuk jangka masa panjang pula, pelaburan pada modal insan, itulah antara kekuatan kita. TVET, pendidikan agama dan juga melahirkan kepimpinan... kepimpinan pemimpin muda. Pembangunan manusia adalah pelaburan jangka panjang, boleh lahirkan tenaga kerja berkemahiran serta pendakwah pendidik yang lebih berkualiti.

Seterusnya, perkara yang melibatkan pembangunan air dan infrastruktur asas. Air adalah isu kritikal Pahang. Pelaburan berterusan, kurangkan NRW, elak krisis bekalan, tingkatkan kapasiti industri. Ini meningkatkan daya saing negeri untuk menarik industri berat, logistik dan pelancongan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya bersetuju dengan ADUN Jengka sebentar tadi berkaitan, dan juga ramai rakan-rakan kita yang lain tentang permasalahan air di negeri Pahang ini. Saya nak sebut sikitlah sebelum saya teruskan sedikit lagi ucapan saya ini. Di tempat saya bagaimana ADUN Lantikan juga menyebut bahawa satu ketika, kita hampir menitis air mata, bila berjumpa dengan pakcik, makcik, kita angkat tong hantar depan rumah. Beliau menyebutkan apa, saya kongsi dengan Sidang Dewan hari ini. YB... YB kita ucapkan terima kasih YB angkat tong air sampai depan rumah kita. Tapi kita hampir dah 29 tahun menghadapi suasana sebegini. Maknanya bukan tiap-tiap hari tetapi ada.

Dan alhamdulillah, dari semasa ke semasa, penambahbaikan dan juga perolehan bajet oleh PAIP dan juga telah diurus dengan baik, peringkat negeri Pahang sehingga ke daerah-daerah dan hari ini alhamdulillah, walaupun kita ada sedikit lagi masalah, namun, kita juga telah mendapat er... perhatian daripada pihak PAIP ini terutama sekali di Kampung Sarang Tiong, Kampung Pianggu, Kampung Kasing, Kampung Kurnia, kampung er... Mentara, er... kampung er... Denai, ini semua hari ini, alhamdulillah, dengan adanya perolehan oleh PAIP yang membekalkan er... pam dan juga tangki baharu, insya-Allah, saya yakin dan percaya perkara ini dapat diselesaikan dengan baik pada masa akan datang.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Er... Yang Berhormat boleh tumpang lalu sikit.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Silakan.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat ADUN Tioman. Saya nak nak sebut ginilah kebetulan er... tempat YB ini adalah YB saya ya, di kampung saya. Cuma saya nak sebut di Rompin pada hari ini, melalui pertemuan yang saya ada buat dengan pihak PAIP. Mereka maklumkan bahawa hanya satu tempat sahaja lagi yang belum *touch, er...* yang, yang belum diselesaikan sepenuhnyalah iaitu di kawasan Tanjung Gemok. Di kawasan er... yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu di Sarang Tiong dan Gugusan Paya Setajam ini saya difahamkan hampir siap sepenuhnya.

Cuma, baru ini ada isu di mana paip besar tersebut telah dilanggar oleh bot ya, menyebabkan pihak PAIP terpaksa buat semula, er... paip saluran tersebut. Jadi saya nak sebut kepada Dewan ini, saya mengesahkan bahawa, er... di DUN Tioman yang diwakili oleh Yang Berhormat ADUN Tioman... ADUN Tioman pada hari ini. Alhamdulillah, er... sepanjang tempoh beliau menjadi Wakil Rakyat di sana telah menunjukkan satu perubahan besar terhadap perkhidmatan air di... di sana. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih er... sahabat saya, ADUN Lantikan. Dan saya bekerjasama dengan beliau dari semasa ke semasa. Dan Yang Berhormat er... Speaker, bahawa bukan sahaja di Tanjung er... Gemok ataupun nama sekarang Teluk Gading, bahkan di Pulau Tioman juga kita telah mendapat satu bajet dan sedang er... dilakukan pemasangan paip-paip. Tuan-tuan bayangkan sejak ratusan tahun penduduk Pulau Tioman ini er... mendapat bekalan air bukit ya, dan hari ini insya-Allah, sedikit masa lagi, akan dapat bekalan air terawat, dan ini baik untuk penduduk setempat dan juga er... pelan... pelancong-pelancong sama ada domestik mahupun er... dari luar negara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sambung sikit sahaja lagi.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

ADUN Tioman, er...

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sikit lagi nak bagi laluan pada sahabat saya selepas ini.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

ADUN Tioman sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, silakan.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Nak.. nak... nak... nak suasana sikit. Terima kasihlah baik. Cuma saya ingatkan ADUN Lantikan itu baik itu ada makna itu. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Eh lain macam bunyinya itu.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Dia... dia macam ini itu, apa nama ADUN Cheka ya. Kami ini tiga pupu, Yang Berhormat, kami tiga pupu dua orang ini. Jadi, dengan Ahli Parlimen pun saudara, dengan ADUN-ADUN sebelum tu pun bersaudara. Jadi kami ini, setakat ini bersaudara belaka. Cuma lagi, apa nama, orang kata, masa begitu pantas, ya. Dan alhamdulillah saya ingat makna itu ada jugalah sikit-sikit. [Ahli Dewan ketawa]. Tapi takpe, demi kepimpinan dan kelestarian negeri Pahang, kita tetap akan bersama. [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih er... ADUN Cheka dan juga ADUN Lantikan.

Seterusnya, er... Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin sebutkanlah, belanjawan ini prorakyat dan ke arah kebajikan. Dan fokus memulihkan asas hidup rakyat menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk memajukan pendidikan agama, air dan pelancongan serta perkara-perkara yang disebut dalam belanjawan ini, kalau saya tengok, nak muntah, maknanya semua berkait dengan sumbangan dan kebajikan kepada rakyat. Tetapi dalam jangka masa panjang, keberkesanan belanjawan bergantung penuh pada tadbir urus, kecekapan, pelaksanaan dan diversifikasi hasil negeri. Ringkasnya, belanjawan yang baik di atas kertas, tetapi kejayaan bergantung kepada kerja di lapangan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri perbahasan pada petang ini, saya ingin sampaikan sedikit sahaja er... perkara yang bagi saya penting, sebelum kami hadir ke perbahasan ini, 2, 3 hari yang lepas, kami telah di er... kampung kamilah dilanda ombak yang kuat dan saya memohon dalam Dewan Yang Mulia ini. Ya, gambar pun ada dengan saya ini. Kalau dapat dilihat ya, di sini ya. Kalau kamera boleh *zoom* sini sikit ya. Okey, ini semua tak nampak ya. Okey, nak ceritanya bahawa saya bersama dengan Wakil Kerajaan negeri telah pergi ke tempat ini dan sekiranya tempat ini tidak dapat dipulihkan dalam masa terdekat ini ataupun diambil tindakan untuk membantu er… kawasan Kampung Pontian atau Kuala Pontian ini, saya kira 10 chalet dan juga mungkin 2 buah rumah, satu restoran akan dihanyutkan ataupun ditelan oleh sungai.

Jadi, saya sangat berharap dan ADUN Lantikan pun ada pergi, ambil laporan. Er... kalau boleh dapat er... dipanjangkan dalam Dewan ini.

Untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, er.. dapat peruntukan dalam RM500,000.00 ke RM1 juta untuk er... meletakkan er... *wave breaker* atau apa

yang sebaiknya dalam er... cadangan oleh JPS untuk membantu supaya rumah-rumah, chalet-chalet ini dan restoran tidak tenggelam ataupun ditelan oleh sungai. Bahkan untuk makluman sidang Dewan juga, hampir 1 km telah dimamah oleh laut di mana balai polis, er... klinik, sekolah semua dalam laut dah, tak ada. Bahkan geran orang lama-lama pun dah tak ada. Sebab itu, saya sangat er... memohon pada hari ini bersama ADUN Lantikan dan juga Wakil Kerajaan. Sekiranya dapat pihak JPS membantu segera bagi menangani masalah ini.

Dan untuk akhirnya, saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, er... di mana pangkalan hadapan di Pulau Tioman telah pun selesai. Dan banyak lagi perkara-perkara kalau saya nak sebut ini, saya ingat dekat, dekat 20 benda ini, ya. Tapi, saya mungkin bagi secara bertulislah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, er... memandangkan banyak perkara telah selesai di Pulau Tioman, baik mahupun di darat. Cuma tinggal lagi beberapa perkara aduan yang mungkin seperti tadi untuk diambil tindakan segera.

Jadi saya membaca... apa, mengucapkan terima kasih er... kepada semua ketua-ketua jabatan er... yang telah banyak membantu terutama sekali di Pulau Tioman melibatkan TDA ya iaitu GM er... apa Jumshoiry Novdany dan juga kita punya Pegawai Daerah, Tuan Hatta di daerah Rompin dan semua pegawai-pegawai yang terlibat, persekutuan dan juga negeri agar dengannya, mudah-mudahan kita terus maju jaya dan memberi sokongan kepada kerajaan negeri yang sedia ada pada hari ini dengan sokongan.

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat er... apa tu? Saya ada sedikit permintaan la sebagai pengundi di DUN Tioman ni, er... boleh tak agaknya kita minta supaya JKR segerakan pembinaan mini stadium di DUN Tioman tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

ADUN mana tu ya. ADUN mana, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua ya. Untuk sahabat saya er... rakan ADUN Lantikan kita pun dah bertanya khabar dengan Exco atau Wakil Kerajaan negeri, ADUN Dong di mana pada peringkat ini JKR sedang buat *drawing* dan insya-Allah pada awal tahun depan Mac ya, lebih kurang. Mungkin boleh bantu saya nak sebut, nak buka tender bila. Silakan, okey.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZIL BIN MOHAMAD KAMAL

Er… untuk makluman, Yang Berhormat ADUN Lantikan,

Yang Berhormat Speaker,

Sebenarnya JKR sekarang dalam proses buat *drawing* dan BQ. Insya-Allah pada bulan Mac akan mula tender untuk projek ini.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Jelasnya ya, ADUN Lantikan ya. Insya-Allah lepas ini kita ada stadium mini tersendiri di Rompin, insya-Allah. Jadi dengan serangkap pantun:

Dari KotaSAS pergi Maran,
Singgah Luit beli buah dokong,
Belanjawan Pahang RM1 billion sampai sasaran,
Dengan ini Tioman berdiri mohon menyokong.

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Yang Berhormat Tioman. Seterusnya saya menjemput pembahasan yang terakhir bagi petang ini iaitu wakil dari Panching. Sila.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Assalamualaikum WBT. (Ayat Al-Quran) dan juga selamat petang. Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar dan juga Ahli Jawatankuasa dan Exco Negeri Pahang khususnya sahabat-sahabat er... Ahli Dewan sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Speaker kerana beri ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam berbahas. Yang sepatut jadual saya pada hari semalam, tapi kerana ada masalah kesihatan sikit. Saya sempat juga untuk, masih lagi diberi peluang untuk sama-sama ambil bahagian pada hari ini, insya-Allah.

Dan pada petang ini, Tuan Speaker, saya cuma lebih suka untuk menyentuh isu *local* di kawasan saya sahaja dan saya juga kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas kejayaan er... menemui sasaran tahun yang keempat iaitu RM1 bilion pendapatan kerajaan negeri dan saya yakin pendapatan yang banyak ini memberi kelebihan kebaikan kepada rakyat dalam negeri Pahang, insya-Allah.

Tuan Speaker... Yang Berhormat Speaker,

Isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah yang pertama berkenaan dengan bantuan kesihatan dan juga *facilities* kepada pesakit-pesakit kritikal. Saya lihat dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada juga bajet OKU, warga emas dan sebagainya. Cumanya mutakhir ini kita lihat sebahagian daripada pesakit-pesakit yang keluar daripada hospital dan sebahagiannya tidak, ada yang tak dibenarkan keluar sehinggalah mereka memiliki katil pesakit, mesin oksigen dan sebagainya dan menyebabkan sebahagian besarnya terpaksa meminta dan sebahagian lagi menyewa daripada farmasi-farmasi yang dalam kadar yang agak tinggilah terutamanya bagi keluarga yang susah.

So, saya suka mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk ditubuhkan Pusat Bantuan Peralatan Kesihatan er... kepada rakyat. Yang mungkin boleh melalui *fast track* ataupun boleh mendapatkan bantuan segera. Er... terutamanya kepada mereka yang kita kira dalam golongan B40, mungkin boleh diadakan kerjasama yang melibatkan JKM, NGO dan juga pejabat ADUN. Saya sendiri di pejabat terlalu banyak

menerima permohonan sebegini. Er... pesakit-pesakit masih lagi di hospital tetapi mereka sebahagian hospital ini tidak... meletakkan syarat boleh discaj sekiranya telah pun ada katil pesakit di rumah.

Yang keduanya, saya juga mohon kepada kerajaan untuk mempertimbangkan bantuan terutamanya kepada anak-anak yatim piatu. Baharu ini berlaku di tempat saya ada keluarga yatim piatu, anak yatim piatu. Keadaan rumahnya sangat susah, atap bocor dan berlakunya *blackout* yang agak teruklah kerana apa itu, litar pintas. Jadi saya mohon supaya kerajaan juga mempertimbangkan bantuan-bantuan segera juga untuk skim baik pulih rumah rakyat miskin tegar. Saya kira dulu dah ada, iaitu mungkin pelaksanaan yang lebih tuntas melalui sistem aduan dan juga tindakan yang lebih baik. Jadi, saya suka juga mencadangkan supaya diwujudkan juga data raya untuk kelompok rentan di setiap daerah.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin menyentuh tentang sistem perparitan di beberapa kampung dan taman yang biasanya berlaku banjir kilat. Contoh, kalau di tempat saya ialah seperti di Permatang Badak, di Taman Tas, di Pandan. *So*, saya suka mencadangkan supaya diadakan juga audit menyeluruh perparitan. Contohnya, saiz longkang masih lagi sesuai atau tidak sesuai dengan saiz pembangunan di satu tempat dan juga diadakan juga projek tebatan banjir berskala kecil dan juga pembersihan berskala dengan KPI yang tersusun.

Seterusnya, Tuan speaker, saya juga membangkitkan soal keselamatan jalan raya. Antaranya ialah, berlaku kes di mana lori-lori besar memakirkan kenderaan mereka di bahu jalan. Baru-baru ini berlaku satu kes kemalangan yang melibatkan kematian seorang kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan di Pandan Damai 1. Puncanya ialah pandangan terhalang oleh lori yang diparkir tidak kena pada tempatnya. *So*, saya suka mencadangkan supaya diadakan juga zon parkir khas untuk lori dan kita lihat lori ini sebahagiannya berusaha untuk mencari parkir yang sesuai, tapi kerana tidak ada parkir yang boleh *so* mereka sebahagiannya memakirkan kenderaan mereka di tepi jalan. Juga diwujudkan Audit Keselamatan, *Traffic Road Safety Audit* di simpang-simpang yang berisiko yang boleh membawa kemalangan terutamanya kepada pemandu-pemandu di jalan raya.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin membawa isu jalan rosak yang tidak berkesudahan di Jalan Permatang Badak Bypass, Permatang Badak. Kalau kita lihat walaupun dibina dilakukan penurapan jalan yang baharu, tetapi tidak berapa lama akan berlaku lagi jalan yang berlubang dan sebagainya. Kalau kita lihat di antara punca utamanya ialah paip lama di bawah jalan yang sering pecah walaupun jalan baharu dibina, tetapi tidak lama kemudian akan muncul lubang-lubang ataupun air yang keluar daripada jalan yang menyebabkan jalan yang dibina tadi rosak kembali dan baru-baru ini er... kemalangan berlaku di jalan tersebut dan bukan sekali sebenarnya banyak.

Cuma baru-baru ini berlaku melibatkan seorang perempuan yang terbabas kerana keadaan jalan yang sangat teruk. Saya suka mencadangkan supaya kerja naik taraf paip lama dilakukan secara menyeluruh, bukan secara tampalan sementara kalau tidak ia akan melibatkan kos yang sangat besar iaitu kos tampalan paip serta kos penurapan jalan yang sentiasa berlaku. Dan juga saya suka mencadangkan supaya diadakan juga saliran baharu dan dan rekaan jalan yang lebih selamat serta diwujudkan juga laluan alternatif ataupun penyuraian trafik untuk mengurangkan risiko

kesesakan jalan dan juga mengurangkan bebanan jalan yang mana di bawahnya terdapat paip yang selalu rosak dan tidak diganti.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin bawa satu isu iaitu lampu isyarat di sepanjang Taman Tas dan kalau kita lihat di Taman Tas ini, pembangunan yang sangat pesat banyak muncul perumahan-perumahan yang baharu. Jadi antara, masalah yang berlaku di tempat itu ialah kesesakan lampu isyarat di Taman Tas. Suka saya mencadangkan supaya diadakan penilaian tentang trafik yang berlaku di er... *traffic light* Taman Tas dan cadangan saya juga supaya dilihat dan dilakukan pembesaran jalan dan juga susur keluar kepada 2 lorong sama ada ke Gambang mahupun ke Taman Tas.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin bawa isu ban pecah di Bukit Rangin Perdana 2. Sehingga kini, saya kira ban itu masih lagi belum dibaiki dengan sempurna dan saya harap ban ini dapat dibaiki dan saya ingin mohon daripada Exco bilakah tarikh mula kerja secara terbuka? Supaya rakyat mengetahui perkembangannya dan apatah lagi perkara ini sangat membimbangkan penduduk setempat kerana kita masih lagi berada dalam musim-musim banjir.

Seterusnya, saya juga ingin membangkitkan isu jalan rosak yang lambat dibaiki walaupun dibuat aduan berkali-kali tetapi kita lihat sebahagian jalan makan masa berbulan-bulan dan sebahagian jalan yang rosak ini hanya diletakkan kon sahaja. Dan bila mana kon hilang, maka jalan yang rosak tadi sangat memberi keadaan yang bahaya kepada pemandu. Boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan juga kerosakan kepada kenderaan. *So,* cadangan saya diadakan, ditetapkan SLA, *Service Level Agreement* oleh pihak yang berwajib. Contohnya 72 jam aduan jalan dibaiki dan gunakan kaedah pembaikan yang lebih baik serta dicadangkan juga supaya mewujudkan sistem aduan digital untuk rakyat memantau juga status kerja daripada aduan yang dilakukan serta juga memantau kerja-kerja, kualiti kerja kontraktor secara telus.

Akhir sekali Yang Berhormat Speaker, saya lihat di jalan-jalan utama ada pokok-pokok yang condong yang hampir tumbang ke jalan utama. Tetapi pernah kita bangkitkan dalam Mesyuarat JKTD dahulu tapi sebahagian agensi menyebut selagi pokok ini tidak tumbang, kita tak boleh ambil tindakan. Kita tunggu pokok tumbang baru kita ada hak untuk memotong pokok yang telah tumbang. Jadi saya kira perkara ni...

(AHLI YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat… Yang Berhormat, nak mencelah sikit boleh? Sikit je. Tadi Yang Berhormat sebut er… apa nama ni? Mesyuarat… mesyuarat yang apa yang boleh masuk mesyuarat tu tadi. Jadi saya nak sahkan sekali lagi Yang Berhormat memang dapat boleh masuk dalam mesyuarat tersebut ya?

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Terima kasihlah ADUN Lantikan ni. Saya tengok dia bersemangat untuk soalan-soalan berkaitan dengan er… berkaitan dengan kami nilah. Dulu kita dibenarkan masuk. Tapi setahu saya ada daerah yang tahun ni tak dibenarkan masuk dan ada daerah yang

boleh masuk. Contoh macam tahun ni di Kuantan, kita baru dibenarkan masuk bulan… bulan ni ya? Bulan ni rasanya baru sekali masuk. Okey, jadi saya harap jangan tunggu pokok tumbang dulu baru kita ambil tindakan potonglah. Kena ada kerjasama daripada PBT, TNB, JKR untuk memastikan pohon-pohon ini dipotong lebih awal dan tidak membahayakan kepada pemandu-pemandu er… jalan raya.

Tuan Speaker,

Saya sekali lagi nak bangkitkan isu PAKR Bukit Rangin, bukan PAKR Pandan. Dulu saya pernah bangkitkan isu ini. Tapi Yang Berhormat Exco menjawab tu bagi er… PAKR Pandan. Di Bukit Rangin ni ada satu PAKR di mana ada 128 unit kalau tidak silap saya yang masih lagi di bawah penguasaan pemaju kalau tak silap sayalah ya. Yang sedia maklum pemaju ini katanya bermasalah. Jadi, saya harap sebab perumahan ini saya lihat dah siap dah… dah siap. Cuma bila mana dah ditinggalkan, adalah apa? Jadi tempat sarang dadah, ada orang curi wayar dan sebagainya.

Jadi, saya harap supaya perumahan ini dapat diambil tindakan oleh kerajaan dan dapat dimanfaatkan oleh… oleh rakyat. *So*, saya rasa itu saja perbahasan saya pada petang ni Yang Berhormat Speaker. Saya dengan ini menyokong bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli daripada kawasan Panching. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini, saya perhatikan bahawa seramai 6 orang Ahli telah pun mengambil bahagian dalam Perbahasan pada pagi ini dan secara keseluruhannya seramai 34 orang Ahli telah mengambil bahagian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Pada hari esok, pihak kerajaan akan menimbang Rang Undang-undang Perbekalan 2026. Ahli-ahli Yang Berhormat, baiklah, persidangan kita akan disambung pada hari Khamis, 11 Disember 2025, bermula pukul 9.30 pagi, insya-Allah.

Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan Dewan Negeri ditempohkan*]

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KELIMA
11 DISEMBER 2025 (KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KELIMA: 11 DISEMBER 2025 (KHAMIS)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 41
4.	MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026	42 - 134
5.	PENEMPOHAN	135

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 11 DISEMBER 2025 (KHAMIS)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato’ Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato’ Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato’ Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato’ Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato’ Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato’ Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato’ Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato’ Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Ketiga	:	Khamis 11 Disember 2025 bersamaan 20 Jamadilakhir 1447 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Mari sa… marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab untuk memulakan mesyuarat kita pada pagi ini. Al-Fatihah. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Segala puji… segala puji bagi Allah dibuka Dewan Mesyuarat, Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyat-rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandu ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam sejahtera, selamat pagi, salam Pahang 1st, salam perpaduan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum memulakan aturan mesyuarat, saya ingin maklumkan bahawa pihak Dewan Negeri ada mengedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat cenderahati daripada Tourism Pahang. Cenderahati tersebut adalah sebagai tanda penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan terhadap usaha-usaha memperkasakan sektor pelancongan yang khususnya dalam agenda Visit Malaysia Year 2026, Pahang 1st. Semoga kita akan terus bersama-sama menyokong dan menaikkan nama industri pelancongan di negeri Pahang.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya lihat hari… hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat telah bersedia untuk mendengar ya, untuk mendengar jawapan daripada kerajaan. Penggulungan. Walau bagaimanapun, kita akan teruskan atur cara kita sebelum dan sebelum ini saya ingin mengemukakan bahawa pada hari ini pihak kerajaan akan membuat penggulungan, melibatkan 10 orang Pengerusi Jawatankuasa.

Pertanyaan-pertanyaan tambahan yang dikemukakan mestilah ringkas dan padat supaya dapat ditetapkan masa depan er... supaya kita dapat bersidang di masa yang ditetapkan. Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari… Ahli Yang Berhormat dari Tanah Rata untuk mengemukakan pertanyaan.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 1.

[Projek Menaik taraf Infrastruktur Air

a) Jelaskan usaha kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur air di semua daerah di negeri Pahang dan kemajuan projek-projek berkenaan.

b) Nyatakan butiran projek penaiktarafan infrastruktur air di daerah Cameron Highlands yang telah siap, sedang dijalankan dan dalam perancangan demi menampung permintaan bekalan air yang semakin meningkat, terutamanya musim cuti.]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Pahang 1st. Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Tanah Rata yang bertanyakan soalan, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur air di semua daerah negeri Pahang dan kemajuan projek-projek berkenaan? Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tanah Rata, kerajaan negeri sangat komited dan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan inisiatif bagi menambah baik mutu perkhidmatan perbekalan air di negeri Pahang menerusi Pelan Projek Pembangunan Bekalan Air Negeri Pahang Fasa 1 iaitu yang telah bermula daripada tahun 2021 sehingga tahun 2026.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tanah Rata, sekarang ini kita ada 217 projek yang telah kita buat, akan buat dan yang telah pun siap. Senarai projeknya ada dengan saya. Tapi tidak mungkin saya membacakannya satu persatu, tetapi cu… memadai untuk saya memberitahu di kawasan Tanah Rata jelah ya. Setakat hari ini, sebanyak… daripada 217 projek tersebut, status kemajuannya ialah pra-pembinaan iaitu sebanyak 65 projek, projek dalam pembinaan, 26, manakala projek yang telah siap ialah 126 projek.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna lebih daripada separuh ya dah siap?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lebih, lebih. Lebih daripada separuh dan lebih daripada sukunya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lebih daripada sukulah? Okay.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[ketawa] Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat ni pagi-pagi ni bergurau pula ya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak boleh ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak salah Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Berbalik kepada soalan nombor dua, butiran projek penaiktarafan infrastruktur air di Cameron Highlands yang telah siap, sedang dilaksanakan, dalam perancangan demi menampung permintaan bekalan air yang semakin meningkat terutamanya di musim cuti. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tanah Rata, Cameron Highlands menjadi antara fokus utama kerajaan negeri melalui PAIP untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air melalui pelaksanaan projek.

Status pelaksanaan projek-projek bekalan air di daerah Cameron Highlands adalah seperti berikut. Projek… lapan projek telah siap Yang Berhormat di Cameron Highlands. Yang pertama sekali ialah Kerja-kerja Pembaikan Rawatan Air Jenis Sistem DynaSand dan Membaiki Jalan ke Muka Sauk Loji Rawatan Air Habu, Cameron Highlands yang melibatkan kos RM500,000.00. Yang kedua, Kerja Menaik Taraf Sistem Paip Agihan di Desa Kayangan RM300,000.00.

Yang ketiga, Kerja Menaik Taraf Laluan Aliran Air dan Membina Kolam Takungan serta Pemasangan Longkang Konkrit Jenis U-Drain Bersaiz 1,200 mm x 1,000 mm di Sungai Icat untuk Menambah Kuantiti Air di Muka Sauk Loji Rawatan Air Terla serta Kerja Berkaitan, RM160,000.00. Yang keempat, Kerja-kerja Membekal dan Memasang Pagar Jenis Anti-Climb and Cutting di Kawasan Tadahan Air Hutan Simpan Sungai Icat, Kuala Terla, RM160,000.00.

Yang kelima, Kerja-Kerja Menaik Taraf Aliran Muka Sauk bagi Menambah Kuantiti Air Mentah serta Kerja-kerja Berkaitan di Loji Air Brinchang, RM280,000.00. Yang keenam, Penyambungan Paip Outlet Tangki Tringkap Puncak ke Paip Jajaran

Tringkap Jenis MSCL 150 mm Sepanjang 100 Meter, RM85,000.00. Yang ketujuh, Penggantian Paip di Lokasi Jenis AC 100 Meter… 100 Milimeter kepada Jenis MSCL 200 mm sepanjang 500 meter, RM300,000.00.

Yang akhir sekali, Penggantian Paip di Lokasi Jenis AC 100 mm kepada Jenis MSCL 100 mm sepanjang 300 meter di Lembah Jasar, RM130,000.00, yang ni dah siap. Yang Berhormat bolehlah pergi melawat ya balik kawasan. Manakala dua projek yang dalam pembinaan. Yang pertama, Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Loji Rawatan Air Brinchang dan Pemindahan Komponen Rawatan Jenis Kompak dari LRA Benta Ke LRI Brinchang dan Kerja-kerja Berkaitan Cameron Highlands, RM2.13 juta.

Yang kedua, Kerja-kerja Membekal dan Memasang Paip Baharu Jenis MSCL Bersaiz 150 Diameter serta Kerja-kerja Berkaitan di Jalan Tengkolok RM280,000.00 yang ini dalam pembinaan. Setakat hari ini Yang Berhormat, masih mengikut jadual, ini Yang Berhormat boleh tengok jelah… buat pemantauan. Kalau ada *delay* bagi tahu terus kepada PAIP. Jangan tunggu Sidang Dewan Yang Berhormat ya.

Yang ketiga, Projek Pra-pembinaan. Yang pertama, Mereka Bentuk, Memasang, Menyiapkan dan Menauliah Paip Jenis Keluli Lembut Saiz 450mm Diameter Sepanjang 7km Dari Tangki Brinchang Ke Tangki Royal Lily Serta Kerja-Kerja Berkaitan. Ini dalam pra-pembinaan, kosnya kita belum dapat lagilah… belum muktamad lagi kosnya bukan belum dapat… belum muktamad.

Yang kedua ialah Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan dan Menaik Taraf Sistem Loji Rawatan Air Terla Serta Pemindahan Komponen Loji Rawatan Air Jenis *Compact… Compact* Dari Daerah Lain Ke LRA Terla Serta Kerja-Kerja Berkaitan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan tambahan.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat atas jawapan yang sangat terperinci. Soalan tambahan saya, berapakah peratus isu bekalan air yang telah diselesaikan oleh kerajaan negeri bagi semua daerah? Dan soalan yang kedua susulan jangkaan berlaku Monsun Timur Laut, apakah langkah yang dapat diambil untuk memastikan bahawa bekalan air bersih tidak terjejas? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya dimaklumkan oleh pihak PAIP sehingga November tahun ini sebanyak 82% isu *blackspot* bekalan air telah diselesaikan di negeri Pahang melalui PAIP. Ini adalah komitmen kita, janji kita untuk memastikan 90% masalah air di Pahang ni akan dapat kita selesaikan menjelang akhir tahun depan. Kalau mengikut daerah di mana yang saya katakan sebelum ini, Bentong telah kita selesaikan melebihi 90% dan begitu juga di Kuantan telah pun lebih daripada 90%. Er… seterusnya Raub, Dato' Sri Yang di-Pertua, dah lebih dari 90%. Bermakna 3 daerah dah dapat lebih daripada 90% dan

yang menghampiri untuk kita selesaikan 90% ialah Jerantut, insya-Allah dan juga Jerantut lagi 1% nak dapat 90%. PAIP pun 1% pun berkira juga.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang paling keterkebelakang sekali boleh ke Yang Berhormat?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang paling terkebelakang sekali…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini… ini… ini Speaker nak tanya pula, boleh? [Ahli Dewan ketawa] Nak tanya je, nak tanya untuk makluman.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Eh… Speaker boleh tanya ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Eh… Speaker… Yang Amat Berhormat, Speaker boleh suruh orang duduk dan suruh orang berdiri. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dan boleh suruh keluar. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh suruh keluar. [Ahli Dewan ketawa] Itu kuasa Speaker. Tapi takkan saya nak buat macam tu. Saya sayang semua.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tengok keadaanlah kan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tengok keadaan. Saja nak tanya… saya nak bertanya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, yang paling terkebelakang sikitlah Lipis 60% lebih. Jadi, saya pun tak faham kenapa CEO PAIP ni, patut Lipis lah nombor satukan? [Ahli Dewan ketawa] Sebab ada dua orang… ada dua orang daripada Lipis ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dua orang… dua orang daripada Lipis. Maknanya tiga… empat [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi… saya dah bagi tahu kepada CEO PAIP, utamakan daerah-daerah lain dulu. [Ahli Dewan menepuk meja] Jadi, insya-Allah Yang Berhormat er… er… semuanya berjalan dengan baik dan saya sangat optimis dan yakin, insya-Allah sekiranya tidak ada apa-apa perkara kita akan mendapat sasaran kita menjelang akhir tahun ni 90%. Dan semalam pun saya ucapkan terima kasih kepada salah seorang Ahli Dewan daripada pembangkang yang mengatakan bahawa dia kurang betul masalah air dibangkit dalam Dewan ni. Dan ini saya menghargai penghargaan tersebut dan insya-Allah kalau boleh penghargaan-penghargaan yang lain bukanlah kita minta kan, tetapi bagi tahulah juga… jangan apa… jadi saya tak nak ulanglah pagi-pagi ni malas menghangatkan Dewan Yang di-Pertua. [Ahli Dewan ketawa] Terima kasih.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Ramai tu nak tanya. Silalah… bagilah Lanchang... lepas Lanchang, kita bagi pada Tahan.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih kepada Dato' Sri Speaker. Er… saya sebenarnya dua tiga hari lepas tentang dalam jawapan perbahasan saya, saya ada bangkitkan tentang bekalan air di beberapa penempatan di bahagian pedalaman yang menggunakan Loji Rawatan Kampung Mempateh. Jadi selepas daripada ucapan dan perbahasan tersebut, saya telah pun berjumpa terus dengan Dato' CEO lah. Dan alhamdulillah, sehari kemudian dia telahpun bagi jaminan bahawa kes tersebut akan diselesaikan tempoh terdekat. Jadi saya, oleh kerana tindak balas yang segera itu, saya nak ucap terima kasihlah kepada pihak kerajaan dan insya-Allah katanya, mungkin awal tahun depan dah… dah nak buat. Mengenai bentuk teknikalnya, saya pun tak tahulah benda apa kan. Janjinya… maknanya benda tu selesai. Jadi saya nak sebutnya "*Orang berbudi kita berbahasa, Orang memberi kita merasa".*

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sama-sama Yang Berhormat. Alhamdulillah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Syukur kepada Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil daripada Tahan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Macam nilah. [Ahli Dewan menepuk meja] Kalau Yang Berhormat ada masa, kita… kita jumpa lagi, kita borak lagi ya. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi… tapi… Yang Amat Berhormat, masa saya… masa saya Exco… masa saya jadi ADUN, itu masalah saya pun. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya terlupa nak menjawab soalan kedua. Takpe… takpe… kita… kita jangan potong *stim*. Teruskan.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Tapi saya kira, saya menyelesaikan masalah Dato' Sri semasa di sanalah yang saya rasa selesailah tu Speaker. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa dia… dia cakap…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia cakap menyelesaikan masalah Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu… itu dipanggil kesinambungan [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Usaha telah dibuat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Usaha telah dibuat. Penyelesaiannya kadang-kadang kita ni buat jasa kita, bukan kita yang dapat manfaat perjuangan kita ni, orang akan datang yang dapat manfaat. Itu lebih besar daripada yang menang hanya menunggu kedatangan kejayaan, kita tu. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi saya nak ucapkan terima kasih. Tak nampak gaya kaki *claim,* ikhlas daripada ADUN Lanchang ni. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, orang Lanchang memang macam tu. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya… Yang Berhormat Speaker, saya terlupa nak menjawab soalan nombor dua tadi berhubung dengan apa ni… Monsun Timur Laut ye. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada Pusat Kawalan Operasi Bencana dan pusat ini akan sentiasa siap siaga dan sekiranya ada masalah er… bekalan air bersih, pihak PAIP akan bekerjasama dengan PKOB untuk menyalurkan er… bekalan air dan juga pihak PAIP akan menggunakan pam *pontoon*. Pam *pontoon* ni ya… dia… dia… dia bersabit juga dengan mendalam, mengorek dan mengepam. Tapi yang ni, pam *pontoon* saja bagi tujuan untuk digunakan….

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia macam rakit yang terapung

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dia macam rakit yang terapunglah. Saya ingat rakan Ahli-ahli Dewan tahu semua rakitkan, kami di Lipis tahulah sebab masa kecik-kecik dulu dah ada rumah rakit Lipis tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Temerloh ada.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Temerloh ada. Sekarang ada lagi?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Commercial… commercialized…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Salah satu… salah satu Speaker punya kan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salah satu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi untuk makluman Yang Berhormat daripada Tanah Rata, kita akan gunakan pam *pontoon* ni yang macam rakit di loji rawatan air di mana pam ini akan kekal beroperasi walaupun muka… muka sauk tu tenggelam, tapi dia akan tetap timbul dan ini boleh membantu untuk kita menyalurkan bekalan air. Usaha-usaha lain adalah untuk memastikan bekalan bahan kimia mencukupi. Pelantikan kontraktor yang sedia ada yang memang kita *standby* sekiranya berlaku kerja-kerja kecemasan dan juga kita akan melaksanakan penjadualan operasi semasa Monsun Timur laut.

Jadi ya… namun begitu, Yang… Yang… Yang Berhormat Speaker, saya ingin menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, andainya ada perkara-perkara tidak diingini berlaku, bekalan air bersih ini akan terjejas. Sebagai contohnya tanah runtuh, tiba-tiba ada berlaku tanah runtuh sudah pastinya terjejas seketikalah, mungkin beberapa jam dan sebagainya ataupun pokok tumbang dan ini mungkin akan menjejaskan bekalan air yang luar jangkalah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan. Saya pertamanya, saya mengucapkan penghargaan dan juga terima kasih kepada komitmen kerajaan negeri dan juga PAIP lah di atas usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu bekalan air terutama di DUN Tahan. Saya akui dalam tempoh tiga… empat tahun ini telah banyak isu-isu air itu diselesaikan daripada kawasan-kawasan yang kritikal akhirnya menjadi kawasan yang tenang bagi petugas-petugas PAIP terutama ketika menjelang musim perayaan. Cuma ada satu kawasan lagi iaitu di… di Kuala Tahan terutama di kawasan FELCRA Tembeling Tengah yang melibatkan kawasan Jalan Kelah. Dia… isu bekalan air ini selalu terputus. Yang terbaru dua minggu… baru… baru dua minggu, bila terputus itu makan masa seminggu ke dua minggu dan pihak PAIP alhamdulillah membekalkan air walaupun penduduk kampung kata tak cukuplah. Cumanya baru er… saya dimaklumkan baru semalam jumpa punca ataupun kawasan pecah itu cumanya saya nak tanya sebab saya dimaklumkan bahawa ada usaha dan ada perancangan daripada pihak PAIP untuk menukar paip-paip baharu menggantikan paip lama daripada SK Kuala Tahan hingga ke simpang Kampung Gol. Soalnya, er… saya nak tahu bilakah orang panggil er… projek itu akan dilaksanakan. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bila dah ada perancangan tersebut maknanya akan dilaksanakan bila semua er… cukup maknanya teknikal selesai, tender selesai, duit pun ada insya-Allah kita akan buat ya, kita akan bagi perhatianlah tetapi alhamdulillah setakat ini Jerantut er… 89% saya ingat yang 1% itu yang inilah agaknya er… agaknyalah [ketawa] dah 89% seluruh er… di daerah Jerantut. Jadi insya-Allah er… perkara ini kita akan bagi perhatian. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar soalan kita boleh bagi *last*.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okay, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terakhir.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih er… Dato' Sri Speaker…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau Speaker nak bagi semua Ahli Dewan pun tak ada hal. [ketawa] [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[ketawa]

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama, saya ucap tahniah pada er… pada kerajaan negeri dan er… dan syarikat PAIP. Ini satu isu besar yang juga isu masalah air ialah masalah kadar *turbidity* ataupun kadar kekeruhan yang tinggi. Kalau ikut rekod ya kita ada tiga LRA yang berdepan dengan masalah kekeruhan yang er… yang lebih tinggilah lebih daripada 1000 NTU contohnya, Sungai Birut… Sungai er… Sungai Bilut di Raub ini antara yang paling kerap ditutup puncanya kerana *turbidity* yang terlalu tinggi, Sungai Semantan dan Sungai Klau. Saya ucap tahniah pada PAIP ada peruntukan [tak jelas] juta untuk mengatasi masalah NTU ini, masalah *turbidity* yang tinggi ini tapi isunya ialah sebab ini di luar daripada bidang kuasa. Punca kekeruhan ialah disebabkan ladang-ladang yang dibuka, ladang-ladang pertanian dan sebagainya menyebabkan bila hujan sahaja Loji Sungai Bilut di Raub *confirm* kena tutup dan kerana kadar kekeruhan yang tak boleh diproses oleh loji. Jadi persoalan saya ialah apakah langkah-langkah segera sebab waktu hujung-hujung, musim-musim ini bulan 11, 12, 1 ini kebanyakan loji di er… di Sungai Bilut terpaksa tutup kerana kadar kekeruhan yang terlalu tinggi loji tak boleh proses er… jadi apakah langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini waktu-waktu kritikal tersebut. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. Kita memang ada mendengar aduan pasal kekeruhan di Bilut ini tetapi saya ingin nyatakan Dewan yang mulia ini bahawa masalah kekeruhan air di Bilut ini kita telah selesaikan. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri telah diminta oleh Exco untuk turun ke padang untuk melihat isu ini dan er… memang tidak dapat dinafikan apabila berlaku kekeruhan ini, pihak PAIP akan tutup kerananya airnya tidak selamat untuk diminum dan sebagainya tetapi tindakan-tindakan awalan kita buat dan bila kembali kepada asal kita buka baliklah ya. Jadi untuk menjamin, sebab itulah saya mengatakan 90% walaupun di er… di Bentong ini sebenarnya 100% masalah air ini selesai tetapi saya masih mengekalkan angka 90% kerana kita bimbang ada perkara-perkara yang di luar jangkaan dan er… sebenarnya dalam dunia ini agak sukar untuk kita mendapat 100% Yang Berhormat. Apa bendalah ya kalau kita *exam* pun paling-paling tinggi pun 98% *lecturer* bagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

90% er… 90% dah A dah itu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Er… iyalah A lah er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

90% er… dapat 90%, dapat 98% A juga.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

A juga tapi A+ lah. [ketawa] Jadi, maknanya er… kita ambil perhatian apa yang dibangkitkan oleh ADUN Cheka. Saya tidak menafikan isu kekeruhan ini adalah satu isu yang kita boleh selesaikan secara *total* ianya adalah kita boleh katakan masalah berulanglah ya, kadang-kadang luar jangka sepertimana yang Tanah Rata tadi saya bagitahu walaupun kita berusaha mengambil tindakan yang sebaiknya untuk Monsun Timur Laut ini tetapi kadang-kala kita bimbang ada perkara-perkara yang di luar jangka seperti tanah runtuh di Cameron Highlands er… jadi kita tidak mahu kita bagi tahu kepada rakyat bahawa er… walaupun Monsun Timur Laut masalah air ini 100% terjamin tidak, kita bimbang ada perkara-perkara yang di luar jangka sepertimana kekeruhan dan sebagainya.

Tetapi saya nak bagitahu ya, kerajaan walaupun pihak pembangkang selalu er… menghargai, mengucapkan terima kasih kepada agensi kerajaan tetapi saya ingin nyatakan di sini bahawasanya pihak kerajaanlah yang bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan termasuk PAIP untuk memastikan semua kerja-kerja tersebut dapat dilaksanakan. Kalau setakat agensi tanpa bantuan, sokongan, idea, kewangan daripada kerajaan tidak mungkin ianya berlaku ya. Jadi punca itu kadang-kadang kita kena tahu sebab saya er… saya puas hati ya, saya puas hati pihak-pihak pembangkang ini mengucapkan terima kasih kepada pihak agensi kerajaan.

Saya sangat menghargai juga er… pihak agensi kerajaan tetapi sebenarnya punca tersebut adalah daripada kerajaan ya dan 90% er… 90% ini juga adalah dasar

kerajaan yang meminta PAIP selesaikan masalah air 90% menjelang akhir tahun 2025 adalah dasar kerajaan. [Ahli Dewan menepuk meja] Bukan PAIP bagitau er… kata nak selesaikan 90% tidak. Kita bagitahu pada PAIP, kita nak er… PAIP selesaikan masalah ini bagi tahu kepada kerajaan berapa peruntukan dan sebagainya kita usahakan bersama. Maknanya bukan agensi sahaja ya sebab ini er… sebab hari ini dan yang sebelum-sebelum ini saya nampak terima kasih kepada JKR, terima kasih kepada PAIP seolah-olah macam tak wujud kerajaan Yang Berhormat Speaker. Jadi saya ingin membuat er… nak bagi tahu pandangan bahawa walaupun agensi kerajaan yang melaksanakannya tetapi punca kuasanya adalah daripada Kerajaan Barisan Nasional, perpaduan yang ada pada hari ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat er… kita empat ya maknanya hari ini *special* sedikit, empat soalan tambahan saya bagi. Okay, kita pergi kepada soalan kedua ADUN Beserah, Wakil daripada Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera er… Dato' Sri Speaker. Terima kasih, saya kemukakan soalan nombor 2. Terima kasih.

[Pendidikan berteraskan STEM;

a. Mohon nyatakan langkah konkrit yang telah serta akan diambil bagi melahirkan lebih ramai modal insan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di Negeri Pahang, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

b. Apakah mekanisme pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan usaha tersebut memberi kesan langsung terhadap peningkatan prestasi pelajar dan kebolehpasaran graduan negeri?]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Assalammualaikum WBT, salam sejahtera, selamat pagi, salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

ADUN er… Beserah bertanyakan soalan berkaitan dengan STEM itu er… bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau kalau dia er… dia ataupun dia er… apa nama dia er… diterjemahkan secara terus *science, technology*, *engineering and mathematics* STEM dan er… apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh pihak kerajaan bagi melahirkan lebih ramai modal insan dalam STEM ini tadi khususnya kawasan luar bandar dan pedalaman dan er… apakah *mechanism* pemantauan yang dilaksanakan untuk mem er… pastikan peningkatan prestasi pelajar dan kebolehpasaran graduan negeri. Ini satu soalan yang cukup relevan. Mengapa saya sebutkan ini cukup relevan dan penting.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Contohnya, kalau kita pergi ke hospital. Kalau kita pergi ke hospital, kita dapati makna kita er… bila sakit kita nak dapat rawatan kita pergi ke hospital. Kita akan er… memilih hospital atau pusat kesihatan yang mempunyai kredibiliti yang hebat maknanya kita tahu ada doktor pakar dia malahan kita telah ditakrifkan misal contoh diberi penarafan dari segi er… dari segi er… hospital ini kita tahu HTAA, Hospital Tengku Ampuan Afzan kira nombor satu di er… Pahang, nombor dua HOSHAS di Temerloh, nombor tiga di Lipis.

Mengapa dikatakan begitu, sebab bidang disiplin kepakaran ini ada semua sekali di HTAA dan juga di HOSHAS kemudiannya di mana… di Lipis misal contohnya dan ada hospital-hospital lain. *So* bila kita lihat kewujudan ataupun kehadiran doktor ini tadi ialah hasil daripada mereka mendalami dan mengikuti kursus dalam bidang STEM. Begitu juga misal contoh kita lihat ramai di kalangan Ahli-ahli Dewan berbangkit... membangkitkan soal bekalan air tadi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar telah pun menjawab soalan berkaitan bekalan air. Bagaimana kita nak menangani masalah bekalan air yang memerlukan kepakaran dalam bidang kejuruteraan hidraulik dan juga mekanisme er… mekanikal, guna pam dan sebagainya yang ini memerlukan mereka yang daripada lulusan kejuruteraan. Jadi kita lihat penyelesai kepada masalah ini sebahagian besarnya terdiri daripada kalangan graduan dalam STEM. Kita nak bina bangunan misal contohnya 188 terserlah di itu, 118 yang diilhamkan oleh Bossku tersergam indah sebagai menara yang tertinggi di dunia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Di er… dipanggil menara *handphone.* [ketawa] Menara telefon bimbit dia macam ini er… apa namanya ini... microTAC dulu.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okay, terima kasih Dato' Sri Speaker. Kita pergi ke Dubai, Burj Khalifa, tinggi je. Dia tidak terbina begitu sahaja. Ianya terbina dengan kepakaran daripada mereka-mereka yang hebat dari segi kejuruteraan. Bagaimana kita nak menilai bagaimana? Apakah kos yang perlu disediakan untuk membina binaan tersebut? Kita kena dapatkan juruukur bahan untuk mengira setiap komponen-komponen dan meletakkan apa nama... kadar, harga di situ. Jadi maknanya, dia lihat dari segi itu sudah tentulah kita perlukan pakar-pakar ini dilahirkan di kalangan anak-anak tempatan. Bagaimana persenjataan, pertahanan misal contohnya. Kita lihat, kita lalui bila sambutan hari kemerdekaan. Persenjataan, dari segi pertahanan, kereta kebalnya, kapal terbangnya yang er... ini semua memerlukan mereka yang menguasai bidang STEM ini tadi.

Sebab itu, melihat kepada apa yang diperlukan ini, maka pihak kerajaan melalui jabatan atau Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakarkan falsafah pendidikan untuk menangani cabaran-cabaran di masa hadapan. Sebab itu, dalam konteks yang dibangkitkan oleh ADUN Beserah ini, ini cukup relevan dan kita mesti mengusahakan supaya sebahagian besar daripada anak-anak kita generasi pewaris akan datang ini akan berminat untuk mengikuti dalam bidang STEM ini dan usaha ini mesti dibuat, pendedahan mesti diberikan. Kita tengok misal contohnya, baru-baru ini di antara usaha yang kita buat, misal contohnya kita dapatkan ikon. Kita panggil Dr. Muszaphar, Angkasawan Malaysia yang pertama pergi. Bagi motivasi untuk membuka minda, bukan sahaja ibu bapa tetapi anak-anak supaya dia nak jadi ikon macam Dr.

Muszaphar ini sendiri. Jadi ini pendedahan yang kita buat, banyak. Maknanya, saya kalau nak baca, maknanya satu persatu... ini er... usaha tapi gambaran umumnya. Dan bagaimana kita er... misal contohnya usaha yang dia buat ini juga dengan komitmen guru-guru yang dalam bidang STEM ini tadi. Memberikan pendedahan dan kita lihat kejayaan-kejayaan mereka.

Saya bagi contoh, misal contohnya. Dalam satu ketika, peperangan yang berlaku di Falklands ya, tahun 1900... tak silap saya 1982 di mana sebenarnya. Ini negara Argentina, Presiden Argentina pada ketika itu, Jeneral Galtieri, dipanggil, telah menceroboh masuk ke Pulau Falklands. Ini dia kata dia *claim* maknanya dia mengatakan, dia menuntut ini pulau ini dulu ialah kepunyaan Argentina dinamakan Malvinas. Dia tak panggil Falklands Island atau Pulau Falklands, dia bawah ini kerajaan British, di bawah pemerintahan British.

Dia serang masuk dalam. Bagaimana dia buat begitu? Kerana dia menggunakan *missile* Exocet. *missile* Exocet ini er... dikeluarkan oleh pakar-pakar pertahanan, jurutera yang hebat, saintis yang hebat mengeluarkan *missile*, peluru berpandu Exocet dengan kerjasama Britain dan juga Perancis. Lepas itu dia buat tu, dia juallah, jadi Argentina beli, beli yang Exocet *missile* ini dan bila dia nak menyerang, dia guna Exocet *missile*, dia serang tu...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lama lagi ke? Baru cerita ni. Kita ni baru cerita *missile* ni. [ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, saya nak bagi contoh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Minta maaf Yang Berhormat, teruskan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Apabila dia buat serangan, masa itu pulau telah ditawan oleh Argentina dan dia menembak kapal terbang-kapal terbang Britain ini tadi dengan menggunakan Exocet *missile* ini. Banyak kapal terbang Britain jatuh, tumpas... kerana apa? Dia gunakan satu pengesan dipanggil *heat seeking*, dengan izin. Haba dia guna, jadi serombong tu nozel belakang, peluru berpandu tu dia akan ikut tu, dia tembak. Banyak kapal terbang ini apa nama Britain yang er... terkenalah. Tetapi kelebihannya, setelah dibuat kajian, maknanya tentera dan pihak kerajaan Britain telah mengumpulkan semula saintis ya, ini saya nak beritahu penyelesaian.

Saintis, bagaimana nak menangani perkara ini? Maka mereka telah mencipta pula dipanggil ini apa nama ini *decoy*. Maknanya bila ini tentera Argentina tembak ini peluru berpandu *missile* Exocet itu, dia pula ada satu kaedah *decoy*kan, dia tembak pula. Maknanya dia macam bunga api gitu. Jadi *missile*nya tadi melencong dan tersasar, tidak terkena pada kapal terbang. Siapa yang menyelesaikan? Maknanya warga Britain juga maksud saya bila kita dalam keadaan tertekan termasuk dalam pertahanan, kita perlukan orang kita. Kita tidak boleh mengharapkan dari pihak luar. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini, jangka masa panjangnya penting, cukup

strategik. Kita mesti membuat kempen dan usahakan supaya anak-anak pelajar kita yang duduk di sekolah rendah dan sekolah menengah ini akan ada kecenderungan untuk memilih subjek STEM ini tadi sebagai pilihan mereka.

Ini yang saya nak nyatakan. Dan apakah bukti kejayaan ini? Buktinya saya nak maklumkan, antaranya ialah kejayaan anak-anak pelajar kita yang telah merangkumi atau merangkum anugerah yang hebat ya. Sekolah Menengah Agama Al-Maarif, sekolah pertama Pahang yang mewakili Malaysia dalam First Global Challengers 2025 di Panama City. Sekolah ni sekolah menengah agama bantuan kerajaan di Bukit Goh dan di kalangan 190 buah negara ini tadi, sekolah menengah agama ini Johan Video Storytelling Award ya [Ahli Dewan menepuk meja] dan ini telah meletakkan Malaysia dalam kalangan 190 tu tadi 86, tangga ke 86. Hebat jugalah maknanya Pahang kita ni. Ini saya nak bagi tahu ini, maknanya apakah...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya Yang Berhormat, itu baru orang Bukit Goh pergi ya? Belum orang Benta lagi.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Hehe, takpe. Tapi orang Lanchang apa kurangnya? Tapi orang Jelai lagi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh bagi 3 minit lagi tambahan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Orang Jelai lagi hebat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

3 minit lagi tambahan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okay... okay. Ini macam hogoh sekali dua bulan, hogoh dua kali empat bulan, eh nak hogohlah ni. Senang ceritanya, hogoh je lah kan? Banyak senang kerja. Dua bulan bonus alahai. Dan saya nak bagi tahu tiga pelajar Orang Asli. Sekolah Kebangsaan Permatang Keledang, Pekan ini daripada kalangan suku kaum Jakun telah masuk pertandingan International Robot Olympiad Ke-26 di Korea di Busan, Busan ni. Train to Busan. Dan mereka telah mendapat pingat emas dalam *Junior Creative Category (Technic)* di International Robotic ini apa nama, *competition* tersebut dan juga kita lihat SJKT Ringlet, Cameron Highlands. Ini ADUN Sabai yang angkat tangan. Sebenarnya kawasan ADUN Tanah Rata. Tapi maknanya dua-dua ya. SJKT Ringlet. Pasukan Robotic STEM dalam menyertai WINSTEM 2025 peringkat antarabangsa di Pusat Sains Negara pada 22 November baru ini, dapat empat anugerah emas dan satu anugerah gangsa. Hebat SJKT Ringlet dan keberhasilan ini dia banyak lagi ya. Saya nak maklumkan, banyak lagi. Ini hasil daripada dedikasi para-para guru, jurulatih dan pelajar itu sendiri.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' di-Pertua, mencelah kejap. Saya nak tanya Wakil Kerajaan dan mungkin nak *share* juga dengan Wakil Kerajaan. Ada seorang pelajar di Sekolah Menengah Tinggi Tanjung Gemok di kalangan pelajar Asli telah ditawarkan ke Universiti United Kingdom baru-baru ini. Untuk makluman, terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Alhamdulillah, mari kita lihat bahawasanya apabila anak-anak pelajar kita melihat rakan-rakan sebaya mereka, *peer group* dia, dengan izin berjaya dapat mewakili negeri dan negara dan bersaing dengan mereka-mereka daripada negeri, negara maju dan kita berjaya meraih kejayaan sebagai johan, meraih kejayaan dapat anugerah pingat emas dan sebagainya. Ini adalah di antara pendekatan yang paling realistik untuk menggalakkan anak-anak kita, untuk memilih bidang STEM ni dan bidang STEM ni adalah bidang yang cukup strategik untuk negara dan juga er... masyarakat. Jadi insya-Allah, saya rasa ni ADUN Beserah, itu di antara langkah-langkah yang kita ambil, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Okay kita bagi ADUN Beserah, lepas tu ADUN Luit ya.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Saya sebenarnya ragu-ragu nak tanya ni sebab takut pukul 1.00 kita tak berhenti rehat ni kang. Tapi sebab ini penting macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, adalah untuk bagaimana kaedah yang terbaik, yang kita… soalan saya sebenarnya nak menjurus kepada, bagaimana kita nak ambil langkah yang boleh menarik minat anak-anak kita ni supaya menceburkan atau mengambil bahagian di dalam STEM ini? Kerana banyak institusi yang kita bina, er... terutama sekali yang berkaitan dengan, dengan STEM ini, kurang mendapat tarikan dan minat sehingga sampai kepada kurangnya murid atau pelajar pelatih yang… yang menyertainya sehingga menyebabkan perkara ini menjadi satu masalah. Kita dah bina banyak kemudahan infrastruktur tapi pelajar tak ada, tak berminat.

Jadi ini yang sebenarnya kita nak tekankan supaya er... kerajaan negeri membantu Kementerian Pendidikan untuk menyalurkan pelajar-pelajar kita ini sama-sama terlibat di dalam STEM. Ini soalan yang sebenarnya saya nak tengok, langkah yang kita ambil. Tadi dah sebut dah satu, kebetulan panggil ikon. Satu langkah yang baik untuk nak cetus minat mereka. Langkah-langkah lain yang boleh membantu, untuk menarik minat ni. Terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya tadi nak bagi gambaran. Langkah-langkah yang diambil oleh ataupun membayangkan apakah sebenarnya matlamat kita. Mengapa perlunya dan relevannya kepada mata pelajaran STEM ini. Ini bukan semata-mata er... baru ni

terletak di Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan atau pihak kerajaan semata-mata, tapi kita rasa, penting demi masa depan negara, negeri dan er... masyarakat kita.

Langkah-langkah dia memang banyak sebenarnya. Saya kalau boleh inisiatif peringkat sekolah rendah, seawal peringkat sekolah rendah murid di seluruh negeri Pahang sama ada di luar bandar mahupun luar bandar dan pedalaman telah didedahkan kepada pelaksanaan Fahaman melalui Rekabentuk (KmR). Ia dipanggil Kefahaman melalui Rekabentuk, dipanggil KmR, Modul 6.1 TS25. Modul… modul ini mengintegrasikan empat komponen utama STEM iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Melalui pendekatan pembelajaran berbentuk inkuiri, berbentuk projek dan aktiviti *hands-on.* Ini tadi yang saya katakan.

Pendekatan KmL… KmR ini bertujuan membina asas pengetahuan, nilai dan kemahiran modal insan STEM secara terancang. Setiap tahun karnival KmR turut dianjurkan di semua sekolah sebagai platform untuk murid mempamerkan inovasi serta mempersembahkan hasil projek mereka kepada masyarakat dan pihak berkepentingan. Inisiatif di peringkat sekolah menengah, bagi murid sekolah menengah semua di negeri Pahang tanpa mengira lokasi melaksanakan Program Junior STEM A ataupun JuSA A bagi murid tingkatan 1, 2 dan 3.

Program ini dirangka khusus untuk membangunkan potensi murid ke arah STEM A sebagai persediaan untuk peningkatan enrolmen tingkatan 4 dan tingkatan 5. Usaha ini bertujuan memastikan peningkatan enrolmen STEM sebanyak tiga hingga 5% setiap tahun sekali gus menyediakan anak-anak Pahang untuk memasuki pasaran pekerjaan dalam bidang teknikal, sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan sektor tenaga mahir yang berkaitan. Untuk tahun 2026, negeri Pahang telah menetapkan sasaran enrolmen STEM seramai 3,419 murid dengan keseluruhan sasaran dan enrolmen STEM negeri sebanyak 56%.

Rancangan tahun 2026. Fokus kepada luar bandar dan pedalaman. Beberapa inisiatif baharu turut dirangka khusus untuk memperkukuhkan penglibatan murid terutamanya dari kawasan luar bandar dan pedalaman. Program Mini Teater STEM misal contohnya. Program ini akan melaksa… dilaksanakan melalui kolaborasi bersama Persatuan STEM Kebangsaan dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di bawah pimpinan Professor Emeritus Dato' Dr. Rohani binti Idris. Program ini bertujuan membangunkan kemahiran berfikir secara saintifik, analitik dan kritikal, seterusnya melahirkan inovasi dalam projek serta produk. Sebanyak 38 buah sekolah di negeri Pahang akan terlibat dalam program ini.

Kemudian kita ada Program Pertandingan IMPBPro Peringkat Negeri Pahang. Program ini melibatkan murid tahun 4, tahun 5 dan tahun 6 bagi memupuk kemahiran berfikir kreatif, kritis dan inovatif melalui penghasilan projek atau produk. Pertandingan ini dijadualkan berlangsung pada 14 April 2026. Program School Tour Skor A+ SPM Pahang 2026. Program ini merupakan usaha kolaboratif antara Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Yayasan Abdullah dan PTTI dan memberi tumpuan kepada Mata pelajaran Matematik dan Sains. Program ini melibatkan semua murid tingkatan 5 di 198 buah sekolah menengah seluruh Pahang dan pelaksanaannya akan bermula pada 19 Januari 2026.

Program KmR, PBL Junior STEM A (JuSA) Pahang. Program ini melibatkan rintis 20% murid tahun 4 sekolah rendah di Pahang yang mempunyai pencapaian yang baik dalam matematik dan sains untuk menarik minat murid-murid memilih STEM A semasa di sekolah menengah melalui pertandingan penghasilan produk atau bahan

daripada bahan-bahan semula jadi atau bahan terbuang yang dikitar semula. Sebagai… jadi ini, ini di antara beberapa pendekatan yang kita buat. Itu, itu maksud saya tadi. Ya, yang… yang kita buat maknanya kita *seriously.* Bukan saja kita er... melengkapkan program.

Tapi sebenarnya ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, er... sahabat saya Yang Berhormat ini ADUN Beserah, ini pendedahan. Sebab itu kita buat *placement*. Mengapa kita ada *placement?* Bila kita buat Kursus Vokasional misal contohnya TVET, mengapa kita letakkan dia bagi pendedahan industri supaya dia lihat. Saya rasa YB, YB er… Beserah ini dulu merupakan seorang yang er... ni, ini diberi tanggungjawab dari segi *human resource* ya, saya difahamkan begitu.

So modal insan merupakan satu subjek yang rapat dengan hati dia, sanubari dan kita tahu kadang-kadang *disclosure* misal contoh. Mengapa kita hantar pelajar-pelajar kita ke China? Untuk belajar mengikuti apa nama? Dalam bidang Kejuruteraan Rel. Sebab kita ada ECRL kan kita ada ECRL, *so* kita pergi, 30 pelajar kita hantar ke er... China. Daripada UCYP dan 30 orang pelajar pulak daripada PSDC, kita pergi tengok. Bidang dia apa? Elektronik, bidang kejuruteraan, bidang ini landasan kereta api dan sebagai-sebagainya. Dia bagi pendedahan. Begitu juga anak-anak kita.

Saya yakin misal contohnya kita ada loji-loji air yang berterabur kalau ikutkan. Mana loji-loji yang ada, yang ada di seluruh negeri. Kalau kita bawa anak-anak pelajar ini melihat ini loji air. Ini cara kita proses air, ambil daripada sungai, masuk ke sini, kita masuk, tengok proses tu. Dia akan timbul minat dan di situ akan tengok "Oh, begini caranya". Kemudian kita tengok bangunan. Macam mana terserlah bangunan? Tengok ada *foundation* dia, dia ada asas dia. Kita tengok bagaimana dia er... kita ada kerja-kerja cerucuk. Kita ada ni apa kerja-kerja *piling,* er*...* cerucuk la. Maknanya kita tengok, lihat, tengok. Pakai yang topi keras tu, tengok. Masya-Allah ini, "*Oh, I wan't to become an engineer one day".*

Kita bawak ke… ke… ke hospital, tengok doktor merawat. Oh dia nak jadi doktor satu hari. Pendedahan ni. *That's why enquiry.* Dia minat. Sebab tu dalam pendekatan seumpama ni tadi kita masuk pertandingan, kita bagi pendedahan insya-Allah dah tu kita lihat ikon-ikon yang hebat ni tadi. Lihat bagaimananya kita membina jambatan misal contohnya. Bagaimana kita membina kapal, misal contoh, bagaimana kita melihat pendedahan anak-anak terhadap Kejuruteraan *Aeronautical* misal contohnya, dengan izin. Yang ini yang bagi pendedahan.

So sebab itu dalam konteks seumpama ni… ni Yang Berhormat Beserah, kita pelbagaikan. Dan saya tahu rakan-rakan daripada er... Ahli-ahli Dewan, banyak yang bila dia mohon sekolah buat lawatan teknikal ke situ ke sini, pertanian robotik, kita banyak. Saya rasa rakan… rakan-rakan yang ada dalam barisan kerajaan berbuat demikian. Apatah lagi sahabat saya yang bertanggungjawab ni tentang sains teknologi ini, ADUN Peramu Jaya, sentiasa memberi penekanan.

Petrosains misal contohnya. Petronas yang yang er... menaja Sekolah Kebangsaan ini… Keledang er... di kalangan orang asli. Bukanlah saya ya… Permatang Keledang. Permatang Keledang. YB Dato' Sri SS mentang-mentang dia orang Pekan, dia terus betul ke saya. Tapi terima kasihlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Eloklah dia tolong betul, supaya tak salah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Eloklah dia tolong betulkan…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Supaya tak salah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya betul. Sebenarnya kita ni tidak. Ego kita. Kadang-kadang ego kita ni kalau kira orang nak betulkan, jadi kita rasa eh... terancam… tidak. Sebenarnya usaha yang baik, terima kasih Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri yang membetulkan. Maknanya Permatang Keledang ya. Jadi saya rasa itu di antara jawapan saya. Kalau boleh, boleh teruskan lagi tak de hal.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya…

ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya kira dua jam boleh lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya ingat kita pergi soalan seterusnya.

ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Bukan apa kalau saya cakap Dato' Sri? Kalau cakap pasal ni *i'm so passionate* dengan izin, mana cerita pasal kita kena lahirkan doktor, jurutera. Bukan sahaja jurutera, jurutera dan semua disiplin. Satu hari kita nak tengok pelancaran roket kita. Kita ada pelancaran, dekat Pekan ni tempat pelancaran roket ni. Bukan main-main, tak main makna kira-kira cerita ni. Banjir-banjir jugalah, sikit ni. Kita selesaikan dak bagaimana nak selesai masalah banjir. Kita perlukan jurutera, jurutera *civil*…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jangan, Yang Berhormat. Janganlah lancar roket masa banjir. [Ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Eh tak dah hal, tak ada pasai pulak sebab apa roket tu ke atas.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak... tak.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kita nak tembak bulan tu hah [Ketawa] Hah itu.

[Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Masa…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tembak ke atas bukan ke bawah [Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Masa banjir…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak bolehlah, nak lancar…lancar masa tak banjir. Boleh?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Eh… boleh. Dia memang sesuai. Dia sebenarnya, dia kita… kita tengok gini masa musim tengkujuh. Ada dia kata apa… apa nama *slide the wave* adakan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, seminit lagi Yang Berhormat. Seminit lagi.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okay. Tak maksudnya bila ada… bila ada suasana, dia sebenarnya ada ramai kegilaan. Dalam keadaan cuaca, misal contoh yang mencabar, kita tengok ombak yang tinggi. Ada yang nak main ni *surfing* tu sebab dia perlukan ombak yang besar.

Bagi orang yang tak biasa, dia takut. Begitu juga mangsa banjir. Sebenarnya kita akan menguji… menguji bot-bot amfibia, menengok bagaimana kesediaan kita. Dan sebenarnya tadi nak betulkan masa banjirlah kita kena tengok ini apa nama... masa banjir kita kena tengok di mana ada tersumbatnya air. Masa tulah baharu kita tahu sistem saliran ni perlu ditambah baik. Macam kita buat atapkan, oh… tengok, kita… kita ganti atap. Masa bila kita nak tengok ni *efficiency* dia, masa hujan lebatlah baharu bocor.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ni Yang Berhormat. Boleh?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okay. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa] Jadi saya rasa, insya-Allah. Terima kasih banyak Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ni tak boleh sentuh sikit, bila ada tajuk baharu dia ulas, bila ada tajuk baharu dia ulas. Lain kali saya tak nak sentuh dah. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Soalan nombor 3, Wakil daripada Padang Tengku.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 3.

[Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan Kampung MADANI dan Sejati MADANI sebagai mekanisme pembangunan kawasan luar bandar.

Nyatakan komuniti atau kampung-kampung MADANI yang telah menerima manfaat dari program ini di setiap daerah seluruh negeri Pahang dan implikasi kewangan yang dibelanjakan oleh kerajaan bagi melaksanakan program tersebut.

Sejauh mana program ini berjaya meningkatkan taraf ekonomi penduduk kampung atau komuniti berkaitan.]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan penghargaan juga kepada Yang Berhormat Padang Tengku yang mengemukakan soalan nombor tiga berkait dengan Program SejaTi MADANI dan juga Kampung Angkat MADANI. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kedua-dua program ini adalah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan ekoran daripada pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 2024 yang dibentangkan pada 13 Oktober 2023.

Syukur juga kita kepada Allah SWT, program ini telah melibatkan juga negeri kita Pahang Darul Makmur apabila Jabatan Perdana Menteri telah melantik Pejabat Pembangunan Luar Bandar sebagai urus setianya dan juga agensi-agensi kerajaan persekutuan telah dilantik sebagai er… boleh kita katakan jabatan yang menjadi ayah

angkat kepada program berkenaan. Kalau dirujuk kepada Program SejaTi MADANI. Program SejaTi MADANI ini yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk er... sehingga 20 November 2025, dia telah melibatkan boleh kata seluruh daerah di negeri Pahang Darul Makmur ini. Yang melibatkan kos sebanyak RM39,312,359 juta. Jadi diagihkan kepada Kuantan sebanyak 75 kelulusan, di Raub sebanyak 65 kelulusan, di Jerantut sebanyak 47 kelulusan, di Maran sebanyak 48 kelulusan, di Rompin sebanyak 46 kelulusan, di apa namanya… Temerloh sebanyak 35 kelulusan, di Pekan sebanyak 31 kelulusan, di Lipis sebanyak 27 kelulusan, di Bentong sebanyak 24 kelulusan, di Cameron er..., di Bera sebanyak 11 kelulusan, manakala di Cameron Highlands sebanyak dua kelulusan. Ia membawa jumlah kepada 411 kelulusan.

Manakala berkait dengan Kampung MADANI... Kampung Angkat MADANI. Kampung Angkat MADANI ini juga sebagaimana yang saya sebutkan tadi adalah diuruskan… diurussetiakan oleh kerajaan persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang disalurkan urus setianya Pejabat Pembangunan Luar Bandar dan kampung-kampung yang telah dikenal pasti diagih kepada jabatan… Jabatan Kerajaan Persekutuan untuk menjadi apa… jabatan angkat kepada kampung berkenaan.

Pada 2024, dia telah melibatkan kos sebanyak RM2,500,000.00 ataupun RM2.5 juta kepada Kampung RPS Betau, Lipis dan Kampung Batu Balak, Jerantut, Kampung Chengal... Chengal Lempong, Kuantan dan Kampung Orang Asli Relai, Pekan. Manakala pada tahun 2025, 13 buah kampung yang terlibat di negeri Pahang Darul Makmur yang melibatkan kos sebanyak RM1 juta. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Er… saya… apa yang saya dapatilah ya tumpuan kepada komuniti. Banyak yang komuniti JPKK. Saya nak tahu kuota ataupun penglibatan yang boleh diberikan supaya dapat penglibatan yang lebih menyeluruh. Umpamanya kumpulan komuniti belia, kumpulan-kumpulan wanita. Kalau boleh dapat dimaklumkan, ditentukan berapakah kumpulan-kumpulan ini yang mendapat faedah daripada Skim SejaTi MADANI. Begitu juga dengan selain daripada SejaTi MADANI berkaitan dengan pertanian dan sebagainya. Ekonomi, tapi ada juga satu lagi iaitu sekolah… Sekolah Angkat MADANI. Kalau boleh dimaklumkan juga apakah kriteria pemilihan yang dibuat kepada Sekolah Angkat MADANI dan juga Kampung MADANI ni. Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Seperti yang saya sebutkan di awal tadi. Program ni sebenarnya di bawah Jabatan Perdana Menteri yang disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Luar Bandar ataupun SDO yang mereka ini akan berurusan dengan apa namanya pejabat daerah dan lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Adapun berkaitan dengan soalan tambahan? Kumpulan sasar, belia ataupun wanita. Saya juga telah menyemak Pejabat Pembangunan Luar Bandar. Mereka ini boleh untuk menyertai ataupun memohon Program SejaTi MADANI sebagaimana JPKK yang mohon. Cuma setakat ini sebahagian besarnya Program SejaTi MADANI ini dipohon oleh JPKK, amat minima persatuan-persatuan belia ataupun persatuan-persatuan wanita yang mengemukakan permohonan kerana mungkin syarat-syarat ataupun apa namanya er... ketetapan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Jabatan Perdana Menteri itu yang

menyebabkan mereka agak apa rasa er… jauh untuk mendapatkan... untuk memohon Program SejaTi MADANI itu daripada pihak kementerian. Ada pun Program Sekolah MADANI, saya mohon untuk jawab secara bertulis kerana dia berkaitan dengan Kementerian Pendidikan dan di bawah Jabatan Pendidikan Negeri. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Dato' Sri, soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Err… terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN

Satu soalan tambahan saya bagi.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Dato' Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Exco. Jadi dalam kita membincangkan SejaTi MADANI ini, Program SejaTi MADANI ini kita lihat bahawa inisiatif yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini adalah untuk membantu komuniti setempat untuk mencari keuntungan dan juga memastikan kelangsungan ekonomi di setempat. Cuma soalan saya ada keadaan-keadaan tertentu di mana Projek SejaTi MADANI ini mengalami kerugian ataupun tak menjadi. Bela lembu, lembu mati err… tanam kacang, kacang tak hidup ataupun baharu ni saya ada dimaklumkan ada yang buat *frozen* tapi gagallah. Maknanya terpaksa jual peti, jual barang-barang jualan tersebut kerana gagal untuk berjaya dalam Projek SejaTi MADANI ini. Jadi soalan saya apa tindakan kerajaan terhadap mereka yang tidak berjaya ni. Adakah mereka akan dikenakan bayaran balik. Dan juga mungkin dikenakan tindakan seperti *auditing* kita audit kerugian mereka atau bagaimana? Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN KERAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih. ADUN lantikan yang mengemukakan soalan tambahan. Sebenarnya memang saya sendiri menengok pejabat daerah dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Luar Bandar mengadakan *auditing* ke lokasi yang terlibat dan memang ada betul mereka yang gagal. Sebab... sebab itulah kalau kita rujuk kepada soalan Padang Tengku tadi yang menjadikan kumpulan sasar belia dan juga wanita agak silu untuk memohon kerana setiap benda yang dia belanjakan itu dan dia usahakan itu akan disemak kembali oleh Jabatan Perdana Menteri melalui pejabat... jabatan-jabatan kerajaan yang menjadi keluarga angkat dia itu tadi. Kalau PLB, PLBlah, kalau Pejabat Daerah... Pejabat Daerah lah, kalau Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan lah. Jadi berbalik kepada mereka yang gagal tu tadi.

Saya yakin pihak kementerian khususnya Jabatan Perdana Menteri akan memberikan penelitian melalui Pejabat Pembangunan Luar Bandar supaya benda ini diberikan apa, er... apa namanya satu pertanggungjawaban. Adakah nak diberi sekali lagi ataupun itu penyudahnya. Dia tak dapat nak beri diberi... diberi peruntukan tambahan, tetapi sebaliknya mereka yang berjaya akan diberi anugerah. Contohnya Kampung Desa Murni Sanggang, Dato' DO ya Desa Murni Sanggang. Dia berjaya Desa Murni Sanggang ni. Sebab itu kita tengok Yang Berhormat Semantan senyum sebab berjaya.

Apa namanya Desa Murni Sanggang ni dia daripada program SejaTi MADANI dan Kampung MADANI ini tadi dan mereka berusaha sedaya mungkin dan mereka diberi perhatian diberi motivasi untuk meneruskan usaha-usaha murni ini. Jadi, saya mengambil kesempatan terutamanya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang memperkenalkan dasar SejaTi MADANI dan Kampung Angkat MADANI ini.

Dan juga saya nak maklum kepada Dewan sebelum 2023 ni 2022, Kerajaan Negeri Pahang juga telah memperkenalkan Program TRUST. Program TRUST ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri yang telah mengemukakan idea supaya agensi-agensi kerajaan PKNP, LKPP, Yayasan Pahang, YP Nivea, ASPA dan sebagainya. Jadi apa namanya agensi angkat kepada kampung-kampung di dalam negeri Pahang ni. Tujuan yang sama untuk membantu apa namanya kampung-kampung di luar bandar sana. Bagi mengangkat taraf ekonomi mereka, pendidikan mereka dan juga usaha-usaha mereka di dalam membangunkan kampung dan individu masyarakat yang ada di setempat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, kita pergi kepada soalan seterusnya. Soalan nombor 4. Wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Speaker saya kemukakan soalan nombor 4.

> [Apakah dasar kerajaan negeri dalam membangunkan loji *waste-to-energy* di Pahang sebagai sebahagian agenda tenaga boleh diperbaharui, serta bagaimana projek ini menyumbang kepada sasaran pengurangan karbon, keselamatan tenaga, dan manfaat jangka panjang kepada rakyat negeri?]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st, salam maju terus Pahang. Terima kasih kepada Cheka kerana telah mengemukakan soalan yang sangat baik. Untuk makluman Sidang Dewan, kerajaan negeri mengadakan kerjasama bersama dengan kerajaan persekutuan dalam menguruskan hal sisa... pelupusan sisa pepejal dalam negeri Pahang. Dan kita telah mengguna pakai Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Kerajaan Negeri Pahang kita telah bersama-sama dengan kerajaan persekutuan dengan tidak lagi untuk menambah ataupun membuka tapak pelupusan yang baharu selepas ini dan menjelang tahun 2040.

Dan kita juga, kerajaan negeri juga telah mengambil tindakan telah merancang dan telah mengambil tindakan membangunkan untuk membangunkan fasiliti pengurusan sisa pepejal kepada tenaga atau kita namakan bahasa orang putihnya *waste-to-energy* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama kita adakan di Gebeng, Kuantan yang kita jangkakan berkapasiti 1,000 tan sehari. Pelupusan sampah dan lokasi kedua fasa dua, yang kita cadangkan adalah di Temerloh, Pahang. Bagi merealisasikan hasrat-hasrat ini, kita kerajaan negeri juga telah meluluskan tapak seluas 35 hektar bagi pembinaan fasiliti dan juga sebahagian lagi untuk digunakan sebagai tapak pelupusan sementara.

Dan selain daripada itu juga, selain daripada dua fasiliti yang kita cadangkan ini, kita juga akan melaksanakan pembinaan *transfer station* di setiap daerah-daerah seperti daerah Rompin, Pekan, Maran, Jerantut, Bentong, Raub dan Lipis, sebab Temerloh Kita akan bina untuk fasa kedua. Dan kerana setakat ini kapasiti sampah di daerah Kuantan, kita bina dulu di Kuantan ini kapasiti sampah yang ke hari-hari kita buang ni 600 tan *perday* untuk makluman Cheka. Dan keperluan *WtE* adalah 1,000 tan sehari. Maknanya *transfer session* kita akan bina di Maran. Kita akan bina di Pekan dan Rompin untuk memastikan sampah yang dihantar ke loji *WtE* nanti 1,000 tan sehari.

Dan susulan dengan itu saya nak berkongsi sikitlah Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengadakan lawatan ke negeri China kerana kita ingin belajar daripada orang-orang yang dah berjaya ni kerana sebab apa kita pergi ke China dan ke sebelah kita menilai kerana kita dapati bahawa sampah yang dilupuskan di negeri China ni lebih kurang macam kita juga. Dia berair rumah tu dia dan dilupuskan. Dan sampah yang dilupuskan di negeri China ni di Zhuhai yang kita lawat ni dia mengeluarkan lebih kurang 3,000 hingga 4,000 tan sehari sampah dilupuskan. Kita ni baharu 600 je. Tapi di China ni dengan penduduk yang ramai, dia 6,000, 4,000 tan.

Kalau 4,000 tan tu, dia adalah kawasan pelupusan sampah secara terbuka. Saya ingat berapa hari berapa tahun je dah penuh dah negeri China, tetapi dengan teknologi yang ada tu, saya pergi ke sana dengan delegasi daripada Kerajaan Negeri Pahang dan dia sangat *impressive* sangat mengkagumkan kita. Sebabnya untuk makluman ADUN Cheka kita pergi ke sana, kita tengok kapasiti keluasan dia 3,000 tan sehari dan dia juga dapat menjana tenaga elektrik dan hasil-hasil sampingan seperti pasir, biofuel dan juga bata binaan. Dan yang paling saya kagum lagi air yang dikeluarkan tu air yang jernih. Dia dah ada terus dalam tu, dalam sistem tu supaya air dilepaskan keluar tu air bukan *leached* lagi air jernih dan dilepaskan kepada alam sekitar dia. Dan di samping itu juga kawasan tu dia loji tu dia takde bau langsung. Bila kita masuk je takde bau, macam bau kat Gebeng tu takde la kita masuk nanti ada masalah boleh ikut saya pergi lawat sekali ni. Kita masuk tu dia takde.

Dan di negara China ni ada loji-loji yang memenangi *arquitectura award*. Dia menang *award* kerana pembinaannya sangat cantik, bukan macam di Tioman. Bukan macam yang loji insinerator tu bukan je satu loji yang sangat cantik dan berteknologi tinggi dan yang paling *impressive* lagi ada lawatan-lawatan daripada sekolah-sekolah, tadika-tadika yang boleh datang melawat dan kawasan dalam loji tersebut sangat cantik. Dato' Sri sahabat saya daripada Benta dia kata, selain daripada lawat roket tu, lawat tu ini, *WtE* pun salah satu perkara yang masa depan kita bersama. Dan loji yang kita cadang ni mestilah yang akan satu-satu kita buat di Pahang ni yang untuk memastikan pelupusan kita dapat lupuskan dengan cara yang paling baik.

Dan untuk makluman Sidang Dewan juga hasil lawatan tersebut, kita dapati bahawa pelepasan hasil sampingan selepas pembakaran terbuka udara dia menepati piawaian yang diletakkan oleh EU ni, EU dia menepati piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh

EU. Tiada pelepasan tu yang... yang tak ada membahayakan. Dan seperti contohnya, bau pun tak ada, gas-gas beracun pun tak ada. Maknanya tak macam biasa. Kalau pengurusan sampah ini dia ada *methane gas*, dia karbon... ada karbon monoksida, ada karbon dioksida, ada nitrogen oksida. Tapi di pelan ini dia telah dikawal. Tak ada bau dan tak ada apa. Memang sangat, sangat apa mengkagumkanlah dan kalau boleh kita nak laksanakan itu di negeri Pahang melalui dengan kerjasama err... Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Sidang Dewan juga, untuk makluman soalan tadi dan dengan penggunaan teknologi WtE ini. Kita dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada tapak pelupusan yang menghasilkan gas. Dan kita dapat menyokong pelaksanaan dasar karbon rendah negara. Maknanya Low Carbon Cities Framework (NDC) Yang Berhormat Tuan di-Pertua dan kita dapat memberi peluang-peluang pekerjaan baru kepada penduduk-penduduk setempat dalam sektor teknologi hijau dan tenaga yang boleh diperbaharui dan pengurusan sisa secara pintar.

Dan juga kita dapat menambah sumber tenaga domestik yang mampan dan boleh diperbaharui dan mengurangkan kebergantungan kepada import bahan api. Ya, kalau kita Waste to Energy ini kita tukar dia kalau 1,000 tan *per day,* sehari tu, dia boleh menjana 15 hingga 20 megawatt, 15 hingga 20 megawatt dan kalau setahun itu boleh dapat menjanakan hasil lebih kurang dalam RM5 hingga RM6 juta lah. Mana kalau kita jual kepada TNB ni.

Dan untuk, selain daripada itu, kita dapat juga mengelakkan limpahan tapak pelupusan dan tadi kita namakan *leached*, bau dan sebagainya dapat yang memberikan risi... risiko kepada kesihatan dan juga kepada alam sekitar dan ini dapat meningkatkan lagi hidup melalui pers... persekitaran yang lebih bersih dan juga yang berteknologi moden. Di samping itu juga, kita dapat melaksanakan program-program kesedaran rendah karbon bersama dengan tadika-tadika, sekolah, komuniti dan juga sektor-sektor swasta.

Dan kita juga menggalakkan inisiatif komuniti seperti *urban farming, car free day* dan juga program kitar semula. Selain daripada dua inisiatif ini yang kita nak cadangkan ini dengan tapak err... pemindahan *transfer station* yang akan dibina di daerah-daerah lain dengan fungsi sebagai lokasi terimaan dan seterusnya daripada *transfer station* itu akan dihantar kepada WtE dan kita berharapkan WtE ini akan menjadi satu perkara yang memajukan negeri Pahang pada masa akan datang, insya-Allah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, saya bagi satu soalan tambahan.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Err... isu besar kita di ASEAN bukan Malaysia saja ialah masalah kelembapan sampah kita yang terlalu tinggi dan dia memerlukan satu er... satu proses untuk prarawatan sebelum dihantar ke WtE. Jadi er... isunya ada dua, satu kita... kita hanya mengeluarkan lebih kurang 600 tan sehari. Keperluan kita ada 1,000 bermakna kita terpaksa tambah 400 tan daripada luar dan analisa kita dapati selain daripada Kuantan, Indera Mahkota di seluruh Pahang ini tak sesuai bina WtE kerana jumlah sampah yang sikit yang tak cukup dan ini dihadapi oleh Singapura.

Singapura berdepan dengan masalah sampah yang tidak cukup untuk dibekalkan kepada WtE dia. Jadi, itu masalah pertama menyebabkan kos dijangka akan meningkatkan kos *transport* untuk bawa sampah daripada luar untuk dihantar ke loji bagi menampung keperluan 400 tan sehari dan ini saya rasa mungkin telah diambil kira oleh pihak kerajaan dalam isu ini. Cuma persoalan saya ialah er... bagaimana untuk kita mengatasi kesan daripada WtE yang berlaku juga di Singapura ialah masalah perlu satu tapak pelupusan debu. Setelah ia dibakar dan bukan satu tapak pelupusan, kita sebenar nak tutup tapak pelupusan yang sedia ada tapi dengan WtE ini dia menghasilkan sisa juga dan sisa ini juga perlukan tapak untuk pelupusan dan er… apakah pihak kerajaan telah *ready* ke arah itu? Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ucap terima kasihlah kepada Cheka mengurus, mengemukakan soalan tambahan yang sangat baiklah dan untuk makluman kita ini di, di Pahang kita akan buat 1,000 tan itu dia dua *line*, dua *line* 1,000 tan di mana di Pahang ini dikeluarkan 600 tan saja. Sebab kita nak buat dua *line*, Dato' Sri Speaker sebab kita takut satu *line* itu rosak. Jadi dia macam *back up*lah. Jadi dia akan jalan 24 jam satu *line* itu dan dia satu *line* dan di mana kita lawat ke China ini sebenarnya sebab sampah dia sama macam kita.

Dia, dia lembap dan berair. Kita ini orang Malaysia ini dia masa kita, masih kita, apa *segregate* apa mengasingkan sampah ini, kita tak macam Jepun lagi. Kertas lain, botol lain, itu lain tapi kita ini semua kita masukkan dalam satu plastik, kita buang. Jadi kita lebih kurang sama macam sana. Makna dia ambil sampah tu dia terus hantar ke tempat pelupusan dan ada *leached*. Akhirnya jadi *leached* yang tanah air hitam macam berlaku di Gebeng itu. Jadi untuk mengatasi macam ini kita melalukan… melakukan lawatan penanda aras. Kita nak tengok apa yang cadangan-cadangan sebelum ini kita tengok daripada Jepun punya teknologi Jepun itu, kita tengok.

Tetapi kita tengok yang China ini adalah yang paling sesuai sekali. Dato' Sri tahu dalam untuk pembakaran dia *temperature* dia itu 1,000… 1,000 darjah celcius. Maknanya kalau masuk kita ini memang tak ada rentung, terus hilang tinggal pasir saja. Maknanya masuk itu dia, dia pengurusan sisa tu dia buat dengan kita nampak, kita masa kita buat lawatan tu kita nampak. Dia alih sampah di sana. Lepas itu kita nampak air *leached* itu banyak. Itulah sampah yang paling atas itu dimasukkan dalam apa loji pembakaran itu. Semua terbakar.

Dan apa yang Dato' Sri beritahu itu betul, akhirnya akan jadi debu. Jadi teknologi baru ni Dato' Sri termasuk dengan debu-debu itu sekali diuruskan. Maknanya bukanlah kita dan [tak jelas] dekat situ tepi itu tak boleh. Kita nak pakai ini teknologi yang terkini. Kita bercadang merancang untuk menggunakan pakai teknologi yang ditawarkan adalah teknologi yang terkini daripada pembuat. Teknologi ini dia original, dia bukan yang orang-orang apa syarikat-syarikat lain, bukan. Dialah yang mencipta teknologi itu yang sekarang diguna pakai di seluruh negeri China ini termasuk di Shanghai, bandar-bandar moden ini. Jadi kita nak guna ini kita nak buat di Pahang ini kalau boleh. Ini nak laksanakan di sini termasuk yang Dato' Sri beri tahu ini debu itu. Ini yang sampah itu kita akan gunakan *transfer station* dan kita buat 1,000 tan itu adalah *line* itu dua supaya dia apa kita boleh bakar 24 jam satu *line* itu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya er... soalan nombor 5. Wakil daripada Kuala Semantan.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 5. Terima kasih.

> [Berapakah jumlah pesakit mental di negeri Pahang, berikan perincian mengikut daerah, apakah punca-puncanya dan bagaimana pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengawal penyakit mental di kalangan rakyat?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada sahabat daripada Kuala Semantan yang bertanya… bertanyakan berkenaan dengan jumlah pesakit mental di Pahang ini dan perincian mengikut daerah dan punca-punca serta pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pesakit yang dirujuk dan menerima rawatan ini kes baru di Klinik Pakar Psikiatri Negeri Pahang dalam tempoh lima tahun bermula pada tahun 2020 hingga ke 2024 seperti berikut ya.

Pada tahun 2020, seramai 1,721, 2021 - 1,791, 2022 - 1,972, 2023 - 2,508 dan 2024 - 3,076 pesakit dan perincian er... mengikut daerah pada tahun 2024. 2024 ini paling tinggilah. Pada 2024 untuk kes baru di Bentong ada er… 30... 300... 304, di Lipis 78, di Pekan 241, di Temerloh 79... 709... 709, di Kuantan 1,214, di Rompin 72, Muadzam Shah 57, Jerantut 74, Bera 86, Jengka dan Maran 70, Raub 29, Cameron Highlands ada 42. Berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan dapatan saringan antara punca-punca masalah er... kesihatan mental ataupun dan penyakit mental ini ialah satunya kerana tekanan hidup dan juga ekonomi. Ini termasuklah kos sara hidup yang meningkat, pengangguran dan juga hutang isi rumah.

Yang keduanya, masalah keluarga dan juga hubungan sosial. Itu termasuk konflik rumah tangga, perceraian dan juga kekurangan sokongan emosi. Manakala masalah ketiganya adalah berkaitan dengan masalah kesihatan kronik dan juga bencana. Jadi ada di antara pesakit ini yang menerima mendapat penyakit yang tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang contohnya yang penyakit yang tidak berjangkit ini juga memberi kesan dan boleh menyebabkan masalah mental, tekanan kepada mental dan kesan juga. Ada juga yang masih terkesan dengan era pasca COVID-19, banjir dan juga kehilangan harta benda.

Faktor keempat ialah masalah persekitaran dan sosial. Ini termasuklah stigma masyarakat, keterasingan sosial serta kaedah penyalahgunaan dadah. Jadi, kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah melaksanakan pelbagai inisiatif, komprehensif bagi mengukuhkan kesihatan mental rakyat termasuklah yang pertamanya pengukuhan saringan dan promosi kesihatan mental. Pelaksanaan saringan awal melalui National Health Screening Initiative atau Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan dan MyMinda di klinik kesihatan serta program *outreach* ke sekolah, tempat kerja dan juga komuniti disokong Kempen Let's Talk Minda Sihat, ini

untuk program sekolah dan juga World Mental Health Day. Ia bagi mengesan risiko tekanan keresahan dan kemurungan secara awal.

Dan err... sehingga Mei 2025, sejumlah 34,727 saringan individu di seluruh negeri Pahang telah disaring... disaring dan daripada 34,727, seramai 541 telah dirujuk untuk intervensi lanjut dan daripada jumlah 541, 70 orang telah disahkan mempunyai penyakit mental. Yang keduanya dari segi pemantauan... pemantapan maaf, pemantapan perkhidmatan fasiliti kesihatan itu menempatkan 26 orang pegawai psikologi kaunseling di klinik kesihatan di semua daerah di negeri Pahang ini dan perluasan perkhidmatan psikiatri secara *visiting* secara lawatan err... di err... di 12 hospital negeri.

Ketiganya, Pengembangan Perkhidmatan MENTARI, Pusat Perkhidmatan Pusat Kesihatan Mental Komuniti (MENTARI) di Hospital Tengku Ampuan Afzan di HOSHAS di Temerloh kemudian di Hospital Bentong, Hospital Lipis dan di Hospital Pekan. Kemudian ke Klinik Kesihatan Bandar Mentakab dan juga Klinik Kesihatan di Balok. Di Pahang menyediakan intervensi komuniti, rawatan susulan dan juga sokongan pemulihan secara holistik supaya pesakit tidak hanya bergantung kepada rawatan di hospital.

Keempatnya, pendekatan psikososial berasaskan komuniti iaitu wujudkan Program Komuniti Minda Sihat atau K-Mindset iaitu memperkasakan ketua-ketua komuniti dengan pengetahuan dan kemahiran asas untuk meningkatkan kesedaran, mengurangkan stigma dan membantu individu berisiko di kalangan komuniti; dan kelimanya, peningkatan keupayaan peningkatan keupayaan petugas di barisan hadapan yang ni kakitangan staf err... seperti Sokongan Kesihatan Mental dan Psikososial, Mental Health and Psychosocial Support ni dan juga MySAVE disediakan untuk memastikan petugas lebih bersedia menangani isu kesihatan mental terutamanya semasa krisis dan juga bencana.

Dan keenamnya, kerjasama strategik antara agensi itu jalin kerjasama dengan agensi kerajaan dan juga swasta serta NGO termasuklah Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Agama Islam Pahang, Polis Diraja Malaysia, Bomba dan juga Angkatan Pertahanan Awam dalam promosi kesedaran dan dalam promosi kesedaran advokasi dan juga program komoditi dan yang ketujuhnya, adalah akses bantuan segera dengan menyediakan Talian HEAL 15555 ini Help with Empathy and Love bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 malam yang dikendalikan oleh kaunselor daripada Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai talian sokongan krisis yang memberi khidmat nasihat intervensi awal dan rujukan profesional kepada individu yang memerlukan.

Jadi, secara kesimpulannya, berasaskan dapatan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2023 menunjukkan bahawa masyarakat masalah kesihatan mental di Malaysia ini termasuk di negeri Pahang telah meningkat berbanding tahun 2019 dan pendekatan ini menggambarkan bahawa beban kesihatan mental semakin ketara di kalangan komuniti dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti tekanan sosial dan ekonomi serta kesan daripada pandemik COVID-19. Jadi, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang percaya bahawa kesejahteraan mental merupakan asas kepada produktiviti keharmonian dan juga sosial serta kemakmuran negeri.

Oleh itu, pelaburan dalam kesihatan mental bukan sahaja satu agenda kesihatan awam tetapi juga pelaburan jangka panjang untuk masa depan rakyat dan pembangunan negeri Pahang yang sejahtera serta mampan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, ada soalan tambahan?

(ADUN SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Err... apakah... terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga jawapan yang panjang lebar daripada Dato' Exco. Soalan tambahan saya, apakah terdapat pusat-pusat jagaan swasta untuk pesakit mental di negeri Pahang? Jika ada apakah ada bantuan tertentu daripada pihak kerajaan kepada pusat-pusat jagaan seperti ini? Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, untuk jawapan tambahan ini saya tidak ada data ketika ini. Jadi, insya-Allah saya akan kemukakan dalam bentuk bertulis.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, kita pergi soalan..

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sakit mental ini isu yang agak apa ni menarik jugalah. Saya nak tanya satu soalan, adakah dalam pecahan statistik jantina lelaki atau perempuan paling ramai sakit mental dan kedua, tahun berapakah yang paling ramai yang sakit mental? Dan adakah juga mereka yang main *game* ini, taksub main *game* ini dikategorikan salah satu sakit mental dan yang keempat ialah err... apa nama err... terlupa la yang keempat ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tiga cukuplah Yang Berhormat.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Tapi penting sebenarnya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tiga cukup lah.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Cukup ya? okay cukup dulu. Baru ingat.. Adakah rekod tertentu pesakit-pesakit mental yang berakhir dengan bunuh diri? Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Err... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sepatutnya ni tanya dekat Rompin boleh ni. [ketawa] Err... soalan tak ingat apa sangat, banyak sangat soalannya. [ketawa] Oh, perempuan ya? Lelaki, perempuan?. Saya tak dibekalkan data berkenaan dengan bilangan mana banyak lelaki dan perempuan err... insya-Allah saya akan bagi maklumat kemudian.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Nama seterusnya ni apa nama pesakit mental adakah ditemui pengakhirannya dengan bunuh diri? Ada statistik tak? Kemudian tahun berapakah yang paling ramai dikesan atau direkodkan pesakit mental tu?

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Err... saya tidak ada jumlah berapa yang bunuh diri kerana sakit mental tapi saya percaya benda itu ada yang berlaku dan jumlah yang tinggi sekali saya dimaklumkan tadi untuk negeri Pahang adalah pada tahun 2004 iaitu ni kes baru sebanyak 3,076.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan seterusnya, kita pergi kepada soalan nombor enam. Sebelum tu, saya nak mengalu-alukan kehadiran wakil daripada DUN Pelangai empat orang, wakil daripada DUN Guai lima orang, wakil daripada DUN Teruntum ya, ini pemerhati kita pada hari ini empat orang, kemudian DUN Batu Talam dua orang dan pelajar-pelajar Pahang Lead seramai 10 orang. Okay, kita pergi ke soalan seterusnya soalan nombor enam. Wakil daripada Tras.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 6.

> [Pada sesi Dewan yang lepas, pihak kerajaan telah memberi pencerahan hala tuju Pelaburan Perusahaan Automotif Negeri Pahang berkenaan penggunaan teknologi enjin elektrik (EV) dan hidrogen. Pada masa yang sama kerajaan negeri melalui Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan institusi yang lain telah bekerjasama dengan pihak RISDA membuat penyelidikan penggunaan susu getah yang boleh ditukar kepada tenaga hijau yang baharu yang boleh menggantikan Petrol dan Diesel (Biofuel) tanpa menghasilkan karbon.]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada rakan ADUN di kawasan Tras yang bertanyakan soalan nombor sembilan. Soalannya adalah seperti berikut... maaf... soalan... soalan nombor enam. Soalannya adalah seperti berikut. Pada sesi Dewan yang lepas, pihak kerajaan telah memberi pencerahan hala tuju Pelaburan Perusahaan Automotif Negeri Pahang

berkenaan penggunaan teknologi enjin elektrik dan hidrogen. Pada masa yang sama, kerajaan negeri melalui Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, UMPSA dan institusi yang lain telah bekerjasama dengan pihak RISDA membuat penyelidikan penggunaan susu getah yang boleh ditukar kepada tenaga hijau yang baharu yang boleh menggantikan petrol dan diesel melalui kaedah biofuel tanpa menghasilkan karbon. Soalannya, apakah perkembangan terkini teknologi ini dan bagaimana teknologi ini boleh membantu ekonomi Pahang pada masa hadapan?

Jawapannya, kerajaan negeri melalui kerjasama antara Universiti... Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, RISDA dan beberapa agensi teknikal sedang memperkukuh penyelidikan berkaitan teknologi penukaran susu getah kepada biofuel mesra alam. Kajian makmal awal menunjukkan potensi tinggi getah asli sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui yang mampu menggantikan bahan api fosil seperti petrol dan diesel konvensional tanpa menghasilkan pelepasan karbon.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak UMPSA telah mencadangkan proses *pyrolysis* dengan izin sebagai kaedah penyelidikan bagi kajian penghasilan *biofuel* getah ini. Pirolisis adalah proses pemecahan haba sesuatu bahan organik dalam ke... dalam ketiadaan gas oksigen dan digantikan dengan gas nitrogen sebagai gas lengai ataupun *inert* dengan izin. Proses pirolisis ini akan hasilkan 3 produk utama yang terurai iaitu pertamanya, *biochar* dalam bentuk pepejal ataupun *solid*, kedua *bio-oil* ataupun *biofuel* dalam bentuk cecair, dan ketiga gas.

Dijangkakan hasil daripada proses pirolisis getah skrap akan berjaya menghasilkan *biofuel* untuk kegunaan jentera diesel pengalir arus elektrik, *Carbon Black* dengan izin dan gas yang boleh digunakan semula sebagai bahan tenaga haba untuk proses pirolisis secara kitaran. Perkembangan pembangunan teknologi baharu hasil penyelidikan ini dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 47,464 pekebun kecil di negeri Pahang melalui peningkatan nilai ekonomi hasil getah serta peluang untuk melonjakkan harga getah di pasaran.

Dengan adanya pembangunan teknologi ini, harga getah dijangka cenderung melonjak naik dan mampu memberi nilai tambah kepada industri getah Malaysia. Dari aspek ekonomi pula, teknologi ini dilihat amat berpotensi untuk terutamanya meningkatkan nilai tambah sektor getah dengan mewujudkan pasaran baharu bagi susu getah tempatan. Kedua, menarik pelaburan teknologi hijau ke Pahang, dan ketiga menyokong agenda negeri dan juga negara dalam, dalam hal ehwal rendah karbon serta memperkukuh kedudukan Pahang sebagai hab teknologi hijau dan automotif masa depan. Kerajaan negeri akan terus membantu perkembangan penyelidikan ini dan mempertimbangkan pelaksanaan perintis sebaik hasil kajian mencapai tahap kesiapsiagaan teknologi yang sesuai.

Akhirnya, hasil *biofuel* ini dapat kita gunakan untuk kenderaan dalam negara khususnya negeri Pahang insya-Allah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan tambahan.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dengan adanya pelbagai teknologi automotif di pasaran seperti er... kenderaan elektrik, EV, hidrogen atau er... dengan alasan pengurangan pelepasan karbon,

manakala untuk kepentingan ekonomi kuasa-kuasa besar yang lain melalui pemain-pemain industri minyak petroleum yang berasaskan hidrokarbon.

Jadi soalan saya, apakah dasar dan strategi serampang dua mata Kerajaan Negeri Pahang bagi mengimbangi suasana yang tidak ketentuan ini dan hala tuju negeri Pahang supaya teknologi *biofuel* hijau yang berasaskan susu getah ini dapat memain peranan kepada sektor automotif di negeri Pahang dan juga dapat membantu pekebun-pekebun kecil di negeri Pahang. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih er... rakan ADUN Tras yang bertanyakan soalan tersebut. Buat masa ini, kita masih tunggu hasil kajiannya. Sementara itu, kita akan cuba perhebatkan stesen-stesen caj EV yang akan dibangunkan di seluruh negeri Pahang. Ada beberapa syarikat yang berminat untuk bangunkan stesen-stesen EV tersebut seperti Evolt dan beberapa syarikat lain. Er... mudah-mudahan ini dapat er... meningkatkan jumlah kenderaan elektrik yang ada dalam negeri Pahang. Tapi kita perlukan insentif dan juga subsidi daripada kerajaan persekutuan. Sebagai contoh, duti eksais dan duti import yang tidak dikenakan pada kenderaan EV harus dikekalkan. Saya dimaklumkan akan tamat akhir tahun ini.

Selain itu, kita sedia maklum, PETRONAS akan... akan membangunkan Projek Carbon Capture dan Storage. Projek ini bakal bermula er... tahun hadapan insya-Allah, dan *first injection* ataupun suntikan pertama ke dalam telaga minyak yang sudah dipakai akan dimasukkan pada tahun 2029 itu *target*nya insya-Allah, er... di mana, apa ini... apa ini, pengeluaran karbon daripada industri-industri yang banyak mengeluarkan gas CO_2 seperti simen seperti besi, kita ada banyak kilang besi di Pantai Timur ini.

Dan kilang ini disyorkan untuk menangkap er... gas CO_2 ataupun gas karbon dioksida dan menghantarkan gas ini secara paip ke Project Carbon Capture dan Storage, PETRONAS ya, dan, gas CO_2 ini akan dipaipkan kepada Telaga Minyak Duyong yang sudah dipakai dan akan disimpan er... selama-lamanya. Selain itu, secara semula jadi, kita pun telah apa ini, pihak Pejabat Hutan pun telah melakukan pelbagai inisiatif untuk tanaman semula pokok yang mana ia dapat menyerap karbon dioksida secara semula jadi. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, kita pergi ke persoalan seterusnya. Soalan nombor 8, ADUN Panching. Er... soalan nombor 7. Minta maaf ADUN Semambu.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker soalan saya nombor 7.

[a. Berapa penerima Kad Kesihatan Kasih Makmur sehingga 2025 mengikut kawasan Dewan Negeri?

b. Adakah pihak kerajaan negeri akan buka untuk permohonan lagi pada tahun ini dan tahun depan?

c. Adakah kerajaan negeri boleh mempertimbangkan penggunaan kad kesihatan di farmasi juga selain daripada klinik?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga kepada sahabat daripada Semambu yang bertanyakan er... soalan berkaitan dengan Kad Kesihatan Kasih Makmur. Er.. terdapat tiga pecahan soalan yang akan ditanyakan berkaitan dengan er... kad tersebut. Yang pertamanya adalah berapa penerima Kad Kesihatan Kasih Makmur sehingga 2025 mengikut kawasan Dewan Negeri?

Bagi jawatan... jawapan untuk pertanyaan tersebut, peterima... penerima Kad Kesihatan Kasih Makmur pada tahun 2025 adalah seramai 21,000 orang er... melibatkan 42 kawasan Dewan Undangan Negeri dengan pecahan 500 orang penerima untuk setiap DUN. Dan sehingga Oktober 2025, jumlah penerima bantuan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri adalah seperti yang saya akan sebutkan sebentar lagi, di mana untuk DUN Tanah Rata adalah er... 499 orang, ini er... angka ini adalah merujuk kepada penerima ya. Dan berbaki 1 orang lagi. Sekiranya Yang Berhormat ingin menambah boleh membuat tambahan. Dan untuk Jelai ada er... penuh 500 orang dan Padang Tengku ada 497 orang, er... Cheka 500, penuh, Benta 484, Batu Talam 500, Tras 495, er... Dong 493, Tahan 407, Damak 500 penuh, Pulau Tawar 431, Beserah 500, Semambu 500, Teruntum 500, Tanjung Lumpur 500, Inderapura 489, Sungai Lembing 500, Lepar 500, Panching juga 500, Pulau Manis 489, Peramu Jaya 484, Bebar 485, Chini 499, Luit 469, Kuala Sentul 480, Chenor 490, Jenderak penuh 500, Kerdau 496, Jengka 493, Mentakab 492, Lanchang penuh 500, Kuala Semantan 500, Bilut 500, Ketari 499, Sabai 500, Pelangai 492, Guai 485, Triang 500, Kemayan 500, Bukit Ibam 488, Muadzam Shah 498 dan Tioman 474. Kepada Wakil-wakil daripada DUN ini bolehlah memenuhkan kuota tu. Kita tak kisah masa ya, boleh je untuk memenuhinya. Sebabnya kita tengok ada yang tak ramai. Ada juga yang hampir 100 lagi.

Dan pada tahun 2025, untuk jawapan yang seterusnya ya, pada tahun 2025, kerajaan negeri melalui kuota DUN telah membuka permohonan dan jumlah penerima Kad Kesihatan Kasih Makmur adalah sebanyak 37,046 orang melibatkan pecahan seperti berikut. Untuk kuota DUN 21,000 dan untuk JKM 16,046 orang. Manakala bagi tahun 2026, terdapat penambahan kategori penerima baharu kepada veteran angkatan tentera dan pesara polis berumur 60 tahun ke atas berjumlah 10,000 penerima.

Dan untuk soalan yang seterusnya. Adakah kerajaan negeri boleh mempertimbangkan penggunaan kad kesihatan di farmasi juga selain daripada klinik? Er… untuk masa sekarang kerajaan negeri sedang dalam kajian untuk memperluaskan penggunaan kad kesihatan ini ke farmasi-farmasi dalam negeri Pahang dengan mengekalkan objektif pelaksanaan program iaitu farmasi sebagai kumpulan pelengkap kepada klinik panel dalam membekalkan ubat-ubatan atau *supplement* dan lain-lain keperluan perubatan yang bersesuaian, yang mungkin stok pembekalan adalah terhad dan tidak mencukupi di klinik panel. Sekian, terima kasih.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Terima kasih atas jawapan terperinci daripada YB Exco Wakil Kerajaan Negeri. Cuma er... persoalan saya ialah untuk

memaksimumkan penggunaan Kad Kasih Makmur ini, adakah pihak kerajaan negeri boleh mempertimbangkan untuk menetapkan harga siling untuk setiap kali penggunakan ini untuk menerima rawatan di klinik? Sebab kadang-kadang saya menerima aduan daripada pengguna bahawa harga konsultasi ataupun dengan izin, *consultation price* di setiap klinik berbeza. Adakah pihak kerajaan negeri untuk mempertimbangkan er... meletakkan harga siling untuk setiap kali rawatan di klinik? Terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat. Sebenarnya setiap kad itu ada RM500.00 dan terpulang kepada pengguna, nak habis cepat ataupun habis lambat dan bergantung kepada keperluan mereka untuk mendapatkan rawatanlah dan kita tidak meletakkan had yang tertentu untuk mereka dan juga untuk mendapat khidmat nasihat pun kita tidak menetapkan. Cuma kita membenarkan penggunaan sehingga RM500.00. Sekiranya tahun ini tak habis, dia tidak boleh dibawa ke tahun hadapan dan penerima pada tahun ini akan menerima di tahun hadapan dengan jumlah yang sama RM500.00. Terima kasih.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Ada lagi soalan tambahan?

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Ya. Dato' Sri Speaker, er... saya rasa Kad Kesihatan Makmur ni adalah salah satu inisiatif yang mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat khususnya untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik yang disenaraikan. Saya dapati ada penerima kad kesihatan ini yang telah menerima kad tetapi tidak menggunakannya. Boleh tak dapat data tentang penggunaan kad kesihatan ini dalam kalangan penerima kad berkenaan? Terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat daripada Sabai. Okay, saya akan berikan jawapan yang bertulis mengenai peratusan penggunaan kad ini tetapi untuk makluman secara… secara kasarnya kita pengguna ini hampir kepada 90% penggunaan dan ialah kad ni sakit, ada masa dia orang tak sakit. Sebab itu kita ada dalam perbincangan, untuk kita menyebarluaskan ke farmasi sekiranya ada keperluan lain tentang ubat ini. Sekiranya kita boleh mengambil vitamin ataupun susu-susu kesihatan ataupun *pampers* yang tidak ada dibekalkan oleh klinik panel. Itu di dalam perbincangan kita sekarang inilah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya sila.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhormat Dato' Sri, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ini didatangi oleh beberapa orang yang yang sakit gigi, yang takde gigi. Dia tanya kad ni boleh pakai untuk gigi tak? Saya tanya je, saya boleh tanya je dekat meja makan tu tapi orang sakit gigi ni seluruh negeri ada. Jadi soalan ni elok saya tanya dalam Dewan ni. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh ditanya, sesuai.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat daripada Luit. Itu termasuk dalam perbincangan sahabat. Sebabnya kita ada membincangkan tentang farmasi dan juga untuk klinik gigi. Cuma yang kita menjadi kebimbangan kita adalah kad tersebut nilainya RM500.00. Nak buat gigi ni mahal sebenarnya, insya-Allah. Ataupun mungkin boleh RM500.00 dan selebihnya ditanggung sendiri oleh pesakit. Itu yang sedang kita bincangkan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, kita pergi soalan seterusnya. Kita nak minum pagi. Kalau boleh saya nak selesaikan pada pukul 11.30 ya. Kita pergi ke soalan nombor 8, Wakil daripada Panching.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 8.

> [Aplikasi PahangGo adalah platform 'ONE STOP CENTRE' yang bermanfaat untuk rakyat Pahang.
>
> 1. Apakah pencapaian dan keberkesanan penggunaan platform yang bernilai jutaan ringgit ini?
>
> 2. Nyatakan perkembangan terkini aplikasi PahangGo dalam menyampaikan maklumat negeri dengan memanfaatkan potensi kerjasama dengan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI)]

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih ADUN daripada kawasan Panching atas soalan berkenaan dengan aplikasi PahangGo.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Aplikasi PahangGo merupakan platform digital rasmi Kerajaan Negeri Pahang berkonsepkan One Stop Centre yang menghimpunkan pelbagai perkhidmatan kerajaan negeri, agensi awam, utiliti dan pihak berkuasa tempatan dalam satu aplikasi mudah alih. Aplikasi ini mula diperkenalkan pada Oktober 2019 dan sehingga kini ia dibangunkan bagi menyokong aspirasi pendigitalan perkhidmatan kerajaan serta memudahkan rakyat berurusan tanpa perlu hadir ke kaunter.

Melalui aplikasi PahangGo ini, rakyat boleh melakukan pelbagai urusan harian seperti pembayaran cukai, utiliti, parkir, zakat dan pelbagai perkhidmatan lain. Aplikasi ini juga berfungsi sebagai gerbang kepada ekosistem digital negeri Pahang melalui integri… integrasi dengan jabatan kerajaan, penyedia perkhidmatan utiliti, institusi agama, perbankan serta agensi-agensi lain.

Selanjutnya berkenaan dengan pencapaian berkaitan aplikasi PahangGo. Saya ingin menyatakan bahawa yang pertamanya, aplikasi PahangGo ketika ini mempunyai lebih 640,000 pengguna berdaftar. Kedua, dari Januari sehingga 30 November tahun ini, hasil kutipan melalui transaksi aplikasi PahangGo telah mencecah RM28,570,401.00 yang menunjukkan bahawa saluran pembayaran digital rasmi kerajaan negeri ini semakin diyakini rakyat.

Ketiga, pertumbuhan transaksi aplikasi PahangGo ini meningkat 5.9% dari Januari hingga November tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Keempat, sistem *parking* digital PahangGo telah diselaraskan di semua 11 pihak berkuasa tempatan di seluruh negeri ini. Kelima, pada 27 September lalu, PahangGo menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai aplikasi kerajaan negeri dengan ciri mudah alih terbanyak di Malaysia iaitu 97 ciri [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini membuktikan bahawa PahangGo menjadi model rujukan kepada banyak negeri dan agensi lain dan selari dengan Aspirasi Pahang 1st. Secara keseluruhannya, PahangGo, aplikasi PahangGo telah menunjukkan pelbagai pencapaian yang memberansangkan melibatkan aspek jumlah pengguna, nilai transaksi, integrasi perkhidmatan serta pengiktirafan nasional. Ia bukan sahaja memudahkan rakyat tetapi turut memperkukuhkan kecekapan perkhidmatan kerajaan negeri dalam era pendigitalan. Berkenaan dengan perkembangan terkini aplikasi PahangGo dalam menyampaikan maklumat negeri dengan kerjasama NADI atau Pusat Sebaran Digital Nasional, saya ingin memaklumkan bahawa melalui perjumpaan saya bersama dengan Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil pada Mac yang lalu, kita bersetuju untuk memperkukuh kerjasama antara PahangGo dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional atau NADI ni di seluruh negeri Pahang.

Justeru, PahangGo telah merangka pelbagai inisiatif termasuk menjadikan NADI sebagai pusat penyebaran maklumat mengenai aplikasi PahangGo serta melaksanakan pelbagai aktiviti latihan bersama komuniti setempat. PahangGo juga sedia menyediakan ruang untuk pembuka... membuka pameran atau sesi *meet and greet* pelanggan di pusat-pusat NADI apabila terdapat acara bersama dengan masyarakat. Melalui program turun padang seperti ini, masyarakat umum dapat membuat aduan secara terus kepada pihak PahangGo sambil diperkasa dengan ilmu celik digital. Ini seterusnya menggalakkan penggunaan aplikasi PahangGo yang terbukti memudahkan urusan pembayaran kepada agensi dan jabatan kerajaan secara lebih meluas. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sekejap, soalan tambahan. Saya bagi satu soalan tambahan.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Terima kasih Yang Berhormat Exco. Satu aplikasi yang sangat baik bagi saya untuk memudahkan urusan penduduk atau rakyat di negeri Pahang. Soalan saya berapa ramaikah pengguna aktif, *active user* yang benar-benar menggunakan PahangGo? Kerana biasa kita melihat aplikasi kerajaan ini, pengguna biasanya *download* sahaja tetapi tidak aktif menggunakan sistem aplikasi kerajaan. Dan sekiranya pengguna aktif ini kurang, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan integrasi dengan lebih banyak agensi dan juga insentif digital lain? Terima kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima Kasih Yang Berhormat. Saya tak ada data pengguna aktif tersebut. Tapi setakat ni pengguna berdaftarnya adalah 640,000 orang. Tapi memang pertambahan transaksi itu berlaku secara signifikan. Macam angka yang saya sebutkan tadi iaitu meningkat 5.9% dalam tempoh Januari hingga November tahun ini berbanding tempoh yang sama, berbanding tempoh sama tahun lalu dan kerajaan negeri sedia untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi lain dan ianya sudah pasti akan menambah baik mutu perkhidmatan serta keseluruhan transaksi pada masa hadapan. Kita sedia untuk mengkaji serta meneliti kerjasama bersama rakan-rakan strategik melibatkan agensi-agensi lain pada masa depan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya Wakil daripada ADUN Lantikan.

(AHLI YANG DILANTIK - 2)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mengemukakan pertanyaan nombor 9.

> [Berapa ramai rakyat Pahang yang sedang mengikuti kursus TVET di kalangan institusi latihan seluruh negara? Apakah jenis latihan TVET yang menjadi pilihan utama mereka?]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan, berdasarkan kepada data Jabatan Pembangunan Kemahiran, sejumlah 4,365 orang pelatih kelahiran negeri Pahang yang sedang mengikuti program TVET di pusat bertauliah awam dan swasta di seluruh negara. Saya pecahkan data ya. Di Pahang sendiri adalah 2,547 orang, yang belajar di Selangor adalah 664 orang, di Terengganu adalah 235 orang, di Johor adalah 225 orang, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah 213 orang, Negeri Sembilan 194 orang, di Perak adalah 181 orang, di Melaka adalah

167 orang, Pulau Pinang adalah 72 orang, Kedah 51, Kelantan 37, di Perlis 21, Sarawak 19, Sabah 8 dan Wilayah Persekutuan Labuan 1.

Untuk menjawab soalan nombor 2, apakah jenis latihan TVET yang menjadi pilihan utama mereka? Analisis data turut menunjukkan bahawa minat pelatih dari Pahang tertumpu pada bidang-bidang teknikal teras yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Saya kena pecah juga ni er... 10 program yang mendapat permintaan tertinggi pelatih di Pahang. Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah (T4) adalah 322 orang, Teknologi Kimpalan (T3) 286 orang, Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik (T3) 228 orang, Pemasangan Elektrik (T2) 173 orang, Penyejukan dan Penyamanan Udara atau *aircond* (T3) 160 orang, Teknologi Kimpalan (T4) 142 orang, Penyediaan Makanan (T3) 140 orang, Penyediaan Makanan (T2) 131 orang, Pembuatan Roti dan Pastri (T2) 128 orang, Sokongan dan Sistem Komputer 108 orang. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita pergi kepada soalan Wakil daripada Tanjung Lumpur.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 10.

[Apakah perancangan kerajaan untuk majukan Pantai Anak Air?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Tanjung Lumpur. Kita bersyukur kerana Kuantan memang terkenal dengan persisiran pantai yang cantik. Jadi di sepanjang persisiran ini kita ada banyak pantai yang menarik. Jadi untuk pembangunan di pantai-pantai, dia dijalankan secara berperingkat. Tahun ini, Pantai Kempadang, Pantai Batu Hitam terima peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan. Untuk Pantai Anak Air, dia juga dimasukkan dalam perancangan untuk dibangunkan secara berperingkat. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Wakil daripada Tioman. Soalan terakhir.

(ADUN KAWASAN TIOMAN - N.42)
YB DATO’ SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menanyakan pertanyaan nombor 11. Terima kasih.

[Apakah tindakan kerajaan dalam usaha membantu mengkomersialkan produk usahawan kecil dan industri desa? Adakah kerajaan mempunyai cadangan bagi menganjurkan kelas atau latihan kepada belia untuk lebih berminat terhadap bidang perniagaan?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih banyak sahabat saya daripada Tioman. Soalannya, usaha membantu *commercialize* produk usahawan kecil dan industri desa dan juga cadangan menganjurkan kelas atau latihan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan negeri memang memandang serius terhadap usaha untuk *commercialize*kan produk usahawan kecil dan industry desa agar mereka mampu menembusi pasaran yang lebih luas dan berdaya saing. Agensi di bawah kerajaan negeri dan persekutuan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan. Antara langkah utama yang telah dan juga sedang diambil adalah antaranya kerajaan negeri yang bekerjasama dengan SIRIM melaksanakan program SIRIM Technopreneurship Programme ataupun STeP bagi membantu usahawan khususnya usahawan kecil, meningkatkan kualiti produk, menambah baik reka bentuk pembungkusan serta memenuhi piawaian pensijilan halal.

Usaha ini bertujuan memastikan produk tempatan lebih berdaya saing dan juga potensi untuk dikomersialkan kepada… secara meluas. Penyertaan usahawan dalam pameran Satu Daerah Satu Industri ataupun SDSI di peringkat wilayah, peringkat kebangsaan dan juga peringkat Wilayah Timur juga digalakkan bagi mempromosikan produk berasaskan industri tempatan serta membuka peluang kepada pasaran yang baharu.

Skim Pembiayaan Ekonomi Desa di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah juga menyediakan pembiayaan khusus kepada usahawan kecil dan juga industri bagi mengukuhkan kapasiti perniagaan dan juga keupayaan pemasaran. Melalui sokongan modal yang disediakan SPD membantu mempercepatkan *commercialize*kan produk disediakan agar produk-produk tempatan lebih kompetitif dan mampu menembusi pasaran yang lebih luas. Juga penubuhan Sekretariat Majlis Pembangunan Industri Halal Negeri Pahang (MPIHP) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar bertindak sebagai pusat sehenti untuk menyelaraskan dasar, pelaksanaan dan sokongan terhadap produk tempatan termasuk produk halal agar industri kecil dan juga desa dapat di*commercialize*kan secara sistematik. Selain daripada itu, kerajaan negeri turut melaksanakan pelbagai usaha termasuk memperkasakan PMKS halal dan juga eksport halal. Kerjasama strategik antara bersama HDC dan juga penyediaan tapak perlaburan halal seperti Gambang Halal Hub, Gebeng Halal Hub dan juga Bentong Halal Hub dan langkah-langkah ini memberikan secara berterusan matlamat untuk meningkatkan kebolehpasaran produk-produk terutama sekali produk-produk halal di dalam negeri Pahang.

Dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Speaker bagi komponen kedua. Soalan berhubung usaha menarik minat belia ke bidang perniagaan. Kerajaan negeri melalui pelbagai agensi turut melaksanakan program latihan antaranya Pahang Skills Development Centre, SME Corp Pahang. FELDA juga sendiri MARA, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang. Juga selain daripada itu, banyak program-program ini bersekitar untuk membangunkan usahawan-usahawan belia yang ingin menceburi peluang sebagai perniagaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kesemua inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan bagi mengukuh minat dan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan dan pada masa yang sama meningkatkan kebolehpasaran produk tempatan serta yang sama meningkatkan kebolehpasaran produk tempatan serta memperkasakan ekonomi tempatan di luar bandar negeri Pahang. Bukan itu sahaja, kedua-dua komponen ini menunjukkan kejelasan usaha kerajaan negeri dalam membantu usahawan kecil dan juga industri desa dan juga memperkukuhkan kompetensi pemasaran dan juga inovasi juga menyediakan platform dan strategik untuk menarik lebih ramai belia minat di dalam bidang perniagaan. Sekian terima kasih. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita telah selesai membincangkan 11 pertanyaan dan jawapan. Ianya mengambil masa dua jam enam minit untuk menyelesaikan 11 soalan. Saya sebenarnya tidak. Saya sebenarnya tidak menyekat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bertanya kerana kita nak pastikan bahawa inilah ruang yang diberikan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan-soalan tambahan. Selain daripada er... soalan-soalan apa namanya asas, jadi saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan kita disambung semula pada pukul 12.00 tengah hari.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Rang Undang-undang Perbekalan 2026 telah dibentang pada 5 Disember 2025 dan telah dibahaskan pada 8, 9, 10 Disember 2025. Seramai 34 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pada hari ini, pihak kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum memulakan aturan mesyuarat, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Dewan Negeri ada mengedar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat cenderahati daripada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Maknanya dia nak bercakap, dia edar dulu. Jadi jangan kacau dia bercakap, dia bagi tahu.

Cenderahati tersebut merupakan sumbangan minuman kopi dan kopi oleh Kopi Ladang. Ini nama kopi baharu, Kopi Ladang dari perusahaan tempatan yang beroperasi di Janda Baik, Bentong. Dah lah Kopi Ladang, dari Janda Baik. Dan juga sumbangan minyak masak dari D'Saji oleh Sekretariat Muafakat FELDA Pahang. Terima kasih kita ucapkan. Jadi bolehlah minta isteri kita goreng ikan ya, sebab minyak masak dah dapat. Semoga kita akan terus bersama-sama menyokong dan menaikkan nama industri perusahaan tempatan negeri Pahang.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita teruskan atur cara mesyuarat. Untuk itu, dengan sukacitanya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang untuk memulakan penggulungan. Silakan.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum wbt, salam Pahang 1st, salam 1FELDA, salam Bentong, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Ahli-ahli Yang Berhormat…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, kalau boleh nama itu tak payah sebut.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Tak payah sebut ya, okay. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan… bukan saya menyekat, tapi itu aturan mesyuarat.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media serta tuan-tuan dan juga puan-puan yang saya hormati sekalian. Saya mulakan dengan serangkap pantun.

Dari Bentong ke bandar Kuantan,
Membawa madu lebah tualang,
Salam sembah membuka penggulungan,
Rakyat didahulukan, kemakmuran dipertahankan.

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Terlebih dahulu saya merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah serta Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas limpah perkenan, kebijaksanaan serta naungan berterusan Tuanku dalam memelihara kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang Darul Makmur. Sesungguhnya di bawah payung pemerintahan Tuanku, negeri ini terus dipandu dengan kebijaksanaan, keadilan dan kewibawaan yang menjadi teras kepada keamanan serta keharmonian rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya seterusnya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan juga penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar atas kepimpinan luar biasa Yang Amat Berhormat dalam mengemudi negeri Pahang ke tahap prestasi ekonomi dan kewangan yang amat membanggakan. Kejayaan merekodkan kutipan hasil lebih daripada RM1 bilion selama empat tahun berturut-turut bukanlah satu pencapaian yang biasa. Sebaliknya ianya mencerminkan kecekapan tadbir urus, ketegasan kepimpinan serta kebijaksanaan dalam mengurus sumber negeri serta secara berhemah, berdisiplin dan berintegriti.

Lebih membanggakan, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Pahang turut mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar ataupun KDNK yang melepasi paras nasional. Peningkatan kemasukan pelaburan berbilion ringgit, penurunan kadar pengangguran serta pengukuhan keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa terhadap kestabilan politik dan iklim perniagaan negeri. Kejayaan demi kejayaan antaranya kerajaan negeri menerima Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran pula mengesahkan bahawa Pahang bukan sahaja berjaya dari sudut pembangunan ekonomi, malah cemerlang dari sudut ketelusan, akauntabiliti dan juga integriti pengurusan kewangan awam.

Inilah asas kukuh yang membolehkan kerajaan hari ini bukan sekadar berbelanja tetapi merancang, melabur dan juga memacu pembangunan negeri secara strategik untuk jangka panjang dengan rakyat sebagai fokus utama.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berteraskan tema Pahang 1st Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan, Belanjawan Negeri… Belanjawan Negeri Pahang kali ini memperlihatkan tekad jelas kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara, kelangsungan perniagaan diperkukuh serta ketahanan ekonomi negeri dipertingkat bagi mendepani cabaran ekonomi global yang semakin mencabar serta landskap pembangunan yang dinamik.

Berpijak di atas landasan kewangan dan prestasi ekonomi yang stabil, kerajaan negeri seterusnya memperuntukkan sejumlah RM10.6 juta di bawah portfolio Hal Ehwal FELDA Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang bagi Belanjawan Tahun 2026. Antaranya RM5 juta diberikan kepada Sekretariat Muafakat FELDA, peruntukan RM5 juta juga untuk Program Usahawan Makmur dan RM600,000.00 Pemerkasaan Koperasi Masjid.

Peruntukan ini mencerminkan keutamaan strategik kerajaan negeri dalam memperkukuh ekosistem ekonomi rakyat yang merangkumi komuniti peneroka FELDA, gerakan koperasi serta usahawan mikro kecil dan sederhana secara menyeluruh, tersusun dan juga berimpak tinggi.

Di bawah peruntukan ini, projek dan inisiatif utama yang sedang dan akan dilaksanakan antaranya memperkasakan syiar Islam di FELDA melalui Majlis Taklim FELDA kemudiannya memperkasakan program pembangunan pendidikan generasi FELDA. Ketiganya, Jelajah Muafakat FELDA dan Klinik Tok Wan. Seterusnya ialah Program Usahawan Makmur dan seterusnya ialah pemerkasaan koperasi masjid dan juga ada beberapa lagi program-program lain yang memberikan manfaat langsung atau tidak langsung terutama sekali kepada komuniti FELDA, koperasi dan usahawan di negeri Pahang.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atas peningkatan peruntukan kepada Sekretariat Muafakat FELDA Pahang. Peningkatan peruntukan ini jelas menggambarkan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap warga FELDA di negeri Pahang.

Sepanjang sesi perbahasan Belanjawan Negeri Pahang pada kali ini, pelbagai persoalan, pandangan serta saranan telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Portfolio Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan juga Usahawan.

Bagi pihak yang memegang portfolio ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas perbahasan yang matang, konstruktif serta berfokus demi kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung persoalan Yang Berhormat Chini berkaitan kebimbangan anak-anak FELDA yang bekerja sendiri dan ketidakmampuan mereka untuk membayar premium tanah di bawah Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang (STRF), saya ingin menegaskan

bahawa perkara ini sememangnya diambil serius dan sedang diperhalusi dengan teliti agar tidak membebankan golongan sasaran ini.

Untuk makluman pihak Dewan, STRF ini merupakan inisiatif kerajaan negeri bagi membantu generasi baharu FELDA memiliki kediaman yang selesa, selaras dengan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kelangsungan masa depan generasi FELDA. Pemberimilikan tanah kerajaan bagi skim ini dilaksanakan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara ataupun Akta 828 dan tertakluk kepada bayaran premium mengikut peruntukan undang-undang semasa.

Yang ini untuk makluman Yang Berhormat Chini, Dato' Chini. Jangan lupa… janganlah risau dan gundah gulana, balik nanti dah boleh senyum, jumpa kawan-kawan, beritahu bahawa insya-Allah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa mengingati warga FELDA, insya-Allah. Walau bagaimanapun, kadar premium bagi STRF masih belum dimuktamadkan dan kerajaan negeri memberi jaminan bahawa kadar yang akan ditetapkan kelak dijangka tidak membebankan serta akan ditentukan pada paras yang berpatutan daripada nilaian pasaran semasa khususnya mengambil kira kemampuan anak-anak FELDA yang bekerja sendiri. Untuk makluman Ahli Dewan, anak-anak FELDA yang berada di dalam FELDA, kita dapat pantau mereka, melihat bagaimana pencapaian-pencapaian mereka. Ada yang kait buah, ada yang dalam bahasa lainnya dalam bahasa pasarnya, minta maaf Yang Berhormat Dato' Sri Speaker *loading* dipanggil er… angkat buah dalam platform hantar naik ke lori er… itu dipanggil *loading* hantar ke kilang, yang ini ialah pendapatan harian yang perlu kita menilai banyak-banyak perkara ini dapat membantu mereka untuk menyelesaikan serba sedikit permasalahan yang berada di luar sana, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung persoalan Yang Berhormat Chini juga. Yang Berhormat Chini dia banyak soalan dia. Kalau saya tengok dalam sistem itu saya rasa lebih daripada 25 soalan tapi saya nak jawabkan merangkumi permasalahanlah masuk er… masuk semua sekali insya-Allah. Ini maksudnya pejuang FELDA ini tak habis er… dia anak-anak FELDA dia faham masalah FELDA, dia bagi soalan-soalan insya-Allah.

Dan soalan yang seterusnya, mengenai status pengukuran lot tapak rumah Skim Tanah Rancangan FELDA Pahang bagi FELDA Chini Timur 1, FELDA Chini Timur 3 dan juga Taman Sentuhan Kasih FELDA Timur 2. Untuk makluman Ahli Dewan dan juga Yang Berhormat Chini, permohonan rasmi bagi kerja ukur tapak tersebut telah pun dikemukakan kepada pihak Ibu Pejabat FELDA pada 17 September yang lalu.

Walau bagaimanapun, pihak Ibu pejabat FELDA melalui maklum balas bertarikh 24 September 2025 telah memaklumkan bahawa permohonan ini tidak termasuk dalam pakej fasa 1, pakej awal dah lulus dan telah mencadangkan agar kajian kesesuaian tapak dilaksanakan bersama beberapa lokasi lain sebelum dibentangkan semula di peringkat ibu pejabat. Maksudnya Yang Berhormat Chini er… kita perlu datang balik melihat kaedahnya apakah kaedah untuk kita membuat semula iaitu untuk melalui er… maklum balas yang kita dapat, kita buat kajian dan juga kita menambahkan balik apa yang ada saya sebut itu. Terima kasih.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Saya mohon mencelah Yang Berhormat Speaker. Apa yang saya bangkitkan perkara tersebut yang saya minta untuk er… STRF di Timur 1 dan juga Timur 3 di, di er…

diukur sekali, ini akan memberi peluang kepada masyarakat di Chini terutama generasi baru akan dapat memberi peluang kepada 1,200 er… lot tapak rumah kepada generasi baru di kawasan DUN Chini ini. Jadi, itu yang saya tekankan untuk memberi peluang er… Timur 1 dan juga Timur 3 disekalikan pengukuran. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Chini. Ini menandakan bahawasanya banyak lagi er… ruang-ruang dan peluang untuk kita membantu masyarakat terutama sekali anak FELDA kalau dikatakan 1,200 pada jangkanya kalau boleh kita nak bagi setiap seorang tapi maklumlah tanah ini tidaklah sebesar mana. Namun kita mengagihkan yang sebaik mungkin namun pihak kerajaan negeri di bawah keputusan er… pihak kerajaan negeri bahawasanya dulu FELDA buat 4,000 kaki persegi, 4,000 er… 4,000 kaki persegi untuk setiap satu lot tapi hari ini kerajaan negeri pun telah memutuskan bersama dengan FELDA kita kurangkan sedikit daripada 4,000, kita jadikan 3,000 kaki persegi supaya nak menambahkan lagi ruang dan juga peluang kepada anak-anak peneroka ini untuk bersama turut serta er… daripada 4,000 kita jadikan 3,000 supaya mereka lagi ramai lagi untuk mendapatkan tanah-tanah ini untuk dijadikan perumahan kepada generasi FELDA ini. Sebab itu, pihak wilayah dan juga er… pihak wilayah dan juga rancangan sedang melaksana tindakan susulan dengan pihak Ibu Pejabat FELDA bagi mendapatkan status pengukuran lot tapak dan juga kesesuaiannya untuk memastikan pelaksanaan ini dapat diteruskan mengikut jadual yang dirancang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung persoalan Yang Berhormat Kuala Sentul mengenai isu pembahagian lot tanah di Skim Tanah Rakyat STR FELDA Jengka 2. Untuk makluman Dewan, semakan semula telah dibuat berdasarkan kelulusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Ke-10/2018 bertarikh 14 Mac 2018 di mana setiap peserta hanya diluluskan satu lot sahaja. Kalau dia er… mereka melanggar ini, kita kena jumpa balik untuk berbincang dan juga penentuan lot dibuat secara undian dan juga selaras dengan Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang Bilangan 1/2019 bagi das er… bagi dasar serta prosedur pemberimilikan tanah secara berperancangan. Kerajaan negeri akan terus memastikan proses pemberimilikan dilaksanakan secara telus, adil berlandaskan peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung persoalan Yang Berhormat Jengka berkaitan jaminan er…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Mohon mencelah sedikit Dato' Sri Speaker.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Ya, silakan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker,

Saya tadi sebenarnya bercadang nak mencelah panjang sedikitlah tapi sebab Dato' Yang Berhormat Pelangai ini bagi sagu hati, bagi buah tangan er… saya nak tanya sedikit sahaja er… YB Pelangai ini pandai sebelum dia menggulung dia akan bagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi itu bukan rasuah itu. Itu pemberian. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Walau macam mana pun, terima kasih. Cuma saya nak minta sedikit sahaja YB Dato' Sri Speaker er… saya boleh tengok Dato' Sri Speaker lah kurang sedikit ke sebelah sini. [ketawa] Rancangan projek Jengka 2 ini kalau boleh saya nak minta YB Pelangai FELDA *revamp* projek itu semula dan tengok balik apa yang perlu sebab kalau kita betul-betul ikhlas nak bantu anak peneroka ini, kita kena buat betul-betullah bukan bagi tanah sahaja lepas itu kita tinggal. Lepas itu yang kedua, kalau boleh geran tanah untuk satu lagi kawasan kuarters JKR itu er… luluskanlah dah 20 tahun dah dia orang tinggal situ. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Sentul. Dia er… selain Dato' Fakha, muka saya memang dia selalu tengok er… dia Dato' Fakhruddin. [ketawa] YB Bebar, YB Pelangai. Saya ambil maklum Yang Berhormat Dato' Sri Speaker bahawasanya apa yang dijangka er… dikatakan ataupun diusulkan oleh Yang Berhormat Kuala Sentul bahawasanya lot ini… memang ini sedang dalam perhatian pihak kerajaan negeri dan juga FELDA dalam satu usul yang baru, sebab itu kita mewujudkan sistem baru STRFP ini untuk memberikan manfaat kepada lebih kurang yang dah diumumkan lebih kurang 16,035 lot yang telah disiapkan.

Insya-Allah er… pihak kerajaan negeri bersama dengan FELDA akan lebih terperinci melihat bagaimana keadaan ini dapat diselesaikan dengan lebih sempurna. Insya-Allah, pihak PTG pun yang akan membantu untuk menyelesaikan masalah di Jengka 2 ini insya-Allah. Ini er… pemberian tadi itu bukan rasuah seperti Yang Berhormat Dato' Sri Speaker sebut ya, dan juga seterusnya penentuan lot juga dibuat secara undian Yang Berhormat ya dengan arahan Pentadbir Tanah er… Negeri Pahang yang itu jangan risaulah maksudnya integriti yang telah pun disusunkan insya-Allah kalau Yang Berhormat boleh bertemu nanti kita akan pergi ke Jengka ini. Saya selalu pergi ke Jengka, Yang Berhormat tak ada pula kan? Insya-Allah, kita akan berhubung nanti di dalam er… Stadium Jengka itulah, insya-Allah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sebelum datang bagitau awal sedikitlah, jangan terjah sahaja. [ketawa]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

[Ketawa] Terima kasih banyak Yang Berhormat. [ketawa] PM tepilah er… PM tepi, PM tepi.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Bukan nak er… nak siap makan ikan patin ke apa semua er... terima kasih. [Ketawa]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Tak apa saya bawa ikan patin kepada Yang Berhormat nanti insya-Allah. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker berhubung persoalan Yang Berhormat Jengka tadi, dia er… minta maaf Yang Berhormat Jengka lambat sampai ditahan oleh Kuala Sentul kan. Jadi saya bagi tahu ada minyak masak tadi insya-Allah.

Berhubung persoalan Yang Berhormat Jengka berkaitan jaminan hak peneroka FELDA yang telah menerima geran serta dakwaan kawalan pembelian hasil sawit oleh FGV. Sebab itu hari ini saya bawa minyak ini er… minyak sawit FGV ini. Ini hasil FGV ini kan iaitu untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga kini seramai 41,834 peneroka FELDA Pahang yang telah menerima geran hak milik. Manakala baki 1,292 peneroka atau kira-kira 3% daripada keseluruhan 43,126 peneroka dijangka dapat diselesaikan selewat-lewatnya menjelang penghujung tahun 2025 ini atau sebelum pertengahan 2026 tertakluk kepada penyelesaian isu-isu terpencil, insya-Allah. Itu *statement.*

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. HAJI MOHD JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Silakan.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. HAJI MOHD JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Saya ingin mencelah sedikit. Terima kasih kepada Wakil Kerajaan er… apa Pengerusi Portfolio FELDA ini. Saya ingin ucapkan terima kasihlah kerana penantian geran-geran untuk er… lot-lot FELDA Selendang 1 dan Selendang 2 alhamdulillah telah selamat diserahkan. Terima kasih kerajaan negeri.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak er… terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sebab itu saya nak maklumkan lagi 3% tetapi insya-Allah pada 16 Disember nanti 2025 ini dijadualkan Majlis Penyampaian Geran Hak Milik Peneroka Gugusan Lepar Utara er… Lepar er… Lepar Utara melibatkan seramai 672 orang peneroka dan

seterusnya akan diadakan Majlis Penyampaian di Gugusan Selancar seramai 425 peneroka. Ini menjadikan baki hanya 195 peneroka bersamaan kurang 1% sahaja yang belum menerima geran. Kita nak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Pahang kerana telah… [Ahli Dewan menepuk meja] berikan tindakan yang *very...* sangat-sangat agresif untuk memastikan hak-hak peneroka ini terjamin, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, berhubung isu sawit, harga sawit dan juga peranan FGV. Kerajaan negeri telah mendapatkan penjelasan susulan proses penyah... penyahsenaraian FGV daripada Bursa Malaysia. Dimaklumkan bahawa FGV sedang melaksanakan penstrukturan semula operasi secara menyeluruh bagi memastikan pulangan pendapatan yang lebih konsisten kepada FELDA serta manfaat yang lebih adil kepada peneroka.

Untuk makluman Ahli Dewan, harga pasaran minyak mentah MSM setakat 24 November 2025 berada sekitar RM4,041.50 satu tan dan juga unjuran harga purata MSM, dengan izin bagi tahun 2025 kekal pada paras yang baik iaitu antara RM3,900.00 sehingga RM4,450.00 satu tan. Ini menunjukkan bahawa asas harga komoditi adalah kukuh dan juga berpotensi memberi pulangan yang lebih baik kepada peneroka. Untuk makluman Ahli Dewan juga, FGV menggunakan harga gred A ataupun harga gred yang terbaik berdasarkan harga panduan harian buah tandan segar ataupun dengan izin BTS oleh MPOB mengikut wilayah. Justeru, usaha pemerkasaan ini akan memastikan peneroka mampu mencapai gred berkualiti tinggi bagi memaksimumkan pendapatan mereka.

Sebab itu kita di kerajaan negeri dan juga di FELDA, juga di setiap rancangan dan juga wilayah menggalakkan agar peneroka-peneroka ini memastikan pekerja-pekerja ladang rancangan masing-masing dapat memberikan satu dipanggil BTS iaitu Buah Tandan Segar ini dapat dikait dengan lebih, maksudnya dah cukup sifatnya, dah cukup haulnya untuk diturunkan dan bawa kepada ke kilang, insya-Allah. Dan juga keseluruhan langkah ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan peneroka, memastikan harga yang lebih adil serta memperkukuh daya tahan ekonomi warga FELDA secara mampan dan juga berjangka panjang.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Berhubung cadangan Yang Berhormat Kemayan pula supaya urusan penggunaan peruntukan di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) FELDA agar dapat dipermudahkan. Saya mengambil maklum dan juga cadangan untuk menambah baik tatacara ini akan ditambah baik mengikut keperluan serta tatakelola semasa bagi memastikan penggunaan peruntukan berjalan lancar tanpa menjejaskan prinsip integriti dan juga akauntabiliti. Saya mungkin yakin apa Yang Berhormat Kemayan ini mengatakan bahawasanya isunya apabila peruntukan dapat kepada JKKR tapi perlu diangkat ke Pengarah Wilayah untuk dapatkan kelulusan. Dan ini pihak kami akan berbincang dengan pihak FELDA supaya dapat diselesaikan perkara ini dengan lebih tuntas, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung persoalan Yang Berhormat Chini mengenai pengukuhan kerjasama kerajaan negeri dengan FELDA melalui pendigitalan pertanian, penggunaan dron, pembangunan usahawan belia serta penambahbaikan prasarana asas. Untuk makluman Ahli Dewan, kerajaan negeri sentiasa menyokong dan juga memperkukuh

kerjasama strategik bersama FELDA selaras dengan agenda pendigitalan dan peningkatan daya saing sektor pertanian.

Bagi aspek pendigitalan ladang, FELDA kini telah melaksanakan dipanggil *Smart Plantation Management System*, dengan izin sebagai platform pengurusan ladang moden yang merangkumi pemetaan kawasan, laporan operasi, sistem pesanan baja serta pemantauan perosak dan juga penyakit sekali gus membantu meningkatkan kecekapan pengurusan dan menjimatkan kos operasi.

Dalam masa yang sama, penggunaan teknologi dron turut diperkasa bagi tujuan pemantauan tanaman, pemulihan kesihatan ladang serta pengesahan awal masalah boleh membolehkan tindakan pembetulan dibuat dengan lebih cepat dan juga tuntas. Kerajaan negeri juga menyokong permohonan usahawan belia FELDA melalui penyediaan geran, latihan kemahiran digital dan juga bimbingan keusahawanan supaya golongan belia ini dapat terlibat secara aktif dalam pertanian moden berteknologi tinggi. Di samping itu, perhatian turut diberikan...

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' di-Pertua,

Saya ingin mencelah sedikit yang buat usahawan muda ini. Dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang ada menyebut tentang santuni anak muda di FELDA. Jadi adakah pihak kerajaan ingin mencadangkan satu program santuni anak muda-mudi, belia dan beliawanis sama ada di peringkat negeri ataupun daerah ataupun di kawasan-kawasan FELDA? Trip Ekonomi Pahang 1st di kalangan anak-anak muda ke kawasan-kawasan ataupun negeri-negeri tentu mahupun di luar negara untuk membawa rombongan-rombongan anak muda melihat di luar. Sebagai contoh ke Guangzhou, China kerana ada anak-anak muda di kalangan di negeri Pahang ini yang bersemangat dan berjaya dalam er... membuat belian daripada pihak negara luar sana dan berniaga di sini, Vietnam dan sebagainya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, boleh gulung ya.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Sri, boleh masukkan dalam *hansard* saya, insya-Allah. Banyak peluang-peluang anak muda perlu kita boleh bawa kepada salah satu contohnya dipanggil pasal ini Pahang 1st tadi. Soalan anak-anak muda Pahang 1st yang kita bawa ke delegasi ke negara-negara tertentu. Sebagai contoh China. Itu salah satu model, *business model* yang boleh diberikan kepada anak-anak muda yang ingin terlibat sama, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), terdapat sebanyak 38,577 perusahaan mikro kecil dan juga sederhana yang beroperasi di negeri Pahang. Jumlah ini merupakan sebahagian keseluruhan daripada jumlah yang ditubuhkan dalam negara ini. Jenis kegiatan seperti yang telah pun kita utarakan bahawa

perkhidmatan mendahului lebih kurang 80, menyumbang kepada 85.6% manakala antara perkhidmatan-perkhidmatan yang lain ataupun perniagaan perdagangan yang lain juga dapat diberikan mengikut kesesuaian lokasi ataupun lokaliti terhadap kawasan yang ditentukan.

Berhubung persoalan Yang Berhormat Sungai Lembing mengenai peruntukan RM5 juta bagi Program Usahawan Makmur dan juga RM3 juta bagi lesen percuma penjaja B40. Saya ucapkan terima kasihlah kerana mengiakan dan juga membantu mempromosikan kerajaan negeri, memberikan peruntukan kepada usahawan. Sukacitanya saya ingin jelaskan bahawa jumlah tersebut adalah sebahagian peruntukan bagi pembangunan usahawan dan bukan mencerminkan keseluruhan peruntukan tersebut kerana bagi Program Usahawan Makmur, peruntukan RM5 juta ini tidak hanya tertumpu kepada pembiayaan geran sahaja, malah turut dimanfaatkan bagi penyediaan platform pemasaran, penyertaan karnival, pameran dan juga aktiviti promosi bagi membantu usahawan menembusi pasaran yang lebih luas.

Bagi komponen geran, ia terbuka kepada usahawan yang memenuhi kriteria utama seperti anak Pahang atau bermastautin di negeri Pahang, berdaftar dengan SSM, beroperasi sekurang-kurangnya satu tahun, mempunyai operasi yang jelas serta tidak menerima geran kerajaan negeri dalam tempoh setahun terdahulu supaya peruntukan ini dapat benar-benar memberi impak kepada kapasiti dan juga daya saing perniagaan.

Dalam masa yang sama, pembangunan usahawan tidak digerakkan di bawah satu portfolio sahaja. Ia turut diperkukuh melalui peruntukan khas rentas portfolio kerajaan negeri seperti Karnival Aspirasi Pahang 1st, Karnival Usahawan Makmur, Program Anggun Maju untuk 1,000 usahawan wanita, Skim Makmur Ternak dan pelbagai program belia agro dan juga kreatif digital.

Di peringkat malah di peringkat persekutuan, Belanjawan 2026 sebanyak RM1.015 bilion telah diperuntukkan kepada KUSKOP di samping kemudahan pinjaman dan juga jaminan kerajaan berjumlah RM50 bilion kepada PMKS melalui agensi-agensi TEKUN, SME Bank, BSN, AIM, Bank Rakyat, SKM dan juga Pernas. Jadi ianya tidaklah hanya RM5 juta, bukannya RM5 juta sahaja dan bukannya RM3 juta sahaja yang perlu kita risaukan. Sebaliknya, pembangunan usahawan negeri Pahang digerakkan melalui ekosistem pembiayaan dan sokongan yang jauh lebih besar, berlapis dan saling melengkapi antara kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung persoalan Yang Berhormat Sabai mengenai bentuk bantuan, langkah pemasaran produk mikro kecil dan juga sederhana, kerajaan negeri kekal komited untuk memperkasakan ekosistem keusahawanan bagi memastikan PMKS terus berkembang secara mampan dan juga berdaya saing. Antara inisiatif utama pelaksanaan program Geran Usahawan Makmur iaitu bantuan geran secara *one-off* bagi menyokong peningkatan kapasiti pengeluaran, pembelian peralatan, menaik taraf premis, penambahbaikan pembungkusan, pelabelan produk serta pengukuhan pemasaran termasuk pemasaran digital dan juga e-dagang. Di samping itu, PMKS turut menerima latihan dan juga pembangunan kapasiti melalui kerjasama agensi seperti SME Corp., MARA, TEKUN dan juga SIRIM.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dari sudut pemasaran bagi tahun 2025, lebih daripada 500 usahawan telah terlibat secara langsung dalam pelbagai program berimpak tinggi termasuk Pahang Showcase yang berada di Kuala Lumpur. Karnival Usahawan Aspirasi Pahang 1st di setiap daerah, Satu Daerah Satu Industri, Pernas International Franchise Festival, dengan izin, Melaka International Halal Festival, dengan izin, Pahang Showcase @Medan MARA, SME Venture Asian serta MIHAS di Kuala Lumpur dan juga di Shanghai. Penyertaan ini bukan sahaja meluaskan pasaran dan jaringan, perniagaan, malah turut meningkatkan kemahiran penjenamaan potensi eksport serta pematuhan *standard global*. Justeru, kerajaan negeri akan terus mempergiat kerjasama strategik dengan agensi pembangunan usahawan, pemain industri dan juga platform digital bagi memastikan PMKS Pahang, terus berdaya saing di pasaran domestik dan juga antarabangsa.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Berhubung dengan er... berkenaan er... Yang Berhormat Semambu, susulan kejayaan Program Usahawan Makmur, saya yakin dan percaya apa yang dilaksanakan atas ilham Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar, inilah ilhamnya dan juga memberikan pandangan supaya usahawan-usahawan ini dapat dilihat secara menyeluruh, dan inilah keberhasilannya.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya nak memetik satu cerita sebelum ini. Iaitu ada beberapa usahawan datang. Ambil masa sikit. Usahawan datang ini dan juga bersama dengan rakan-rakan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ambil masa, tapi kita takde masa tu lah.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO’ AMIZAR BIN ABU ADAM

Ya. Insya-Allah. Takpe. Ni cerita ni. Orang datang, dia mengatakan dia berborak di kedai kopi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Berborak di kedai kopi, mengatakan kesusahan kepayahan dia untuk meminjam. Meminjam *loan* daripada TEKUN, daripada MARA, daripada CIMB bank. Namun, apabila saya bertanya beliau, adakah abang dah pernah pergi ke TEKUN? Ataupun abang dah pergi tengok lihat *website* TEKUN? Dia kata tidak pernah. Dan saya bawa beliau jumpa dengan pegawai-pegawai TEKUN dan juga akhirnya sebenarnya usahawan tersebut tanpa ada pengalaman, dia mengatakan perkara itu susah. Sedangkan beliau tidak pernah pergi pun dekat TEKUN tak pernah mencari informasi yang TEKUN.

Sebab itu saya nak nasihatkan kepada usahawan-usahawan di luar sana, supaya jangan dengar khabar angin kat luar, datang terus bertemu dengan TEKUN, MARA untuk mendapatkan penjelasan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, hari ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kerajaan negeri pun mempunyai kerjasama kukuh dengan agensi seperti PKNP, PSDC dan juga SIRIM. Hari ini kita dengan SIRIM Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ada satu jaringan usaha sama untuk membangunkan produk-produk di antara dalam produk-produk di negeri Pahang ini, melalui pembungkusan dan juga pelabelan serta inovasi-inovasi baharu, untuk usahawan negeri Pahang.

Berhubung dengan cadangan TVET. Latihan TVET bersama pemain industri. Kerajaan negeri sememangnya telah pun melaksanakan pendekatan ini melalui Yayasan Pahang dan juga bersama dengan Universiti Malaysia Pahang, Al-Sultan Abdullah dan juga Pahang Skills, Untuk makluman Dewan, melalui YP Advanced Skills Sdn. Bhd., seramai lebih 7,000 pelatih telah pun dibangunkan bermula 2018 dengan pelbagai bidang teknikal dan juga industri untuk kebolehpasaran di pasaran terbuka. Keseluruhannya, kerajaan negeri komited memperkukuh agenda keusahawanan, inovasi automasi dan juga TVET berasaskan industri melalui pendekatan bersepadu. Antara kejayaan-kejayaan yang telah di, dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung dengan bantuan kemiskinan, pengukuhan iaitu Yang Berhormat Tahan memberi cadangan supaya benda ini perkara ini dapat dilaksanakan. Dan alhamdulillah pihak kerajaan telah pun melaksanakan yang menekankan pengguna ekonomi komuniti sebagai pendekatan jangka panjang dan juga mampan. Banyak perkara-perkara sebagai contoh, di bawah inisiatif Satu Daerah Satu Industri. Koperasi Madu Kelulut telah berjaya dibangunkan sebagai model komoditi *base* dan juga kita menjanakan satu lagi peluang iaitu Koperasi Tok Muda Karak Berhad, juga memfokuskan kepada pelancongan komoditi yang berasaskan produk halia. Ini memberikan satu impak yang sangat tinggi kepada pihak komoditi-komoditi yang terbaik, selain daripada yang telah diumumkan oleh SejaTi MADANI, yang telah pun diberikan setiap kampung-kampung yang berkaitan. Samping itu, usaha membasmi kemiskinan ini, dapat digerakkan oleh semua agensi-agensi yang terlibat dan juga pemegang taruh yang terlibat.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan negeri turut menggalak dan menyokong pertumbuhan sektor koperasi, yang merupakan penyumbang ketiga pertumbuhan ekonomi negara. Sehingga Jun 2025, sebanyak 16,342 buah koperasi berdaftar di seluruh negara dengan jumlah anggota melebihi 7.4 juta orang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga Jun 2025, terdapat 1,173 koperasi, berdaftar di Pahang dan jumlah aset yang direkodkan sebanyak 1.6 bilion dengan jumlah perolehan sebanyak 9.7 juta.

Kerajaan negeri melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia terus berusaha memperkasa pertubuhan koperasi, dengan menyediakan pelbagai insentif dengan insentif. Malah, kerjasama yang dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat mendatangkan hasil yang sangat memberangsangkan. Suka untuk saya kongsikan di sini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang telah pun menganjurkan Konvensyen Koperasi Kariah Masjid, Peringkat Kebangsaan di negeri Pahang. Pada bulan November yang lalu, Konvensyen ini telah disempurnakan dengan jayanya oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, peruntukan berjumlah dengan RM600,000.00 melalui Belanjawan Negeri Pahang tahun 2026 merupakan julung-julung kali dipenalkan, diperkenalkan khusus bagi koperasi-koperasi masjid di negeri Pahang. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atas keprihatinan dan sokongan terhadap permohonan koperasi masjid dan juga yakini mampu menjadi pemangkin kepada pengukuhan ekonomi umat Islam di negeri Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi ke Yang Berhormat.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Sikit je. Tinggal 1 *page* sahaja Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Sebelum saya mengakhiri ucapan macam tahu-tahu je saya memang saya nak *leading* dah. Insya-Allah. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya memohon ampun dan juga maaf, jika terdapat soalan-soalan tambahan, yang tidak dapat dijawab hari ini, yang akan saya jawabnya secara bertulis. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan kali ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga, turut diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, atas pandangan dan juga input-input yang dikongsikan sepanjang persidangan kali ini.

Terima kasih juga kepada semua Pegawai-pegawai Daerah, YDP-YDP, Ketua-ketua Jabatan, terutama sekali Yang Hormat, Dato' Pegawai Daerah Bentong. Yang Hormat Dato' YDP Majlis Bandaran Bentong, Pengarah FELDA dan juga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang, di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada saya selama ini. Saya juga turut merakamkan penghargaan kepada Encik Solehuddin bin Nordin, Pengarah, sila bangun iaitu Pengarah Perladangan Kopi Ladang Janda Baik, Bentong, Pahang dan juga rakannya Encik Azizul yang dia menajakan kopi kita ni, Yang Berhormat Dato' Sri, kalau minum *coffee* ni, minum *coffee* ni, insya-Allah yakin sampai ke malam kita boleh *stay* lagi. Insya-Allah. Bukan kuat ya. Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa yang *stay*. [Ahli Dewan Ketawa].

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Stay boleh duduk dalam Dewan ni Dato' Sri sampai malam. Insya-Allah

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lepas ni semua minum kopi tu ye. Kita nak *stay* lambat sikit pasal lama. Setiap sorang bercakap.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Ya... terima kasih. Dan juga, ni di Janda baik. Kalau nak dapat *repeat* nanti dekat Janda Baik ari ni dapat percuma. Tapi nak *repeat* kita boleh ke Janda Baik. Kerana kopi ini, jenama yang popular di kalangan anak-anak muda dan juga rakan-rakan permotoran di Malaysia ni, insya-Allah. Semua yakin dan percaya dah sampai dan seterusnya, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih iaitu penghargaan kepada FGV Holdings Sdn. Bhd., yang turut menyumbang produk minyak masak Saji ini, kepada semua Ahli-ahli Dewan mulia ini, minyak masak Saji ni adalah hasil daripada peneroka-peneroka, anak peneroka yang beri dan kalau boleh bukan nak *promote,* namun kalau boleh beli-belilah minyak di D'Saji ni, kerana inilah hasilnya

daripada tangan ataupun peluh anak-anak peneroka ataupun peneroka yang menghasilkan produk-produk ini, insya-Allah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri, saya rasa, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Raja Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, saya merakamkan jutaan terima kasih dan diakhiri dengan pantunnya.

Tahun 2026 bakal menjelma,
Tahun 2025 hampir penghujung,
Mandat diberi dipikul bersama,
Rakyat menanti peranan berkunjung,

Dengan ini, saya mohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya, kita jemput Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama dalam sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2026). Izinkan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, atas pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2026 dengan Tema Pahang 1st Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengekalkan kutipan hasil melebihi RM1 bilion untuk empat tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya akan membahagikan penggulungan ini kepada tiga sektor, bawah portfolio saya, Pelancongan, Kebudayaan dan Perpaduan. Di samping itu, juga saya akan menyentuh pencapaian atau perancangan agensi-agensi strategik bawah portfolio saya, seperti Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN), Tourism Pahang, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC), melalui Pejabat (MOTAC) Negeri Pahang, Tourism Malaysia Wilayah Timur, Perbadanan Taman Negeri Pahang, PDNP, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang (JKKN), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Negeri Pahang, Jabatan Warisan Negara Zon Timur, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Untuk pelancongan. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sektor pelancongan bukan sekadar sektor percutian atau rekreasi, tetapi rantaian ekonomi yang kompleks dan bernilai tinggi dan dapat memberi limpahan manfaat kepada komuniti.

Bagi tempoh Januari hingga September tahun 2025, negeri Pahang telah menerima seramai 11 juta 4476… 733 orang pelancong. Menunjukkan peningkatan 12.43% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Peningkatan ini bukan

sahaja melepasi sasaran dan mengesahkan bahawa Pahang berada dalam kedudukan yang kukuh sebagai destinasi pilihan pelancong di Malaysia. Anggaran perbelanjaan pelancong mencecah RM10.3 bilion dan menjadikan industri pelancongan salah satu penyumbang besar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri. Di sebalik angka ini terdapat ribuan peniaga kecil yang dapat menambah pendapatan, ribuan pekerja hotel yang terus mempunyai pekerjaan, ribuan keluarga yang merasai nikmat limpahan ekonomi secara langsung. Pahang dilihat sebagai negeri yang menawarkan pengalaman alam semula jadi yang *authentic* dan berkualiti. Pelancong tidak datang untuk mencari bangunan pencakar langit. Mereka datang untuk merasai udara sejuk tanah tinggi, menyusuri rimba tropika, menyelam di pulau yang masih terpelihara, menikmati ketenangan… ketenangan, sungai dan desa serta menghayati warisan budaya setempat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kekuatan Pahang dalam sektor pelancongan disokong oleh data Bahagian Perancangan Strategik Tourism Malaysia. Bagi tempoh Januari hingga September tahun 2025, Pahang mencatat kadar purata penginapan hotel atau *AOI* dengan izin, tertinggi di Malaysia iaitu 76.2% dan menjadikan Pahang sebanyak tiga tahun berturut-turut menduduki tempat pertama dalam Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk pembangunan infrastruktur pelancongan. Pada tahun ini, kerajaan negeri telah melaksanakan 13 projek infrastruktur melalui peruntukan RM3 juta bawah P.02. Manakala untuk Fi Lestari melalui Kumpulan Wang Amanah Kelestarian Negeri Pahang, RM1.86 juta telah diperuntukkan untuk sembilan projek naik taraf. Dengan mekanisme ini. Kerajaan negeri tidak bergantung sepenuhnya kepada bajet pembangunan tetapi mempunyai instrumen khusus untuk pembangunan pelancongan. Selain itu pada tahun ini buat julung kali, kerajaan negeri menyalurkan peruntukan di bawah Fi Lestari untuk menyokong 22 program dan acara pelancongan dengan jumlah RM1.271 juta. Acara-acara ini menghidupkan semula aktiviti akar umbi dan menggalakkan penglibatan… penglibatan komuniti dan mengukuhkan rasa memiliki dengan izin *sense of ownership* terhadap destinasi pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Memasuki tahun 2026 Pahang bersedia melangkah ke fasa lonjakan baharu sebagai rakan utama Visit Malaysia 2026, Pahang 1st. Hala tuju pembangunan pelancong negeri akan bertumpu kepada empat dimensi utama. Pertama, peningkatan kualiti produk dan pengalaman pelancong. Kedua pemuliharaan destinasi dan biodiversiti. Ketiga, pengukuhan promosi dalam dan luar negara. Keempat, pemerkasaan komuniti sebagai rakan kongsi pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pelancong hari ini tidak lagi mencari produk tetapi mencari pengalaman dan cerita. Atas dasar ini, kerajaan negeri juga memberi tumpuan kepada penganjuran acara unik berimpak tinggi. Sila izinkan saya untuk memperkenalkan empat acara di Dewan Yang Mulia ini. Satu, Cameron Ultra trio dengan… Cultra. Ia diiktiraf sebagai acara larian denai antarabangsa sejak 2022. Edisi ke-9 tahun ini menarik penyertaan 2,300 orang peserta dari 39 negara. Laluan… laluan larian melalui destinasi ikonik Mossy Forest, Ladang Teh Boh dengan pelbagai kategori…kategori jarak dan aktiviti sampingan seperti Pasar Cultura, Majlis Teh, persembahan kebudayaan, khidmat masyarakat bersama Orang Asli dilaksanakan.

Jadi untuk maklumat Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk tahun depan 2026, penyertaan dijangka akan buka pada Januari. Jadi siapa yang minat mungkin boleh ambil perhatian sebab biasanya bila dibuka akan penuh dalam masa seminggu sahaja. Selain daripada Cultura, *Camp Run* yang juga dijalankan di Cameron Highlands juga mendapat sambutan hangat. Biasanya buka penyertaan satu minggu, sudah penuh. Jadi untuk tahun depan satu minggu sahaja sudah penuh 4,000 orang peserta, dan dijangka penyertaan akan dibuka lagi untuk menerima 1,000 lagi dan menjadikan jumlahnya 5,000 orang peserta.

Acara kedua yang ingin saya memperkenalkan hari ini adalah, Pahang International Green Eye Squid Hunting. Berbeza dengan lokasi lain yang sinonim dengan aktiviti mencandat sotong pada waktu malam. Pahang tampil untuk memecah kebiasaan dengan mempersembahkan pesona mencandat sotong di bawah limpahan cahaya siang. Sotong *green eye* atau sotong mambang yang menjadi buruan utama merupakan spesies yang aktif pada siang hari, memiliki mata hijau berkilau dan bersifat agresif dan menjadikannya cabaran menarik kepada para pemancing. Acara ini bukan sahaja menonjolkan keunikan perairan Pahang malah telah membuka peluang kepada ekonomi baharu kepada nelayan, pengusaha bot, peniaga kecil dan penyedia perkhidmatan pelancongan di sekitar Kuantan.

Acara ketiga, Pesta Pelita Raya Pahang. Dia dianjurkan serentak di semua daerah dan menjadi platform perpaduan yang menghubungkan rakyat pelbagai kaum menerusi tradisi pelita, makanan tradisional, seni budaya dan jualan produk tempatan. Dari sudut pelancongan program ini dapat menarik pengunjung luar dan dalam negeri untuk… dan juga menonjolkan identiti unik sambutan Aidilfitri di Pahang.

Keempat, ini juga satu inisiatif baru pada tahun depan iaitu World Music Festival 2026 Soul of Pahang. Sebuah festival muzik antarabangsa yang menghimpunkan artis muzik dari dalam dan luar negara melalui gabungan muzik tradisional, etnik nan moden akan diadakan di Menara Kuantan 188. Festival selama tiga hari ini dijangka dapat menarik pelancong domestik dan antarabangsa, mengangkat identiti budaya Pahang dan mengukuhkan ekosistem kreatif melibatkan seni kraf makanan dan komuniti setempat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, MOTAC melalui Pejabat MOTAC Negeri Pahang. Pada tahun ini, beberapa pencapaian penting telah dicapai. Satu adalah tentang projek infrastruktur, di mana Pahang menerima jumlah RM9.92 juta pada tahun ini daripada MOTAC merangkumi 31 projek dan angka ini merupakan angka yang paling banyak kalau berbanding dengan tahun-tahun dulu. Dia hampir tiga kali ganda kalau berbanding dengan tahun lepas dan pada masa yang sama kita juga gembira untuk mengumumkan bahawa di bawah RMK tahun ini kita dapat kedua kelulusan baharu, projek baru iaitu Pantai Cherating RM15 juta, Pulau Tioman RM3 juta.

Dalam aspek pembangunan kapasiti dan kemahiran sumber manusia, MOTAC Pahang juga telah melaksanakan 10 siri kursus mesra Malaysia. Ini khusus kepada petugas barisan hadapan dan pemain industri. 11 siri kursus kepada pengusaha *homestay*, enam kursus CTRE Continuous Tourism Related Education kepada pemandu pelancong berlesen, enam Program Volunteerism dan Volunteering, lima sesi libat urus bersama penggiat industri dan empat program Kelab Pelancongan Pelajar K3P peringkat negeri Pahang.

Selain itu, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, tiga produk pelancongan juga telah dapat pengiktirafan MyTQA Malaysia Tourism Quality Assurance pada tahun ini iaitu Pusat Taman Laut Pulau Tioman, Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 dan East Coast Mall. Untuk ASEAN Tourism Standard 2026-2028, lima produk telah tercalon untuk mewakili negeri Pahang iaitu Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Hyatt Regency Kuantan Resort, Zenith Hotel Kuantan dan Sultan Ahmad Shah International Convention Centre.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk Tourism Malaysia, Wilayah Timur turut membantu untuk pelancongan di negeri Pahang di mana inisiatif adalah kempen jualan nasional yang dijangka mengambil tempat di East Coast Mall, Geopark Odyssey di Lipis Geopark, Pantai Timur Fest 2025 dan Program Swing 2025 yang mempromosikan pelancongan golf di Pahang. Antara perancangan promosi untuk 2026, yang telah dirangka adalah Join Promotion Eastern Region, East Coast Suria Teaches and Cultural Face, East Coast Travel Bazar, Pahang Fishing Fest dan Visit Malaysia 2026, Swing 2.0.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk mengangkat Lipis Geopark ke arah pengiktirafan UNESCO Global Geopark. Perbadanan Taman Negeri Pahang, PTMP kini dalam proses untuk menyediakan dose dan dijangka dapat dikemukakan kepada UNESCO sekitar bulan September tahun depan. Dalam proses penilaian, UNESCO dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2027. Jadi, marilah kita mendoakan bersama diharapkan bahawa usaha ini dapat direalisasikan. Selain daripada Lipis Geopark kerajaan negeri melalui PTMP juga dalam proses untuk mengangkat Maran Chini Geopark untuk dapat pengiktirafan di peringkat di peringkat kebangsaan. Jadi pelbagai usaha telah dijalankan. Inisiatif ini dijangka dapat meningkatkan nilai tambah kepada sektor pelancongan berasaskan alam semula jadi di Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kita akan masuk portfolio kebudayaan. Bagi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, JKKN Pahang, antara inisiatif penting yang dijalankan. Program Bimbingan Seni Budaya yang menghimpunkan 136 peserta dari sekolah di Pahang dan memberi tumpuan kepada seni tari teater dan kompang. Program pengembangan seni budaya memupuk dan mencungkil bakat kreatif. Program Pengukuhan Seni Budaya memberikan anugerah khas kepada tokoh dan pendokong seni negeri. Jadi untuk tahun 2025, Tokoh Seni Negara untuk negeri Pahang adalah Encik Abdul Razak bin Abu Bakar.

Senam Seni 2.0 merupakan satu inisiatif untuk menggabungkan tari tradisional dan kecergasan fizikal. Dan inisiatif ini telah berjaya menarik 2,000 peserta dari pelbagai kaum dan usia termasuk delegasi luar negara. Dan *signature events* untuk JKKN adalah Pahang adalah Festival Kesenian Pribumi Malaysia, FESKEP. Jadi pada tahun ini telah berjaya menarik lebih 58,000 orang pengunjung dan dengan pulangan ekonomi agak dengan anggaran mencecah RM668,383 dan ini menunjukkan bahawa sebenarnya seni budaya juga merupakan aset pelancongan dan sosioekonomi yang signifikan. Menjelang tahun 2026, JKKN Pahang akan memperkenalkan satu inisiatif berskala besar iaitu Temasya Orang Pahang, TOP 2026 di Bentong.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Salah satu usaha utama adalah pembangunan bakat dan kemahiran melalui Institut Kraf Negara. Jadi di negeri Pahang, Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja bertempat di Perkampungan Kraf Diraja, Tunku Azizah, Pulau Keladi, Pekan. Ia menawarkan pengajian secara sepenuh masa untuk bidang tenunan kepada belia berumur 18 hingga 35 tahun dan program ini dapat pengiktirafan SKM, Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3. Pengajian selama dua tahun ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Jadi, kita bersyukur dan terima kasih komitmen kerajaan untuk bersama-sama kita mendukung kraf.

Selain itu, Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) dirangka untuk menghasilkan lebih ramai usahawan kraf. Jadi di negeri Pahang setakat 2025, 14 projek dijalankan dengan penglibatan 266 orang dan menghasilkan 26 orang usahawan kraf. Selepas kita ada usahawan kraf, kita juga turut mengadakan Festival Kraf Pantai Timur yang merupakan acara tahunan dan biasa diadakan di East Coast Mall dan melalui festival ini, usahawan kraf diberi ruang untuk mempamerkan hasil mereka dan menjana pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk Jabatan Warisan Negara Zon Timur. Di negeri Pahang pelbagai bangunan dan tapak bersejarah dikenal pasti untuk perwartaan dan sedang dalam proses penilaian. Pada tahun ini, senarai tapak yang telah diwartakan adalah Tapak Perkuburan Rejimen Askar Melayu Diraja Kuala Lipis, Tapak Warisan Perlombongan Bijih Timah Sungai Lembing, Banglo Temerloh di Bukit Fraser, Pekan Sehari Temerloh. Selain itu, Jabatan Warisan juga giat untuk mengadakan kerja inventori dan penyelidikan dan tahun ini 355 butiran telah dikenal pasti untuk sebagai butiran warisan Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bagi Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Tahun ini telah siapnya Muzium Seni Kontemporari Pahang MOCA Plus di Kompleks Muzium Diraja Sultan Haji Ahmad Shah. Pembangunan Muzium Maritim, Pulau Beram di Pekan dan Konservasi Istana Leban Tunggal. Di peringkat antarabangsa, Muzium Pahang telah membawa nama negeri Pahang ke pentas intelektual dunia melalui penganjuran Seminar Pahang and The Sea The Maritim Networks Between South East Asia and Beyond di San Antonio Kolej Universiti Oxford, United Kingdom pada November tahun ini, dengan 15 kertas persidangan dibentangkan dan seminar ini mengumpulkan sarjana tempatan dan antarabangsa untuk memperkukuhkan kedudukan Pahang dalam naratif sejarah Maritim Asia Tenggara.

Dalam Seminar Pahang and The Sea Kebawah Duli Kebawah Duli Paduka Baginda, Tengku Ampuan Pahang telah berkenan menyampaikan ucaptama diraja bertajuk The Forgotten Maritim Kingdom and the Role of the Hukum Kanun Pahang in Maritim Law. Selain itu, Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Pahang, YB Dato’ Mohd Nizar bin Dato’ Sri Mohd Najib turut menyampaikan kertas seminar bertajuk The Pahang Maritime Museum and Soft Power Nation Branding Through Heritage and the SEA.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk Jabatan Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang. Sepanjang tahun 2025 melebihi 500 aktiviti khidmat nasihat dan kursus pengurusan rekod telah dilaksanakan dan melebihi 3,000 rekod awam bernilai sejarah telah dipindahkan ke Arkib Negeri

Pahang. Dan untuk tahun 2026 fokus akan diberikan untuk pemasyarakatan... pemasyarakatan, rekod dan sejarah melalui program seperti Bicara Sejarah Pekan Sari Temerloh, Pencalonan Tapak Warisan Sedunia, Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2026, Program Citra Merdeka dan Arkib Sekolah.

Yang Berhormat Dato' Sri Dato' Sri Speaker,

Perpustakaan merupakan gedung ilmu bukan sahaja sebagai tempat rujukan dan pembelajaran juga sebagai destinasi edutourism. Jadi untuk Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang di jaringan dia di Pahang, kita ada sepuluh buah perpustakaan awam daerah. Ada perpustakaan awam cawangan dan juga perpustakaan Pahang desa. Jadi, untuk tahun ini, 2025 kita nampak ada tiga perpustakaan yang telah mencapai pencapaian terbaik iaitu Perpustakaan Awam Sultan Ahmad Shah di Ibu Pejabat, Perpustakaan Awam Daerah Temerloh dan Perpustakaan Awam Daerah Pekan. Pencapaian ini dinilai berdasarkan jumlah kehadiran pengunjung dan juga pelaksanaan aktiviti galakan membaca di lokasi masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sila izinkan saya juga untuk mempromosikan sedikit tentang Perpustakaan Awam Sultan Ahmad Shah, sebab itu antara tiga perpustakaan di Semenanjung yang juga ada fasiliti ruang Petrosains Play Smart yang dibuka secara percuma kepada orang awam. Jadi, dengan ini pengunjung apabila sampai ke perpustakaan bukan sahaja dapat menikmati kemudahan bacaan tetapi juga berpeluang untuk menerokai permainan interaktif berasaskan STEM. Ini sangat bagus untuk kanak-kanak kita. Dengan ini, kita menggalakkan bahawa keluarga-keluarga orang awam menggunakan menggunakan peluang ini untuk menikmati *two in one*. Fasiliti *two in one* di perpustakaan kita di Kuantan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dalam dunia yang semakin sarat dengan perbezaan ideologi, identiti agama dan budaya perpaduan tidak boleh diserahkan kepada nasib. Perpaduan mesti diurus secara aktif melalui interaksi yang berterusan. Program pencegahan yang terancang serta platform dialog. Jadi marilah kita menjelang tahun 2026 kita bersama-sama untuk membuktikan bahawa kepelbagaian bukan pemisah tetapi sumber kekuatan untuk negara bangsa kita.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, izinkan saya juga merakam penghargaan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah mengemukakan soalan ataupun pandangan sempena sesi perbahasan untuk kita bersama-sama membantu dalam sektor pelancongan, kebudayaan dan perpaduan. Saya mohon maaf disebabkan kekangan masa, saya tidak dapat menjawab semua… semua soalan yang dikemukakan. Mungkin saya hanya mampu untuk pilih satu atau dua dijawab secara lisan. Yang lainnya, kita akan jawab secara bertulis. Sebagai contoh, ADUN Sabai yang telah mencadangkan kerajaan negeri untuk mengkaji potensi Gunung Halia di DUN Sabai.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat di mana sebenarnya tahun ini kerja er… peruntukan telah disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah Bentong dan telah menyiap dan telah menyelesaikan kerja-kerja untuk menaik taraf infrastruktur kemudahan di Gunung Halia, Yang Berhormat. Keduanya, Yang Berhormat Padang Tengku yang mencadangkan bahawa setiap negeri mempunyai satu tarikan sendiri dari segi budaya warisan. Betul, sebenarnya Pahang kita juga ada identiti sendiri. Jadi

di ta... di Pahang gamelan boleh dicadangkan untuk diangkat sebagai identiti seni budaya negeri Pahang dan menjadikan produk tarikan pelancongan. Sebab usaha ini boleh diperkasa melalui beberapa inovasi iaitu menggabungkan instrumen gamelan dengan elemen muzik moden dan diselarikan bersama tarian kontemporari atau tradisional dise... di samping gamelan, gendang Pahang juga sinonim dengan identi… identiti seni Pahang dan berpotensi besar dijadikan sebagai salah satu elemen warisan budaya.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, sebenarnya sebelum ini dalam beberapa tahun ini, JKKN juga ada inisiatif dan usaha untuk membantu melatih peserta-peserta di negeri Pahang untuk memperolehi kemahiran untuk gendang Pahang. Jadi tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, jadi sampai penghujung dengan saya ambil kesempatan.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Saya nak mohon mencelah. Terima kasih er... pihak kerajaan. Apa… sikit, ingin saya ambil ruang ini, saya nak… sebenarnya saya nak menunggu juga berkaitan tentang Tasik Chini. Apabila saya, dalam perbahasan saya ada mencadangkan beberapa perkara kebaikan bagi membantu memastikan Tasik Chini ini er... kata… kehadiran pelancong-pelancong kerana kawasan ini dulu saya ingat Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ketika menjadi Exco Pelancongan pernah turun melihat suasana dan juga penambahbaikan kawasan Tasik Chini ini.

Dan yang terakhir pada 2017, ianya Tasik Chini ini tersenarai di bawah Tourism Pahang sebagai program, ada program aktiviti di kawasan Tasik Chini. Saya mengharapkan pihak kerajaan dapat mewujudkan kembali iaitu er... dengan nama dulu Chini Festival yang diada… diadakan di kawasan Tasik Chini ini. Saya harapkan ianya er... boleh memberi nafas baru kepada Tasik Chini dan juga bangkit kembali untuk Tasik Chini dikenali balik dan juga ianya menjadi Tasik Chini rizab Biosfera Malaysia yang pertama yang diiktiraf di Pahang ini. Okay, terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat. Untuk Tasik Chini, negeri Pahang melalui PTMP sebenarnya mereka sudah ada perancangan termasuk cadangan-cadangan Yang Berhormat dalam perbahasan. Sebagai contoh untuk menara. Semua ini telah dalam perancangan tapi dari perancangan ke pelaksanaan, dia perlu er... beberapa langkah termasuk bajet dan permohonan bajet. Tetapi untuk Festival Chini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat, kita mengalu-alukan sebarang cadangan yang dapat membantu untuk membangunkan kawasan pelancongan dan dengan ini saya mohon mungkin Yang Berhormat Chini boleh bagi *details* tentang Festival Chini, bagaimana kita boleh membantu bersama? Okay.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah sikit. Baik, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak mencadangkan gendang Pahang ini... ketengahkan gendang ini dalam sektor kesukanan. Contohnya kita rasmi perlawanan bola sepak di stadium, kita mulakan dengan main gendang ataupun tetamu-tetamu daripada luar negara main golf, main golf di padang Maran ke di mana ke, kita sambut dengan gendang kita. Jadi kita

ketengahkan bukan setakat main dekat rumah kahwin ke, majlis-majlis tradisi ke. Itu cadangan, terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Luit. Saya rasa kita boleh mengkaji, bukan mengkaji, saya rasa sekiranya sebab JKKN telah melatih memang kita sudah ada pasukan sedia ada yang boleh main gendang Pahang. Mungkin kita boleh mula dengan cadangan. Okay, terima kasih.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Dato' Sri Speaker, celah sikit ya. Saya ada sentuh beberapa perkara. Pertamanya, saya amat setuju dengan cadangan Luit tadi kan. Jadi gendang Pahang ni memang perlu di... dipopularkan. Malah, dia lebih… lebih… lebih menyeluruh berbanding dengan gamelan sebenarnya. Itu satu.

Yang keduanya saya ada sentuh tentang er... cadangan membina Galeri Diraja di Lipis. Sebab tempat yang dicadangkan itu ialah di... di Bangunan Pahang Club itu, Pahang Club itu sebenarnya berada dekat Hospital Lipis itu di mana tempat tumpuan dan jadi… jadi sebenarnya Hospital Lipis pun nak juga bangunan tu. Tapi kalau boleh jangan biar macam itulah sampai sekarang ini tak tahu apa kesudahannya. Tapi dengar ceritanya sebab nak dijadikan galeri itu jadi tidak disentuh dalam itu dan saya difahamkan er... Tuanku Sultan kita pun telah pun menitahkan supaya di... dibangunkan itu di situ.

Yang keduanya berkenaan Masjid Warisan er... masjid lama, Masjid Negeri 188. Yang saya maklumkan dalam perbahasan bahawa ia telah pun diberikan kebenaran Jumaat. Tapi mungkin ada kaitan dengan Exco yang lain. Tapi sebab warisan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, tanya balik tak sudahlah Yang Berhormat itu. Dia dah bagi tahu tadi. Yang tak dapat dia jawab dia akan jawab secara bertulis. Jadi Yang Berhormat sabar dan kita akan jawab secara bertulis.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Tak apalah saya tunggu jugalah. Tapi sebab benda ini…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya, apabila Yang Berhormat bertanya, maka dia terpaksa jawab. Jadi…

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Biarlah dia jawab [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita, lamalah kita duduk dalam ini. Itu jelah.

(ADUN PADANG TENGKU - N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Tak apalah. Apa ni? Saya nak, saya nak dia jawablah. Sebab… okay saya teruskan jelah, apa nama ni? Berkenaan dengan itu ya, peruntukan untuk membaiki er… apa nama Masjid Warisan di Bangunan 1… Masjid 188 itu. Terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih untuk persoalan daripada Yang Berhormat Padang Tengku tentang Galeri Diraja yang dicadangkan di Pahang Club Kuala Lipis. Jadi perancangan projek untuk mewujudkan Muzium Diraja di daerah Lipis dalam proses semakan dan penyelarasan terakhir untuk penyediaan dokumen tender mengikut kondisi tapak terkini dan peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan kerja ini adalah peruntukan Rancangan Pahang 1 bagi Tahun 2026 hingga 2030 dengan Kod 02209 bertajuk Mewujudkan Muzium Diraja Daerah Lipis. Projek tersebut dijang… dijangka akan mula dilaksanakan suku pertama tahun 2026.

Jadi Yang Berhormat Dato' Si… Dato' Sri Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini nak tanya, puas hati? Puas hati? Bangunlah Speaker tanya puas hati?

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Okay, Dato'… Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kita sudah sampai penghujung. Jadi biarpun kita berbeza daripada…

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Minta laluan, Speaker, Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi?

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Saya ada satu lagi. Kita...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tanyalah tiga lagi.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Kita bersidang tiga kali setahun je Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tak ada masalah. Saya sampai pukul 2.00 karang boleh. Saya boleh sambung tiga lagi.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Alhamdulillah, er... Speaker, saya sebagaimana ADUN-ADUN yang lain juga ada bangkitkan isu berkaitan dengan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab kita boleh sambung petang karang.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau sekiranya benda ini dah tak ada petang ini, saya faham. Orang nak sembahyang Zohor, waktu Zohor pun nak masuk, nak makan dan sebagainya.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Boleh saya teruskan? Saya ada bangkitkan berkaitan dengan er... *canopy walk* di Taman Negara. Saya rasa mungkin er… pihak Exco akan jawab secara bertulis. Cumanya, saya ingin er... menyatakan satu perkara iaitu saya mengharapkan perlu ada interaksi di antara er... pihak berkuasa yang menguruskan Taman Negara dengan penggiat pelancongan dengan persatuan pelancongan berkaitan dengan penutupan *canopy walk* sehingga saya melihat seolah-olah tidak ada interaksi yang baik sehingga menyebabkan pada bulan September bulan 8, 9 sehingga digantung sepanduk-sepanduk di kawasan Taman Negara, yang dilihat oleh semua pelancong-pelancong, dan saya rasa perkara ini kalau berlaku dia akan menyebabkan imej yang tak baik kepada sektor pelancongan di Taman Negara. Saya harap pada masa yang akan datang perkara-perkara yang seumpama-seumpama ini tidak lagi berlaku, insya-Allah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi nak bangun?

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak Yang Berhormat, tunggu dulu. Ada lagi nak bercakap? Ada lagi? Ha tak ada ya. Kita bagi Yang Berhormat daripada ini Wakil Kerajaan untuk menamatkan ucapan beliau.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat tam... Tahan. Sebenarnya soalan daripada Yang Berhormat Tahan mengenai *canopy walkway* akan dimasukkan hari besok tapi saya tambah sikitlah. Saya sendiri juga telah berjumpa dengan pengusaha, pemain industri dan juga pihak PERHILITAN. Jadi kita dengan ini kerajaan negeri kita akan masuk campurlah untuk mengharmonikan keadaan. Okay, jadi sampai penghujung biarpun kita berbeza daripada segi etnik, agama, ideologi dan aliran pemikiran, hakikatnya kita telah tetap, tetap berpijak di bumi yang sama. Jadi kita berharap bahawa kita membudayakan per... perpaduan meraikan kepelbagaian sebagai ketua... kekuatan bersama.

Akhir sekali, izinkan saya menutup dengan dua rangkap pantun.

Tepian paya di hujung desa,
Tumbuh berdiri si jambu merah,
Seni budaya terus diperkasa,
Akar tradisi dijunjung megah.

Rimbunan berduri pohon merunduk,
Akar selerak tepian paya,
Pelancongan dilestari perpaduan diperkukuh,
Seni budaya dikelek bersama.

Dengan itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2026. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan menempoh persidangan di sebelah pagi, di sebelah… ke sebelah petang ya. Persidangan ini ke sebelah petang kerana memberikan masa untuk kita solat, bersolat apa namanya? Zohor ataupun jamak dan kemudian untuk kita makan dan bersedia untuk mengikuti sembilan lagi Wakil Kerajaan menggulung dan persidangan disambung semula pada pukul 3.00 petang. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

[Persidangan Dewan Negeri disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam sejahtera dan selamat petang, persidangan kita disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi atas perkara pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan pada petang ini pihak kerajaan akan menyambung menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Salam sejahtera semua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Undangan Negeri Undangan Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media dan serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya bersyukur dan berterima kasih kerana diberikan kesempatan untuk bersama-sama menyertai Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang yang Ke-15. Di kesempatan ini, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuhkan portfolio saya. Setiap pandangan dan cadangan yang dikemukakan amat dihargai dan akan diberikan perhatian sewajarnya demi kebaikan bersama.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerajaan negeri sentiasa memberikan perhatian yang serius dalam menumpukan usaha-usaha bagi mengawal harga dan bekalan barangan keperluan harian di negeri Pahang sentiasa mencukupi di pasaran untuk kegunaan rakyat di negeri Pahang. Pelbagai perancangan dan program menyeluruh dirangka untuk memastikan keperluan harian adalah mencukupi. Saya bermula dengan portfolio Hal Ehwal Pengguna. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos sara Hidup (KPDN) Negeri Pahang sentiasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan seperti pemeriksaan dan pemantau ke atas premis-premis peniaga bagi memastikan perniagaan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan seterusnya melindungi hak-hak pengguna.

Sehingga 9 Disember 2025, sejumlah 88,727 premis perniagaan telah diperiksa di mananya sebanyak 931 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM2.3 juta dan kutipan kompaun berjumlah RM264... RM266,420.00. Selain itu, skim harga maksimum musim perayaan turut dilaksanakan dengan matlamat untuk mengawal harga barangan keperluan semasa musim perayaan bagi mengelakkan peniaga menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya. Melalui skim ini, KPDN Negeri

Pahang telah meletakkan harga berapa barangan terpilih yang menjadi tumpuan semasa musim perayaan. KPDN Negeri Pahang kini juga giat melaksanakan pemeriksaan kempen Kita Gempur secara gerakan masa sebagai usaha strategik, mencegah ketirisan barangan kawalan dan subsidi. Ini kerana ketirisan barangan kawalan dan bersubsidi di negara kita amnya di negeri Pahang khasnya terus menjadi isu kritikal yang memberi kesan besar terhadap kesejahteraan rakyat serta kestabilan ekonomi negara.

Program Jualan Makmur Kluster Perayaan membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat khususnya menjelang musim perayaan utama. Inisiatif ini memberikan peluang kepada rakyat negeri Pahang untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Hasil subsidi yang ditanggungkan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Inisiatif ini selari dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2026 di mana Jualan Makmur Kluster Perayaan dikenal pasti sebagai antara strategi penting dalam memperkukuhkan jaringan keselamatan kos sara hidup rakyat.

Melihatkan kepada sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat Pahang, kerajaan negeri akan meneruskan program Jualan Makmur ini untuk membantu rakyat. Orang ramai mendapatkan barangan asas pada harga yang berpatutan khususnya pada musim perayaan utama. Dengan peruntukan sebanyak RM7.56 juta, program ini beroperasi bersama pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya dan *hypermarket* yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian di antara 10% hingga 30% lebih murah dari harga pasaran tempatan.

Saya juga ingin menegaskan bahawa program ini akan terus diperkukuh melalui kerjasama rapat dengan pemborong dan pengeluar tempatan serta pemantauan harga yang lebih agresif ketika musim perayaan dan cuti sekolah. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam menyokong program ini. Kerajaan Persekutuan melalui KPDN Negeri Pahang melaksanakan program Jualan RAHMAH di bawah inisiatif Payung RAHMAH bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Jualan RAHMAH di negeri Pahang diperluaskan ke semua Dewan Undangan Negeri (DUN) sekurang-kurangnya dua kali sebulan secara berperingkat dan menunjukkan usaha menyeluruh meliputi bandar dan luar bandar.

Program ini juga berkolaborasi bersama pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya dan *hypermarket* yang menawarkan penjimatan barangan keperluan harian di antara 10% hingga 30% lebih murah dari harga pasaran tempatan. Untuk tahun ini sehingga 8 hari bulan Disember 2025, bilangan pelaksanaan err... program jualan err... Program Jualan RAHMAH adalah sejumlah 1,394 kali program dengan pecahan mengikut modal pelaksanaan dalam premis sejumlah 903 lokasi, di luar premis sejumlah empat lokasi dan secara bergerak sejumlah 487 lokasi.

Bagi membantu masyarakat terutama golongan B40 yang tinggal di kawasan pedalaman mendapatkan barangan keperluan pada harga yang munasabah, kerajaan persekutuan merayu KPDN Negeri Pahang telah melaksanakan program pengedaran barang keperluan sejak tahun 2009 di mana kerajaan persekutuan menangani kos pengangkutan dari pembekal ke kawasan pedalaman yang terpilih bagi barangan keperluan bersubsidi atau barang-barang kawalan seperti tepung gandum, kegunaan gula pasir bertapis kasar, beras putih, minyak sawit tulen paket 1 kilo, botol 1 liter, gas petroleum cecair (LPG), Petronas RON95 dan Diesel.

Pada tahun 2025, terdapat lima zon di negeri Pahang yang terlibat dengan pelaksanaan program ini iaitu Zon Pulau Tioman, Zon Kuala Tahan, Zon Kampung Bantal, Zon Pos Sinderut dan Zon Pos Betau dengan nilai peruntukan program ini adalah berjumlah RM10.3 juta. KPDN Negeri Pahang sentiasa melaksanakan pelbagai program-program advokasi kepenggunaan bagi melahirkan pengguna bijak yang mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna serta berani bertindak melalui saluran yang betul.

Program-program ini dilaksanakan secara interaktif sama ada melalui platform konvensional, elektronik, digital atau media baru. Pada tahun 2025, sebanyak 92 program Advokasi Pengguna telah dilaksanakan melibatkan pelbagai kumpulan sasar seperti Kelab Pengguna Sekolah, Gerakan Pengguna Siswa, Penyelaras Komuniti serta NGO. Pelaksanaan program-program advokasi akan terus dilaksanakan sepanjang tahun ini bagi memastikan pengguna mendapati maklumat dan informasi pengguna secara lebih berkesan dan menyeluruh. Bagi tahun 2025, KPDN Negeri Pahang telah melantikkan seramai empat orang Penggerak Komuniti Pengguna atau singkatnya PKP di negeri Pahang yang bermatlamat untuk membantu kementerian dalam menyebar luas maklumat ke penggunaan selain bertindak selaku mata dan telinga kementerian dalam menyalurkan aduan di komuniti masing-masing.

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) merupakan alternatif untuk Mahkamah Sivil untuk pengguna membuat tuntutan tebus rugi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan secara murah... murah dan cepat. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia berfungsi untuk mendengar dan mengadilkan tuntutan dengan bebas, adil dan saksama serta pada masa yang sama membangunkan undang-undang berhubungan, berhubungi perlindungan pengguna.

Dalam hal ini, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan tebus rugi bagi pembelian barangan dan perkhidmatan yang dibenarkan di bawah bidang kuasa seperti diperuntukkan bawah Akta 599 yang jumlahnya amaun tidak melebihi RM50,000.00. Dan tuntutan yang berbangkit dalam masa er... tidak melebihi tiga tahun.

Sehingga kini, terima, trima... Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia Negeri Pahang telah menfailkan sebayak 233 kes tuntutan di mana 115 kes adalah barang... adalah barangan, manakala 118 adalah tuntutan untuk perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, 207 kes telah berjaya diselesaikan manakala 26 kes sedang dalam proses pendengaran. Jumlah tuntutan setakat ini adalah sebanyak RM1 juta... RM1.9 juta, manakala jumlah *award* yang berjumlah RM438,161.42 er... telah diselesaikan.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat sekiranya ingin membuat tuntutan secara terus dan hadir di kaunter Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia Negeri Pahang di Pejabat KPDN Pahang. Setiap tuntutan akan dikenakan fi hanya RM5.00 sahaja.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat, ada nak mencelah sikit boleh? Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, er... saya tertarik dengan isu berhubung dengan Tribunal Tuntutan Pengguna ini. Er... diterangkan prosedur dia, er... cuma saya nampak ada ketikanya er... mereka yang telah berjaya mendapat *award* di Tribunal Tuntutan Pengguna ini, mereka berhadapan dengan masalah untuk menguatkuasakan perintah *award* tersebut memandangkan er... ada mungkin syarikat yang tidak mahu mematuhi *award* tersebut. Jadi dari segi perundangannya, mereka yang telah dapat *award* itu, mereka mesti memfailkan ke

Mahkamah er... Sivil untuk menjadikan dia sebagai satu perintah mahkamah bagi membolehkan ianya dikuatkuasakan.

Jadi, soalan saya di sini. er... mereka yang menggunakan tuntutan-tuntutan Tribunal, Tribunal Tuntutan Pengguna ini adalah biasanya orang yang berpendapatan rendah, ataupun biasanya tuntutan kecil. Jadi dengan terpaksanya mereka pergi ke Mahkamah Sivil pula untuk *convert award* er... tribunal ini sudah tentu akan memakankan, memakan kos yang tinggi. Jadi apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu mereka yang berhadapan dengan er... peniaga ataupun syarikat yang enggan mematuhi *award* tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih er... ADUN Lantikan. Tribunal akan menjalankan er... tindak, ambil tindakan sama macam kes mahkamah. Dalam 30 hari, kadang-kadang kita bagi 14 hari sebenarnya, dan kita bagi lagi 14 hari untuk membayar tuntutan. Kalau mereka enggan lagi membayar, *so* terpaksa kita ambil tindakan seperti macam mahkamah. Ia ini macam hina mahkamah, tak dengar er... keputusan mahkamah, *so* boleh dipenjarakan. Sama juga macam mahkamah, okay?

KPDN Negeri Pahang mengalu-alukan semua pengguna untuk bersama-sama membantu menjadi mata dan telinga kerajaan persekutuan dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan oleh peniaga melalui pelbagai medium penyaluran aduan yang telah di, disediakan.

Untuk er... Yang Berhormat Timbalan Speaker, untuk Portfolio er... Sumber Manusia.

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat penggulungan berhubungan penjenamaan semula PERKESO di bawah konsep LINDUNG. Penjenamaan ini merupakan satu usaha penting bagi memastikan keseluruhan Skim Perlindungan Sosial Negara dapat disatukan di bawah satu identiti yang lebih jelas, mudah difahami serta lebih dekat dengan kehidupan rakyat.

PERKESO Negeri Pahang merakamkan penghargaan atas perhatian dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap inisiatif ia ini kerana dia melibatkan kesejahteraan pekerja, isi rumah dan komuniti yang bergantung kepada jaringan keselamatan sosial. Konsep lindung diwujudkan untuk menyusun semula komunikasi serta menyampaikan maklumat perlindungan sosial kepada masyarakat. Ia terdiri daripada empat komponen utama yang meliputkan semua kategori pekerja termasuk mereka yang dalam sektor formal, sektor tidak formal dan isi rumah.

Komponen pertama adalah LINDUNG Pekerja yang memberi perlindungan kepada pekerja bermajikan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Skim ini memastikan bahawa pekerja mempunyai jaminan sekiranya berlaku kemalangan pekerja, penyakit pekerjaan, keilatan dan kematian. Ia merupakan asas perlindungan sosial negara yang selama ini telah melindungi jutaan pekerja sektor formal. Untuk maklumat, jikalau siapa majikan tidak mencarumkan pekerja, dia akan diambil tindakan, mungkin saman RM10,000.00 dan penjara dua tahun atau dua-dua sekali.

Komponen kedua adalah LINDUNG Kerjaya yang dibubarkan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerja 2017. Skim ini memberi perlindungan khusus kepada pekerja yang hilang pekerjaan melalui faedah interim, latihan semula, kemalangan kerja serta penempatan semula pekerja yang terkesan pada er... dapat dibantu untuk kembali ke

pasaran kerja lebih cepat dan lebih bersedia. Ini amat penting pada era ekonomi moden yang dinamik dan di kalangan kala tidak menentu.

Komponen ketiga adalah LINDUNG Kendiri iaitu perlindungan kepada pekerja sendiri di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Ini merangkumi pemandu e-hailing, pekerja er... pekerja perniagaan kecil, pekebun kecil dan individu yang bekerja sendiri, dalam sektor tidak formal. Golongan ini lazimnya bekerja tanpa perlindungan majikan dan amat terdedah kepada risiko. Justeru, skim ini bertujuan memastikan mereka juga tidak ketinggalan dalam rangka jaminan sosial negara.

Komponen keempat adalah LINDUNG Kasih di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022. Harga, hanya RM120.00 setahun. Melalui skim ini, suri rumah diberikan perlindungan terhadap kecederaan domestik, keilatan dan kematian. Kerajaan mengiktirafkan peranan besar golongan suri rumah dalam membina asas keluarga dan masyarakat. Justeru, perlindungan ini sangat signifikan dalam memastikan kebajikan mereka turut terjamin.

Untuk... untuk menjawab beberapa soalan telah dibangkitkan. Yang Amat Berhormat, er... semua Ahli Majlis er... Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya er... menjawab sikitlah ya. Untuk menjawab soalan Batu Talam. Sejauh manakah penerangan perlindungan PERKESO dibuat kepada pihak majikan dan pekerja?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PERKESO sentiasa memperluaskan dan mempelbagaikan hebahan berkaitan maklumat perkhidmatan merentasi medium media massa, media sosial serta sesi libat urus fizikal. Hebahan ini juga dilaksana secara berfokus berdasarkan permintaan pihak majikan, komuniti setempat, pejabat ADUN dan mana-mana pihak berkepentingan dari masa ke semasa.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Oktober 2025, sebanyak 1,333 sesi libat urus telah dijalankan di seluruh negeri Pahang khusnya... khususnya bagi memberi penerangan serta membuka kaunter pendaftaran berkaitan LINDUNG Kendiri dan LINDUNG Kasih. PERKESO merakamkan penghargaan kepada pejabat-pejabat ADUN yang membantu mempromosikan perkhidmatan PERKESO kepada syarikat setempat.

Untuk menjawab soalan nombor dua dari, juga dari Batu Talam. Adakah perlindungan PERKESO ini diwajibkan, dikuatkuasakan kepada majikan dan pekerja. Er... soalan memanglah kalau tadi saya sudah bagi empat komponen itu itulah juga ya. *So*, kalau dia tak apa tu tak er... tak carumkan pekerja. *So*, kita boleh saman dia sampai RM10,000.00 dan penjara dua tahun. Kalau dia nak cuba boleh cubalah.

Soalan nombor tiga, sejauh manakah sambutan caruman perlindungan PERKESO daripada pihak majikan dan pekerja. Jawapan adalah bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Oktober 2025. LINDUNG Kendiri Akta 789 seramai 3,118 caruman baharu dan 2,656 pembaharuan caruman. LINDUNG Kasih Akta 838, 861 caruman baharu dan 296 pembaharuan caruman.

Sambutan ini, menunjukkan peningkatan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perlindungan keselamatan sosial. Saya nak jawab soalan dari Ketari. Sektor manakah yang paling tinggi majikan tidak dipatuhi caruman PERKESO ini? Jawapan adalah berdasar rekod penguatkuasaan PERKESO sehingga 31 Oktober 2025. Sebanyak 63 majikan gagal mematuhi kewajipan caruman di bawah Akta IV Lindung Pekerja dan 21 majikan gagal mematuhi caruman di bawah Akta 800 nilaian kejayaan. Sektor ini yang paling yang tinggi mencatatkan ketidakpatuhan adalah

sektor perkhidmatan, dua sektor pembinaan dan tiga sektor peruncit kecil dan sederhana.

PERKESO akan terus memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan serta pemantau bagi memastikan hak pelindung pekerja sentiasa terjamin. Soalan, lagi satu soalan dibangkitkan oleh Batu Talam yang mengatakan ada seorang puan yang sakit. Untuk maklumat Batu Talam, aduan berkaitan tuntutan melibatkan orang berinsurans nama dia Nor Hanani Izzati.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Batu Talam yang bertanyakan berkaitan tindakan telah diambil oleh PERKESO terhadap kes membabitkan orang berinsurans yang Puan Nor Hanani Izzati yang mengalami status [tak jelas] ini maknanya sakit bersalin okay. Betul tak betul, kalau tak betul tolong bagitau. Sebab *spelling* dia susah sikit. Untuk makluman Dewan, tindakan berikut telah pun diambil oleh PERKESO. Pertama, semakan caruman boleh dibuat serta-merta didapati orang berinsurans memenuhi syarat kelayakan bagi permohonan pencen ilat.

Sehubungan itu, lawatan pertama pegawai PERKESO telah dilaksanakan pada 4 hari bulan November 2025. Pada hari yang sama, notis diterima bagi menyerahkan borang permohonan Pencen Ilat Borang 34 kepada waris. Kedua, borang permohonan telah didaftarkan pada tarikh yang sama. Namun, permohonan belum dapat dirujukkan kepada jemaah doktor kerana orang berinsurans masih menerima rawatan rapi di Hospital Tengku Ampuan Afzan dan laporan perubatan belum dapat dikeluarkan oleh pihak hospital.

Permohonan ini akan dibawa ke jemaah-jemaah doktor sebaik saja laporan perubatan lengkap diterima. Ketiga, PERKESO turut mengambil tindakan segera membantu keperluan harian orang berinsurans. Berdasarkan memo HTAA keperluan *drypers* dan susu telah diserahkan pada 24 November 2025. Keperluan tambahan seperti katil khas, *drypers, mattress,* (tidak jelas) mesin dan kerusi roda telah diproses dan pembekalan akan dibuat sebaik sahaja orang berinsurans ini dibenarkan keluar wad. Keempat, pemantauan berkala turut dilaksanakan oleh pegawai PERKESO bagi memastikan semua proses tuntutan berjalan lancar serta memastikan kebajikan orang berinsurans dan keluarga terus ambil perhatian.

Tuan Speaker,

Kes ini adalah kes yang serius dan memerlukan komunikasi perbuatan lengkap sebelum keputusan kelayakan dapat disahkan. Namun demikian, PERKESO telah bertindak proaktif dalam memastikan bantuan segera disalurkan termasuk memulangkan proses tuntutan laksana rawatan serta menyediakan bantuan keperluan asas kepada orang berinsurans.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya sekali merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan dan cadangan sepanjang sesi perbahasan yang menyentuh portfolio saya. Pandangan-pandangan tersebut amatlah bernilai dan akan diberi perhatian serius demi memperkasakan usaha kita menjaga kebajikan rakyat dan memperkukuhkan ekonomi negeri khususnya aspek kepenggunaan dan pembangunan sumber manusia.

Dengan ini, saya dengan penuh takzim saya menyokong Belanjawan Negeri Pahang tahun 2026. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Sila.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZIL BIN MOHAMAD KAMAL

[Ayat al-Quran]. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan, rakan media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan dan memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita diberi kesempatan untuk bersama-sama di dalam Dewan Yang Mulia ini bagi melaksanakan amanah serta tanggungjawab untuk membangunkan negeri Pahang yang tercinta ini.

Dengan izin Allah SWT serta berkat usaha yang bersungguh-sungguh di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Pahang terus mencatatkan prestasi yang cemerlang melalui peningkatan kutipan hasil pertumbuhan ekonomi negeri melebihi 5.7%, penurunan kadar pengangguran sehingga 1.7%, jumlah pelaburan masuk sebanyak RM18.04 bilion berbanding sasaran RM14.09 bilion sehingga November tahun ini. Pendapat Tanpa Teguran Jabatan Audit Negara serta pelbagai inisiatif untuk kebajikan rakyat. Ia adalah satu pencapaian yang tidak boleh disangkal oleh mana-mana pihak.

Pencapaian ini membuktikan bahawa perancangan dan strategi yang dilakukan selama ini tidak bersifat populis tetapi lebih mementingkan manfaat yang diperolehi oleh rakyat di samping memastikan tadbir urus yang cekap, sekali gus membolehkan negeri ini terus dilimpahi kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan. Kata orang, tidak perlu menjadi berlian yang menjadi idaman serta pujaan ramai orang, tetapi adalah lebih berharga menjadi garam yang diperlukan ramai orang. Berlian hanya mampu dimiliki dan dipuja oleh segelintir orang tetapi lebih baik menjadi garam yang sering kali menjadi pelengkap hidangan yang memberikan rasa dan makna kepada ramai orang. Begitulah jua, Yang Berhormat Speaker dengan Belanjawan Pahang 2026 yang dapat dirasai manfaatnya serta mampu menyantuni keluh kesah rakyat melalui pelbagai inisiatif yang bersifat komprehensif serta inklusif.

Yang Berhormat Speaker,

Pertamanya, saya ingin menepis tohmahan sebuah pertubuhan politik di luar Dewan ini yang menyatakan kononnya Belanjawan Negeri Pahang 2026 gagal memenuhi aspirasi golongan belia. Tohmahan ini bukan sahaja tidak tepat malah menyeleweng sekali gus menidakkan usaha bersungguh-sungguh Kerajaan Negeri Pahang dalam memperkasa pembangunan belia di negeri ini. Hakikatnya, Belanjawan Pahang 2026 telah menzahirkan komitmen tinggi kerajaan negeri terhadap agenda pembangunan belia merangkumi pembangunan modal insan, pendidikan, peningkatan kemahiran, keusahawanan, kepimpinan dan masa depan generasi muda dan belia di negeri ini. Agenda dan inisiatif kerajaan negeri untuk pembangunan belia tidak boleh dilihat

hanya pada istilah belia semata-mata. Sebaliknya, pelbagai inisiatif yang walaupun tidak menyebut belia secara langsung telah dilaksanakan, sekali gus memberi manfaat kepada belia, golongan anak muda yang tersirat lebih besar daripada yang tersurat.

Saya akan gariskan satu persatu inisiatif Kerajaan Negeri Pahang untuk pembangunan belia dan anak muda di negeri ini. Pertama RM3.5 juta untuk program Pemasaran Kerja Masa Hadapan melalui Pahang Skills. Kedua, RM1 juta untuk TVET Pahang Talent Development. Ketiga, RM4 juta untuk program Akademi Pahang 1st. Keempat, RM2 juta untuk program Pahang Lead. Kelima, RM1 juta untuk program Anggun Suri iaitu insentif penganjuran majlis perkahwinan beramai-ramai yang melibatkan kebanyakannya pasangan muda. Keenam, RM1.4 juta... ketujuh, RM1.1 juta untuk pemberian topi keledar percuma. Seterusnya, RM1.4 juta untuk inisiatif perkahwinan kali pertama yang melibatkan majoritinya juga pasangan muda. Kelapan, RM1 juta bagi Pahang Job Fair. Kesembilan, RM7 juta untuk bantuan pengurangan bayaran balik pinjaman PTPTN bagi ijazah pertama anak Pahang yang baru bekerja bermula tahun 2025.

Seterusnya, RM4 juta untuk penganjuran program Soccer Kids dan Liga Bola Sepak Tempatan. Seterusnya, RM1 juta untuk Geran Pengurusan dan Program Majlis Belia Negeri Pahang bagi pelaksanaan program-program dan operasi belia. RM700,000.00 untuk pelaksanaan Program Anak Muda di bawah Majlis Tindakan Sosial Pahang. RM300,000.00 untuk Program Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia SKM Tahap 3 bagi membantu anak muda mendapatkan sijil kemahiran bagi pembangunan belia. RM475,000.00 untuk program Youth Empowerment Society atau YES 3.0 sebagai platform untuk melahirkan barisan pemimpin belia berkualiti di peringkat daerah hingga negeri.

RM330,000.00 untuk Sukarelawan Belia Pahang 1st bagi menyemarakkan gerak kerja sukarelawan belia menerusi projek-projek komuniti. RM150,000.00 untuk Retreat Pemimpin Muda Pahang bagi membentuk kepimpinan belia yang responsif dan inovatif. RM600,000.00 bagi pelaksanaan Program Festival Belia Pahang dan Anugerah Perdana Belia Pahang. RM370,000.00 bagi pelaksanaan Hari Sukan Negara dan RM21.04 juta untuk pembangunan sukan termasuk pembangunan atlet negeri dalam pelbagai acara yang disalurkan kepada Majlis Sukan Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Kesemua angka yang saya bentangkan tadi nilainya adalah melebihi RM50 juta. Ia adalah satu pelaburan besar yang merentasi setiap segmen dan kelompok belia serta anak muda di negeri ini. Ia merangkumi aspek paling asas dan paling penting dalam kehidupan anak muda mencakupi aspek pendidikan, pembangunan kemahiran, pengukuhan sukan dan modal insan, kepimpinan, peluang pekerjaan hinggalah kepada kestabilan masa hadapan mereka. Angka atau peruntukan yang cukup besar ini juga membuktikan betapa prihatinnya dan caknanya Kerajaan Negeri Pahang terhadap pembangunan belia dan anak muda di negeri ini.

Selain itu, bagi memperluas agenda pemerkasaan belia melalui inisiatif yang menyentuh keperluan asas dan kesejahteraan mereka untuk jangka masa panjang, Program "Moh Rumah" untuk belia Pahang dengan kerjasama Syarikat Perumahan Nasional Berhad atau SPNB akan diperkenalkan awal tahun hadapan. Program ini bakal membuka peluang kepada anak muda Pahang untuk memiliki rumah pertama melalui Skim Rumah Mesra Rakyat Belia Pahang. Ia juga bagi memastikan lebih ramai golongan muda memiliki kediaman sendiri seterusnya menyokong kehidupan yang lebih stabil dan mampan bagi belia negeri ini.

Melalui Skim Rumah Mesra Rakyat Belia Pahang ini, SPNB menawarkan rumah mesra rakyat dengan harga semasa bernilai RM75,000.00. Subsidi sebanyak RM20,000.00 diberikan kepada setiap pemohon menjadikan harga akhir yang perlu dibayar hanyalah RM55,000.00 dan pinjaman bernilai RM55,000.00 ini dimohon kepada SPNB yang tidak dikenakan sebarang kadar faedah dan kadar bayarannya pula pada kadar mampu iaitu RM300.00 sebulan. Sila Yang Berhormat.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhormat Speaker ya terima kasih. Saya cuma nak tanya sikit je. Jumlah wang yang dibelanjakan oleh kerajaan berpuluh-puluh juta tu boleh tak kita ukur? Kita ukur pengurangan gejala-gejala yang tidak sihat di kalangan belia ni? Contohnya penyalahgunaan dadah sebagainya ya. Apa… anak luar nikah misalannya. Adakah berpuluh juta tu memberi kesan kepada program tersebut? Terima kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Orang kata mencegah lebih baik daripada mengubati. Kita melaksanakan program-program ini untuk kita mengelakkan belia-belia ini melakukan aktiviti yang tidak berfaedah sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan mungkin mekanisme pengukurannya mungkin selepas pada inilah kita boleh bincangkan secara lanjut terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sikit, saya minta tolong sikit ya. Tahniahlah atas program yang telah disusun dengan banyak. Saya fikir dia satu inisiatif yang sangat positiflah untuk pembangunan belia. Cuma saya nak dapat penjelasan sikit. Dulu kita Pahang ni kita ada satu projek program dipanggil RTP, Rancangan Tanah Pemuda di mana belia-belia kita yang baru kahwin, baru berkeluarga ada seorang dua anak, dia beri satu kawasan tanah untuk dibangunkan. Ala macam FELDA tapi bawah kerajaan negeri. Apakah kerajaan berhasrat untuk, untuk ke arah itulah? Sebab kita Pahang ni luas dan banyak, banyak anak-anak muda kita yang dah berkahwin. Belum ada tanah belum ada rumah untuk masa depan mereka. Terima kasih, kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. RTP atau Rancangan Tanah Pemuda ini, saya ingat satu inisiatif yang baik untuk memastikan anak muda khususnya memiliki tanah dan pada masa sama rumah. Mungkin saya boleh bincang secara lanjut berkenaan dengan RTP ini dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih Yang Berhormat Cheka.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam perkembangan yang berkaitan bagi melahirkan generasi belia dan anak muda Pahang yang tahan lasak, berjiwa kental dan berjati diri tinggi sebagaimana Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-

Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, maka Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Rekreasi Pahang akan menggiatkan pelaksanaan program-program Rekreasi Tahan Lasak bagi merealisasikan titah ini. Contohnya adalah melalui penganjuran Program MARA Lasak Pahang yang menuntut setiap peserta mengharungi cabaran sejauh lebih 15 kilometer sambil membawa bebanan seberat lima kilogram serta mengharungi denai hutan, mendaki bukit bukau serta menyeberangi sungai.

Program MARA Lasak Pahang ini akan dilaksanakan di Jelai pada awal tahun hadapan sebelum diperluaskan pelaksanaannya ke daerah-daerah lain selepas itu sambil mempromosi keindahan alam semula jadi yang terdapat di Pahang bersempena dengan Visit Pahang 2026. Insya-Allah Majlis Rekreasi Pahang juga akan membantu kerajaan negeri dalam mempergiatkan penambahbaikan denai dan trek pendakian Gunung Tahan serta berusaha menambah baik fasiliti di kawasan tersebut tanpa menjejaskan kelestarian alam demi menarik lebih ramai pengunjung serta pelancong berkunjung ke Gunung Tahan, sekali gus menjadikannya sebagai destinasi utama Tourist Mountain di Malaysia dari kalangan penggiat dan penggemar rekreasi dari seluruh negara.

Yang Berhormat Speaker,

Berhubung soalan ADUN Lepar mengenai status dan pencapaian semasa atlet Pahang yang berada di sekolah sukan seluruh negara. Saya ingin menjelaskan bahawa pada tahun ini terdapat 450 atlet pelajar negeri Pahang sedang mengikuti pengajian serta latihan di beberapa sekolah sukan di seluruh negara. Dari segi angkanya, Sekolah Sukan Pahang Seberang Temerloh 299 atlet, Sekolah Sukan Malaysia Pahang, Gambang 76 atlet, Sekolah Sukan Bandar Penawar 25 atlet pelajar, Sekolah Sukan Bukit Jalil 20 pelajar, Akademi Mokhtar Dahari 18 pelajar, Sekolah Sukan Malaysia Terengganu 11 atlet pelajar, Sekolah Sukan Malaysia Sabah seorang atlet pelajar.

Sesungguhnya kerajaan negeri tidak akan sesekali berkompromi dalam usaha membina generasi masa depan. Melalui program akar umbi, ramai bakat baharu telah dicungkil dan dibangunkan secara sistematik khususnya melibatkan atlet pelajar. Antara inisiatif tersebut termasuklah melalui program Pahang Talent ID Program Recourse Young Elephant Warrior & Camp Future Elephant Warrior. Bakat-bakat baharu yang lahir daripada usaha atau program ini diharapkan mampu menjadi atlet berprestasi tinggi, sekali gus memastikan kesinambungan kecemerlangan Sukan Pahang pada masa hadapan.

Untuk makluman, Yang Berhormat juga, seramai 78 orang atlet Pahang telah terpilih mewakili Malaysia di Sukan SEA yang sedang berlangsung di Thailand ketika ini. Penyertaan 70 orang atlet Pahang ini adalah angka yang teramai pernah dicatatkan dalam penyertaan ke kejohanan sukan bertaraf antarabangsa. Marilah kita sama-sama doakan kejayaan 70 atlet kelahiran Pahang ini.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab pertanyaan ADUN Lepar, banyak ADUN Lepar tanya berkenaan status projek naik taraf dan pembinaan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang atau KOMBES Pahang yang baharu. Saya ingin maklumkan bahawa sehingga 8 Disember ini, kemajuan keseluruhan projek ini berada pada tahap 97% iaitu lewat 3% berbanding jadual asal yang sepatutnya siap pada 30 Oktober tahun ini. Kelewatan ini berpunca daripada beberapa faktor utama antaranya peningkatan harga barang pasca

pandemik COVID-19 terutamanya melibatkan bekalan peralatan audio visual serta bahan berkaitan mekanikal dan elektrikal yang mengalami kenaikan harga yang mendadak. Selain itu, isu teknikal turut mempengaruhi jadual projek khususnya kerja-kerja utiliti bawah tanah yang memerlukan kelulusan bahan dan pernyataan kaedah kerja daripada agensi berkaitan.

Sebagai contoh, penemuan paip asing di kawasan sambungan dengan saluran paip utama dalam kawasan projek telah menyebabkan penambahan masa bagi penyelarasan teknikal. Sehingga kini, bagi kerja yang sedang dilaksanakan adalah melibatkan... melibatkan kerja-kerja akhir. Pihak kontraktor juga telah dikenakan denda atas kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dengan kadar RM3,658.00 sehari. Insya-Allah Kerajaan Negeri Pahang akan sentiasa memantau rapat pelaksanaan dan perkembangan serta status projek ini melalui mesyuarat berkala setiap minggu dan juga lawatan ke tapak projek. Insya-Allah projek ini dijangka siap sepenuhnya Januari tahun hadapan dan dapat digunakan pada suku kedua tahun 2026, selepas memperolehi penarafan Certificate of Completion and Compliance atau CCC.

Yang Berhormat Speaker bagi menjawab pertanyaan Wakil Tioman mengenai status pembinaan Kompleks Sukan Mini Rompin di Kampung Kolam. Saya ingin memaklumkan bahawa status terkini pelaksanaan projek ini adalah dalam tindakan penyediaan *drawing and bill quantity* atau BQ oleh pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia. Perolehan tender terbuka dijangka akan dilaksanakan pada Jun tahun hadapan manakala surat setuju terima atau SST dijangka pada Oktober tahun hadapan.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Tioman bagi pembinaan litar permotoran, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang akan membaik pulih dan menaik taraf litar drag di Taman Tasik Sultan Abu Bakar Pekan.

Saya telah mengadakan lawatan tapak pada Julai tahun lalu bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang serta Motorsports Association of Malaysia atau MAM dengan tujuan meneliti keadaan semasa litar sekali gus bagi memastikan gambaran lebih jelas berhubung keperluan teknikal termasuk aspek keselamatan spesifik, spesifikasi kelayakan dan skop kerja yang perlu dilaksanakan. Hasil penelitian dan lawatan tersebut termasuk nasihat teknikal dan anggaran kos yang diperlukan Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang telah pun mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Insya-Allah kerja-kerja menaik taraf ini akan dapat dilaksanakan sejurus kelulusan peruntukan diterima daripada Kementerian Belia dan Sukan. Pada masa yang sama bagi menyokong minat penggiat sukan motorcross dan memastikan penyediaan fasiliti yang selamat serta mematuhi spesifikasi teknikal, kerajaan negeri turut merancang untuk membina sebuah litar sukan ekstrim di Pahang Barat. Kerajaan negeri akan menghantar permohonan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk menaik taraf litar motocross ini dalam masa terdekat. Yang Berhormat Speaker...

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD. JALIL

Yang Berhormat, minta mencelah sikit. Saya tertarik dengan er... terima kasih Speaker. Saya tertarik dengan motorcross ni kita. di Luit pernah buat *rally*, lumba kereta lasak dihadiri oleh Karamjit Singh, *The Flying Sikh* orang panggil. Sangat meriah dan orang pun banyak minta kita buat lagi. Tapi kita tidak jadi kerajaan payah

sikitlah. Jadi saya nak cadang kepada kerajaan sebab kos lumba kereta lasak ni tak mahal mana. Kita boleh buat dalam ladang dan sebagainya. Terima kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Nanti saya minta Yang Berhormat Luit, mungkin boleh ajak saya ke Luit. Kita tengok tengok keperluan sebab di Pahang barat ni untuk motorcross. Mungkin pacuan 4 roda... 4 roda boleh di... di sana. Insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Luit.

Yang Berhormat Speaker.

Saya juga ingin memberikan penjelasan lanjut berhubung pertanyaan ADUN Tahan dan juga ADUN Lantikan, Yang Berhormat Tuan Haris Salleh mengenai Padang FA Jerantut. Pada Januari tahun ini sebenarnya saya bersama dengan Pegawai Belia dan Sukan Daerah Jerantut dan juga Setiausaha FA Jerantut, Cikgu Faiz telah turun padang bagi meninjau sendiri keadaan padang FA tersebut. Kerajaan negeri juga telah menerima surat permohonan peruntukan daripada YB Tuan Haris Salleh, ADUN Lantikan bagi tujuan kerja-kerja menaik taraf padang berkenaan. Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan telah pun mengesahkan penerimaan permohonan tersebut. Dan permohonan ini telah disenaraikan dalam Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Ke-13 dan menjadi salah satu keutamaan negeri ini.

Yang Berhormat Speaker bagi menjawab soalan ADUN Mentakab dan juga ADUN Sabai mengenai cadangan pembinaan baharu fasiliti sukan. Saya ingin menjelaskan bahawa projek yang dicadangkan hendaklah dipohon dan disenaraikan terlebih dahulu oleh Pejabat Daerah dan Tanah di dalam setiap Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-11. Selain itu, tapak cadangan projek juga perlu, perlu mempunyai kelulusan perizaban atau pemilikan yang memenuhi syarat ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi menjawab soalan daripada YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, ADUN Lantikan mengenai langkah menggilap bakat atlet *e-sports* Pahang, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Pahang telah merangka pelbagai inisiatif melalui Akademi Esport Pahang.

Antara inisiatif tersebut adalah yang pertama, Program Pembangunan Bakat dan Pencarian Atlet Baharu melalui pelbagai kejohanan di peringkat sekolah, daerah dan juga negeri. Kedua, pelaksanaan berpusat yang melibatkan penyediaan modul latihan yang lebih tersusun dengan penglibatan jurulatih berpengalaman, merangkumi aspek teknikal, taktikal dan pembangunan mental bagi meningkatkan profesionalisme atlet.

Ketiga, kerjasama strategik dengan persatuan e-sukan negeri, institusi pendidikan dan rakan industri untuk membuka peluang latihan, penajaan dan juga laluan kerjaya. Dan yang keempat, penyediaan fasiliti dan infrastruktur latihan yang memenuhi keperluan teknikal sukan elektronik agar atlet dapat berlatih dalam persekitaran yang kondusif dan kompetitif.

Atlet *e-sport* kelahiran Pahang telah membuktikan kemampuan mereka dengan mencatat kejayaan gemilang di arena antarabangsa, memperlihatkan bahawa bakat dan dedikasi anak muda negeri ini mampu menembusi peringkat global. Antaranya ialah saudara Mohamad Azrudin Yaacob yang mewakili negara dalam sukan eFootball di WAVES Esports Championship di Mumbai, India dan telah berjaya meraih pingat

perak. Manakala saudara Idreen bin Abdul Jamal, atlet Mobile Legends yang telah mengharumkan nama negara apabila memenangi pingat perak di Sukan SEA di Cambodia pada tahun 2023. Kini, saudara Idreen sekali lagi diberi kepercayaan untuk mewakili Malaysia di temasya Sukan SEA, Thailand. Sama-sama kita doakan kejayaan anak muda kelahiran Pahang ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang telah menyalurkan RM157,000.00 kepada lapan persatuan dan kelab *e-sport* di seluruh Pahang bagi penganjuran program *e-sport* melalui Dana Sukan Komuniti dan Geran Padanan Sukan. Malah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang turut merancang untuk mengadakan beberapa siri latihan dan kursus berkaitan *e-sport* seperti yang pertama, Kursus Kejurulatihan e-Sukan (Tahap 1 hingga 3). Kursus kedua, Kursus Kemahiran e-Sukan Shoutcaster melibatkan *shoutcaster, emcee*, *marshall* dan juga krew teknikal. Dan yang ketiga, Kursus Kesedaran e-Sukan atau e-Medica sebagai usaha memperkukuh rantaian pembangunan bakat dalam bidang *e-sport*.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Tuan Rizal bin Jamin, ADUN Lantikan, Kerajaan Negeri Pahang menyambut baik dan amat bersetuju agar program-program latihan dan kemahiran yang dikelolakan oleh kerajaan negeri selepas ini turut disertakan dengan elemen pemasaran digital bagi memastikan anak muda khususnya mendapat pendedahan dan bimbingan yang sewajarnya, sekali gus bergerak seiring dengan arus pemodenan dan pasaran digital. Cadangan ini akan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang selepas ini dan jika bersesuaian akan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang untuk dilaksanakan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan studio mini… studio digital mini… ke studio mini digital? Bolehlah dua… dua. Di Pahang ini, kerajaan negeri melalui Unit Komunikasi Strategik Negeri Pahang sememangnya sedang merancang bagi mewujudkan program *Pahang Media Experience Centre* di Kuantan iaitu satu program yang akan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai dunia media dan digital. Ia akan turut melibatkan kebenaran menggunakan studio bagi tujuan-tujuan yang difikirkan sesuai dan mendatangkan manfaat dan insya-Allah melalui inisiatif ini, kita mahu melahirkan lebih ramai *influencer-influencer* di negeri Pahang ini yang semakin ramai sebenarnya anak muda semakin tertarik dengan bidang digital ini dan menjadikan ia sebagai antara pekerjaan utama ketika ini.

Selaras dengan usaha memperluas akses digital secara inklusif, kerajaan negeri akan turut memanfaatkan kewujudan Pusat Sebaran Maklumat Nasional atau NADI yang kini ada di setiap DUN di seluruh negeri Pahang yang dibangunkan oleh MCMC. Peranan NADI adalah menyediakan pelbagai program latihan berkaitan kandungan digital, literasi maklumat serta pembangunan ekonomi digital. Program-program ini memberi peluang kepada rakyat khususnya belia yang berminat menceburi bidang kandungan kreatif dan ekonomi digital, untuk memperkembangkan bakat dan kemahiran mereka secara praktikal dan bersistem.

Kini sebanyak 114 buah NADI telah diwujudkan di setiap kawasan dalam Dewan Negeri di negeri Pahang ini dengan melibatkan 258,106 pengguna direkodkan sehingga 30 Ogos tahun ini. Daripada jumlah ini, 46% atau 118,127 pengguna adalah terdiri daripada komuniti pinggir bandar dan luar bandar termasuk kawasan rancangan FELDA dan kampung-kampung tradisional.

Pada masa yang sama, usaha memperkasa bakat kreatif anak muda turut diperkukuhkan melalui Program Karya Anak Pahang dan Dana Media Kreatif dengan peruntukan berjumlah RM300,000.00. Kedua-dua inisiatif ini bertujuan untuk menyokong penglibatan belia dalam bidang seni kreatif, kandungan digital dan *content creation* sejajar dengan keperluan ekosistem digital masa kini yang semakin dinamik.

Yang Berhormat Speaker,

Akhirnya, saya yakin negeri Pahang kini berada di landasan kukuh untuk menjadi negeri maju, negeri yang rakyatnya makmur dan sejahtera, belianya berketahanan tinggi dan berdaya saing sekali gus mampu memimpin negeri ini ke arah masa depan yang lebih gemilang. Namun, segala impian dan aspirasi negeri hanya akan tercapai jika kita bersatu hati. "*Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat".* Kita mesti menolak politik sempit, politik kebencian, politik menjauhi fitnah dan sentimen, sebaliknya mengutamakan kebersamaan dan mempertahankan kerajaan yang terus mengangkat kebajikan rakyat.

Rakyat sedang memerhati bagaimana kita mempamerkan perpaduan dalam Dewan Yang Mulia ini. Ibarat pepohon rimbun tempat bernaung, batang tempat bersandar, daunnya tempat berteduh. Itulah simbol kekuatan sesebuah negeri. Belanjawan Negeri Pahang 2026 adalah manifestasi Kerajaan Negeri Pahang untuk memakmurkan rakyatnya. Justeru, saya merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail, barisan Exco, kepegawaian negeri serta semua pihak atas sifat dedikasi, sumbangan, komitmen, usaha gigih, pengorbanan dalam merealisasikan aspirasi rakyat melalui Belanjawan yang cukup komprehensif ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakyat Pahang yang sentiasa menjadi penyokong setia dan pemangkin utama kejayaan negeri ini, kerana tanpa sokongan rakyat, segala perancangan dan usaha kerajaan negeri tidak akan mencapai matlamat yang disasarkan. Dengan itu, saya menyokong penuh Belanjawan Negeri Pahang 2026. Assalamualaikum wbt. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

[Ayat al-Quran] Assalammualaikum wbt dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kasih sayang dan keizinan-Nya jua kita diberi kesempatan berhimpun dalam Dewan Yang Mulia ini.

Pada kesempatan ini, izinkan saya memulakan ucapan penggulungan dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang yang telah membentangkan Belanjawan 2026 Negeri Pahang yang sarat dengan gagasan berpaksikan kesejahteraan rakyat dan masa depan negeri yang lebih makmur. Sesungguhnya Belanjawan yang

dibentangkan itu bukan sekadar dokumen kewangan tetapi satu cerminan iltizam kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus dipelihara dan agenda pembangunan sosial, kebajikan serta pemerkasaan wanita terus diberi keutamaan. Ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Setiap langkah yang kita ambil dalam membangunkan masyarakat adalah benih harapan yang kita semai untuk masa depan negeri. Dalam usaha mempertahankan kebajikan rakyat kita bukan sekadar menyentuh kehidupan individu tetapi turut membentuk hala tuju dan masa depan Pahang yang kita cintai dengan iltizam serta semangat yang tidak pernah luntur, marilah kita terus menggalas amanah ini bersama. Saya akan membentangkan program-program telah dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah portfolio saya.

Yang pertama, adalah dari Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Pahang. Program Permata Makmur terus menjadi antara inisiatif terpenting dalam menyokong keluarga muda di Pahang. Sejak pelaksanaannya bermula dari tahun 2023 sehingga tahun 2025, seramai lebih kurang 30,000 bayi telah menerima manfaat daripada inisiatif ini. Kajian impak turut menunjukkan penerimaan rakyat yang sangat positif terhadap program ini kerana ia bukan sahaja membantu keluarga dari segi material, malah memupuk budaya penabungan dan perancangan kewangan yang lebih tersusun dalam kalangan ibu bapa muda.

Anggun Suri pula kekal sebagai program yang meraikan pembinaan institusi kekeluargaan secara harmoni dan juga teratur. Sehingga kini, seramai 80 pasangan dari daerah er… dari daerah-daerah di negeri Pahang telah menyertai program ini yang bukan sahaja meringankan beban kos perkahwinan tetapi juga menggalakkan pembentukan keluarga baharu dalam suasana yang lebih tersusun serta berteraskan nilai kekeluargaan yang kukuh.

Dalam aspek pemerkasaan ekonomi wanita, program Anggun Maju terus menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Tahun ini, lebih 3,500 usahawan wanita telah menerima manfaat melalui latihan peningkatan kemahiran, bimbingan perniagaan serta sokongan pemasaran. Keberkesanan program ini jelas terbukti melalui peningkatan pendapatan, keyakinan diri serta kemampuan peserta mengembangkan perniagaan masing masing.

Di bawah payung Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang dari tahun 2022 sehingga tahun 2026 lebih 5,000 wanita telah menerima manfaat daripada pelbagai program yang meliputi bidang kesihatan, pendidikan, teknologi, perundangan, keluarga, kepimpinan, agama, seni budaya, pekerjaan dan juga keusahawanan. Ini kita namakan kluster. Yang saya sebutkan tadi adalah 10 kluster yang ada di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang. Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Negeri Pahang terus memastikan bahawa pelaksanaan dasar ini diperkukuh dengan pemantauan berasaskan data bagi memastikan setiap program kekal relevan, berimpak serta responsif kepada keperluan semasa masyarakat. Majlis Pembangunan Wanita Pahang (MPWP) turut memainkan peranan penting dalam menjayakan pelbagai program di peringkat akar umbi. Melalui pelaksanaan program advokasi wanita, bimbingan keluarga dan intervensi sosial lebih 6,200 peserta telah terlibat secara aktif sekali gus membuktikan keberkesanan MPWP sebagai penghubung antara masyarakat dan dasar negeri.

Berdasarkan dapatan kajian impak 2025, UPWS mendap er… mendapati bahawa tahap kepuasan penerima manfaat melebihi 90% dan program-program yang dilaksanakan berjaya mencapai golongan sasar serta membawa perubahan positif kepada kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk memperkukuh aspek pemantauan, penyelarasan daerah serta pengukuran keberhasilan program agar pelaksanaan pada masa hadapan menjadi lebih efisien dan terarah. UPWS komited terhadap penambahbaikan ini bagi memastikan setiap inisiatif memberi impak yang lebih besar kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Setiap program dan inisiatif yang dilaksanakan bukan sekadar memenuhi tuntutan tugas tetapi merupakan pelaburan jangka panjang untuk masa depan rakyat dan negeri. Peningkatan jumlah penerima manfaat saban tahun membuktikan keberkesanan pendekatan kerajaan negeri dalam memperkasa wanita, keluarga dan komuniti secara keseluruhan. Dengan tekad bersama serta semangat yang tidak pernah luntur UPWS akan terus menggalas amanah ini demi memastikan masyarakat Pahang terus maju dan sejahtera.

Tuan er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat er… melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan untuk makluman semua, bahawa Jabatan Kemasyarakat er… Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Wanita dan juga Lembaga Kemajuan dan Penduduk Negara adalah di bawah portfolio saya dan er… melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat pula pada tahun 2025 Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berjaya melaksanakan pelbagai program bersasar yang memberi manfaat secara langsung kepada golongan rentan khususnya warga emas, orang kurang upaya, anak-anak yatim serta pelatih PPDK. Usaha ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan rakyat terus dipelihara dan ditambah baik. Kerajaan negeri terus komited memperkukuhkan kebajikan rakyat melalui program bersasar khususnya kepada warga emas dan juga orang kurang upaya er… bagi memastikan kesejahteraan mereka sentiasa terpelihara.

Ini menunjukkan keprihatinan tinggi kerajaan terhadap kesejahteraan warga emas dan OKU melalui penyediaan program sokongan yang komprehensif iaitu yang pertama, Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR). Program Khidmat Bantu di Rumah diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM1.9 juta yang memberi manfaat kepada 4,616 penerima. Bagi memastikan golongan warga emas serta OKU yang tinggal bersendirian terus disantuni dan menerima sokongan sosial yang diperlukan di samping dapat mengurangkan bilangan kemasukan warga emas dan OKU ke institusi kebajikan. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama Majlis Pembangunan Wanita Pahang dan Gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan.

Berdasarkan peruntukan yang diterima, sebanyak 95.6% telah berjaya dibelanjakan dengan nilai RM1,817,000.00 dan seramai 3,956 orang penerima telah menerima manfaat daripada program ini. Seterusnya adalah pemberian *one-off* kepada Pertubuhan Pemulihan dalam Komuniti (PPDK). Bagi mengiktiraf PPDK sebagai rakan strategik jabatan pemberian *one-off* kepada PPDK diteruskan dengan bantuan berjumlah RM595,000.00. Ianya telah memberi penghargaan dan motivasi kepada 1,925 penyelia, petugas dan juga pelatih PPDK sekali gus mengukuhkan peranan PPDK dalam er… pembangunan dan pemulihan OKU. Pemberian tunai sebanyak RM200.00 kepada pelatih turut mendorong komitmen serta penglibatan aktif mereka untuk latihan secara berterusan dalam program PPDK. Peruntukan tersebut merangkumi RM170,000.00 kepada 293 penyelia dan petugas, RM425,000.00 kepada 1,632 pelatih. Pelaksanaan program ini telah berjaya dicapai sebanyak 100%

berdasarkan peruntukan yang diterima. Kerajaan negeri turut melaksanakan Inisiatif Makmur Pahang secara bersasar merangkumi kluster B40 dan juga kluster umum. Melalui kluster B40, bagi memastikan kebajikan anak-anak yatim terus terpelihara, bantuan RM250.00 seorang kepada 400 anak yatim di pusat jagaan berdaftar dengan jumlah RM100,000.00 telah membuktikan komitmen kerajaan dalam menjaga kebajikan anak yatim. Selain itu, ianya turut menggalakkan lebih banyak pusat berdaftar ditubuhkan mengikut Akta Pusat Jagaan 1993.

Berdasarkan pelaksanaan yang dibuat, inisiatif ini mencapai 64.5% berbanding sasaran kerana ada beberapa buah pusat jagaan yang masih dalam proses pendaftaran. Dan melalui kluster umum pula, yang pertama adalah subsidi pembedahan katarak. Dalam menghadapi unjuran negara menua menjelang 2030, kerajaan negeri meneruskan subsidi pembedahan katarak untuk warga emas pada tahun 2025 dengan peruntukan RM1 juta yang disasarkan kepada 606... 655 warga emas dan ianya bertujuan meningkatkan fungsi penglihatan dan kemampuan mereka untuk hidup berdikari.

Prestasi pelaksanaan program ini adalah sebanyak 98.76% dan ini menunjukkan program ini memang perlu diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas dalam menjalani kehidupan seharian dan juga kita masih meneruskan Kad Kesihatan Kasih Makmur. Kerajaan negeri terus meneruskan inisiatif Kad Kesihatan Kasih Makmur dengan peruntukan fasa pertama sebanyak RM5 juta memberi manfaat kepada 36,655 warga emas dan juga OKU. Melalui inisiatif ini, mereka dapat mengakses kepada rawatan asas di 150 klinik panel swasta dengan lebih mudah serta membantu mengurangkan kesesakan di fasiliti kesihatan kerajaan. Peruntukan tambahan juga telah diluluskan sebanyak RM11.557 juta bagi menampung kos perbelanjaan bagi program ini.

Secara keseluruhan, inisiatif tahun 2025 menunjukkan pencapaian yang positif, menyeluruh dan lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya dalam memperkukuh jaring... jaringan perlindungan sosial negeri Pahang. Program-program ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan rakyat, malah memperkasa institusi sokongan seperti PPDK dan juga pusat jagaan. Kerajaan negeri telah berjaya memastikan bantuan yang disalurkan memberi kesan langsung kepada kumpulan sasar sekali gus menyokong agenda kesejahteraan masyarakat secara holistik. Kerajaan negeri komited untuk terus mempertingkatkan program kebajikan dan kesihatan demi memastikan masyarakat Pahang hidup dalam suasana yang sejahtera, inklusif dan juga makmur dan melalui Jabatan Pembangunan Wanita pada tahun 2025, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memperuntukkan sejumlah RM102,000.00 bagi pelaksanaan pelbagai program di bawah domain ekonomi, kesejahteraan, kepimpinan dan juga keselamatan.

Program bersasar dengan kerjasama pelbagai agensi negeri ini telah memberi manfaat secara langsung kepada golongan remaja, wanita dewasa, ibu tunggal, warga emas dan golongan rentan. Sejumlah 114 program melibatkan sejumlah... seramai 23,925 peserta di 41 lokasi dalam negeri Pahang telah dilaksanakan. Usaha ini mencerminkan komitmen kerajaan persekutuan dalam memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui pembangunan yang inklusif dan ke arah kesaksamaan gender. Program-program yang dilaksanakan atau dijalankan adalah seperti berikut...

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Boleh mencelah sikit. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak tanya PPDK ini dia ada had umur untuk masuk PPDK? Kemudian bila dah keluar tu, ke mana anak-anak OKU ini akan pergi sebab di tempat saya tu... saya ucap terima kasihlah kepada YB Dato' datang ke PPDK Maran baharu-baharu ini. Macam mana kalau dia dah keluar dari PPDK itu? Saya bimbang dia mengacau tengah bandar itu aje. Sekian, terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih, pertanyaan daripada Yang Berhormat Luit. Dan memanglah yang saya pergi baharu ini ke tempat Yang Berhormat Luit, di mana anak Yang Berhormat jugalah jadi pelatih di situ. Mungkin kegusaran ini lebihlah memandangkan anak sendiri ya. Jadi setakat ini kita pelatih kita sehingga umur 40 tahun dan selepas itu kita akan keluarkan daripada PPDK dan selebihnya tanggungjawab itu lebih kepada keluargalah dan juga ibu bapa.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Saya nak mencelah sikit Yang Berhormat, pihak kerajaan. Di tempat saya pun ada PPDK, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Amat menyedihkan sebab dia menyewa rumah-rumah. Ada keadaannya tidak, tidak *healthy*lah. Tidak... orang kata... usang ada juga, jadi kadang-kadang orang, jiran *complaint* bising. Jadi bolehkah, adakah perancangan kerajaan untuk buat sesuatu tempat PPDK yang betul-betul lengkap kemudahan-kemudahan mainan, tempat mandi, tempat ada pembelajaran. Saya ingin mencadangkan di Kuantan, kita tidak ada satu tempat kompleks, kompleks PPDK yang boleh kita isi. Kadang-kadang untuk 20 orang itu penuh dah.

Jadi, saya ingin mencadangkan pihak kerajaan untuk memikirkan satu kompleks PPDK yang... yang moden untuk anak-anak istimewa dan saya sedih sendiri di kawasan saya ada bila saya telefon sendiri, saya telefon sendiri pengundi-pengundi saya. Saya tanya dia, saya nak minta tolong nak tanya anak dekat mana? YB, anak saya anak istimewa. Allah, sayu hati saya. Jadi begitulah hubungan saya dengan pengundi-pengundi saya. Terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat yang bertanya. Untuk makluman, sebenarnya PPDK sekarang ini diletakkan di bawah NGO ya, bukan lagi tanggungjawab pada kita dan walau macam manapun, walaupun di bawah NGO, tetapi kerajaan negeri juga banyak membantu. Ini bergantung kepada permohonan yang mereka mohon kepada kerajaan. Jadi rasanya bukanlah satu tanggungjawab ataupun tugas kita untuk menyediakan pusat. Tapi walau macam mana pun seperti saya katakan tadi bahawa banyak permohonan-permohonan yang kami terima, pihak kerajaan terima melalui PPDK ini.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Sedikit sahaja Pengerusi. Baik, PPDK ini kita lihat, saya juga selalu pergi ke PPDK. Tapi kebanyakan anak-anak OKU yang masuk PPDK ini yang boleh berdikarilah ataupun separuh ya boleh berdikari manakala ada anak-anak OKU yang langsung tak layak nak masuk sebab agresif ataupun sebab tak boleh nak buat apa-apalah. Jadi, bagaimana tanggungjawab kerajaan ataupun peranan kerajaan untuk tangani anak-anak OKU yang sebegini?

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat yang bertanya. Walaupun anak-anak yang tidak... maksudnya tidak pergi ke PPDK ini, kita ada dua golongan bantuan yang kita bagi ya. Anak-anak yang pergi ke PPDK dan juga anak-anak OKU yang berdaftar tapi berada di rumah. Itu juga mendapat bantuan *one-off* yang diberikan oleh kerajaan.

Dan saya teruskan. Saya teruskan lagi apa yang diberikan oleh Jabatan Pembangunan Wanita yang melalui program-program di bawah yang saya sebutkan tadi. Yang pertama adalah program di bawah domain ekonomi. Pelbagai inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan bagi membantu golongan wanita di negeri Pahang menjana serta meningkatkan sumber pendapatan mereka. Usaha-usaha ini bukan sahaja bertujuan memperkukuh kedudukan ekonomi wanita, malah memastikan mereka berupaya berdikari dan berdaya saing dalam arus pembangunan semasa. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut.

Yang pertama adalah program kursus asas keusahawanan di bawah Institut Keusahawanan Negara dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita. Seterusnya program Laman Wanita, program Bazar Nita dan juga program Komuniti Based Enterprise. Seterusnya program di bawah domain kesejahteraan. Er... program kesejahkesedaran dan cakna wanita demi mendidik golongan ini tentang Akta Keganasan Rumah Tangga dan Akta Anti Ganggus… Gangguan Seksual yang merupakan cerminan kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani serta menghapuskan diskriminasi berasaskan gender terutama keganasan rumah tangga.

Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut, Program Literasi Perundangan dan Hak Wanita, Program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita, Program Kasih Ibu Tunggal serta Perkhidmatan Kaunseling Motivasi JPW dan untuk program di bawah domain kepimpinan, kita ada Program Pembangunan Tenaga Pengajar Berpotensi, Program Perantis Kepimpinan Wanita serta Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP) dan untuk bawah domain keselamatan pula, kita telah mengadakan beberapa program. Ada empat program telah diadakan untuk tahun ini iaitu Akta Gangguan Seksual 2022, Skuad Wanita Anti Jenayah yang kita namakan Skuad Waja.

Konvensyen mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita dan perancangan untuk tahun 2026 pula er... di mana kita telah merancang beberapa program. Di antaranya adalah Program Kesihatan Wanita untuk Zon Barat, Tengah dan juga Timur, Program Kem Pemerkasaan Remaja Wanita. Di samping itu, er... selain daripada program saya sebutkan tadi, di bawah Jabatan Wanita juga Masyarakat, kita ada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri.

Institusi keluarga merupakan asas serta benteng pertama dalam membentuk sahsiah diri dan membina nilai-nilai murni bagi melahirkan masyarakat yang makmur, stabil dan juga berdaya tahan. Bagi mendokong Teras Keempat, Membentuk Rakyat Berjati Diri dan Melahirkan Pemimpin Masa Hadapan. Er… LPPKN Negeri Pahang agensi di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan meneruskan Program Agenda Nasional Kasih, Keluarga Negara berfokus, memfokus kepada peranan bapa, pendidikan keibubapaan, kesihatan keluarga, pendidikan, pengukuhan perkahwinan dan intervensi sosial dalam menerap menerapkan nilai kasih keluarga iaitu kasih sayang, akhlak sihat, selamat, berilmu dan juga harmoni.

Program Pekerti Negara turut diteruskan oleh LPPKN Negeri Pahang melalui program cafe, KafeTEEN@Komuniti, Program KafeTEEN@Sekolah, Program Advokasi Kasih Remaja dan Program Intervensi Pekerti di Komuniti Luar Bandar. Peranan KafeTEEN akan diperluaskan sebagai platform interaktif dalam usaha memberikan pengetahuan pendidikan kesihatan, reproduktif dan sosial bagi membentuk sahsiah remaja yang positif, berakhlak dan berwawasan dalam memastikan pembentukan jati diri dan nilai murni diterap lebih awal. Melalui usaha berturas… berterusan LPPKN Negeri Pahang dalam menerapkan pembudayaan nilai-nilai kekeluargaan dan pengetahuan pendidikan kesihatan, reproduktif dan sosial, institusi keluarga yang kukuh mampu menjadi tempat perlindungan emosi dan sokongan mental bagi setiap ahli keluarga khususnya anak-anak yang bakal menjadi pewaris penyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran negeri dan juga negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebagai penutup, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang dan saya akan mengambil tindakan, perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Keseluruhan pencapaian ini, membuktikan bahawa kerajaan negeri melalui kerjasama UPWS, JPW, JKM dan LPPKN beriltizam memastikan tiada rakyat tercicir. Wanita yang ingin berdikari, OKU yang memerlukan perlindungan, warga emas yang memerlukan perhatian, ibu tunggal yang memerlukan sokongan, remaja yang perlu dibimbing serta keluarga yang wajar diperkukuhkan. Dengan dukungan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, saya yakin agenda pembangunan sosial negeri Pahang akan terus diperkasa demi kesejahteraan keseluruhan rakyat.

Belanjawan Pahang 2026 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang menagih keterlibatan semua dari kita yang dipilih oleh rakyat sebagai Wakil Rakyat di Dewan Yang Mulia ini. Tidak hanya cukup membawa permasalah… permasalahan rakyat di Dewan masing di kawasan masing-masing untuk diselesaikan tetapi menuntut cetusan idea, dengan kreativiti pemikiran sebagai seorang pemimpin.

Akhir kata, saya menutup ucapan ini dengan mutiara kata. Setiap langkah kecil yang kita ambil pada hari ini menjadi nyalaan harapan untuk rakyat dan setiap harapan yang kita semai akan tumbuh menjadi masa depan yang lebih makmur. Semoga dengan ikhtiar kita ini menjadi jambatan yang menghubungkan rakyat kepada sebuah negeri

yang lebih sejahtera, lebih inklusif dan lebih penuh kasih sayang. Dengan kata-kata itu, saya akhiri penggulungan saya dengan saya menyokong Belanjawan Pahang Tahun 2026.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima Kasih YB Speaker. [Ayat al-Quran]. Assalamualaikum wbt [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan keizinan-Nya dapat kita Ahli-ahli Dewan diberi kekuatan, kesihatan yang baik dalam menyampaikan mandat yang diamanahkan serta dapat berkumpul bersama-sama dalam menyempurnakan persidangan kita pada kali ini di Dewan Yang Mulia ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin ucapkan terima kasih kepada YB Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya menyertai dalam sesi penggulungan kita pada hari ini.

Saya juga ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2026 yang mana ianya merupakan Belanjawan yang komprehensif lagi inklusif untuk menyantuni semua golongan rakyat di negeri Pahang dan kita amat berbangga apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja mengumumkan bahawasanya negeri Pahang telah berjaya mencatat pencapaian empat tahun berturut-turut dari segi kutipan hasil yang melebihi RM1 bilion. [Ahli Dewan menepuk meja].

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dan saya bersama rakyat di DUN Peramu Jaya, Pekan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja.

YB Speaker,

Saya juga ingin ucapkan berbanyak terima kasih kepada rakan Ahli Dewan iaitu Yang Berhormat Beserah, Semambu, Padang Tengku, Batu Talam, Cheka, Tras, Ahli Yang Dilantik Nombor 2 dan Nombor 5 yang mana telah mengemukakan soalan tambahan dalam sesi soal jawab dan juga menyentuh mengenai portfolio saya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Pembekalan Air 2026 tempoh hari. Semua soalan tambahan tersebut akan saya jawab secara bertulis.

YB Speaker,

Sepanjang tahun 2024, kita telah menyaksikan prestasi yang amat memberangsangkan apabila jumlah pelaburan komited negeri mencecah RM7.54

bilion melalui 56 projek. Melangkah ke tahun 2025, prospek kita jauh lebih cerah. Sehingga kini, negeri Pahang telah merekodkan pelaburan komited berjumlah RM18.4 bilion melibatkan 100 projek yang berada dalam pelbagai peringkat rundingan dan kelulusan. Prestasi ini menunjuk, menunjukkan Pahang bukan sahaja kekal relevan tetapi semakin menjadi tumpuan utama, pelabur dari dalam mahupun luar negara. Ini bukan angka kecil, malah ia mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kestabilan kemudahan dan dasar pelaburan negeri. Semua ini memberi impak secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan serta limpayan… limpahan kepada rakyat negeri Pahang. Antara pelaburan yang telah dimuktamadkan bagi tahun 2025 ialah pembangunan Pusat Data Kecerdasan Buatan ataupun AI dengan izin dengan teknologi pengkomputeran awan, *Cloud Computing* dengan izin yang berasaskan tani oleh Fire Phoenix International, sebuah syarikat antarabangsa. Pelaburan ini dibawa masuk ke dalam negeri Pahang melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) di Pahang Technology Park, Gambang dengan nilai RM100 juta untuk fasa pertama.

Pada masa hadapan Invest Pahang berhasrat untuk menarik pelaburan pusat data dari kategori *tier* 1 dengan izin. Untuk itu, kawasan industri Gambang dan Gebeng boleh disifatkan sebagai kawasan yang bersedia untuk menerima pelaburan pusat data dengan bekalan air dan elektrik yang mencukupi. Selain itu, pelabur pusat data bebas untuk memilih syarikat yang akan menyambung laluan gentian optik ke pusat data mereka.

Selain itu, kita telah menerima pelaburan pembuatan rim kenderaan elektrik oleh Sino Lions Industry Group di Gebeng dengan nilai RM800 juta buat fasa pertama. Projek ini dijangka boleh menyediakan sehingga 1,000 peluang pekerjaan. Pihak pelabur telah menyatakan komitmen untuk membangunkan fasiliti penyelidikan dan pembangunan R&D dengan izin dan juga pemindahan teknologi. Untuk fasa 1 dijangka 3 juta unit rim kenderaan dapat dihasilkan dalam tempoh setahun. Projek milik syarikat ini telah disenaraikan sebagai projek berimpak tinggi.

Negeri Pahang juga bakal menerima projek pembangunan sifar karbon mega dalam masa terdekat. *Carbon Capture and Storage Southern Hub* oleh Petronas CCS Solutions Sendirian Berhad merupakan sebuah projek strategik peringkat persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri. Anggaran awal nilai pelaburan bagi projek ini adalah sebanyak RM5 bilion. Ia juga menyokong agenda sifar karbon ataupun *Net Zero* dengan izin menjelang tahun 2050. Hab ini dijangka memulakan suntikan pertamanya ke dalam telaga minyak terpakai Duyong pada tahun 2029 dan akan memainkan peranan penting dalam usaha pengurangan pelepasan karbon dioksida khususnya bagi industri-industri *hard to abide,* dengan izin seperti industri simen dan besi yang menggunakan gas karbon dioksida dengan begitu banyak sama ada di dalam dan di luar negara. Lokasi hab ini amat strategik untuk mewujudkan rantaian nilai CCS yang bersepadu serta pembangunan masa depan dan jangka membuka peluang ekonomi baharu serta memberi manfaat signifikan kepada rakyat.

Invest Pahang juga telah memperkenalkan metrik projek impak tinggi sebagai salah satu usaha memudah cara urusan pelaburan dan memastikan projek-projek berimpak tinggi diberi keutamaan. Metrik ini membolehkan kita menilai pelaburan secara lebih telus, teratur dan konsisten berdasarkan impak ekonomi, sosial, teknologi, keselarasan strategik serta pematuhan Environmental Social dan Government (ESG) dengan izin. Melalui proses penilaian ini, sebanyak 46 projek daripada data pelaburan komited negeri sejak dari tahun 2022 hingga 2025 telah dikenal pasti sebagai projek berimpak tinggi. Projek-projek ini akan diberikan keutamaan termasuk laluan hijau ataupun *green lane*. Bagi memastikan proses kelulusan lebih pantas dan pelaksanaan

lebih lancar. Seperti yang kita maklum apabila pelaburan direalisasikan lebih cepat, maka Keluaran Dalam Kasar Negeri (KDNK) turut akan meningkat lebih pantas. YB Speaker, bercakap mengenai KDNK dan pelaburan. Prestasi pelaburan negeri turut memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negeri Pahang terutamanya melalui aktiviti pelaburan dalam sektor pembinaan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Hasil daripada pelaburan ini tidak hanya memberi pulangan ekonomi tetapi turut meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pahang telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi keempat tertinggi di Malaysia pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5.7%. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia atau DOSM, Pahang telah mencatatkan prestasi melebihi kadar pertumbuhan nasional selama tiga tahun berturut-turut dengan nilai KDNK berjumlah RM61.7 bilion pada tahun 2022 meningkat kepada RM64.9 bilion pada tahun 2023 dan seterusnya RM68.7 bilion pada tahun 2024.

Sehingga kini terdapat 9 syarikat induk dan 48 anak syarikat yang beroperasi secara aktif di bawah syarikat berkaitan kerajaan negeri ataupun SGLC dengan izin. Kesemua entiti ini menyumbang kepada kemasukan pelaburan langsung domestik (DDI) dan juga pelaburan langsung asing (FDI). Selain melaksanakan projek pembangunan mengikut kluster di seluruh daerah negeri Pahang. Pendekatan ini memastikan setiap daerah akan dapat manfaat pembangunan dan peluang ekonomi dengan lebih menyeluruh.

YB Speaker, selaras dengan momentum pertumbuhan yang positif ini. Kerajaan negeri turut meneroka peluang-peluang dan sektor-sektor baharu yang berpotensi menjadi pemacu ekonomi masa hadapan. Antaranya termasuklah limpahan ekonomi daripada projek laluan rel Pantai Timur. ECRL yang dijangka mula beroperasi pada Januari 2027. Projek ini akan menjadi pemangkin utama yang akan membawa perubahan kepada landskap perindustrian negeri dengan sambutan… dengan sambungan rel dari Lembah Klang ke Pelabuhan Kuantan. Pahang bakal muncul sebagai pintu gerbang logistik strategik di Wilayah Timur.

Kedudukan stesen ECRL di Pahang yang berdekatan dengan taman perindustrian seperti di Bentong, Maran, Temerloh, Gambang dan Pelabuhan Kuantan dapat menarik lebih ramai pelabur. Kerajaan negeri telah merangka Economic Acceleration Project dengan izin, EAP di setiap stesen merangkumi dua komponen iaitu *Industrial Park Transit Oriented Development* (TOD) serta logistik hab kargo *oriented developme*nt dengan izin, bagi memaksimakan penggunaan jaringan ECRL dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat sepanjang jajaran tujuh stesen ECRL di negeri Pahang. Lokasi-lokasi ini sedang dipromosikan dalam usaha menarik pelabur dalam pembangunan industri logistik dan komersial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap stesen ECRL akan dibangunkan mengikut kesesuaian semasa dan keunikan potensi setempat. Sebagai contoh, stesen Cherating akan dijadikan pemangkin sektor aeroangkasa, lapangan terbang antarabangsa, pelancongan pantai dan ekonomi kreatif. Bagi memastikan pembangunan ini dilaksanakan secara holistik, kerajaan negeri telah menubuhkan pasukan penyelaras untuk memantau dan memperkemas proses perancangan. Saya yakin dengan pendekatan yang strategik dan kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan pusat dan sektor swasta, Pahang berpotensi menjadi hab perindustrian yang mampan dan berdaya saing di Malaysia.

YB Speaker, dalam usaha memperkukuh daya saing ekonomi negeri, Kerajaan Negeri Pahang terus komited memperhebatkan strategi promosi pelaburan khususnya dalam mempromosikan Pahang sebagai Gerbang Pelaburan Pantai Timur. Kita menawarkan ekosistem pelaburan yang kondusif dan kompetitif untuk memudahkan urusan pelabur dalam konteks *ease of doing business*. Antara program yang disertai ialah Selangor International Business Summit (SIBS) Kali yang ke-9 anjuran Invest Selangor. Hasil penglibatan kali ini, Invest Pahang telah berjaya memeterai tujuh perjanjian persefahaman MoU seperti projek eksplorasi, cari gali, pengilangan, pengedaran dan pengkomersialan sumber air bawah tanah di negeri Pahang Darul Makmur di antara Yayasan Pahang dan Syarikat Bubbles O2 Sendirian Berhad dan Projek Usahasama Pembangunan Jerantut Square oleh Pembinaan Jaya Depan Sendirian Berhad dengan PKNP.

YB Speaker, berkenaan dengan portfolio sains, teknologi dan inovasi pada pemukiman SGLC Pahang yang lepas. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, Menteri Besar telah melancarkan pelan hala tuju ekosistem syarikat pemula ataupun Startups 2030. Sasaran pelan ini adalah, pertamanya menubuhkan dan mewujudkan 400 atau lebih syarikat pemula ataupun Startups, mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan untuk anak tempatan. Ketiga, melonjakkan KDNK sebanyak RM2 bilion buat negeri Pahang, dan akhir sekali, keempat membina ekosistem Startups bernilai USD1 billion ataupun RM4.12 bilion. Dengan adanya ekosistem yang mampan dan kuat, semua pihak berkepentingan atau *stakeholders* dengan izin, dapat menyumbang ke arah pembangunan syarikat pemula ataupun *startups*. Sebagai contoh, institusi pendidikan akan menjana harta intelek dan juga *patent* dengan izin untuk digunakan oleh *startups*. Dana pelabur awal seperti syarikat Venture Capital dan pelabur Budiman ataupun *Angel Investors* dengan izin, akan dipertingkatkan serta dasar kerajaan akan digubal untuk menjadi mesra syarikat pemula ataupun *startup.* Di fasa kedua pelan ini bercadang untuk menarik *startup* antarabangsa seperti dari rantau Eropah dan juga rantau Asia untuk berpangkalan di negeri Pahang. Manakala pada fasa tiga, *startup* Pahang digalakkan untuk memasuki pasaran global atau dunia.

Ingin saya kongsikan di sini, dapatan Laporan Pembangunan Indeks Inovasi Malaysia ataupun Malaysia Inno… Innovation Index 2025 yang telah dianalisa oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MII 2025 ini merupakan satu instrumen bagi mengukur tahap ekosistem inovasi setiap negeri di Malaysia untuk membolehkan langkah-langkah intervensi yang bersesuaian dapat dirancang dan dilaksanakan secara bersasar mengikut keperluan serta menjadi pemangkin bagi mencapai sasaran Rancangan Malaysia Ke-13, negeri Pahang berada di kedudukan yang kelapan daripada 13 negeri dengan nilai skor MII 26.79% dan berada di tempat pertama bagi rantau Pantai Timur. Berdasarkan enam tonggak indikator kekuatan inovasi negeri Pahang terletak pada hasil kreatif dan juga pembangunan modal insan di peringkat sekolah menengah hingga ke universiti.

Walau bagaimanapun, infrastruktur digital perlu dipertingkatkan. Pekerja berpengetahuan ataupun *knowledge workers,* dengan izin, perlu ditambah serta Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) turut diperkasakan. Hasil daripada dapatan tersebut, kerajaan negeri akan mengambil langkah yang lebih proaktif dan komprehensif bagi memastikan kedudukan MII bagi negeri Pahang dapat ditingkatkan dan berada dalam kedudukan yang lebih membanggakan, insya-Allah.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang atas komitmen dalam menyokong agenda Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

atau STEM negeri serta telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi penganjuran Pahang STEM Competition tahun hadapan. Hal ini sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada murid sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi untuk menonjol dan mengetengahkan idea, bakat serta ciptaan inovasi mereka di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Sokongan ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuh pendidikan STEM dan melahirkan bakat tempatan yang bersedia menghadapi perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) Internet Kebendaan (IoT) dan ekonomi digital.

YB Speaker, tahun 2025 merupakan tahun yang amat membanggakan bagi kehadiran sekolah-sekolah Pahang dalam pertandingan STEM peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Di kesempatan ini, saya ingin kongsikan kejayaan Sekolah Kebangsaan Matang Kledang Pekan yang menjadi johan dalam pertandingan 26th International Robot Olympiad di Busan, Korea Selatan seperti dimaklumkan oleh ADUN Kawasan Benta. SMK Sultanah Hajjah Kalsom merupakan johan dalam Kejuaraan Robotik Antarabangsa bagi kategori Robot Soccer Senior dan Sekolah Menengah Agama Al-Maarif Kuantan menyandang pingat emas dalam Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEx).

Baru-baru ini Sekolah Kebangsaan FELDA Mempaga 2 Bentong merupakan johan dalam Global Metaverse Competition Malaysia Techlympics 2025. Ingin saya mengumumkan juga di sini bahawa kontinjen Pahang telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Malaysia Techlympics 2025 dengan memperolehi empat pingat emas, empat perak dan tiga gangsa yang berlangsung di MITC Melaka pada 10 November 2025. Kejayaan ini jelas membuktikan bahawa bakat, potensi dan usaha komited daripada para pendidik serta pelajar Pahang dalam bidang sains, teknologi dan inovasi seterusnya mengharumkan negeri Pahang di peringkat nasional.

YB Speaker, izinkan saya kongsikan satu pencapaian hebat dalam bidang sains negeri Pahang iaitu Frozen Zoo. Frozen Zoo bukanlah zoo dengan haiwan yang boleh dilihat, tetapi sebuah zoo di dalam peti sejuk. Frozen Zoo merupakan pelabuh… penubuhan yang pertama di Malaysia dan satu usaha yang dijalankan oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) Kuantan bersama rakan kerjasama seperti Borneo Rhino Alliance (BORA) dan PERHILITAN. Tujuan utamanya adalah untuk mengumpul dan menyimpan sel serta tisu daripada haiwan yang terancam termasuk Badak Sumbu Sumatera yang terakhir di Malaysia. Bahan genetik ini disimpan di PLANETIIUM Kuantan, sebuah institut yang menggunakan teknologi penyimpanan ultra sejuk untuk memastikan sel kekal hidup dan berguna pada masa hadapan.

Teknologi ini menyimpan bahan genetik haiwan seperti sel, tisu, sperma dan telur pada suhu yang amat rendah melalui proses *cryopreservation* dalam bahasa Melayu, pembekuanlah. Tapi nama Inggeris canggih sikit. Pada suhu… pada suhu beku yang ekstrem ini, sel ini boleh bertahan untuk jangka masa yang sangat lama.

Dengan teknologi sel termaju, embrio dapat dihasilkan daripada sel somatik iaitu sel selain daripada sel pembiakan dan dimasukkan ke dalam ibu tumpang. Tujuan utamanya adalah untuk menyediakan simpanan genetik bagi haiwan-haiwan yang berisiko pupus bagi mengelakkan kegaga… kestabilan ekosistem terganggu. Apabila populasi semakin mengecil dan sumber makanan berkurang, peluang untuk membiak secara semula jadi akan menurun.

Frozen Zoo memberi alternatif melalui teknologi pembiakan moden seperti pengklonan dan pembentukan embrio tanpa memerlukan sperma demi meningkatkan semula

bilangan spesies tersebut. IIUM dan BORA bekerjasama mengumpul sel dan tisu daripada Badak Sumbu Sumatera yang terakhir di Malaysia. Sel dan tisu ini disimpan dengan penuh teliti sebagai usaha terakhir untuk mengembalikan semula spesies ini daripada kepupusan. Dengan sel yang ada pada hari ini saintis berharap dapat menghasilkan embrio pada masa hadapan dan secara berperingkat mengembalikan populasi Badak Sumbu Sumatera.

Usaha Frozen Zoo menjadi sumber inspirasi kepada dunia. Ia menunjukkan bahawa teknologi terkini boleh digunakan untuk menyelamatkan spesies daripada kepupusan. Konsep yang sama kini akan diperluaskan kepada haiwan lain seperti Harimau Malaya sekali gus menjadikan Frozen Zoo sebagai simbol harapan dalam pemuliharaan biodiversiti di Malaysia.

Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan biodiversiti, hutan hujan tropika dan habitat semula jadi bagi pelbagai spesies terancam. Lokasi strategik ini memberikan kelebihan kepada IIUM Frozen Zoo dalam menjalankan pengumpulan sampel, penyimpanan biologi serta penyelidikan konservasi, sekali gus menjadikannya aset penting dalam memperkukuh usaha pemuliharaan hidupan liar serta pembangunan sains, konservasi dan edupelancongan di Pahang.

Berkaitan inovasi di negeri Pahang, kerajaan negeri komited dalam memastikan inovasi sentiasa subur dalam pelbagai bidang dan sektor. Bagi sektor perkhidmatan awam, pelbagai inisiatif dan program berkaitan inovasi terus digerakkan bagi memperkasa dan mempercekapkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri Pahang. Seiring perkembangan pesat dunia digital dan teknologi, kerajaan negeri terus memperkasa pelbagai inisiatif pendigitalan sebagai usaha pemangkin utama ke arah sebuah perkhidmatan awam yang inovatif, cekap, berintegriti dan berpaksikan rakyat. Antara inovasi terkini yang telah dilaksanakan ialah inisiatif Data Terbuka dan Analisis Data Raya Negeri atau *Big Data*, dengan izin.

Usaha ini datang daripada jabatan dan agensi disatukan dalam satu ekosistem bagi membolehkan analisis yang lebih tepat, pantas dan berasaskan fakta. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan malah memudahkan penggubalan dasar yang lebih responsif terhadap keperluan rakyat.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar atas kelulusan peruntukan bagi sesi libat urus Sistem e-Rakyat sebanyak RM300,000.00. E-Rakyat satu sistem inovasi baru berkaitan Pengurusan Bantuan Rakyat Negeri Pahang. Sistem ini berfungsi sebagai platform tunggal untuk menguruskan permohonan semakan dan penyaluran bantuan rakyat secara digital. Dengan e-Rakyat proses pemberian bantuan menjadi lebih tersusun, mengelakkan pertindihan dan memastikan setiap bantuan dapat sampai ke golongan yang benar-benar layak.

Bagi sektor pelancongan pula, pendekatan inovatif yang diguna pakai ialah membangunkan aplikasi pelancongan kecerdasan buatan (AI), aplikasi Pahang Destina. Aplikasi pintar ini menggabungkan teknologi kecerdasan buatan untuk menyediakan cadangan lokasi pelancongan, laluan perjalanan dan pengalaman interaktif kepada pengguna. Inisiatif ini dijangka meningkatkan daya tarikan Pahang sebagai destinasi pelancongan utama negara melalui pengalaman digital yang lebih mesra pengguna.

Contoh inisiatif-inisiatif berteraskan inovasi ini merupakan bukti komitmen kerajaan negeri dalam memodenkan perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi baru.

Ia turut melengkapi Pelan Digital Pahang bagi mewujudkan tadbir urus yang berkesan, telus dan berimpak tinggi.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang selama ini banyak membantu saya sepanjang saya memegang portfolio ini. Dengan adanya budaya kerja berpasukan yang jitu, saya dapat melaksanakan pelbagai perancangan projek dan aktiviti yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat negeri Pahang.

Sekian, saya sudahi dengan salam serta doa. Semoga kita sentiasa diberi petunjuk yang benar dalam apa jua pun yang kita laksanakan demi kemakmuran negeri Pahang. Saya mohon menyokong Belanjawan Negeri Pahang 2026 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar pada 5 Disember 2025 yang lalu. [Ahli Dewan menepuk meja] Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wbt. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Marilah kita err... mengalu-alukan pemerhati yang hadir pada hari ini sesi petang iaitu tetamu daripada DUN Muadzam Shah lima orang, tetamu dari DUN Guai, lima orang, tetamu dari DUN Bebar, empat orang dan juga peserta Program Youth Empowerment Society (YES) 10 orang. Selamat datang ke Dewan Negeri Pahang. Seterusnya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum wbt, salam sejahtera, salam Aspirasi Pahang 1st. Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul Belanjawan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada hari Jumaat yang lepas. Dan saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2026 bertemakan Pahang 1st, Rakyat Didahulukan dan Kemakmuran... Kemakmuran Dipertahankan.

Yang Berhormat er... Speaker, menyentuh tentang sektor kerja raya. Peruntukan RM28 bilion yang diumumkan oleh kerajaan persekutuan untuk senggaraan jalan dan jambatan di jalan persekutuan pada tahun 2025. JKR Negeri Pahang sehingga 30 November 2025, telah menerima agihan bagi kerja-kerja pembaikan jalan, jambatan, kerja rutin dan lain-lain berjumlah RM425 juta. Daripada peruntukan tersebut sebanyak 361 kerja senggaraan sedang dilaksanakan di seluruh negeri Pahang. Manakala bagi jalan-jalan negeri pula, JKR negeri Pahang telah menerima peruntukan MARRIS berjumlah RM270 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri dan jalan kampung sehingga 30 November 2025.

Yang Berhormat Speaker dalam memastikan jaringan jalan yang baik untuk memudahkan pergerakan rakyat di samping melancarkan aktiviti perdagangan dan menjana ekonomi negeri atau kawasan setempat. Di bawah Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-13. Kerajaan negeri bersama, kerajaan negeri berterima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana telah meluluskan 10 projek di bawah Kementerian Kerja Raya yang merangkumi enam projek fizikal dan empat projek kajian awalan serta pengambilan balik tanah. Kos keseluruhan projek fizikal dan kajian awalan yang

diluluskan ini adalah sebanyak RM686.71 juta. Manakala Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah meluluskan tujuh projek fizikal bagi membina dan menaik taraf jalan dan jambatan luar bandar yang bernilai RM328.54 juta. Jumlah keseluruhan kos projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia, er.. Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-13 adalah sebanyak RM1.015 bilion.

Projek fizikal yang diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya ialah satu, menaik taraf Lebuhraya Kuantan - Segamat FT12, Rompin sebanyak RM357.5 juta. Untuk makluman er... sidang Dewan untuk Jalan FT12 ini panjang *total*nya 51 kilometer. Walaupun, bagaimanapun ia terbahagi kepada 5 seksyen dan iaitu seksyen A, B, C dan D. Dan untuk tahun hadapan ini lulus untuk seksyen D sahaja iaitu err... sejauh 13, jarak 13 kilometer iaitu daripada seksyen D ini adalah daripada kawasan Teh Dara hingga ke Simpang Kota Bahagia yang er... juga melibatkan dua buah jambatan. Yang keduanya cadangan menggantikan Jambatan err... Sungai Ular. Ini Jalan Kuantan - Chukai daerah Kuantan berjumlah RM34 juta dan er...

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Yang Berhormat Speaker. Soalan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Muadzam Shah. Berhubung dengan FT12 tadi. Er... adakah penurapan jalan yang sedang berlaku di... di Gadak itu termasuk dalam projek yang Yang Berhormat sebut. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, boleh.

(ADUN MUADZAM SHAH- N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Okay, terima kasih kepada Bukit Ibam. Er... kalau mengikut kepada lokasi seksyen D termasuk di kawasan Gadak. Yang ketiganya, cadangan menaik taraf jambatan uzur dan sempit di Sungai Sebol laluan FT98, seksyen 34, Jalan Temerloh - Jerantut, Temerloh. Ini kawasan ini saya sudah pergi dengan bersama dengan Jenderak ya, dua kali saya bersama dengannya Yang Berhormat Jenderak melawat kawasan ini. Alhamdulillah sudah lulus dengan berjumlah RM33.11 juta.

Yang keempat, cadangan menaik taraf pembetung jalan kepada jamaba... Bentong kepada jambatan di Kampung Alur Ladang, seksyen 36.81, Jalan Kuantan - Pelabuhan Kuantan, Jalan Kuantan - Pelabuhan, Kuantan ya daerah Kuantan ini Yang Berhormat err... Beserah tanya ke semalam. Tapi saya tak nak jawablah, saya jawab hari ini penggulungan berjumlah RM25.1 juta. Jadi saya rasa ini dapat menyelesaikan masalah yang telah lama er... dibelenggu oleh masyarakat di kawasan ini er... tersebut.

Yang kelima, pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (RNR) di Kuala Lipis bagi Lingkaran Tengah Utama di Pakej 4, Kampung Relong ke Raub di kawasan seksyen 4A ke Kampung Relong ke Kampung ke Ladang Jerkoh ini sebanyak RM20 juta. Dan keenam pembinaan depoh *bailey bridge* JKR Negeri Pahang di JKR daerah Temerloh sebanyak RM10 juta. Manakala bagi projek kajian awalan dan pengambilan tanah yang diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya.

Yang pertamanya adalah pembinaan Persimpangan Bertingkat Bukit Rangin, Kuantan, er... Jalan Kuantan - Chukai, FT ini , FT03 daerah Kuantan er... berjumlah RM28 juta. Ini meliputi kerja-kerja reka bentuk dan juga pengambilan balik tanah.

Yang keduanya, menaik taraf Jalan Sungai Lembing FT231 daripada Kampung Padang ke persimpangan lampu isyarat LPT1 daerah Kuantan berjumlah RM5 juta yang meliputi untuk kerja-kerja kos kerja-kerja reka bentuk dan juga pengambilan balik tanah. Yang ketiganya, kerja awalan membina jalan dan persimpangan baharu menghubungkan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) di Kilometer 247 ke Jalan Tas ke Jalan Pintasan Kuantan, Persimpangan Berlian. Ini laluan baru ini dekat Semambu serta menaik taraf Jalan Semambu, FT3486, Jalan Tengku Mahmud FT227 dan Jalan Padang Golf, Kuantan, Pahang sebanyak RM2 juta.

Yang keempat, Lingkaran Tengah Selatan dari Persimpangan LTU err… LTU dan LPT di Kilometer 79 ke Kampung Sungai Perdak, Bentong er... berjumlah RM120 juta. Ini untuk kos reka bentuk dan juga pengambilan balik tanah.

Yang Berhormat Speaker,

Projek diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya... Kementerian... di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah seperti berikut. Pertamanya, membina jambatan konkrit di laluan C108, laluan Serkam ke laluan C21, Jalan Kuala Wau sebelah sepanjang seberang sungai di daerah Maran. Ini pun saya dah pergi baharu ini berjumlah RM114.45 juta. Yang keduanya membina jalan dan jambatan dari Pos Lenjang ke Kampung Orang Asli Jernang, Pos Titom Lipis, Pahang sebanyak RM99 juta.

Yang ketiga, membina jalan baru dari sempadan FELDA Mayam ke jalan utama FT1510 er... di Bera sebanyak RM38 juta.

Keempat, menaik taraf jambatan di Jalan Runchang, Seksyen 6.2 daerah Pekan sebanyak RM13 juta.

Kelima, membina baru jambatan Sungai Dong Jalan Ulu Cendera 2 Kampung Keloi, Raub sebanyak RM9.5 juta. Dan selepas itu, sistem lampu isyarat di daerah Kuantan telah dinaik taraf dan dipantau oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Negeri Pahang yang telah memasang lampu isyarat pintar ataupun *smart traffic light* dengan izin, di beberapa lokasi di mana lampu isyarat tersebut mempunyai *linking system* di antara dua lampu isyarat dan ianya akan dapat memberi kelancaran kepada lalu lintas di kawasan yang terlibat di persimpangan lampu isyarat dekat Pasaraya Giant dan persimpangan lampu isyarat di Kemunting er... dekat Lembaga Hasil Dalam Negeri tu dan keduanya lampu isyarat di persimpangan Permatang Badak dan persimpangan Sungai Isap.

Yang Berhormat Speaker,

Sehingga tahun 2025, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang sedang melaksanakan 70 projek bangunan dan kemudahan awam dengan kos kontrak semasa sebanyak RM1.349 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57 adalah daripada projek persekutuan dengan jumlah kontrak semasa sebanyak RM825.51 juta manakala 13 projek negeri menggunakan peruntukan negeri dengan kos kontrak sebanyak RM523.73 juta. Dan sehingga bulan November 2025, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang telah berjaya menyiapkan 17 projek bangunan dan kemudahan awam dengan

kos kontrak bernilai RM77.64 juta. Dijangkakan projek siap sehingga Disember 2025 ini mencapai jumlah 21 projek dengan kos kontrak bernilai RM689.0 juta.

Bagi tahun 2026, terdapat 25 projek dijangka siap iaitu 20 projek persekutuan dengan kos kontrak sebanyak RM244.77 juta dan 5 projek peruntukan negeri dengan kos kontrak sebanyak RM39.62 juta. Pembinaan projek ini adalah merupakan kesinambungan pencapaian projek-projek di JKR Negeri Pahang dalam usaha menyediakan keperluan kemudahan awam kepada jabatan kerajaan dan juga rakyat negeri Pahang. Ianya dapat memberi impak kepada orang ramai di mana sama-sama dapat menikmati keselesaan dan kemudahan klinik, sekolah, masjid dan lain-lain yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Menjawab kepada pertanyaan tambahan YB Beserah, kerajaan negeri melalui Jabatan Kerja Raya telah mengemukakan permohonan melalui Rolling Plan Pertama (RMK-13) di bawah Kementerian Kerja Raya melibatkan cadangan menaik taraf Jalan Kuantan ke pelabuhan er... Pelabuhan Kuantan dari Seksyen 367 hingga 381.5 er... ke Pelabuhan Kuantan ke kawasan lampu isyarat Pelabuhan Kuantan. Sepanjang 14...14.5 kilometer dan melibatkan kerja-kerja menaik taraf daripada dua lorong kepada empat lorong. Walau bagaimanapun, tiada kelulusan diperolehi dan kerajaan negeri akan angkat semula er... cadangan ini melalui projek Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-13.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab pertanyaan soalan tambahan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mencelah sedikit Yang Berhormat? saya cuma nak minta sedikit pencerahan daripada Yang Berhormat, jajaran tadi FT03 yang di, diluluskan dalam Rolling Plan Yang Pertama baru ni dan kita sedang buat juga sekarang FT03 juga dari persimpangan Jerangau - Jabor sehingga Sungai Ular tu telah *extend* tiga kali dah tu, sepatutnya siap bulan Ogos 2025 tapi sampai sekarang masih tidak nampak dia punya kelancaran projek. Ada tarikh baru yang dijangka boleh siap? Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat yang tengah dalam pembinaan skarang ni? Okay, terima kasih. Yang Berhormat Speaker, projek ni memang er... lewat. Saya pun baru semak tadi. Jadual kalau ikut jadualnya 48.6% er... tetapi sebenar di tapak baru 27.65 dan ini pun memang kita mengambil perhatian dan baru-baru ni pun saya ada lawatan bersama Ketua Pengarah JKR tentang isu ni. Isu ni memang kita pun memang mengambil serius tentang kelewatan kerja ni dan saya percaya bahawa pihak Kementerian Kerja Raya sedang dalam proses mengambil tindakan pada pihak kontraktor.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab pertanyaan soalan daripada soalan tambahan daripada YB Luit, projek menaik taraf dan menaikkan aras jalan kawasan banjir di Jalan Bak-Bak Serengkam C133 daerah Maran, Pahang telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan di bawah RMK-11, Rolling Plan Ke-4 Kementerian pelanggan adalah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKLW) dan JKR merupakan pihak pelaksana projek. Tarikh milik

tapak adalah 22 Mac 2023 dan tarikh siap semasa adalah 23 Ogos 2027. Sebanyak dua TOT sebenarnya telah diberikan kepada pihak kontraktor kerana terdapat kelewatan kelulusan kebenaran bagi memulakan kerja di kawasan terlibat er... kawasan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah oleh pihak kerajaan dan pindaan reka bentuk oleh Cawangan Kejuruteraan Geoteknik JKR Malaysia dan kemajuan jadual kerja semasa adalah 46.86% berbanding dengan kemajuan sebenar di tapak 62.17% dan projek kalau mengikut jadual di awal sekarang ialah 159 hari.

Projek Membina Baru Jalan dari Lubuk Paku, Mentenang, Pejing, Maran telah luluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, Rolling Plan Pertama. Kementerian pelanggan adalah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan JKR merupakan pihak pelaksana projek. Tarikh milik tapak adalah pada 7 Oktober 2022 dan tarikh siap semasa adalah pada 24 Ogos 2027. Sebanyak dua TOT telah diberi kepada pihak kontraktor kerana kelewatan kelulusan dan kebenaran bagi memulakan kerja di kawasan terlibat dengan juga dengan urusan pengambilan balik tanah oleh pihak kerajaan dan jadual kemajuan semasa adalah 53.34% berbanding dengan kemajuan sebenar di tapak 69.66% dan projek ini berada awal 199 hari.

Yang Berhormat Speaker,

Menyentuh sektor pengangkutan, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Pengangkutan Negeri Pahang merancang membangun dan memantau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam aspek pembangunan dan pengurusan sektor pengangkutan. Jawatankuasa ini mengukuhkan pengangkutan awam dan memastikan agar negeri Pahang memiliki perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan yang saling berhubung agar tidak membebankan rakyat. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memantau dan memastikan kelancaran aktiviti pengangkutan jalan raya dengan lebih efektif dan efisien bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan *hot spot* di negeri Pahang.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 kepada Lembaga Pembangunan Tioman bagi meneruskan subsidi kad pengangkutan feri di Tioman bagi memudahkan mobiliti penduduk di Pulau Tioman. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Hormat Dato' Sri Speaker..

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker, mohon mencelah sikit. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Pahang dan juga kerajaan negeri melalui Exco Pengerusi Jawatankuasa Jabatan Kerja Raya memaklumkan sebentar tadi bahawa peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah diluluskan. Kesinambungan pada tahun-tahun yang lalu untuk meringankan beban domestik dan juga *local people of Tioman.* dengan izin. Jadi, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada warga penduduk Pulau Tioman. Dan saya ingin mengemukakan dua soalan tambahan iaitu yang pertama, saya difahamkan Jalan Segamat... ke... Jalan Muadzam ke Segamat sambungan daripada kelulusan yang sedia ada er... RM1 bilion lebih kelulusan oleh kerajaan persekutuan. Agaknya bila perkara ini dapat dilaksanakan? Pertama.

Kedua, saya juga ucap terima kasih kepada kerajaan negeri melalui portfolio Jabatan Kerja Raya dan Exco berkenaan yang mana kami telah hampir dua penggal untuk kelulusan lampu isyarat di er... Teluk Gading, persimpangan ke Kampung Pianggu, Sarang Tiong, Mukim Endau ya. Jadi difahamkan er... perkara ini telah lulus sekian

dua tahun hampir, dan saya difahamkan akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini. Jadi mohon sedikit pencerahan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tioman. Seperti yang saya maklumkan tadi, er... untuk Jalan FT12 maksudnya Jalan Muadzam ini er... Muadzam, jalan Muadzam itu telah diluluskan. Er... untuk jalan itu sebenarnya er… dia ada 5 Seksyen ya, A, B, C dan D yang diluluskan ini untuk Seksyen D iaitu daripada Teh Dara hingga ke simpang Kota Bahagia.

Er... dan berkenaan dengan lampu isyarat di Teluk er... di kawasan persimpangan dekat *traffic light* Masjid Teluk Gading, Tanjung Gemok ya. Er... sebenarnya, er… kerja-kerja pembinaan saya percaya, kerja-kerja pembinaan ini akan dijalankan insya-Allah pada awal tahun hadapan kerana baharu siap urusan er... urusan lantikan, lantikan baharu siap ya daripada, daripada pihak JKR.

Yang Berhormat Speaker,

Kerja-kerja pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur ataupun ECRL melibatkan beberapa buah daerah di negeri Pahang iaitu di daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan Bentong dan ia juga sedang rancak dilaksanakan. Kemajuan kerja projek ECRL di negeri Pahang sehingga 30 November 2025 telah mencapai sebanyak 91.49% menepati jadual pelaksanaan. Saya ingin memaklumkan bahawa Majlis Penembusan Terowong Genting bagi projek Laluan Rel Pantai Timur ECRL telah berlangsung pada 12 Julai 2025 di Terowong ECRL Genting, Pahang. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook selaku Menteri Pengangkutan bersama-sama Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya er... Negeri Pahang yang turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Bahagian Pembangunan Yang Hormat Dato' Ali Syahbana bin Sabaruddin.

Secara keseluruhannya, projek ECRL ini melibatkan pembinaan sebanyak 41 terowong dan terowong ECRL Genting yang merentasi Banjaran Titiwangsa adalah merupakan terowong terakhir yang ditembusi dengan, er... dengan panjangnya 16.39 kilometer. Dan Terowong ECRL Genting merupakan terowong terpanjang bagi projek ECRL dan bakal menjadi terowong berkembar terpanjang di Asia Tenggara. Dengan penembusan Terowong ECRL Genting ini juga, maka laluan ECRL secara rasminya telah bersambung sepenuhnya dari Kota Bharu, Kelantan ke Gombak, Selangor.

Yang Berhormat Speaker,

Terowong ECRL Genting sepanjang 16.39 km menandakan satu pencapaian penting dalam melambangkan keupayaan negara melaksanakan projek kejuruteraan berskala besar dengan teknologi moden dan pada masa yang sama turut mengambil kira aspek pemuliharaan alam sekitar. Projek ECRL ini bakal menjadi, bakal membawa manfaat besar kepada rakyat melalui jaringan pengangkutan yang lebih pantas, selamat dan lestari serta membuka peluang ekonomi baharu di sepanjang laluan dan juga dapat mengurangkan kesesakan Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat keseluruhan 28 *widlife box culvert, widlife box culvert* di dalam projek ECRL ini, iaitu 19 nya terdapat di negeri Pahang dan 8 daripada 19 *wildlife box culvert* khusus untuk laluan gajah yang terdapat di Hutan Simpan Kemasul, Temerloh.

Er… Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pembangunan Berorentasikan Transit ataupun TOD Stesen ECRL di negeri Pahang yang dipengerusikan... yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah diadakan untuk membincangkan Prasarana di sekitar enam, 15 km radius dalam tujuh stesen ECRL di negeri Pahang. Cadangan pembangunan ini akan menjadi nadi penggerak ekonomi setempat dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat setempat, tempatan serta memacu pertumbuhan ekonomi di negeri Pahang secara keseluruhannya. Pihak Berkuasa Tempatan melalui Majlis Daerah Kuantan, Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong dan Majlis Daerah Maran diberi tanggungjawab membuat perancangan projek pecutan ekonomi dan pembangunan berorentasikan transit di setiap stesen ECRL di daerah, setiap daerah.

Dengan kedudukan geografi negeri yang strategik dilengkapi pula dengan kemudahan Kuantan dan jaringan Laluan Rel Pantai Timur ECRL yang bakal beroperasi pada tahun 2027, negeri Pahang akan terus muncul sebagai, antara destinasi pelaburan yang paling dinamik di rantau ini.

Yang Berhormat Speaker...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Menyentuh tentang sektor kesihatan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi?

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Boleh tahan lagi. Er... menyentuh tentang sektor kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah menerima peruntukan

(ADUN CHEKA- N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sekejap ya.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Rujukan

(ADUN CHEKA- N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat saya minta sebelum berpindah ke kesihatan, er... saya ingin dapat penjelasanlah varu-baharu ini *viral* isu Genting Highlands akan mengenakan tol er... bagi pengguna jalan yang melalui ke Genting. Asasnya ialah kerana dia sendiri

membangunkan tanah itu tanah dia sendiri kemudian dia yang buat jalan dan dia buat penyelenggaraan, itu asas diberi. Saya difahamkan bahawa semua jalan-jalan sama ada swasta ataupun agensi bila siap mesti diserah kepada kerajaan.

Jadi kalau polisi siapa-siapa jalan diturap dia buat, dia boleh pasang tol. Saya fikir kita boleh buat juga lah ya, kita buat jalan kita sendiri kita pasanglah tol. Dan dia akan jadi masalah besar akan datang. Sebab itu saya fikir, keputusan untuk buat tol di laluan Genting ini mendatangkan kesan risiko kepada penggunalah dan dia, saya ingat apa, apakah ini polisi membenarkan institusi swasta membangunkan jalan dia sendiri kemudian boleh kutip tol. Saya takut jadi, takut satu masa nanti akan jadi masalah kepada pihak kerajaan ya. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Okay terima kasih kepada Cheka yang mengemukakan soalan berkaitan dengan tol. Saya tak dapat nak bercakap lebih dalam Dewan sebab kes, isu itu dia dalam kes mahkamah. Tapi kalau Yang Berhormat nak itu, kita bincang kat luar je, dah minum ya.

Yang Berhormat Speaker, menyentuh tentang sektor kesihatan. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM1.782 bilion dan peruntukan pembangunan sebanyak RM146.111 juta pada tahun 2025. Bagi peruntukan pembangunan, sehingga November 2025, sebanyak 142, RM142.1 juta iaitu 97.25% telah dibelanjakan untuk projek-projek yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penambahbaikan fasiliti perkhidmatan kesihatan.

Perbelanjaan ini adalah merangkumi antara lain projek pembaikan dan naik taraf er... klinik daif, naik taraf sistem kejuruteraan dan infrastruktur, menaik taraf kemudahan hemodialisis, menaik taraf, ubah suai dan pembaikan di fasiliti-fasiliti kesihatan, penyelenggaraan kuarters-kuarters di klinik dan hospital, perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan serta kenderaan dan pembayaran perkhidmatan sokongan hospital serta perkhidmatan sokongan klinik.

Yang Berhormat Speaker di bawah Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia yang ke-13 bagi tahun 2026 ini, dalam Rolling Plan pertama RMK-13, sebanyak 21 projek dengan siling peruntukan sebanyak RM981.322 juta telah diluluskan. Kelulusan ini termasuklah 3 projek baharu dan 18 projek sambungan serta perolehan peralatan.

Projek baharu yang diluluskan adalah pembinaan Klinik Kesihatan jenis 7 dan dengan Kuarters di Pos Lenjang, daerah Lipis bernilai RM20 juta. Projek menaik taraf sistem pendawaian elektrik dan sistem penjagaan kebakaran di Hospital Raub bernilai 30, RM4.4 juta dan kerja awalan bagi projek pembinaan blok tambahan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan bernilai RM500,000.00 yang merangkumi wad pesakit dalam er... klinik pakar kecemasan serta kompleks tempat letak kereta bertingkat yang diharapkan akan dapat mengatasi isu kekurangan tempat letak kereta di HTAA.

Skop kerja awalan ini adalah er... meliputi kerja siasatan tanah, kerja-kerja ukur di tapak, penyediaan cadangan reka bentuk dan juga penyediaan kos awal, er... kos anggaran kos awalan. Sepanjang tahun 2025, enam projek pembangunan fasiliti kesihatan di bawah Rancangan Malaysia telah dan bakal disiapkan ialah kesihatan rakyat di negeri Pahang.

Projek yang telah telah memulakan operasi adalah Klinik Kesihatan di Kuala Triang, daerah Bera, blok tambahan Hospital Jerantut yang merangkumi 30 katil wad pesakit dalam, klinik pakar dan unit kecemasan manakala Pusat Hemodialisis Parlimen Maran, Dewan Bedah Hospital Jengka dan bangunan dialisis Klinik Kesihatan Chemomoi daerah Bentong bakal berlangsung pada Januari tahun 2026. Bagi Projek Klinik Kesihatan di Sungai Soi, daerah Kuantan dijangka akan disiapkan pada 13 Disember 2025 ini dan bakal beroperasi selewat-lewatnya pada awal tahun 2026. Pada masa sama, projek pembinaan Klinik Kesihatan di Bukit Ibam dan kuarters di Bukit Ibam, daerah Rompin telah mencapai prestasi 98%. Klinik kesihatan ini dibina untuk mengganti klinik lama yang telah dibina pada era 70-an kepada kemudahan klinik yang serba baharu dan menepati keperluan perkhidmatan kesihatan yang terkini dan pada sini pula, JKR sedang membuat permohonan peruntukan tambahan untuk menyiapkan baki kerja-kerja projek ini dan menunggu kelulusan daripada Kementerian Ekonomi.

Yang Berhormat Speaker,

Selama tiga tahun berturut-turut Kementerian Kesihatan memberi perkhidmatan terbaik terhadap naik taraf pembaikan fasiliti klinik kesihatan yang daif dari segi infrastruktur dan bagi memberi keselesaan kepada pelanggan dan petugas kesihatan. Sejumlah RM29.98 juta telah diperuntukkan bagi keseluruhan 49 projek klinik daif yang diluluskan di negeri Pahang sepanjang tahun 2025. Daripada itu, sebanyak 12 projek roboh dan bina baharu telah dilaksanakan manakala 30 lagi adalah kerja pembaikan dan naik taraf.

Ini menjadikan seluruh keseluruhan negeri Pahang telah menerima sejumlah RM57.136 juta bagi melaksanakan 139 projek pembaikan dan naik taraf klinik daif sepanjang tiga tahun. Bagi tahun 2026, Pejabat Kesihatan Negeri Pahang bakal menerima peruntukan sejumlah RM15.788 juta bagi menaik taraf dan pembaikan wad-wad di lapan buah klinik daerah di negeri Pahang dan peruntukan RM8 juta lagi bagi menaik taraf fasiliti kesihatan yang lain seperti klinik kesihatan, klinik pergigian, klinik desa, makmal kesihatan dan juga hospital. Bagi ambulan, Jabatan Kesihatan Pahang telah menerima kelulusan ambulan baharu sebanyak 91 unit untuk hospital dan juga klinik-klinik kesihatan secara berfasa. Dari jumlah tersebut, sehingga kini sebanyak 21 unit ambulan baharu telah diterima dan ditempatkan di hospital dan klinik-klinik kesihatan di negeri Pahang.

Yang Berhormat Sri Speaker,

Bagi menjawab pertanyaan YB Lanchang berkaitan Klinik Kesihatan Lanchang yang sesak. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah bercadang untuk membina baharu Klinik Kesihatan Lanchang Jenis 3 dengan perkhidmatan radiologi ataupun X-ray, ada X-ray ya di tapak sedia ada di bawah Projek Rancangan Malaysia Yang ke-13. Dengan penggantian klinik yang baharu kelak akan memperkukuhkan lagi kapasiti perkhidmatan kesihatan selaras dengan keperluan populasi yang semakin meningkat di Lanchang.

Yang Berhormat Speaker,

Saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat daripada Padang Tengku, daripada Lepar, Cheka, Semambu, Luit, Batu Talam, Mentakab, Bukit Ibam, Kemayan, Sungai Lembing, Tahan, Lanchang, Tanjung Lumpur, Chenor, Pulau Manis,

Beserah, Tanah Rata, Panching dan Ahli Yang Berhormat Dilantik 2 yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kerja raya pengangkutan, kesihatan. Saya tidak dapat menjawab semuanya. Yang Berhormat, saya kan menjawab secara bertulis.

(AHLI YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat,

Yang Berhormat tambah sikit. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya dengar dalam... dalam jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco berhubung dengan er... ada beberapa peruntukan berhubung dengan ambulans dan juga baik pulih hospital. Saya dapat dengar tadi, tapi sebelum itu saya nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Exco kerana alhamdulillah telah berjaya menjadikan Hospital Temerloh sebagai hospital mesra ibadah di negeri Pahang pada kali ini. Terima kasih, baik berbalik pada soalan saya tadi ada ada dua, saya rasa isu yang yang saya nak bangkitkan sikit pada petang ini semoga mungkin mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Exco dan kerajaan negeri iaitu yang pertama, sepertimana di sebutkan tadi berhubung dengan ambulans dan saya ada terima juga aduan daripada hospital di Rompin.

Ini berhubung dengan masalah ambulans iaitu sebanyak lapan biji ambulans, katanya yang rosak 4 biji, kemalangan sebiji dan beroperasi hanya tiga biji dan ada yang terpaksa pinjam daripada Hospital Muadzam, Lipis dan Pekan. Jadi soalan saya, adakah apa nama ni alternatif ataupun bagaimana cara untuk kita mengatasi isu ini? Yang pertamanya. Yang keduanya, berhubung dengan unit kecemasan dan juga dialisis di Hospital Rompin ini yang khabarnya satu, dua hari ni menghadapi masalah kerosakan penghawa dingin di sana menyebabkan kesukaran kepada pesakit dan para petugas untuk merawat dalam suhu yang tinggi.

Memandangkan dalam keadaan suhu, kita perlu rawat pesakit dalam suhu yang rendah untuk mengawal jangkitan dan juga keselesaan kepada para pesakit. Jadi, saya difahamkan kedua-dua masalah ini tidak disebabkan oleh Jabatan Kesihatan, tidak disebabkan oleh Kementerian Kesihatan tetapi ada perkara-perkara yang melibatkan pihak ketiga, mungkin pihak kontraktor dan sebagainya. Jadi saya nak minta penjelasan Yang Berhormat apakah cara untuk kita membantu rakyat dalam isu sangat mendesak seperti yang berlaku di daerah Rompin. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih, kepada Yang Berhormat Lantikan. Pertama, yang mengutarakan masalah isu sekarang ini yang berlaku di Hospital Rompin itu. Terutama di Unit Bahagian Kecemasan yang ada masalah berkenaan dengan penghawa dingin. Dan sebenarnya laporan telah dibuat kepada pihak Total IFM Sdn. Bhd. ni konsesi yang menyelenggara di Hospital Rompin pada enam hari lepas. Dan untuk sementara ini, sementara siap kerja-kerja penyenggaraan ini, pihak kontraktor telah membekalkan sementara dua unit *air cooler* dan satu kipas dan saya rasa ni pun tak cukup. Dan kita minta juga ini ditambahkan lagi untuk beri keselesaan kepada petugas dan juga yang mendapatkan perkhidmatan di hospital di bahagian unit ini. Begitu juga, di bahagian unit yang hemolisis pun sama juga.

Saya pun dah menghubungi pihak Jabatan Kesihatan pagi tadi dan pihak kontraktor berjanji akan membekalkan pada selewatnya petang ini ataupun pagi esok untuk menyelesaikan isu buat sementara waktu, sebelum kerja-kerja penyelenggaraan sepenuhnya . Berkenaan hospital ni er... memang ambulans ni, berkaitan ambulans ni memanglah dalam kontrak. Dalam kontrak bekalan di bawah, termasuk juga di bawah Total IFM Sdn. Bhd. ini. Dan er... untuk makluman Yang Berhormat, kalau mengikut dari segi er... perancangannya kawasan Rompin ni akan menerima sebuah lagi ambulans baharu pada tahun.

Sorry sudah terima satu buah baharu pada tahun 2025 dah menerima ambulan baharu. Dan sekiranya ada kenderaan yang rosak itu di bawah tanggungjawab kontraktor, dia kena cari dan kena bekalkan sama dia sewa di mana-mana ambulans untuk pastikan bahawa ambulans sentiasa ada di kawasan di hospital tersebut untuk menghantar pesakit keluar ke Kuantan atau ke Pekan.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga di sini mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas sokongan dan dorongan tiada berbelah bagi buat kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Bak kata pepatah, rakyat, raja dan rakyat berpisah tiada dan selama saya berkhidmat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan segala peruntukan-peruntukan dan perancangan-perancangan yang telah disediakan dan akan dilaksanakan nanti. Sudah tentu akan lebih maju, mensejahtera dan memakmurkan lagi negeri Pahang insya-Allah. Yang Berhormat Speaker, dengan ini saya menyokong. Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, [Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian. Pertama-tamanya, alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan inayahNya, dapatlah kita semua berdiri duduk di Dewan Yang Mulia ini untuk sama-sama mendengar dan menggulung perbahasan bagi Portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan sama-sama… setelah kita bersama-sama meneliti persoalan dan pandangan bernas daripada Ahl-ahli Yang Berhormat.

Sebelum itu, saya… izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di atas kepimpinan beliau dalam mengetuai Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini. Segala kejayaan, pencapaian negeri adalah berkat sokongan, kebijaksanaan dan kepimpinan yang berterusan daripada Institusi Diraja dan juga kerajaan negeri yang sentiasa mementing dan mendahulukan kesejahteraan rakyat.

Syabas dan tahniah juga diucapkan di atas prestasi cemerlang Kerajaan Negeri Pahang yang telah berjaya mencatat kutipan hasil melebihi RM1 bilion bagi tahun keempat... empat tahun berturut-turut sejak 2022 dan setinggi-tinggi penghargaan turut saya sampaikan kepada seluruh penjawat-penjawat awam sama ada di jabatan negeri ataupun persekutuan... persekutuan yang sentiasa menunjukkan kerjasama yang sangat baik dan komitmen yang sangat tinggi bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pahang, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan negeri. Sumbangan profesionalisme dan disiplin tuan-tuan dan puan-puan inilah yang menjadi tonggak kejayaan pentadbiran serta kejayaan kepada pelbagai inisiatif pembangunan negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bacakan serangkap pantun,

Gagah sungguh si pohon jati,
Dililit akar tumbuhan melata,
Sekiranya pemimpin dan rakyat bersatu hati,
Negeri cemerlang rakyat sejahtera.

Berlandaskan 'Aspirasi Pahang 1st: Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan', saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan negeri kerana telah meluluskan peruntukan kepada portfolio saya. Yang pertamanya RM3 juta untuk pemberian lesen secara percuma kepada penjaja B40. Keduanya, peruntukan RM28.7 juta untuk pembinaan Rumah Rakyat Pahang Fasa 6, RM10.29 juta untuk Rumah Rakyat Pahang kuota Orang Asli Fasa 7 dan RM15 juta untuk projek Skim Tanah Warisan Fasa 3.

Dan sesungguhnya segala pencapaian ini tidak akan dapat dicapai tanpa kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, yang sentiasa berusaha bersungguh-sungguh, komited dan berwawasan dalam menerajui pentadbiran dan pembangunan negeri Pahang, ke arah sebuah negeri yang mampu berdaya saing dan setanding dengan negeri-negeri maju yang lain. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja dan ini semua dapat dibuktikan di atas pencapaian prestasi ekonomi yang sangat cemerlang dengan pertumbuhan KDNK yang secara konsisten melepasi purata nasional serta menempatkan negeri Pahang di dalam kelompok terbaik negara selama tiga tahun berturut-turut.

Pada tahun 2022, negeri Pahang telah berjaya mencatat pertumbuhan sekitar 10.8%, diikuti pada tahun 2023, Pahang dengan pertumbuhan sekitar 5.2% dan pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan sekitar 5.7%. Dan negeri Pahang telah diiktiraf. Selain daripada itu, negeri Pahang juga telah diiktiraf sebagai negeri yang kedua paling bahagia di Malaysia dalam tempoh dua tahun berturut-turut oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Ahli Dewan menepuk meja] dan tahap kebahagiaan penduduk ini diukur melalui indeks kebahagiaan di bawah Program

Jaringan Penunjuk Mampan… Bandar, Petunjuk Bandar Luar Bandar… Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets).

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selanjutnya saya ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Pahang yang telah mengharumkan nama negeri Pahang sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Dan pencapaian inilah yang merupakan bukti yang nyata bahawa negeri Pahang kita berada di landasan yang betul dalam usaha untuk memajukan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Antara anugerah-anugerah yang telah diterima oleh PBT-PBT, yang pertamanya, Best Tourism Initiative dan Best Recreational Destination bagi Tourism Industry Award 2025 Peringkat Kebangsaan dianugerahkan kepada Majlis Bandaraya Kuantan [Ahli Dewan menepuk meja]. Gold Award 50th International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2025 juga dianugerahkan kepada Majlis Bandaraya Kuantan. Bandaraya… Bandar Paling Mampan 2025 sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan dianugerahkan kepada Majlis Bandaraya Kuantan bagi kategori Bandaraya dan Majlis Daerah Jerantut bagi kategori daerah.

Saya juga ingin mengucapkan, mengambil kesempatan ini dalam Dewan Yang Mulia untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Hormat Dato' Mohd Hafizi bin Ibrahim. Ada ke dalam ni? Cuba bangun sikit. Yang telah menerima Anugerah Tempat Ketiga bagi Kepimpinan PBT Terbaik, kategori Majlis Daerah dan Majlis Daerah Lipis memenangi Anugerah Naib Johan PBT Terbaik bagi kategori Majlis Daerah di Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT. Majlis Daerah Lipis, Majlis Daerah Cameron Highlands, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Perbandaran Temerloh turut tersenarai sebagai antara 20 bandar paling bahagia dalam Malaysia bagi tahun 2025.

Adalah menjadi harapan kepada kerajaan negeri agar segala pencapaian yang gemilang ini dapat terus menjadi pencetus semangat dan motivasi kepada seluruh PBT-PBT dan warga PBT di negeri Pahang untuk terus mengorak langkah cemerlang dalam memperkukuhkan perkhidmatan serta memperlihatkan lagi komitmen yang tinggi ke arah untuk memastikan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat serta memastikan pembangunan bandar yang mampan, inklusif, ceria, bersih, indah dan juga berdaya huni.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Agenda Bandar Rendah Karbon merupakan salah satu teras utama di bawah kerangka Bandar Mampan Negeri Pahang kita dan pendekatan ini selaras dengan komitmen negara terhadap ekonomi hijau. Pengurangan... pengurangan jejak karbon serta usaha meningkatkan lagi daya huni bandar dan kesejahteraan rakyat. Agenda ini juga dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan dasar, perancangan fizikal, pendidikan masyarakat dan juga pembangunan infrastruktur hijau. Antara-antara langkah yang strategik yang telah kita ambil adalah dengan melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Kuantan 2030 oleh Majlis Bandaraya Kuantan bagi menstrukturkan tindakan holistik, mengurangkan pelepasan karbon.

Kedua dengan pembangunan kemudahan pengecasan Electric Vehicle (EV), dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebagai salah satu komponen utama mobiliti rendah karbon di bawah agenda bandar mampan. Dan untuk pengetahuan

Sidang Dewan bahawa sehingga kini sebanyak 122 stesen pengecas Kenderaan Elektrik (EV) telah beroperasi di seluruh negeri Pahang dan kita merancang untuk membina lagi 197 er… stesen pengecas Kenderaan Elektrik. Ini diutarakan oleh YB Ketari ya YB Ketari dan saya berharap dengan siapnya stesen pengecas Kenderaan Elektrik ini, membolehkan kita semua boleh mengguna pakai kenderaan EV untuk… sebagai satu tindakan Bandar Rendah Karbon.

Sebagaimana yang telah saya jawab pada sesi pagi tadi, Kerajaan Negeri Pahang juga telah meluluskan tapak seluas 35 hektar bagi pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal berteraskan sisa ke tenaga, dengan izin, *waste to energy* Tuan Yang di-Pertua. WtE ini, sistem WtE, Waste to Energy bukan sahaja menyokong agenda Pahang Net Zero 2030, tetapi juga untuk memacu agenda nasional yang mempunyai saling kaitan seperti ekonomi kitaran, bandar pintar, bandar rendah karbon, kriteria SDG ke 11 iaitu bandar dan komuniti mampan, penggunaan kaedah WtE juga selari dengan hasrat kerajaan persekutuan yang mana tiada lagi tapak pelupusan terbuka baharu menjelang tahun 2040 untuk pengalaman. Untuk makluman Tuan Cheka tadilah yang kita debu tu dinamakan *fly ash, fly ash* yang dibuat yang... yang banyak tu *bottom ash* yang *bottom ash* ni boleh kita buat bahan binaan dan juga bahan tambakan *fly ash* ni yang sisa berjadual. Tetapi dalam untuk... untuk teknologi moden ni yang saya lawat tu lima tahun lepas WtE di China tu yang dah lima tahun teknologi dia. Tetapi yang yang terbaharu ni dia ada memasukkan teknologi untuk mengitar semula di W.. *fly ash* ni. Itu yang kita nak pergi nak ambik teknologi ni.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Insya-Allah tahniah kepada kerajaan negeri di atas usaha yang diambil. Cuma isu kita ialah isu sisa berjadual ni fasiliti yang ada di Malaysia ni hanya satu tapak sahaja untuk penempatan sisa berjadual iaitu di Selangor, di... di Negeri Sembilan. Sebenarnya kita telah mohon waktu kerajaan dulu untuk Pantai Timur ni *at least* kita ada satu tapak pelupusan sisa berjadual. Tuan-tuan boleh bayangkan sisa berjadual ini dihantar ke tapak pelupusan dengan kos yang agak tinggi. Tak silap saya dalam 30 ke 40 satu tan dan jumlah ini besar kalau sisa berjadual daripada WtE ini dihantar, saya fikir dia akan meningkatkan kos. *So*, boleh usaha supaya supaya tapak pelupusan sisa berjadual untuk Pantai Timur ni tak ada satu pun lagi di Pantai Timur kita belum ada lagi. Kalau sangat cantik kalau tapak yang disediakan itu juga di fasiliti WtE itu sesi... sesi untuk sisa berjadual di... diwujudkan. Sekadar pandangan sayalah terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yer. Terima kasih. Daripada Cheka. Sisa berjadual ni bukanlah daripada WtE je eh. Nanti ada daripada *oil and gas* dan berbagai-bagai lagi kilang-kilang kimia. Tapi yang *fly ash* untuk yang sisa domestik yang kita katakan apabila pembakaran dilakukan teknologi yang kita guna pakai ni dah komposkan sendiri. Takde lagi yang sedua yang menyebabkan bahaya untuk tu dan kita dapat jimatkan lagilah proses-proses untuk sebagaimana yang Cheka kata tadi, hantar ke kualiti alam di Negeri Sembilan. Jadi yang lain-lain tu kita mungkin ada juga cadangan-cadangan yang untuk mewujudkan kawasan-kawasan untuk melupuskan sisa-sisa berjadual.

Insya-Allah kita tengoklah masa akan datang. Sebab tu kawasan yang telah kita peruntukan tu luas untuk kita gunakan sebagai satu tempat yang kita namakan *waste management area* nanti pada masa akan datang, Insya-Allah. Dan yang keempatnya

kita menggalakkan penggunaan lampu LED di dalam kereta untuk rendah karbon ni. Kita menggalakkan penggunaan lampu LED dan juga tenaga solar di premis kerajaan serta komersial.

Dan untuk makluman Ahli Dewan, LPHP telah pun kita lancarkan pemasangan sistem solar pada Skim Perumahan Negeri Pahang sebagai langkah penjimatan tenaga dan pengurangan karbon.

Projek perintis yang pertama telah dilaksana di PR1MA Pahang Penjom, daerah Lipis pada 17 Oktober yang lalu yang melibatkan pemasangan sistem solar kepada 108 unit rumah. Makna Skim PR1MA Pahang ini akan datang kita cuba nak laksanakan sistem yang pemasangan bersama solar terus, solar ini dapat menjimatkan lagi kos elektrik kepada isi rumah di mana kalau sekarang ini puratanya bayar RM500.00 sebulan. Kalau boleh pembayaran tu sekitar RM200.00 hingga RM250.00 sebulan. Kita *cut* .. *cut* separuh kerana nak membantu penduduk-penduduk yang kita berikan Rumah PR1MA Pahang ini. Inilah projek perintis yang pertama kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Pahang juga merupakan negeri terakhir yang telah menguatkuasakan caj pemajuan melalui Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Pahang 2019. Walaupun kaedah ini telah kita wartakan pada tahun 2020, namun pelaksanaan sebenar hanya bermula pada tahun 2024. Caj pemajuan ini tidak dikenakan kepada mana-mana projek kerajaan termasuklah projek perumahan di bawah Skim Perumahan Negeri Pahang yang dilaksanakan oleh LPHP... LPHP. Prinsip caj pemajuan adalah perkongsian keuntungan disebabkan kenaikan nilai hartanah melalui pihak berkuasa tempatan. Tujuan caj pemajuan ini membolehkan PBT-PBT pada masa akan datang dan pihak berkuasa negeri menyediakan keperluan awam tambahan selaras dengan cadangan pembangunan pada masa akan datang.

Menyentuh mengenai penggunaan atau perbelanjaan wang caj semula yang dikutip oleh PBT. Wang ini bukanlah sekadar hasil kewangan tetapi juga merupakan sumber strategik yang membolehkan PBT melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan demi untuk kesejahteraan rakyat dan wang pemajuan ini dikutip boleh digunakan oleh PBT untuk membiayai penyediaan projek pembangunan seperti kemudahan awam termasuklah pembangunan infrastruktur asas, ruang awam seperti kawasan lapang dan taman-taman bandaran yang berkualiti. Sistem pengangkutan yang lebih efisien dan sistematik serta penyediaan kemudahan komuniti yang menjadi nadi kepada peningkatan mutu hidup masyarakat setempat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh tentang perumahan. Kerajaan negeri komited untuk memastikan penyediaan kediaman... kediaman yang mampu dimiliki, tersusun dan berdaya huni untuk rakyat negeri ini yang dikawal selia oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang untuk melaksanakan segala agenda pembangunan perumahan serta hartanah di seluruh negeri Pahang.

Untuk makluman Dewan, LPHP telah melaksanakan Skim Perumahan Negeri yang dinamakan Skim Perumahan Negeri Pahang yang terdiri daripada PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Pahangku, Rumah Pahang, Rumah Penjawat Awam Pahang, Rumah Mesra Pahang, Pangsapuri Pahangku, Rumah Rakyat Sultan Abdullah (Ru'RASA), Rumah Rakyat Pahang dan Program Residensi Rakyat (PRR).

Bagi tahun 2025 kerajaan negeri telah berjaya menyiapkan 1,876 unit yang bernilai RM217 juta. PR1MA Pahang 1,016 unit RM158 juta Rumah Rakyat Pahang 374 unit RM28 juta. Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah, 101 satu unit. RM12 juta, Rumah Makmur 125 unit RM10 juta dan PRR, Projek Residensi Rakyat 200 unit bernilai RM9 juta.

Sehingga kini untuk makluman Dewan, LPHP telah menyiapkan 28,771 unit rumah di seluruh negeri Pahang yang melibatkan nilai pembangunan sebanyak RM2.1 bilion, di mana PR1MA Pahang telah dibina sebanyak 9,057 unit yang bernilai RM1.4 bilion. Perumahan Awam Kos Rendah RM485 juta. Sebanyak 13,873 unit. Program Residensi Rakyat 4,168 unit RM149.3 juta. Rumah Makmur 212 unit RM16.9 juta. Rumah Rakyat Pahang 1,110 unit RM82 juta bernilai RM82 juta. Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah, 351 unit bernilai RM28 juta. Mengikut nilaian keseluruhan sebenar, pembangunan ini mencecah RM4.8 bilion Tuan Yang di-Pertua di mana RM2.7 bilion daripadanya adalah merupakan subsidi yang telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri dan dikembalikan terus kepada rakyat.

Dan subsidi ini jelas melalui penjualan rumah-rumah yang kita laksanakan. Sebagai contohnya PR1MA Pahang, harga sebenarnya RM400,000.00 tapi kita berikan subsidi RM250,000.00. Jadi harga sebenarnya harga dijual RM150,000.00 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

RM250,000.00 subsidi tu sebiji rumah. Rumah Makmur, harga sebenar RM220,000.00 dan subsidi RM140,000.00 dijual pada harga RM80,000.00 sahaja. Program Residensi Rakyat, harga sebenar RM300,000.00 tetapi disubsidi sebanyak RM255,000.00, dijual dengan harga RM45,000.00 sahaja. Dan antara lain lagi premium tanah untuk membina Rumah PR1MA Pahang ni dikenakan sebanyak RM12,000.00 satu lot. Tapi kerajaan negeri bagi pulak subsidi RM10,000.00 dan bayaran premium hanya dikenakan sebanyak RM2,000.00 sahaja untuk 1 lot Rumah PR1MA Pahang tersebut. Ada jugak yang mintak *reduce* lagi RM2,000.00 tinggal RM1,000.00 je.

Tuan di-Pertua,

Inilah kerajaan negeri yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan Skim Perumahan Negeri dan ialah satu usaha kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat... Amat Berhormat Menteri Besar untuk membantu melaksanakan pembangunan ini dengan jayanya.

Yang Berhormat Dato' Sri yang di-Pertua... Tuan Yang di-Pertua. Manakala bagi rumah Ru'RASA dan juga Rumah Rakyat Pahang, kerajaan negeri menanggung 100% kos pembinaan yang berjumlah RM80,000.00 seunit. Walaupun kos meningkat, kerajaan negeri terus melaksanakan program ini seiring dengan pembentangan Belanjawan 2026 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 5 Disember lalu dengan memperuntukkan sebanyak RM29.4 juta bagi Rumah Rakyat Pahang termasuklah membekal kelengkapan perabot atau peralatan elektrik.

Skim Perumahan Negeri Pahang tidak hanya memfokuskan kepada jualan rumah bersubsidi semata-mata tetapi turut melaksanakan pemberian rumah percuma kepada rakyat yang layak. Rumah Al-Sultan Abdullah yang telah dilaksanakan tahun 2023 telah berjaya menyiapkan 351 unit rumah bernilai RM26.33 juta melalui kerjasama dengan Emiriah Arab Bersatu manakala Rumah Rakyat Pahang yang dimulakan pada

2020 telah menyediakan 1,110 unit rumah bernilai RM83.25 juta untuk warga emas, ibu tunggal dan keluarga miskin tegar dan secara keseluruhannya sebanyak 1,461 unit kediaman telah disediakan dengan kos RM109.58 juta, sekali gus ia bukti yang jelas mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan rumah yang selesa, berkualiti, mampu milik dan berdaya huni. Tiada negeri lain yang memberi subsidi rumah percuma sebagaimana yang dilaksanakan di negeri Pahang. *This is Pahang… This is Pahang* Tuan Yang di-Pertua dan Pahang 1st dengan izin Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Tuan Yang di-Pertua…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan Tuan Yang di-Pertua… mencelah sikit.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Cepatnya.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Selalu mencelah sahaja.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ha… sila… sila.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya ada bangkitkan isu… er… er… apa kepada rakyat Pahang yang ingin memiliki rumah mampu milik ini mengambil tempoh yang lama. Jadi seperti yang saya bangkitkan kelmarinlah. Jadi apakah langkah-langkah yang pihak kerajaan akan lakukan untuk memenuhi permintaan er… er… permohonan melalui perolehan… e-Perolehan Pahang ni lah… perumahan Pahang. Itu soalan saya. Saya juga nak mengambil kesempatan er… di sini Timbalan Yang di-Pertua, untuk menjunjung kasih Kebawah… ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang kerana mengilhamkan Program Rumah Rakyat Sultan Abdullah (Ru'RASA) yang sehingga November 2025, sebanyak 384 unit rumah telah siap dibina dalam Fasa 1 dan Fasa 2 dengan nilai RM32 juta... RM32.45 juta. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ingatkan nak… nak tanya soalan apa. Boleh terus tulis. Apa ni sahabat saya daripada Kuala Sentul…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sebab… sebab YB cakap pasal tu… tapi tak… tak *respond* pada isu saya bangkitkan dua hari lepas.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ialah… ni nak bagitahu ni. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya daripada Sentul ini membangkitkan isu sebagaimana saya nyatakan sebelum ini. Maknanya rakyat mendaftar dalam satu sistem. Contohnya macam di Maran, di Kuala Sentul lah. Dan kita melihat keperluan perumahan di kawasan tersebut dan juga keupayaan pemaju yang untuk melaksanakan Perumahan PR1MA Pahang di kawasan contoh di Kuala Sentul. Apabila pemaju yang telah menghantarkan *Request of a… Request… RFP… Request for Proposal* dengan izin Yang di-Pertua, untuk dihantar dan kita menilai dan kita bersetuju untuk melaksanakan Skim Perumahan PR1MA Pahang di kawasan Kuala Sentul kerana kajian telah dibuat, ramai… banyak permintaan dan bila kita telah setuju, masa yang diberikan kepada pemaju tersebut hanyalah tiga tahun sahaja untuk melaksanakan rumah yang dicadangkan.

Sebagaimana kalau YB nak laksanakan program tersebut di Kuala Sentul, boleh datang dan boleh menghantar cadangan untuk kita melaksanakan skim perumahan dengan mempunyai kontraktor-kontraktor yang berkeupayaan dalam masa tiga tahun untuk menyempurnakan projek tersebut. Ini jangka masa lah. Sebab tu semalam saya kata kalau setakat Rumah Rakyat Pahang ni lulus tahun ni, tahun tu juga siap. Maknanya kalau lapan buah tahun ni, lapan buahlah siap… makna Rumah Rakyat Pahang yang dimohon tu, seluruh negeri Pahang. Tapi bergantunglah kalau Rumah PR1MA Pahang ni dia jenis besar. Satu kemajuan yang sangat besar dan kita perlu meneliti keupayaan kontraktor-kontraktor untuk melaksanakannya. Tapi setakat ni banyak projek-projek yang telah dilaksanakan dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya lah walaupun sikit-sikit pun ada… ada masalah juga. Bukan bumi mana yang tak ditimpa hujan, tapi masalah tersebut insya-Allah akan dapat diselesaikan. Macam ni bila nak habis ni. 10 minit je masuk.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB Timbalan Speaker. Yang… sebab YB sebut PR1MA Kuala Sentul tu bagi tempoh tiga tahun kan. PR1MA Kuala Sentul tu dah diberi *award* tahun 2017. Jadi sekarang 2025 dah lebih… lebihlah tiga tahun, makna lapan tahun tapi takde pergerakan ataupun permulaan bila nak mulakan pembangunan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

PR1MA tu kita telah batalkan dan telah di apa akan diberikan kepada orang-orang yang berupayalah. Kalau kita dapati bahawa ada yang menghantar jawapan…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Itu jawapan yang saya nak dengar.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

… sebab yang kita bila…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

… sebab orang Kuala Sentul dengar ni, *live*. Dia nak tahu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak apa. Kita… kita tak ada nak sorok-sorok. Benda yang betul, kita betul. Maknanya kalau benda tu tak berupaya, kita kerajaan kita menerima cadangan dan kita meneliti dan apabila biasalah YB, bila kita kahwin kita dapat isteri. Kadang-kadang kita tak tahu juga suami tu macam mana. Tiba-tiba suami nampak macam orang kaya, tiba-tiba akhirnya bila kahwin tengok… tengok suami tu rupanya kaki judi. Kita pun tak tahu. Jadi macam… macam seolah-olah macam kita… kita orang datang nak buat… melaksanakan projek perumahan, tetapi akhirnya bila sampai tengah-tengah jalan ada masalah dan dia tak boleh nak tu… contoh macam COVID dan lain-lain. Akhirnya projek tu tak dilaksanakan dan kita terpaksa mengambil alih dan melantik kontraktor baru. Itulah kita, cara kita menguruskan pelaksanaan perumahan dalam negeri Pahang kita. Tak boleh kita nak, oh… mesti siap… mesti siap, sedangkan yang swasta pun tak boleh siap. Nak bangunkan kerajaan sendiri pun… yang laksanakan peringkat persekutan pun ada projek yang menemui masalah juga. Inikan pula kita nak buat projek perumahan dalam negeri kita.

Tapi, alhamdulillah setakat ni tak banyak yang kita menemui masalah sangat. Tapi kita cuba mengatasi sebaik mungkin sebab rumah tu RM150,000.00 je, bukan rumah harga RM400,000.00. Ini realiti yang kita kena faham dalam melaksanakan skim perumahan ini. Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk menyiapkan. Sebab tu saya kata tadi, dalam kita telah berjaya menyiapkan 28,000 rumah yang bernilai RM4.8 bilion, RM27… RM2.7 bilion telah disubsidikan…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Timbalan Speaker… YB Timbalan Speaker…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

…dan jadi harga RM21… RM2.1 bilion je.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sikit… sikit je. Tak rumah PR1MA tu memang betul RM150,000.00 tapi kerajaan boleh tukar *design* daripada semi-D kepada teres. Jadi banyak… banyak caralah kan. Sama juga kalau kita sebelum kita kahwin, kita kena kenal dulu. Sebab tu ada tempoh bertunang.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Macam ni. Duduklah. Cerita-cerita ni, saya nak cerita contohnya apa yang YB cakap tu semua kerajaan buat. Hari ni kita dah kenalkan rumah teres pulak. Rumah PR1MA teres kerana kita nak banyakkan lagi unit. Kerajaan ni dia bukan duduk sahaja, kita meneliti setiap hari bagaimana untuk kita meningkatkan lagi bilangan rumah, dapat membantu untuk rakyat memiliki rumah yang harganya rendah. Bukan kita nak buat yang tu… kita *follow* tu sampai kiamat. YB, kita akan cuba melaksanakan pembaharuan dari masa....

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak apa YB… sebab saya nak tolong juga Kuala Sentul ni. Kalau boleh PR1MA tu kita… kita bincang nanti. Kalau… boleh… kalau boleh…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Benda yang sama. Ni… duduk…duduklah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

… kalau boleh projek tu nak bawa kat saya pun boleh.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak… saya tak bagi dah *line* dia. Sebab tak ada apa-apa pun isi. Ni apa ni… yang semalam tu saya dah bagitahu dah, lepas ni bincanglah kalau nak buat Rumah PR1MA Sentul tu boleh datang bincang, tak ada masalah. Kita nak tengok macam mana. Yang penting macam mana kita nak bantu rakyat ni. Yang penting bagaimana objektif kita untuk menyediakan rumah mampu milik sebagaimana agenda kerajaan kita pada hari ni. Minta maaf YB ya, ke ada lagi nak tanya? Yelah nanti karang balik tak tidur ni.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya terima kasihlah kepada YB Exco Perumahan ni. Memang saya tahu dia bekerja, merancang semua. Tapi dalam pelaksanaan tu ada *hiccup* lah… ada… yelah… ada banyak perkara yang kita perlu ambil pertimbangan. Jadi, tapi kalau kita dah tahu dari awal yang masalah tu akan tiba, kita ambil tindakan awal. Sebagai contoh, rumah PGBF yang saya dok cakap pada YB Exco, kan kita dah tahu saya dah tahu dari awal tengok kontraktor tu… pemaju tu memang bermasalah, jadi kita ambil tindakan awal itu sahaja. Kita er… kita sama-sama bekerja YB untuk rakyat kan. Saya pun bekerja untuk rakyat kawasan saya sebab saya Wakil Rakyat kawasan. Jadi saya terpaksa minta dengan YB Exco sebab YB Exco kerajaan er… yang mempunyai kuasa membuat semua ini. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak er… meluahkan isi hati. [ketawa] Ini er… kita er… YB yang sebenarnya kita mesti realistiklah ya dalam melaksanakan ini. Kita menerima siapa sahaja cadangan-cadangan yang telah kita nilai, kita masuk dalam jawatankuasa tindakan teknikal, kita tengok er… kita tengok dari segi kewangan dan dia boleh laksanakan apa dicadangkan itu tetapi kita akan memantaulah. Sekiranya menemui kegagalan kita akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuai mengikut lunas undang-undang. Kita tak boleh buat macam *cowboy* sahaja. Masalah sedikit terus er… LA belakang saya ini er… kita tak boleh me er… apa membuat seseorang itu mengikut er… perasaan kita sahaja. Kita mesti ikut lunas undang-undang, itulah tindakan yang kita ambil. Setakat ini insya-Allah kita yakin bahawa projek ini kita akan dapat kita siapkan dan tak ada siapa yang pun dianiayai sebab kita dah beri peluang yang masa dan sangat banyak untuk merealisasikan rumah, contoh rumah PGBF ini. Ini Kerajaan Negeri Pahang. Ini beri saya teruskanlah YB.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, 5 minit boleh?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sedikit lagi boleh?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Boleh saya teruskan ini?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya rasa dah cukuplah. Nanti er… nanti selepas ini keluar ke Dewan jadi er…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sedikit sahaja er… sedikit sahaja sebab ini isu kawasan yang saya bangkitkan kelmarin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi er… tapi saya rasa masa dah cukup. *I* rasa, 5 minit lagi saya bagi kepada er… Wakil Kerajaan boleh? Boleh habis dalam 5 minit?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

5 minit sahaja. 2 minitlah.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Bagi laluan kepada saya juga. Ada persoalan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ataupun bagi dia terus bercakap boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya serah kepada Yang Berhormat Wakil Kerajaan nak bagi ke tidak.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya er… duduk dahululah nanti saya dah rasa okay sedikit karang saya bagi er… [Ahli Dewan ketawa] Tak apa er… tak apa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, saya serah kepada Wakil Kerajaan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ini saya nak teruskan sedikit la er… ala bagi la saya teruskan sedikit nanti karang tak ada apa-apa pun tadi. [ketawa] Jawab dekat er… nanti ini apa… minum air pun boleh.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak er… isu er… isu tanah Jengka 2 yang masalah PBT yang pecah lot itu tak dapat kebenaran daripada er… kebenaran merancang majlis daerah jadi saya nak tahu apa tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Jengka 2 pula lepas ini. Jengka 2 ini kan *under* FELDA.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak, sekarang ini masalah dekat situ itu yang er… itu YB sebab masalah dekat situ bila saya pergi tengok, saya *check* FELDA tak ada rekod yang ada er… FELDA tak ada rekod, yang ada rekod dekat Majlis Daerah… Pejabat Tanah Daerah Maran er… itu jadi isu itu. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Kawasan itu mungkin kawasan GSA. Kita er… kita tak tahu, saya kena dapatkan maklumat lanjutlah. Soalan-soalan macam ini saya tak tahu mungkin dalam tanah GSA, kita tak ada pula kuasa PBT untuk membuat kebenaran merancang. Dia tanah kerajaan bolehlah kita buat kebenaran merancang sebab itu FELDA sekarang KKDW berbincang dengan KPKT bagaimana untuk selaras perkara ini sekiranya ada pembangunan baru di kawasan-kawasan FELDA pun serupa dengan sahabat saya daripada Chini ada masalah kawasan rumah er… saya er… saya ambil maklum serupa er… tak, saya nak jelas ini…

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Cuma, saya er…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya ambil maklum serupa er… saya nak… saya nak jelas ini. Saya nak jelas ini tiba saya er… kita cerita pasal PGBF, sekejap-kejap FELDA pula, kejap-kejap ini pula, kejap Jengka 2 pula jadi macam mana ini. Lepas itu bila saya nak siap ini tapi saya nak tunjuk sahabat saya ini daripada Chini masalah rumah dia itu. Dia buat rumah PGBF dulu dia tak ada pun kebenaran merancang, sekarang bila nak dapat CCC dah susah untuk bank nak adakan rumah kena ada CCC. CCC kena ada kebenaran merancang yang diluluskan. Dulu FELDA buat sahaja dan itu masalah kita yang kena selesaikan ini.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Speaker,

Saya pening tengok Kuala Sentul sekejap bangun, duduk, bangun, duduk. Bagilah Exco jelaskan habis. Sekian, terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan dia nak tanya saya. [Ahli Dewan ketawa] Saya ingatkan dia nak kata ya, betul itu YB tapi saya kata kat dia YB tak apa nanti er… nanti lepas ini kita akan duduk lagi semula bersama dengan majlis daerah dan er… bersama dengan FELDA bagaimana kita nak supaya bangunan itu dapat CCC dan boleh dijual kepada anak-anak muda ini rumah PGBF itu er… datang macam itu senang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat er… Yang Berhormat…

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya mencelah sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat, terima kasih banyak er… Yang Berhormat Kuala Sentul, tadi saya dah ulas mengenai PGBF, mengenai Jengka 2 tak perlu lagi nak ulang sebab kami dah memberikan komitmen pihak kerajaan negeri bersama FELDA sedang menguruskan perkara ini dengan perhalusi. Jengka 2 bersabar kerana ia telah diperhalusi jangan lagi er… tanya lagi banyak kali *so* ini menyakitkan hati orang *relax cool down*. Kita nak petang-petang minum kopi dulu insya-Allah kita teruskan Yang Berhormat. Silakan, terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Panggil er… geng itu. Panggil geng.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Terima kasih er… Yang Berhormat er… Yang Berhormat Pelangai menjalankan tugas saya. Sila, sila Yang Berhormat Wakil Kerajaan, 5 er… 2 minit lagi boleh habis. 2 minit lagi boleh. Sila, sila.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tiba-tiba daripada 5 minit tinggal 2 minit. [Ahli Dewan ketawa] Ini daripada Sentul ini Yang di-Pertua. Dia ini kalau dia nak itu masa itu juga er… tak bolehlah tak sempat dah. Kalau dia nak, nak juga macam itu. Jadi nak selesai masa itu juga, kena ada kesabaran sedikitlah. Insya-Allah, kita ini banyaklah kita dah menyelesaikan masalah ini insya-Allah. Ini masuk kawasan saya, di kawasan apa di Kampung Tiram semua dalam perhatian dan kita telah sedang mengambil tindakan yang bersesuaian. Kita tahu apa pembeli-pembeli membuat bayaran dan saya dah berbincang bersama-sama pihak pengurusan bagaimana untuk mengatasi masalah ini, insya-Allah dan kita juga melihat kesusahan pemaju-pemaju. Kita melihat dari seluruh aspek perundangannya supaya kita dapat mengambil tindakan yang betul bersama dengan LA nya, bersama Pejabat Kewangannya dan membuat satu keputusan yang tepat untuk mengatasi masalah seperti ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Skim perumahan negeri ini kita susun dengan teliti bagi manfaat pembangunan perumahan yang benar-benar sampai kepada mereka yang benar-benar layak. Sebagai contoh, PR1MA Pahang dia pendapatan isi rumah RM10,000.00 ke bawah sahaja. Rumah Makmur, Rumah Pahang dan Rumah Mesra Pahang RM5,000.00 ke bawah dan Rumah Projek Program Residensi Rakyat RM3,000.00 ke bawah sahaja. Rumah Penjawat Awam jenis teres satu tingkat minima RM6,000.00, rumah jenis berkembar minima RM10,000.00, jenis sebuah banglo minima RM12,000.00 untuk Rumah Penjawat Awam. Rumah Ru'RASA dan Rumah Rakyat Pahang khusus kepada mereka yang berdaftar di bawah e-Kasih di pejabat daerah tempat masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang juga, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak KPKT untuk melaksanakan Rumah Residensi Rakyat dan sehingga er… sehingga kini telah sebanyak 4,168 unit telah kita bina yang bernilai RM149.3 juta dah siap itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua 4,000 ini. 4,168 telah siap dibina dengan nilai RM149.3 juta dan telah diduduki dan pada masa akan datang kerajaan negeri bercadang untuk membina sebanyak 1,250 unit Rumah Residensi Rakyat. Program Residensi Rakyat yang bakal disiapkan melibatkan tiga daerah. Temerloh, Kuantan, Jerantut, Bera dan Pekan… lima daerah ini Temerloh, Kuantan, Jerantut, Bera dan Pekan dan selain daripada itu, kerajaan negeri bercadang mencadangkan enam tapak baru kepada KPKT bagi pembangunan rumah Program Residensi Rakyat untuk Kuantan di Kampung Seri Damai, Bentong di Telemong, Raub di Cheroh, Lipis… Benta di Lipis dan Batu er… Batu Yon untuk Lipis, Cameron Highlands di Tanah Rata Cameron Highlands dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya ambik kesempatan ini kerana ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sebagaimana saya cerita dalam rumah RRP tadi.

Saya berasa sangat terharulah Tuan Yang di-Pertua kerana sebagai contoh saya nak izin nak kongsilah selain daripada suami yang meninggal semalam, saya beri kepada seorang lagi itu yang mempunyai enam orang anak, seorang OKU dan ibunya tak bekerja. Suami dia kerja nelayan er… nelayan sungai dan rumah dia rumah kayu dan tak mempunyai apa-apa peralatan dan kita *decide* bagi rumah… satu rumah tahun lepas er… tahun ini dan akhirnya telah diduduki dan sangat menyedihkan kerana apa yang kita lakukan ini adalah merupakan satu manifestasi kesungguhan kerajaan untuk membantu rakyat-rakyat yang sangat-sangat memerlukan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Diraja dan LPHP juga telah membangunkan sistem e-Perumahan. Menerusi pautan *eperumahanpahang.gov.my* sebagai pusat sehenti pengumpulan data pembeli sejak tahun 2022 dan untuk makluman Ahli Dewan, portal ini telah dibangunkan sendiri oleh PahangGo Sdn. Bhd., salah satu anak syarikat Kerajaan Negeri Pahang dan sehingga Oktober 2025 portal telah merekodkan 112,391 permohonan daripada seluruh negeri Pahang termasuklah data-data yang terdahulu di Unit Perumahan telah kita *compile* er… campurkan sekali dan akhirnya berjumlah 112,391 permohonan rumah-rumah yang diperlukan oleh seluruh rakyat negeri Pahang. Statistik ini menunjukkan minat bahawa rakyat... minat rakyat terhadap perumahan mampu dimiliki terus meningkat dan menjadi panduan penting perancangan rumah masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak menggulunglah ya, dua minit lagi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dari kawasan Cheka, Tanah Rata, Tanah Rata dia tanya pasal apa ni... *insinerator* ya? *Insinerator* itu telah kita mohon untuk di*upgrade*kan daripada 40 tan metrik tan kepada 80 metrik tan dan mungkin akan dijawab secara bertulislah, secara terperinci kepada Tanah Rata. Kepada Tanah Rata, Ketari, Sungai Lembing, Kuala Sentul, Tioman serta Yang Berhormat er... Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas pertanyaan dan isu-isu yang dikemukakan berkaitan portfolio Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Bagi soalan-soalan yang tidak dapat saya jawab secara lisan, saya minta maaf dan saya akan memberikan jawapannya secara bertulis. Dan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga diberikan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, pihak berkuasa tempatan, pegawai-pegawai kerajaan negeri mahupun persekutuan dan pihak-pihak yang berkaitan atas kerjasama erat, komitmen yang padu yang diberikan kepada saya sepanjang saya memegang portfolio ini. Segala persoalan yang dikemukakan dalam dialog ini mencerminkan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memastikan pembangunan negeri Pahang berlaku secara terancang, inklusif dan juga mampan.

Portfolio ini akan terus dipandu oleh prinsip perancangan moden dan berdaya huni, pengurusan sisa yang efisien serta berteknologi, penyediaan infrastruktur hijau dan pembangunan bandar rendah karbon, di samping memastikan kesejahteraan rakyat kekal sebagai keutamaan utama dalam setiap dasar-dasar dan pelaksanaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas segala sokongan dan dorongan yang tiada berbelah bahagi buat kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Bak kata pepatah, *"Raja dan rakyat berpisah tiada".*

Kuala berarus membawa seri,
Hilirnya jernih tenang berlagu,
Bumi Pahang terus diberkati,
Makmur sejahtera sepanjang waktu.

Mengakhiri ucapan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan yang mendalam kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar di atas kepimpinan beliau yang berwibawa dalam memacu dan membawa Pahang ke arah pembaharuan yang lebih hebat, mampan, berdaya saing di samping komitmen berterusan terhadap kesejahteraan rakyat negeri Pahang. Dengan ini, saya mohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya sebenarnya mencelah tadi, kalau dapat...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa, nanti bila...

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Kalau dapat beri peluang untuk saya kemukakan satu pertanyaan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Portfolio bagi Yang Berhormat Perumahan dah habis, nanti minum kopi baharu tanya. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Ini soalan penting ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan penting boleh bincang kat luar juga. Jangan risau, ada peluang. *You*... *you* masih dalam blok kerajaan, jangan risau... jangan risau. Sesi yang kemudian saya tak pasti lagi. Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima Kasih Yang Berhormat Speaker. [Ayat al-Quran] Assalamualalaikum WBT. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Segala puji syukur kita panjatkan ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia kerana dia jugalah yang telah melimpahkan segala rahmat dan nikmat kepada kita dan juga contoh tauladan kita, junjungan besar Nabi kita, Muhammad SAW yang telah menunjukkan kepada kita bagaimana dalam kita membina sebuah ummah dan juga membina sebuah anak bangsa dan negara ini.

Jadi, susulan dari itu, saya ingin menyatakan apa yang dibawa oleh Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini melalui dasar Aspirasi Pahang 1st. Aspirasi ini maksudnya niat tersirat yang lahir daripada hati. Nabi ada bersabda, [bacaan dalam Bahasa Arab], “Habuan setiap sesuatu individu itu terhasil daripada niat yang tersurat di dalam sanubarinya". Di situlah kita nampak apa yang dikatakan oleh para ulama, [bacaan dalam Bahasa Arab], "Barang siapa murni hasratnya, niatnya, matlamatnya, pasti rezekinya akan dilimpahkan oleh Allah SWT". Jadi dengan pengumuman penghasilan bajet selama empat tahun berturut-turut sebanyak yang disebutkan RM1 bilion lebih. Ini adalah bukti niat murni di dalam usaha untuk menambahkan pendapatan kita di negeri Pahang Darul Makmur yang sebagaimana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Tetapi apa yang lebih kita syukur lagi, hasil daripada itu juga nampak bukan sahaja dia nak melimpahkan dan mengumpulkan tabung dengan disebutkan, kita mempunyai pendapatan yang besar dan banyak tetapi dinampakkan lagi dan dilimpahkan rezeki itu di dalam pendidikan, di dalam kebajikan, di dalam pembangunan ekonomi, di dalam pembangunan infra dan di dalam pembangunan hal ehwal agama Islam, luar bandar dan segala genap segi masyarakat yang ada di negeri Pahang Darul Makmur. Ini kita nampak terpayung di bawah firman Allah SWT, [ayat al-Quran], maknanya keseimbangan di antara membina kehidupan dunia dan mengejar kehidupan akhirat. Apa itu akhirat? Apabila kita membina ummah, pendidikannya, agamanya dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, saya sebagaimana rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah berjaya membentangkan sebuah Bajet yang syumul merangkapi dalam segala genap hidup negeri Pahang Darul Makmur ini. Mudah-mudahan sentiasa diberkati oleh Allah SWT. Saya tidak nak memanjangkan kata, kita pun dah di petang hari.

Saya ingin terus menjawab persoalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan di dalam Dewan, walaupun sebenarnya sebahagian besar telah saya jawabkan ketika rakan-rakan mengemukakan persoalan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Pertamanya, persoalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya saudara ADUN Padang Tengku, ADUN Chenor, ADUN Lanchang dan juga ADUN Tioman iaitu untuk membina Masjid Kampung Relong, Masjid Kampung Chegar Perah, Masjid Kampung Merchong, Masjid FELCRA Sungai Temau, Masjid Kampung Sekara, Masjid Kampung Nyak, Masjid Kampung Kertau.

Sebenarnya memang di antara agenda kerajaan negeri berusaha sedaya mungkin untuk mengimarahkan dan membina masjid-masjid di bumi Pahang ini dengan sebaik mungkin, dengan sedaya mungkin dan dah banyak pun masjid-masjid yang telah dibina dan sedang dibina. Bahkan baru-baru ini kita dengar sendiri di dalam Bajet, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mengumumkan pembinaan masjid di Indera Sempurna dan di Batu 3, Kuantan iaitu Masjid Al-Fatah tetapi setiap masjid yang ingin dibina, sayugia diingatkan, mestilah jawatankuasa masjid mengemukakan permohonan kepada Pejabat Agama Islam dan Pejabat Agama Islam akan mengangkat kepada Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang akan bawa kepada pengetahuan kerajaan untuk dibawa kepada SDO untuk dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan serta ke Pejabat Perdana Menteri supaya mendapatkan peruntukan dan di sana ada satu kesefahaman sebagaimana yang sebut sebelum ini di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Seandainya masjid itu nak dibinakan di kawasan bandar, maka kerajaan persekutuan hanya memperuntukkan 70% daripada kos yang dipohon oleh pihak masjid dan bakinya 30% akan ditanggung oleh kerajaan negeri. Begitu juga di luar bandar, kerajaan persekutuan hanya menanggung sebanyak 75% dan masjid didak di apa... di luar bandar akan ditanggung oleh kerajaan negeri sebanyak 25%. Sahabat saya daripada Padang Tengku juga membangkitkan tentang isu masjid lama yang ada di Padang Tengku contohnya Masjid Kampung Pagar, Mukim Penjom. Masjid Lama Kampung Sungai Damar, Masjid Lama Kampung Tanjung Besar dan Masjid Lama Kampung Jerangsang supaya dipulihara. Ini adalah satu saranan yang baik, supaya ia tidak menjadi usang dan buruk begitu sahaja serta terbiar. Namun, saya ingin menyatakan sayugia jugak, penduduk setempat. Saya ingin bawa contoh Masjid Kampung Baru di Jerantut.

Inisiatif daripada penduduk setempat, dia mencari peruntukan, dia mengumpul juga duit secara persendirian. Begitu juga Masjid Kampung Paya Taram yang lama dan Masjid Kampung Tekal yang lama telah berjaya dibaik pulih dan dipulihara oleh jawatankuasa masjid dan kerajaan insya-Allah sedia membantu. Sebab apa saya nyatakan begini. Setiap tahun saban tahun dan baru-baru ini jugak telah disebut dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Setiap masjid telah diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 diberikan kepada jawatankuasa masjid untuk menguruskan masjid masing-masing. [Ahli Dewan menepuk meja]. Bayangkan kita mempunyai lebih 600 buah masjid di negeri Pahang Darul Makmur.

ADUN Padang Tengku jugak dan ADUN Chenor membangkitkan tentang masjid warisan, masjid di kampung di bandar Lipis yang telah dinaiktarafkan dan dibenarkan

untuk solat Jumaat tetapi memandangkan oleh struktur bangunan itu tidak sesuai, membahayakan ahli jemaah maka, dinasihatkan untuk ditangguhkan dulu dan alhamdulillah pihak Jabatan Agama Islam Pahang telah mengenal pasti meneliti untuk mendapatkan peruntukan supaya baik pulih dapat dilaksanakan kepada masjid itu insya-Allah.

ADUN Cheka juga memberikan cadangan supaya dibenarkan solat Jumaat. Surau di apa... Pekan Baru di bandar Kuala Lipis. Ini pun cadangan yang baik, namun setiap masjid ataupun surau yang belum lagi mendapat kebenaran untuk solat Jumaat mestilah dipohon oleh pihak jawatankuasa surau kepada pihak pejabat agama untuk dipanjangkan kepada Jabatan Mufti dan Majlis Agama Islam Pahang agar dipertimbangkan dan mereka akan diteliti. Adakah syarat-syarat untuk mendirikan solat Jumaat itu cukup dan adakah benar ahli kariah berkenaan ingin untuk menunaikan dan mendirikan solat Jumaat di kariah mereka.

Begitu juga ADUN Luit bertanya tentang status tanah di Masjid, er... Kampung Ulu Luit. Sebenarnya status tanah itu telah dipohon oleh Majlis Agama Islam dan telah diperakui oleh Pejabat Tanah Daerah Maran dan pun telah diangkat ke PTG untuk mendapat kelulusan pihak MMK. Sekarang ini er... fail itu telah ada di PTG sampai pada 28 Ogos 2025 kelmarin. Masih dalam *queue* untuk masuk dalam MMK, biasanya ini tidak ada masalah, kita akan perakui di dalam Mesyuarat MMK untuk mendapat kelulusan di bawah er... Majlis Agama Islam Pahang.

ADUN Tioman juga membangkitkan soal tentang Masjid Kampung Tekek. Permohonan ini telah di telah disenaraikan di bawah Projek Rancangan Negeri Pahang 2026-2030 dengan siling RM30 juta di bawah Jabatan Agama Islam Pahang. Insya-Allah seandainya kita dimurahkan oleh Allah SWT rezeki, kita menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanpa ada geletek dan gangguan, pasti Allah SWT melimpahkan rezeki dan niat ADUN daripada Tioman akan menjadi kenyataan pada suatu hari nanti.

Begitu juga persoalan dibangkitkan oleh ADUN Cheka dan Bukit Ibam iaitu berkaitan dengan memartabatkan undang-undang Islam. Sebenarnya perkara ini saya dah jawab juga dalam er... ketika sahabat saya daripada apa namanya, Bukit Ibam bertanya, kita di negeri Pahang ini, alhamdulillah, kita bukan sahaja ada 14 RUU yang telah kita bentang menjadi enakmen di er... Mahkamah Syariah, bahkan sekarang ini kita telah mencecah kepada 16 enakmen.

Yang pertamanya, yang saya ingat Jenayah Syariah, Pentadbiran Islam, Perpindahan Agama, Penyebaran Agama selain daripada Islam, Wakaf, Tabung Masjid Tabung Amanah Masjid, Pentadbiran Pendidikan Islam dan juga apa namanya... kuasa kepada Mahkamah Rayuan. Semua ini telah kita bentangkan bukan dengan cara semberono, tetapi dia telah diwujudkan dizahirkan kertas-kertas yang diteliti oleh ahli-ahli pakar di dalam syariah yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Pahang. Kemudian itu, kertas itu dibawa dan dipanjangkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk diteliti adakah berlaku percanggahan di antara er... Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah.

Setelah memberikan penelitian dan didapati perkara itu wajar untuk dibentangkan di dalam Majlis Agama Islam Pahang dan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, barulah perkara itu diangkat setelah mendapat kelulusan akhirnya dibentang di dalam Dewan ini. Namun demikian, setelah dibentang dan mendapat kelulusan di dalam Dewan Yang Mulia, seandainya ada berlaku perkara-perkara yang perlu diberi

penelitian, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri akan memberikan nasihat dan pandangan untuk kerajaan negeri bawa kepada Mesyuarat MKI yang dipengerusikan kalau dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi pada ketika ini dipengerusikan Kebawah Duli Timbalan Yang di-Pertuan Agong iaitu Sultan Perak kita.

Jadi, sidang er… Dewan Yang Mulia, masalah tentang Enakmen Islam yang telah kita bentangkan di dalam Dewan Yang Mulia ini insya-Allah di dalam kawalan dan sentiasa kita berikan perhatian dan pengawalan yang sebaik-baiknya agar teras-teras, pagar-pagar yang telah kita bina bersama ini sentiasa kukuh dan utuh bagi memastikan agama Islam terus kita junjung dengan sebaik-baiknya.

Saya ingin menyentuh juga tentang portfolio luar bandar yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Bukit Ibam yang menyentuh tentang soal er... kampung-kampung tradisional yang belum mendapati geran. Sebenarnya memiliki geran tanah ini, siapa yang nak tanah dia kena mohon. Dia boleh mohon. Kita ada Pejabat Tanah. Orang Rompin nak tanah dia pergi jumpa DO Rompin. Isi borang, ambil pelan, mohon. Cari tanah. Orang Temerloh kalau teringin nak tanah pergi jumpa DO Temerloh. Orang Pekan, begitulah daerah yang lain-lainnya. Namun demikian, mungkin ada kesukaran bagi mereka yang nak mengenal pasti lokasi.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah memperkenalkan di penggal yang lalu iaitu satu skim yang dinamakan (STR) Skim Tanah Rakyat supaya Pejabat Daerah memandu arah penghulu dan pemimpin kampung, memastikan lokasi kosong dan memastikan mereka yang perlu kepada tanah, senaraikan dengan sempurna dan pastikan orang tu memang betul-betul tak ada tanah, kemudian dia boleh buat permohonan secara formal, dimajukan kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah akan bawa dalam mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah. Seandainya benda itu tidak berlapis dengan mana-mana rizab yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tanah Negeri, maka sudah tentu Pejabat Daerah kerana di atas dasar kerajaan negeri mewujudkan sistem STR ini akan memperakui supaya benda ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan negeri dan diangkat kepada PTG. Setelah itu, PTG akan bawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Semua benda ini, apabila kita dah buat kita telah menghasilkan kejayaan pada 9 September 2025 sebanyak 8,803 hak milik bagi kegunaan bangunan dan 8,008 hak milik bagi kegunaan pertanian telah didaftarkan di daerah Rompin. Selain itu, terdapat 611 permohonan pemberimilikan tanah kerajaan untuk kegunaan bangunan kediaman di Mukim Keratong yang sedang berada pada pelbagai peringkat di tindakan Pejabat Tanah Daerah Rompin. Banyak lagilah kalau kita pergi ke daerah lain, begitulah setiap minggu Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bahkan dalam kita berada sidang DUN ni pun, untuk makluman Ahli Dewan hari semalam, Yang Amat Amat Berhormat kaut kita orang ni bawa naik ke atas, suruh juga Mesyuarat MMK untuk memastikan proses untuk membantu orang memiliki tanah ni di dalam pelbagai bidang dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Soalan ADUN Kemayan membangkitkan tentang tadika kita di negeri Pahang ini. Tadika yang di bawah KEMAS. Adakah tidak wujud usaha menyelenggara tadika KEMAS yang kini sudah berusia dan memerlukan penyelenggaraan berkala. Jawapannya daripada pihak KEMAS yang kebetulannya saya bertanggungjawab kepada hal ehwal luar bandar ini. Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Pahang sangat mengambil maklum berkaitan dengan keadaan bangunan tabika dan taska yang sudah berusia lagi uzur. Demi menjaga keselamatan di samping memberi

keselesaan kepada kanak-kanak, tabika dan taska. Pada tahun 2024 KEMAS Negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak RM2,311,950.00 daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan disusuli pada tahun 2025 sebanyak RM5,076,775.00 dalam usaha untuk membaik pulih dan menyelenggara bangunan-bangunan tadika di negeri Pahang.

Jumlah bangunan Tadika KEMAS di negeri Pahang bukanlah sedikit, sebanyak 660 buah. Manakala… manakala Taska terdapat 34 buah. Cadangan bagi menaik taraf bangunan tadika dan taska seluruh negeri Pahang Darul Makmur telah pun dimasukkan di dalam perancangan tahun 2026 dengan peruntukan yang dipohon sebanyak RM1,500,000.00 Untuk maklumat rakan-rakan di dalam Dewan juga, dalam waktu yang sama kerajaan negeri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah membantu tadika-tadika KEMAS ini diberikan peruntukan pada setiap tadika sebanyak RM10,000.00 bagi memastikan guru-guru ini dapat melaksanakan pendidikan anak-anaknya dengan sempurna dan baik. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT, perkara ini dapat dilaksanakan dengan apa dengan kesungguhan kepimpinan negeri kita dan kombinasi dengan kepimpinan kerajaan persekutuan yang tidak pernah putus.

Saya ingin menyentuh juga tentang hal ehwal Orang Asli yang dibangkitkan oleh sahabat saya. Yang Berhormat Haris Salleh. Minta maaf, bukan Orang Asli. Orang Asli, tunggu sekejap. Ni tentang jalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada ADUN Tahan. Jalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya, ADUN Tahan, tentang perkembangan terkini dan pelan mitigasi bagi laluan kritikal DUN Tahan yang turut ditenggelami air, musim banjir. Pihak yang bertanggungjawab sama ada JKR, Kementerian Kemajuan Desa dan Luar Bandar telah berusaha segigih mungkin. Persoalannya yang dibangkitkan oleh rakan saya iaitu di Kampung Kuala Sat jajaran 2A, jajaran 2B Kampung Bantal, jajaran 2C Simpang Kampung Bantal ke Kampung Senggara, jajaran 2D di Kampung Bantal Seberang ke Kampung Gusai. Apakah status terkini bilakah proses pengambilan balik tanah boleh selesai dan apakah punca-punca yang menyumbangkan kepada kelewatan.

Pihak JPS komited dalam menangani risiko dan mengurangkan risiko banjir di daerah Jerantut termasuklah di kawasan DUN Tahan. Kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan dan mendalamkan sungai telah dilaksanakan. Kerja-kerja Pemulihan dan Penstabilan Tebing Serta Kerja Berkaitan di Kampung Bantal, Mukim Hulu Tembeling, daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur, Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Serta Kerja Berkaitan Aliran Sungai di Kampung Tekah, Mukim Tembeling Tengah, daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur, Kerja-Kerja Memulihkan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Ara, Kampung Air Itam, Mukim Tembeling Tengah, daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur.

Begitu juga Kerja-Kerja Memulihkan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengan Sungai Belerang di FELDA Padang Piol, Mukim Tembeling Tengah, daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur, Kerja Memulihkan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Retang di Hulu Retang, Mukim Tembeling Tengah, daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. Seterusnya Kerja Memulihkan Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Kampung Padang, Mukim Tembeling Tengah, daerah Jerantut di Pahang Darul Makmur. Sebagai langkah jangka masa panjang melalui peruntukan kerajaan negeri yang telah diluluskan, pihak JPS juga telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam untuk mengkaji pelaksanaan projek fizikal… fizikal yang bersesuaian. Agensi pelaksana bagi projek di atas adalah Kementerian Kemajuan Desa, Luar Bandar dan juga JKR itu sendiri.

Dan juga ADUN Tahan bertanya tentang Kampung Paya Garok. Untuk makluman, kejadian banjir yang berlaku di Jalan Paya Garok FT1508 adalah disebabkan *twin culvert* yang di laluan tersebut tidak dapat menampung air banjir. Apabila berlakunya musim tengkujuh, di samping *backflow* maksudnya air *tersenok*, air Sungai Pahang *tersenok* maka Kementerian JKR, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan cadangan menaik… menaik aras jalan dan pembinaan jambatan baharu menggantikan *culvert* sedia ada di dalam RP 3 RMK 12 menggantikan *culvert* sedia ada di dalam RP 3 RMK-12. Projek ini telah di telah siap direkabentuk dan telah dibuka pelawaan tender pada 3 Julai 2025. SST dijangka akan dikeluarkan pada 30 Januari 2026. Jabatan Pengairan dan Saliran pula telah melaksanakan pemuliharaan alur melibatkan skop kerja membersih dan mendalamkan sungai di kawasan tersebut. Pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah mendapat kelulusan pelaksanaan projek membina jalan dari Jalan Batu Embun, Tebing Tinggi ke Jalan Padang Piol, Sungai Retang, Jerantut, dan juga projek ini dalam RP 4 RMK-12. Projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya manakala jalan Simpang Paya Garok adalah di bawah penyelenggaraan pihak JKR Negeri Pahang.

Saya ingin berpindah kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya, ADUN Lantikan daripada Jerantut, Yang Berhormat Haris. Dicadangkan pemuda-pemuda kaum Orang Asli dilatih sebagai ECO *Guard* profesional bertauliah agar menjadi sumber pendapatan kepada mereka. Sebenarnya kita memang… kita memang mengalu-alukan kalau seandainya apa namanya pihak er... Perbadanan Taman Negara, Taman Negeri dan pihak Tourism ada menyediakan latihan-latihan ini. Kita sangat mengalu-alukan supaya anak-anak Orang Asli dapat dibantu dan mempunyai keupayaan untuk terus melangkah ke hadapan kerana dia orang ni dia lebih reti untuk beraktiviti di hutan, di gunung, di bukit, di sungai kerana kebiasaan mereka begitu.

Kerajaan negeri melalui ORACO, pelbagai aktiviti dilaksanakan kepada anak-anak Orang Asli ini. Contohnya Program Chup Badui Sikulah. Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, SK Kampung Pagi. Program Khidmat Bantu SK Sinderut, SK Titom dan SK Lenjang Tahun 2025, SK Sinderut, Titom dan Lenjang, program Perkampungan Ilmu Base SMK Betau di Eden Base Resort, Rompin, Program Digital School, SK Bukit Rok, Smart TV dan Smart Box, SK Titom dan Sinderut Smart TV, SK Kedaik Smart TV dan Smart Board.

Banyak lagilah program-program yang kita boleh laksanakan melalui keupayaan yang ada pada kita, kerajaan negeri, ORACO dan juga kerajaan persekutuan JAKOA. Jadi saya rasa dengan sedikit jawapan daripada saya.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Yang Berhormat Speaker, mohon. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kerdau berkait dengan Orang Asli ataupun ORACO ni. Saya mendapat aduan daripada penduduk Orang Asli Kampung Sungai Kelayat. Mereka mendakwa mereka telah meneroka tanah dengan menanam sawit di tanah berhampiran dengan kampung ini. Dalam masa yang sama, mereka telah memohon kelulusan secara berkelompok melalui ORACO. Malangnya, mereka mendakwa kebun mereka dirampas oleh sebuah syarikat yang mendapat kelulusan daripada PSK walaupun baharu enam bulan memohon dan dimaklum syarikat ini pemiliknya dari Kuala Lumpur. Jadi saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Kerdau.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Apa nama kampung YB?

(ADUN BUKIT IBAM -N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Kampung Sungai Kelayat dalam daerah Rompin.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dia begini Yang Berhormat. Di mana-mana kampung sekali pun termasuklah Kampung Sungai Kelayat. Sebenarnya dulu orang masyarakat saudara mara kita Orang Asli ini dia ada ladang, ladang dia ni dulunya dia orang tak boleh buat sendiri. Tahun 70-an 80-an dia tak pandai lagi bertanam ni. Jangan Orang Asli, orang Melayu pun tak pandai. Tanah orang Melayu dulu makan langsat tu hak cambah, makan makan langsat hak cambah, makan apa manggis hak cambah, makan apa nama lagi buah-buahan ni hak cambah. Kalau durian sebab dia biji, dia tak boleh telan itu hak dia campak kat tong sampah cambah juga. Jadi macam mana nak bantu orang asli ni nak berkebun. ,

Maka kerajaan pada ketika itu bantu mereka melalui RISDA. Buat kebun, buatkan ladang bukan dalam beberapa kawasan perkampungan Orang Asli yang ada tanah. Tak semua kampung Orang Asli dapat kita buat. Ada tempat Orang Asli yang tak ada tanah. Kita tak dapatlah nak bantu. Cumanya setelah beberapa tahun RISDA ni dia buat kerja. Lima tahun lepas dia *surrender*, dia tarik diri. Jadi tanah tanah Orang Asli ni terbiar tinggal dekat hampir setahun terbiar. Dia orang memang tak boleh buat. Kalau dia serahkan diri sendiri kalau *palar* ke dia sendiri tak ada akan ke mana perginya. Melainkan akan jadi semak samun je.

Jadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang simpati kepada Orang Asli kerana itu adalah sumber ekonomi dia orang. Rezeki dia orang nak hidup. Macam mana cara, kebetulan sebelum peristiwa ini berlaku peristiwa RISDA tarik diri ni. Sebelum itu lagi, ORACO telah diwujudkan. Tujuan ORACO ni wujud nak tolong Orang Asli ni nak bawa masuk ke universiti. Hak tak de rumah nak dibuatkan rumah, hak yang tak de rumah dia rosak boleh dibaiki tolong baiki. Jadi tak de jalan kita nak suruh sapa lagi nak nak menyelesaikan masalah kebun. Kita minta ORACO turun tangan bantu masyarakat Orang Asli ORACO dia akan pergi mana kebun-kebun yg terbiar tu kenal pasti untuk kita bangunkan dan majukan. Ada tempat-tempat kampung, contohnya di Paya Sendayan. Orang Asli tu dia boleh berdikari dengan syarikat yang dia ada. ORACO akan pandu arah, awak buat begini, buat begini tolong dia. Ada setengah kampung Orang Asli tu memang tak boleh, jadi ORACO pun tak dia. Dia bukan ada buruh. Dia bukan ada apa-apa satu badan yang boleh buat kerja sendiri. Makanya, dia akan melantik apa... minta bantuan daripada Yayasan Pahang ataupun minta bantuan daripada agensi-agensi yang lain yang boleh memandu arah kepada masyarakat Orang Asli ini supaya tanah dia dibangunkan. Kampung ini saya akan semak adakah benar syarikat luar tanpa kelulusan daripada pihak kerajaan negeri melalui ORACO. Seandainya dia mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan negeri dan ORACO. Kita semak kenapa pula orang luar? Setahu saya kita tidak akan lepaskan kepada orang luar. Kita masih ada lagi. Kita ada Yayasan Pahang kita ada apa namanya er... apa namanya... LKPP yang berpengalaman untuk mengusahakan ladang-ladang ini dan

cuma kita perlu kerjasama daripada masyarakat Orang Asli. Keyakinan daripada dia kita ni nak bantu dia orang.

Malangnya, untuk makluman YB ada di sana orang yang mengambil kesempatan, dia meracunkan kepala sedara mara kita. Orang Asli di negeri Pahang ni ada 93,000 nyawa, yang tak terkejar ke kita nak kejar sana tengah kepung di hulu, hak di hilir dah bocor pulak. Ada yang meracun tengah kejar yang di Temerloh, hak di Rompin pulak ada yang menghasut dia. Jadi ramai orang pergi ambil kesempatan di atas kelurusan dan kemurnian jiwa Orang Asli ni dia ambil kesempatan untuk mencari kekayaan. Ini pun ada berlaku, kita akan... kita akan rungkaikan masalah tu kita tak akan biarkan. Banyak dah kita selesai di Cameron Highlands, beberapa kampung dia telah mendapat pendapatan yang lumayan hasil daripada bantuan. Lebih lumayan masa dia dapat bantuan daripada RISDA kelmarin. Insya-Allah kita akan tengok ni Yang Berhormat. Terima kasih atas maklumat.

Saya ingin pindah kepada ADUN Chini yang bertanya tentang sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Sebenarnya banyak usaha-usaha yang telah kita buat sama ada pihak JAKOA, pihak ORACO memberikan pendidikan. Kita minta pula bantuan daripada Yayasan Pahang sehingga ramai sudah hampir 1,000 orang Orang Asli telah kita kenal pasti, kita bawa dia menjadi pekerja-pekerja dan menjadi tokoh-tokoh yang boleh menambahkan sumber pendapatan dia. Bantuan barangan peralatan kita berikan juga bantuan untuk dia bertani. Kita berikan juga kepada 269 penerima meningkatkan tahap ekonomi mereka supaya aktif dalam pertanian. Juga bantuan pembelajaran, kursus amali dan teori kepada 227 orang peserta termasuk kursus pengurusan makhluk perosak bersepadu. Seramai 30 peserta kursus tanaman getah secara *hands on* oleh on... *hands on* di Jerantut dan Lipis seramai 197 orang peserta bagi membolehkan peserta mengaplikasikan ilmu dan pengalaman secara berkesan. Khusus untuk usahawan Orang Asli pula JAKOA telah menganjurkan pelbagai program dan urusan untuk urus pelbagai program.

Di antaranya kursus asas peruncitan melibatkan 18 orang usahawan Orang Asli, pendedahan kepada usahawan tentang pengurusan perniagaan runcit, Karnival Usahawan Orang Asli melibatkan 13 usahawan Orang Asli dari Pahang membantu usahawan mempromosikan produk dan juga meneroka pasaran-pasaran baru. Juga bantuan bimbingan usahawan seramai 9 orang mendapat bantuan geran dengan jumlah RM85,780.00. Jadi mudah-mudahan dengan penjelasan yang saya sampaikan ini hari pun dah nak Maghrib. Saya rasa telah dapat menjawab sedikit sebanyak seandai kata ada tercicir daripada penjelasan saya terhadap persoalan rakan-rakan Ahli Dewan, Insya-Allah saya akan minta daripada pihak urus setia Dewan untuk membuat jawapan secara bertulis.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Tuan Speaker, harap memberi laluan untuk saya,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila sila.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Tuan Speaker, Saya ada kemukakan soalan berkaitan dengan bekalan air bersih kepada sebuah kampung Orang Asli di Kampung Ulu Pareh dalam DUN Sabai. Mereka ini dahaga. Dahaga bukan nak minum air, dahagakan bekalan air bersih. Telah saya kemukakan dan juga saya kemukakan tentang isu pewartaan tanah rizab Orang Asli. Sidang lalu memang saya ada kemukakan soalan ni. Saya harap adalah perkembangan ke arah untuk penyelesaian mutakhir terhadap isu ini. Sekian terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Soalan ini sebenarnya saya dah semak. Saya minta dengan urus setia, urus setia kata dia *forward* ke Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan memberikan penjelasan. Tapi walaupun begitu, saya dah pergi ke Kampung Ulu Pareh ni. Saya datang dengan Dato' CEO PAIP sendiri dan CEO PAIP telah mengenal pasti ada benda-benda yang besar. Kita terpaksa mencari peruntukan seperti tangki. Tetapi benda-benda yang kecil boleh diselesaikan oleh PAIP dalam waktu yang segera. Insya-Allah, kita akan bantu dan PAIP pun dah tunjuk tanda *best* ke saya. Insya-Allah akan disegerakan oleh pihak PAIP bagi memastikan masyarakat Orang Asli di Ulu Pareh dapat diselesaikan masalah air. InsyaAllah terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Seterusnya saya ingin menjemput Exco yang terakhir pada sesi petang ini dan saya ingin mengingatkan bahawa masa yang diperuntukkan untuk gulung adalah 30 minit sahaja Yang Berhormat. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat...

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st. [Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan izin kepada saya untuk membahaskan er... Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada 5 er... Disember yang lalu dan saya kira saat-saat ini genting sebab kita berada jam 7.05 dan er... tentunya berada dalam keadaan keresahan.

Dan persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan ADUN ini banyak yang er… perlu disentuh ya. Namun, saya akan cuba ringkaskanlah ya seringkas boleh. Tapi saya nak ambil kesempatan di sini. Pertama sekali nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang yang telah berjaya membentangkan satu bajet dan cadangan bagi tahun 2026 yang er... saya lihat begitu komprehensif sekali. Merangkumi semua aspek er... kehidupan dan bersandarkan kepada tujuh teras utama yang menjadi nadi pembangunan negeri yang rohnya ataupun falsafahnya merupakan Aspirasi Pahang 1st.

Dan sudah tentu sebenarnya sepertimana yang er... Yang Berhormat Tuan Speaker sedia maklum, penyediaan bajet ini sepertimana yang… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja maklumkan adalah merupakan satu proses yang cukup teliti. Kita buat *retreat,* dengan izin dengan melibatkan semua rakan-rakan Exco Kerajaan Negeri dengan er… penglibatan pada semua peringkat. Saf kepimpinan er... perkhidmatan kerajaan daripada Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri hinggalah ke peringkat saf barisan hadapan dan kita telah bincangkan dan kita telah teliti dan kita perhalusi.

Malahan kalau dilihat dari segi proses untuk menyediakan draf-draf awalan sendiri pun sebenarnya banyak cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Wakil-wakil Kerajaan sebab perbincangan ini sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, dia tidak er... makna memberikan seluas-luas peluang kepada semua pihak yang terlibat dengan *retreat* ini tadi untuk mengemukakan cadangan dan pandangan. Dan setelah diteliti, memang ianya melibatkan kos yang begitu tinggi. Namun, sepertimana yang kita sedia maklum, kita terpaksa mengemukakan cadangan bajet yang melibatkan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan dalam ruang litup yang munasabah.

Sebab itu, alhamdulillah apabila unjuran-unjuran er... hasil dalam tahun depan ialah RM1.249 dan er... maknanya RM1.279 maka er... ini cadangan perbelanjaan termasuk er... ini apa bajet untuk pembangunan ialah RM1.274, RM1.274 iaitu ada surplus 5… RM5 juta. Ini yang kerangkanya ini yang kita nak kita faham. Sebenarnya kalau ikut dari segi cadangan, memang kiranya banyak kita nak capai semua Yang Amat Berhormat Dato' Sri mempunyai hati yang murni. Maknanya dia kata tengok jangan ada rakyat yang tercicir dan tertinggal. Sebab itu untuk mendapatkan draf terakhir. Sebenarnya cukup teliti dia buat. Sebab itu dalam konteks seumpama ini saya bagi contoh, apabila saya turun ke lapangan pergi ke sekolah-sekolah, ada didapati bahawa di kalangan anak-anak murid di sekolah-sekolah ini ada di kalangan mereka yang tidak mempunyai kemampuan untuk membawa wang saku bagi belanja di sekolah.

Dan itu perkara itu sebenarnya er... kerana kita nak merangka tadilah. Kita kata, kita nak buat pembangunan. Kalau boleh bangunan baru sekolah. Tambahan kepada kemudahan-kemudahan yang ada ini yang besar-besar ni. Tapi pada masa yang sama dalam dapatan yang kita dapati setelah saya meninjau ke bawah ke lapangan bertemu dengan pengetua apabila dinyatakan bahawasanya ada terdapat murid-murid sekolah yang tidak membawa wang saku untuk berbelanja di… di sekolah dan dia melibatkan pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah menengah.

Kalau sekolah rendah, kita ada Rancangan Makanan Tambahan. Jadi ekoran daripada itu, setelah mendapat maklum balas daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, saya telah berjumpa sendiri dengan Yang Berhormat Dato' Sri Diraja dan maklumkan sebenarnya Dato' Sri. Terdapat lebih kurang dalam hampir 4,000 pelajar-pelajar yang berada dalam kategori ini seluruh negeri Pahang dan pada ketika itu dah draf terakhir itu dah… dah… dah siap dah sebenarnya. Dah siap dan kita mengira kalau RM5.00 sehari, kalau 4,000, RM20,000.00 ribu satu hari dan kita ada er... hari persekolahan lebih kurang dalam 190 hari. Tapi saya buatkan dalam 200, kira daripada 4,000 er... iaitu RM20,000.00 1 hari, 200 hari dan jumlah yang RM4 juta. Bila saya hampir kepada Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, kata masukkanlah.

Dan ini telah dimaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebab itu saya nak menceritakan betapa sebenarnya yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar walaupun kita dah bincang secara teliti tapi di akhir-akhir penyediaan ini belanjawan ini sendiri. Dato' Sri kata jangan ada di kalangan mereka yang tertinggal dan apatah lagi yang terdiri daripada anak-anak kita terdiri daripada pewaris kita. Maka dimasukkan RM4 juta dalam Bajet 2026 bagi menangani pelajar-pelajar yang berada dalam kelompok sedemikian.

Ini saya nak bagi contohnya betapa sebenarnya keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri. Menitikberatkan soal kebajikan dan pada masa yang sama menitikberatkan, soal masa depan, modal insan pendidikan. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini mungkin di kalangan kita tidak memahami bahawasanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri minta supaya kita jangan ada yang tertinggal. Namun sedemikian, bila kita bentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini, kita dapati banyak juga cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini. Cadangan nak ditambah baik tapi apakan daya. Sebenarnya dalam konteks seumpama ini kita bergerak dalam keadaan yang realiti.

Kita tidak mahu supaya misal contohnya kita dalam kita berbelanja. Kita terpaksa membuat pinjaman daripada kerajaan pusat di mana kita berada dalam keadaan di luar kemampuan kita. Sebab itu dalam konteks seumpama ini, pertama sekali saya merasa bahawasanya pengiktirafan, penghargaan ini saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang. Satu, seorang pemimpin yang sentiasa prihatin dan mengambil berat bukan sahaja kepada kita Ahli-ahli Dewan Yang Mulia tetapi kepada seluruh masyarakat rakyat jelata di negeri Pahang Darul Makmur [Ahli Dewan menepuk meja].

Dan bersandar pada itulah, saya lihat bahawasanya alhamdulillah. Belanjawan hari Jumaat yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar ini ada yang menyentuh aspek portfolio saya iaitu dua pendidikan dan Sektor Agromakanan. Dan dalam Bajet 2026 ni teras kedua iaitu Melonjak Ekonomi Negeri yang melibatkan Agromakanan dan teras ketiga, Meningkatkan Taraf Pendidikan dan TVET. Kedua-dua sektor ini mendapat peruntukan yang cukup besar iaitu bagi Pendidikan dan TVET berjumlah RM124.6 juta manakala dalam Sektor Agromakanan RM68.63 juta.

Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar dan kita mengharapkan insya-Allah ianya dapat memperkukuhkan kesejahteraan petani, pekebun, penternak dan komuniti luar bandar dan kita mengharapkan bahawasanya dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik termasuk permodenan pertanian, pengoptimuman tanah terbiar, sokongan geran agropreneur muda, belia, latihan teknikal serta pembangunan rantaian nilai hulu hilir agar hasil tani tempatan lebih berdaya saing. Ingatlah, mereka yang tidak belajar daripada pengalaman orang lain akhirnya terpaksa belajar daripada kesilapan sendiri. Sejarah telah banyak membuktikannya. Belajar dari negara lain bukan semestinya taksub tetapi keperluan untuk memperbaiki diri kita sendiri. Dunia pertanian tidak bergerak dengan ego. Ia bergerak dengan data, ilmu dan keberanian melihat contoh yang terbukti berjaya. Tidak ada negara yang bangun... yang bangun tanpa melihat ke luar ataupun tidak ada negara yang maju tanpa melihat ke luar.

Contohnya, Brazil sendiri tidak akan menjadi gergasi makanan dunia hanya kerana tanah mereka luas. Mereka bermula dari Wilayah Cerato yang orang sebagai tanah yang tak layak ditanam. Mereka tidak berhenti di situ apabila dilabel sedemikian. Mereka panggil penyelidik ubah struktur tanah lahirkan Brazilian Agriculture Research

Corporation (Embrapa) dan bentuk koperasi yang membina kekuatan dari petani kecil hingga ke kilang pemprosesan. Apa yang mereka lakukan bukan keajaiban tetapi kerja sistematik yang dilihat tanpa jemu. Belanda pula lebih kecil daripada kebanyakan negara hanya bersaiz sebesar negeri Pahang sahaja, namun mereka mengeksport hasil pertanian mengalahkan negara berganda saiznya bukan kerana tanaman mereka istimewa tetapi kerana mereka mengurus setiap inci tanah mereka sebagai aset yang berharga.

Greenhouse mereka bukan bangunan cantik. Ia Pusat Data, Pusat Kawalan Suhu, Pusat Eksperimen. Mereka tidak menunggu nasib. Mereka merancang setiap keputusan. Menceritakan kisah negara lain bukan tanda taksub. Tanda taksub ialah bila seseorang menolak belajar walaupun bukti di hadapan mata. Manakala tanda kematangan ialah apabila kita berhadapan ataupun apabila kita tidak malu mengakui bahawa orang lain lebih buat lebih baik dan kita boleh belajar daripada mereka.

Ingatlah ilmu bukan milik bangsa tertentu sahaja tetapi ia milik sesiapa yang sanggup untuk menuntutnya. Jika sesebuah negara seperti Brazil mampu mengubah tanah gersang menjadi industri atau Belanda yang berjaya menjadikan ladang kecil sebagai pusat inovasi global. Apa ruginya kita untuk belajar dengan mereka? Memandang negara lain bukan memuji mereka tetapi mempersiapkan kita agar tidak terus berjalan dalam gelap. Belajar bukan maknanya kita tunduk tetapi tandanya kita tidak menyerah kepada keadaan semata-mata. Kita kena belajar dari mereka yang berjaya dan cemerlang. Belanda tidak bermula dengan tanah yang luas atau cuaca yang baik. Mereka bermula dengan cara berfikir yang betul dalam dunia moden. Pertanian bukan lagi soal tanah tetapi teknologi serta pemikiran dan sikap positif petani-petani insya-Allah dengan berbekalkan semangat inilah, maka Pahang mengorak langkah untuk terus mentransformasikan sektor Agromakanan dengan pelbagai pendekatan termasuk belajar dari mereka yang berjaya. Mengapa saya nyatakan demikian? Kerana keterbukaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang yang mengizinkan kita untuk mencuba idea yang baru untuk mengubah untuk menambah baik sistem yang sedia ada. Inilah yang telah kita laksanakan. Alhamdulillah.. alhamdulillah.

Tengah hari tadi kita telah disajikan dengan rezeki daripada Allah SWT iaitu kita ada jamuan yang daripada stik Wagyu. Minta maaf ini ADUN Sabai, saya telah berjumpa dengan ADUN Sabai minta maaf banyak kerana kita selalu bercakap mengenai projek Wagyu ni.. bercakap mengenai projek Wagyu. Kemudian ada sahabat-sahabat daripada luar sana ada ADUN Tahan berjumpa bila lagi kita nak merasa ni stik Wagyu ni dia kata. Bercakap pasal Wagyu ni kerana kejayaan yang telah dibuat hasil daripada cetusan idea rangsangan sokongan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, kita bermula dengan 161 ekor lembu Wagyu yang terpaksa kita import daripada luar negara. Kita tak dapat nak import daripada Jepun. Kita import daripada Australia tetapi *lineage* dia dengan izin, baka dia ni menjurus sampai kami ke Miyazaki sampai ke Jepun dan kita nak lihat bagaimana kita nak perkasakan penternak kita jadi kita bawa satu idea yang diilhamkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

Dan sekarang ini daripada 161 ekor kita telah ada hampir 500 ekor Wagyu di Bukit Kajang di Raub. Ini tidak mungkin berlaku kalau sekiranya tidak ada apa yang dipanggil sebagai seorang pemimpin yang berjiwa besar kerana kalau mengikut laporan daripada World Bank dengan izin ***the biggest enemy, the biggest obstacle is a very conservative get keepers,*** dengan izin iaitu halangan yang paling besar kepada inovasi dan perubahan adalah mereka yang berkuasa yang mempunyai pemikiran

yang konservatif tidak, menerima pemikiran yang pembaharuan tetapi alhamdulillah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang berjiwa pemimpin dan sentiasa prihatin termasuk memikirkan bagaimana kita nak perkasakan sektor agromakanan.

Maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan restu dan meluluskan dan mencadangkan kita luluskan bajet tambahan. Satu ketika dahulu yang di mana itulah permulaannya perjalanan beribu-ribu batu bermula dengan langkah-langkah yang awal yang pertama. Dan sekarang ini kita lihat sektor ternakan kita misal contohnya Yayasan Pahang yang baru-baru ini telah diluluskan peruntukan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bermula dengan 800 ekor lembu Brahman jenis Brahman Cross yang kita beli daripada Darwin iaitu di Australia. Kini ada tambahan 800 lagi dan ianya sedang diternak dalam ladang sawit kita melalui Program Integrasi.

Begitu juga dengan penternak-penternak yang juga mendapat bantuan daripada kerajaan pusat kerana kita hendak perkasakan agromakanan Kerajaan MADANI di peringkat pusat sebenarnya ingin memperkukuhkan sektor agromakanan kerana kita tidak boleh bergantung kepada sumber luar. Kalau kita bergantung kepada sumber luar, maka kita dalam keadaan yang cukup bahaya. Sebab itu kita nak pertingkatkan SSL *level* jadi *level* [tak jelas] maknanya apa nama kebolehsaraan diri di peringkat kita. Jadi apa yang saya nak nyatakan di sini, pendekatan perancangan dari segi sektor agromakanan adalah menuju ke arah yang lebih dinamik.

Kita benarkan. Insya-Allah pendekatan-pendekatan yang hebat termasuk misal contoh memperkenalkan iaitu pelaksanaan atau pembinaan atau permulaan projek yang dinamakan sebagai projek Young Green House dengan izin di Cameron Highlands. Yayasan Pahang telah memulakan iaitu suatu usaha yang dibuat dengan kos lebih kurang dalam RM2 juta. Kita membina dan bekerjasama dengan SMACH... SMACH... SMACH Moden Agriculture Cameron Highlands. Yang ini menggunakan pendekatan di antara penerajunya ialah seorang berbangsa Belanda. Luke atau Lokman nama dia dan dia memberi tunjuk ajar kepada kita sebab tu kita kata tadi saya mulakan kita belajar pada mereka yang berjaya insya-Allah. Sebab tu dalam konteks seumpama ini saya nak zahirkan beberapa perkara pendekatan yang kita buat ialah pendekatan yang cukup dinamik. Dan insya-Allah, berilah ruang dan peluang untuk kita terus memajukan sektor agrofarm, agromakanan ini dengan pendekatan-pendekatan teknologi dan pemikiran yang positif.

Sebab itu, dalam konteks seumpama ini, saya amat berterima kasih kepada rakan-rakan ADUN yang telah memberikan pandangan, sama ada mengemukakan soalan-soalan untuk saya jawab dalam Dewan er... secara lisan ataupun mengemukakan pandangan dalam bentuk penghujahan, dalam perbahasan dan juga pandangan-pandangan yang saya kira mohon diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan negeri.

Saya nak zahirkan di sini, Yang Berhormat Tuan Speaker. Hari dah 7.25, iaitu rakan-rakan yang bangkitkan menyentuh tentang… tentang portfolio saya, iaitu ADUN Lanchang, ada Lanchang, ADUN Cheka, ADUN Kemayan, ada, ADUN Pulau Tawar, waris, Mentakab, ADUN Tioman, Ahli Yang Dilantik, Tioman, Doktor ada, Ahli Yang Dilantik 3, YB Haris, ADUN Chenor, ADUN Damak, ADUN Beserah, ADUN Kuala Semantan, Ahli Yang Dilantik Yang Berhormat Dato' Wong, ADUN Semambu, ADUN Tanah Rata, ADUN Sabai, YB ADUN Dilantik 4, Tuan Fadzli, kemudian ADUN Ketari, Padang Tengku, Lepar, ADUN Yang Dilantik Tuan Rizal Jamin, Batu Talam, Bukit Ibam, Inderapura. Ini yang saya ada, Chini.

Jadi, terima kasih. Perkara ini macam biasalah. Ini dia jawapan. Saya boleh sambung [ketawa]. Saya nak sangat, saya tadi duduk di atas itu tengok bagi tau. Saya beri tahu pegawai saya nak jawab ini kawan-kawan mesti bertanya. Tapi Tuan Speaker dah *warning* saya. Sebab itu saya bila lihat ini saya rasa Masya-Allah saya nak berit ahu terima kasih.
Pertama sekali sebelum saya terlupa, terima kasih kepada pegawai kerajaan. [Ahli Dewan menepuk meja]. Rakan-rakan kepegawaian yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha, Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri dibantu oleh Yang, Yang Berhormat Dato' Indera SFinO, dengan Yang Berhormat Dato' LA dan juga Ketua-ketua Jabatan yang ada ini.

Lengkap semua sekali, ada hadir menyediakan maklum balas jawapan bukan sahaja saya, tapi semua rakan-rakan yang ada di barisan kerajaan. Tidak terhingga. Tak tidur malam. Termasuk yang di atas pemerhati itu, Dato'-Dato' DO itu, pegawai-pegawai kerajaan tak boleh duduk di bawah, duduk di atas tapi tetap kekal bersama.

Betul, saya kadang-kadang rasanya, Dato' Sri macam gaya dua bulan itu macam rasa kalau boleh itu nak bagi lebih bukan kerana hogoh, bukan, tidak ini, jadi saya bagi tahu ini bukan Yang Amat Berhormat Dato' Sri rasa, tak ada lah kena mengena hogoh sekali dua bulan, hogoh dua kali dia macam main *jackpot* je. [ketawa].

Tapi kerana keikhlasan, ketulusan, lontaran. Rakan-rakan kepegawaian ini dia angkat ikrar sumpah, di bawah OSA ini, Official Secret Act, Akta Rahsia Rasmi. Kadangkalanya tidak boleh men*disclose*kan dengan izin. Mengeluarkan pernyataan yang dikira, rahsialah sebab kita ini sebenarnya kita jangan ingat ... je. Ada pihak lain juga mengkaji tengok macam mana keadaan kita. Sebab itu kadang-kadang itu mulut terkunci tapi jiwa nak, nak menceritakan termasuklah CEO PAIP, Yayasan Pahang, Datuk Bandar, YDP-YDP PBT, banyak Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Tapi kalau ikut Dato' Sri er... Diraja, kita nak bagi berapa ini. Dua ini rasa dulu dah sebulan setengah, ini dua. Tapi tak pernah RM500.00. Ya saya nak, bukanlah saya. Saya dengan ADUN Cheka ini kira umpama bukan kata eh bermusuh betul, dak tak tidak begitu. Tapi bukan RM500.00. Nak betulkan, bukan. Sebelum ini RM1,200.00 Dato' Sri, kemudian sebulan setengah. Kemudian sebulan setengah, dan Insya-Allah tahun depan dua bulan. Jadi fakta biar betul, ya. Ada ini, ini ADUN Tahan.

Macam tadi saya okay ya? Alhamdulillah. Tapi YB Ketari, dia kata malam ini malam Jumaat, YB Ketari cakap. Saya tak tahu ini bukan dia kata macam matador, tahu matador? Dia kalau saya tengok di Sepanyol yang lembu itu kan dia nak langgar matador itu, dia ada gini. Dia satu kaki tu gitu. Maknanya jaga, jaga engkau ... Saya tak faham. Saya biasa Yang Berhormat Dato' Sri Diraja, ADUN Ketari dia *very serious person*. Tapi hari ini dia kata ini malam fuhh dia kata, dia macam matador la kata. Saya kata okay la *alright* la nanti pagi besok beri tahu sama saya. [ketawa].

Jadi maknanya kita kongsi, kita perjelaskan. Banyak kebimbangan yang dia ada, diujukan. Sebab itu dalam konteks seumpama ini saya nak maklumkan pertama sekali, pegawai-pegawai ini di peringkat, semua peringkat. Tapi, oleh kerana saya berdiri sebagai apa nama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Exco Pertanian. Saya katakan, sebenarnya bersandar kepada komitmen mereka. Hingga hilang bendanya, maknanya tak terkata komitmen mereka, nak lonjakkan pemain-pemain industri agromakanan ini.

Sebab itu, dalam konteks ini, kalau kita lihat misal contohnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah membenarkan peruntukan dua sebanyak, RM3 juta untuk *Apprentice* nelayan. Untuk kita laksanakan. Bagaimana kita nak perkasakan masyarakat nelayan itu sendiri yang mungkin merasakan mereka tidak diberikan perhatian, Yang Amat Berhormat Dato' Sri kata, nelayan kita tengok, petani kita lihat semuanya yang sebenarnya.

Sebab itu dalam konteks seumpama ini, saya nak ucap terima kasih kepada semua. Dan apabila ADUN Ibam, sahabat saya, Yang Berhormat ADUN Ibam ini dia jarang bercakap. Saya selama tiga tahun dah. Maknanya kalau jumpa itu senyum dia cukup mahal. Nak mengorat dia lama dah. Tapi kiranya tetap dalam keadaan yang, dia senyuman dia mahal. Dan bila dia berkata-kata, ramai yang, misal contoh mendengar dengan penuh syahdu. Sebab itu saya nak sentuh sikit. Apabila dia maklumkan saya tidak salahkan dia tapi laporan itu. 166 premis loji penyembelihan. Ada wujudnya tadi, ada yang tidak berdaftar dengan Jabatan Veterinar. Dan di kalangan 166 tadi, 22 sahaja yang ada sijil halal. Dan daripada 22 ini tadi 15 yang dipunyai oleh orang Islam dan tujuh bukan Islam.

Jadi saya memikirkan ini ada satu kekeliruan. Saya dah jelaskan. Bila sebut premis penyembelihan, loji penyembelihan mengikut istilah dia, kaedah dia, kalau nak sembelih lima ekor ayam pun dia kira satu, tapi untuk mudahkan bagaimana saya nak buat cerita okay bandar Kuantan. Kalau kita sedia maklum, gerai makanan, gerai makanan banyak, ada yang jual ni apa nama kopok gonde, jual nasi lemak, jual karipap, jual apa nama temosa, jual mi, jual nasi dagang. Kalau kita nak ambil di Kuantan ni. Dato' Bandar ada kat sini, saya ingat ribu, orang kata ratus, ribu, malahan puluhan ribu ramai. Tapi kalau kita tanya, dia tetiba keluar dalam ni muka depan katalah 5,000 gerai yang makanan yang ada di Kuantan ni sekali hanya terdapat 100 saja yang ada Sijil Halal JAKIM. Kalut kita tak? sebab apa bila kita pergi ke gerai yang tebar roti canai, Sijil Halal JAKIM tak ada, tapi yang menebar, la Pak Man ni ada ni.

Oh, sedap daging kambing dia misal contohnya, jadi bila kita anggap begitu, bagaimana caranya adakah kita akan beli nasi lemak tu, kita makan roti canai tu, kita beli nasi dagang atau kita beli pisang. Misalnya contohnya, keropok lekor, kopek... keropok tu dengan satanya. Dengan apa nama bukan kopek manis ya. Ni *kopok* lekor, sata yang ikan ni celup tepung yang dekat dengan Tanjung Lumpur dekat dengan PETRONAS tu, dia tak ada sijil halal JAKIM.

Tapi kita makan semacam je kan, kerana apa? Inilah kaedah saya maksud saya, saya nak jelaskan bahawasanya Sijil Halal JAKIM ni boleh dipohon oleh semua pihak. Kalau ikut betul-betul waima yang meniaga roti canai tu, waima yang meniaga sata dan juga apa nama otak-otak tu, *kopok gonde* tu, *kopok* apa *kopok* lekor. Sebab saya panggil *kopok gonde*, *kopok* lekor. Dia kena ada sijil halal tu boleh menyakinkan. Tapi kalau berita ni disalah tafsirkan orang panik la semua. Oh, banyak betul premis yang yang takde sijil halal dah itu gambarannya. Dan yang penting di sini ada dua kaedah di mana Jabatan Agama Islam menjalankan kursus kepada penyembelih ni.

Dia lulus baharu ditauliahkan sebagai penyembelih dan mungkin dia tidak ada premis, Logo premis halal JAKIM tetapi dia ada penyembelih bertauliah yang diluluskan oleh Jabatan Agama Islam yang telah melalui kursus yang telah dia bagi yang tu. Jadi ini yang saya ingat ni, sahabat saya daripada Bukit Ibam ya. Maknanya nak maklumkan, kalau tidak nanti gempar semua orang tengok dia jadi cemas seolah-olah macam kita tak jaga kepentingan umat Islam. Tapi ini maksudnya yang saya nak bagi sedikit gambaran tentang perkara-perkara yang dibangkitkan ini, saya perlu perjelaskan.

Jadi saya rasa hari dah pukul 7.37 waktu mencemburuinya. Saya, jangan salah saya. Saya boleh, saya boleh maknanya sampai kata. Insya-Allah boleh setakat sehari dua ni boleh lagi, saya boleh maknanya. Tapi saya fikir satu perkara jelah. Sebagai kata insya-Allah, insya-Allah ya, insya-Allah. Saya terpaksa bagi jawapan secara bertulis kalau bersetujulah. Lebih suara yang bersetuju, betul? Tapi hanya sebagai ungkapanlah. Saya teringat bagaimana kerajaan merancang.

Ni *last, last* dah nak *landing* dah. Ni *last,* ni *last*, ni *last* saya nak *landing* dah ni, ni saya nak *landing* dah ni. Saya teringat ini tanpa saya nak usik sampai kita rasa jadi serba salah. Keadaan ini kerajaan merancang ni kita rancang begitu teliti sekali insya-Allah. Dan Insya-Allah walaupun perkara tu tadi masuk sampai ke 10 tahun 15 tahun 20 tahun, insya-Allah perancangan kita ni selalu *intact*. Bukan kita main-main. Sebab itu, saya nak beritahu apabila ni. Dak saya nak beritahu ni sebab dalam tahun 2012, yang menariknya baharu-baharu ni sahabat saya, sahabat la. Sahabat lama saya daripada Cheka, dia ada bangkitkan. Dia bertanya ada tidak kemungkinan kerajaan negeri memberi kepentingan atau saham dalam Lynas? Jadi, bila dia tanya tu saya pun pelik juga. Mengapa saya pelik, sebab dalam tahun 2012 gerakan telah dibuat untuk membantah penubuhan Lynas ini sendiri. Bukan salah saya, saya pun Google tengok tahun 2012. Dan dalam tahun 2012 tu, di antara yang menjadi *champion*, juara ialah wakil rakyat sahabat karib saya daripada Cheka yang mengepalai gerakan membantah usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri dalam membenarkan pengoperasian Lynas itu sendiri. Sudahlah berlalu, tapi yang saya lagi pelik bila apabila ADUN Cheka kata boleh tidak Pahang mengambil kepentingan beli saham dalam Lynas, yang itu saya tekejut.

Apa hal maru ni? Yang tu saya terkejut. Masa berlalu, tapi *stand* kita sebagai sebuah kerajaan dari dulu sampai sekarang kita tetap teguh. Dan saya yakin sahabat karib saya seorang lagi daripada Beserah. Tentu dia kata, kalau kita kata tutup Lynas, dia akan mempertahankan betapa ramainya mereka yang bergantung kepada wujudnya industri yang ditangani oleh syarikat Lynas. Itu yang maksud saya. Jadi, sebab itu saya nak ingatkan kawan-kawan dalam Dewan Yang Mulia ni, kadangkala kalau kita nak buat tu kita kena hati-hati.

Kalau kita rasa kita dah terlanjur tak payah cadang sebab kalau cadang dia naik semula. Eh... macam mana hari tu *you* bantah gila-gila, sekarang ni *you* pula minta kepada pihak kerajaan. Kita kena ada kepentingan sebab ini bernilai berapa bilion hari ini. Itu yang rasa pelik sikit ya. Bukan saya nak potong *steam* tidak wagyu-wagyu ya, tetapi maknanya wagyu bagi juga. Tapi nak cakap yang benar tu, saya terpaksa cakap juga.

Takde hal, saya biasa gitu. Ha... ini yang saya nak buat. Hari tu dekat Dewan saya dengan YB Cheka ni dulu, masa tu YB Jengka kita berentap dalam Dewan sampai saya nak kena keluar daripada Dewan. Eh.. *brother*, eh ini Yang Berhormat Speaker, mana ada dalam Dewan ni saya dah tengok ada yang kena keluar Dewan, tak ada. Saya pernah, pada ketika itu dan saya ingat lagi ayahanda kepada wakil kerajaan daripada Triang masa tu. Dua-dua ni bertekak ni, keluar diarahkan. Bentara, saya ingat Bentara yang ada ni tak pernah lagi nak mengiring wakil rakyat nak keluar. Dah bangun dah kita tetap sama. Akhir sekali, kita kena duduk termasuklah Jengka.

Tapi malam tu takdirnya saya boleh berpasangan dengan ADUN Triang, ayahanda kepada YB wakil kerajaan sekarang ni. Main boling eh... kita jadi juara. Sebab tu saya malas hari tu bila Speaker sebut juara tu, *I been there* dengan izin, sebab tu saya tak

datang. Kalau saya datang saya juaralah. Saya tak nak je datang. Saya nak bagi kawan-kawan semua termasuk ADUN daripada, *champion* siapa? Kemayan. Ini *my little brother*, dengan izin, ini abang ni, dak maknanya gabungan kita dalam ni kita hentak.

Tapi bila kita cakap pasal tu kita menyuarakan tapi kita kena tanggung jawab. Sebab itu, saya harap apabila saya zahir gini, saya nak menceritakan hati-hati bahawasanya kerajaan negeri mempunyai tanggungjawab dan amanah yang cukup besar dan kita akan teliti, kita bincang, sebab Yang Berhormat semua tak ada duduk dalam mesyuarat. Ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita berbeza dan kita bincang cara rasional bangkitkan, wakil daripada Triang bangkitkan, wakil daripada Teruntum bangkitkan kita bersama-samalah. Tapi bila kita buat keputusan sebulatnya kita memikirkan tidak ada rakyat yang terpinggir dan tidak ada yang dibezakan bersandar latar belakang kaum, agama mahupun kebudayaan [Ahli Dewan menepuk meja]. Yang ini kita nak. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini sekali lagi YB Tras dan tengok jam tu sebab YB Tras sekarang ni dia lain macam sikit, saya tengok dia wahh macho [ketawa] luar biasa. Alhamdulillah. *So,* time saya sentiasa cemburu kepada YB Tras.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Landing lagi? Belum *landing* lagi?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ada okay. Satu minit. [Ahli Dewan ketawa]. Saya dulu rambut panjang [Ahli Dewan ketawa]. Main bola orang panggil Ayala macam ni. Tapi bila masuk dalam bidang politik, inilah *hazard* pekerjaan. Jadi satu demi satu demi satu. Dato' Sri ya? Dato Sri hari tu rambut panjang semua masa dekat mana? Ha jadi, *Welcome to the club* [ketawa].

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri er... ni Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih. Minta maaf kalau sekira ada percakapan yang menyinggung perasaan. Takde langsung. Lepas ni boleh minum teh saya dengan rakan-rakan barisan Kerajaan mahupun Pembangkang. *I'm okay*. Saya tahu Yang Amat Berhormat Dato' Sri pun begitu, *very soft hearted*. Nampak begini Dato' Sri, tapi sebagai ketua kerajaan, jangan salahkan Dato' Sri. Dato' Sri ni panglima di depan misi mempertahankan kerajaan dan kita bertanggungjawab dan saya sebagai orang kata bukan panglima, leftenan gitu je (ketawa) bantu sedaya mungkin. Idea ini belanjawan ini setelah dirumuskan sebenarnya akhirnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Dato' Sri MB lah yang menggagaskan ni.

Jadi saya mohon sekali lagilah kita bagi satu penghormatan, tepukan gemuruh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri (Ahli Dewan menepuk meja). Dan dengan itu, saya menyokong Usul Belanjawan er... cadangan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Terima kasih. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Akhirnya *landing* ya (Ahli Dewan ketawa). Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 10 orang Ahli daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan di atas permasalahan

yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan mahupun penjelasan semasa pihak kerajaan menjawab. Persidangan kita akan disambung semula pada hari Jumaat, 12 Disember 2025 bermula pukul 9.30 pagi insya-Allah. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEENAM
12 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI KEENAM: 12 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 24
4.	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026 - MESYUARAT DALAM JAWATANKUASA	24 - 66
5.	USUL MENIMBANG USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2026	66 - 67
6.	USUL USUL PENUBUHAN KUMPULAN WANG AMANAH PEMULIHAN BERSAMA PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG DI BAWAH SEKSYEN 10 AKTA TATACARA KEWANGAN 1957	67 - 70
7.	USUL USUL SILING PERUNTUKAN NEGERI BAGI PROJEK RANCANGAN NEGERI PAHANG TAHUN 2026 - 2030 (RNP 2026 - 2030)	71 - 73
8.	URUSAN-URUSAN AM	73
9.	PENANGGUHAN	73 - 77

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 12 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. **YB Speaker Dewan Negeri Pahang.**		
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. **1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan** **2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**	-	Jelai
YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang**	-	Kerdau
YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang**	-	Peramu Jaya
YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai
YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum
YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN NEGERI

Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Jumaat, 12 Disember 2025
bersamaan 21 Jamadil Akhir 1447 Hijrah

DOA

Perkara Pertama : Doa

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Kita mulakan mesyuarat kita dengan membaca ummul kitab Al-Fatihah. [Bacaan ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri. Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Maha Mengasihani kepadanya. Terpulang segala puji-pujian Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan Taufik-Mu dipohonkan menyuluh memandukan kami ketika berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan Amin Ya Rabbal Alamin.

SETIAUSAHA DEWAN NEGERI

Perkara kedua : Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam Sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, Menteri Besar Pahang. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Seterusnya, pihak Dewan Negeri juga telah mengedarkan borang kajian Kepuasan Pelanggan untuk dinilai oleh ahli-ahli sekalian. Mohon kerjasama untuk melengkapkan borang tersebut bagi tujuan pembaikan persidangan Dewan Negeri Pahang di masa-masa akan datang.

Baiklah, untuk meneruskan aturan mesyuarat kita pada kali ini saya menjemput Yang Berhormat yang selanjutnya. Walau bagaimanapun, saya hanya membenarkan dua soalan tambahan sahaja. Untuk soalan pertanyaan pada pagi ini untuk kita memberikan ruang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, penggulungan dan kemudian usul ini Rang Undang-undang meluluskan Rang Undang-undang usul dan juga dan juga meluluskan kertas-kertas yang lampiran. Dengan ini, saya menjemput soalan pertama wakil daripada Kuala Semantan.

(ADUN SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua. Soalan saya nombor 1. Terima kasih.

> [Mohon kerajaan nyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh syarikat GLC semenjak tahun 2015 sehingga tahun 2024 dan apakah tindakan yang telah diambil?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat Pagi, salam sejahtera, salam Pahang 1st. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN kawasan Kuala Semantan. Cuma soalannya menyatakan jumlah kerugian. Saya ingat soalan yang menyatakan jumlah keuntungan. Jadi awal-awal lagi seolah-olah *state* dia ada sini macam rugi. Fakta tidak pernah berbohong. Angka pun tidak pernah berbohong. Jadi, saya akan baca apa yang saya dapat sebab ia melibatkan angka ya. Jadi soalan daripada Semantan tanya sejak tahun 2015. Patut tanya sejak 2018 lah. Sebab saya mengambil alih tampuk pemerintahan negeri 2018. Takpe kita ikut soalan yang dikemukakan.

Yang hormat Dato' Sri Speaker. Prestasi kewangan GLC syarikat GLC Government Link Company Negeri Pahang bagi tempoh 2015 hingga 2024 menunjukkan pola bercampur. Dengan kerugian tinggi pada awal tempoh sebelum pulih melalui intervensi kerajaan negeri. Penstrukturan semula syarikat serta pemulihan ekonomi pasca COVID-19. Secara keseluruhan, kedudukan GLC kini lebih stabil dengan peningkatan kecekapan dan tadbir urus. Kita lihat kepada prestasi syarikat. Sebagai contohnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang merekodkan kerugian RM43 juta pada tahun 2016 hingga 2017 sebelum mencapai keuntungan kumulatif 254.7 juta daripada tahun 2018 sehingga 2024.

Untuk makluman, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker juga PKNP ni dulu ada hutang. Tetapi sekarang ni *zero* hutang dah dapat bayar semua. Syabas dan tahniah. Manakala Yayasan Pahang kekal kukuh dengan keuntungan RM873 juta pada tahun 2016 hingga 2024 manakala Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang atau PKPP mencatat keuntungan RM1.2 bilion bagi tempoh yang sama. Sebab itu, soalan sepatutnya menyatakan jumlah keuntungan bukan jumlah kerugian. Jadi Ahli-ahli Dewan boleh fikirlah. Ya. Manakala Perbadanan Setiausaha Kerajaan mengalami kerugian RM623 juta pada tahun 2017 sehingga 2020. Namun berjaya merekodkan keuntungan kumulatif sebanyak RM44 juta bermula pada tahun 2023 hingga 2024 keuntungan PSK ini telah mengambil kira sumbangan tahunan kepada kerajaan negeri daripada tahun 2017 hingga 2024 sebanyak RM646.8 juta manakala Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) mencatat kerugian besar sebanyak RM618.3 juta pada tahun 2018 sehingga 2022 dan mula mencatat semula keuntungan bermula pada tahun. 2023 PAIP seterusnya mencatat keuntungan komoditi sebanyak RM269 juta pada tahun 2023 hingga 2024.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Itu yang dapat bonus dua bulan tu ya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bukan sebab hogoh. Manakala Amanah Saham Pahang menunjukkan prestasi bercampur dengan kerugian RM13.47 juta pada tahun 2016 & Keuntungan RM24.5 juta pada tahun 2017, 2019, 2021. Serta keuntungan tambahan RM 19.3 juta ringgit pada tahun 2023 2024. State GLC baru yang ditubuhkan termasuk Pahang Mining Corporation mencatatkan peningkatan keuntungan daripada RM679 ribu pada tahun 2020 kepada RM2.9 juta pada tahun 2024. Dengan keuntungan kumulatif RM 7.5 juta. Kumpulan Pahang Corporation pula turut mencatat keuntungan kumulatif sebanyak RM51.2 juta daripada tahun 2020 sehingga 2024. Manakala PKCH Perbadanan Kemajuan Highlands mencatat keuntungan kumulatif sebanyak RM16.8 juta sejak penubuhannya pada tahun 2020 sehingga 2024. Manakala pengurusan Pasir Pahang Barat mencatat keuntungan komuniti RM 86 juta pada tahun 2019 hingga 2021 sebelum mencatat kerugian kumulatif RM8.3 juta pada tahun 2022 hingga 2024 akibat pembekuan lesen eksport oleh kerajaan pesekutuan. Jadi ringkasan keseluruhannya, jumlah kerugian kumulatif adalah RM 1.3 bilion sebahagian besarnya melibatkan PAIP sebanyak RM618.3 juta akibat pengekalan kadar lama harga air yang tidak mampu menanggung kos operasi.

Manakala PSK sebanyak RM623.5 juta di mana RM205.35 juta adalah disebabkan merosot nilai saham di dalam dua pelaburan PSK, manakala selebihnya melibatkan sumbangan kepada kerajaan negeri. Jumlah keuntungan kumulatif daripada tahun 2015 sehingga 2024 ialah sebanyak RM2.3 bilion. [Ahli Dewan menepuk].

Prestasi dua tahun kebelakangan ini menunjukkan permulaan yang kukuh dan peningkatan disiplin kewangan dalam keseluruhan ekosistem GLC. Kerajaan negeri melaksanakan pemantauan berasaskan sektor mewajibkan laporan berkala CEO serta pelaksanaan pelan pemulihan bagi syarikat yang merekodkan kerugian. Langkah ini bagi memastikan tindakan penambahbaikan dibuat secara teratur, berfokus dan dipantau rapi.

Kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kerajaan negeri sangat optimis bahawa momentum peningkatan ini akan terus mengukuhkan peranan GLC sebagai pemacu ekonomi Pahang. Kerajaan komited memastikan setiap GL… GLC beroperasi berdasarkan prinsip kecekapan, ketelusan, integriti dan prestasi demi menjamin pulangan berterusan kepada negeri dan rakyat.

Saya juga nak menambah sedikit bahawa ada anak-anak syarikat di peringkat awalnya yang kita dapati ada er... tadbir urusnya, tatakelolanya yang kurang ataupun lari sikit daripada yang sepatutnya. Sehingga kita mengarahkan satu forensik audit dilaksanakan dan berakhir dengan peletakan jawatan beberapa… apa ni… kakitangan penting, apabila kita masuk… apabila forensik audit masuk dalam satu State GLC agensi tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZABA

Dato' Sri Speaker, soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sekampung… Orang ni tanya soalan, orang ni… orang ni tambah soalan. Dia sekampung Yang Amat Berhormat.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZABA

Anak… anak beranak, termasuk Speaker juga. Apakah er… sumbangan syarikat-syarikat berkaitan GLC kepada peluang pekerjaan di dalam negeri Pahang bagi tempoh… ini saya ambil tempoh masa perkhidmatan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker 2020 hingga 2024? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Jenderak. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Pada tahun 2018 dan seterusnya, kerajaan negerilah… saya tak menyebut saya… saya sebut kerajaan negeri... kerajaan negeri telah menubuhkan banyak anak syarikat, Pahang Mining Corporation, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, Pahang Water Energy Resources, Pahang Corp, PahangGo dan banyak lagilah dan hasil daripada itu yang pertama sekali peluang pekerjaan di mana yang di tanya oleh Yang Berhormat Jenderak tadi. Kita telah mewujudkan hampir lebih kurang saya bulatkan 6,000 peluang pekerjaan yang telah diwujudkan akibat daripada penubuhan anak-anak syarikat. [Ahli Dewan menepuk] Dan sumbangan anak-anak syarikat tersebut kepada kerajaan negeri tidaklah terkira banyaknya yang… yang membolehkan kita membayar bonus. Sebelum ini tiga tahun berturut-turut satu bulan setengah, pada tahun ini kita bayar dua bulan Bantuan Khas Kewangan dan ini adalah salah satu sumbangan anak-anak syarikat ini kepada Kerajaan Negeri Pahang Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia ada… *multiplying effect* Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. *Multiplying effect* …

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya… orang tu dapat gaji, dia bayar *income tax.*

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bayar gaji… peluang pekerjaan… *income tax* dan sebagainya. Alhamdulillah, syukur pada Allah dan saya berharap supaya State GLC akan terus memainkan peranannya dan salah satu lagi yang… yang kerajaan negeri buat Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pengambilan CEO… ada… ada pengambilan CEO, saya dan saya minta rakan-rakan saya daripada Exco, jangan keluarkan surat sokongan sebab kita nak ambil '*The Best of The Best'* kerana CEO ni penting. Kalau CEO ini gagal, makna anak syarikat tersebut gagal dan panelnya… panel terdiri daripada… ada akauntan, ada pakar kewangan, ada pakar pentadbiran, ada pakar ladang dan sebagainya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Perundangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Perundangan dan saya sendiri bagi tahu kepada kelima-lima panel ini, andainya CEO tersebut dilantik tidak *perform*, saya tak cari CEO tersebut, saya akan cari kelima-lima panel tersebut. Sebagai contohnya CEO PAIP, saya tak… tak campur tangan langsung. Ada yang jumpa saya, Tok Wan*,* bagi surat sokongan dan sebagainya. Saya kata, saya minta maaf sebab kalau berlakunya kegagalan di dalam anak syarikat ni, yang ruginya adalah kerajaan negeri dan syarikat tersebut dan pegawai dan kakitangan anak syarikat tersebut.

Oleh sebab itulah perlantikan CEO kita tidak campur tangan. Kita ambil *'The Best of The Best'*, yang dapat untungnya ialah syarikat tersebut, pegawai dan kakitangan syarikat tersebut, kerajaan dan juga rakyat negeri Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat. Saya saja nak *share* lah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya ada kawan saya, dia ni konsultan. Dia ni bukan orang Pahang pun. Dia pun tak ada kena mengena dengan Pahang. Tapi dia cakap dia nak pergi Pahang. Saya tanya kenapa? Dia cakap saya jadi panel untuk *interview* CEO. Saya pun tak tahu, dia cakap dia memang konsultanlah. Dia ada syarikat konsultan duduk di Kuala Lumpur. Tapi, maknanya dia menjadi ini… cakap dapat elaun… dapat. *So*, dia jadi salah seorang daripada penemuduga untuk CEO. *So*, orang yang kita tak kenal langsung dan tak kenal pun siapa CEO-CEO yang calon-calon CEO tu. *I think this is a good practice* lah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. *Good practice* dan terbukti Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, setakat hari ini saya boleh nyatakan di dalam Dewan yang mulia ni semua CEO yang dilantik oleh kerajaan negeri menerajui anak-anak syarikat berjaya mencipta keuntungan anak-anak syarikat semua. [Ahli Dewan menepuk] Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada panel temuduga dan juga kepada mereka yang dilantik sebagai CEO. Alhamdulillah, syukur. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Satu soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir untuk soalan ni.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okay. Er… pertama saya ucapkan tahniah pada Yang Amat Berhormat di atas anak syarikat yang telah mencatat keuntungan. Memang tujuan GLC ditubuh ialah untuk menjana pendapatan bagi kerajaan negeri. Jadi, tindakan segera ke atas syarikat-syarikat yang bermasalah adalah satu tindakan yang sangat positif. Tahniah. Cuma saya ingin dapat penjelasan berhubung dengan bagaimana Mentiga Corporation, kedudukan kewangan Mentiga Corporation yang tidak disenaraikan dalam jawapan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mentiga Corporation ini adalah salah satu *public listed company*. Memang ada sedikit masalah kewangan, *cashflow*. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka, State GLC yang saya sebutkan yang sebelum ini kebanyakan daripadanya walaupun bukan semua, dipengerusikan oleh Menteri Besar. Jadi saya tahu daripada A sampai Z lah. Dan Mentiga ini pun… kita pun ambil tahu jugak sebab ASPA ada *share* dalam tu. Tetapi dia… dia lebih kurang macam pasir jugak la… pasir dia mencatat keuntungan, tiba-tiba kerajaan persekutuan tak bagi permit, masa Yang Berhormat jadi Menteri… ke tidak. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya tidak… tidak… tidak jaga pasir masa itu. Polisi saya ingat ialah hak kerajaan negeri. Tapi ini MITI, melibatkan MITI… Menteri masa masa tu dalam kerajaan sekarang pun.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi sahabat saya daripada Benta bagitahu Yang Berhormat jadi Menteri masa tu… boleh bagi patutnya. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Pahang 1st … Pahang 1st .

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pahang 1st . Tak apa lah. Jadi Yang Berhormat… jadi yang Mentiga ni, keadaannya agak-agak stabillah… adalah sikit… turun naik dan sebagainya… sedikit menghadapi *cashflow,* tetapi kerajaan negeri bantu dan sekarang ni… alhamdulillah bertambah baik dan tidaklah sampai keluar Borang PN17 untuk ditutup sebab dia *public listed company,* semua *getting better*.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker juga… Ahli-ahli Dewan, semasa saya menjadi er... menjadi Menteri Besar, saya lihat ada anak-anak syarikat yang agak tidak begitu baik kedudukan kewangannya dan macam-macamlah. Dan saya telah bagi kepada mereka… saya bagitahu dalam masa dua ke tiga tahun, anak-anak syarikat ni mesti mendapat *break even*. Tak rugi tak untung. Kalau tidak, saya akan

tutup. Dan alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, semuanya mencatat keuntungan. Maknanya *perform* lah. Syabas dan tahniah saya ucapkan. [Ahli Dewan menepuk meja].

Jadi insya-Allah kita akan fikir lagi kalau sekiranya mana-mana yang kita perlu perbaiki, kita tambah baik… kalau sekiranya perlu di… ditubuhkan dicarikan lagi anak-anak syarikat, kita akan tubuhkan lagi sebab ianya boleh mewujudkan peluang pekerjaan. Setakat ni 6,000 orang dan juga dalam masa yang sama boleh menyumbang kepada pendapatan negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, kita pergi soalan pertanyaan seterusnya. Wakil daripada Semambu.

ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 2.

> [Rancangan Malaysia Ke-13 menyasarkan Pahang menjadi hab agromakanan utama negara susulan pelaksanaan Hab Pengeluaran Makanan Pantai Timur.
>
> Bagaimanakah kerajaan negeri menjadikan Pahang sebagai hab tersebut untuk kurang kebergantungan terhadap makanan import?
>
> Apakah galakkan yang bakal dan telah diterima oleh petani atau mereka yang berminat untuk menceburi bidang tersebut?]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, selamat pagi, salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ADUN dan er… Semambu ya sahabat saya telah menanyakan tentang er… berkaitan dengan Pahang untuk dijadikan sebagai hab agro makanan utama negara er… seperti mana dalam Rancangan Malaysia Ke-13 dan bagaimanakah kerajaan negeri menjadikan Pahang sebagai hab tersebut agar kurang kebergantungan terhadap makanan import dan keduanya apakah galakan yang bakal diterima oleh petani atau mereka yang berminat untuk menceburi dalam bidang tersebut.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan pada Laporan Awalan Interim Banci Pertanian Tahun 2025 dan Laporan Sosioekonomi 2024 terbitan DOSM, terdapat beberapa indikator dan data statistik yang menyokong potensi dan kelebihan negeri Pahang untuk menjadi hab agro makanan khususnya di Pahang, di Pantai Timur. Berikut adalah analisis kelebihan Pahang berdasarkan data dalam laporan tersebut. Pertama, kuasa besar ekonomi pertanian negara penyumbang kedua terbesar iaitu Pahang kini disahkan sebagai penyumbang kedua terbesar nilai jualan pertanian di Malaysia selepas Johor dengan rekod jualan mencecah RM25.12 bilion pada tahun 2023 dan ini adalah hasil pada sumbangan KDNK, sektor pertanian menyumbang 22.3% kepada KDNK negeri Pahang pada tahun 2024 iaitu peratusan sumbangan tertinggi berbanding negeri-

negeri lain seperti Kelantan 20.1% dan Perak 14%. Ini membuktikan ekonomi Pahang sangat berorientasikan pertanian.

Yang kedua, dominasi er… dominasi tanaman subsektor tanaman menyumbang RM22.11 billion iaitu 88% daripada nilai jualan tersebut dipacu oleh kelapa sawit dan sayur-sayuran. Hab pengeluaran sayur-sayuran dan susu segar nombor satu negara. Kelebihan Pahang bukan hanya pada komoditi sawit tetapi juga pada pengeluaran makanan bernilai tinggi. Pertama, sayur-sayuran. Daerah Cameron Highlands menerajui pengeluaran sayur Malaysia dengan nilai jualan mencecah RM3.6 bilion. Ini menjadikan Pahang bakul makanan utama untuk sayur-sayuran tanah tinggi bagi pasaran domestik dan eksport.

Yang keduanya, susu segar. Pahang merupakan pengeluar susu segar tertinggi di Malaysia dengan jumlah pengeluaran 9 juta litar er… liter. Daerah Rompin adalah penyumbang utama iaitu 8.1 juta liter diikuti oleh Bentong manakala dari segi infrastruktur logistik strategik ECRL dan pelabuhan. Laporan Sosioekonomi 2024 menekankan peranan infrastruktur dalam menyokong rantaian bekalan makanan. ECRL er… ECRL Laluan Rel Pahang Timur er… Pantai Timur *sorry* Laluan Rel Pantai Timur. Projek ini menghubungkan stesen di Bentong, Gambang dan seterusnya ke Pelabuhan Kuantan. Stesen-stesen ini adalah maknanya Bentong er… Temerloh, Maran er… Gambang dan KOTASAS kemudian ke Pelabuhan Kuantan. Stesen-stesen ini akan berfungsi sebagai pusat pengendali kargo dan hab setempat untuk memudahkan pengedaran hasil tani dari Pantai Timur ke Pantai Barat dan pasaran antarabangsa.

Manakala hab makanan halal, pembangunan industri halal sedang dipusatkan di lokasi strategik berdekatan Stesen ECRL. Ini meningkatkan nilai tambah produk agro makanan negeri manakala keunggulan subsektor akuakultur dan perikanan. Pahang mempunyai ekosistem perikanan yang lengkap dari pembenihan hingga ke produk hiliran iaitu pertama, ikan air tawar patin khususnya daerah Temerloh kekal sebagai hab utama ikan air tawar khususnya patin dengan nilai jualan RM37.88 juta. Ikan patin Temerloh diiktiraf sebagai simbol gastronomi yang memacu pelancongan dan ekonomi tempatan.

Yang keduanya, hab benih ikan. Daerah Kuantan merekodkan pengeluaran benih akuakultur tertinggi di Malaysia dengan 4.29 bilion ekor benih menjadikannya nadi penting kepada kelangsungan industri akuakultur negara. Yang ketiganya, perikanan marin. Kuantan juga merupakan penyumbang terbesar hasil laut di Pahang dengan nilai jualan RM403.58 juta manakala kapasiti ternakan ruminan dan unggas. Selain susu, Pahang juga mempunyai kapasiti pengeluaran daging yang tinggi ayam dan itik khususnya. Pahang merekodkan populasi ayam itik yang sangat besar iaitu melebihi 58 juta ekor pada tahun 2023.

Yang keduanya, hab ternakan. Daerah Kuantan mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi subsektor ternakan manakala Pekan mempunyai bilangan pegangan pengusaha ternakan tertinggi iaitu 919 pegangan. Seterusnya, Pengurusan Data Pertanian Termaju (TaniStats) bagi menyokong statusnya sebagai hab, Pahang kini disokong oleh sistem data yang lebih cekap. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah membangunkan TaniStats dan MyAgroPrice. Ini membolehkan pemantauan harga ladang borong dan runcit dibuat secara masa nyata *realtime* dengan izin, membantu petani dan pelabur di Pahang membuat keputusan perniagaan yang lebih tepat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di antara usaha untuk menjadikan Pahang sebagai hab tersebut iaitu pertama, kerajaan negeri menggalakkan penggunaan pertanian pintar dan teknologi moden termasuk mekanisasi, fertigasi, sensor IoT dan dron bagi meningkatkan produktiviti dan efisiensi kos. Keduanya, pemerkasaan zon pengeluaran tanaman makanan dan pengaktifan tanah terbiar yang strategik bagi mempastikan kawasan pertanian optimum digunakan untuk tanaman bernilai tinggi termasuk buah-buahan potensi er… yang berpotensi untuk dieksport.

Yang ketiga, pembungkusan CPPC di zon strategik bagi memudahkan pemprosesan dan penghantaran produk, meningkatkan nilai tambah serta mempastikan rantaian bekalan makanan negeri lebih stabil. Kerjasama dengan institusi pendidikan, agensi persekutuan dan pemain industri membolehkan inovasi perpindahan teknologi dan akses pasaran lebih luas. Manakala kesinambungan dan keterjaminan makanan negeri dengan strategi, Pahang bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran makanan tempatan tetapi juga mengukuhkan keterjaminan makanan negeri, mengurangkan kebergantungan import dan menyediakan bekalan stabil serta berkualiti kepada penduduk. Semua inisiatif ini dijalankan secara holistik, bersepadu dan mampan sejajar dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 untuk menjadikan Pahang sebagai hab agro makanan utama negara.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Antara bantuan dan galakan yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha. Beberapa program yang akan terus digalakkan ialah pelaburan melalui tanah Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan kluster sangkar air tawar. Projek kluster sangkar yang sedia ada adalah seperti di er… adalah seperti dijangka akan terus bertambah di dalam er… bawah RMK-13. Bagi tahun 2025, sebanyak RM5.31 juta peruntukan telah disalurkan bagi menyediakan sistem ternakan yang melibatkan 11 kluster seluruh Pahang. Projek ini dijangka akan memberi limpahan rezeki buat penternak dan menyumbang kelangsungan ekonomi bagi sistem rantaiannya.

Ini memandangkan permintaan terhadap ikan patin dan talapia sangkar adalah tinggi. Di antara kluster-klusternya ialah 11 kluster. Kluster Arus er… Arusan Pangsenam Temerloh, Kluster Kampung Pulau Pasir Mandi Temerloh, Kluster Kuala Kerdau er… Kuala Krau, Temerloh, Kluster Peragap, Temerloh, Kluster Kampung Sanding, Maran, Kluster Serengkam, Maran, Kluster Tok Man, Maran, Kluster Hai-O, Kampung Ganding Jerantut, yang sembilan Kluster Rizqi Pekan, yang sepuluh Kluster Arus Tanjung er… Kluster Arus Tanjung Akuakultur di Lipis yang sebelas Kluster Anak Desa Kampung Terlang, Pekan.

Senarai estet ikan yang berpotensi adalah Estet Ikan Paya Chempaka Temerloh, Estet Ikan Paya Lanar Temerloh, Estet Ikan Lubuk Kawah Temerloh, Estet Ikan Bangau Tanjung er… Bangau Tanjung Temerloh, Estet Ikan Kuala Wau Maran, Estet Ikan Kg. Keledek Lipis, Estet Ikan Kg. Lalang, Lipis. Sistem khidmat sokongan akuakultur ataupun SPeKS daripada Jabatan Perikanan Malaysia bertujuan menyediakan pelbagai bantuan kepada penternak akuakultur termasuk khidmat nasihat, latihan, bantuan kewangan untuk peralatan, benih ikan percuma untuk penternak kecil dan bantuan-bantuan ini merangkumi aspek teknikal dan infrastruktur untuk meningkatkan sektor akuakultur negara. Rekod jabatan seramai 61 orang dalam nilaian RM383,590.00 telah diterima dalam tahun 2025 dan segala... pelbagai lagi khidmat sokongan yang diberikan. Program Khidmat Sokongan Akuakultur, Program Bantuan Teknologi Lepas Tuai Industri Akuakultur, Program Khidmat Sokongan Akuakultur,

pengukuhan dan pemulihan ikan melalui estet ikan, pengukuhan keselamatan kepada nelayan darat dan sebagainya.
Rumusannya, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Pahang bukan sekadar dicadangkan tetapi sudah berfungsi sebagai hab agro makanan utama. Kelebihan ini lebih spesifik, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Cameron Highlands, sayur. Rompin, susu. Temerloh, ikan Patin dan Kuantan, benih ikan dan marin. Semuanya disokong oleh infrastruktur yang hebat termasuk ECRL yang bakal siap untuk memacu logistik ke pasaran luar. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Er... pertanyaan seterusnya kita jemput er... soalan ke-3, Ahli Yang Dilantik.

(AHLI YANG DILANTIK - 3)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

[Ayat al-Quran].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli nombor 3.

(AHLI YANG DILANTIK - 3)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT.

> *Dato' Sri Speaker bijak geliga,*
> *Soalan saya pertanyaan ke-3.*
>
> [Apakah perancangan dan inisiatif kerajaan negeri dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur asas bagi menyokong keberkesanan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) khususnya di kawasan yang jauh dari perbandaran, serta adakah kerajaan negeri bersedia mempertimbangkan pemberian geran pengurusan tetap kepada setiap JPKK bagi memastikan peranan mereka dalam memperkasa masyarakat luar bandar dapat direalisasikan dengan lebih berkesan?]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih dan juga saya menghargai sahabat saya sebagai ADUN Lantikan dari Jerantut yang mempersoalkan tentang perancangan dan inisiatif kerajaan negeri dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur asas bagi menyokong keberkesanan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), khususnya di kawasan yang jauh dari perbandaran serta adakah kerajaan negeri bersedia mempertimbangkan pemberian geran pengurusan tetap kepada setiap JPKK bagi memastikan peranan mereka dalam memperkasakan masyarakat luar bandar dan direalisasikan dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

JPKK adalah salah satu er... jawatankuasa yang sangat rapat dengan agensi-agensi kerajaan, bahkan dengan Kerajaan Negeri Pahang. Banyak apa namanya? Dasar-dasar serta asas-asas, projek-projek dan usaha-usaha kerajaan yang nak disalurkan kepada setiap kampung dan desa, sudah pasti akan disalurkan melalui JPKK yang telah diwujudkan di setiap kampung. Untuk makluman Dewan yang mulia dan rakan saya daripada Jerantut, kita mempunyai agensi kerajaan yang banyak. Mereka ini mempunyai kerja-kerja, projek-projek dan dasar-dasar yang perlu disampaikan kepada rakyat dan sudah tentu untuk disampaikan itu melalui JPKK yang telah diadakan.

Bagi memastikan keberkesanan dan pemerkasaan pembangunan dan apa jawatankuasa kampung ini, kita ada empat agensi teras yang utama, yang sangat rapat dengan JPKK. Yang pertama sekali di Setiausaha Kerajaan Negeri ini, Bahagian Khidmat Pengurusan. Bahagian Khidmat Pengurusan ini, dia bertanggungjawab untuk mewujudkan struktur JPKK itu sendiri dan daripada apa namanya? Asas itu, dia akan mendapat punca kuasa daripada MMK untuk disalurkan kepada pejabat daerah di seluruh negeri bagi melantik jawatankuasa ini dan pengerusi jawatankuasa itu sendiri.

Setelah itu, dia dikemukakan cadangan pelantikan itu kepada... semula kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Khidmat Pengurusan akan menyediakan kertas untuk mendapatkan kelulusan MMK seterusnya, mereka akan dilantik. Setelah itu apabila dilantik, pertemuan akan diadakan dengan mengadakan taklimat ataupun kursus ataupun seminar bagi memastikan jawatankuasa itu dapat melaksanakan tugas mereka dengan betul dan tepat agar mesej daripada kerajaan negeri dapat disampaikan dengan sempurna. Pelbagai aktiviti yang telah diuruskan oleh kerajaan negeri sudah tentu disalurkan melalui pengurusan JPKK. Seandainya JPKK itu tidak dapat berfungsi dengan sempurna, sudah tentulah banyak mesej-mesej yang sebagaimana disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di dalam sesi menjawab dan menggulung semalam, tidak dapat sampai kepada orang ramai dengan sempurna.

Kemudian agensi yang kedua di Setiausaha Kerajaan Negeri adalah Perancang Ekonomi. Perancang Ekonomi juga sangat rapat dengan jawatankuasa kampung ini, dengan ketua kampung dan ahli jawatankuasa dengan tujuan untuk memberikan maklumat bagaimana bagi pemerkasaan kemudahan asas di kampung-kampung serta pembangunan infra termasuklah bekalan air, pembinaan surau, masjid, balai raya, longkang dan sebagainya dan juga pembangunan ekonomi yang diperlukan oleh kampung-kampung berkenaan yang dicadangkan melalui pejabat daerah dibawa kepada Pejabat Perancangan Ekonomi untuk mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan negeri.

Seterusnya, agensi yang ketiga yang bertanggungjawab, yang rapat dengan JPKK ini adalah KKDW. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah ini sebenarnya dialah agensi yang bertanggungjawab untuk membawa kepada pihak kementerian bagi mendapat kelulusan mewujudkan JPKK itu yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Setakat ini, kerajaan negeri telah berjaya memohon sebanyak 603 buah JPKK untuk diwujudkan di negeri Pahang dan telah pun mendapat kelulusan.

Hasil daripada kombinasi di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan melalui KKDW dan Bahagian Khidmat Pengurusan ini, kita telah berjaya melantik ketua-ketua kampung dan ketua-ketua kampung itu juga telah disalurkan bukan sahaja sumber kuasa yang telah ditetapkan sesuai dengan apa namanya, yang ada di peringkat kampung, tetapi juga mereka disediakan dengan kombinasi elaun yang disediakan

oleh kerajaan persekutuan sebanyak RM500.00 dan ditambah oleh kerajaan negeri sebanyak RM500.00.

Mereka ini juga diberikan pengetahuan oleh KKDW dan juga maklumat-maklumat bagaimana untuk mereka memohon tentang projek-projek pembangunan kampung termasuklah infranya, sosialnya dan projek ekonomi juga. Setelah itu, kita ada agensi kerajaan persekutuan yang kedua iaitu SDO, Pembangunan Luar Bandar. Pejabat SDO ini juga sangat rapat dengan JPKK yang dihubungkan oleh pejabat tanah daerah bagi melaksanakan program-program seperti mana yang saya sebutkan semalam di dalam Dewan, SejaTi MADANI, Kampung Angkat MADANI dan banyak lagi kalau kita nak senaraikan.

Dan yang paling rapat sekali dengan JPKK ini adalah pejabat daerah di setiap daerah di negeri Pahang ini dan mereka sentiasa akan dipanggil oleh pegawai daerah ataupun penolong pegawai daerah bagi memberikan maklumat-maklumat untuk disalurkan kepada Pengerusi JPKK agar dibawakan kepada kampung dan pihak ketua kampung diminta untuk mengadakan mesyuarat serta membentangkan minit-minit mereka dan minit mereka ini akan disampaikan kepada penghulu ataupun terus kepada pegawai pembangunan luar bandar yang ada di daerah untuk juga dibincangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah di daerah masing-masing dan dianggotai oleh penghulu-penghulu serta ketua-ketua jabatan di dalam daerah berkenaan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 4, Wakil daripada Lanchang.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 4.

> [Terdapat beberapa kawasan di luar bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang tidak mempunyai kemudahan tong sampah. Apakah mekanisme dan kriteria yang digunakan oleh kerajaan negeri bagi membolehkan agihan dan peruntukan tong sampah dilaksanakan di kawasan yang menghadapi masalah pembuangan sampah secara tidak terkawal?]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIF

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Lanchang kerana telah mengemukakan soalan nombor empat yang bertanyakan tentang kutipan sampah di luar kawasan pihak berkuasa tempatan. Berdasarkan peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 Akta (672). Pelaksanaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam hanya terpakai di kawasan yang telah diwartakan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan di bawah kerajaan tempatan. Dan ini semuanya dilaksanakan oleh pihak SWCorp. Bagi di luar kawasan, bagi kawasan di luar bidang kuasa operasi tempatan seperti kawasan FELDA, kawasan FELCRA, kawasan kampung tradisional, kawasan tanah rancangan ataupun kawasan penempatan yang belum diwartakan.

SWCorp boleh membantu untuk memudahcarakan pelantikan operator pembersihan. Daripada senarai-senarai kontraktor-kontraktor yang berlesen dengan SWCorp. Dan er... perbincangan boleh diadakan antara wakil-wakil daripada persatuan-persatuan penduduk atau kepimpinan tempatan bersama dengan SWCorp, bagaimana untuk menyelaras perkara yang berkaitan seperti pembuangan sampah ni. Dan pendekatan ini membolehkan pengurusan sisa pepejal kita dapat dilakukan secara yang terbaik, berstruktur dan sah walaupun kawasan tersebut berada di luar kawasan bidang berkuasa PBT. Sebagai contohnya di kawasan-kawasan FELDA yang saya nak beritahu yang kita laksanakan er... yang kita telah laksanakan seperti FELDA Lepar Hilir, Kuantan telah melantik Syarikat BUJ Teknologi Enterprise Sdn. Bhd., dan contohnya di kawasan FELCRA Sri Makmur yang kita telah melantik PT Waste Recycling Industry. Ini semua untuk memudahkan supaya pada masa akan datang, untuk kita menggunakan *waste to energy* ni. Maknanya kita hantar mungkin kita hantar tempat yang pelupusan dan tempat *transfer station* dan terus kita akan hantar kepada *waste to technology, waste to energy* punya plan di Gebeng nanti insya-Allah.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Soalan tambahan. Er... Dato' Sri Speaker,

Er... di bandar Lanchang dulu, kita memang ada satu tong sampah yang besarlah. Kemudian selepas itu, tong itu telah pun ditarik balik. Kita tak pasti apa masalah dan dia menjadi rungutan kepada kebanyakan penduduklah yang sebelum itu telah diguna pakai oleh sebahagian besar er... penduduk dan setakat ni yang tinggal saya ingat di kampungnya ialah di Kampung Sungai Kepong. Apabila tinggal satu sahaja tempat, dia sudah menjadi satu, satu tempat buangan yang besarlah, semua orang buang kat situ. Walaupun jarak dalam 10 kilometer, dia orang sanggup pergi buang kat situ. Jadi, soalan saya, adakah kenapa benda itu berlaku? Penarikan balik tong sampah itu? Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIF

Terima kasih kepada soalan daripada Lanchang. Saya perlu menyemak perkara ni sebab kalau boleh Lanchang beri tahu awal sikit tak apa. Kita boleh menjawab soalan itu dengan lebih baik. Selalunya kita, mesti ada sebab-sebab tertentu. Kadang-kadang tempat-tempat yang hari ni, tong sampah yang besar ni mungkin kita tak tak letak tepi jalan lagi dah contohnya di tempat orang lalu lalang awam, mungkin di tempat-tempat tempat yang baru. Jadi, ini saya perlu mendapat penjelasan lebih lanjut sebab kawasan ini ialah kawasan tak tahu kampung mana tu yang Lanchang beritahu tadi, nanti saya akan dapatkan ulasan lanjut daripada SWCorp dan memberitahu baliklah kepada Lanchang apa sebab tu dan kita boleh juga datang bersama untuk melihat sendiri.

Dan saya cadangkan kepada pihak Yang Berhormat Lancang boleh mengadakan pertemuan juga dengan perbincangan bersama dengan SWCorp untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan bagaimana untuk kita sama-sama menangani masalah pelupusan sampah ni. Memang masalah lah kalau kata mana tong sampah nak kena ada. Tapi kadang-kadang dia melibatkan *certain, certain* bayaran yang perlu dicaj kerana perlu dikenakan, sebagaimana kawasan PBT ni memang ada sebab itu di bawah PBT memang kita akan memberikan perkhidmatan kutipan sampah ni. Jadi untuk lebih teratur, eloklah kepimpinan kawasan seperti kampung yang terbabit tu er... kepimpinan kampung bersama Yang Berhormat mengadakan perbincangan bersama

sebab SWCorp ni untuk memudahcarakan kutipan sampah di kawasan-kawasan yang terbabit. Sekian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan nombor lima, wakil daripada Inderapura.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 5.

> [Kontrak Perkhidmatan Bas Rapid Kuantan akan tamat pada 15 Disember 2025 iaitu pada tahun ini. Oleh itu, syarikat Bas.my akan menggantikan perkhidmatan bas henti-henti ini di jalan Kuantan-Pekan. Jadi apakah manfaat yang akan diterima oleh pengguna perkhidmatan Bas.my ini?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih juga kepada sahabat saya daripada Inderapura yang mengemukakan soalan berkenaan dengan er... perkhidmatan bas henti-henti di er... Kuantan dan juga Pekan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Program Transformasi Bas Perkhidmatan Bas Henti-henti ini ataupun Stage Bus Service Transformation merupakan inisiatif er... daripada kerajaan persekutuan bagi menambah baik perkhidmatan bas dari aspek kemampanan, kebolehharapan, meningkatkan penggunaan dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan er... BAS.MY di Kuantan ni, sebagai pengganti perkhidmatan Rapid Bas. Rapid Kuantan akan membawa er... beberapa penambahbaikan yang ketara demi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih cekap, moden dan inklusif.

Dan antara kelebihan utama yang telah diperkenalkan adalah berikut; Pertamanya, jumlah bas ni yang lebih banyak er... program Bus.my ni menyediakan sebanyak 60 buah bas iaitu peningkatan yang signifikan berbanding dengan penyediaan dahulu terdahulu. Pertambahan jumlah kenderaan ini membolehkan kapasiti perkhidmatan ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pengguna harian dan selain daripada itu kekerapan yang keduanya kekerap kekerapan bas yang masa lebih pendek dengan jumlah yang lebih besar, kekerapan perjalanan dapat dipendekkan kepada antara 30 hingga 60 minit dan sekali gus mengurangkan waktu menunggu dan meningkatkan tahap kebolehpercayaan perkhidmatan.

Dan ketiganya er... antara manfaatnya ialah penggunaan bas baru. Semua ni semua bas baru. Semua baru dan menyediakan sebuah baru er... yang mesra OKU dan juga mesra alam. Jadi semua bas yang digunakan di bawah BAS.MY ni adalah unit-unit baru dilengkapi dengan ciri-ciri mesra OKU termasuk ruang kerusi roda, fasiliti akses mudah dan selain itu kesemua bas menggunakan enjin euro five, Euro 5 yang lebih bersih dan juga mesra alam. Dan er... Yang keempatnya, ada sistem pemantauan GPS. Dia ada *apps*, *apps* ni, setiap bas ni dipantau melalui sistem GPS bagi memastikan pemantauan jadual perjalanan, ketepatan masa dan pemantauan operasi yg lebih efisien. Jadi, pengguna boleh er... tahu jadual perjalanan bas er... dan juga

er… masa perjalanan boleh tengok macam kita, tu lah order Grab, Maxim ke, jadi diberi tahu bas bila sampai. Jadi, orang tak perlu menunggu lama la.

Yang kedua... yang kelimanya kad kesihatan percuma untuk golongan tertentu. Jadi, er... program ni juga turut menyediakan kad konsesi kepada golongan OKU, warga emas, pelajar sekolah dan juga pelajar IPT yang boleh mereka menikmati tambang percuma untuk perjalanan harian. Er... dan er... mereka semua ni boleh hanya perlu sekali bayaran RM10.00 untuk dapatkan kad tu dan selepas tu boleh naik mengunakan perkhidmatan bas ni secara percuma.

Dan keenamnya, ada Pas My30 untuk er... warganegara. Jadi, bagi pengguna umum disediakan kad, kad My30 ni yang menawar perkhidmatan tanpa had dengan bayaran yang hanya RM30.00 sebulan atau RM30.00 untuk 30 hari. Jadi, er... dia bayar ambik kad tu RM30.00 er... dan boleh gunakan er... semua laluan. Jadi kalau kira, bahagikan RM1.00 satu hari je lah, dia berjalanlah. Semua tempat nak pergi tu ada perkhidmatan bas tu. Dan yang ketujuh perkhidmatan Van Medic. Dan ini melalui inisiatif juga, terdapat perkhidmatan Van Medic yang boleh ditempatkan di tempat khas yang boleh tempat khas untuk mengambil penumpang terus dari rumah khusus untuk mereka yang kurang upaya dan menggunakan kerusi roda. Ini satu perkhidmatan CSR di mana menyediakan er… perkhidmatan *van medic* yang boleh orang berkerusi roda apa semua naik bas, naik er… pengangkutan ni.

Dan yang kelapannya, rangkaian laluan lebih luas iaitu BAS.MY beroperasi dengan 16 laluan iaitu rangkaian lebih luas berbanding sebelum ini dan bagi memastikan lebih ramai penduduk Kuantan mendapat akses kepada liputan pengangkutan awam yang lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya pelaksanaan BAS.MY ni di Kuantan ini telah meningkatkan kecekapan aksesibiliti dan keterangkuman perkhidmatan pengangkutan awam sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan mobiliti yang lebih baik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih Dato'.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIFF

Dato' Sri Yang di-Pertua Speaker, tahniah kepada pihak kerajaan dapat menyediakan alternatif kepada golongan B40. Saya pun jadi kehairanan kenapa satu syarikat yang besar seumpama RAPID. RAPID ini kepunyaan prasarana negara. Boleh ke? ingin tahu je lah. Kenapa? Macam mana syarikat itu, kemampuan syarikat itu berbanding dengan RAPID tu. RAPID ni maknanya negara lagi besar modal dia, lagi banyak ni tapi kenapa pemilihan boleh kepada syarikat yang baharu. Ingin tahu. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih pada sahabat saya daripada Inderapura menanyakan tambahan… soalan tambahan berkenaan dengan er… mengapa RAPID tidak meneruskan perkhidmatannya. Untuk… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebenarnya penamatan kontrak dan kontraknya berakhir pada hujung er... pada hujung tahun atau pertengahan bulan 12 ni dan sebelum ini dia telah er... pihak Kementerian Pengangkutan melalui agensinya iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat telah

mengeluarkan tender dan pihak RAPID ia tidak menyertai tender tersebut. Kita tak sebut sebab itulah RAPID tidak meneruskan perkhidmatan di er… Kuantan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi pada soalan seterusnya. Soalan nombor. 6, Wakil daripada Jenderak.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri Speaker, pertanyaan saya nombor 6.

> [Industri Perkhidmatan Perniagaan Global *Global Business Services* (GBS) dilihat sebagai satu industry yang mampu menjana peluang pekerjaan di kalangan anak muda Pahang. Apakah Langkah-langka Kerajaan Negeri untuk menarik syarikat-syarikat ini untuk bertapak dan beroperasi di negeri Pahang?]

(ADUN PERAMU JAYA - N21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker dan terima kasih sahabat saya ADUN kawasan Jenderak yang bertanyakan soalan, dan soalannya adalah seperti berikut. Industri Perkhidmatan Perniagaan Global atau *Global Business Services* dengan izin, dilihat sebagai satu industri yang mampu menjana pekerjaan di kalangan anak-anak muda Pahang. Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk menarik syarikat-syarikat ini untuk bertapak dan beroperasi di negeri kita. Jawapannya *Global Business Services* atau lebih dikenali dengan sebagai *Shared Services, Business Process Outsourcing* dengan izin, atau pun *Outsourcing Center* merupakan perkhidmatan yang melaksanakan fungsi sokongan seperti khidmat pelanggan, perkhidmatan sumber manusia, sokongan teknologi maklumat, *data processing*, operasi *back-office* dan sebagainya.

Bagi sebuah kumpulan syarikat besar tempatan atau syarikat multinasional, dengan izin ini membolehkan syarikat pelanggan mereka tumpukan… tumpukan perhatian kepada perniagaan hakiki atau pun *core business*, dengan izin dan menikmati penjimatan kos yang besar. Ada di antara syarikat-syarikat menikmati kadar penjimatan antara 30 hingga 70%. Dalam dunia moden, kebanyakan GBS kini bukan sahaja berperanan sebagai *call center* tetapi melibatkan proses berteknologi tinggi seperti pengurusan dan analisis data, automasi proses robotik atau Robotic Process Automation (RPA) dengan izin, AI dan juga *analytics*. Dan pengeluaran kandungan digital, menjadikan ia selaras dengan strategi ekonomi digital dan berteknologi tinggi.

Pada tahun 2025, syarikat-syarikat GBS Malaysia telah memperoleh pendapatan sebanyak RM28.14 bilion dengan jumlah 749 pemain industri. Industri ini juga telah menjana peluang pekerjaan sebanyak 36,000 untuk rakyat Malaysia. Pada tahun 2024 sahaja RM9.87 bilion telah dilaburkan ke dalam industri GPS negara untuk memajukan lagi industri ini. Kerajaan negeri sedar bahawa dengan insentif infrastruktur, bakat dan persekitaran perniagaan yang kondusif, GBS boleh dibangunkan di negeri Pahang. Sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada graduan dan belia tempatan serta menarik anak Pahang yang berada di luar Pahang untuk kembali berkhidmat di negeri ini.

Antara strategi dan langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri ialah, pertamanya jadikan Invest Pahang sebagai *single window* pelaburan atau pintu masuk utama bagi

pelabur yang berperanan membantu syarikat dalam urusan pelaburan dalam konteks *ease of doing business* dengan izin. Kedua, pelaksanaan pelan hala tuju ekosistem syarikat pemula *startup* 2030 bagi menyokong *startup* teknologi dan digital dengan sasaran untuk melahirkan 400 syarikat pemula, 5000 peluang pekerjaan dan seterusnya menjana RM2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri menjelang 2030. Pembangunan bakat berteraskan teknologi dan kemahiran melalui kerjasama universiti dan institusi TVET seperti Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, UCYP Yayasan Pahang, Universiti Teknologi MARA UiTM, Universiti Islam Antarabangsa dan juga Pahang Skills.

Keempat, promosi dan juga *outreach* pelaburan melalui penyertaan pameran peringkat kebangsaan dan global. Sebagai contoh, Invest Pahang telah mengambil bahagian dalam Selangor *Investment Business Summit* sejak tahun 2023 untuk promosikan peluang pelaburan di negeri Pahang. Di samping itu, saya juga telah mengetuai delegasi Pahang ke Persidangan Global *Business Services Asean* pada tanggal 30 Oktober 2025 yang menghimpunkan industri syarikat-syarikat GBS serantau. Inisiatif ini membuktikan bahawa negeri Pahang terbuka kepada sektor pelaburan, perkhidmatan atau teknologi dan tidak terhad kepada sektor perkilangan semata-mata.

Akhir sekali, kerajaan negeri sedang mengkaji dan melihat sama ada syarikat swasta yang beroperasi di Pahang ataupun syarikat berkaitan Kerajaan Negeri, S-GLC berminat untuk wujudkan operasi GBS bagi menyokong perkhidmatan yang mereka tawarkan. Kewujudan operasi GBS yang pertama di Pahang akan menjadi pemangkin untuk syarikat-syarikat GBS lain mengikuti jejak pelopor. Secara tidak langsung, ia dapat mencapai tonggak Aspirasi Pahang 1st di bawah pimpinan YAB Menteri Besar Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, saya bagi satu soalan tambahan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambah sikit. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya cuma ingin pengesahan setakat ini berapa banyak telah wujud, ke belum syarikat berasaskan GBS ini di Pahang. Jika telah wujud di kawasan mana yang kita *centerkan* ataupun kita fokuskan sebagai *Center of* GBS ini. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN Beserah di atas soalan tersebut. Setakat… sehingga kini belum ada lagi… belum ada lagi syarikat GBS yang bertapak di negeri Pahang. Kebanyakan syarikat GBS bertumpukan di Pantai Barat Malaysia. Bertumpukan di Lembah Klang, di... mungkin ada yang di Pulau Pinang dan peluangnya… besar, saiz industrinya RM28 bilion menjana 36 ribu peluang pekerjaan. Kenapa tidak... mereka ini apa ni bertapak di negeri Pahang. Sedangkan kita punya *cost based*, dengan izin lebih rendah. Dan kita juga mempunyai institusi-institusi bahasa yang boleh melatih pekerja-pekerja GPS dalam bahasa Mandarin, dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa-bahasa lain yang diperlukan oleh syarikat-syarikat multinasional tersebut ataupun apa ni *skills* seperti *programming* seperti apa ini perakaunan dan sebagainya. Dan saya yakin sekiranya kita dapat menarik satu syarikat untuk bertapak di sini, lebih banyak

lagi syarikat-syarikat akan menyusul. Kita perlu satu sahaja pemangkin ataupun *catalist* dengan izin untuk bangunkan syarikat-syarikat ini. Sekiranya berjaya, saya…saya berpendapat pusat GBS akan ada dua tempat sama ada di Kuantan ataupun di Bentong di mana Bentong adalah daerah yang paling hampir dengan Kuala Lumpur. Malah, saya difahamkan syarikat Genting Highlands dah ada operasi GBS yang kecil la, bukan… dia bukan apa? Skala besar lagi. Operasi yang kecil-kecilan. Ini perlu diperkembangkan lagi. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 7. Minta Wakil daripada Batu Talam.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

[Beberapa penerima Kad Kesihatan Kasih Makmur sehingga 2025 mengikut kawasan Dewan Negeri?

a. Adakah pihak Kerajaan Negeri akan buka untuk permohonan lagi pada tahun ini dan tahun depan?

b. Adakah Kerajaan negeri boleh mempertimbangkan penggunaan kad kesihatan di farmasi juga selain daripada klinik?]

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya ingin mengemaskan sikitlah soalan saya yang berbunyi. Adakah kerajaan bercadang menambah elemen baru dalam program Anggun Suri, Anggun Suri ini kahwin beramai-ramai pada masa akan datang. Elemen baru ini seperti bimbingan agama, sesi kaunseling, praperkahwinan dan kursus keibubapaan. Terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga sahabat daripada Batu Talam yang bertanya dengan soalan yang telah disebutkan tadi ya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited untuk meningkatkan Program Anggun Suri sebagai satu inisiatif yang bertujuan membantu pasangan muda memulakan kehidupan berumah tangga dengan lebih tersusun dan juga sejahtera. Program ini sedang diperbaharui dengan beberapa komponen sokongan baru bagi memperkukuhkan lagi keberkesanannya. Antara… berikut adalah beberapa komponen baru yang akan dilaksanakan dalam Program Anggun Suri.

Yang pertamanya adalah bimbingan kewangan. Kerajaan bekerjasama dengan beberapa agensi seperti JAIP, Jabatan Agama Islam Pahang, AKPK, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit untuk menyediakan modul pengurusan kewangan yang mudah difahami dan juga praktikal. Modul ini merangkumi perancangan bajet untuk pasangan muda, pengurusan komitmen kewangan seperti hutang dan juga

perbelanjaan harian, celik kewangan untuk memberi pasangan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengurusan kewangan dalam kehidupan berumah tangga.

Seterusnya kita juga ad… kita juga ada menyediakan kaunseling pra perkahwinan melalui kerjasama dengan LPPKN, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Kerajaan akan memperkenalkan sesi kaunseling praperkahwinan yang wajib dihadiri oleh pasangan sebelum mendirikan rumah tangga. Kaunseling ini akan meliputi komunisi… komunikasi berkesan antara pasangan, pengurusan konflik dalam rumah tangga dan juga sebenarnya kaunseling praperkahwinan ini telah kita adakan semenjak kita memulakan Program Anggun Suri ini.

Dan seterusnya kursus keibubapaan asas. Setelah majlis perkahwinan, kerajaan negeri juga menyediakan kursus keibubapaan asas untuk pasangan yang merancang untuk membina keluarga yang akan dilaksanakan secara sesi susulan di peringkat daerah. Kursus ini akan merangkumi peranan ibu bapa dalam membentuk keluarga yang sejahtera, penjagaan bayi dan juga perkembangan awal kanak-kanak dan juga sokongan kesihatan keluarga seperti penjagaan ibu mengandung, ibu bersalin dan juga pemakanan sihat.

Kerajaan menegaskan bahawa Program Anggun Suri bukan sekadar tentang mengadakan majlis perkahwinan besar-besaran tetapi lebih kepada menyediakan platform kesihatan keluarga dengan menambah… penambahbaikan ini, kerajaan yakin bahawa pasangan muda akan lebih bersedia secara mental, emosi dan kewangan untuk menghadapi cabaran dalam berumah tangga. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya Wakil daripada Panching.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 8.

> [Nyatakan usaha kerajaan untuk menjadikan golongan rentan seperti warga emas menjadi celik teknologi maklumat (IT) agar tidak menjadi mangsa penipuan atas talian].

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih ADUN Kawasan Panching. Soalan beliau adalah berkenaan dengan usaha kerajaan untuk menjadikan golongan rentan khususnya warga emas celik teknologi maklumat atau IT agar tidak menjadi mangsa penipuan atas talian.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang melalui kerjasama dengan MCMC telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah kerangka literasi digital dan keselamatan siber yang memberi fokus kepada komuniti setempat termasuklah warga emas bagi meningkatkan tahap celik teknologi maklumat di kalangan masyarakat.

Melalui Program Kempen Internet Selamat, pelajar sekolah rendah dan menengah, remaja, belia, orang dewasa dan juga warga emas diberi pendedahan tentang cara menggunakan internet secara bertanggungjawab dan selamat, termasuk mengenal pasti taktik penipuan dalam talian seperti *scam* panggilan, mesej palsu dan pautan berbahaya. Sehingga November tahun ini, MCMC Pahang telah melaksanakan 189 Program Kempen Internet Selamat dengan capaian *audience* sebanyak 50,490 orang. 25 daripada 189 program tersebut memfokuskan *audience*nya adalah warga emas.

Selain itu, MCMC turut menganjurkan sesi latihan asas teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT untuk warga emas bagi membolehkan mereka mempelajari penggunaan telefon pintar, aplikasi komunikasi serta langkah-langkah keselamatan digital dengan lebih berkesan melalui Pusat Sebaran Maklumat Nasional atau juga lebih dikenali sebagai NADI yang terdapat di seluruh Dewan Undangan Negeri Pahang. Malah, MCMC turut melakukan hebahan kempen melalui media termasuk slot temu ramah radio di Pahang FM dan melalui inisiatif ini, masyarakat Pahang diharap lebih celik IT, berwaspada dan berdaya tahan sekali gus menikmati manfaat teknologi tanpa terdedah kepada ancaman siber atau penipuan atas talian.

Insya-Allah, Kerajaan Negeri Pahang akan terus komited untuk bekerjasama dengan MCMC, agensi kerajaan persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan serta Polis Diraja Malaysia dalam menyebarkan kesedaran memperkukuh literasi digital dan melaksanakan inisiatif pencegahan penipuan atas talian. Melalui kerjasama ini, diharapkan semua lapisan masyarakat termasuk warga emas dapat menikmati manfaat teknologi digital dengan selamat, berwaspada dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi kerajaan negeri untuk memperkasakan rakyat Pahang yang celik teknologi dan progresif. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, Wakil er… Ahli Yang Dilantik Ahli… Ahli Dilantik nombor 2.

(AHLI YANG DILANTIK 2)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mengemukakan pertanyaan nombor 9.

> [Berapakah bilangan pelajar yang sedang mengikuti kursus latihan di Pahang Skills Development Center? Berapakah peratusan rakyat Pahang yang menerima latihan dalam pusat ini?]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada rakan saya. Salam sejahtera semua. Untuk menjawab soalan, er… jumlah pelatih yang mengikuti latihan di Pahang Skills sehingga 30 hari bulan September 2025, adalah seramai 1,854 orang dan seramai 983 orang adalah anak Pahang.

Untuk maklumat, jumlah kursus yang ditawarkan di Pahang Skills adalah 33 er… 33 kursus dan untuk 10 kursus yang paling ramai orang minat, nombor satu adalah Program TVET untuk tenaga pengajar Kolej Vokasional tahun 2025, seramai 280 orang. Untuk nombor dua adalah Diploma Kemahiran Elektrik seramai 220 orang. Untuk kursus ketiga tinggi adalah Working at Night makna kerja dekat.. *at High*, *sorry*

ya *at High*. Makna kerja atas tinggi adalah 162 orang. Nombor empat adalah *Microsoft* seramai 129 orang. Dan nombor lima adalah Safety and Health,120 orang.

Untuk keenam adalah kecantikan seramai 100 orang untuk ketujuh adalah solar, 100 orang, untuk nombor lapan Diploma Kemahiran Multimedia, 81 orang, untuk nombor sembilan *wireman* dan *chargeman,* 80 orang dan er... untuk kesepuluh adalah e-invois 69… 69 orang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, Wakil daripada Tahan.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

[Canopy walkway merupakan antara tarikan utama di Taman Negara, Kuala Tahan;

a) Apakah status projek baik pulih *canopy* lama?

b) Bilakah *canopy* kedua yang telah siap dibina akan dibuka kepada orang awam?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Tahan. *Canopy walkway* merupakan tarikan utama di Taman Negara. Jadi sekarang kita ada dua *canopy* yang lama dikenali sebagai Kanopi Teresek berusia lebih kurang 30 tahun. Jadi pada penghujung tahun 2024, kerja pembaikan telah bermula. Pada asalnya dijangka siap pada Mei 2025 tapi malangnya pada 14 Mei berlakunya ribut petir. Jadi apabila kerja pembaikan capai tahap 80%, ribut petir berlaku dan menyebabkan salah satu pokok utama er... ditimpa petir dan mati dan jabatan perlu meng... memohon peruntukan tambahan untuk menampung kerja-kerja pembaikan.

Manakala untuk *canopy* baru dikenali sebagai Kanopi Seberang Ara. Kerja telah disiap pada tahun lepas dan diserah kepada PERHILITAN Julai 2024. Tapi malangnya pada Februari tahun ini 2025, ribut berlaku lagi dan menyebabkan pokok tumbang. Jadi apabila pokok tumbang, dia telah mengakibatkan kerosakan yang *major.* Dengan ini MOTAC telah memperuntukkan peruntukan tambahan untuk kerja pembaikan dan kerja pembaikan telah… telah bermula pada 10 November yang lalu dan dijangka akan siap pada Mac 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan terakhir pada pagi ini. Soalan nombor 11, Wakil daripada Chini.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya kemukakan pertanyaan yang ke-11.

> [Apakah langkah khusus kerajaan negeri dalam menangani masalah penagihan dadah di kawasan FELDA yang dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi serta apakah kerjasama strategik bersama AADK?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada sahabat saya ADUN Chini dengan pertanyaan, apakah langkah khusus kerajaan negeri dalam menangani masalah penagihan dadah di kawasan FELDA yang dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi serta apakah kerjasama strategik bersama AADK?.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Chini, ingin saya tegaskan bahawa kerajaan negeri mengambil pendekatan berperingkat dan secara holistik dalam menangani masalah penagihan dadah di kawasan FELDA yang dikenal pasti ialah kawasan berisiko tinggi. Usaha ini dilaksanakan melalui kerjasama rapat bersama dengan PDRM, AADK dan FELDA Negeri Pahang dan juga agensi-agensi berkaitan bagi memastikan tindakan diambil lebih tepat dan juga berkesan.

Kerajaan negeri turut merakamkan penghargaan kepada pihak AADK dan juga PDRM atas pelaksanaan Pelan Komunikasi Antidadah yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 10 September 25… 2025 yang lalu. Pelan ini menggunakan kaedah komunikasi yang lebih moden dan berasaskan bukti termasuk penggunaan teknologi digital dan juga kecerdasan buatan ataupun AI untuk meningkatkan keberkesanan pencegahan, rawatan dan juga pemulihan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di peringkat negeri, kerajaan negeri bersama Seketariat Muafakat FELDA dan juga FELDA Negeri Pahang sedang memperkasakan Skuad MAYA iaitu Masih Ada Yang Sayang dengan slogan ‘FELDA Benci Dadah’. Inisiatif ini menunjukkan sokongan kuat komuniti FELDA terhadap hasrat Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah untuk menjadikan negeri ini bebas daripada ancaman dadah.

Antara program yang lalu iaitu 18 Ogos yang lalu iaitu bertempat di FELDA Wilayah Mempaga dipanggil bersama dengan Kembara Ketua Polis Negeri Pahang, FELDA dan juga agensi-agensi yang berkaitan dalam program turun padang untuk melihat situasi-situasi, kawasan-kawasan dipanggil dalam dengan izin *hotspot* penagih penagihan dadah yang tertentu di dalam kawasan FELDA.

Bagi memastikan usaha ini teratur dan menyeluruh, tindakan Skuad MAYA disusun mengikut tiga aspek utama iaitu aspek pencegahan iaitu memberi tumpuan kepada kesedaran masyarakat, pendidikan awal dan juga aktiviti alternatif yang dapat menjauhkan belia daripada pengaruh dadah. Aspek kawalan memastikan pemantauan dilakukan secara berterusan. Maklumat yang dikumpul dengan teratur

dan juga komuniti dapat er... laluan komoditi disalurkan dengan cepat dan membolehkan tindakan segera diambil. Dan aspek yang ketiga ialah aspek keselamatan iaitu meningkatkan tahap keselamatan kawasan melalui rondaan, pemasangan kamera, pemantauan dan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Mencegah adalah sebenarnya perkara yang lebih baik daripada mengubati. Oleh itu, kepelbagaian inisiatif dan juga terutama dalam sektor pembelajaran bersama Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Pendidikan adalah salah satu inisiatif yang agak penting untuk kita mencegah dadah ini berleluasa di kawasan FELDA dan juga di negeri Pahang. Selain itu, FELDA turut menjalankan pemantauan berterusan melalui Laporan Bulanan Komuniti dipanggil LBK bagi mengenal pasti kawasan yang berisiko dan menilai sejauh mana keberkesanan program yang telah dilaksanakan.

Kerjasama di antara kerajaan negeri, AADK, PDRM, KKM, KPM dan lain-lain agensi menunjukkan komitmen bersama dalam memastikan komuniti FELDA terutamanya generasi muda dan moga dilindungi daripada ancaman dadah dan terus hidup dalam persekitaran yang selamat. Sekian terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(AHLI YANG DILANTIK 1)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu soalan tambahan.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Soalan tambahan Yang Berhormat Speaker.

(AHLI YANG DILANTIK 1)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Terima kasih kepada YB Speaker. Saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, pada 11hb Jun 2025 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil, er… Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Islam Negeri Pahang dan bersepakat mengharamkan *vape* yang menyatakan selewat-lewatnya bermula 1hb Januari 2026. Jadi sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak PBT dalam untuk melaksanakan er... pengharaman jualan tersebut? Sekian terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima banyak soalan daripada Yang Berhormat Dato' Lantikan. Saya ni menjawab untuk persoalan dalam FELDA dadah, malah Yang Berhormat mempersoalkan mengenai *vape*, memang *vape* ini... saya mungkin menyerahkan jawapan ini bertulis kerana kita sudah mempunyai keputusan daripada pihak kerajaan negeri untuk mengharamkan *vape*. Jadi, saya akan buatkan apa nama? Jawapan yang bertulis kepada pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Speaker. Saya tadi, soalan tambahan. Er... kalau kita melihat dari segi laporan AADK, antara golongan sasaran penagih dadah ini adalah sekitar umur 15 hingga 30 tahun dan juga FELDA merupakan sasaran pengedaran darah daripada dulu sehingga hari ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dadah bukan darah.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Dadah, dadah, dadah. Betul, jadi apa lagi tindakan daripada pihak kerajaan dan juga FELDA dalam memastikan golongan sasaran ini dapat kita bendung dan juga dapat kita er... bagi tumpuan?

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Chini. Seperti yang saya er… yang ungkapkan sebelum ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker bahawa dadah ini mencegah lebih baik daripada mengubati. Bila mereka ni telah pun dipanggil ataupun dalam bahasa lain menghisap dadahlah. Dadah ini kita tak tahu sebab dalam ni mungkin tak ada orang pun hisap dadah. Kita tak tahu bagaimana mereka menghisap dadah. Namun apabila mereka ini… sebab itu dalam konteks ini, saya kena percaya bahawanya bersama ini, kita bersama Jabatan Pendidikan dan bersama dengan komuniti kampung iaitu pertamanya, kita mencegah melalui sekolah dahulu.

Apabila mereka, faktor berumur 15 ke 13 tahun ini Yang Berhormat nyatakan dalam *statement* AADK bahawa inilah pencegahan yang pertama, yang kita perlu pergi ke sekolah-sekolah. Sebab itu saya menyeru kepada Ahli Dewan Yang Mulia ini, semua Yang Berhormat untuk mencegah ini bukan sahaja yang dah hisap dadah ini, dah ambil dadah. Sebenarnya kita nak mencegah semasa mereka kecil lagi, untuk memberitahu kaedah-kaedah dan banyak agensi-agensi yang sekarang telah pun menyebarkan maklumat bahawanya dadah ini sangat merbahaya kepada bukan sahaja kepada kita, malah kepada negeri dan juga negara dan juga termasuk kepada masyarakat-masyarakat.

Maksudnya mencegah adalah lebih baik daripada mengubati iaitu kita teruskan kepada terutama sekali anak-anak pelajar kita yang berada di luar sana. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 pertanyaan-pertanyaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya tidak bercadang untuk menempohkan persidangan bagi memberi ruang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar untuk membuat penggulungan dan seterusnya menjalankan aturan-aturan mesyuarat lain supaya urusan mesyuarat kita akan dapat diselesaikan pada tengah hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dijemput untuk menikmati jamuan secara bergilir-gilir. Sebelum itu, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada pemerhati kita yang hadir pada hari ini 12 hari bulan 12 tahun 2025 daripada Majlis Belia Pahang seramai tiga orang, bangunlah sikit haa... baru kita kenal, daripada DUN Pelangai dua orang, daripada UMNO Indera Mahkota tiga orang, daripada Batu Talam DUN Batu Talam, dua orang, bersama-sama dengan kita juga adalah pelajar Sekolah Kebangsaan FELDA Purun seramai lima orang. Mereka ini adalah johan pertandingan Bahas Bahasa Melayu Ala Parlimen Sekolah-sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan Tahun 2025. Tahniah, ini jemputan daripada Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Baiklah, kita ke aturan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkata Ketiga: Sambungan Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perbekalan 2026 telah dibentang pada 5 Disember 2025 dan telah pun dibuka untuk dibahaskan pada 8, 9, 10 Disember 2025. Pada 11 Disember 2025, seramai 10 orang daripada kerajaan telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Hari ini, majlis akan menyambung Menimbang Rang Undang-undang tersebut. Saya dengan sukacitanya menjemput Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang untuk berucap dan membuat penggulungan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Maju Terus Pahang dan Salam Pahang 1st. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana memberi keizinan kepada saya untuk menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan negeri dan juga jawatankuasa... jawatankuasa-jawatankuasa di bawah saya.

Sebelum saya meneruskan penggulungan ini, saya ingin mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada kesemua Ahli Dewan seramai 34 orang yang telah menyertai sesi perbahasan pada kali ini. Setiap pandangan, teguran, cadangan serta komitmen yang diberikan menggambarkan kesungguhan kita bersama dalam memastikan masa depan Pahang sentiasa terpelihara dan terus dipacu ke hadapan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan rakan-rakan Exco Kerajaan Pahang atas komitmen menjawab dengan jelas dan bertanggungjawab setiap pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berharap semoga jawapan yang diberikan dapat membantu menjelaskan isu-isu berbangkit serta menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri dalam mentadbir Pahang dengan amanah dan integriti.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pada Jumaat yang lalu saya telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 yang bertemakan 'Pahang 1st: Rakyat Diutamakan, Kemakmuran Dipertahankan'.

Tema ini dipilih bukan sekadar untuk menghiasi dokumen belanjawan tetapi sebagai hala tuju yang memandu seluruh agenda pembangunan negeri dengan segala dasar, keputusan dan peruntukan mesti memberi keutamaan kepada rakyat dan dalam masa yang sama memastikan kemakmuran negeri terus kukuh, stabil serta mampan untuk jangka masa panjang. Seiring dengan Aspirasi Pahang 1st, kerajaan negeri memastikan setiap perbelanjaan membawa manfaat langsung kepada kesejahteraan rakyat sama ada melalui kebajikan, pendidikan, kesihatan, peluang ekonomi mahupun pembangunan infrastruktur.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM1.274 bilion bagi perbelanjaan mengurus serta RM446.26 juta bagi perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2026. Ini menggambarkan kesungguhan kerajaan negeri untuk memperkukuhkan perkhidmatan awam, meningkatkan keberkesanan program rakyat dan menggerakkan projek-projek pembangunan yang akan beri impak jangka panjang kepada negeri.

Alhamdulillah, sehingga 12 Disember 2025, hasil negeri telah mencecah RM1.171 bilion menandakan empat tahun berturut-turut Pahang berjaya mengutip hasil yang melebihi RM1bilion [Ahli Dewan menepuk meja]. Pencapaian yang konsisten ini mengukuhkan keyakinan bahawa negeri Pahang berada di landasan ekonomi yang kukuh seterusnya membolehkan Belanjawan 2026 dilaksanakan dengan lebih terancang, bertanggungjawab dan berpaksikan kemampuan sebenar negeri. Saya ingin menegaskan kejayaan ini adalah hasil usaha bersama kerajaan negeri. Penjawat awam yang menjadi tulang belakang pentadbiran, sektor swasta yang memainkan peranan besar dalam pelaburan dan ekonomi serta rakyat Pahang yang terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada kepimpinan negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ingin memulakan penggulungan dengan menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Cheka dan Yang Berhormat Jengka mengenai kedudukan prestasi kewangan negeri Pahang yang didakwa berada dalam keadaan yang membimbangkan. Untuk makluman Yang Berhormat Cheka dan Yang Berhormat Jengka, prestasi sesebuah negeri bukan saja diukur oleh berapa besar jumlah hasil yang dikutip tetapi bergantung kepada sejauh mana kerajaan negeri menguruskan setiap ringgit dengan cekap, berdisiplin dan penuh tanggungjawab. Orang Jengka ada ya? Di mana janji semalam la kan, akan tunggu [ketawa].

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, mantan Gabenor Bank Negara pernah berkata tadbir urus yang baik dan integriti adalah benteng utama kestabilan ekonomi. Kecekapan kewangan tidak bermakna hanya mengejar angka keuntungan yang tinggi tetapi memastikan setiap sen diuruskan dengan telus, bertanggungjawab dan mampan untuk masa hadapan. Dalam pada itu menerusi teori *fiscal sustainability*, tokoh seperti Olivier Blanchard, mantan Ketua Ekonomi Tabung Kewangan Antarabangsa dan pakar fiskal, Robert Barro Ahli Ekonomi Harvard, Carmen Reinhart dan Kenneth Ragoff, pakar kelestarian fiskal dan hutang menegaskan bahawa sesebuah negeri dianggap kukuh apabila pertamanya tidak berbelanja melebihi kemampuan.

Kedua, liabiliti terkawal dan yang terakhir boleh memenuhi komitmen jangka panjang tanpa mengorbankan masa depan. Teori ini menyokong naratif bahawa disiplin fiskal lebih penting daripada jumlah hasil yang besar. Dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Kerajaan Negeri Pahang telah membuktikan bahawa negeri ini berada dalam landasan fiskal yang kukuh dan berintegriti. Hakikatnya, Belanjawan Negeri Pahang pada tahun 2024 bukan bajet defisit seperti yang sering disalahertikan

sebaliknya merupakan bajet yang bertanggungjawab dan mampu berdiri atas kekuatan sendiri [Ahli Dewan menepuk meja].

Bagi tahun kewangan 2024, kerajaan negeri mencatat lebihan bajet mengurus sebenar sebanyak RM12.7 juta hasil daripada pengurusan perbelanjaan yang teliti dan disiplin fiskal yang konsisten. Meskipun kutipan hasil mencatat sedikit penyusutan berbanding tahun sebelumnya, kerajaan negeri segera mengambil langkah dengan mengurangkan belanja daripada RM1.232 bilion pada 2023 kepada RM1.208 bilion pada tahun 2024. Dengan hasil sebenar sebanyak RM1.221 bilion jelas bahawa negeri Pahang berbelanja mengikut kemampuan dan tidak berlebihan malah berjaya mencapai kutipan 107.3% daripada anggaran asal. Ini membuktikan bahawa pengurusan kewangan negeri kekal cermat, maka tidak berlaku pembaziran dalam operasi harian kerajaan.

Kekeliruan sering timbul apabila ada pihak melihat jumlah keseluruhan perbelanjaan negeri sebanyak RM1.349 bilion dengan mencampurkan belanja Mengurus dan belanja Pembangunan, lalu membuat kesimpulan bahawa negeri mengalami defisit. Hakikatnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, jumlah tersebut merangkumi belanja Mengurus dan belanja Pembangunan, sedangkan sebahagian komponen perbelanjaan Pembangunan ditampung oleh sumber kewangan lain termasuk terimaan pinjaman boleh bayar berjumlah RM128 juta yang mana terimaan pinjaman tidak direkodkan sebagai hasil negeri.

Setiap sen yang dibelanjakan adalah sumber yang telah dikenal pasti sebagaimana yang telah disahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 3 Tahun 2025. Oleh sebab untuk memberi penjelasan yang lebih terperinci, saya membuat analogi. Saya ada tiga analogi saya, dan sekiranya analogi pertama masih tidak faham, saya akan pergi kepada analogi yang kedua, dan sekiranya analogi kedua tidak faham Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya pergi kepada analogi yang ketiga. Dan sekiranya analogi ketiga masih tidak difahami, saya telah berbincang dengan Akauntan Negeri untuk memberi kursus kepada Ahli-ahli Dewan supaya dapat memahami dan membaca buku Laporan Ketua Audit Negara ini dengan lebih faham dan baca daripada muka surat satu sampai habis.

Kadang-kadang [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu cadangan saya, saya pergi kepada analogi yang pertama bersabit dengan belanja Mengurus, Pembangunan dan sebagainya. Sebagai contohnya yang mudah, Doktor Ali seorang doktor swasta ingin membeli kereta. Bayangkan Doktor Ali ini seorang doktor di sebuah hospital swasta, ingin membeli sebuah kereta berharga RM80,000.00. Pendapatan dan perbelanjaan Doktor Ali, aliran tunai menguruslah ya, ini analogi ini. Gaji bulanan beliau RM10,000.00, perbelanjaan bulanan beliau RM7,000.00, maknanya ada defisit tunai sebanyak RM3,000.00, simpanan RM20,000.00.

Ini bermakna kewangan mengurus Doktor Ali sihat, stabil dan mempunyai lebihan tunai setiap bulan. Doktor Ali ini kira negara, negeri Pahang lah. Ini tapi kita buat analogi supaya jadi lebih faham, supaya rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tidak terkeliru apabila membaca Laporan Ketua Audit Negara. Doktor Ali membeli kereta RM80,000.00, itu kita istilahkan sebagai belanja Pembangunan. Untuk membeli kereta itu Doktor Ali menggunakan RM2,000.00 daripada simpanan sebagai wang muka, daripada simpanan beliau. Baki RM78,000.00 diambil melalui pinjaman bank. Bayaran bulanan pinjaman ialah RM1,000.00 selama 7 tahun.

Salah faham yang berlaku ataupun kita yang tak berapa faham ini ataupun sengaja tak faham ini ialah ada orang mungkin melihat harga kereta RM80,000.00 dan terus

menuduh Doktor Ali tak mampu beli kereta, kerana gajinya hanya RM10,000.00, kita terus tuduh dia. Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, sedangkan itu salah sama sekali. Tuduhan kita itu salah sama sekali kerana Doktor Ali tidak membayar RM80,000.00 menggunakan gaji bulanannya. Dia tak gunakan gaji bulanannya RM10,000.000 dia, dia dapat daripada sumber yang lain. Pembelian itu ditampung oleh gabungan sumber kewangan iaitu simpanan RM2,000.00 yang saya katakan tadi, dan pinjaman bank RM78,000.00.

Bermakna pinjaman itu bukan pendapatan, tetapi tetap merupakan sumber kewangan yang sah untuk membiayai pembelian kereta. Begitu juga dengan negeri, belanja pembangunan bukan dibayar sepenuhnya menggunakan hasil negeri, bukan menggunakan hasil negeri. Sebahagiannya ditampung oleh sumber kewangan lain. Dalam ini dah ada tulis dah, Ketua Audit Negara dah tulis dah nota itu, nota kaki itu. Sumber Penyata Kewangan Kerajaan Negeri muka surat 23 itu, dibiayai oleh pinjaman, terimaan balik pinjaman, perubahan tunai bukan ambil daripada hasil negeri. Jadi, jadi sebahagiannya ditampung oleh sumber kewangan lain contohnya terimaan pinjaman boleh bayar yang tidak direkod sebagai hasil, tetapi tetap sumber kewangan pembangunan. Selepas membeli kereta kewangan bulanan Doktor Ali masih kukuh.

Dia beli kereta dapat kereta gaji dia tetap RM10,000.00, belanja tetap RM7,000.00, bulanan RM1,000.00. Jumlah komitmen RM8,000.00. Doktor Ali masih mempunyai surplus RM2,000.00 setiap bulan. Ini membuktikan Doktor Ali tidak defisit, dia hanya menggunakan sumber lain untuk tujuan pembangunan kereta.

Kesimpulannya, daripada analogi ini, iaitu kita menilai kemampuan Doktor Ali dengan melihat harga kereta RM80,000.00 semata-mata adalah analisis yang cetek. Kalau kita buat kesimpulan dengan melihat ke kereta itu sebab gaji dia RM10,000.00 mana dia, dia mampu. Sama seperti menilai belanjawan negeri dengan mencampurkan belanja mengurus dan belanja pembangunan, lalu membuat tuduhan defisit. Tak betul itu. Yang tepat ialah aliran tunai mengurus, gaji *versus* belanja harian, sumber kewangan lain bagi tujuan pembangunan. Kewangan Ali tetap stabil dan berdisiplin, Doktor Ali juga tidak defisit kerana perbelanjaan pembangunan ditampung oleh sumber kewangan khusus bukan hasil mengurus. Itu analogi yang pertama. Faham ke tak faham lagi? Saya nak pergi kepada analogi yang kedua pula.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bolehlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bacalah ketiga-tiga analogi itu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okay.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Supaya kita semua akan faham.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Speaker pun tak berapa faham ...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker, Speaker pun akan lebih faham dengan lebih baik.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lebih faham ya. Analogi yang kedua. Analogi yang kedua. Untuk bagi lebih faham lagi. Pak Long Seman ini dia seorang pekebun sawit, di Jerantut ke, di Cheka ke, saya tak berapa pastilah, kalau kebetulan saya minta maaflah. Ini secara analogi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia di Kampung Bintang,

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kampung Bintang ya, okay. Pendapatan dan perbelanjaan Mengurus. Pak Long Seman ini Yang Berhormat Speaker dia memperoleh RM10,000.00 hasil sawit setiap bulan, harga sawit bagus sekarang ini ya, dapat RM10,000.00. Untuk menjalankan ladangnya beliau hanya memerlukan RM7,000.00 je. Dia dapat RM10,000.00, kos tetap dia, kos berubahnya RM7,000.00 je sebulan, puratalah. Bagi gaji pekerja, baja diesel dan keperluan operasi. Jadi maknanya surplus RM3,000.00, dapat RM10,000.00, belanja RM7,000.00, surplus lebihan RM3,000.00.

Ini menunjukkan operasi harian ladang Pak Long Seman ini sihat, terkawal dan berdisiplin. Macam kitalah negeri, terkawal dan berdisiplin surplus dan sebagainya. Jadi, dalam pada itu ada pelaburan baharu untuk tingkatkan produktiviti dia, ialah setahun masa yang panjang kan. Jadi, beliau membuat keputusan untuk membeli jentera pembajak baharu bernilai RM5,000.00. Dalam dia itu semua dia terfikir nak beli pembajak, pembajak baharu bernilai RM5,000.00. Ini bukan perbelanjaan rutin untuk dia beli pembajak ini, bukan perbelanjaan harian biasa, tetapi perbelanjaan pembangunan yang memberi manafaat jangka panjang. Hasil sawit akan lebih cepat diproses dan ladang lebih efisien.

Kesan kewangan bulanan bila buat pelaburan ialah pada bulan pembelian jentera, jumlah perbelanjaan ialah RM7,000.00 mengurus tadi, campur pembangunan, RM5,000.00 jumlahnya RM12,000.00. Pendapatan tetap RM10,000.00, maka bulan tersebut berlakulah kekurangan RM2,000.00. Yang pentingnya operasi harian masih sihat. Keuntungan hanya berlaku kerana pelaburan besar, bukan kerana boros.

Jadi untuk dia tampung kekurangan ini Pak Long Seman mempunyai simpanan Tabung Haji, ataupun ASB yang telah dikumpul selama ini. Beliau hanya keluarkan sedikit simpanan untuk tampung RM2,000.00 tersebut, dia keluarkan daripada Tabung

Haji dan ASB. Ini adalah strategi kewangan yang baik sepertimana Kerajaan Negeri Pahang buat, sebab itu kita surplus, tuan-tuan er... Yang Berhormat Speaker. Simpanan digunakan untuk projek besar. Sebab itu kadang-kadang *reserve* kita ini yang saya katakan ada RM500 juta, mungkin kita akan keluarkan, kita akan belanjakan, kita beri kepada rakyat. Tahun ini, tahun depan, tahun berikutnya, kalau tidak RM500 juta tepu macam itu je. Jadi, operasi bulanan dia tetap surplus, kewangan jangka panjang kekal stabil.

Jadi kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Pak Long Seman mengurus kewangan ladang dengan bijak dan berhemat. Surplus bulanan membuktikan operasi ladang sangat terkawal. Bila perlu buat pelaburan besar, beliau guna simpanan dan bukan meminjam tanpa perlu. Dan ini menunjukkan pengurusan kewangan sihat, mampan dan strategik, sama seperti cara kerajaan negeri mengurus belanjawan. Itu analogi yang kedua. Faham dah ya?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... terima kasih. Cuma saya ... serta rasa ingin penjelasan. RM128 juta yang tidak dikategorikan sebagai hasil negeri, yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi ialah atas alasan bahawa duit ini ialah daripada dana pinjaman. Maka dia tidak dikategorikan sebagai hasil negeri. Jadi saya rasa, berbeza dengan kita guna dana simpanan sebagai sumber pendapatan negeri untuk di... isu besar kita di sini ialah, saya yang pertama.

Yang keduanya, kerana semua dokumen kita yang dibekalkan kepada semua Ahli Dewan bersifat embargo. Sampai ke hari ini embargo. Bayangkan kita nak bahas Belanjawan Negeri. Semua dokumen yang bagus sampai hari ni, hari ini hari akhir. Jadi tak ada *point* tak ada makna dokumen tersebut di embargokan. Saya fikir, saya buat kajian meneliti beberapa buah negeri. Tidak ada satu dokumen er... laporan audit di embargo oleh semua negeri. Sebab dia kita perlu data tersebut. Yang Berhormat tadi baca laporan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, nak tanya Yang Berhormat pernah jadi ahli, dia dua orang sini yang Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah jadi Ahli Parlimen. Kalau di Parlimen, macam mana dia punya ini er...

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Di Parlimen, dia lagi *clear* lah dia, bahas pun laporan audit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak, dia embargo ke tak embargo.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dibentang dibahas, maknanya dia tak adalah embargo tak ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Masa dia bahas tu.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dia bentang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Daripada Ketari dia pun ahli Parlimen juga.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Yang Berhormat, di Parlimen dia embargo sampai hari *presentation* pembentangan bajet aje. Lepas tu bila kita bahas kita boleh rujuk dah. Okay... okay?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya kita ikut macam Parlimen lah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, minta maaf kita ada tiga orang. Seorang lagi Wakil daripada Tras pun Ahli Parlimen, pernah jadi Ahli Parlimen.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya baru nak cakap. Sebab Yang Berhormat daripada Tras tengok saya tadi, Speaker dah cakap dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Tras macam mana kalau di Parlimen?

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya macam inilah *simple* sahajalah Tuan Speaker. Terima kasih kerana sebut nama saya eh. Saya ingatkan tak ada tadi nama saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Minta maaf ya.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sebenarnya kita dalam Dewan ni. Apa yang penting kita kena rujuk yang terkini. Tak kiralah dia Laporan Ketua Audit Negara ke apa ke. Tapi yang terkini, kalau saya dalam semakan saya ni ia Laporan Ketua Audit Negara. Dia keluar pada 20 Ogos 2025. Sedangkan Dewan akan bermula, Dewan Parlimen ya akan bermula pada 6 Oktober hingga 4 Disember, sedangkan penyata kewangan yang terkini kita punya negeri Pahang 15 haribulan 10. Maknanya kita kena, walaupun kita *refer* kepada Laporan Ketua Audit, kita kena rujuk jugak pada Penyata Kewangan Negeri *the latest*. Itu komen sayalah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, ini dia berbeza pandangan berbeza pendapat. Cuma jangan berbeza pendapatan sudah berbeza pendapat tak apa. Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Nampak gaya saya kena pergi ke analogi ketiga, sebab ada lagi ke kekurangan, kekeliruan. Analogi yang ketiga, kita pergi kepada Encik Rawi pula pemilik kilang memproses makanan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini orang Sungai Koyan lah. Orang Sungai Koyan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. Jadi Yang Berhormat Sri Speaker, prestasi semasa operasi syarikat harga jualan dia tahunan RM200,000.00. Ini adalah aliran tunai semasa daripada penjualan produk, perbelanjaan operasi, bahan upah sewa utiliti RM180,000.00. Perbelanjaan ni dia dikategorikan sebagai belanja mengurus surplus operasi RM20,000.00. Mana datang RM20,000.00. RM200,000.00 tolak RM180,000.00, jadi *balance* RM20,000.00. Ini menunjukkan syarikat mempunyai keuntungan operasi yang sihat dan berdisiplin.

Tiba-tiba Encik Rawi ni ada keperluan pelaburan baharu. Jadi dia nak beli mesin pembungkusan automatik, harganya RM40,000.00. Pembelian ni dikategori sebagai bajet pembangunan kerana ia melibatkan permodenan kilang. Kesan kewangannya ialah perbelanjaan ni menyebabkan keperluan tunai melebihi hasil tahunan sebanyak RM20,000.00. Sebab tadi dia cuma surplus RM20,000.00 tetapi dia beli mesin RM40,000.00.

Ini bukan masalah untung rugi operasi tetapi isu kekurangan dana untuk pembelian aset baru. Jadi cara menangani kekurangan dana Encik Rawi memohon pinjaman kemudahan khas (IKS) pinjaman ataupun pindahan dari pusat dana luaran digunakan untuk menampung keperluan pembangunan dan pinjaman diluluskan kerana rekod kewangan syarikat kukuh konsisten mencatat surplus dan dalam bajet mengurus operasi harian, keuntungan stabil. Jadi, implikasi dan justifikasi pinjaman operasi harian kekal untung pinjaman tidak menjejaskan *cashflow* operasi.

Pembelian mesin dibayar oleh peminjam pinjaman luar bukan daripada hasil operasi semasa. Sama seperti logik belanjawan negeri, belanja pembangunan boleh dibiayai oleh sumber kewangan lain. Selain daripada hasil negeri, peminjam layak menerima pinjaman kerana kestabilan kewangan syarikat. Jadi kesimpulannya, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Encik Rawi mempunyai syarikat yang sihat secara operasi surplus RM20,000.00, walaupun projek pembangunan melebihi hasil tahunan, ia tetap boleh dijalankan kerana dibiayai oleh pinjaman khas. Rekod kewangan kukuh menjamin kelulusan.

Ini menunjukkan perbezaan antara bajet mengurus operasi harian mesti dan positif manakala bajet pembangunan boleh dibiayai melalui pinjaman ataupun sumber luar. Itu adalah analogi yang ketiga. Sekiranya rakan-rakan Ahli Yang Berhormat masih lagi tidak faham kerana saya bukan seorang akauntan. Saya fikir Akauntan Negeri saya boleh minta PCMS Pahang Corporate Management Services menganjurkan satu kursus kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat memahami Laporan Ketua Audit Negara untuk tahun- tahun mendatang ini. Tak ada masalah kerajaan negeri keluarkan bajet tak ada masalah.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya setuju.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Setuju, daripada Tras setuju, Jengka setuju ke tak.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Mohon penjelasan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik apa ni, yang sebut defisit tu bukan kami, yang sebut defisit tu Laporan Ketua Audit Negara muka surat 24. Atas sekali point 4.2.2 disebutkan itu saya mohon penjelasan ya. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Pahang berada dalam kedudukan kurangan. Kurangan tu defisitlah bagi tahun 2024 iaitu perbelanjaan melebihi terimaan sebanyak RM128.1 juta. Jadi mohon penjelasan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dak, kita ni cakap betul la defisit tu bila kita gunakan duit ni. Tetapi dalam kiraan surplus atau defisit, kita gunakan hasil negeri campur dengan perbelanjaan. Tetapi bila kita nak. Saya dah bagi tiga analogi. Bila kita nak buat niaga yang lain, kita ambil daripada pinjaman lain daripada bank dan sebagainya. Sebabnya kedudukan

kewangan kita sihat. Bukan kita ambil daripada hasil negeri. Yang Berhormat ADUN Jengka ni tak faham sebab dia dalam pemikiran masih mengatakan bahawa hasil negeri RM100 juta. Bila nak buat perkiraan ambil daripada RM100 juta tu, ataupun nak buat pembangunan memanglah defisit, tetapi bila kita nak buat pembangunan kita tak ambil duit daripada hasil kita ambil daripada sumber lain.

Sebab tu akauntan buat catitan di situ dia kata defisit itu dibiayai daripada sumber lain bukan daripada hasil negeri. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mencadangkan kalau ada Jengka faham kalau ada juga setuju rakan rakan Ahli-ahli Berhormat yang lain setuju kita buat kursus, jadi Akauntan Negeri boleh bagitahu, Pegawai Kewangan Negeri boleh bagitahu untuk lebih kefahaman untuk kebaikan kita juga untuk supaya kita tidak buang masa dalam Dewan ni tahun depan lagi sekali defisit, surplus dan sebagainya sebab kita tidak faham. Saya faham. Jadi, saya fikir saya buat cadangan. Speaker setuju tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya ingat kita boleh. Kita boleh buat. Itu satu cadangan yang baiklah kita buat satu kursus kita bagi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tertakluk kepada persetujuan rakan rakan la.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya rasa yang tak faham ni bukan ADUN Jengka, tapi Ketua Audit Negara tak faham sebab laporan begitu. Ketua Audit Negara yang tak faham sebab laporan dia begitu bukan kami yang kata defisit, Ketua Audit Negara. Saya rasa kena kursus dengan Ketua Audit Negara sekali. Saya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya tak nak panjangkan isu ni cuma bermakna pembangunan kita sebanyak RM446.2 juta diambil sebanyak RM110 juta dalam bentuk pinjaman bermakna kita membangunkan negeri kita dengan dana pinjaman ataupun stok simpanan kita sendiri yang membuat tersebut.

Mungkin kita buat pinjaman daripada negeri ke bank bermakna realitinya RM128 juta ini yang kita tak rekod sebagai hasil kerana dia adalah pinjaman bagi pembangunan negeri Pahang. Dengan kata lain bahawa kita menggunakan dana pinjaman sebanyak RM128 juta bagi membiayai pembangunan sepenuhnya RM446.2 juta saya rasa mungkin betul fahaman saya. Kalau begitu, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada Wakil daripada Cheka. Eh... Cheka pulak ini Tras, dia dekat-dekat tu Cheka, Tras.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Tuan Speaker. Bagi sayalah tak adil, kita katakan Ketua Audit Negara ni apa ni kena apa kena kursus balik, tak faham sebab dia tak ada kat sini dia tak boleh jawab. Saya nak katakan sini saya salah seorang daripada AJK PAC Pahang dan belah pembangkang pun ada. Saya bukan nak *condemn*, tapi saya nak… ini

kebenaran kita kena cerita ya. Jadi apa yang ada pada Laporan Ketua Audit Negara itu bukan muktamad. Dia adalah *check and balance* untuk negeri dan sebab itu saya cakap tadi, saya nyatakan bila kita bersidang di Parlimen ha ini cerita Parlimen ya. Parlimen pada 6 Ogos hingga 4 Disember 2025. Jadi percetakan tu dia keluar 20 Ogos. Mungkin maklumat yang dia buat ketika itu, maklumat ketika itu. Dia tak salah dan kita ada maklumat terbaru. Kita cetakkan 15hb 10 macam-macam dalam masa dua tiga bulan tu berlaku. Jadi sebab itu saya nyatakan di sini kita kena selalu merujuk kepada yang terkini iaitu penyata kerajaan negeri sendiri. Itu yang tepat. Terima kasih.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ini tahun 2024 YB, bukan 2025.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, saya... Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tak nak panjangkan ya. Saya tidak panjangkan. Macam Malaysia nilah, kita buat analogi. Nak membangun Malaysia ni kita pinjam daripada Asian Development Bank, kita pinjam pada Bank Dunia, kemudian negara-negara yang mengalami er… apa namanya? Krisis ekonomi pinjam pada IMF. Bukan makna dia defisit, dia pinjam. Kenapa orang bagi dia pinjam? Sebab orang yakin dia boleh bayar.

Kalau kita pergi ke bank, ada orang tu tak dapat nak pinjam duit, minta maaf, bukan saya nak bagi kuliah ni, nak bagi tahu. Ada orang tu nak buat pinjaman tak dapat. Tapi ada orang tu dah ada pinjaman tapi bank bagi lagi. Kerana apa? Kerana bank yakin bahawa dia boleh bayar. Macam juga kerajaan negeri, macam juga diri kita sendiri. Begitulah, macam juga syarikat, kerana keyakinan dan itu bukannya pendapatan daripada kerajaan. Ini… ini pada fahaman saya. Jadi sila Yang Amat Berhormat, teruskan.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Saya nak mencelah sikit ya, sikit je.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Yang pertama sekali, saya ingin tegaskan di sini bahawa saya dan saya percaya rakan-rakan saya daripada barisan kepimpinan kerajaan sangat-sangat tidak setuju dengan kenyataan ADUN Jengka yang mengatakan Ketua Audit Negara tidak faham [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu satu tuduhan yang saya rasa yang sangat serius. Ketua Audit Negara ya.

Yang kedua, saya nak sentuh sikit je yang pasal defisit ni ya. Saya dah buat analogi tadi, pokoknya, apabila kita nak buat pembangunan ataupun projek dan lain-lain, kita tidak ambil daripada hasil, kita ambil daripada rizab ataupun daripada sumber lain. Jadi kita keliru di situ sebab kita mengandaikan kita ambil daripada hasil. Jadi nampak sebab tu Ketua Audit Negara dia buat catitan di bawah tu sumber daripada mana.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker...

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Mencelah... ada satu saya nak bagi tahu kat sini. Sebenarnya dalam Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 muka surat 23, ada nyata kat situ perbelanjaan (sebelum pindaan). Ada *bracket* maksudnya dalam tu tanda tanya, dia ada *bracket.* Jadi kalau ada *bracket* tu maksudnya bukan muktamadlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita... kita terus, lepas ni kita buat kursus. Saya pun nak ikut samalah. Saya pun nak ikut samalah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lepas ni kita buat kursus ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya pun nak ikut sama juga.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha bagus. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh… boleh saya mencelah sikit Yang Berhormat? Boleh? Sikit je, sikit je.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh, boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila... Wakil daripada Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya nak... nak *register* kepada kita semua Ahli-ahli Dewan, defisit bukan satu kesalahan, jauh lagi sebagai jenayah. Itu perkara biasa dalam *accounting deficit*. Jadi kita tak perlu rasa, bila sebut defisit ni satu konotasi yang negatif. Dia bertitik tolak kepada bagaimana kita menguruskan defisit itu. Jadi bila sebut defisit ni jangan anggap itu sebagai tohmahan atau tak. Dia bukan satu kesalahan belanja defisit ini. Cuma kita perlu menguruskan defisit itu. Itu yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang nak beri faham kepada orang awam. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN YANG DILANTIK - 4)

YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat, saya nak... nak tambah sikit boleh tak?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh, boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN YANG DILANTIK 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Jadi kita duk bincang hari ini adalah tentang laporan audit. Jadi, saya mencadangkan untuk mesyuarat akan datang kita akan adakan satu perbincangan khas, perbincangan khas untuk membincangkan Laporan Audit Tahun 2024.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya cadangkan kita boleh buat usul sebenarnya Yang Amat Berhormat, tak ada masalah.

(ADUN YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Hari ni sepatutnya saya... saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah untuk menggulung perbahasan tentang Bajet 2026 dan kita bukan bercakap soal nak membincangkan Laporan Audit er… Negara 2024. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya, ADUN Beserah bangkit, bukan kita... saya langsung tak bimbang fasal defisit, surplus semua ini. Yang saya bimbang ni pasal tak faham. Yang surplus dikatakan defisit. Yang putih dikatakan hitam, yang hitam dikatakan putih. Itu yang saya bimbang tu. Jadi er... jadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker sebab tu saya nak buat, saya mencadangkan untuk dibuat kursus. Buat kursus ni nanti kita boleh *throw the idea* mungkin boleh mencadangkan buat usul dan sebagainyalah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dalam pada itu, kedudukan wang tunai kerajaan negeri pada tahun 2024 berjumlah RM256.23 juta menurun berbanding RM384.7 juta pada tahun 2023. Namun, penurunannya bukan tanda kelemahan kewangan sebaliknya berpunca daripada penurunan-penurunan kutipan hasil bukan cukai termasuk kompaun dan denda yang semakin berkurangan. Ini merupakan satu petanda yang positif bahawa tahap pematuhan undang-undang dalam kalangan rakyat semakin meningkat. Pengurangan hasil premium perhutanan pula menunjukkan komitmen kerajaan negeri terhadap kelestarian alam sekitar dan usaha mengurangkan kebergantungan kepada hasil sumber asli.

Kerajaan negeri juga turut mengamalkan bajet berasaskan keberhasilan yang memastikan setiap perbelanjaan memberikan pulangan terbaik kepada rakyat. Melalui pendekatan ini, kerajaan negeri bukan sahaja dapat menampung kos operasi tanpa berhutang tetapi juga mampu meneruskan pembangunan rakyat, menambah simpanan untuk masa hadapan serta melaksanakan pembayaran pinjaman secara tersusun dan berhemat.

Isu pinjaman negeri juga sering disalah tafsir. Jumlah pinjaman keseluruhan hampir RM1 bilion bukan sahaja terdiri daripada pinjaman yang dibayar oleh negeri tetapi turut merangkumi pinjaman yang ditanggung oleh agensi, PBT dan badan-badan berkanun negeri. Daripada jumlah tersebut, hanya RM755 juta yang melibatkan bayaran melalui bajet mengurus negeri manakala RM304 juta lagi ditanggung oleh agensi masing-masing. Ini termasuklah pinjaman bagi projek air yang akan diinovasi, pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta infrastruktur oleh pihak berkuasa tempatan. Rekod ini disahkan tepat dan selari dengan rekod Jabatan Akauntan Negara Malaysia sehingga 2025.

Tambahan pula, pinjaman ini bukan liabiliti semata-mata tetapi merupakan pelaburan strategik untuk memacukan pembangunan negeri. Di samping itu, kerajaan negeri juga memberi pinjaman kepada agensi dan badan berkanun negeri. Setakat ini, sebanyak RM46 juta telah dipinjamkan kepada pelbagai agensi dan badan berkanun negeri. Kerajaan negeri juga telah merangka strategi jangka panjang termasuk *Way Forward* yang membolehkan bayaran pinjaman dibuat lebih awal. Bermula pada tahun 2027, kerajaan negeri merancang untuk mula membayar pinjaman yang sepatutnya dibayar pada tahun 2030 sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman kerajaan pesekutuan secara signifikan. Bayaran *advance* ini adalah langkah proaktif membuktikan bahawa bajet negeri adalah mampan dan dirangka dengan visi jauh ke hadapan [Ahli Dewan menepuk meja].

Untuk makluman rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2024, kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM39.4 juta. Manakala... manakala tahun 2025 sebanyak RM61.2 juta iaitu peningkatan sebanyak 55% yang menunjukkan kedudukan kewangan negeri semakin kukuh dan stabil [Ahli Dewan menepuk meja]. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan pegawai di bawah seliaannya.

Kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dakwaan bahawa Belanjawan Negeri Pahang berada dalam keadaan defisit adalah tidak tepat sama sekali. Fakta kewangan yang sah, laporan audit, kedudukan tunai yang stabil serta kemampuan negeri mencatat lebihan operasi jelas membuktikan bahawa kerajaan negeri faham menguruskan kewangan rakyat dengan penuh integriti dan profesional [Ahli Dewan menepuk meja]. Malah, kita telah mendapat Sijil Audit Bersih selama dua tahun berturut-turut [Ahli Dewan menepuk meja[.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berhubung dakwaan Yang Berhormat Jengka mengenai jabatan-jabatan negeri berbelanja melebihi peruntukan, saya minta Yang Berhormat Jengka dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyemak Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 3 Tahun 2025 di muka surat 53 Jadual 32 yang jelas menunjukkan jabatan-jabatan negeri tidak berbelanja melebihi peruntukan. Sebab itu saya kata Yang Berhormat Speaker, kena baca sampai habis. Ini baca sekerat-sekerat lepas tu terus buat kesimpulan. Jadual 32 Yang Berhormat Jengka, sila muka surat 53. Ya sama dengan saya, jangan tengok kitab lain pulak sama. Okay bagus. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang. Saya sebutlah walaupun sebut lima. Kalau tak silap saya peruntukan 1.2 belanja 1.2 syabas. Tahniah 100%. Ini adalah berhubung dengan dakwaan yang Yang Berhormat daripada Jengka yang mengatakan kerajaan negeri berbelanja lebih daripada peruntukan sedangkan jadual 32 muka surat 53 menyatakan Jabatan Pertanian Negeri Pahang peruntukan RM4.56 juta, belanja RM4.55. Jabatan Agama Islam Pahang RM14.25. Kita belanja RM14.08. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang RM2.18 juta kita belanja RM2.15. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang (JKR) peruntukan RM90.54 juta Kita belanja RM88.19. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang RM45.34 peruntukan kita belanja RM43.94. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan peruntukan RM33.42 kita belanja RM32.36 juta. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang RM2.51 juta kita belanja RM2.4 juta. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang peruntukan RM9.26 juta kita belanja RM8.76 juta. Pejabat Kewangan Perbendaharaan Negeri Pahang RM83.14 juta peruntukan kita belanja RM73.25 juta.

Jadi Jumlah peruntukan RM286.40 juta, kita belanja RM270,0088 juta. Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Itulah saya sarankan supaya di masa-masa yang akan datang Yang Berhormat kena baca sampai habis. Jangan baca sekerat-sekerat je. Jadi dengan jelas jadual 32 muka surat 53 rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain boleh. Kalau ada buku boleh boleh tengok ya. Tidak pun saya boleh edarkan ni okay.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sabotaj, okay baik

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sabotaj pun lampu hijau tu.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Jadi muka surat 11... jadi muka surat 11 tu dia sebut defisit. Muka surat 32 er... muka surat 53 tadi surplus jadi macam berlaku percanggahan antara dua ni. Boleh jelaskan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya rasa takde percanggahan. Kita kena tengok yang akhir tu. Penutup tu, sebab itu kena kena kena baca sampai habis. Husnul khotimah. Jadi, okay selesai ya Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Sila kita... kita sambung kita er... kita berpindah ke yang lain.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okey. Jelas ya Jengka. Okay terima kasih. Puas hatilah. Saya sebenarnya sangat berpuas hati kerana dapat menjawab yang sebenar-benarnya yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Bermakna Kerajaan Negeri Pahang saya bersama dengan rakan-rakan saya, kita tidak berbelanja lebih daripada peruntukan di mana yang didakwa oleh ADUN Jengka.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Hakikatnya, kejayaan-kerajaan negeri yang telah berjaya memperolehi pendapat tanpa teguran daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Tahun 2024, mengukuhkan lagi keyakinan bahawa pengurusan kewangan negeri adalah telus, kukuh dan berada di landasan yang betul dalam menilai angka laporan kewangan serta displin fiskal adalah perkara yang wajar kita insafi bersama. Bidang kewangan kerajaan ini bukan tempat untuk teka-teki atau andaian. Ia memerlukan ilmu, kefahaman dan kewibawaan profesional. Sebab itulah jika kita bukan akauntan, bukan juru audit dan bukan pula Ketua Audit Negara, eloklah kita tidak mendahului atau mengajar mereka dalam perkara yang menjadi bidang kepakaran mereka. Tidak elok.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO’ SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri minta mencelah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh, boleh.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO’ SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Maknanya janganlah pesakit mengajar doktor mengubat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Betul analogi tu sangat tepat. Pandai Dato' Sri Exco Agama ni, tidak elok untuk kita melebihi mereka yang diberi amanah dan kelayakan untuk menilai. Kerana dalam dunia kewangan dan tatakelola ini, kebenaran tidak lahir daripada suara yang paling kuat. Tetapi daripada fakta yang paling tepat. Setuju Dato' Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Setuju.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih. Lepas ni kita makan nasi tengah hari ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau tak setuju, bangun empat lima orang lagi bila nak habis.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker.

Saya juga ingin perbetulkan kenyataan Yang Berhormat Cheka yang menyebut penjawat awam mendapat RM500.00 sebelum ini. Hakikatnya, kerajaan negeri tidak pernah sekalipun mengabaikan kebajikan jasa dan kesetiaan penjawat awam negeri sejak tahun 2022 hingga 2025. Kerajaan negeri secara konsisten menzahirkan penghargaan kepada penjawat awam negeri melalui bantuan khas kewangan yang nilainya jauh lebih besar daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Cheka. Saya dah semak hansard dan memang benar. Yang Berhormat Cheka berkata demikian. Saya ada hansard dia. Saya ingat saya tak perlu bacalah ya. Saya dah minta memang Yang Berhormat. Saya rasa yang hormat keliru mungkin ingat Parlimen

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Okay. Saya perbetulkan. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ok terima kasih Yang Berhormat macam ni lah kita bagi satu tepukan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mengaku salah bukan makna kalah.

(ADUN JELAI N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dia tidak *gentleman*.

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Gentleman.

(ADUN JELAI N.02)

YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kita pun kadang-kadang buat silap juga silap.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita kena mengaku salah bukan makna kita kalah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tetapi saya juga ingin menyatakan di sini Yang Berhormat Speaker bahawa kerajaan negeri selama ini bermula pada tahun 2022 kita bagi RM1,200.00 bantuan khas kewangan kepada penjawat awam di Pahang tahun 2023 kita bagi satu setengah bulan gaji. 2024 satu setengah bulan gaji juga. 2025, satu setengah bulan gaji juga. 2026 dua bulan gaji tertinggi pernah diberikan oleh kerajaan negeri sebagai tanda penghargaan dan kasih sayang kita kepada kerajaan negeri tidak juga melupakan kepada penjawat awam persekutuan dengan memberi insentif Khas Pahang 1st berjumlah RM200.00 kepada setiap 18,743 penjawat persekutuan yang berpendapatan di bawah RM3,000.00. Ini adalah komitmen kita, komitmen kerajaan negeri yang sentiasa menghargai penjawat awam sebagai nadi penyampaian perkhidmatan rakyat.

Segala ini membuktikan bahawa kerajaan negeri konsisten bertanggungjawab dan komited bukan sahaja dalam merangka dasar tetapi juga dalam menzahirkan penghargaan kepada mereka yang memastikan dasar ini berjaya dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Setiap tahun Belanjawan Negeri Pahang sentiasa memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air. Begitu juga belanjawan 2026 yang digubal dengan tekad yang sama. Peruntukan besar yang diumumkan kerajaan negeri melalui Pengurusan Air Pahang Berhad menunjukkan kesungguhan berterusan kerajaan negeri untuk memastikan rakyat menerima perkhidmatan bekalan air yang lebih stabil, lebih berkualiti dan lebih berdaya tahan.

Suka saya tegaskan di sini kita kini semakin menghampiri tempoh sasaran yang ditetapkan iaitu menyelesaikan 90% isu bekalan air di seluruh negeri Pahang. Alhamdulillah, sehingga November 2025 PAIP telah merekodkan pencapaian 82% kawasan *blackspot* berjaya diatasi. Ini satu kejayaan besar dan ia dan ianya bukan datang secara kebetulan. Ia adalah hasil kerja keras yang terancang. Tahniah kepada PAIP. Kerajaan negeri dan saya sendiri meneliti setiap laporan pencapaian dengan terperinci. Alhamdulillah, impak yang dinikmati hari ini benar-benar memberi kesejahteraan kepada rakyat. Kawasan yang dahulunya mengalami tekanan rendah, bekalan tidak stabil atau kerap terputus kini telah beralih kepada keadaan yang jauh lebih baik. Antara kawasan yang telah menikmati peningkatan ketara termasuk Kampung Sempadan, Kampung Paya Sendayan dan Kampung Desa Bakti dalam daerah Temerloh. Tanjung Lumpur, Pak Mahat dan Sungai Soi dalam daerah Kuantan. Kampung Cendera, Kampung Rokam, Sungai Calit dan Ulu Atok dalam daerah Raub, Selancar, Chanis, Keratong, Daerah Rompin, Kampung Awah dan Sri Jaya dalam daerah Maran serta Kampung Jambu Rias dan Kampung Sri Telemong dalam daerah Bentong. Dalam banyak program di kampung-kampung, saya sendiri mengambil peluang bertanya kepada penduduk mengenai kualiti perkhidmatan air, alhamdulillah,

rata-rata mengakui perubahan positif lebih stabil, lebih berketekanan dan jauh lebih baik berbanding sebelum ini. Ini bukti yang nyata hasil usaha kerajaan negeri dan PAIP telah dapat dirasai dan dinikmati oleh rakyat negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang serta seluruh warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang turun padang untuk mendengar sendiri aduan, mendengar cadangan serta pandangan daripada rakyat menerusi program Sentuhan Rakyat Makmur. Menerusi program ini, pelbagai masalah dapat diselesaikan termasuk isu berkaitan bekalan air.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Saya turut mengikuti perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan isu *Non-Revenue Water* ataupun NRW ataupun air tidak terhasil termasuk paip pecah, paip usang dan kehilangan air secara fizikal. Kerajaan negeri melalui PAIP sentiasa berusaha menurunkan kadar air tidak terhasil ini ke tahap yang lebih baik dan berdaya saing. Untuk makluman rakan- rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, fokus utama sebelum ini adalah untuk memastikan rakyat menerima bekalan air terlebih dahulu. Maka PAIP menyelesaikan permasalahan di peringkat sumber, menstabilkan kapasiti agihan serta memastikan tekanan air mencukupi di seluruh kawasan.

Kini, walaupun isu *blackspot* terus ditangani dan semakin stabil, PAIP telah bergerak ke fasa lebih proaktif untuk mengurangkan air tidak terhasil. Program ini kompleks dan memerlukan peruntukan yang sangat besar. Namun, kita tetap melaksanakannya secara berfasa agar kewangan PAIP kekal seimbang antara operasi harian, persediaan bekalan masa hadapan dan keberkesanan program pengurangan air tidak terhasil. Pahang mempunyai jajaran paip sepanjang 15,423 km … Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Kuala Lumpur - London tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kuala Lumpur - London

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. Ha…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jauhnya. Kuala Lumpur ke London 10,600 km…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha ni… ke mana ni…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

… ke mana…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau daripada Kuala Lumpur ke London 10,000km, kalau 15,000 ni…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau 12,000 ke Greenland.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Greenland.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha… Greenland.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya tak sampai lagi. Speaker sampai dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya pun belum sampai lagi.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Habis mana Speaker tahu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tengok dalam *Google*. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nak bawa Speaker ya. Jadi kita mempunyai jajaran paip sepanjang 15,423km dan 23% daripadanya adalah paip asbestos-simen ataupun AC yang sudah usang. Ini punca utama berlakunya paip pecah dan kehilangan air fizikal yang menyumbang kepada angka air tidak terhasil yang tinggi. Kalau boleh Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, hajat di hati kami kerajaan negeri semua ni, memang kita nak tukarkan sekali gus paip-paip usang ni. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, tahu tak kosnya berapa kalau kita tukar 15,000km ni?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa Yang Amat Berhormat?

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Cuba Speaker teka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak boleh nak teka. Pasal tak ada *Google…* ChatGPT tak ada.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

RM3 bilion.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

RM3 billion eh...

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nak tukar semua sekali.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pinjamlah… sebab dia tak defisit [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bagus juga cadangan. Walaupun kosnya RM3… RM3 bilion Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kerajaan negeri yang bertanggungjawab, yang sayang kepada rakyat, ingin melihat rakyat sejahtera mendapatkan bekalan air, kita tetap laksanakan juga tetapi ianya secara berfasa. [Ahli Dewan menepuk]

Untuk tahun 2025 sahaja, PAIP telah menukar paip usang sepanjang 257… *sorry*… 259.7km termasuk di kawasan Yang Berhormat Tahan di FELCRA Tembeling Tengah. Kita dah tukar Yang Berhormat… Yang Berhormat tahu kan? Setakat ini, alhamdulillah, semua input-input di suarakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan juga PAIP. Kita cakna dan sedang berusaha secara menyeluruh. Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Cheka semalam, kerajaan negeri dan PAIP telah siap laksanakan 3 tangki pra pemendapan ataupun *pre-sedimentation tank* di LRA Bilut, LRA Semantan dan LRA Kelau di Daerah Raub. Insya-Allah Loji Rawatan Air ini tidak lagi di… tidak lagi dihentikan tugasnya berikutan kekurangan air tetapi kekal beroperasi dan menyalurkan air terawat kepada pengguna.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Untuk tahun hadapan, program akan lebih agresif melalui penukaran paip-paip lama, pembinaan dan baik dan baik pulih *District Metered Area* atau DMA serta *Pressure Management Area* (PMA) yang membantu mengesan kebocoran secara lebih efisien. Segala pelaksanaan dan perancangan akan datang ini melibatkan peruntukan sebanyak RM449.5 juta melalui peruntukan dalaman paip, pembayaran sewa pajakan

Pengurusan Aset Air Berhad atau PAAB serta termasuk penerimaan geran Program *Non-Revenue Water* Kebangsaan daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ataupun PETRA yang berjumlah RM313 juta. Kerjasama erat kerajaan negeri, PAIP, PAAB dan PETRA, insya-Allah akan menghasilkan kejayaan besar dalam menurunkan kadar air tidak terhasil di negeri Pahang.

Sebagaimana kejayaan mengurangkan *blackspot*, saya percaya dan yakin PAIP akan mencapai kejayaan dalam pengurangan dalam program *Non-Revenue Water* ini, rakyat akan menikmati perkhidmatan lebih baik dan PAIP pula dapat beroperasi dengan lebih cekap, mampan dan berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Persidangan kali ini menyaksikan perubahan besar isu bekalan air semakin reda dan tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat pula telah beralih kepada isu air tidak terhasil, paip pecah dan persediaan bekalan masa hadapan. Ini perkembangan yang sangat baik. Saya dan kerajaan negeri amat menghargai segala penghargaan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkhidmatan yang semakin baik. Saya juga menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk terus memberi kepercayaan dan sokongan kepada kerajaan negeri dan juga PAIP.

Perkara yang baik, hebahkanlah kepada rakyat. Perkara yang masih perlu diperbaiki, maklumkanlah kepada kami dengan cara yang matang. Tujuan kita sama iaitu memastikan rakyat mendapat bekalan air yang baik dan berkualiti. Jangan kita hanya memperbesarkan kekurangan sehingga menutup mata terhadap kecemerlangan yang telah pun dicapai. Jangan mengangkat kegagalan kecil hingga menenggelamkan kejayaan besar. Kita mesti adil kepada fakta dan jujur kepada rakyat. Isu air bukan modal politik. Ia keperluan hidup rakyat. Maka biarlah kita mengurusnya dengan rasional, berhemah dan penuh tanggungjawab.

Semoga sasaran menyelesaikan 90% isu bekalan air menjelang akhir tahun 2026 akan tercapai. Bersamalah kita doakan, bersama kita usahakan demi rakyat dan masa depan negeri yang kita cintai.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Memandangkan hari ini hari Jumaat dan saya percaya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker mahu menyelesaikan aturan mesyuarat sebelum masuknya waktu Zohor. Saya rasa setakat ini sahaja penggulungan yang dapat saya sampaikan pada kali ini. Bagi soalan-soalan tambahan sama ada ketika pertanyaan atau ketika perbahasan, saya akan menjawabnya secara bertulis seperti mana rakan saya daripada Benta semalam. ADUN Benta semalam tunjuk banyak ni…

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Amat Berhormat, sikit je…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi saya banyak ni… Sila Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er… pada sesi-sesi lalu, semua jawapan-jawapan tu, dia... kami dibekalkan dengan jawapan tersebut. Cuma pada sesi ni kita jawapan yang… yang dibuat oleh semua Exco tidak dibekalkan sebagaimana biasa. Saya mohon kali ini juga dapat dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, sila jawab.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah, kita akan bekalkan dengan segera. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Di kesempatan ini, saya menghargai komitmen rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dengan semangat yang membina. Perbezaan pendapat itu lumrah, namun yang membezakan kematangan adalah cara ia dibentangkan. Ada yang memberi teguran dengan fakta, ada juga yang lebih gemar menabur keresahan tanpa menyemak kebenaran. Seperti kata orang tua-tua, "jika tidak tahu arah angin, jangan diajar nakhoda mengemudi kapal". Begitu jugalah dalam soal kewangan, tidak wajar dinilai oleh sesiapa yang tidak memahami layar dan kompasnya.

Selama 5 hari ini, kita bukan sekadar membahaskan angka. Kita sedang menetapkan hala tuju negeri dan masa depan anak-anak Pahang. Tanggungjawab ini tidak boleh dipikul sambil bermain bayang-bayang atau mengejar tepukan politik. Belanjawan bukan pentas membuat gimik, tetapi pelan induk membina negeri untuk tahun mendatang.

Di bawah tema Pahang 1st, "Rakyat Diutamakan, Kemakmuran Dipertahankan". Kerajaan negeri memilih untuk bergerak dengan keyakinan, bukan ragu-ragu. Kita memilih untuk memimpin, bukan mengikut. Kita memilih untuk bekerja dan bukan berpolitik 24 jam. Kita tidak pernah lari daripada tanggungjawab, kita tidak pernah undur daripada amanah rakyat dan kita tidak pernah berganjak daripada komitmen untuk menjadikan Pahang negeri yang jauh lebih baik daripada apa yang kita warisi. Saya ingin menyeru seluruh rakyat Pahang agar berdiri teguh bersama kerajaan ini, pertahankan kestabilan, pertahankan kemajuan, pertahankan keyakinan bahawa Pahang sedang berada di landasan yang betul [Ahli Dewan menepuk meja]. Landasan yang membawa manfaat kepada seluruh rakyat tanpa ada sesiapa pun yang tertinggal.

Selagi kita bersatu, selagi kita bekerja dengan penuh iltizam, selagi rakyat memberi kepercayaan kepada kerajaan negeri, insya-Allah Pahang akan terus mara, terus maju dan terus makmur. Maka dengan penuh rendah diri dan kesyukuran, saya akhiri penggulungan ini dengan doa semoga Allah SWT terus memelihara negeri Pahang, memperkukuhkan perpaduan, menjauhkan kita daripada fitnah dan niat yang

memecahbelahkan serta memberkati segala usaha kita menuju negeri yang lebih makmur, lebih stabil dan lebih sejahtera demi negeriku Darul Makmur.

Air tasik tidak bergelora,
Namun dalam tetap berisi,
Ada yang gemar mencipta kata,
Kerajaan menjawab dengan realiti.

Sungai Pahang mengalir tenang,
Membelah desa menghias bumi,
Kerajaan negeri teguh berjuang,
Mendahulukan rakyat sepenuh hati.

[Ahli Dewan menepuk meja] Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang atas penggulungan sebentar tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perbekalan 2026 telah dibentangkan pada 5 Disember 2025 dan dibahaskan pada 8, 9 dan 10 Disember 2025. Oleh itu, mesyuarat er… Majlis bermesyuarat dalam Jawatankuasa. Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Jadual B.01 - Majlis Kesultanan Pahang.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.01 - Majlis Kesultanan Pahang dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,741,127.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Tujuh Ratus Empat Puluh Satu Ribu Satu Ratus Dua Puluh Tujuh Sahaja) untuk Kepala B.01 - Majlis Kesultanan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak".

Tiada.

Kepala B.01 - Majlis Kesultanan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.02 - Pejabat Menteri Besar Pahang dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dibuka untuk dibahas.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM167,560,324.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Enam Puluh Tujuh Juta Lima Ratus Enam Puluh Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Empat Sahaja) untuk Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM247,460,829.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Empat Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Enam Puluh Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Sembilan Sahaja) untuk Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada

Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM1,239,312.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Dua Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Tiga Ratus Dua Belas Sahaja) untuk Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada

Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.05 - Dewan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.05 - Dewan Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM12,989,505.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta Sembilan Ratus Lapan Puluh Sembilan Ribu Lima Ratus Lima Sahaja) untuk Kepala B.05 - Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada

Kepala B.05 - Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM79,392,014.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Sembilan Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Empat Belas Sahaja) untuk Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM63,276,322.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Tiga Juta Dua Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Dua Sahaja) untuk Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM20,854,219.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Juta Lapan Ratus Lima Puluh Empat Ribu Dua Ratus Sembilan Belas Sahaja) untuk Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.09 - Jabatan Pertanian Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.09 - Jabatan Pertanian Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM36,065,587.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Enam Juta Enam Puluh Lima Ribu Lima Ratus Lapan Puluh Tujuh Sahaja) untuk Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dibuka untuk dibahas.

Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM33,876,585.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tiga Juta Lapan Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu Lima Ratus Lapan Puluh Lima Sahaja) untuk Kepala B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,189,292.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta Satu Ratus Lapan Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Dua Sahaja) untuk Kepala B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.11 – Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,053,470.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Lima Puluh Tiga Ribu Empat Ratus Tujuh Puluh Sahaja) untuk Kepala B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.12 – Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,835,459.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Lima Ribu Empat Ratus Lima Puluh Sembilan Sahaja) untuk Kepala B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM12,311,745.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta Tiga Ratus Sebelas Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Lima Sahaja) untuk Kepala B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.14 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,531,307.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Lima Ratus Tiga Puluh Satu Ribu Tiga Ratus Tujuh Sahaja) untuk Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM10,531,993.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta Lima Ratus Tiga Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Tiga Sahaja) untuk Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.16 – Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,534,601.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta Lima Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Enam Ratus Satu Sahaja) untuk Kepala B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.17 – Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM12,272,706.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta Dua Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu Tujuh Ratus Enam Sahaja) untuk Kepala B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,110,007.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Satu Ratus Sepuluh Ribu Tujuh Sahaja) untuk Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B. 20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran dibuka untuk dibahas.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,064,392.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Enam Puluh Empat Ribu Tiga Ratus Sembilan Puluh Dua Sahaja) untuk Kepala B. 20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera dibuka untuk dibahaskan.
Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,217,612.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Dua Ratus Tujuh Belas Ribu Enam Ratus Dua Belas Sahaja) untuk Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.22 - Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM17,621,011.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Belas Juta Enam Ratus Dua Puluh Satu Ribu Sebelas Sahaja) untuk Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM488,716.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Enam Belas Sahaja) untuk Kepala B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM160,357,228 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Enam Puluh Juta Tiga Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu Dua Ratus Dua Puluh Lapan sahaja) untuk Kepala B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila dinyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.
YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,556,454.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Lima Ratus Lima Puluh Enam Ribu Empat Ratus Lima Puluh Empat Sahaja) untuk Kepala B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila dinyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM19,143,322.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Juta Satu Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Dua Sahaja) untuk Kepala B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.28 - Jabatan Mufti Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B Kepala Bekalan B.29… 28 - Jabatan Mufti Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM4,280,441.00 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Dua Ratus Lapan Puluh Ribu Empat Ratus Empat Puluh Satu Sahaja) untuk Kepala B.28 - Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.28 - Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,883,245.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Lapan Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Dua Ratus Empat Puluh Lima Sahaja) untuk Kepala B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B... Kepala Bekalan B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM2,745,452.00 (Ringgit Malaysia: Dua Juta Tujuh Ratus Empat Puluh Lima Ribu Empat Ratus Lima Puluh Dua Sahaja) untuk Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.32 - Kumpulan Wang Terkanun.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.32 - Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM153,839,700.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Tiga Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Tujuh Ratus Sahaja) untuk Kepala B.32 - Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Kepala B.32 - Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB PENGERUSI

Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2026 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Majlis bermesyuarat semula majlis ber… majlis bersidang semula dalam... sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu", telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2026 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak".

Tiada.

Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2026 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat: Menimbang Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2026 telah dibentangkan, disokong dan dibahaskan pada 5, 8, 9 dan 10 Disember 2025. Seramai 34 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam

perbahasan tersebut. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Usul diluluskan.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita beralih kepada Aturan Urusan Mesyuarat selanjutnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (1): Usul. Usul Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pemulihan Bersama Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Pahang Di Bawah Seksyen 10 Akta Tатacara Kewangan 1957. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul Dewan yang mulia ini yang berbunyi: "Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) yang mana ia selari dengan ketetapan dalam Enakmen Mineral 2001 Klausa 129, bersetuju menubuhkan "Kumpulan Wang Amanah Pemulihan Bersama".

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Pertama 2014 pada 9 Januari 2014 telah menimbang Kertas Cadangan daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang bersetuju supaya Kerajaan Negeri Pahang menubuhkan Kumpulan Wang... Kumpulan Wang Amanah Pemulihan Bersama ini ditubuhkan bertujuan untuk memper... memperakaunkan semua dan perbelanjaan bagi maksud pemulihan tanah lombong yang menjadi subjek kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian berskala kecil. Kumpulan Wang ini hendaklah dikreditkan dengan wang sumber-sumber berikut, satu, fi pemulihan yang kena bayar seperti yang telah ditetapkan di dalam subseksyen (4) Enakmen Mineral 2001 negeri Pahang pada kadar 1% daripada nilai jualan kasar semua mineral yang didapatkan dalam suatu tahun kalendar dari tanah lombong yang tertakluk kepada pajakan itu. Tertakluk kepada sebarang pindaan yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedua, apa-apa pinjaman atau pemberian daripada kerajaan persekutuan. Ketiga, faedah dari simpanan tetap. Keempat, sebarang sumber lain yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan oleh satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Yang Berhormat Pengerusi… Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi. Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi. Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang sebagai ahli. Pengarah Jabatan Alam Sekitar sebagai ahli. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai ahli. Pentadbiran Tanah Daerah sebagai ahli. Badan kawal Selia sebagai… Badan Kawal Selia Air sebagai ahli. Pengarah Jabatan Mineral dan Geologi sebagai ahli. Pengarah Hutan sebagai ahli. Pengarah Tanah dan Galian Pahang sebagai Setiausaha.

Wang dan Kumpulan Wang ini hendaklah dibelanjakan bagi tujuan-tujuan berikut, pertama, pembiayaan dan pembelian barang-barang serta perkhidmatan bagi tujuan penyediaan dan pelaksanaan pelan pemulihan seperti di bawah Seksyen 129 (7) Enakmen Mineral 2001 iaitu, A) Pembelian peralatan-peralatan bagi tujuan pemulihan lombong. B) Pembelian t-shirt, seluar dan kasut bagi menjalankan tugas-tugas operasi penguatkuasaan dan pemulihan-pemulihan lombong. C) Sewaan kenderaan, jentera dan alat pengangkut. D) Pembelian aset serta pembelian aset seperti kenderaan bagi melaksanakan operasi penguatkuasaan di bawah Enakmen Mineral 2001 Negeri Pahang. E) Perbelanjaan makan dan minum elaun penceramah, peralatan dan cenderahati bagi mesyuarat, kursus, taklimat dan lawatan yang diadakan untuk tujuan yang sama. F) Lain-lain pembelian barang dan perkhidmatan bagi tujuan yang sama. 2, lain-lain perbelanjaan yang diputuskan oleh jawatankuasa seumpama; A) Emolumen bagi lantikan kontrak. B) Pembiayaan kontraktor Luar. C) Pembiayaan… pembiayaan tuntutan elaun perjalanan dan elaun lebih masa. D) Pelaburan Simpanan tetap. E) Lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh jawatankuasa.

Penubuhan Kumpulan Wang ini akan memberi gambaran sebenar berkaitan penyaluran sebagaimana subseksyen (4) Enakmen Mineral 2001 negeri Pahang.

Ia juga bertujuan memastikan rekod-rekod kewangan diperakukan dengan teratur dan mematuhi semua prosedur kewangan bagi menguruskan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Pemulihan bersama.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), yang mana ia selari dengan ketetapan dalam Enakmen Mineral 2001 Klausa 129 bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pemulihan Bersama.

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB PENGERUSI

Ada ahli yang menyokong?

(ADUN YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat Dato' Sri…

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat Dato' Sri, sebentar. Sebelum disokong, saya ingin… saya tahu adinda… tujuannya agak baik sebagai dibentang tapi kami tidak dibekalkan dengan Usul tersebut. Kita tak tahu pun, baru hari ini dengar melalui pembentangan dalam Dewan, tapi ADUN-ADUN kita semua tak dibekalkan dengan *detail* tentang akaun yang nak ditubuhkan. Jadi, saya fikir kalau boleh dipertimbangkan walaupun saya tahu penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini, tujuannya baik tapi atas kebertanggungjawaban semua Ahli Dewan, sepatutnya dia dibekalkan dulu untuk kita teliti bagi kita nak sokong atau pun kita nak beri cadangan balas. Itu pandangan saya sebab kami tidak dibekalkan dokumen. Terima kasih.

YB PENGERUSI

Ada yang menyokong?

(ADUN YANG DILANTIK - 4)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mohon menyokong Usul itu.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucap… Usul ini…

YB PENGERUSI

Usul ini dibuka untuk dibahaskan, baru kita bahas dulu. Sekarang ni, Dato' Speaker Usul ini dibuka untuk dibahaskan. Jika ada perbahasan. Sila.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yalah, sebab itu saya bangkit awal supaya kita nak sokong pun, kalau dokumen tak ada macam mana kita nak sokong, sebab itu saya… saya minta maaflah. Saya sebut, bukan… bukan untuk mengganggu kelancaran majlis sebab kita masa pun lewat. Tapi oleh kerana kami tidak dibekalkan dengan sebarang dokumen yang dibaca oleh Yang Berhormat Exco menyebabkan kita terkeliru. Apa, er.. contoh sebagai contoh, di antara dana yang akan dimasukkan dalam… dalam Usul penubuhan kumpulan ialah semua pinjaman dan pemeliharaan er… semua pinjaman dan pemberian kerajaan persekutuan. Dia sangat *general*, semua pinjaman dan pemberian kerajaan persekutuan, masuk dalam akaun ni. Jadi saya fikir kita harus *detail*kan pemberian apa sebenarnya dari persekutuan. Contoh untuk perlombongan, saya fikir lebih spesifik berbanding yang terlalu *general* yang menyebabkan kita… kadang-kadang er…dia bila, dia terlalu…terlalu besar sangat akhirnya kita payah dalam pengurusan pihak pengurusanlah nanti. Ini pandangan sayalah. Minta maaf.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih kepada rakan daripada Cheka. Sebenarnya apa namanya Kumpulan Wang Amanah ini, kita wujudkan bagi memastikan kerja-kerja perlombongan itu dapat

dikawal dengan sempurna dan jangan ada berlaku sebarang perkara-perkara yang tidak diingini. Dan sebenarnya setiap kali apa namanya projek perlombongan ataupun apa projek-projek yang berkaitan dengan mineral, apabila kita ada pemaju-pemaju yang mengusahakan, kita akan adakan ketetapan bayaran yang perlu dibayar sebagai cagaran supaya jika ada berlaku sebarang perkara yang tidak diingini, kekotoran, percanggahan daripada segi alam sekitar, mereka. Perkara ini perlu di diusahakan dipulihkan dengan kerjasama pihak kerajaan. Jadi, wang itu perlu ditabungkan dengan bawah seksyen yang kita sebutkan di dalam Usul tadi.

Jadi untuk kita sebarkan perkara ini dan kita berikan kepada… bila kita ada kumpulan kewangan itu, kita tidak ada masalah untuk maklumkan. Sebagai mana dalam laporan kewangan yang biasa kita buat. Jadi ini di peringkat awal kita cadangkan dulu kepada Dewan dan, kita apa namanya bawa sebab kita sedia maklum kita semuanya di Pahang ini ada banyak mineral dan banyak sumber-sumber alam yang kita usahakan di bawah kerajaan dan kita apa kita minta benda ini dibuat penjagaan dan penyeliaan… penyeliaan yang lebih rapi. Saya serahkan kepada pihak Dewan. Saya rasa benda ini dah diterima oleh rakan daripada ADUN Lantikan sebagai sokongan dan terserah kepada Ahli-ahli Dewan dan benda ini telus, insya-Allah. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker, saya rasa ini urusan aturan mesyuarat, sebab kami tidak ada sebarang dokumen. Saya tak pasti yang lain-lain. Saya memang tak ada, tapi bila saya baca aturan urusan mesyuarat, ada 2 Usul hari ini. Satu yang ini, kemudian lepas ini, Usul Siling Peruntukan Negeri bagi projek pembangunan dan perbekalan. Kedua-dua ni kami tidak dibekalkan sebarang rujukan untuk dibahaskan ataupun untuk tujuan nak… nak rujukan kamilah. Jadi saya harap, saya mencadangkan supaya Usul ni kita tangguh bawa pada sidang akan datang dengan aturan dan urusan yang lebih teratur supaya kita boleh fahamlah. Kita bukan… bukan macam Yang Berhormat Cheka sebut... kita bukan nak menentang penubuhan bukan nak ni... cuma kita nak ada aturan dan urusan itu tertib dalam erti kata lain. Terima kasih.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sememangnya kita maklumkan di dalam er… di dalam apa nama aturan mesyuarat. Amalannya sebelum ini, kita tidak pernah edarkan. Amalannya. Dah kita sejak tahun 2020, bila mula pembangkang ada sini, tak pernah pun menjadi masalah, tapi pada hari ini. Walau bagaimanapun, insya-Allah kita akan *review* perkara tersebut tetapi saya mencadangkan untuk meneruskan Usul ini. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalnya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju". Ahli ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak".

Tiada.

Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelima (2): Usul

Usul Siling Peruntukan Negeri bagi Projek Rancangan Negeri Pahang Tahun 2026 - 2030 (RNP 2026 - 2030). Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan:

"Siling Peruntukan Negeri bagi Projek Rancangan Negeri Pahang Tahun 2026 - 2030 (RNP 2026 - 2030)".

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 38/2025 pada 22 Oktober 2025, Perkara A5, telah mengambil maklum akan senarai Projek Rancangan Pembangunan Negeri Pahang seperti dokumen Penyediaan Siling Peruntukan Negeri Projek Rancangan Pembangunan Negeri Pahang Tahun 2026 - 2030 (RNP 2026 - 2030) daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang untuk menetapkan had siling peruntukan negeri bagi Projek Rancangan Pembangunan Negeri Pahang Tahun 2026 - 2030 (RNP 2026 - 2030).

Secara keseluruhannya perancangan projek Rancangan Pembangunan Negeri Pahang melibatkan kos berjumlah RM3,272,907,490.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Bilion, Dua Ratus Tujuh Puluh Dua Juta Sembilan Ratus Tujuh Ribu Empat Ratus Sembilan Puluh) dengan pecahan kos siling keseluruhan setiap jabatan/agensi seperti yang berikut.

Yang pertama, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri RM416,820,010.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Enam Belas Juta Lapan Ratus Dua Puluh Ribu Sepuluh sahaja). Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri RM203,440,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Tiga Juta Empat Ratus Empat Puluh Ribu sahaja). Jabatan Kerja Raya Negeri RM498,529,900.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Sembilan Puluh Lapan Juta Lima Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus sahaja). Jabatan Perhutanan Negeri RM52,282,400.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Dua Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Empat Ratus sahaja). Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri RM45,528,900.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Lima Juta Lima Ratus Dua Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus sahaja). Jabatan Pertanian Negeri RM113,350,005.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tiga Belas Juta Tiga Ratus Lima Puluh Ribu Lima sahaja). Jabatan Pengairan dan Saliran RM392,003,455.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sembilan Puluh Dua Juta Tiga Ribu Empat Ratus Lima Puluh Lima sahaja). Jabatan Agama Islam Negeri RM610,801,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Sepuluh Juta Lapan Ratus Satu Ribu sahaja). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri RM44,105,900.00 (Ringgit

Malaysia: Empat Puluh Empat Juta Satu Ratus Lima Ribu Sembilan Ratus sahaja). Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Pinjaman) RM896,045,920.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ratus Sembilan Puluh Enam Juta Empat Puluh Lima Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh sahaja).

Senarai projek serta kos akan dikemaskini dan disemak mengikut keperluan semasa dan keutamaan negeri sebelum kelulusan bajet setiap tahun dibuat semasa Mesyuarat Dewan Negeri Pahang dan sebarang perubahan dan penambah… penambah… penambahan tajuk projek hanya memerlukan kelulusan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang atas syor Timbalan Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pembangunan ataupun Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri berdasarkan siling jabatan atau agensi yang diluluskan di peringkat Dewan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan:

"Siling Peruntukan Negeri Bagi Projek Rancangan Negeri Pahang Tahun 2026-2030 (RNP 2026 - 2030)".

Saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada Ahli yang menyokong?

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Usul ini dibuka untuk diperbahaskan. Perbahasan.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sikit je saya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh ADUN Beserah. Dokumen kita tak ada, namun kita penuh yakin dan percaya pertimbangan telah pun dibuat oleh pihak pentadbir kerajaan negeri dan kewangan negeri berdasarkan jumlah-jumlah yang diperuntukkan. Maka oleh kerana dia meletakkan siling bagi kami tiada isulah, tiada masalah dan kita menyokong usul tersebut. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Masalahnya ialah usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalnya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”.

Tiada.

Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keenam: Urusan-urusan Am. Kertas-kertas Mesyuarat.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang 2024
DN 30/2025

Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 Negeri Pahang
DN 31/2025

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang 2024
DN 32/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
DN 33/2025

Laporan dan Penyata Kewangan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024
DN 34/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
DN 35/2025

Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri: Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2024 Siri 3
- Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Pahang
DN 36/2025

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketujuh: Penangguhan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

ADUN JELAI (N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya mahu membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker. Alhamdulillah, kita dah sampai ke penghujung. Insya-

Allah, saya akan berhenti sebelum masuk waktu Zohor. Satu… satu minit satu dua minit lebih kurang macam tulah dan persidangan kita pada kali ini nampaknya begitu sarat dengan perbahasan, pandangan dan teguran yang membina yang membuktikan bahawa Pahang adalah negeri yang stabil, matang dan ditadbir oleh kerajaan negeri yang tahu ke mana hala tujunya.

Pada persidangan kali ini saya kira antara perkara yang menarik perhatian adalah warna-warni persidangan yang pelbagai. Ahli-ahli Yang Berhormat memperlihatkan kematangan, berfikiran terbuka, berjaya mengawal emosi dan sekali gus dapat membuktikan masyarakat di luar sana. Sidang Dewan Negeri Pahang berlangsung dalam suasana yang sangat harmoni, apatah lagi kebolehan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker yang berjaya menggunakan persidangan ini begitu baik sekali dan sepatutnya diberi penghargaan oleh Ahli-ahli Dewan [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Senyum sampai ke telinga Speaker. Berbeza pandangan adalah fitrah kehidupan. Apatah lagi masing-masing dengan ideologi… ideologi politik yang tidak selari antara satu sama lain. Sudah tentulah sekali usikan seperti kaki *claim* adalah warna-warni yang mengindahkan dewan dengan singgungan dalam senyuman. Sesekali suasana Dewan agak panas, sesekali suara meninggi, sesekali jelingan mata tajam menikam tetapi silaturahim dijaga dengan rapi [Ahli Dewan menepuk meja]. Di luar Dewan, sesama kita tetap bertegur sapa duduk semeja, berbual sambil menghirup secawan kopi manis semanis pengalaman yang dikutip sepanjang perjalanan sebagai seorang Yang Berhormat dan melupakan seketika perselisihan pendapat di dalam Dewan. Di sini biarpun sering berting… bertingkah tapi ia mengajar erti muhasabah. Di sini biarpun sering berdebat usah silu tangan dijabat. Di sini, rakyat melihat kita semua mencari kata sepakat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya sangat menghargai sokongan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Belanjawan Negeri Pahang untuk tahun 2026 bertemakan 'Pahang 1st: Rakyat Diutamakan, Kemakmuran Dipertahankan'. Sokongan ini, ia bukan sekadar kelulusan prosedur. Ia adalah isyarat bahawa dasar kerajaan negeri ini diyakini dan dihormati. Belanjawan ini dibina atas fakta dan realiti bukan retorik yang indah pada perkata tetapi kosong pada tindakan. Kita tidak menjual mimpi, kita membina negeri. Justeru, sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Belanjawan ini menzahirkan perbezaan besar antara kerajaan yang bekerja dan pihak yang hanya mencari ruang untuk menimbulkan keraguan. Saya percaya rakyat Pahang melihat kematangan ini.

Mereka mahu kerajaan yang memberi kepastian, bukan kekeliruan. Mereka mahu kestabilan bukan kekecohan. Dan alhamdulillah, Dewan ini memilih untuk mengangkat kepentingan rakyat mengatasi politik kepartian. [Ahli Dewan tepuk meja] Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kita kini berhadapan dengan monsun timur laut yang bermula dari bulan November 2025 sehingga Mac 2026. Saya ingin mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ketika rakyat berdepan risiko banjir ini bukan waktu untuk menuding jari atau mempolitikkan musibah. Ini adalah waktu untuk bekerja.

Kerajaan negeri telah bersiap siaga lebih awal. Pangkalan hadapan telah dipenuhkan keperluan, pusat pemindahan sementara telah disiapkan dan pasukan keselamatan telah pun digerakkan. Saya menyeru rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat

memainkan peranan menasihati penduduk di kawasan masing-masing. Keselamatan nyawa tidak boleh dipertaruhkan demi naratif politik. Saya juga melahirkan rasa simpati kepada penduduk yang terjejas akibat bencana banjir yang berlaku baru-baru ini ekoran berlakunya ribut tropika senyar.

Kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri akan membantu mempermudahkan urusan penduduk terjejas. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya rasa setakat ini sajalah ucapan penangguhan pada kali ini. Saya lagi sekali ucapkan syabas dan tahniah pada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker atas kecemerlangan mengendalikan persidangan kita ini. [Ahli Dewan tepuk meja] Begitu juga terima kasih sekali lagi saya ucapkan atas keterlibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam persidangan kita pada kali ini.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan penghargaan kepada Setiausaha Dewan serta kakitangan di bawahnya, serta kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, serta Pejabat Kewangan dan Perbandaran Negeri Pahang atas komitmen tinggi dan usaha gigih bagi memastikan kelancaran persidangan ini. [Ahli Dewan tepuk meja] Ucapan terima kasih juga kepada semua ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan [Ahli Dewan tepuk meja] serta agensi-agensi kerajaan yang telah menyediakan butiran yang diperlukan kepada pihak kerajaan negeri untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan. Saya juga berterima kasih kepada anggota Polis Diraja Malaysia, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia, petugas Jabatan Kesihatan dan petugas Jabatan Kerja Raya serta semua pihak yang telah membantu melancarkan persidangan ini. [Ahli Dewan tepuk meja]

Tidak dilupakan juga terima kasih kepada petugas-petugas media [Ahli Dewan tepuk meja] yang memberikan liputan sepanjang persidangan ini berlangsung. Insya-Allah kita akan kembali semula ke Dewan yang mulia ini pada persidangan yang akan datang. Saya berdoa semoga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat selamat pulang ke kawasan masing-masing dan laksanakanlah tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sebaik- baiknya.

Rakyat sedang memerhati dan mereka berhak melihat kita bekerja dengan kesungguhan. Semoga Allah Subhana Wata'ala memimpin usaha kita memelihara negeri ini dari musibah dan memberkati setiap ikhtiar untuk kemakmuran negeri dan kesejahteraan negeri Pahang Darul Makmur.

Pagi Meranum sinar menyapa,
Bayu lembut menyentuh rimba,
Sidang selesai tugas menjelma,
Amanah rakyat tetap utama.

Bunga padi kuning berseri,
Ditiup angin di tanah rata,
Sidang berakhir tugas berdiri,
Harapan rakyat kita junjung bersama.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. [Ahli Dewan tepuk meja] Terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang. Terima Kasih

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita telah pun selesai ke penghujung Persidangan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang ke-15. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dan komitmen yang amat baik kepada saya. Yang lebih penting adalah, yang lebih mustahak adalah menghormati, menghargai, memahami dan meletakkan Dewan yang mulia ini di atas landasan yang betul dan penuh berintegriti.

Hari ini kita menutup satu lagi babak dalam perjuangan kita sebagai wakil rakyat dalam setiap keputusan yang kita buat tersimpan harapan rakyat yang kita wakili. Kita hadir bukan sekadar memenuhi tuntutan undang-undang tetapi kerana kita sedar beratnya amanah di pundak kita membawa suara, impian dan masa depan mereka harap yang mereka berharap kepada kita. Sidang ini menyaksikan perbezaan pandangan dan perbincangan yang matang namun kita tetap bersatu dalam matlamat memperjuangkan kesejahteraan rakyat. Setiap keputusan bukan angka semata-mata tetapi gambaran nasib dan kehidupan mereka yang mengharapkan perhatian kita.

Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan kerajaan negeri terutama sekali Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kejayaan membentangkan Belanjawan Negeri Pahang yang tertinggi dalam sejarah. Tanda keyakinan kita terhadap hala tuju pembangunan negeri kita. Terima kasih kepada semua Ahli - ahli Yang Berhormat yang atas komitmen perbahasan yang bertanggungjawab serta setiap pengorbanan yang tidak selalu terlihat. Penghargaan juga ditunjukkan kepada semua pengawal dan petugas yang mempastikan sidang berjalan lancar serta keluarga kita yang sentiasa memahami tuntutan tugas.

Walaupun sidang berakhir hari ini, tanggungjawab kita tidak pernah tamat. Kita akan terus bekerja dan berjuang demi sebuah negeri yang makmur, masyarakat yang bersatu dan masa depan yang lebih sejahtera. Saya mohon maaf atas tutur kata yang mungkin menyinggung perasaan semasa persidangan ini. Sebelum mengakhiri saya mengucapkan selamat Tahun Baru 2026. Sebaik, semoga membawa keberkatan dan semangat baru kepada kita semua. Redup senja. Saya nak berpantunlah pasal Yang Amat Berhormat selalu berpantun saya tak pernah berpantun. Ini satu sejarah ini.

Redup senja mengait megah,
Angin lalu menyentuh rasa,
Amanah rakyat kita junjung bersama,
Semoga negeri makmur sentiasa.

Ranting tualang teguh berdiri,
Ditiup angin lembut berlalu,
Tahun baru hadir memberi,
Membawa erti semoga berusaha diberkati Allah selalu.

Dengan ini, saya menangguhkan sidang Dewan Undangan Negeri Pahang. Terima kasih dan selamat pulang dengan penuh harapan dan azam baru. Sekian Wabillahi Taufiq wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan Dewan Negeri ditangguhkan]

DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my